

PENYATA RASMI
PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR

MESYUARAT KETIGA (BAJET 2014)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA
DEWAN NEGERI JOHOR KETIGA BELAS

Pada
7 NOVEMBER HINGGA 18 NOVEMBER 2013

Disediakan oleh
PEJABAT DEWAN NEGERI JOHOR DARUL TA'ZIM

Penyata Rasmi

PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR

MESYUARAT KETIGA
(BAJET 2014)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA
DEWAN NEGERI JOHOR KETIGA BELAS

Pada

7 NOVEMBER HINGGA 18 NOVEMBER 2013

Disediakan oleh

PEJABAT DEWAN NEGERI
JOHOR DARUL TA'ZIM

Perpustakaan
Dewan Negeri Johor

MESYUARAT KETIGA (BAJET 2014)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA
DEWAN NEGERI JOHOR KETIGA BELAS

KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
	HARI PERTAMA, KHAMIS, 7 NOVEMBER 2013	
1.	Kehadiran.	1
2.	Doa.	6
3.	Pemasyhuran Daripada Yang Berhormat Speaker Dewan Negeri Johor.	6
4.	Pembentangan Kertas-Kertas Mesyuarat	6
5.	Penangguhan.	41
	HARI KEDUA, ISNIN, 11 NOVEMBER 2013	
1.	Kehadiran.	42
2.	Doa.	47
3.	Pemasyhuran Daripada Yang Berhormat Speaker Dewan Negeri Johor.	47
4.	Soalan-Soalan Lisan dan Jawapan.	48
4.	Perbahasan Atas Rundingan Bacaan Kali Yang Kedua Bagi Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2014) Tahun 2013.	63
5.	Penangguhan.	125

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
	HARI KETIGA, SELASA, 12 NOVEMBER 2013	
1.	Kehadiran.	126
2.	Doa.	131
3.	Soalan-Soalan Lisan dan Jawapan.	131
4.	Sambungan Perbahasan Atas Rundingan Bacaan Kali Yang Kedua Bagi Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2014) Tahun 2013.	148
5.	Penangguhan.	205
	HARI KEEMPAT, RABU, 13 NOVEMBER 2013	
1.	Kehadiran.	206
2.	Doa.	211
3.	Pemasyhuran Daripada Yang Berhormat Speaker Dewan Negeri Johor.	211
4.	Soalan-Soalan Lisan dan Jawapan.	213
5.	Sambungan Perbahasan Atas Rundingan Bacaan Kali Yang Kedua Bagi Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2014) Tahun 2013.	226
6.	Penangguhan.	270

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
	HARI KELIMA, KHAMIS, 14 NOVEMBER 2013	
1.	Kehadiran.	271
2.	Doa.	276
3.	Sambungan Perbahasan Atas Rundingan Bacaan Kali Yang Kedua Bagi Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2014) Tahun 2013.	276
5.	Penangguhan.	349
	HARI KEENAM, ISNIN, 18 NOVEMBER 2013	
1.	Kehadiran.	350
2.	Doa.	355
3.	Soalan-Soalan Bertulis dan Jawapan.	355
4.	Sambungan Perbahasan Atas Rundingan Bacaan Kali Yang Kedua Bagi Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2014) Tahun 2013.	355
5.	Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Negeri Johor Tahun 2014.	376
6.	Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan Tambahan (2013) (No.2) Tahun 2013.	381
7.	Peranggaran Tambahan Pembangunan Kedua Tahun 2013.	390
8.	Rang Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003.	392
9.	Rang Undang-Undang Enakmen Perbadanan Islam Johor (Pindaan) 2013.	395
10.	Rundingan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan.	398
11.	Penangguhan.	400
12.	Pegawai-Pegawai Bertugas.	401

HARI PERTAMA
KHAMIS, 7 NOVEMBER 2013

PENYATA RASMI

MESYUARAT KETIGA (BAJET 2014)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-13

HARI PERTAMA	KHAMIS, 7 NOVEMBER 2013	BIL. 3 TAHUN 13

HADIR

Y.B. Speaker,
Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN., PPN.

Y.A.B. Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan Perancangan Negeri, Johor.
Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, SPMJ., DSPN., SMJ., PIS.
(Permas)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri, Johor.
Puan Hajah Asiah binti Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan Negeri, Johor.
Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Negeri, Johor.
Datuk Ir. Haji Hasni bin Haji Mohamad, PGDK., KMN., PIS., AMN.
(Benut)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia Negeri, Johor.
Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN.
(Kahang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Tuan Haji Abd. Mutalip bin Abd. Rahim
(Layang-Layang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri, Johor.
Datuk Abd. Latif bin Bandi, DPSM, PSM.
(Endau)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor
Tuan Haji Ismail bin Mohamed
(Bukit Serampang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan
dan Warisan Negeri, Johor.
Datuk Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK.
(Sri Medan)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri, Johor
Datuk Haji Ayub bin Rahmat, DPSM., PPN.
(Kemelah)

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

Y.B. Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

Y.B. Encik M. Asojan a/l Muniyandy, AMN.
(Gambir)

Y.B. Encik Lau Chin Hoon
(Pemanis)

Y.B. Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba, DMSM.
(Pasir Raja)

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor.
(Penawar)

Y.B. Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh, PJN.
(Jorak)

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain
(Sedili)

Y.B. Datuk Haji Adam bin Sumiru, DPSM., KMN., AMN., PIS
(Tanjung Puteri)

Y.B. Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim
(Tenang)

Y.B. Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar, PIS.
(Machap)

Y.B. Encik Mohd. Ismail bin Roslan, PPN.
(Semerah)

Y.B. Encik Teoh Yap Kun
(Paloh)

Y.B. Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman, DSNS.
(Tanjung Surat)

Y.B. Puan Zaiton binti Ismail, PIS., PPN.
(Sungai Balang)

Y.B. Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy
(Tenggaroh)

Y.B. Tuan Haji A. Aziz bin Ismail, PIS.
(Senggarang)

Y.B. Dr. Zaini bin Abu Bakar
(Nusajaya)

Y.B. Puan Norshida binti Ibrahim
(Buloh Kasap)

Y.B. Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat
(Serom)

Y.B. Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Suib, DIMP., AMN., KMN., JMN.
(Bukit Naning)

Y.B. Tuan Haji Suhaimi bin Salleh
(Kukup)

Y.B. Encik Ali Mazat bin Salleh
(Bukit Permai)

Y.B. Datin Azizah binti Zakaria, PIS., PPN., AMN., KMN.
(Parit Raja)

Y.B. Datuk Tengku Putera Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat
(Kempas)

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau
(Skudai)

Y.B. Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan
(Parit Yaani)

Y.B. Encik Tan Chen Choon
(Jementah)

Y.B. Encik Abdullah bin Husin
(Puteri Wangsa)

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh
(Sungai Abong)

Y.B. Dr. Haji Mohamad bin Taslim
(Maharani)

Y.B. Encik Jimmy Puah Wee Tse
(Bukit Batu)

Y.B. Puan Gan Peck Cheng
(Penggaram)

Y.B. Encik Tan Hong Pin
(Mengkibol)

Y.B. Puan Chew Peck Choo
(Yong Peng)

Y.B. Encik Chen Kah Eng
(Stulang)

Y.B. Encik Lim Eng Guan
(Bekok)

Y.B. Encik Ee Chin Li
(Tangkak)

Y.B. Encik Chua Wee Beng
(Bentayan)

Y.B. Encik Yeo Tung Siong
(Pekan Nenas)

Y.B. Cik Liow Cai Tung
(Johor Jaya)

Y.B. Cik Wong Shu Qi
(Senai)

Y.B. Encik Cheo Yee How
(Pengkalan Rinting)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

Y.B. Setiausaha Kerajaan Johor.
Dato' Haji Obet bin Tawil, DPMJ., PLP., PIS.

Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.
Datuk Abdul Rahman Putra bin Dato' Haji Taha, DMSM., DSM.

Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Johor.
Tuan Haji Marsan bin Kassim, SMJ., PIS.

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.

Y.B. Datuk Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Penolong Jurutulis membaca doa).

Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT DATUK SPEAKER.

Y.B. Datuk Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahirrahmannirrahim. Alhamdulillahirabbilalamin. (Berselawat). Salam sejahtera, selamat pagi.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, pada pagi ini kita akan menyambung Mesyuarat Ketiga Penggal Persidangan Pertama Dewan Negeri Johor Yang Ketiga Belas. Pada sesi ini juga kita akan mendengar ucapan sulung Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang akan membentangkan Bajet Negeri Johor Tahun 2014 selepas Pilihan Raya Umum Ketiga Belas. Persidangan ini akan mengambil masa selama enam hari mulai hari ini sehingga 18 November 2013.

Sehubungan dengan itu, saya mengucapkan selamat bersidang kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat dan semoga Ahli-Ahli Yang Berhormat dapat memberikan buah fikiran yang bernas semasa perbahasan dan memastikan Persidangan ini dapat dijalankan dengan lancar dan teratur.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, dukacita juga dimaklumkan bahawa Yang Berhormat Encik Ng Lam Hua yang telah berkhidmat sebagai Ahli Dewan Negeri Kawasan Mengkibol mulai 8 Mac 2008 hingga 2 April 2013 telah meninggal dunia pada 29 September 2013. Oleh yang demikian, Dewan ini merakamkan takziah kepada balu dan keluarga mendiang dan marilah kita berdiri dan bertafakur sebagai penghormatan terhadap khidmat mendiang semasa menjadi Ahli Dewan Negeri Johor. Terima kasih.

Jurutulis : PEMBENTANGAN KERTAS-KERTAS MESYUARAT.

Y.A.B. Menteri Besar : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 8 hingga 13 Tahun 2013.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 14 hingga 23 Tahun 2013.

Y.B. Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 24 tahun 2013.

Y.B. Datuk Haji Maulizan bin Bujang (Tiram) : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 25 Tahun 2013.

Y.A.B. Menteri Besar : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membawa rundingan menurut Peraturan Tetap 15(3), supaya Rang Undang-Undang Enakmen

Perbekalan (2014) Tahun 2013 dikemukakan sekarang tanpa mengikut Susunan Perkara-Perkara Mesyuarat.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Datuk Speaker : Rundingan di hadapan Dewan ini adalah supaya Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2014) Tahun 2013 dikemukakan sekarang. Ahli-Ahli Yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Rundingan itu dipersetujukan.

Y.A.B. Menteri Besar : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Perbekalan (2014) Tahun 2013 dibaca kali yang pertama.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Datuk Speaker : Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang pertama.

Jurutulis : Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan tahun 2014 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

Y.B. Datuk Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, bagi membolehkan sekalian dif-dif masuk ke Dewan ini untuk mengikuti Ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar mengenai Bajet Negeri Johor 2014, maka saya tangguhkan Persidangan ini selama 15 minit.

Persidangan ditangguhkan pada jam 9:40 pagi.

Persidangan disambung semula pada jam 9:55 pagi.

Y.B. Datuk Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan disambung semula.

Y.A.B. Menteri Besar : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh dan salam 1Malaysia. Yang Berhormat Datuk Speaker, bagi memberkati Dewan yang mulia pada pagi ini, izinkan saya mulakan pembentangan Bajet Negeri 2014 dengan lafaz Bismillahirrahmannirrahim sambil menjunjung tinggi kalimah suci ayat al-Quran yang dipetik dari surah al-Maidah ayat 8, mahfumnya : "*Wahai orang-orang Beriman, hendaklah kamu menjadi orang-orang yang selalu menegakkan kebenaran kerana Allah, menjadi saksi dengan adil. Dan janganlah sesekali kebencianmu terhadap sesuatu kaum, mendorong kamu untuk tidak berlaku adil. Berlaku adillah kerana adil itu lebih dekat kepada taqwa. Dan bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha mengetahui apa yang kamu kerjakan.*" Semoga kita semua mendapat petunjuk dan terungkaplah hendaknya keadilan dan kesaksamaan Bajet Negeri 2014 ini nanti, Insya-Allah.

Pertamanya, marilah kita memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya jua, dapat saya membentangkan Ucapan Bajet Negeri Johor tahun 2014 di Dewan yang mulia ini. Saya juga turut ingin memanjangkan rasa syukur kerana ini merupakan ucapan sulung Bajet Negeri yang telah diamanahkan di bahu saya untuk meneruskan kesinambungan rekod kecemerlangan dan mempertingkatkan lagi kejayaan serta kemakmuran demi rakyat Negeri Johor Darul Ta'zim.

Di luar Kota Iskandar sana, tiada siapa yang boleh menafikan kerancakan pembangunan menyeluruh dan kepesatan ekonomi Negeri Johor. Ia terlihat dari segi pelaburan luar, pembangunan prasarana, kehidupan rakyat yang aman sejahtera serta pengagihan ekonomi yang memakmurkan. Johor berjaya meneruskan kesinambungan pembangunan ini kerana mandat rakyat yang meyakini keupayaan Barisan Nasional dalam memerintah. Insya-Allah, saya berazam memastikan mandat tersebut diterjemahkan melalui pentadbiran yang telus, adil dan berwibawa.

Pentadbiran Negeri Johor juga menzahirkan penghargaan yang tidak terhingga kepada Kerajaan Persekutuan di atas segala bentuk sokongan, kerjasama dan bantuan yang diberikan selama ini. Tanpa tangan yang dihulurkan oleh Kerajaan Persekutuan, mana mungkin segala pembangunan yang telah, sedang dan akan dirancang dapat diterjemahkan dengan baik. Kerjasama erat Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan adalah contoh amalan muafakat yang saling mendukung dan saling membantu.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pada hemah saya, cerita kejayaan Negeri Johor ini tidak hanya dek kerana hasil buminya sahaja, tetapi dijulang dan didukung oleh sistem nilai muafakat antara rakyat berbilang kaum yang bersedia menerima kepelbagaian sebagai satu sumber kekuatan bagi mencorak dan mewarnai kejayaan negeri pada hari ini. Sepanjang lipatan sejarah, negeri ini telah menyaksikan sumbangan dari semua pihak tanpa mengenal erti perbezaan ras, kepercayaan, status mahu pun warna kulit. Inilah sebenarnya makna sebuah muafakat, di mana setiap anak Johor itu sanggup berkorban, berlebih kurang dan berkompromi antara satu sama lain.

Di atas segalanya, saya percaya, bertitik-tolak dari asas muafakat inilah, ramai anak Johor sanggup berkorban untuk watannya. Mereka sanggup bekerja keras, sanggup mengambil risiko serta membelakangi kepentingan peribadi demi mendambakan sebuah negeri yang lebih baik dari hari semalam. Pendek kata, kejayaan hari ini adalah kejayaan yang dibina hasil pengorbanan dan dedikasi semua anak watan Johor.

Maka atas keyakinan terhadap keistimewaan nilai muafakat ini, tema Bajet 2014 dinamakan sebagai Muafakat Pembangunan dan Pengagihan. Kerajaan Negeri yakin bahawa pembangunan dan pengagihan hasil mahsul negeri akan dapat dijayakan dengan berkeadilan dan berkesaksamaan jika ia disandarkan pada muafakat jua. Suka saya mengingatkan bahawa perubahan dan pembaharuan yang dibawa oleh Kerajaan selama ini, umumnya bersandarkan pada konsep rundingan dan konsep kemajmukan. Kedua-dua konsep ini penting untuk difahami kerana era Kerajaan mengetahui segala-galanya dan memiliki monopoli kebijaksanaan sudah berakhir. Kerajaan yang moden dan berwibawa adalah Kerajaan yang inklusif dan mengambil kira penglibatan semua pihak demi membangunkan Negeri Johor yang dicintai.

Menginsafi peri pentingnya nilai inklusif ini, Kerajaan Negeri telah menjalankan kajian Suara Hati Johor pada 17 Jun 2013 sehingga 24 Julai 2013. Kajian Suara Hati ini adalah inisiatif Kerajaan Negeri bagi mendapatkan maklum balas tentang segala permasalahan rakyat di sepuluh daerah di Negeri Johor. Dapatan kajian ini telah mengenal pasti beberapa permasalahan utama rakyat yang memerlukan tindakan dan perhatian serius Kerajaan Negeri. Antaranya ialah kecukupan dan kos perumahan, kebimbangan terhadap insiden jenayah dan tahap keselamatan, akses kepada kemudahan dan perkhidmatan kesihatan bermutu serta pembangunan infrastruktur yang baik. Dapatan kajian juga menunjukkan yang rakyat amat prihatin tentang pengagihan ekonomi yang adil, peningkatan kos sara hidup, pentingnya dasar menyokong aktiviti keusahawanan serta kepentingan meningkatkan kesejahteraan secara menyeluruh. Rakyat juga mengharapkan Johor yang lebih teguh beragama dan Islami.

Justeru Kerajaan Negeri mengambil tanggungjawab dan sedang merangka satu pelan tindakan yang dinamakan Pelan Suara Hati Johor bagi memandu arah dan menggariskan pendekatan relevan untuk menangani permasalahan yang telah diutarakan oleh rakyat. Pelan ini akan digubal berlandaskan pendekatan Muafakat Pembangunan dan Pengagihan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Negeri Johor merupakan pusat pertumbuhan ekonomi yang penting di Wilayah Selatan. Di samping sumber alamnya, Johor mempunyai sumber-sumber ekonomi lain yang strategik dan bersifat istimewa. Ini adalah kerana kedudukan geografinya yang dikukuhkan pula dengan kedudukannya bersebelahan Singapura. Johor juga mempunyai demografi yang unik, kepelbagaian kaum di Johor adalah kekuatan yang penting kepada pertumbuhan pembangunannya. Khazanah warisan dan alam sekitar Negeri Johor pula jika dimanfaatkan secara berkesan akan mendatangkan manfaat besar kepada bangsa dan tanah air jua.

Justeru, saya berikrar untuk membawa Negeri Johor kepada satu pembangunan yang bersifat inklusif lagi bersepakat, pentadbiran yang mesra rakyat lagi telus, membentuk dasar-dasar ekonomi dan pembangunan yang berasaskan limpahan yang saksama serta pembangunan yang mengutamakan pencapaian. Seperkara yang amat penting yang perlu dijelaskan di Dewan yang mulia ini ialah pertumbuhan dan pengagihan pembangunan dalam negara kita sebenarnya adalah berasakan konsep dengan izin *growth with equity* dan bukannya *growth with equality*. Dalam bahasa mudahnya konsep pengagihan yang menjadi asas pembangunan kita ialah pembangunan berkeadilan dan saksama dan bukannya secara pengagihan sama rata.

Menyusuri sudut ini dalam konteks yang lebih luas semua kaum di Malaysia menikmati pencapaian yang berbeza-beza serta mempunyai masalah dan cabaran masing-masing. Maka tidak hairanlah cara dan pendekatan untuk mengatasi masalah itu pun berbeza-beza. Langkah pengukuhan untuk golongan bumiputera umpamanya diperuntukkan kerana keperluan untuk mewujudkan keadilan sosial dan bukan semata-mata kerana golongan bumiputera itu istimewa. Begitu juga inisiatif khas untuk golongan India oleh Kerajaan bukan bermakna kita membelakangkan mana-mana masyarakat lain tetapi kerana kita bertanggungjawab memastikan kaum India bersedia menghadapi persaingan dan cabaran hari muka. Pendekatan kesanggupan

berkorban, berlebih kurang dan bertoleransi ini semuanya adalah hasil muafakat semua kaum di Malaysia dan natijahnya ialah Malaysia yang sejahtera.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kelembapan ekonomi global pada masa kini telah memberi impak terhadap pencapaian ekonomi Malaysia bagi tahun 2013. Kemerosotan dagangan global mengakibatkan eksport negara mencatatkan penurunan yang ketara berikutan prestasi lembap bagi kebanyakan produk eksport. Namun begitu, dijangkakan ekonomi Malaysia mampu untuk mencapai pertumbuhan di antara 4.5% sehingga 5% bagi tahun 2013. Pertumbuhan ini adalah disokong oleh permintaan domestik yang terus kukuh dan dijangka meningkat sebanyak 7.3% pada suku kedua tahun ini.

Pertumbuhan ekonomi Malaysia pada 2014 pula dijangka lebih baik berbanding 2013 iaitu sekitar 5.1%. Ramalan ini disokong oleh peningkatan permintaan domestik yang berterusan dan prestasi eksport yang semakin pulih. Pengekalan kadar faedah 3% oleh Bank Negara dijangka akan turut menyokong pertumbuhan ekonomi melalui pelaburan swasta.

Kerajaan Negeri akan terus mempergiatkan usaha untuk memastikan pertumbuhan ekonomi negeri terus berkembang seperti mana lazimnya, meskipun berhadapan dengan persekitaran yang tidak menentu. Asas ekonomi yang kukuh yang berorientasikan hasil, ternyata membolehkan ekonomi negeri berada di landasan yang teguh dengan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) mencatat pertumbuhan memberangsangkan iaitu sebanyak 6.5% pada tahun 2012. Pertumbuhan ini telah didorong oleh sektor pembuatan yang telah berkembang sebanyak 6.1% pada tahun 2012. Manakala sektor perkhidmatan pula mencatatkan pertumbuhan sebanyak 6.7%, hasil keaktifan subsektor perkhidmatan bagi utiliti pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi.

Suka saya maklumkan bahawa pertumbuhan ekonomi negeri berada di kedudukan yang kukuh dan meyakinkan. Pada tahun ini, nilai pelaburan Johor sehingga Ogos 2013 mencatatkan penerimaan pelaburan industri tertinggi negara iaitu sebanyak RM8.8 bilion. Ini sekali gus jauh meninggalkan negeri-negeri lain. Melalui pelaburan tersebut, dianggarkan lebih daripada 12,000 peluang pekerjaan baru yang berkualiti dapat diwujudkan dan dijangka bertambah menjelang penghujung tahun ini. Bersandarkan kepada perkembangan positif ini, ekonomi negeri diunjurkan berkembang pada kadar 6.1% bagi tahun 2013 dan dengan ini mencerminkan kekukuhan asas ekonomi negeri di sebalik ketidaktentuan ekonomi global.

Mengukuhkan Strategi dan Prestasi Pelaburan.

Johor adalah sebuah negeri yang pertumbuhan ekonominya dipacu hebat oleh pelaburan domestik dan luar. Oleh itu, pentadbiran negeri akan sentiasa memperbaiki iklim pelaburan melalui pengenalan strategi-strategi baru yang lebih progresif. Sehingga Ogos 2013, jumlah keseluruhan pelaburan bagi sektor pembuatan tahun ini telah mencecah angka lebih kurang RM8.8 bilion iaitu peningkatan sebanyak RM3.3 bilion ataupun 40% berbanding keseluruhan tahun 2012. Suka saya maklumkan bahawa sektor pembuatan dijangka akan terus berdaya maju dan menyumbang secara signifikan kepada pertumbuhan ekonomi negeri.

Pelaburan langsung asing masih kekal sebagai penyumbang utama dengan nilai berjumlah RM6.6 bilion atau 75% dari jumlah keseluruhan. Manakala pelaburan domestik pula telah mencatatkan nilai pelaburan berjumlah RM2.2 bilion atau 25%. Bagi pelaburan langsung asing, Amerika Syarikat merupakan pelabur terbesar dengan jumlah pelaburan sebanyak RM2.7 bilion atau 31% dari jumlah keseluruhan. Ini diikuti oleh Belanda dengan jumlah pelaburan bernilai RM2.2 bilion iaitu 25% dan Singapura yang menyumbang pelaburan sebanyak RM1.1 bilion iaitu 13%.

Johor juga telah mengambil pendekatan yang selektif dalam usaha menarik kedatangan pelabur yang berkualiti. Ini perlu bagi memastikan kualiti pelaburan tersebut dapat mempertingkatkan kebolehsaingan Johor dalam jangka masa panjang. Oleh itu, Johor telah menyaksikan pelaburan dalam kategori Industri Elektronik dan Petroleum sebagai penyumbang utama. Sehingga Ogos 2013, industri elektronik telah menyumbang sebanyak RM3.5 bilion atau 40% dari jumlah pelaburan keseluruhan. Ini disusuli oleh industri berasaskan Petroleum dan Petro-kimia dengan nilai pelaburan sebanyak RM2.5 bilion atau 28%. Pelaburan yang selebihnya disumbangkan oleh pelaburan dalam industri pembuatan makanan dan barangan logam asas masing-masing dengan nilai RM1.4 bilion atau 15% dan RM290 juta atau sebanyak 3%.

Pencapaian pelaburan luar dan domestik yang memberangsangkan ini, turut di sumbang oleh peranan progresif yang telah dimainkan oleh Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar ataupun (IRDA). Iskandar Malaysia sesungguhnya adalah kawasan pertumbuhan yang komprehensif, terancang dan berdaya saing. Ini dibuktikan melalui jumlah komitmen pelaburan terkumpul sebanyak RM129 bilion dari tahun 2006 sehingga Oktober 2013. Daripada jumlah tersebut, 44% atau RM56.3 bilion telah pun direalisasikan. Pelaburan ini sesungguhnya telah menyumbang secara transformatif kepada kemajuan ekonomi Negeri Johor. Sehingga suku ketiga tahun 2013, Iskandar Malaysia telah berjaya menarik pelaburan berjumlah RM9.28 bilion bagi semua sektor.

Selain daripada itu, penekanan turut diberikan terhadap kemudahan infrastruktur melibatkan jaringan perhubungan dan pengangkutan yang baik serta sumber manusia yang terlatih. Iskandar Malaysia juga terletak di lokasi yang amat strategik, di kelilingi pelbagai institusi pengajian tinggi yang diharap boleh membantu dari segi penyelidikan dalam bidang yang berkaitan. Semua ini akan dapat merancakkan lagi ekonomi Negeri Johor.

Semua angka-angka ini membuktikan bahawa Johor mempunyai iklim dan prasarana pelaburan yang meyakinkan dan berdaya saing. Saya dan pentadbiran Kerajaan Negeri akan terus gigih berusaha untuk memastikan jumlah dan kualiti pelaburan dipertingkatkan secara lestari. Harapan Kerajaan Negeri ialah untuk menjadikan Negeri Johor sebagai destinasi pelaburan paling berjaya di Malaysia dan ia hanya akan dapat dilaksanakan dengan kerjasama erat Kerajaan Persekutuan, jabatan dan agensi kerajaan, pelabur-pelabur serta golongan pekerja berbakat dan berkemahiran tinggi.

Prestasi Pembangunan.

Datuk Speaker, Kerajaan Negeri akan terus bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan bagi melaksanakan projek-projek pembangunan Rancangan Malaysia

Lima Tahun. Dalam hubungan ini, Kerajaan Negeri akan memastikan projek-projek yang dirancang dan dilaksanakan oleh pelbagai agensi Persekutuan di Negeri Johor berjalan lancar khususnya projek-projek yang akan dimulakan pada tahun 2014. Di Negeri Johor, projek-projek infrastruktur utama seperti Projek Pembinaan Landasan Kereta api Berkembar Gemas ke Johor Bahru dan Projek Pembinaan Empangan Kahang, Kluang akan bermula fasa pembinaannya pada tahun hadapan. Kerajaan Negeri akan terus memastikan pemantauan akan dimantapkan lagi agar projek-projek yang dalam pembinaan seperti Projek Menaik taraf Lebuhraya Pasir Gudang (FT17) dari 4 lorong ke 6 lorong dan Projek Menaik taraf Jalan Muar-Tangkak-Segamat dilaksanakan dan disiapkan seperti mana dirancang.

Kerajaan akan terus berusaha untuk meningkatkan prestasi pencapaian pelaksanaan projek pembangunan bagi memastikan semua projek yang di dalam pelbagai peringkat pelaksanaan disiapkan mengikut jadual. Inisiatif lawatan turun padang dan penglibatan masyarakat dalam pelaksanaan projek-projek Kerajaan akan dipertingkatkan supaya masyarakat dapat merasai kemajuan dan pembangunan. Hasil daripada usaha-usaha yang telah dilaksanakan pada tahun ini, pencapaian prestasi pelaksanaan menunjukkan 129 projek atau 37% telah berjaya disiapkan. Manakala baki sebanyak 223 projek atau 63% masih dalam pelbagai peringkat pelaksanaan.

Agensi turut digesa untuk melaksanakan penilaian *outcome* ke atas projek-projek pembangunan yang dilaksanakan untuk menilai keberkesanan projek tersebut telah mencapai objektif serta memberi manfaat kepada golongan sasar dan orang ramai. Kerajaan terus bertekad untuk memastikan pelaksanaan projek pembangunan *Rolling Plan 4* (RP4) di bawah Rancangan Malaysia yang Ke-10 akan memberi impak yang besar selaras dengan usaha Kerajaan dalam menjana pendapatan ekonomi negara demi meningkatkan kesejahteraan dan kualiti hidup rakyat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Bajet 2014 menganggarkan kutipan hasil berjumlah RM1,064.59 juta, manakala Perbelanjaan Mengurus berjumlah RM1,062.57 juta. Oleh itu, lebihan bagi Bajet Mengurus tahun 2014 adalah sebanyak RM2.02 juta. Bajet 2014 juga menyediakan peruntukan pembangunan dengan anggaran berjumlah RM296.80 juta.

Dari segi kutipan hasil Kerajaan Negeri bagi tahun 2014, jumlahnya dianggarkan sebanyak RM1,064.59 juta berbanding anggaran tahun 2013, yang berjumlah RM908.66 juta. Daripada jumlah tersebut Hasil Cukai dianggarkan sebanyak RM398.46 juta. Hasil Bukan Cukai dianggarkan sebanyak RM478.36 juta. Dan Terimaan Bukan Hasil, RM187.77 juta. Di bawah Peruntukan Mengurus berjumlah RM1,062.57 juta, sejumlah RM403.44 juta adalah bagi Emolumen dan RM261.87 juta disediakan bagi Perkhidmatan dan Bekalan, manakala RM360.76 juta diperuntukkan kepada Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap. Sejumlah RM16.06 juta disediakan untuk Pembelian Aset dan RM20.44 juta untuk Perbelanjaan Lain.

4 STRATEGI UTAMA BAJET 2014.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Kerajaan Negeri sentiasa berlitizam untuk memastikan pengurusan ekonomi Negeri Johor terus dipacu dengan terancang dan hasil mahsul yang diperolehi diuruskan dengan berhemah demi memastikan matlamat utama Kerajaan untuk memberi kesejahteraan rakyat tercapai. Sesuai dengan tema Bajet

2014, Muafakat Pembangunan dan Pengagihan, Kerajaan Negeri menggariskan 4 strategi utama Bajet 2014. Iaitu:-

Strategi Pertama	:	Mencorak Ekonomi Yang Mampan
Strategi Kedua	:	Meningkatkan Kesejahteraan Rakyat
Strategi Ketiga	:	Memperkasa dan Merakyatkan Kerajaan
Strategi Keempat	:	Melahirkan Modal Insan yang berketerampilan

STRATEGI PERTAMA : MENCORAK EKONOMI YANG MAMPAN.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kelestarian pembangunan ekonomi Johor seperti yang saya pertegasan sebelum ini, amat bergantung terhadap pelaburan domestik dan pelaburan langsung asing. Cabaran utama pentadbiran Kerajaan Negeri ialah mencari keseimbangan antara memastikan Johor terus berdaya saing dalam menarik pelaburan dan pada waktu yang sama berupaya menarik pelaburan yang berkualiti dan berasaskan teknologi termaju.

Pendekatan kita mestilah bersandarkan strategi yang inovatif dan dalam keadaan tertentu perlu lebih selektif. Empat tumpuan utama telah pun dikenal pasti:-

1. Pelaburan tersebut harus berupaya memberikan nilai tambah terhadap kepelbagaian ekonomi Johor.

2. Ia mesti menyumbang kepada peningkatan peluang pekerjaan yang bermutu dan dapat mempertingkatkan kemahiran pekerja tempatan.

3. Ia haruslah mesra alam sekitar dan mendukung konsep pembangunan lestari.

Penekanan akan diberikan kepada pelaburan berteraskan teknologi terkini yang akhirnya diharap akan membantu syarikat-syarikat tempatan mendapat manfaat melalui pemindahan teknologi. Pelaburan-pelaburan tersebut mestilah mampu mempertingkat amalan terbaik dalam pasaran buruh seperti kadar upah dan hak pekerja yang sesuai dengan piawaian antarabangsa.

Maka bagi mencorakkan ekonomi negeri yang mampan, fokus-fokus seperti menyelaras aktiviti pelaburan, perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan di kawasan industri, penyediaan infrastruktur jalur lebar berkelajuan tinggi, menerokai industri baru berimpak tinggi, merancakkan industri pelancongan, membangunkan industri minyak dan gas serta industri bioteknologi, pembangunan pertanian dan tanah terbiar dan memperkasakan keusahawanan akan diberi perhatian sewajarnya.

Fokus Menyelaras dan Memudahkan Aktiviti Pelaburan Di Negeri Johor.

Bagi memastikan Johor terus menjadi destinasi pelaburan yang berdaya saing maka beberapa pembaharuan adalah dicadangkan. Pada waktu ini, terdapat beberapa jabatan dan agensi kerajaan yang bertanggungjawab dalam hal ehwal pelaburan. Ini menyebabkan kurangnya penyelarasan dan akhirnya menyukarkan keputusan berhubung kelulusan permohonan pelaburan di samping menimbulkan masalah dalam pemantauan.

Bagi mengatasi masalah ini, Kerajaan Negeri telah menubuhkan Jawatankuasa Pelaburan Johor (JIC). JIC bertindak menyelaras keputusan berhubung permohonan pelaburan selain melaksanakan inisiatif menarik pelaburan dari kluster yang berpotensi dan berimpak tinggi, yang mampu menyumbang kepada kesejahteraan ekonomi rakyat Johor. Jawatankuasa yang akan dianggotai oleh beberapa agensi utama ini menjadi pusat penyelarasan kemasukan pelaburan baru serta bakal menyediakan platform untuk perkongsian maklumat dan data-data pelaburan dengan pelbagai pemegang taruh.

Fokus Meningkatkan Perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan di Kawasan Industri.

Pembangunan di kawasan-kawasan industri ternyata mempunyai cabarannya tersendiri. Banyak masalah yang dihadapi oleh pelabur adalah berkaitan dengan kualiti perkhidmatan yang diberikan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Oleh yang demikian, pentadbiran Kerajaan Negeri akan memberikan perhatian yang sewajarnya untuk meningkatkan mutu perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan. Ia dijangka mampu memberi impak bukan sahaja kepada pertumbuhan ekonomi bahkan memberikan perkhidmatan bermutu kepada rakyat. Pada masa yang sama, pertumbuhan kawasan industri juga akan menjadi sumber pendapatan tambahan kepada Pihak Berkuasa Tempatan.

Fokus Penyediaan Infrastruktur Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi.

Usaha memastikan ekonomi Negeri Johor terus tumbuh dan membangun dengan mampan memerlukan Kerajaan melabur dalam penyediaan prasarana yang baik. Bagi membangunkan Johor yang ekonominya berteraskan teknologi tinggi dan maju, maka prasarana jalur lebar berkelajuan tinggi adalah suatu keperluan. Pendekatan pengurusan perniagaan yang berteraskan elektronik telah menjadi suatu kelaziman. Kerjasama erat antara Kerajaan Negeri, pelabur dan pihak penyedia rangkaian telekomunikasi adalah amat penting bagi membolehkan seluruh Johor mempunyai jaringan jalur lebar yang pantas dan mampu mendukung kepentingan pelabur serta masyarakat.

Bagi Wilayah Iskandar sebanyak RM32 juta telah diperuntukkan oleh pihak Telekom Malaysia Berhad bagi menaik taraf mutu perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi. Manakala bagi kawasan Pengerang, dianggarkan pelaburan sebanyak RM10 juta bagi menyediakan prasarana jalur lebar untuk menyokong pembangunan sektor minyak dan gas di sana. Lebih dari itu, Kerajaan Negeri juga sedang merancang memperluaskan perkhidmatan tersebut ke seluruh daerah di Negeri Johor.

Fokus Menerokai Industri Baru Berimpak Tinggi.

Kerajaan menyedari bahawa transformasi ekonomi Malaysia ke arah ekonomi yang berpendapatan tinggi dan berteraskan inovasi wajar menjadi landasan perancangan ekonomi Johor di masa akan datang. Tanpa mengetepikan fungsi ekonomi tradisional seperti perlombongan dan pertanian, sumber pertumbuhan baru harus dikenal pasti. Bidang keberhasilan baru berteraskan produk halal berkonsepkan teknologi hijau dan berintensifkan modal adalah amat relevan. Begitu juga potensi besar dalam sektor kreatif seperti industri perfileman, animasi dan multimedia. Adalah diharapkan agar

Pelan Pertumbuhan Strategik Johor yang sedang dirangka untuk melonjakkan pertumbuhan ekonomi Johor akan dapat menggariskan strategi-strategi khusus bagi membolehkan Johor melakukan anjakan yang perlu ke arah ekonomi berasaskan inovasi dan kreativiti.

Fokus Pembangunan Industri Minyak dan Gas.

Kesinambungan pembangunan industri minyak dan gas di Johor akan diteruskan dengan memberi tumpuan kepada kemampanan ekonomi Negeri Johor, kesejahteraan rakyat dan keperluan-keperluan pelabur. Fokus akan diberikan di 3 kawasan utama iaitu di kawasan Tanjung Bin, Tanjung Langsat dan Pengerang. Sejajar dengan visi untuk mentransformasikan Negeri Johor menjadi hab industri minyak dan gas hiliran bertaraf dunia.

Bagi merealisasikan visi ini, Kerajaan Negeri telah membelanjakan pelaburan sebanyak RM440 juta pada tahun 2013 untuk pembinaan kawasan perumahan tersusun bagi menempatkan penduduk yang terlibat dengan pembangunan di Pengerang. Penempatan semula ini mengambil kira kepentingan rakyat dengan mewujudkan segala prasarana yang lengkap di suatu kawasan yang bersepadu dan selesa. Dengan pelaburan ini dijangkakan pada tahun 2014, Kerajaan Negeri akan mendapat pulangan dari segi kutipan cukai pintu dan cukai tanah.

Untuk memastikan Kerajaan Negeri akan terus menikmati pulangan yang maksimum dan kesejahteraan rakyat akan terus terpelihara, 11 buah projek dijangka akan dilaksanakan di Pengerang pada tahun 2014, yang melibatkan belanjawan sebanyak RM559 juta daripada Kerajaan. Projek-projek tersebut ialah projek pembinaan sekolah rendah dan sekolah menengah, Tadika KEMAS, balai Polis, jalan raya baru, kompleks nelayan bersepadu, 2 buah balai bomba dan projek perumahan rakyat.

Setiap pembangunan industri minyak dan gas di Johor akan sentiasa memastikan pemeliharaan alam sekitar. Sejajar dengan itu, semua projek-projek yang akan dijalankan perlulah terlebih dahulu memperolehi kelulusan daripada Jabatan Alam Sekitar. Ini terbukti apabila *Projek Pengerang Independent Deep Water Terminal* yang dilaksanakan oleh Syarikat DIALOG dan Projek Pembangunan Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia (RAPID), yang dilaksanakan oleh Petronas telah pun mendapat kelulusan penilaian kesan alam sekitar terperinci dengan dikenakan beberapa syarat-syarat yang mesti dipatuhi. Kerajaan akan sentiasa memantau pematuhan kepada syarat-syarat tersebut bagi memastikan kesejahteraan rakyat sentiasa terpelihara.

Bagi memastikan keselamatan penduduk yang berterusan, kerajaan juga telah merancang untuk mewujudkan kompleks keselamatan bersepadu, yang akan menempatkan agensi-agensi keselamatan seperti Polis, Agensi Penguatkuasaan MARITIM Malaysia, Kastam dan Imigresen. Pihak pelabur juga akan mempunyai kemudahan keselamatan mereka sendiri yang mana ia akan turut menyokong Kompleks Keselamatan Bersepadu melalui pewujudan Jawatankuasa Keselamatan Kawasan Perindustrian yang mempunyai hubungan terus dengan Majlis Keselamatan Negara.

Hasil daripada pembangunan industri minyak dan gas di Pengerang juga akan memberi impak secara tidak langsung kepada kawasan persekitaran, di mana agensi-

agensi Kerajaan dan syarikat-syarikat swasta juga turut merancang dan membangunkan penempatan baru dan sektor komersial. Pihak Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA) juga sedang melaksanakan Kajian Penilaian Impak Sosial bagi Bandar Penawar. Jalan yang menyambungkan Kota Tinggi ke Bandar Penawar juga dicadang untuk dinaik taraf bagi memudahkan serta memberi keselesaan kepada pengguna jalan raya selain menjadi lingkaran utama bagi pembangunan di Pengerang supaya pembangunan di Bandar Kota Tinggi dapat menjadi sokongan dan pelengkap kepada pembangunan minyak dan gas di Pengerang.

Fokus Pembangunan Sektor Bioteknologi.

Selain industri minyak dan gas, sektor industri bioteknologi juga amat besar potensinya dalam mempelbagaikan sumber ekonomi Johor. Bagi menjayakan hasrat ini, satu hab pengeluaran makanan organik yang dinamakan Bio Desaru sedang dibangunkan di Kota Tinggi oleh Perbadanan Bioteknologi dan Biodiversiti Negeri Johor (J-Biotech Corp). Ia melibatkan kawasan seluas 9,000 ekar dan meliputi projek berkaitan agro-pertanian, ternakan, akuakultur, bio pelancongan dan bio keselamatan. Sehingga kini, projek ini telah menarik 19 pelaburan dari dalam dan luar negara. Serta melibatkan pelaburan sebanyak RM2 bilion.

Pihak JBiotech Corp juga sedang melaksanakan kajian kebolehlaksanaan pembangunan projek produk bio-kimia halus dan khusus seperti perasa, pewangi, ramuan dan pewarna di Bio-Desaru. Jika sesuai, ia mampu menjana pembangunan sosio-ekonomi setempat dan meletakkan Johor di peta industri bio-kimia terutamanya untuk industri pewangi.

Di samping itu, bagi mempergiatkan pelaburan, JBiotech Corp telah menubuhkan bahagian Pemudah cara Pelaburan yang bertindak sebagai unit penyelarasan bagi semua agensi seperti Biotech Corp, IRDA, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Multimedia Development Corporation (Mdec) dan Malaysia Technology Development Corporation (MTDC). Langkah ini akan membantu kemasukan pelabur dalam dan luar bagi bidang bio-pertanian, bio-perubatan dan bio-industri.

Fokus Merancak Industri Pelancongan.

Kerajaan Negeri berhasrat menjadikan sektor pelancongan sebagai sumber pertumbuhan ekonomi yang penting kerana Johor mempunyai produk pelancongan yang unik, bermutu dan mempunyai kelainan. Taman Negara Endau Rompin dan Taman Negara Gunung Ledang adalah khazanah alam yang luar biasa keindahannya. Begitu juga Taman Laut Sultan Iskandar, yang menyajikan keindahan alam laut yang sukar tergambar pesonanya.

Menjadikan Johor sebagai destinasi pelancongan yang menarik memerlukan pelaburan bagi meningkatkan kemudahan prasarana dan kemudahan asas. Melalui inisiatif Wilayah Pembangunan Ekonomi Pantai Timur (ECERDC), kemudahan-kemudahan sokongan seperti menaik taraf laluan pejalan kaki, jambatan, sistem pengurusan sisa pepejal dan jeti di 4 kepulauan pelancongan di Mersing akan dilakukan secara berfasa bermula tahun hadapan, dengan peruntukan sebanyak RM20 juta sehingga tahun 2016.

Johor juga mempunyai beberapa kawasan paya bakau yang diiktiraf sebagai tapak *Convention on Wetlands of International Importance* atau RAMSAR yang boleh dikomersialkan dan dijadikan tarikan pelancong bertaraf antarabangsa. Oleh itu, pihak Taman Negara dengan kerjasama IRDA akan menaik taraf Pusat Penyelidikan RAMSAR dan kemudahan infra di Pulau Kukup bagi keselesaan pengguna dan pelancong. Kewujudan Legoland Malaysia, Taman Tema Puteri Harbour, Johor Premium Outlet serta pelbagai lagi produk pelancongan pasti mampu menjadikan Johor destinasi pilihan bagi pelancong dalam dan luar negara.

Justeru, Pelan Induk Pelancongan Negeri Johor akan menjadi teras bagi merancakkan industri pelancongan negeri. Pelan ini antara lain mensasarkan peningkatan kedatangan pelancong berkualiti serta penganjuran pelbagai aktiviti dan program bertaraf antarabangsa seperti Festival Layang-Layang Antarabangsa Pasir Gudang, Iskandar Johor Open, JB Art Festival dan Sale Malaysia Rally.

Kerajaan juga menyedari penganjuran sukan lasak semakin mendapat perhatian pelancong dalam dan luar. Oleh itu, penganjuran sukan lasak peringkat domestik dan antarabangsa seperti Malaysian Rally, Nusajaya International Triathlon Challenge dan Desaru Monsoon Mayhem akan disasarkan menjadi produk pelancongan utama Negeri Johor.

Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sebanyak RM4.5 juta bagi tujuan merancakkan sektor pelancongan Johor dan untuk menjayakan program-program bersempena Tahun Melawat Malaysia 2014.

Fokus Pembangunan Aktiviti Pertanian.

Di sebalik kerancakan sektor perindustrian dan perkhidmatan dalam kepesatan ekonomi negeri, sektor pertanian terus menjadi penyumbang penting. Negeri Johor telah menyumbang hampir 14% daripada jumlah pengeluaran sektor pertanian negara. Beberapa usaha diambil oleh Kerajaan, antaranya melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) bagi membantu golongan petani di dalam memasar dan meningkatkan hasil jualan mereka.

Pada tahun 2014, pihak FAMA akan menambah 6 buah pasar tani di seluruh Negeri Johor daripada jumlah 55 pada tahun 2013 yang akan beroperasi pada setiap hari mengikut lokasi. Selain itu, untuk memastikan sektor pertanian terus berkembang dan berperanan penting dalam kerangka pembangunan ekonomi Johor beberapa langkah bakal dilaksanakan pada tahun 2014, di antaranya :

i. Pembangunan Tanah Terbiar.

Selari dengan Pelan Transformasi Luar Bandar dan menggalakkan sektor pertanian, Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah RM1 juta bagi tahun 2014 untuk membangunkan kawasan tanah terbiar yang berstatus berhak milik dan tanah Kerajaan. Ianya akan dibangunkan mengikut kesesuaian sama ada untuk aktiviti asas tani seperti tanaman, ternakan atau akuakultur. Pada masa ini terdapat kira-kira 2,880 hektar tanah terbiar di Negeri Johor yang telah dikenal pasti untuk dimajukan di bawah rancangan ini.

ii. Penjenamaan Semula Program Industri Asas Tani - Program Galakan Usahawan.

Proses pemodenan sektor pertanian akan lebih efektif jika ia disokong oleh pembangunan Industri Kecil dan Sederhana yang berasaskan pertanian. Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana jika dilaksanakan dengan jayanya, akan berupaya mempelbagaikan pendapatan golongan petani, lanya juga mampu menjadikan bidang pertanian lebih menarik untuk diceburi oleh golongan muda. Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah RM1 juta setiap tahun kepada Urusetia Program Galakan Usahawan, Jabatan Pertanian Johor bagi tujuan ini. Program ini diharapkan dapat memberi manfaat kepada 300 orang pengusaha Industri Kecil dan Sederhana yang berasaskan pertanian melalui penyaluran geran bagi tujuan perolehan peralatan, pembungkusan dan pemasaran. Bagi menjayakan keseluruhan Program Pembangunan Pertanian dan Kemudahan Asas Tani, Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah RM42.41 juta bagi tujuan tersebut.

Fokus Memperkasakan Keusahawanan.

Tiada siapa dapat menafikan bahawa perkembangan pesat ekonomi Malaysia selama 3 dekad lepas ialah kerana peranan yang dimainkan oleh golongan usahawan yang berdaya saing. Oleh itu, usaha memastikan perkembangan ekonomi yang mampan, memberi ruang seluasnya kepada para usahawan untuk menyumbang. Dalam hal ini, beberapa pendekatan penting telah dikenal pasti dan antaranya ialah :

i. Mempergiat Peranan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

Pembangunan ekonomi Johor bukan bergantung semata-mata dengan pelaburan langsung asing dan domestik dalam industri besar dan berteknologi tinggi. Kelangsungan pertumbuhan ekonomi negeri sesungguhnya amat memerlukan perusahaan kecil dan sederhana dipergiatkan. Menyedari peranan sektor PKS dalam pembangunan ekonomi Negeri Johor, pada tahun 2014 Kerajaan Negeri akan memperuntukkan RM1.5 juta bagi melaksanakan beberapa program bagi memperkukuhkan peranan PKS.

ii. Melahirkan Usahawan Golongan Belia Negeri Johor.

Bidang keusahawanan dan penglibatan belia adalah penting untuk memastikan ekonomi Malaysia terus kompetitif dalam perubahan pantas ekonomi global. Usaha melahirkan usahawan dari kalangan graduan dan profesional mesti dipertingkatkan. Melalui bantuan dan sokongan Kerajaan Negeri adalah diharapkan agar lebih ramai lagi golongan belia dapat dilibatkan melalui program-program keusahawanan yang telah dirancang. Program Perintis Muda Johor dan Program Pembudayaan Keusahawanan yang mensasarkan pelajar sekolah dan golongan belia lepasan Universiti adalah contoh program yang telah dirancang dengan kerjasama agensi Kerajaan Persekutuan.

iii. Pemberian Geran Promosi Kepada Usahawan.

Usaha Kerajaan Negeri membantu para usahawan mempromosikan produk pengeluaran mereka adalah penting untuk mempergiatkan lagi penglibatan PKS dalam sektor ekonomi Negeri Johor. Penganjuran pameran Satu Daerah Satu Industri peringkat Negeri Johor buat julung kalinya pada tahun ini adalah inisiatif Kerajaan bagi merealisasikan hasrat tersebut. Inisiatif ini akan dijadikan acara tahunan Kerajaan Negeri. Penyertaan usahawan Johor dalam ekspo di seluruh negara termasuklah penglibatan di Malaysia International Halal Showcase, Halal Fiesta Malaysia dan sebagainya akan dipergiatkan bagi membantu usahawan menembusi pasaran yang lebih luas. Lima program promosi telah dirancang sepanjang tahun 2014 untuk membantu lebih ramai lagi usahawan Negeri Johor memperkenalkan produk dan perkhidmatan mereka.

iv. Pembangunan Produk dan Jenama.

Salah satu kelemahan ketara di kalangan usahawan PKS kita adalah dari aspek pembangunan produk dan jenama. Sepanjang tahun 2013, sebanyak 100 usahawan telah dibantu dalam mempertingkatkan mutu pembungkusan dan pelabelan melalui pemberian geran-geran yang diberi oleh Kerajaan Negeri. Usaha ini akan diteruskan bagi tahun 2014 dengan sasaran membantu usahawan tempatan menembusi pasaran yang lebih besar di dalam dan di luar negara.

v. Memperkasa Program Satu Daerah Satu Industri di Negeri Johor.

Bagi memperkasakan program Satu Daerah Satu Industri (SDSI) di Negeri Johor, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sebanyak RM2.5 juta bagi menjalankan program dan aktiviti yang telah dirancang bersama Pejabat-Pejabat Daerah. Di antara program yang telah dirancang adalah membangun keterampilan peserta agar mandiri, menggalakkan aktiviti penyelidikan dengan kerjasama IPT tempatan, pembangunan dan promosi, khidmat nasihat dan sokongan kepakaran.

vi. Mewujudkan Pusat Sehenti Usahawan Negeri Johor.

Bagi mewujudkan lebih ramai usahawan untuk memacu daya saing ekonomi serta menyumbang kepada peningkatan kekayaan dan kesejahteraan sosial negara, pusat sehenti Negeri Johor akan diwujudkan. Pusat sehenti ini akan menjadi *One Stop Centre* yang menempatkan pelbagai jabatan dan agensi keusahawanan di peringkat Kerajaan Persekutuan dan Negeri Johor. Penubuhan pusat ini dipercayai dapat menyelaras semua program pembangunan keusahawanan di Johor selain dapat memupuk dan mempergiatkan lagi budaya keusahawanan di kalangan masyarakat bumiputera di semua peringkat termasuk pelajar, siswazah, belia dan wanita. Bagi tujuan ini sejumlah RM3 juta diperuntukkan untuk kerja-kerja pembangunan dan operasi.

STRATEGI KEDUA : MENINGKATKAN KESEJAHTERAAN RAKYAT.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Kerajaan Negeri sedar bahawa rakyat yang sejahtera adalah rakyat yang dapat menikmati pengagihan ekonomi yang adil, menikmati

kemudahan awam yang baik dan selesa, berurusan dengan pentadbiran kerajaan yang cekap dan beramanah, merasa selamat dalam lingkungan masyarakat setempat serta mempunyai kebebasan dan hak insani yang dihormati. Kerajaan Negeri berazam mendukung kepercayaan dan amanah yang telah diberikan oleh rakyat dengan memastikan pelaksanaan dasar, program dan projek pembangunan, menyumbang dengan berkesan kepada kesejahteraan rakyat. Bagi merealisasikan hasrat ini Kerajaan memberi perhatian pada fokus-fokus seperti perumahan; menambah baik pengangkutan awam; meningkatkan kualiti infrastruktur bandar dan luar bandar; meningkatkan taraf sosio-ekonomi; mengupaya ekonomi Bumiputera; memperkasakan peranan wanita dan ibu tunggal; memperkasakan pembangunan belia dan sukan; mempertingkatkan mutu kesihatan dan alam sekitar; mengukuhkan perpaduan dan muafakat; meningkatkan syiar Islam dan pemeliharaan kebudayaan, warisan serta kesenian.

Bagi Peruntukan Pembangunan yang berjumlah RM296.8 juta, sejumlah RM216 juta telah disediakan bagi menampung Projek Infrastruktur, Kemudahan, Pentadbiran dan Perumahan untuk maksud kesejahteraan rakyat.

Fokus Perumahan Yang Berkualiti Untuk Rakyat.

Memiliki rumah dan tempat berlindung adalah hak asasi manusia. Menyedari masalah kos sara hidup yang semakin tinggi, Kerajaan Negeri mengambil langkah proaktif bagi memastikan isu penyediaan rumah yang selesa dan mampu dimiliki oleh rakyat adalah keutamaan. Tanggungjawab Kerajaan Negeri ialah memastikan keluarga yang mempunyai pendapatan isi rumah di bawah kategori rendah dan kumpulan pertengahan mampu memiliki rumah yang berkualiti. Kerajaan Negeri menerusi Jawatankuasa Khas Sektor Perumahan akan meneruskan usaha meningkatkan jumlah pembinaan rumah di bawah kategori Rumah Kos Rendah dan Rumah Mampu Milik Johor berdasarkan data permintaan yang dikemas kini oleh Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri.

Secara keseluruhannya, Kerajaan Negeri mensasarkan sekurang-kurangnya 28,000 unit Rumah Kos Rendah dan Rumah Mampu Milik Johor dibina dalam tempoh 5 tahun bermula dari tahun 2013 hingga 2018. Usaha ini akan diterajui oleh pemaju-pemaju yang mempunyai kepentingan Kerajaan Negeri seperti Johor Corporation Bhd, Kumpulan Prasarana Rakyat Johor dan Yayasan Pelajaran Johor dan Perbadanan Islam Johor yang mensasarkan untuk membina sebanyak 11,000 buah Rumah Kos Rendah dan Rumah Mampu Milik manakala selebihnya oleh pemaju-pemaju swasta. Pada tahun 2014 juga terdapat 1,550 unit rumah di bawah skim Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang telah siap dibina akan ditawarkan untuk disewa kepada pemohon yang berkelayakan di kawasan Sungai Melana daerah Johor Bahru.

Kerajaan Negeri juga akan meluaskan pelaksanaan Dasar Perumahan Rakyat Johor di luar kawasan Iskandar Malaysia. Bermula 1 Januari 2014 segmen Perumahan Komuniti Johor A berharga RM42,000.00, Perumahan Komuniti Johor B berharga RM80,000.00 dan Rumah Mampu Milik Johor pada harga RM140,000.00 hingga RM150,000.00 akan diperluaskan. Mekanisme kawalan bagi memastikan pemaju tidak mengabaikan pembinaan rumah di bawah kategori Rumah Kos Rendah dan Rumah Mampu Milik juga akan dikuatkuasakan.

Kerajaan Negeri juga akan menyemak semula dasar pemilikan hartanah oleh kepentingan asing dengan menaikkan harga minimum hartanah yang boleh dimiliki dari RM500,000.00 kepada RM1 juta seunit untuk projek-projek baru yang diluluskan tahun hadapan selaras dengan pembentangan Bajet Persekutuan Tahun 2014.(Dewan bertepuk) Selain itu, kadar keluasan bagi setiap perolehan oleh kepentingan asing akan dinaikkan dari RM10,000.00 bagi setiap hak milik kepada kadar 2% daripada harga jualan yang dinyatakan dalam Perjanjian Jualbeli. Kedua-dua perkara tersebut akan berkuat kuasa pada 1 Mei 2014.

Selain daripada itu, bagi menjaga kepentingan pemilikan hartanah oleh Bumiputera, bagi setiap pelepasan kuota Bumiputera yang telah diluluskan, Kerajaan Negeri telah menetapkan caj 7.5% daripada 15% diskaun seunit dibayar oleh pemaju daripada perbezaan harga jualan yang dinyatakan dalam Perjanjian Jualbeli antara kuota Bumiputera dan bukan Bumiputera. Kesemua langkah di atas diharap dapat mengekang aktiviti spekulasi yang berlaku di pasaran di samping menjaga kepentingan rakyat Negeri Johor, khususnya Bumiputera.

Fokus Menambahbaik Tahap Perkhidmatan Pengangkutan Awam.

Strategi pembangunan Johor tidak boleh dipisahkan dari konsep pembangunan berkepentingan awam. Justeru, penyediaan kemudahan perkhidmatan pengangkutan awam yang berkualiti adalah penting dan mempunyai kepentingan alam sekitar yang lestari. Bagi tujuan ini Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM1.5 juta untuk menambah baik 35 pusat hentian bas bermula tahun 2012 hingga tahun 2015 yang akan dilaksanakan oleh Pengangkutan Awam Iskandar Malaysia. Sehingga kini sebanyak 16 buah perhentian bas sedia ada telah ditambah baik manakala bakinya akan dilaksanakan pada tahun 2014 dan 2015. Manakala Kerajaan Persekutuan juga telah memperuntukkan sejumlah RM4 juta pada tahun 2013 bagi penyediaan 65 pusat hentian bas baru di kawasan Iskandar Malaysia yang akan dilaksanakan oleh pihak IRDA.

Kedua, Kerajaan Negeri akan melakukan rasionalisasi laluan bas di seluruh Iskandar Malaysia. Rasionalisasi laluan bas ini adalah bagi memudahkan pengguna pengangkutan awam mendapatkan maklumat berkaitan masa perjalanan, kadar tambang dan penyambungan perjalanan dengan kadar kekerapan yang lebih efektif dan efisien. Maklumat bagi laluan serta infrastruktur pengangkutan awam ini akan disediakan secara digital. Fasa pertama projek ini, iaitu pembangunan pangkalan data, telah pun dimulakan pada tahun 2013.

Ketiga, melaksanakan perkhidmatan BeXTRA 6. Sehingga tahun 2013, BeXTRA 1 hingga 5 telah beroperasi di laluan yang berbeza. Dengan hentian yang terhad dan masa perjalanan yang pendek, BeXTRA terbukti dapat meningkatkan minat rakyat untuk menggunakan perkhidmatan bas. Purata jumlah penumpang bagi BeXTRA 1, 2 dan 3 telah meningkat melebihi 50,000 penumpang sebulan manakala BeXTRA 4 dan 5 yang beroperasi sejak Januari 2013 telah mencatatkan jumlah purata penumpang sebanyak 17,000. Berikutan permintaan pengguna, satu inisiatif diadakan bagi melaksanakan BeXTRA 6 di laluan Pusat Bandar Johor Bahru – Kempas – Desa Mutiara/Dato' Onn.

Usaha penyediaan kemudahan pengangkutan awam yang bermutu akan dipergiatkan lagi dengan penyediaan WiFi secara percuma di dalam Bas

Transiskandar. Ini membolehkan pengguna menggunakan masa terluang untuk membaca atau menyelesaikan tugas secara elektronik. Sebagai projek perintis, 16 buah bas akan dipilih untuk dilengkapi dengan kemudahan WiFi, di tiga laluan, dan akan dilaksanakan melalui perkongsian pintar dengan syarikat telekomunikasi terpilih.

Fokus Meningkatkan Kualiti Dan Penyediaan Infrastruktur Luar Bandar.

Kerajaan Negeri amat bersungguh untuk menjayakan program transformasi luar bandar selari dengan hasrat Kerajaan Persekutuan. Antara langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri adalah seperti berikut:

i. *Meningkatkan Peruntukan Penyelenggaraan Jalan-Jalan Kampung.*

Jalan raya yang baik adalah penghubung yang penting kepada penduduk luar bandar. Ia adalah nadi kepada aktiviti ekonomi dan kesejahteraan kehidupan di desa. Justeru kerja-kerja penyelenggaraan jalan-jalan kampung perlu dilaksanakan secara konsisten, sistematik dan menyeluruh. Bagi tujuan ini, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM30 juta setahun bagi menyelenggara jalan kampung secara penurapan berskala besar. Suka saya maklumkan, mulai Julai 2009 sehingga Jun 2013, sepanjang 1,260 km jalan kampung di Negeri Johor telah pun di selenggara bagi meningkatkan keselesaan penduduk kampung. Ini termasuk peruntukan bagi menaik taraf dan menyelenggara jalan pertanian agar hasil yang diusahakan oleh petani-petani di seluruh Negeri Johor dapat dipasarkan segera.

Bagi kerja-kerja menaik taraf pula sebanyak RM150 juta telah diperuntukkan bagi tempoh 3 tahun yang melibatkan jalan kampung sepanjang 1,074 km. Sepanjang 2 tahun pelaksanaan projek ini, 743 km telah pun berjaya dinaik taraf iaitu 21% lebih awal dari sasaran. Kerajaan Negeri juga akan turut mengagihkan anggaran peruntukan berjumlah RM30 juta kepada Pejabat-Pejabat Daerah di dalam melaksanakan program penyelenggaraan jalan-jalan kampung di negeri ini untuk tahun depan. Pembabitan pejabat daerah secara tidak langsung dapat membantu pihak Kerajaan di dalam mengenal pasti jalan-jalan kampung di kawasan masing-masing yang memerlukan penyelenggaraan dan seterusnya memperluaskan lagi jangkauan projek ini.

ii. *Meluaskan Program Rebat Air Daripada Penggunaan 20 Meter Padu Kepada 35 Meter Padu dan Mempertingkatkan Perkhidmatan Bekalan Air Luar Bandar (BALB).*

Kerajaan Negeri sesungguhnya amat prihatin dengan kos sara hidup yang tinggi dan sentiasa berusaha untuk mencari jalan memastikan kesejahteraan rakyat tidak di kompromi. Bagi mengurangkan beban rakyat berpendapatan rendah iaitu golongan miskin dan miskin tegar, Kerajaan Negeri bersetuju untuk meningkatkan pengecualian rebat air daripada 20 meter padu kepada 35 meter padu bagi golongan ini, golongan miskin dan miskin tegar. Air bersih adalah kemudahan asas yang sangat hakiki dan usaha kerajaan ini diharap akan dapat memastikan semua rakyat, walau di pedalaman yang terpencil sekalipun, dapat menikmati kemudahan air bersih percuma. Justeru, Kerajaan Negeri akan mempertingkatkan usaha menyalurkan bekalan air bersih dengan berkesan kepada semua penduduk luar bandar. Sasaran Kerajaan ialah 100% penduduk Johor akan dapat menikmati bekalan air bersih

menjelang tahun 2017. Ianya bukan sahaja tertumpu kepada akses bekalan air tetapi merangkumi kualiti air serta tahap perkhidmatan yang setanding dengan negara maju.

iii. Memperluaskan dan Menyelenggara Akses Jalur Lebar Di Luar Bandar.

Kerajaan Negeri juga berpandangan bahawa kesejahteraan rakyat dapat dipertingkatkan dengan berkesan melalui penyediaan akses kepada internet di luar bandar. Internet telah berupaya menjadikan desa terpencil dapat berhubung dengan dunia luar. Justeru, literasi IT adalah satu kemestian. Kerajaan Negeri yakin jurang perbezaan akses maklumat antara penduduk bandar dan luar bandar boleh dikurangkan melalui penyediaan akses jalur lebar di luar bandar. Ini boleh dilaksanakan dengan meningkatkan akses internet kepada kelajuan yang lebih optimum. Di kawasan bandar kelajuan akan ditingkatkan kepada 8 megabit sesaat manakala di luar bandar, ditingkatkan kepada 1 megabit sesaat. Akses jalur lebar ini dicadangkan untuk diletakkan di Pusat Komuniti.

iv. Meluaskan Program Bekalan Elektrik Luar Bandar.

Kerajaan Negeri juga maklum bahawa tenaga elektrik adalah keperluan asas yang diperlukan oleh setiap rakyat tanpa mengira lokasi. Program Bekalan Elektrik Luar Bandar akan diperluaskan melalui kerjasama erat dengan Kerajaan Persekutuan dan Tenaga Nasional Berhad (TNB). Program ini diharap dapat memastikan 100% penduduk Johor mempunyai akses kepada bekalan elektrik menjelang tahun 2017.

Fokus Meningkatkan Taraf Sosio-ekonomi Rakyat.

Peningkatan taraf sosio-ekonomi rakyat adalah agenda penting dan utama pentadbiran pimpinan saya. Amanah dan kepercayaan rakyat hanya akan diterjemahkan dengan jayanya jika Kerajaan Negeri dapat mengungkap visi dan program sosio-ekonomi yang dapat meningkatkan taraf hidup rakyat secara transformatif. Ketidakseimbangan pengagihan akan menimbulkan rasa tidak senang hati dalam kalangan rakyat dan seterusnya akan membantut proses pembangunan. Menyedari hakikat ini, Kerajaan Negeri akan mengambil beberapa langkah proaktif seperti berikut:

i. Membasmi Kemiskinan Tegar.

Tiada masalah yang lebih membelenggu mana-mana Kerajaan Negeri kecuali kemiskinan rakyatnya. Pada ketika Kerajaan Persekutuan mensasarkan Malaysia yang maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020, usaha membasmi kemiskinan mesti dipergiatkan dan menjadi agenda utama Kerajaan Negeri. Kadar kemiskinan tegar mestilah dikurangkan kepada sifar menjelang tahun 2020. Walaupun insiden kemiskinan di luar bandar tidak dinafikan kewujudannya, tetapi cabaran utama Kerajaan Negeri ialah menangani juga kemiskinan yang terdapat dalam bandar. Adalah dijangkakan bahawa kemiskinan bandar, jika tidak ditangani, akan menjadi hambatan utama kepada Malaysia untuk menuju ke arah negara maju. Oleh yang demikian, strategi ekonomi dan pembangunan pentadbiran Kerajaan Negeri akan terus fokus kepada membasmi kemiskinan dan meningkatkan taraf hidup rakyat.

ii. Program Bantuan Dividen Tunai dan Bantuan Makanan Kepada Golongan Miskin.

Strategi jangka pendek pembasmian Kerajaan Negeri ialah menghulurkan bantuan terus kepada golongan miskin. Program ini merupakan program yang akan dilaksanakan dengan kerjasama FELCRA Berhad. Melalui program ini, golongan miskin tegar akan menerima peruntukan berjumlah RM300 seorang manakala bagi golongan miskin pula ialah RM150 seorang. Faedah langsung daripada program ini akan dinikmati oleh golongan miskin yang amat memerlukan di seluruh Negeri Johor. Peruntukan bagi bantuan ini telah disediakan dan akan dilaksanakan segera.

Kerajaan Negeri juga akan meneruskan Program Tautan Budi iaitu Program Bantuan Makanan kepada golongan miskin tegar dan miskin yang layak. Senarai nama penerima adalah terdiri daripada senarai nama yang berdaftar dalam pangkalan data E-Kasih. Ia merupakan program bantuan asas dalam bentuk barangan makanan dan RM1 juta telah diperuntukkan bagi tahun 2014.

iii. Mewujudkan Proses Pemutihan Dalam Sistem Pengurusan Bantuan Kebajikan.

Bagi memastikan hanya mereka yang benar-benar layak terus menerima bantuan kebajikan daripada Kerajaan Negeri, satu proses pemutihan akan dilaksanakan. Program ini bertujuan membuat penilaian semula terhadap semua penerima bantuan. Berdasarkan kepada penilaian ini, penamatan bantuan boleh dilaksanakan terhadap mereka yang telah mencapai taraf hidup yang lebih baik dan sudah mampu berdikari. Melalui proses ini, bantuan boleh diagihkan kepada senarai pendaftar yang baru dan benar-benar memerlukan.

Kerajaan Negeri menjangkakan sebanyak 170 kes penamatan bantuan boleh dilakukan setahun yang melibatkan perbelanjaan berjumlah RM51,000.00. Program ini juga akan diperkukuhkan melalui kerjasama dengan Jabatan Pendaftaran Negara bagi mengenal pasti penerima bantuan yang telah meninggal dunia.

Fokus Mengupaya Ekonomi Bumiputera.

Kerajaan sedar bahawa majoriti golongan Bumiputera masih ketinggalan dari segi ekonomi berbanding kaum-kaum lain dan jika ia dibiarkan berterusan, maka ia akan menjadi cabaran keselamatan kepada kesejahteraan Malaysia. Menyedari hakikat ini, Kerajaan Negeri telah merancang beberapa strategi bagi membantu merapatkan jurang ekonomi antara golongan Bumiputera dengan kaum lain. Kerajaan Negeri juga mengambil maklum dasar baru Kerajaan Pusat dalam mengupayakan golongan Bumiputera dan akan mengambil langkah yang wajar untuk melaksanakannya di peringkat Negeri.

i. Memperkasa Peranan Permodalan Darul Ta'zim.

Bagi memastikan penglibatan golongan Bumiputera di dalam sektor ekonomi bukan sahaja terlihat tetapi berhasil, Permodalan Darul Ta'zim akan berfungsi untuk memastikan penyertaan secara menyeluruh golongan Bumiputera sama ada syarikat

atau individu bagi setiap projek yang dilaksanakan oleh pihak syarikat berkaitan Kerajaan.

ii. Meningkatkan Ekuiti Bumiputera Di Dalam Pemilikan Hartanah.

Kerajaan Negeri juga akan melaksanakan perubahan di dalam dasar pemilikan hartanah oleh Bumiputera bagi memastikan hak pemilikan hartanah oleh Bumiputera kekal terpelihara dan dipertingkatkan walaupun ianya dimajukan. Perkara ini sedang di peringkat kajian melalui sebuah jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Pengarah Tanah dan Galian Negeri Johor dan akan mengemukakan syor pelaksanaannya kepada Kerajaan Negeri dalam sedikit masa lagi. Kerajaan Negeri juga telah bersetuju untuk menjadikan acara Karnival Perumahan Mampu Milik dan Perumahan Bumiputera sebagai acara tahunan bagi memberi ruang dan peluang kepada rakyat Bumiputera berpendapatan rendah dan sederhana untuk mendapatkan maklumat berkaitan kuota rumah untuk Bumiputera dan rumah mampu milik.

Fokus Mengiktiraf Peranan Wanita Dalam Masyarakat.

Agenda Kerajaan Negeri dalam memastikan kesejahteraan rakyat pasti akan pincang tanpa pengiktirafan sewajarnya kepada peranan wanita dalam masyarakat. Wanita merupakan golongan penting yang telah berusaha gigih untuk sama-sama membangunkan negara secara amnya dan Negeri Johor secara khusus. Sumbangan dan pengorbanan mereka sangat tinggi nilainya. Bagi mengiktiraf sumbangan mereka, Kerajaan Negeri akan berusaha memastikan dasar Kerajaan Persekutuan untuk meningkatkan penglibatan wanita seramai 30% dalam peringkat penggubalan dasar dilaksanakan. Pelan Tindakan Ekonomi Wanita yang telah dirangka juga akan dijadikan rujukan utama dalam perancangan untuk memperkasa ekonomi golongan wanita di Johor. Beberapa inisiatif baru juga akan di laksana dan antaranya ialah :

i. Meningkatkan Bilangan Wanita Dalam Pasaran Kerja Dan Keusahawanan.

Selaras dengan Pelan Tindakan Ekonomi Wanita Negeri Johor, peranan wanita sebagai penggerak kepada ekonomi Negeri akan diberi penekanan. Peluang dan insentif bagi memastikan golongan wanita dapat menyumbang dalam pasaran kerja dan keusahawanan akan dipertingkatkan. Kerajaan Negeri akan membangunkan Sistem Pendaftaran Usahawan Wanita Johor oleh Perbadanan Usahawan Johor Berhad.

Ini akan membolehkan pengusaha dari Industri Kecil dan Sederhana dari kalangan wanita menerima insentif dan pendedahan yang diperlukan bagi membolehkan mereka mendahului persaingan. Program-Program Kewanitaan dan Keluarga seperti Karnival Wanita, Hari Ibu dan pelbagai lagi program dengan penglibatan badan bukan kerajaan dan Pihak Berkuasa Tempatan untuk mengupayakan golongan usahawan wanita juga akan dipertingkatkan.

ii. Pendaftaran Ibu Tunggal Dalam Satu Sistem Secara Berpusat.

Kerajaan Negeri juga telah mewujudkan Sistem Maklumat Ibu Tunggal secara berpusat bagi membantu koordinasi semua agensi yang berurusan dengan ibu tunggal di Negeri Johor. Pangkalan data ini akan memudahkan Kerajaan

Negeri Johor mempertingkatkan capaian bantuan, insentif dan inisiatif pembangunan kepada ibu tunggal berdaftar di Negeri Johor. Ia juga membantu memperkemaskan tadbir urus kewangan negeri agar tiada berlakunya pertindihan penerimaan bantuan daripada pelbagai agensi.

Fokus Memperkasakan Pembangunan Belia Dan Pencapaian Sukan Negeri Johor.

Menyentuh tentang peranan belia dalam pembangunan ibu pertiwi, suka saya menyingkap kata-kata salah seorang ahli falsafah Islam yang terkemuka, Muhammad Iqbal. Yang mana beliau berkata; Jika kita ingin melihat rupa dan masa depan sesebuah negara dan satu bangsa, maka perhatikanlah perwatakan dan peribadi golongan mudanya.

Kerajaan Negeri sedar betapa pentingnya sumbangan dan peranan yang dimainkan oleh golongan belia di dalam menyokong perancangan pembangunan Negeri Johor. Mereka wajar diberikan perhatian yang tinggi agar mampu membawa pencerahan kepada nusa dan bangsa. Adalah menjadi tanggungjawab moral pemerintah untuk membentuk golongan belia yang berwawasan, berdaya saing, mandiri, yakin dan seterusnya progresif. Mereka ini jualah yang akan menjadi pelapis terbaik kepada kepimpinan generasi akan datang.

Kerajaan menyedari bahawa golongan belia instrumental dalam memajukan sukan di peringkat negeri dan negara. Penglibatan mereka dalam bidang sukan di pelbagai peringkat dalam manifestasi semangat perjuangan, penerokaan dan pengembaraan yang perlu ada pada suatu bangsa yang kuat dan maju. Justeru itu, untuk tahun 2014, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak RM18 juta bagi melaksanakan pelbagai aktiviti belia dan sukan di Johor.

Lanjutan dari usaha membangunkan belia yang berketerampilan, Kerajaan Negeri telah mengenal pasti beberapa langkah berikut:

i. Menggalakkan Inisiatif Kesukarelawanan dan Memperkenalkan Program Mesra Belia Sakinah.

Golongan belia haruslah prihatin tentang lingkungannya. Hanya dengan keprihatinan itu, maka mereka akan memahami denyut nadi dan kemaslahatan masyarakat. Pendekatan paling berkesan untuk mempertingkat sikap keprihatinan ini ialah melalui aktiviti kemanusiaan dan kesukarelawanan. Oleh itu, Kerajaan Negeri akan melakukan usaha besar-besaran untuk menggalakkan keterlibatan mereka dalam aktiviti kesukarelawanan.

Aktiviti bermanfaat tersebut bukan sahaja membentuk keperibadian mulia, tetapi juga menyediakan mereka sebagai pemimpin yang pragmatik dan memahami kepentingan rakyat selain sesuai dengan tuntutan agama dan nilai luhur masyarakat. Bagi tujuan tersebut, Program Mesra Belia Sakinah akan diperkenalkan bagi diperkenalkan bagi merangsang belia dalam aktiviti sosial dan kesukarelawanan dan juga melahirkan belia berketerampilan. Kerajaan Negeri akan bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia, Institut Pendidikan Tinggi, Yayasan Sukarelawan Siswa dan pelbagai lagi pertubuhan bukan kerajaan bagi menjayakannya.

ii. Mempertingkatkan Penglibatan Belia Dalam Industri Animasi Dan Perfileman.

Bagi mendukung perkembangan industri kreatif dan perfileman, Kerajaan Negeri dengan kerjasama IRDA telah melancarkan program Iskandar Malaysia Creative Industri Talent Development. Ia bermatlamat untuk melahirkan rakyat tempatan yang kreatif dalam industri perfileman dan meningkatkan pendapatan penggiat industri sedia ada ke tahap antarabangsa. Potensi bidang animasi dan perfileman amatlah besar tetapi pembangunannya di Malaysia masih lagi rendah. Oleh itu, Kerajaan Negeri bercadang untuk menjadikan industri ini sebagai sumber pertumbuhan baru ekonomi Johor. Fokus utama Kerajaan Negeri pada waktu ini ialah mewujudkan tenaga pekerja tempatan yang mahir dan pakar dalam industri perfileman selaras dengan adanya Pine Woods Studio di Nusajaya. Sebuah syarikat yang memberi khidmat sebagai pusat sehenti dalam memudahcara urusan perfileman akan ditubuhkan melalui kerjasama IRDA dan permodalan Darul Ta'zim. Dengan itu kita berharap penglibatan dan penyertaan belia akan dapat kita pertingkatkan dalam industri ini.

iii. Mempelbagaikan Fasiliti Sukan dan Pusat Rekreasi.

Sukan mempunyai kedudukannya yang tersendiri dalam pembangunan negara bangsa. Ia bukan sahaja tentang cara hidup yang sihat atau semangat pengembaraan dan persaingan, tetapi merupakan medan kesatuan bangsa dan perpaduan nasional jua. Kerajaan Negeri melalui pihak IRDA akan membangunkan sebuah *Youth Park* yang akan dibina di daerah Johor Bahru dengan kos permulaan sebanyak RM5 juta. Pembangunan *Youth Park* ini bakal berfungsi sebagai sebuah pusat rekreasi belia yang utama di Negeri Johor dan akan diurus dan dikelolakan oleh belia sendiri.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk menambah bilangan pusat-pusat rekreasi, riadah dan aktiviti golongan muda yang akan dibina di atas sebahagian kawasan hijau yang mempunyai keluasan di atas 5 ekar. Sejumlah RM19.5 juta akan diperuntukkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dalam Negeri Johor untuk membina 34 buah pusat rekreasi dan 50 buah gelanggang futsal di seluruh Negeri Johor pada tahun 2014.

Projek ini akan dilaksanakan untuk meningkatkan pembangunan modal insan selari dengan pembangunan komuniti di sesebuah kawasan. Pelbagai kemudahan akan disediakan termasuk laluan untuk berjoging, senaman dan sebagainya. Secara tidak langsung pusat-pusat rekreasi dan riadah inilah yang akan memainkan peranan di dalam usaha kita untuk memupuk perpaduan dan keharmonian di samping amalan gaya hidup sihat bagi komuniti setempat.

Menyedari bahawa acara sukan bukan tradisional seperti penganjuran sukan lasak semakin mendapat sambutan daripada golongan belia dan juga pelancong asing, Kerajaan Negeri telah meniris usaha dalam menganjurkan pelbagai aktiviti sukan lasak di Negeri Johor. Sebuah Litar Lumba Motorcross di Pagoh, Muar akan dibangunkan pada tahun 2014. Usaha ini diharap dapat menjadikan golongan belia lebih aktif, berani bersaing serta mempunyai tempat bagi mengasah bakat mereka dalam aktiviti

yang mencabar. Ia juga menyediakan ruang bagi menghindarkan mereka dari aktiviti kurang sihat seperti masalah lepak, sosial dan jenayah.

Fokus Akses Kepada Kemudahan Kesihatan yang Bermutu dan Cekap.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kemudahan kesihatan yang baik dan bermutu adalah keperluan penting dalam memastikan kesejahteraan rakyat. Malaysia boleh berbangga kerana akses kepada kemudahan kesihatan adalah yang terbaik di kalangan negara membangun. Namun, banyak lagi ruang yang perlu diperbaiki terutama dalam memastikan rakyat mendapat perkhidmatan yang cekap, berkepakaran dan pantas. Kerajaan Negeri akan menjadikan peningkatan perkhidmatan kesihatan agenda penting pembangunan negeri. Ini juga selaras dengan kehendak rakyat yang diutarakan di dalam Suara Hati Johor. Antara langkah yang dicadangkan bagi tujuan tersebut ialah:-

i. Meningkatkan Tahap Penyediaan Perkhidmatan Kesihatan.

Akses kepada kualiti perkhidmatan kesihatan yang baik di Negeri Johor akan dipertingkatkan lagi dengan pembinaan sebanyak 4 buah Klinik 1Malaysia yang baru. Ini sebagai tambahan kepada 23 buah Klinik 1 Malaysia yang sedia ada. Penambahan ini akan memudahkan rakyat untuk mendapat rawatan pesakit-pesakit ringan dengan kos hanya RM1. Selain itu, sebanyak 2 buah Pusat Kesihatan baru dengan kapasiti yang lebih besar akan dibina di Senggarang dan Bandar Penawar, masing-masing dengan kos RM15 juta dan RM18 juta. Kedua-dua projek ini bertujuan meningkatkan akses masyarakat kepada perkhidmatan diagnostik, rawatan dan pemulihan primer.

Kerajaan Negeri dengan kerjasama Kementerian Kesihatan juga akan memperluaskan lagi program *Personalised Care* di pusat-pusat kesihatan awam. Sasaran program ini adalah individu-individu yang menghidap masalah kesihatan kronik seperti diabetes, hipertensi dan koronori. Program ini akan melibatkan perbincangan terperinci antara pesakit dan mereka yang berkepakaran untuk merangka pelan rawatan yang mengambil kira kehendak peribadi, tindakan, matlamat dan kesejahteraan hidup pesakit. Kaedah ini diyakini dapat mempengaruhi perubahan gaya hidup pesakit agar risiko penyakit mereka dapat diuruskan secara terancang dan berkesan selain meningkatkan kepatuhan pesakit kepada pelan rawatan.

ii. Mempergiatkan Program Peningkatan Kesihatan Awam.

Kerajaan Negeri juga akan mempergiatkan lagi program kesedaran kesihatan awam bagi mengurangkan penyakit berjangkit dan wabak yang menjadi ancaman kepada masyarakat. Jangkitan Leptospirosis yang berpunca daripada air yang tercemar dengan bawaan tikus pasti tidak akan berlaku jika masyarakat sentiasa berperanan menjaga kebersihan dan tidak membuang sampah merata-rata. Kempen Kesihatan dan Kebersihan Awam akan dipergiatkan di setiap daerah untuk memastikan Johor bebas dari wabak penyakit yang berbahaya.

Gaya hidup yang sihat juga kan dijadikan budaya masyarakat Johor yang maju dan moden. Kempen-kempen bagi menggalakkan gaya hidup sihat seperti mengurangkan penggunaan gula, berhenti merokok dan menjalani kehidupan yang

aktif akan dilaksanakan secara berterusan. Inisiatif Hari Tanpa Kenderaan dan Hari Berbasikal juga telah dirangka untuk dilaksanakan di beberapa kawasan tertentu dalam daerah Johor Bahru. Program ini akan melibatkan kerjasama di antara Jabatan Kesihatan, Pihak Berkuasa Tempatan, Polis, Jabatan Pengangkutan Jalan serta Jabatan Belia dan Sukan bagi menjayakannya. Adalah menjadi harapan Kerajaan Negeri agar program sebegini dapat meningkatkan kesedaran masyarakat tentang penjagaan kesihatan sekali gus menggalakkan amalan gaya hidup sihat selain mengurangkan *carbon footprint*.

Fokus Pengurusan Alam Sekitar Yang Lestari.

Kerajaan Negeri menegaskan bahawa pembangunan Negeri Johor adalah diasaskan kepada konsep *sustainable development* iaitu proses pembangunan yang tidak mengabaikan faktor kepentingan dan kelestarian alam sekitar. Sehubungan dengan itu beberapa langkah akan diambil bagi memastikan pengurusan alam sekitar di laksana secara berkesan.

i. Penubuhan Majlis Perubahan Iklim dan Teknologi Hijau Negeri Johor.

Kerajaan Negeri memandang serius masalah pemanasan global dan kesan perubahan iklim. Bagi memastikan Kerajaan Negeri memainkan peranan sewajarnya dalam membantu masyarakat antarabangsa menangani kesan pemanasan global, sebuah Majlis Perubahan Iklim dan Teknologi Hijau Negeri Johor akan ditubuhkan. Inisiatif ini akan dilaksanakan dengan kerjasama pelbagai agensi Kerajaan Persekutuan dan universiti tempatan. Beberapa projek perintis sedang dirancang dan di antaranya ialah Pengauditan Penggunaan Tenaga di Bangunan Kerajaan, Pemasangan Lampu Jalan yang jimat tenaga, kempen tidak menggunakan beg plastik serta pelbagai inisiatif lain yang berkaitan.

ii. Cadangan Laman Rasmi Hijau.

Bagi mempertingkatkan kempen kesedaran kehidupan yang lestari, Kerajaan Negeri melalui kerjasama dengan Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar juga akan melancarkan Laman Rasmi Hijau. Laman ini akan bertindak sebagai pusat sehenti bagi penyebaran maklumat mengenai alam sekitar serta aktiviti berkarbon rendah. Objektif penubuhan laman portal rasmi ini adalah untuk memudahkan masyarakat memperolehi maklumat berkaitan dengan alam sekitar serta maklumat pembangunan hijau dengan pantas.

iii. Menyediakan Kajian Pelan Strategik Alam Sekitar Negeri Johor.

Kerajaan Negeri juga telah mengambil langkah terkehadapan melalui penggubalan Pelan Kajian Strategik Alam Sekitar Negeri Johor. Pelan ini melakarkan strategi dan tindakan relevan bagi memastikan komitmen Kerajaan Negeri terhadap pembangunan yang mesra alam dan lestari dapat diterjemahkan melalui program yang konkrit. Usaha tersebut juga bertujuan memastikan agar semua program dan inisiatif Kerajaan mematuhi segala piawaian dan standard pemuliharaan alam sekitar yang diguna pakai di peringkat antarabangsa serta dilaksanakan secara bersepadu dan lestari.

iv. Mengkaji Pembinaan Laluan Khas Basikal di Jalan Raya Negeri Johor.

Kerajaan Negeri juga akan melaksanakan program menggalakkan masyarakat mengamalkan cara hidup berkarbon rendah dan membantu mengurangkan kesan Gas Rumah Hijau (GHG). Sebagai permulaan, Kerajaan Negeri berhasrat mengkaji penyediaan kemudahan Laluan Khas Basikal untuk tujuan tersebut. Inisiatif ini bukan sahaja akan mengurangkan *carbon footprint*, malah menggalakkan masyarakat menggunakan basikal sebagai cara hidup baru yang lestari. Terbukti, pada hari ini, semakin ramai penduduk Johor terutama di Bandaraya Johor Bahru yang bersukan dengan menggunakan basikal.

Fokus Meningkatkan Tahap Keselamatan.

Kerajaan Negeri amat menghargai usaha yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan dalam meningkatkan keselamatan rakyat. Persekitaran yang selamat daripada ancaman jenayah bukan sahaja membuatkan rakyat Johor berasa selamat malah dapat merancakkan lagi aktiviti ekonomi dan menarik lebih ramai pelabur ke negeri ini.

Kehadiran anggota Polis terutamanya di kawasan panas atau *hot-spot* melalui Program *Omni Presence* dan Sistem Bantuan Kecemasan *Community Alerts* juga telah dilancarkan dengan tujuan untuk mengikatkan rasa selamat masyarakat. Kehadiran anggota Polis di tempat kediaman secara tidak langsung dapat mengurangkan kebimbangan terhadap kejadian jenayah seperti pecah rumah, samun dan ragut. Selain itu, ianya juga dapat meningkatkan *response-time* pihak polis dalam menghadapi kes-kes tertentu. Antara usaha lain yang dilakukan ialah:

i. Mewujudkan Bandar Selamat Melalui Network CCTV.

Kerajaan Negeri dengan kerjasama IRDA akan memperluaskan lagi pemasangan CCTV di lokasi-lokasi panas dan kritikal dalam usaha membasmi jenayah selain penambahan Unit Polis Komuniti di Wilayah Pembangunan Iskandar. Pelancaran Polis Komuniti pula akan mewujudkan satu platform untuk meningkatkan hubungan baik antara masyarakat dengan pihak polis. Kerajaan Negeri juga yakin bahawa penglibatan masyarakat adalah penting dalam mengurangkan jenayah di samping membantu meringankan beban pihak berkuasa dalam menangani kegiatan jenayah. Ini boleh dilaksanakan melalui Skim Rondaan Sukarela dan kawalan keselamatan oleh Pasukan Sukarelawan Malaysia (RELA) yang sememangnya dapat membantu pihak Kerajaan di dalam usaha mengurangi jenayah.

ii. Memperkasakan Pusat Pemulihan Dadah Dalam Masyarakat.

Selain jenayah, aktiviti pengagihan dan pengedaran dadah adalah ancaman keselamatan bukan tradisional yang perlu ditangani dengan berkesan. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri akan memperkukuhkan lagi Program Pusat Pemulihan Dadah Dalam Masyarakat. Program kerjasama Agensi Anti Dadah Kebangsaan dengan pertubuhan bukan Kerajaan serta pelbagai agensi lain telah berupaya menggerakkan masyarakat untuk bersama-sama menangani permasalahan dan ancaman dadah di dalam komuniti mereka. Penubuhan 7 buah Pusat Khidmat Agensi Anti-Dadah dan 9 Rumah Komuniti juga dijangka mampu membantu mengurangkan permasalahan

dadah terutamanya di kalangan belia. Program pemulihan dadah secara sukarela di *Cure and Care Center* dan Klinik Cure & Care 1Malaysia akan terus diperkasakan yang mana pelanggan boleh memilih pakej-pakej rawatan dan pemulihan yang sesuai sama ada secara *in-patient* atau *out-patient*.

Fokus Mengukuh Perpaduan Kaum dan Muafakat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, asas kekuatan sebenar Malaysia ialah sifatnya yang *multicultural*. Kepelbagaian kaum, agama dan nilai rakyat Malaysia dan keupayaan kerajaan menguruskannya dengan baik dan jaya amatlah luar biasa. Formula kejayaan ini ialah semangat bermuafakat yang jitu di antara semua kaum. Namun, sejak kebelakangan ini, ada petanda yang polarisasi kaum di Malaysia sudah mula terlihat dan melebar. Ini harus ditangani segera kerana jika tidak, ia akan mengancam kerukunan Malaysia yang damai. Maka dengan itu, usaha untuk mengukuhkan perpaduan kaum adalah agenda besar Kerajaan Negeri Johor.

Saya dan pentadbiran saya ingin menyatakan dengan sejelas-jelasnya bahawa pendekatan pentadbiran Kerajaan Negeri adalah bersifat 'inklusif'. Semua kaum mempunyai peranan yang penting dan istimewa. Semua keputusan adalah bersandarkan muafakat. Semua perancangan dan pelaksanaan dasar adalah atas kepentingan semua rakyat pelbagai kaum. Inilah 'cara Johor' yang telah menjadi amalan seawal kelahirannya dan natijahnya ialah Negeri yang aman dan sejahtera (Dewan Bertepuk). Bagi memastikan kesefahaman dan muafakat pelbagai kaum ini sentiasa berkekalan, Kerajaan Negeri telah mengambil langkah seperti berikut :

i. Menubuhkan Majlis Permuafakatan Negeri Johor (MPPNJ).

Perpaduan merupakan aspek terpenting dalam membentuk keharmonian masyarakat yang beridentiti dan bernilai murni. Pepatah Melayu ada menyatakan bahawa "Bulat Air Kerana Pembentung, Bulat Manusia Kerana Muafakat". Bertitik tolak dari pengertian ini, maka konsep Muafakat Johor akan didukung dan dibudayakan. Ia akan menjadi asas semua dasar dan pendekatan Kerajaan Negeri. Pentadbiran saya yakin bahawa melalui pendekatan Muafakat Johor ini semua kepentingan kaum akan diperhalusi sedalam-dalamnya agar akan terserlah keputusan yang mencerminkan kepentingan semua pihak.

Justeru, saya ingin mengumumkan penubuhan Majlis Pemuafakatan Perpaduan Negeri Johor (MPPNJ) sebagai platform mengenal pasti isu, permasalahan dan pendekatan terbaik dalam mengurus kerencaman kepentingan pelbagai kaum di negeri ini. Majlis ini akan menyelaras semua program yang berkaitan perpaduan kaum, mengenal pasti pendekatan untuk meluaskan lagi kefahaman tentang 'Muafakat Johor' selain menjadi medium perkongsian maklum balas tentang perpaduan dari pelbagai agensi kerajaan, swasta, parti politik dan badan bukan Kerajaan. Fokus Majlis ini juga ialah untuk merangka strategi bagi mengukuhkan permuafakatan politik, pengagihan ekonomi yang saksama, memastikan keadilan sosial, melebarkan akses pendidikan, menggalakkan dialog antara budaya serta memupuk perpaduan melalui sukan dan aktiviti kemasyarakatan.

Fokus Meningkatkan Syiar Islam.

Kerajaan Negeri akan berusaha segigih mungkin untuk memastikan syiar Islam di Negeri Johor terus berkembang subur dan dibudayakan. Pada waktu yang sama, penganut agama lain bebas untuk mengamalkan kepercayaan masing-masing dan hak ini mesti dipertahan dan dihormati. Beberapa langkah telah dan akan diambil untuk meningkatkan Syiar Islam di negeri Johor, antaranya ialah:

i. Menyediakan keperluan pendidikan Islam yang lebih baik.

Pendidikan Agama di Negeri Johor telah bermula sejak 1918 dan ia telah menjadi asas yang kukuh dalam kehidupan masyarakat Johor. Saban tahun ia semakin bertambah baik hasil usaha pelbagai pihak memantapkan kurikulum dan menyediakan prasarana. Perkembangan sekolah terus diurus dengan baik oleh Kerajaan Negeri melalui Jabatan Agama Islam Johor (JAIJ). Bagi mempergiatkan pelajar mendalami Islam dengan lebih sempurna, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Skim Pinjaman Kitab (SPK) kepada murid yang layak. Bermula pada tahun 2008, Kerajaan melalui Majlis Agama Islam Johor telah memperuntukkan sejumlah RM1.5 juta bagi memastikan murid-murid dapat mengikuti pembelajaran melalui skim ini. Oleh yang demikian, pihak Kerajaan bercadang untuk memperluaskan dasar Skim Pinjaman Kitab ini agar meliputi semua pelajar tanpa ada had kelayakan.

ii. Bantuan Kepada Golongan Fakir Miskin.

Selain daripada program yang berbentuk pendidikan, Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam Johor amat prihatin dengan kebajikan golongan fakir miskin. Sebagai langkah bantuan kepada asnaf fakir dan miskin untuk mempunyai rumah, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan program membina dan membaik pulih rumah dengan peruntukan sebanyak RM50 juta berdasarkan penilaian dan kelayakan yang telah ditetapkan. Pada tahun 2014, di antara perbelanjaan zakat yang akan dibelanjakan ialah untuk membantu pesakit fakir dan miskin yang memerlukan rawatan dialisis, dengan jumlah sebanyak RM33 juta. Manakala RM5.9 juta lagi perbelanjaan zakat digunakan bagi kos bantuan perubatan yang lain.

iii. Memperkasakan Pendidikan Islam Di Peringkat Awal.

Untuk menerapkan pendidikan Islam seawal peringkat kanak-kanak, Jabatan Agama Islam Johor akan terus memperkasakan pengurusan Tadika Agama Islam Johor untuk menyuburkan potensi murid secara menyeluruh, seimbang, dan bersepadu yang meliputi aspek jasmani, emosi, intelek dan sosial. Bagi tahun 2014, sebanyak RM4.4 juta akan diperuntukkan bagi tujuan pengurusannya yang melibatkan lebih 5,000 orang pelajar dan 308 orang tenaga pengajar.

Sebagai inisiatif tambahan, Kerajaan Negeri juga akan melaksanakan program pendidikan Islam di Tabika Kemas melalui Program Iqra. Program ini akan dilaksanakan bagi memastikan pendidikan al-Quran dan kefahaman amalan agama didedahkan seawal mungkin kepada generasi muda Islam. Ia akan dilaksanakan melalui kerjasama di antara Kerajaan Negeri dan KEMAS di mana asuhan pengajian al-Quran akan bermula seawal usia 4 tahun. Ini selaras dengan dasar membudayakan al-Quran

dan memahami Fardu Ain dalam peribadi muda Muslim. Program ini akan dimulakan dengan 1 Tadika KEMAS bagi 1 Kawasan Parlimen yang terpilih di Negeri Johor.

iv. Perluasan Sekolah Agama Tahfiz Di Negeri Johor.

Menyedari tanggungjawab Kerajaan Negeri dalam memberi pendidikan agama secara menyeluruh kepada semua peringkat dan golongan masyarakat maka Kerajaan Negeri melalui kerjasama antara Jabatan Agama Islam Johor dengan kerjasama Penjara Kluang telah menubuhkan Sekolah Agama Tahfiz di Penjara Kluang dengan nama Sekolah Agama Tarbiyah Husnul Khatimah. Operasi sekolah yang telah bermula pada 16 September 2013, bertujuan memberi peluang kepada banduan untuk memperolehi pendidikan agama secara sistematik dan bermutu. Pelaksanaannya akan dikaji untuk dilihat keberkesanannya sebelum cadangan bagi diperluaskan kepada institusi-institusi yang lain.

Sejumlah RM28 juta diperuntukkan bagi Program Pembangunan dan Pendidikan Agama bagi tahun 2014.

Fokus Pemeliharaan Kebudayaan, Warisan Dan Kesenian.

Adalah menjadi hasrat Kerajaan Negeri agar pembangunan dan kemajuan Johor seimbang dan berbudaya. Budaya dan warisan mempunyai peranannya tersendiri dalam menggambarkan sejarah dan identiti sesuatu bangsa. Ia bukan sahaja menggambarkan citra bangsa, tetapi adalah warisan Negara selain berperanan memupuk perpaduan. Justeru, Kerajaan Negeri mendukung usaha pemuliharaan Kebudayaan, Kesenian dan Warisan di negeri ini dan akan berusaha mengarusperdanakan ia di peringkat negeri, nasional dan antarabangsa agar ia menjadi warisan bersama. Antara pendekatan Kerajaan Negeri ialah;

i. Memperkasa dan Memartabatkan Kesenian Islam.

Kesenian Islam di Negeri Johor akan dipertingkatkan lagi penghayatannya gar program kesenian dan budaya yang dianjurkan di Negeri Johor tidak bercanggah dengan syariat Islam dan tidak memesongkan akidah masyarakat. Antara strategi dan program yang diadangkan adalah Penganjuran Festival Antarabangsa Kesenian Islam Johor di mana pengisian seperti Qasidah Burdah, Teater Berkonsepkan Fitrah, Showcase Busana Islam Johor dan Seni Khat 17 Johor akan diperkenalkan. Kerajaan Negeri juga akan mempergiatkan Program Seni Tarannum dan Berzanji Di Peringkat Sekolah dan Institusi Pengajian Tinggi melalui penganjuran pelbagai pertandingan berkonsepkan kesenian Islam. Galeri Kesenian dan Warisan Islam di Galeria juga akan diwujudkan.

ii. Memelihara Warisan Dan Mengukuh Jati Diri.

Adalah menjadi harapan Kerajaan Negeri agar rakat Johor bangga dengan warisan Johor dan menjadikan ia identiti yang di amal dan ditonjolkan. Pemakaian Busana dan Kelengkapan Busana Johor umpamanya adalah sesuatu yang harus digalakkan. Ia bukan sahaja manifestasi identiti sebagai rakyat Johor, malah memberi insentif kepada penggiat produk busana eksklusif dan klasik di Johor untuk maju. Usaha untuk menjadikan busana klasik Johor sebagai sebahagian identiti nasional harus dilakukan

Melalui strategi sebegini, penggiat busana pakaian klasik Johor seperti tenunan corak Johor, songkok Johor, capal dan pelbagai lagi dapat meningkatkan pendapatan ekonomi mereka.

Program-program lain yang dapat memperkasakan Kesenian, Nyanyian dan Peralatan Muzik Johor juga akan diperluaskan melalui penganjuran Festival Zapin Nusantara dan Konsert Ghazal Johor. Konsert Nostalgia Lagu Melayu Asli dan Klasik Johor akan turut dianjurkan secara tahunan. Pembugaran Warisan Tradisi Adat Istiadat Johor seperti Tradisi Adat Perkahwinan Bugis dan adat bercukur akan terus dipergiat melalui pemberian insentif. Kerajaan Negeri juga bercadang untuk mewujudkan Perkampungan Melayu Moden Limas Puri Johor agar seni bina tradisi rumah di Johor yang pelbagai bagi setiap daerah, boleh diwarisi keunikannya oleh generasi muda Johor.

Fokus Memastikan Tanggungjawab Sosial Korporat.

Kerajaan Negeri amat berharap agar tanggungjawab bagi membangunkan ekonomi negeri dan mensejahterakan rakyat tidak hanya terletak di bahu Kerajaan semata-mata. Syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan dan syarikat-syarikat swasta hendaklah sama-sama berganding bahu membantu Kerajaan. Ini boleh dilaksanakan melalui Tanggungjawab Sosial Korporat yang dirancang dengan penyelarasan di peringkat Kerajaan. Antara program-program yang akan dijalankan oleh syarikat-syarikat berkaitan kerajaan ialah:

Pertama : Perbadanan Islam Johor (PIJ) akan melaksanakan beberapa program antaranya Program Inkubator Usahawan Islam Johor, Program Belia Berwawasan, Program Membaiki Rumah Rakyat Miskin dan Program Bantuan Pesakit Dialisis dengan anggaran peruntukan berjumlah RM3.1 juta.

Kedua : Kumpulan Prasarana Rakyat Johor (KPRJ) akan menjalankan tanggungjawab sosial dengan membina serta membaik pulih masjid dan sekolah agama dengan peruntukan sebanyak RM21.7 juta. Manakala bagi pembinaan perumahan untuk setinggan bagi tahun 2014, ia melibatkan kos hampir RM50 juta.

Ketiga : Yayasan Pelajaran Johor Holdings (YPJ) komited bagi memastikan membantu pembangunan modal insan di Negeri Johor. Sehubungan itu, pada tahun hadapan YPJ Holdings akan memperuntukkan sejumlah RM18 juta bagi tujuan dana kepada Tabung Pendidikan YPJ bagi tujuan latihan dan pendidikan. Peruntukan ini menganggarkan mampu memberi manfaat kepada 2,000 orang pelajar untuk meminjam daripada tabung YPJ. YPJ juga akan memperuntukkan RM54.4 juta pada tahun 2014 bagi pembinaan kampus induk Kolej YPJ serta pembinaan tiga blok asrama pelajar.

Keempat : Johor Corporation (JCorp) yang selama ini telah menjadi pemangkin pembangunan ekonomi Johor, akan meneruskan aktiviti pembangunan usahawan dan pembinaan rumah kos rendah dan sederhana dengan peruntukan sebanyak RM82 juta. Ia akan dimanfaatkan bagi program pembangunan usahawan sistem francais kedai Ayamas dan program Bistari dan pembinaan 3,638 unit rumah kos rendah dan sederhana bagi tempoh tahun 2013 hingga 2018.

Selain projek perumahan, JCorp turut membina masjid di setiap kawasan perumahan yang dibangunkannya dan antara yang bakal dibina pada tahun 2014 iaitu Masjid Annur Bandar Dato' Onn. Selain berperanan sebagai instrumen pembangunan ekonomi negeri Johor, JCorp turut bertanggungjawab dalam melaksanakan tanggungjawab sosial korporat menerusi Waqaf Annur Corporation dan organisasi bisnes amal (OBA). Secara keseluruhannya JCorp telah memperuntukkan lebih RM20 juta bagi tujuan tersebut.

STRATEGI KETIGA : MEMPERKASA DAN MERAKYATKAN KERAJAAN.

Kerajaan yang bertanggungjawab adalah Kerajaan yang mengutamakan kepentingan rakyat dan memastikan sistem pentadbirannya sentiasa mendukung segala keperluan rakyat. Usaha inilah yang dipanggil merakyatkan Kerajaan. Pendekatan dan strategi ini adalah proses mendemokrasikan lagi sistem pemerintahan Kerajaan Negeri. Ia bertujuan untuk melebarkan penglibatan rakyat dalam setiap aspek pemerintahan Kerajaan Negeri. Transformasi yang diharapkan ialah agar Johor lebih dilihat sebagai sebuah kemasyarakatan berbanding hanya sebuah pemerintahan.

Kerajaan yang bertanggungjawab sepenuhnya kepada rakyat juga mestilah Kerajaan yang berhemah dalam pengurusan kewangan pentadbirannya. Pengurusan kewangan yang berhemah adalah wajar, penting dan dituntut kerana pengurusan kewangan yang baik akan memastikan pembangunan ekonomi akan lebih lestari serta perkhidmatan yang baik kepada rakyat dapat diteruskan. Ia juga adalah amanah yang paling penting untuk sesebuah pemerintahan. Jika amanah tersebut diurus dengan tiadanya tanggungjawab dan keikhlasan, maka ia akan menghakis keyakinan rakyat dan akhirnya pentadbiran negeri akan menjurus kepada negeri yang lemah ataupun gagal. Menyedari hakikat itu, Kerajaan Negeri pada hari ini memberi fokus kepada memperkukuh dan memodenkan perkhidmatan awam; menguruskan kewangan negeri dengan efisien dan meneroka hasil baru.

Fokus Memperkukuh Perkhidmatan Awam.

Bagi menterjemah hasrat merakyatkan Kerajaan, keutamaan Kerajaan Negeri ialah memastikan mutu perkhidmatan awam diperkukuh dan dipertingkatkan. Penyampaian perkhidmatan awam yang cekap dan berkesan merupakan ciri penting dalam sesebuah negara maju. Yakinlah bahawa Kerajaan Negeri hanya akan dilihat berwibawa dan memahami kehendak rakyat jika perkhidmatan awam yang disediakan adalah cekap, beramanah dan moden. Suka saya mengingatkan bahawa perkhidmatan awam yang baik bukan hanya penambahbaikan perkhidmatan kaunter atau layanan pelanggan yang cekap. Ia perlu pergi lebih jauh melangkaui isi-isu seperti penggubalan dasar yang prihatin dengan keperluan semasa dan masa hadapan, memastikan perkhidmatan awam sentiasa meletakkan integriti sebagai nilai pegangan utama serta pentadbiran yang telus dan mempunyai pertanggungjawaban.

Justeru, usaha memperkukuh perkhidmatan awam akan menjadi agenda besar pentadbiran. Ini dapat dilaksanakan melalui penanjalan bakat-bakat terbaik dalam perkhidmatan awam, mewujudkan siri latihan pembangunan modal insan yang berterusan, menggalakkan kerjasama perkhidmatan awam dengan swasta melalui

cross fertilisation programme serta mewujudkan sistem imbuhan bagi menggalakkan kecemerlangan. Seperkara lain yang begitu penting untuk diberi perhatian juga adalah Program Peningkatan Kecemerlangan dan Daya Saing Bakat-Bakat Muda Perkhidmatan Awam.

Menyentuh tentang bakat dan potensi terbaik dalam perkhidmatan awam, saya ingin membuat penegasan bahawa ia sesungguhnya adalah sumber terpenting dan tertinggi nilainya dalam menjayakan pentadbiran yang demokratik, cekap dan beramanah. Lihatlah bagaimana syarikat terkemuka dunia, berlumba-lumba mencari bakat terbaik dari seluruh dunia demi kelangsungan kejayaan perniagaan mereka. Oleh itu, pentadbiran saya akan melaksanakan 3 strategi utama bagi membangunkan pentadbiran negeri yang diurus oleh putera puteri terbaik Johor.

Pertama, program menggilap bakat-bakat muda dan pembangunan keterampilan profesional yang berterusan akan diperkenalkan. Kedua, mereka yang berbakat dan berpotensi akan diberikan ruang untuk memimpin dan mengetuai projek-projek tertentu. Pendekatan kita harus beranjak. Sesiapa yang mampu mencetuskan perubahan harus diberikan tanggungjawab memimpin dan melaksanakan perubahan tersebut tanpa memikirkan sangat hierarki dan tempoh perkhidmatan. Ketiga, ialah mengenal pasti bakat-bakat terbaik dibawa masuk ke dalam perkhidmatan. Pentadbiran Kerajaan Negeri juga telah mewujudkan sistem pengurusan kompetensi berterusan ini. Ia bertujuan melahirkan pegawai yang berprestasi tinggi ke arah peningkatan kecemerlangan pencapaian perkhidmatan.

Fokus Penubuhan Yayasan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor.

Menjelang tahun 2014, semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor disasarkan untuk menubuhkan Yayasan PBT masing-masing. Tujuannya ialah mempertingkatkan kualiti hidup dalam lingkungan sesuatu PBT terutama mereka yang berpendapatan rendah. Yayasan ini akan melaksanakan Program Pembasmian Kemiskinan, Bantuan Persekolahan, Bantuan Sewa Rumah, Latihan Kemahiran dan sebagainya. Setiap Pihak Berkuasa Tempatan dikehendaki menyumbang 1% daripada hasil mereka kepada Yayasan berkenaan. Dengan adanya program-program sebegini maka hubungan antara masyarakat dalam Pihak Berkuasa Tempatan akan menjadi lebih erat dan bermakna.

Fokus Menurunkan Defisit Di Dalam Kumpulanwang Hasil Disatukan.

Usaha-usaha Kerajaan Negeri bagi mengukuhkan kedudukan kewangan akan terus dilaksanakan. Untuk itu, tindakan sebelum ini bagi menurunkan defisit terkumpul dalam Kumpulanwang Hasil Disatukan dan mengurangkan tanggungan hutang Kerajaan Negeri akan terus diberi penekanan.

Dalam usaha menurunkan defisit dalam Kumpulanwang Hasil Disatukan, tindakan meningkatkan kutipan hasil negeri dan membuat perbelanjaan secara berhemah akan terus diberi perhatian. Melalui usaha-usaha mencari hasil-hasil baru, menyemak semula kadar perkhidmatan Kerajaan serta memungut tunggakan hasil telah menunjukkan peningkatan hasil yang berterusan dalam tahun 2012 dan 2013. Dalam tahun 2012, hasil yang telah berjaya dipungut ialah sebanyak RM1.10 bilion berbanding kutipan sebenar hasil 2011 yang berjumlah RM841.77 juta iaitu peningkatan sebanyak

30.78%. Prestasi kutipan hasil 2013 menunjukkan jumlah kutipan setakat Oktober 2013 berjumlah RM917.67 juta mengatasi anggaran hasil keseluruhan tahun sebanyak RM908.66 juta. Adalah dijangka kutipan pada 2013, akan melebihi RM1.12 bilion. Dengan perbelanjaan yang dikawal, maka lebihan sebenar dalam akaun hasil semasa 2013 dijangka akan dapat menghapuskan baki defisit terkumpul dalam Akaun Hasil Disatukan yang berlaku sejak tahun 2000.

Fokus Perbelanjaan Berhemah Berdasarkan Kemampuan.

Peningkatan ekspektasi rakyat terhadap perkhidmatan Kerajaan dan kos operasi perkhidmatan Kerajaan merupakan cabaran terhadap langkah ke arah perbelanjaan berhemah berdasarkan kemampuan sebenar Kerajaan. Namun begitu, demi untuk mengimbangi kesinambungan komitmen terhadap perkhidmatan Kerajaan dan pembangunan untuk jangka masa panjang, Kerajaan Negeri perlu memastikan kawalan supaya perbelanjaan mengurus dan pembangunan tidak melebihi anggaran hasil yang dikutip. Oleh yang demikian, pembahagian peruntukan adalah berdasarkan keutamaan dari segi keberhasilan projek atau program, keperluan sebenar dan keupayaan sesuatu jabatan.

Fokus Menurunkan Paras Hutang Kerajaan Negeri.

Keseluruhan pinjaman Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan adalah untuk membiayai projek-projek pembangunan untuk kesejahteraan rakyat Negeri Johor seperti Projek Rumah Awam Kos Rendah, Projek Bekalan Air dan lain-lain pinjaman. Usaha-usaha Kerajaan Negeri dalam mengurangkan pinjaman ini akan diteruskan. Pada tahun 2012, jumlah baki hutang Kerajaan Negeri telah menurun sebanyak 49.79% berbanding baki pada tahun 2004. Penurunan ini disebabkan oleh pengambilalihan sebahagian pinjaman Projek Bekalan Air oleh Pengurusan Aset Air Berhad. Pada tahun hadapan, baki hutang ini dijangka akan berkurangan lagi apabila sebahagian lagi pinjaman projek bekalan air ini akan diambil alih oleh Kerajaan Persekutuan.

Fokus Meningkat dan Meneroka Hasil Baru serta Memodenkan Perkhidmatan Tanah.

Usaha memperkasa Kerajaan juga menuntut kita melakukan pembaharuan terhadap sistem dan fungsi perkhidmatan awamnya. Salah satu agenda besar Kerajaan ialah meningkat dan meneroka hasil baru bagi memastikan Kerajaan dapat memungut hasil dan akhirnya hasil ini disalurkan semula untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat. Kerajaan Negeri melalui Pejabat Tanah dan Galian akan meningkatkan hasilnya melalui usaha-usaha mencari punca-punca hasil yang baru, menyemak semula kadar cukai dan lain-lain fee yang telah sekian lama tidak dikaji. Selain itu juga, Kerajaan Negeri akan menggiatkan lagi usaha-usaha untuk kesedaran kepada pembayar cukai serta mempelbagaikan kaedah terimaan hasil, termasuk cukai harta, melalui kutipan cukai di luar pejabat, inisiatif penerimaan pembayaran di luar waktu pejabat tertentu dan pembayaran secara *online* yang dilaksanakan secara berperingkat.

Fokus Program Transformasi Pusat Bandaraya Johor Bahru.

Trend demografi global menunjukkan bahawa menjelang tahun 2030, hampir 70% penduduk dunia akan bermastautin di kawasan bandar. Trend tersebut juga sudah

terlihat di bandar-bandar utama di Malaysia termasuk Johor Bahru. Adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk memastikan rakyat Johor merasa sejahtera bermastautin di Johor seperti di Johor Bahru. Oleh itu, Johor Bahru mestilah menjadi bandar raya yang moden, sesuai dengan sifatnya yang kosmopolitan dan mempunyai pelbagai citra. Pentadbiran saya akan berusaha melakukan transformasi bandar raya Johor Bahru agar menjadi bandar raya yang bukan sahaja maju, tetapi menawarkan cara hidup yang lestari dan bermutu.

Program Transformasi Bandar Raya Johor Bahru ini akan dilaksanakan dengan kerjasama Majlis Bandaraya Johor Bahru dan IRDA. Sebahagian dari usaha transformasi bandar raya Johor Bahru, kerja-kerja menaik taraf kualiti air Sungai Segget dan pengindahan bandar raya Johor Bahru akan dilaksanakan dengan peruntukan RM220 juta. Landskap yang sesuai bagi Sungai Segget akan menjadikan tempat yang memberikan ketenangan pada penduduk bandar raya yang sentiasa sibuk.

STRATEGI KEEMPAT : PENGUPAYAAN MODAL INSAN BERKETERAMPILAN.

Masa depan pembangunan Johor amat bergantung pada bakat terbaik di kalangan putera-puterinya. Tiada yang akan dapat menjamin kelestarian dan kesinambungan pembangunan Kerajaan kecuali kecukupan modal insan yang berkemahiran tinggi, terpelajar dan berbakat. Percayalah, bagi sesebuah negeri yang ingin berdaya saing, maka modal paling berharga untuk terus berdaya saing dalam ekonomi global ialah modal insan yang berketerampilan, berkemahiran tinggi dan berdisiplin.

Oleh itu, Bajet 2014 akan terus mendukung usaha menonjolkan bakat dan potensi setiap warga Johor dari pelbagai lapisan dan peringkat. Adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan memastikan tiada sebarang golongan yang akan tertinggal di dalam peningkatan taraf hidup selari dengan kepesatan pembangunan ekonomi Negeri Johor. Oleh hal yang demikian, Kerajaan memberi keutamaan pada fokus-fokus seperti:

Fokus Melestarikan Pendidikan dan Latihan Negeri Johor.

Sesuai dengan aspirasi melahirkan modal insan berketerampilan dan mempunyai kemahiran tinggi, Kerajaan Negeri akan menstrukturkan semula Kolej Yayasan Pelajaran Johor. Ini bagi memastikan penawaran programnya menepati kepentingan pertumbuhan ekonomi Johor. Pembangunan pesat sektor tenaga, minyak, gas, perkilangan dan pelancongan semuanya menuntut pekerja berkemahiran tinggi.

Oleh itu, pendidikan teknikal dan vokasional harus menjadi *niche* institusi pendidikan yang berkaitan dengan Negeri Johor. Ini kerana Johor memerlukan guna tenaga yang sesuai bagi menyokong pertumbuhan ekonominya. Kerajaan Negeri juga menyokong hasrat Kerajaan Pusat menubuhkan sebuah kolej komuniti untuk setiap kawasan Parlimen agar ianya dapat dijayakan di seluruh Negeri Johor.

Kerajaan Negeri juga akan bekerjasama rapat dengan Kementerian Pendidikan dan pihak IRDA untuk menjadikan Iskandar Malaysia pusat bakat dan penyelidikan terkemuka di rantau ini. Ini boleh dilakukan dengan menggalakkan lebih banyak kemasukan institusi pengajian tinggi luar negara beroperasi di sini. Kehadiran kampus universiti luar negara mempunyai impak yang besar kepada pertumbuhan Johor

sebagai sebuah ekonomi yang moden dan berdaya saing. Kehadiran mereka juga membuktikan keyakinan pelabur luar kepada potensi Johor sebagai sebuah negeri dengan masyarakat yang maju. Usaha untuk menjadikan Pagoh, pusat pendidikan juga akan terus disokong oleh Kerajaan Negeri melalui kerjasama erat dengan Kementerian Pendidikan Malaysia. Bagi merealisasikan perkara ini, Jawatankuasa Pelaburan Johor akan dipertanggungjawabkan untuk merangka strategi bagi menarik lebih banyak lagi institusi pendidikan tinggi melabur dan beroperasi di kedua-dua kawasan iaitu Iskandar Malaysia dan juga Pagoh.

Bagi memupuk minat pelajar menceburi bidang pekerjaan berkemahiran tinggi pula, Kerajaan Negeri akan bekerjasama dengan sekolah-sekolah di Johor untuk mendedahkan mereka kepada potensi pembangunan kawasan Iskandar Malaysia serta pembangunan Hab Minyak dan Gas di Pengerang. Pendekatan ini penting bagi menyalurkan maklumat secara terus dan meluas berkaitan peluang kerjaya di kawasan pertumbuhan tersebut kepada guru kaunselor dan pelajar di lebih 250 sekolah menengah di negeri ini.

Fokus Program Peningkatan Kapasiti Dan Kapabiliti Negeri Johor.

Negeri Johor yang sejahtera tidak harus mengabaikan potensi yang ada pada mereka yang terpinggir dan berkelainan upaya. Tanggungjawab Kerajaan ialah memastikan setiap warga Johor mempunyai ruang dan laluan untuk memperbaiki kehidupan mereka dan menikmati kesejahteraan. Justeru, Program Peningkatan Kapasiti dan Kapabiliti Kumpulan Khusus akan diperkenalkan untuk menyedia peluang latihan kepada kumpulan sasar. Mereka termasuklah golongan berkelainan upaya, ibu tunggal, golongan miskin serta ahli isi rumah yang berpendapatan rendah di bawah RM2,300.00 sebulan. Sejumlah RM4.2 juta telah diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan bagi menjalankan program ini dengan hasrat memanfaatkan sekurang-kurangnya 750 orang peserta.

Fokus Meningkatkan Ilmu Pengetahuan Dan Bakat Anggota Perkhidmatan Negeri Johor.

Bagi memodenkan sektor perkhidmatan awam kita memerlukan penjawat awam yang berilmu tinggi, kreatif, intelektual serta mampu memimpin perubahan. Oleh itu Kerajaan Negeri akan menambah tempat untuk melanjutkan pelajaran peringkat Sarjana dan Kedoktoran di kalangan penjawat awam. Kerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia juga akan diteroka bagi menanfaatkan program *MyBain 15* bagi menggalakkan lebih ramai penjawat awam melanjutkan pengajian ijazah tinggi. Selain itu inisiatif penting seperti pendedahan latihan jangka pendek ke luar negara dan mengadakan program *'Cross Fertilisation'* dengan syarikat berkaitan Kerajaan akan dipergiatkan.

Bagi menyuburkan pemikiran kreatif dan inovatif dalam perkhidmatan awam penyusunan semula organisasi berdasarkan prinsip multitaskil akan dilaksanakan. Ini bagi memastikan sesuatu organisasi perkhidmatan awam dapat bertindak dengan lebih progresif dan cekap dalam melaksanakan dasar dan program Kerajaan. Pendekatan Strategi Lautan Biru juga diperkenalkan bagi meningkatkan idea-idea kreatif dan inovatif dalam perkhidmatan awam. Kerajaan berhadapan dengan pelbagai masalah baru dan kita memerlukan penyelesaian moden dan termaju untuk

menanganinya. Strategi Lautan Biru yang bersifat pemikiran di luar kebiasaan adalah pendekatan yang sesuai dilaksanakan untuk menyelesaikan pelbagai masalah yang mendepani kerajaan dan masyarakat dan ia akan menjadi pendekatan yang lazim yang akan berlaku dalam pentadbiran pada ketika ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, mengambil teladan dari Al Quran, Surah Yusuf ayat 43-53, menceritakan Nabi Allah Yusuf dek kerana angkara fitnah, tatakala baginda dipenjara, Raja Mesir telah bermimpi bahawa 7 ekor lembu betina yang gemuk telah di makan oleh 7 ekor lembu betina yang kurus, 7 biji gandum yang hijau dan 7 biji gandum yang kering kemudiannya berlaku hujan. Dengan mukjizat yang dikurniakan Allah SWT kepada baginda, Raja Mesir ketika itu telah memanggil Nabi Yusuf untuk mentafsirkan mimpi yang ganjil. Ringkasnya seperti berikut; 7 tahun yang pertama adalah tahun kemakmuran dan disuruh untuk bekerja keras dengan bercucuk tanam dan menyimpan segala macam bahan makanan bagi menghadapi 7 tahun kemarau. Seterusnya selepas itu turunlah hujan sebagai permulaan 7 tahun yang makmur kembali.

Jika diteliti dengan mata hati dan fikiran yang terbuka, iktibar ayat-ayat ini sebenarnya membawa sebuah makna yang begitu jelas iaitu untuk kita bersedia melakukan perancangan teliti bagi ekonomi sesebuah negeri dan bekerja keras melaksanakan perancangan itu bagi menghadapi cabaran mendatang. Jadinya, mengambil ayat-ayat dari surah Yusuf itu tadi sebagai panduan bagi menghadapi cabaran ekonomi yang semakin berubah wajah dan tidak menentu Kerajaan Negeri sedang merancang rapi dengan menjalankan kajian *Johor Growth Vision and Strategic Thrust* demi membugarkan lagi dan mengakarkan kekuatan ekonomi negeri supaya Johor berupaya menjadi negeri berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Melalui perlaksanaan kajian itu nanti, kita bakal melihat Johor sebagai *high income state*, Negeri Berpendapatan Tinggi bukan sahaja melalui sektor pelaburan malah lebih dari itu menerusi pertumbuhan ekonomi mampan di pacu oleh teknologi dan infrastruktur moden, mempunyai modal insan yang berkemahiran tinggi, mewujudkan peluang dan ekosistem perniagaan yang kompetitif, menyediakan perkhidmatan awam yang berkesan lagi efisien dan terlebih utama ialah mengungguli kualiti kehidupan yang progresif dengan berpegang pada budaya dan tradisi kita. Inilah harapan yang diletakkan, inilah visi yang sedang dilaksanakan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sepanjang detik yang berlalu kita telah menggantikan kebimbangan dengan harapan sarat, dengan peluang-peluang kejayaan bagi setiap anak-anak di negeri ini mendambakan masa depan yang lebih baik. Kita juga telah berjaya mentransformasikan sebuah negeri atau negara pertanian berpendapatan rendah yang mana satu ketika dahulu lebih separuh warganegaranya hidup di paras kemiskinan dan hanya bergantung kepada beberapa komoditi. Tetapi sekarang telah berubah wajah menjadi sebuah negeri yang berpendapatan sederhana tinggi dengan ekonomi yang bersifat pelbagai. Namun kita tidak akan berpeluk tubuh dan merasa selesa dengan apa yang dicapai malah kita akan terus berusaha untuk merealisasikan impian menjadi negeri dan negara maju berpendapatan tinggi Insya-Allah. Tegasnya di sini, Bajet 2014 sememangnya menekankan soal nilai dan keadilan saksama pembangunan serta pengagihan. Lantaran itu Kerajaan Negeri berikrar bahawa perlaksanaannya kelak akan mengatasi kepentingan individu, menjangkau batasan kaum, warna kulit mahupun kepercayaan agama hatta perbezaan ideologi

HARI KEDUA
ISNIN, 11 NOVEMBER 2013

PENYATA RASMI

MESYUARAT KETIGA (BAJET 2014)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-13

HARI KEDUA	ISNIN, 11 NOVEMBER 2013	BIL. 3 TAHUN 13

HADIR

Y.B. Speaker,
Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN., PPN.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri, Johor.
Puan Hajah Asiah binti Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan Negeri, Johor.
Datuk Tee Siew Kiang, DMSM.
(Pulai Sebatang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Negeri, Johor.
Datuk Ir. Haji Hasni bin Haji Mohamad, PGDK., KMN., PIS., AMN.
(Benut)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia Negeri, Johor.
Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN.
(Kahang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Tuan Haji Abd. Mutalip bin Abd. Rahim
(Layang-Layang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri, Johor.
Datuk Abd. Latif bin Bandi, DPSM., PSM.
(Endau)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Tuan Haji Ismail bin Mohamed
(Bukit Serampang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan
dan Warisan Negeri, Johor.
Datuk Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK.
(Sri Medan)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri, Johor.
Datuk Haji Ayub bin Rahmat, DPSM., PPN.
(Kemelah)

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

Y.B. Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

Y.B. Encik M. Asojan a/l Muniyandy, AMN.
(Gambir)

Y.B. Encik Lau Chin Hoon
(Pemanis)

Y.B. Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba, DMSM.
(Pasir Raja)

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor,
(Penawar)

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain
(Sedili)

Y.B. Datuk Haji Adam bin Sumiru, DPSM., KMN., AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

Y.B. Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim
(Tenang)

Y.B. Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar, PIS.
(Machap)

Y.B. Encik Mohd. Ismail bin Roslan, PPN.
(Semerah)

Y.B. Encik Teoh Yap Kun
(Paloh)

Y.B. Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman, DSNS.
(Tanjung Surat)

Y.B. Puan Zaiton binti Ismail, PIS., PPN.
(Sungai Balang)

Y.B. Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy
(Tenggaroh)

Y.B. Tuan Haji A. Aziz bin Ismail, PIS.
(Senggarang)

Y.B. Dr. Zaini bin Abu Bakar
(Nusajaya)

Y.B. Puan Norshida binti Ibrahim
(Buloh Kasap)

Y.B. Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat
(Serom)

Y.B. Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Suib, DIMP., AMN., KMN., JMN.
(Bukit Naning)

Y.B. Tuan Haji Suhaimi bin Salleh
(Kukup)

Y.B. Encik Ali Mazat bin Salleh
(Bukit Permai)

Y.B. Datin Azizah binti Zakaria, PIS., PPN., AMN., KMN.
(Parit Raja)

Y.B. Datuk Tengku Putera Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat
(Kempas)

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau
(Skudai)

Y.B. Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan
(Parit Yaani)

Y.B. Encik Tan Chen Choon
(Jementah)

Y.B. Encik Abdullah bin Husin
(Puteri Wangsa)

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh
(Sungai Abong)

Y.B. Dr. Haji Mohamad bin Taslim
(Maharani)

Y.B. Encik Jimmy Puah Wee Tse
(Bukit Batu)

Y.B. Puan Gan Peck Cheng
(Penggaram)

Y.B. Encik Tan Hong Pin
(Mengkibol)

Y.B. Puan Chew Peck Choo
(Yong Peng)

Y.B. Encik Chen Kah Eng
(Stulang)

Y.B. Encik Lim Eng Guan
(Bekok)

Y.B. Encik Ee Chin Li
(Tangkak)

Y.B. Encik Chua Wee Beng
(Bentayan)

Y.B. Encik Yeo Tung Siong
(Pekan Nenas)

Y.B. Cik Liow Cai Tung
(Johor Jaya)

Y.B. Cik Wong Shu Qi
(Senai)

Y.B. Encik Cheo Yee How
(Pengkalan Rinting)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

Y.B. Setiausaha Kerajaan Johor.
Dato' Haji Obet bin Tawil, DPMJ., PLP., PIS.

Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.
Datuk Abdul Rahman Putra bin Dato' Haji Taha, DMSM., DSM.

Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Johor.
Tuan Haj Marsan bin Kassim, SMJ., PIS.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

Y.A.B. Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan Perancangan Negeri, Johor.
Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, SPMJ., DSPN., SMJ., PIS.
(Permas)

Y.B. Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh, PJN.
(Jorak)

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.

Y.B. Datuk Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Penolong Jurutulis membaca doa).

Y.B. Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) : Yang Berhormat Datuk Speaker, Peraturan 32(ii).

Y.B. Datuk Speaker : Ya.

Y.B. Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) : Berdasarkan kepada Perlembagaan Persekutuan Perkara 107 Laporan Ketua Audit Negara. 1 naskhah pecahan 2, 1 naskhah mana-mana laporan itu yang berhubung dengan akaun bagi sesuatu negeri atau berhubung dengan akaun-akaun bagi mana-mana Pihak Berkuasa Awam yang menjalankan kuasa yang diberikan oleh Undang-Undang Negeri hendaklah dikemukakan kepada Raja atau Yang DiPertua Negeri bagi negeri itu yang hendaklah menyebabkan laporan itu dibentangkan di hadapan Dewan Undangan Negeri.

Saya mengambil contoh Yang Berhormat Datuk Speaker, Laporan Ketua Audit Negara Bagi Tahun 2011 Negeri Johor ada bersama saya dalam Sidang yang lepas. Tetapi mengapa dalam sidang pada kali ini kita tidak dapat, tidak diberikan. Jadi, saya meminta penjelasan dan juga ikut Peraturan Perkara 2... Perkara 32 dan juga dalam Undang-Undang Tubuh Perkara 38. Sekian dimaklumkan.

Y.B. Jimmy Puah Tse (Bukit Batu) : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong usul Parit Yaani, Datuk Speaker.

Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT DATUK SPEAKER.

Y.B. Datuk Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi wabaratuh. Salam sejahtera, selamat pagi.

Kita menyambung sebenarnya Persidangan kita pada pagi ini. Apa yang dibentangkan atau dibangkitkan oleh Parit Yaani, Yang Berhormat Parit Yaani itu tidak sesuai sebenarnya dalam Persidangan kita ini kerana bajet yang dibentangkan telah pun mengikut aturan peraturan dan tidak ada perlanggaran yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Johor. Ianya dibuat secara teratur. Fasal Undang-Undang Tubuh Kerajaan kita, Perkara 38(4) itu kalau kita teliti "Kira-Kira yang tersebut itu hendaklah juga menunjukkan dengan seberapa yang boleh akan harta dan tanggungan negeri pada akhir tahun perkiraan hasil dan perbelanjaan lepas itu serta menerangkan cara-cara bagaimana harta-harta itu digunakan atau disimpan dan perkara-perkara am yang ada tanggungan-tanggungan yang belum dijelaskan". Ok. Ia juga bersesuaian dengan kalau nak bangkit Perlembagaan atau Perlembagaan Persekutuan, tadi itu Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor Bilangan 107 menyatakan Laporan Juru Audit Negara. Juru Audit Negara hendaklah menghantar laporan-laporan kepada Yang di-Pertuan Agong yang akan mengarahkan laporan-laporan itu dibentangkan dalam Dewan Negeri. 1 naskhah mana-mana laporan itu mengenai akaun-akaun sesuatu

negeri atau mengenai akaun-akaun mana-mana Pihak Berkuasa Awam yang menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Undang-Undang Negeri hendaklah dihantar kepada Raja atau Yang DiPertua Negeri bagi negeri itu yang akan mengarahkan laporan itu dibentangkan dalam Dewan Negeri itu. Ok.

Dalam bajet kita telah pun sepertimana 38(4) Bajet Negeri Johor Anggaran Harta dan Tanggungan pada 31 Disember 2013 ada disertakan, ada disertakan. Maknanya apa yang dinyatakan dalam 38(4) seboleh-bolehnya walaupun secara *detail* nya tidak ada, tapi sebenarnya seboleh-bolehnya sudah pun dibentangkan. Dianya tidak melanggar mana-mana peraturan dan perkara seperti ini pernah berlaku... dia yang pertama, laporan itu belum dibentangkan di Parlimen. Jadi, apabila laporan belum dibentangkan di Parlimen, macam mana nak dibentangkan dalam Dewan Negeri? Ini Parlimen belum dibentangkan kepada Parlimen, jadi tidak boleh dibentangkan di dalam Dewan Negeri. Penyata Kewangan Negeri 2012 memang belum disebabkan belum dibentangkan di Parlimen. Sebenarnya kehendak Perkara 103 Perlembagaan Persekutuan yang saya bacakan tadi. Semasa sebagai contoh, semasa Bajet 2011 pada penghujung tahun 2010, Penyata Kewangan Negeri 2009 hanya dibentangkan di Dewan Negeri pada bulan Mac 2011. Maknanya kalau dibentangkan kemudian daripada Persidangan ini, tidak menjadi kesalahan kepada pengurusan kewangan Negeri. Maka itu apa yang dibangkitkan oleh Parit Yaani, tidak dapat diterima dan saya harap kita terus kepada agenda kita pada hari ini.

Y.B. Datuk Speaker : Jurutulis.

Jurutulis : SOALAN-SOALAN LISAN.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Datuk Speaker, Datuk Speaker minta maaf...

Y.B. Datuk Speaker : ADUN Skudai, saya putuskan bahawa saya tidak boleh menerima apa yang dibangkitkan oleh Parit Yaani...

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Peraturan Tetap 32(xi). Izinkan saya menarik perhatian Dewan Yang Mulia ini walaupun Undang-Undang Tubuh Negeri dalam Fasal Bahagian 2(38)(4) menyatakan bukan sahaja aset disenaraikan, perkara am itu kita boleh terima tapi tanggungan hutang awam Kerajaan Negeri tidak disenaraikan dalam Bajet 2014, Datuk Speaker.

Y.B. Datuk Speaker : Itu sebab perkataan seberapa yang boleh, dia kena bentangkan keluarkan kemudian daripada Persidangan ini dan tidak menjadi salah. Skudai sila duduklah apabila saya bercakap. Yang Berhormat Skudai duduklah ikut peraturanlah. Jangan Yang Berhormat ingat apa ni kedai kopi ke? Ini kita ada peraturan kalau saya bercakap, you duduklah. Apabila saya sebut keputusan saya tidak ada kena-mengena dengan apa yang telah pun kita bentangkan bahawa kewangan negeri telah pun dibuat secara teratur dan bersih betul. Yalah eh...jadi kita tunggulah Persidangan akan datang, akan dibentangkanlah penyata anggaran harta...

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Kuasa Datuk Speaker tidak boleh melebihi, mengatasi Undang-Undang Tubuh.

Y.B. Datuk Speaker : Skudai duduk, duduk, duduk...

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya nak meneruskan Laporan Kerajaan mesti disenaraikan tetapi tak ada, ini bukan kedai runcit Datuk Speaker ini Dewan yang Mulia.

Y.B. Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Datuk Speaker, ini Peraturan 47...

Y.B. Encik Tan Cheng Choon (Jementah) : Datuk Speaker Laporan Kewangan mesti disediakan dan mesti disahkan oleh Dewan...

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Kalau kedai runcit pun tahu...

Y.B. Datuk Speaker : Yang Berhormat, saya telah nyatakan bahawa tidak bercanggah dengan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Johor 1895 dan tidak bercanggah dengan undang-undang ataupun Peraturan Perlembagaan Persekutuan. Dua-dua undang-undang yang penting ini tidak ada perlanggaran yang kita buat. Maknanya perkara yang kita buat teratur dan betul. Jadi, tidak ada perkara-perkara yang boleh kita bangkitkan. Jangan kita nak lengah-lengahkan masalah. Jurutulis jemput.

Jurutulis : SOALAN-SOALAN LISAN.

Y.B. Datuk Speaker: Yang Berhormat Bukit Naning, jemput.

Y.B. Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Suib (Bukit Naning): Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan nombor 1.

Terdapat penipuan harga murah bagi sesuatu barangan khusus bahagian pakaian dengan potongan harga 50% - 70% di pusat membeli belah pasar raya, yang mana harga asal dinaikkan kemudian dipotong sebagaimana tawaran dan menjadikan harga jualan itu seperti harga asalnya. Bagaimanakah Kementerian Perdagangan dan Pengguna dapat menangani penipuan begini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Yang Berhormat Datuk Speaker, peniaga yang ingin mengadakan jualan murah perlu mematuhi Peraturan-Peraturan Perihal Perdagangan Harga Jualan 1997 antara pra-syarat yang diperlukan adalah seperti berikut – satu, notis untuk mengadakan jualan murah perlu dihantar kepada KPDNKK 14 hari sebelum jualan murah diadakan. Kedua, barang-barang dijual dengan jualan murah hendaklah tidak kurang daripada 70% dari keseluruhan barang yang dijual. Ketiga, tempoh jualan murah tidak melebihi 30 hari. Keempat, stok yang munasabah untuk jualan murah perlu disediakan dan kelimanya, rekod berkaitan harga barangan yang ditawar terdahulunya perlu di selenggara dengan benar dan lengkap. KPDNKK akan membuat pemeriksaan sebelum, semasa dan selepas aktiviti jualan murah diadakan bagi memastikan peniaga-peniaga sentiasa mematuhi peraturan-peraturan Perihal Perdagangan Harga Jualan Murah 1997 berdasarkan statistik terkini tiada kes berkaitan penipuan jualan murah dikesan oleh KPDNKK. Walau bagaimanapun, sebanyak 16 tindakan kes telah dihasilkan berkaitan dengan kegagalan peniaga-peniaga menghantar notis kepada KPDNKK untuk mengadakan jualan murah. Sehingga Oktober 2013, KPDNKK Johor telah menerima sejumlah 525 notis jualan murah daripada peniaga yang ingin mengadakan jualan murah.

Jika Yang Berhormat mempunyai maklumat atau aduan khusus berkaitan dengan penipuan jualan murah, Ahli-Ahli Yang Berhormat dialu-alukan untuk mengemukakan maklumat atau aduan tersebut kepada KPDNKK untuk tindakan selanjutnya.

Y.B. Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Suib (Bukit Naning) : Yang Berhormat Datuk Speaker...

Y.B. Datuk Speaker : Jemput.

Y.B. Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Suib (Bukit Naning) : Apakah penalti berhubung dengan penipuan dan pemalsuan harga ini, harga jualan murah ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Datuk Speaker, bagi kesalahan berhubungan dengan penipuan atau pemalsuan harga jualan murah, penaltinya adalah seperti berikut – Seksyen 21(a) bagi satu pertubuhan/perbadanan yang melakukan kesalahan tersebut di atas denda tidak melebihi RM500,000.00 dan bagi kesalahan yang kedua atau yang berikutnya, denda tidak melebihi RM1 juta; (b) bagi individu yang melakukan kesalahan tersebut di atas, denda tidak melebihi RM250,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya. Dan, bagi kesalahan yang kedua atau yang berikut, didenda tidak melebihi RM500,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya.

Y.B. Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Suib (Bukit Naning) : Yang Berhormat Datuk Speaker.

Y.B. Datuk Speaker: Jemput.

Y.B. Dr. Haji Mohammad bin Taslim (Maharani) : Biasanya ketika jualan murah ini berlaku, biasanya tawaran... apa yang berlaku ialah produk yang ditawarkan itu kehabisan sebelum tamat tempoh jualan murah. Adakah pihak yang berkenaan boleh datang dengan segera apabila aduan dilakukan? Sebab kalau tidak datang dengan segera, maka tindakan tidak dapat diambil. Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Datuk Speaker, kalau tarikh tempohnya kita biasa tempoh jualan murah tidak melebihi 30 hari. Kalau keseluruhannya terpaksa mempunyai 70% barangan berada di kedai tersebut, baru boleh memohon secara jualan murah.

Y.B. Dr. Haji Mohammad bin Taslim (Maharani) : Maksud saya jika barang itu habis, stok barang jual murah habis sebelum tempoh, bolehkah diambil tindakan, dah habis tempoh jualan murah tetapi barangan yang ditawarkan tu sudah habis dan tidak ditambah, boleh tak buat aduan dan tindakan segera diambil.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Yang Berhormat Datuk Speaker kalau dia sudah habis jual dia punya tu barang sudah habis jual dan kita tak bagi dia masukkan barang yang baru, biasa peniaga-peniaga yang

mengadakan jualan murah dia nak habiskan stok dengan segeranya, tak ada tinggalkan.

Y.B. Datuk Speaker : Yang Berhormat Rengit, jemput.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat Datuk Speaker soalan saya nombor 2.

Minta penjelasan Kerajaan berhubung dengan pembinaan rumah mampu milik di Johor. Nyatakan status program pembinaan rumah mampu milik Johor.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Datuk Speaker bagi menjawab soalan daripada Rengit, komponen Rumah Mampu Milik Johor adalah komponen baru dalam Dasar Perumahan Rakyat Johor yang mula diperkenalkan di Johor di dalam kawasan Iskandar Malaysia pada 1 April 2012 dan telah diperluaskan di seluruh Negeri Johor berkuat kuasa pada 1 Januari 2014. Di dalam dasar baru ini pemaju dikehendaki membina sejumlah Rumah Mampu Milik Johor yang di mana keluasan binaan minimumnya ditetapkan adalah 1,000 kaki persegi dengan harga maksimum RM150,000.00. Selain daripada itu, pemaju juga dikehendaki membina Perumahan Komuniti Johor A dan B, masing-masing berharga RM42,000.00 dan RM80,000.00 berkeluasan 720 kaki persegi dan 850 kaki persegi.

Bagi tujuan rekod melalui pelaksanaan Dasar Perumahan Rakyat Johor di kawasan Iskandar Malaysia yang mula berkuasa pada 1 April 2012, sebanyak 6,287 unit Rumah Mampu Milik Johor daripada 11,387 permohonan yang diterima. Dan 1,750 unit Perumahan Komuniti Johor berharga RM42,000.00 dan RM82,000.00 telah diberi kelulusan Kebenaran Merancang oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan dijangka akan di mula ditawarkan pada akhir tahun ini.

Bagi memenuhi keperluan semasa berkaitan di dalam tempoh 5 tahun dari tahun 2013 hingga 2018, Kerajaan Negeri mensasarkan membina sekurang-kurangnya 28,000 unit perumahan mampu milik yakni termasuk rumah kos rendah agar dibina oleh pemaju-pemaju swasta dan syarikat berkaitan Kerajaan di mana 20,000 unit akan dibina di dalam kawasan Iskandar Malaysia dan bakinya di luar kawasan Iskandar Malaysia. Sasaran ini ditetapkan bagi memenuhi keperluan permintaan rumah kategori ini yang setakat ini berjumlah 34,987 permohonan.

Kerajaan Negeri Johor juga telah menubuhkan satu unit *task force* perumahan peringkat negeri yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor dan di daerah yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah yang berperanan meneraju segala hal berkaitan dengan perumahan, terutamanya melibatkan jumlah pembinaan Rumah Mampu Milik, kos sederhana dan penyelesaian isu setinggan di Negeri Johor. Melalui *task force* tersebut juga Kerajaan Negeri Johor telah mengarahkan anak-anak syarikat Kerajaan Negeri untuk mengenal pasti lokasi-lokasi sesuai dibangunkan dengan projek perumahan bagi mempercepatkan pembinaan rumah kos rendah dan Rumah Mampu Milik serta mencapai sasaran pembinaan 28,000 unit rumah tersebut.

Sehingga kini sebanyak 20 kawasan dengan jumlah 11,000 unit rumah telah dirancang untuk dibangunkan oleh 4 anak syarikat Kerajaan Negeri iaitu YPJ Holdings Sdn. Bhd. PIJ Holdings Sendirian Berhad, Kumpulan Prasarana Rakyat Johor dan Johor Land Berhad.

Saya juga menjemput Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk hadir di Karnival Perumahan Mampu Milik Harta Tanah Bumiputera dan Seminar Harta Tanah yang pertama kali diadakan pada 29 November hingga 1 Disember 2013 di Persada Johor yang mana acara ini dianjurkan untuk memberi ruang kepada rakyat untuk mendapatkan maklumat berkaitan Rumah Mampu Milik dengan lebih berkesan.

Y.B. Datuk Speaker : Jemput.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya nak ucapkan terima kasih kepada atas jawapan yang diberikan oleh EXCO tadi dan saya juga nak ucapkan tahniah atas langkah-langkah drastik yang dibuat oleh Kerajaan Negeri dalam membendung isu perumahan di Negeri Johor ini. Cuma ada beberapa perkara yang agak mengelirukan sedikit di negara kita pada hari inilah, yang perlukan definisi yang jelas. Pada tahun 2013 Kerajaan Pusat melalui Bajet 2013 nya telah memperkenalkan Rumah Mampu Milik di bawah PRIMA dan dipertegaskan lagi pada tahun 2014.

Y.B. Datuk Speaker : Yang Berhormat jangan bersyarah.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Tak, ini nak jelaskan dulu Yang Berhormat .

Y.B. Datuk Speaker : Soalan, soalan ajelah jangan bersyarah pulak.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Dia kena ada bunga-bunga dia. Saya pendekkan Yang Berhormat, 2014 dipertegaskan lagi. Nama program perumahan yang diperkenalkan oleh Pusat ialah Rumah Mampu Milik di bawah PRIMA. Johor, kita ucapkan tahniahlah di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang baru ini, Rumah Mampu Milik Johor, so ada perbezaan ini. Jadi, kita nakkan satu penjelasan supaya mampu milik yang disebut tadi RM150,000.00 ke bawah dan saya dengar di peringkat Pusat, mampu milik PRIMA sehingga ke RM300,000.00. Jadi satu penjelasan terhadap perkara inilah, ini soalan tambahan saya Yang Berhormat.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Terima kasih Rengit. Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam kita merancang di antara Kerajaan Pusat dan Negeri, dia saling melengkap dalam memastikan Rumah Mampu Milik ini dapat dilaksanakan selain daripada PRIMA. Untuk makluman Yang Berhormat, projek perumahan PRIMA yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan telah ditetapkan pada harga RM100,000.00 hingga RM400,000.00 dengan keluasan binaan berdasarkan saiz tapak yang ditawarkan. Pada tahun 2014, Kerajaan Persekutuan telah menyediakan dana sebanyak RM1 bilion bagi pembangunan projek PRIMA di seluruh negara dengan berbagai kaedah pembangunan di mana program kerjasama di antara swasta dan pembangunan dijalankan oleh pihak PRIMA sendiri.

Pihak Kerajaan Negeri juga telah dimaklumkan bahawa PRIMA sedang mengenal pasti kaedah pembiayaan yang terbaik bagi membantu mengurangkan beban pemilik untuk memiliki harta tanah. Selain daripada itu PRIMA juga mengenalkan satu skim *monitor* di mana pembeli tidak dibenarkan menjual semula perumahan di bawah skim ini di dalam tempoh 10 tahun kecuali kepada pihak PRIMA sendiri. Manakala di bawah segmen Rumah Mampu Milik Johor, keluasan binaan minimum yang ditetapkan adalah 1,000 kaki per segi dengan harga jualan maksimum adalah RM150,000.00 di

mana setiap pemaju Negeri Johor dikehendaki membina Rumah Mampu Milik Johor sebanyak 20% di kawasan Iskandar Malaysia manakala 10% di luar kawasan Iskandar Malaysia.

Pembeli juga tidak dibenarkan menjual rumah di bawah segmen ini di bawah 10 tahun dari tarikh pemilikan harta tanah kecuali dengan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri. Dan Kerajaan Negeri menerusi telah mengadakan beberapa siri perbincangan bersama dengan pihak PRIMA baru-baru ini telah mengambil ketetapan di antaranya:- Senarai nama pemohon yang mengemukakan nama kepada PRIMA hendaklah dikemukakan kepada Pejabat SUK Perumahan Johor bagi disemak dan diselaraskan dengan senarai permohonan yang dikemukakan oleh Setiausaha Kerajaan Johor. Pihak Kerajaan Negeri Johor juga telah meminta pihak PRIMA untuk memaklumkan setiap projek pembangunan yang akan dilaksanakan di Negeri Johor bagi pandangan bersesuaian dengan projek yang dimajukan. Setakat ini projek di bawah skim PRIMA telah dilaksanakan di Negeri Johor iaitu Daerah Johor Bahru melebihi 200 unit rumah teres berharga RM199,000.00 berkeluasan 140,000 kaki persegi yang telah dilaksanakan pada Oktober 2012 dan dijangka siap pada Oktober 2014. Dan pada ketika ini PRIMA sedang menimbangkan beberapa projek yang akan dilaksanakan di Negeri Johor khususnya di daerah Johor Bahru, bagi menyediakan keperluan perumahan mampu milik bagi rakyat Negeri Johor.

Dan secara keseluruhannya antara PRIMA dan Rumah Mampu Milik Johor kepada mereka yang berpendapatan rendah tetapi PRIMA adalah untuk mereka yang berpendapatan sederhana. Jadi, dia adalah satu program saling melengkap antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat secara keseluruhannya. Kerajaan Negeri Johor berpandangan pembangunan perumahan mampu milik yang dilaksanakan oleh PRIMA memberikan tambahan pilihan kepada rakyat Negeri Johor dengan inisiatif tambahan yang ditawarkan selain pembangunan Rumah Mampu Milik Johor yang dibangunkan oleh pemaju.

Y.B. Encik Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) : Soalan tambahan Datuk Speaker.

Y.B. Datuk Speaker : Skudai tak jadi bangun?

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Terima kasih Datuk Speaker.

Y.B. Datuk Speaker : Ada peluang cakap, tak mahu cakap.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Soalan tambahan saya adalah, sebab saya memang mengalu-alukan usaha Kerajaan Negeri untuk membina bilangan rumah mampu milik yang semakin bertambah. Tapi pertanyaan saya adalah bagaimana Kerajaan Negeri mengetahui permintaan bilangan untuk rumah mampu milikkah, maknanya apa statistik ada kajian yang diikut untuk menentukan bilangan rumah mampu milik yang akan dibina pada 5 tahun akan datang.

Y.B. Datuk Speaker : Jemput.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Datuk Speaker, dia, kita ada pendaftaran di Pejabat Perumahan di mana kita sekarang ini ada 34,000 pendaftaran yang telah kita ambil di Pejabat Setiausaha

Perumahan Negeri Johor. Dan seperti saya maklumkan tadi kita pun cuba memahamkan kepada masyarakat soal kita untuk mendaftar mampu milik ni, kerana kita tahu masyarakat kadang-kadang tidak berdaftar, dia pastikan rumah tu siap baru dia nak mendaftar, ini yang berlaku, sebab itu kita mensasarkan sebanyak 28,000 unit dalam masa 5 tahun ini. Walau bagaimanapun dalam pendaftaran kita sebanyak lebih kurang dalam 35,000 yang telah mendaftar di Pejabat Setiausaha Kerajaan di Cawangan Perumahan. Dengan kaedah penganjuran yang kita anjurkan ini bersama dengan pihak pemaju-pemaju kita harapkan kita dapat statik yang tepat, dalam kita melaksanakan rumah mampu milik dapat kita selesaikan di pembangunan di sekitar Negeri Johor.

Y.B. Encik Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) : Datuk Speaker, saya mohon satu peluang jasa baik Datuk.

Y.B. Datuk Speaker : Jemput.

Y.B. Encik Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) : Terima kasih Datuk Speaker. Yang Berhormat EXCO, soalan saya teknikal. Tadi Yang Berhormat EXCO ada,

Y.B. Datuk Speaker : Bukan soalan ketiga, soalan tambahan.

Y.B. Encik Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) : Maaf, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat EXCO ada menyatakan bahawa ada monitor 10 tahun bahawa rumah tidak boleh dijual. Soalan saya Yang Berhormat EXCO, apa yang akan jadi sekiranya rumah tu dia hutang bank dan kena lelong. Adakah bank berhak untuk melelongkan hartanah itu, walaupun ada monitor itu? Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Datuk Speaker, dia tentang masalah hutang bank yang berlaku adalah kita ada dari segi perjanjian di mana memang peringkat bila berlaku lelong berlaku dia memerlukan kelulusan Pihak Kerajaan Negeri . Jadi mengikut peraturan walaupun tidak sampai kepada 10 tahun, pihak yang mengambil lelong boleh memohon dan kita mengharapkan maknanya dalam lelongan itu kita tak nak mereka yang mengambil kesempatan daripada lelongan itu orang yang mampu, orang yang berpendapatan tinggi membeli Rumah Mampu Milik. Jadi dekat situlah pengawalan yang perlu kita buat. Jadi dalam lelongan tersebut kita tak nak ada berlaku pakatan dalam kita menentukan untuk mengambil rumah yang dilelong. Jadi sebab itu syarat yang kita tetapkan, kita memberi ruang di mana Kerajaan Negeri, kelulusan mestilah melalui Kerajaan Negeri.

Y.B. Datuk Speaker : Terima kasih. Yang Berhormat Johor Jaya jemput.

Y.B. Cik Liow Cai Tung (Johor Jaya) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya nombor 3.

Nyatakan perjawatan dan program yang disediakan bagi golongan orang kurang upaya dan berapakah bilangan OKU yang dimanfaatkan melalui program tersebut?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat: Terima Kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Terima kasih diucapkan kepada Yang

Berhormat Johor Jaya. Kerajaan telah menetapkan dasar 1% peluang pekerjaan di sektor awam kepada OKU yang berkelayakan. Sehingga Disember 2012, seramai 1,754 Orang Kurang Upaya telah pun bekerja di sektor awam di seluruh Negara dan Jabatan Buruh juga telah memperkenalkan pendaftaran pekerjaan secara dalam talian dan sistem padanan yang dikenali sebagai sistem penempatan OKU bagi sektor swasta. Sejak diperkenal pada tahun 1990, sejumlah 13,339 Orang Kurang Upaya berdaftar dan 9,074 orang berjaya ditempatkan untuk bekerja di sektor itu. Bagi Negeri Johor, telah diwujudkan unit penempatan pekerjaan Orang Kurang Upaya di bawah Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim pada tahun 2010 di mana di selia oleh 3 orang *Job Coach*. Dan, sehingga kini bilangan penempatan pekerjaan dari tahun 2010 sehingga September 2013, seramai 61 orang telah pun kita tempatkan dan telah mendapat peluang pekerjaan.

Y.B. Datuk Speaker : Jemput.

Y.B. Puan Liow Cai Tung (Johor Jaya) : Terima kasih atas jawapan yang diberi oleh EXCO. Soalan tambahan saya adalah adakah pihak Kerajaan Negeri bercadang untuk menyediakan lebih kemudahan infrastruktur kepada Orang Kurang Upaya seperti kawasan tanpa halangan selain daripada tempat letak kereta yang sedia ada? Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat: Sebenarnya, bagi Kerajaan Negeri Johor kita memang amat prihatin kepada mereka-mereka yang dikategorikan sebagai Orang Kurang upaya. Sebab itu, kita telah pun meminta daripada pihak berkuasa tempatan mahupun di peringkat mereka-mereka yang ingin membina rumah-rumah supaya diberikan kemudahan kepada Orang-orang Kurang Upaya ini.

Y.B. Datuk Speaker : Tak minat ye orang soalan ini. Jemput Yang Berhormat Bentayan.

Y.B. Encik Chua Wee Beng (Bentayan) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan nombor 4.

Nyatakan peruntukan dari Kerajaan kepada pusat-pusat hemodialisis bukan untung dari 2008 hingga kini. Adakah Kerajaan merancang untuk memberi peruntukan secara sistematik untuk perkara tersebut memandangkan pesakit buah pinggang yang makin meningkat sebaliknya peruntukan subsidi dari Kerajaan Persekutuan telah merosot?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Bismillahirrahmannirrahim Datuk Speaker, Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kesihatan telah memberikan bantuan subsidi rawatan hemodialisis sejak tahun 2001, kepada pesakit miskin dan kurang mampu yang menjalani rawatan hemodialisis di pusat hemodialisis bukan beruntung atau *non profitable* iaitu sebanyak RM50.00 bagi setiap pesakit untuk setiap kali prosedur hemodialisis dijalankan. Sebagai contoh, sekiranya kos untuk menjalankan satu kali hemodialisis bagi seorang pesakit adalah RM150.00, maka Kerajaan Persekutuan telah membantu sebanyak RM50.00 dan bakinya akan dibiayai oleh Pusat Hemodialisis bukan beruntung tersebut. Sebagai rumusan, jumlah bantuan yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kesihatan kepada seorang pesakit miskin dan kurang mampu yang menjalani rawatan hemodialisis di Pusat Hemodialisis bukan beruntung, *non profitableb* sebanyak RM7,800 setahun iaitu

RM50 kali 3 kali seminggu kali dengan 50 minggu setahun. Sehingga kini, Kerajaan Persekutuan masih lagi berhasrat meneruskan, melaksanakan pemberian peruntukan ini untuk membantu pesakit-pesakit buah pinggang yang kurang berkemampuan.

Y.B. Encik Chua Wee Beng (Bentayan) : Soalan tambahan. Sila nyatakan apakah langkah Kerajaan untuk membantu golongan pesakit baru hemodialisis terutamanya golongan fakir dan miskin memandangkan Kementerian Kesihatan telah menangguhkan bantuan subsidi kepada mereka sejak September 2012. Apakah rancangan Kerajaan untuk membantu pesakit hemodialisis baru yang miskin dari golongan masyarakat Melayu, Cina dan India di Negeri Johor?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Datuk Speaker, seperti yang saya nyatakan tadi bahawa Kerajaan Persekutuan sebenarnya meneruskan pelaksanaan memberikan peruntukan seperti yang saya nyatakan tadi. Bagi masyarakat Melayu Islam sebenarnya mereka juga boleh merujuk kepada Baitulmal dan sebagainya untuk mendapatkan bantuan untuk proses rawatan hemodialisis. Dan, untuk pengetahuan semua, sebenarnya kita mempunyai lebih kurang 68, 23 NGO yang mengadakan proses pusat hemodialisis ini dalam usaha untuk membantu masyarakat. Dan, berdasarkan pengalaman sebagai Wakil Rakyat sebenarnya kebanyakan daripada mereka-mereka ini sama ada pesakit baru ataupun lama mereka akan merujuk kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat dan juga daripada Baitulmal untuk memohon bantuan rawatan agar mereka ini dapat menghadiri sesi-sesi hemodialisis.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Speaker.

Y.B. Datuk Speaker : Parit Yaani, Jemput.

Y.B. Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) : Soalan tambahan kepada EXCO. Terima kasih Yang Berhormat Datuk. Di mana pengalaman saya sendiri, abang saya mohon kerana dia tiada pekerjaan untuk dapat rawatan hemodialisis ini tetapi pihak yang bertanggungjawab itu tidak datang. Sekarang ini dia tidak boleh nak berjalan, tetapi tak datang, sehingga beberapa bulan lepas itu dia meninggal. Bila dia meninggal, barulah pihak yang berkenaan datang, hantar surat, bukan datang. Jadi, saya mengharapkanlah kepada jabatan yang berkaitan apabila kita dapat laporan daripada pesakit yang memang memerlukan orang yang tidak berada ini, tolong datang buat siasatan kerana mereka memang memerlukan. Sekian, terima kasih.

Y.B. Datuk Speaker : Jemput, Pengerusi.

Y.B. Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan tambahan.

Y.B. Datuk Speaker : Jemput, jemput nanti, jawab dulu.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Dia kadang-kadang susah juga ni, yang mana satu. Datuk Speaker, saya kurang jelas yang berkaitan tentang apa yang dinyatakan tadi. Tetapi sebagai sebuah jabatan yang bertanggungjawab, kita sentiasa saja memberikan khidmat bakti kita kepada masyarakat.

Y.B. Datuk Speaker : Soalan dia jelas, Yang Berhormat Parit Yaani kata, abang dia tak terdaya.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Itulah sebabnya.

Y.B. Datuk Speaker : Tapi orang tak datang, dah mati baru datang, boleh jawab.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Datuk Speaker, ingin saya jelaskan seperti yang saya katakan tadi bahawa setiap kali kalau kita mengalami masalah untuk melakukan proses dialisis sepatutnya mereka ini akan datang ke hospital dan jika sekiranya hospital itu tidak berkemampuan untuk menampung kapasiti yang ada maka mereka ini perlu mendaftar ataupun berjumpa dengan Pusat Hemodialisis swasta ataupun NGO. Seperti saya katakan tadi, bahawa saya perlukan penjelasan kerana jikalau mereka ini sudah pun terbaring, sudah pun terbaring, adakah proses itu dilakukan oleh jabatan kesihatan ataupun jabatan yang lain? Kerana Datuk Speaker, dengan kekangan, kekuatan tenaga yang ada, dengan jumlah pesakit yang bertambah, adakah menjadi tanggungjawab jabatan untuk mengangkut pesakit 3 kali seminggu, setiap hari sepatutnya yang bertanggungjawab, bagaimana cara masyarakat untuk membawa bersama keluarga untuk membawa bersama di hospital dan juga pusat rawatan jikalau tanggungjawab itu tidak ada dalam diri kita, kenapa kita perlu menuding jari kepada orang lain. Terima kasih.

Y.B. Datuk Speaker : Semarang.

Y.B. Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan tambahan. Melihatkan kepada kes-kes keperluan hemodialisis ini semakin bertambah, adakah pihak Kerajaan menyediakan insentif untuk penubuhan, penubuhan pusat-pusat hemodialisis yang baru di masa akan datang?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih kepada Semarang. Sebenarnya, memang hasrat Kerajaan untuk memperbanyakkan lagi usaha bagi memberikan kemudahan kepada pesakit-pesakit ini dan selain daripada kita memberikan insentif seperti saya nyatakan tadi, bahawa kita perlu melihat dan juga memberikan kesedaran kepada masyarakat bagaimana untuk kita mencegah daripada berlakunya proses ini, itu lebih baik dan juga lebih penting. Maka, bukan sekadarkan cuma kita memperbanyakkan pusat, kita banyakkan pesakit tetapi pada masa yang sama kita mengharapkan bahawa ada kesedaran di kalangan masyarakat bahawa penyakit ini bertambah, penyakit ini cukup berbahaya, maka kesedaran untuk menjaga kesihatan itu perlu diutamakan.

Y.B. Datuk Speaker : Yang Berhormat Tenang, jemput.

Y.B. Encik Mohd Azahar bin Haji Ibrahim (Tenang) : Bismillahirrahmannirrahim. Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya nombor 5.

Apakah langkah-langkah yang dijalankan oleh Jabatan Agama Islam Johor tentang isu pentauliahan penceramah dari luar Johor yang mula masuk dan masih berdegil untuk meneruskan ceramah walaupun dinasihatkan supaya berhenti?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahirrahmannirrahim. Yang Berhormat Datuk Speaker, setiap individu yang ingin mengajar dan memberikan syarahan agama ataupun menyampaikan pengajaran Agama Islam di dalam Negeri Johor, hendaklah mengemukakan permohonan ke Pejabat Kadi Daerah untuk dibawa ke dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penapisan Kebenaran Mengajar dan Memberi Syarahan Agama di Negeri Johor setelah di temu duga terlebih dahulu oleh Pegawai Tadbir Agama daerah berkenaan di samping sokongan daripada Pegawai Tadbir Agama daerah ataupun lebih dikenali sebagai Kadi Daerah. Sehingga kini, seramai 866 pemegang tauliah, sijil tauliah mengajar dan memberikan syarahan agama di Negeri Johor, yang masih berkuat kuasa tempoh tauliahnya yang telah diluluskan oleh Ahli Majlis Jawatankuasa Penapisan Kebenaran Mengajar dan Memberi Syarahan Agama di Negeri Johor.

Sehubungan dengan itu, Pejabat Kadi Daerah telah pun mengedarkan senarai nama pemegang-pemegang tauliah yang telah pun diluluskan pada masyarakat Islam melalui masjid-masjid di seluruh Negeri Johor bagi tujuan pemantauan dan sekiranya terdapat penceramah ataupun guru-guru yang mengajar, yang tidak mempunyai tauliah hendaklah dilaporkan kepada Bahagian Penguatkuasaan bagi tujuan tindakan undang-undang. Tindakan yang akan diambil di bawah Seksyen 11 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Johor 2003, bagi mereka-mereka yang telah melakukan kesalahan tersebut akan didenda sebanyak RM5,000.00 atau 3 tahun penjara atau kedua-duanya sekali. Sehingga kini, senarai penceramah-penceramah yang tidak bertauliah telah pun ada di dalam senarai pendek kami dan juga lokasi-lokasi mereka mengadakan ceramah telah pun dikenal pasti. Tindakan yang telah diambil ialah dengan menasihatkan tenaga pengajar itu dan juga penganjurnya sekali dan sekiranya mereka terus berdegil tindakan akan diambil. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker.

Y.B. Datuk Speaker : Jemput.

Y.B. Encik Mohd Azahar bin Haji Ibrahim (Tenang) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan tambahan jika pihak penceramah ini berdegil dalam ceramah mereka ini, dan dah dikenal pasti di berapa kawasan, jadi saya melihat mereka ini masih tidak mengendahkan, apa arahan yang dibuat oleh Jabatan Agama. Jadi, soalan saya apakah langkah-langkah yang perlu atau sama ada perlu ditangkap ketika itu ke, ataupun diberi nasihat pada masa kejadian tersebut? Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya telah jelaskan tadi, bahawa tindakan menasihatkan penganjur dan juga penceramah ataupun tenaga pengajar itu telah pun diambil. Dan, kita pun bagi pihak Jabatan Agama Islam Johor Bahagian Penguatkuasaan telah pun mengambil tindakan di setengah-setengah tempat. Namun, di setengah tempat yang lain masih ada lagi tindakan kami yang menasihatkan pihak penganjur supaya mereka ini mematuhi peraturan dengan kita memberikan cadangan supaya mereka memohon tauliah. Dan, sekiranya masih tetap berdegil, pihak kami melalui Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Johor akan mengambil tindakan. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker.

Y.B. Datuk Speaker : Jemput, hujung-hujung.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Soalan tambahan, Yang Berhormat Speaker, Yang Berhormat Datuk, kita dah dengar tadi bentuk-bentuk kawalan dan juga tindakan yang dikenakan. Jadi, saya nak lihat juga betapa seriusnya perkara ini berlaku di Johor dan kalau boleh, Yang Berhormat Datuk Speaker, minta maklumat yang lebih terperinci mengenai statistik penangkapan, denda sebagainya, pasal ini juga menentukan sejauh mana seriusnya perkara tersebut berlaku di Johor. Kerana sekarang ini kita lihat terlalu banyak kebanjiran penceramah-penceramah daripada luar menggunakan media bukan sahaja untuk berceramah tetapi untuk politik. Sekian, terima kasih.

Y.B. Datuk Speaker : Jemput.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Seperti yang saya maklumkan tadi bahawa saya akan perincikan kepada Yang Berhormat Kukup. Tentang statistik yang telah kami laksanakan bagi pihak Jabatan Agama Johor dan tindakan yang telah pun diambil kepada mereka-mereka yang mengajar dengan tidak menggunakan ataupun mempunyai tauliah daripada Jabatan Agama Johor. Sebab itu, pihak kami Bahagian Penguatkuasaan sentiasa memantau. Banyak perkara yang dipantau selain daripada tauliah. Mereka memiliki tauliah, kita juga memantau pengajaran, kandungan pengajaran yang disampaikan kepada masyarakat Islam terutamanya majlis-majlis ilmu ataupun ceramah-ceramah agama yang menggunakan platform masjid dan surau dan begitu juga pusat-pusat pengajian. Pihak kami juga akan sentiasa memantau dan kami memohon kerjasama daripada pihak masyarakat Islam sendiri bagi menjamin kesejahteraan umat Islam supaya perkara-perkara yang tidak diingini dan begitu juga pengedaran ataupun pengajaran ajaran-ajaran salah ini dapat dibendung.

Saya menyeru supaya seluruh umat Islam di Negeri Johor ini supaya mengambil tindakan dengan memaklumkan kepada pihak kami di Bahagian Penguatkuasaan ataupun di Unit di Bahagian Penyelidikan, Jabatan Agama Islam Johor. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker.

Y.B. Datuk Speaker : Terima kasih. Sungai Abong, ada tambahan?

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Terima kasih Datuk Speaker, soalan tambahan saya. Daripada jawapan Yang Berhormat Exco tadi tidak menjelaskan secara jelas tentang premis-premis yang dibenarkan ataupun tidak dibenarkan penceramah-penceramah ini memberi ceramah-ceramah atau kelas-kelas agama tanpa tauliah.

Soalan saya, adakah premis persendirian, *private-private* ataupun contohnya rumah-rumah, kalau saya nak mengadakan ceramah ataupun usrah ataupun di rumah saya ataupun saya sendiri untuk memberi kuliah dengan ahli keluarga saya, adakah ini termasuk juga dalam Enakmen tersebut tadi? Terima kasih.

Y.B. Datuk Speaker : Jemput.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Sungai Abong, saya ingin memaklumkan bahawa sekiranya penganjur ataupun mereka yang mengadakan ceramah-ceramah itu di dalam premis-premis persendirian ataupun mereka ini

menyampaikan ceramah-ceramah ataupun penyampaian ilmu agama kepada keluarga mereka sendiri, ini tidak termasuk. Tetapi sekiranya di premis-premis persendirian yang mana mereka melibatkan dengan jumlah kehadiran yang ramai, pihak Jabatan Agama Islam Johor memaklumkan kepada penganjur-penganjur supaya mereka ini mengambil kebenaran permit daripada pihak Polis dan jabatan-jabatan yang berkaitan. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker.

Y.B. Datuk Speaker : Ok. Yang Berhormat Sungai Abong, jemput.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Yang Berhormat Datuk Speaker soalan saya soalan nombor 6.

Bagi pemilik tanah pertanian yang mempunyai status "tanaman getah" yang telah mengubah jenis tanaman kepada kelapa sawit, adakah pihak kerajaan boleh meneruskan bantuan (RISDA) kepada pekebun-pekebun ini?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Datuk Speaker, bagi menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Sungai Abong, sukacita dimaklumkan bahawa pemilik tanah pertanian yang mempunyai status tanaman getah perlu memohon terlebih dahulu daripada RISDA menerusi Program Tanam Semula Getah ke lain (TSGL) *One Off*, dengan izin. Sebelum mengubah jenis tanaman kepada kelapa sawit, sebagaimana panduan yang telah ditetapkan. Program ini menyediakan bantuan berjumlah RM2,500.00 per hektar. Kaedah pembayaran dilaksanakan adalah seperti berikut :

1. Benih sawit; 148 pokok dengan berjumlah RM11.70 dan jumlah RM1,731.60.
2. Baja Api; 7 beg berjumlah RM8.10 iaitu jumlah sepenuhnya RM56.70
3. Baja 3S; 19 beg, harga seunit iaitu RM17.55, jumlah RM333.45

Jumlah keseluruhan bantuan yang diberikan RM2,121.75. Baki berjumlah RM378.25 akan dibayar terus ke akaun bank. Sekiranya pekebun, pemilik kebun menggunakan benih atau baja sendiri, bayaran secara terus akan dibuat ke akaun pemilik setelah mendapat pengesahan daripada pegawai. Terima kasih.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Yang Berhormat Datuk Speaker soalan tambahan saya.

Daripada jawapan Yang Berhormat Exco tadi ada menjelaskan bahawa program bantuan tanaman semula daripada getah ke kelapa sawit. Yang menjadi masalahnya setiap kali pekebun-pekebun getah ingin menukar tanaman kepada sawit, jawapan yang diberikan bahawa mengikut peraturannya ataupun kuotanya selalunya telah habis. Jadi tak dibenarkan, kalau nak menanam, pekebun kena menggunakan duit ataupun dana sendiri. Ini jawapan yang diberikan. Maknanya oleh kerana kuota itu terlalu sikit dan syarat daripada getah ke kelapa sawit ini terlalu ketat. Kalau sawit ke sawit dia senang. Kalau getah ke kelapa sawit dia ketat sikit peraturannya dan syarat-syaratnya. Memandangkan bahawa kebun getah ini dia terpaksa menukar kepada kelapa sawit memandangkan bahawa dari segi ekonomi ini. Getah tidak menguntungkan buat masa ini berbanding kepada sawit. Jadi saya cadangkan ataupun soalan saya adakah Kerajaan boleh tanpa syarat, cukup je

syarat, tak perlu ada kuota, semua pekebun getah yang ingin menukar tanaman kepada sawit diberikan bantuan kepada semuanya. Terima kasih.

Y.B. Datuk Speaker : Jemput.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Datuk Speaker, seperlimana yang kita maklum bahawa penubuhan RISDA adalah untuk membantu pekebun kecil untuk tanaman getah. Walau bagaimanapun, ada sebahagian daripada pekebun kecil ingin mengubah daripada getah kepada kelapa sawit. Macam mana pun kita perlu ada kawalan, perlu ada kawalan untuk memastikan tanaman getah ini perlu diteruskan lagi. Macam mana pun pihak RISDA akan terus membantu pekebun-pekebun kecil getah ini dengan melalui skim-skim yang diperkenalkan untuk memastikan pekebun-pekebun kecil ini terus mengekalkan tanaman semula getah. Antaranya kita memastikan apabila kejatuhan getah, harga getah, kita akan memberi bantuan sara hidup dan juga kita juga memberi bantuan-bantuan ataupun kita memberikan khidmat nasihat dan juga baja-baja yang sepatutnya untuk kita memastikan pihak pekebun kecil ini tidak sewenang-wenangnya menukar kepada kelapa sawit.

Y.B. Datuk Speaker : Jemput.

Y.B. Puan Chew Peck Choo (Yong Peng) : Soalan tambahan saya, berapa lama, berapa masa diperlukan untuk RISDA meluluskan satu permohonan tanam semula atau mengubah jenis tanaman sebab di kawasan DUN Yong Peng ada aduan dari pekebun kecil bahawa masa ambil terlalu lama untuk meluluskan. Terima kasih.

Y.B. Datuk Speaker : Jemput.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Datuk Speaker, pihak RISDA telah menetapkan piagam pelanggan yang telah ditetapkan untuk mendapat skim bantuan ataupun insentif ini pihak pegawai RISDA akan mengenal pasti dahulu khususnya kepada pemohon-pemohon mempunyai kelayakan. Antaranya mereka perlulah mempunyai keluasan kebun kurang daripada 100 hektar dan juga masih mempunyai bukti tunggul getah di kawasan yang berkenaan dan juga bantuan ini perlu mendapat iaitu membuat pemeriksaan lebih awal oleh pihak Pegawai RISDA sama ada pokok ini bersesuaian ataupun tanah ini bersesuaian untuk diberi bantuan. Jadi kita memerlukan, memanglah kita memerlukan sedikit masa untuk mendapatkan semakan dan pengesahan daripada pihak-pihak yang berkenaan sebelum kita beri bantuan.

Macam mana pun tempoh yang diberikan adalah tidak lebih daripada sebulan yang telah ditetapkan oleh piagam kita. Terima kasih.

Y.B. Datuk Speaker : Yang Berhormat Bukit Batu.

Y.B. Encik Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya nombor 7.

Setakat Oktober 2013, sila nyatakan jumlah harian air terawat yang diproses sendiri oleh Kerajaan dan jumlah air terawat yang masih kerajaan beli daripada Singapura setelah pengambilan 2 loji rawatan air dan 2 air rumah pam pada tahun 2011.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Batu.

Di Negeri Johor terdapat 44 buah loji rawatan air. Berdasarkan Perjanjian Penswastaan pada 19 Julai 2009, antara Kerajaan Johor dan SAJ Holdings Sdn. Bhd., SAJ Holdings dibenarkan untuk mengendalikan 29 buah loji termasuk 2 buah loji yang telah diserahkan oleh PUB Singapura kepada Kerajaan Johor pada 1 September 2011. Perjanjian konsesi antara Syarikat Air Johor dan Southern Water Corporation Sdn. Bhd. pada 31 Mei 1994, SAJ telah memberi kebenaran kepada SWC untuk mengendalikan sebanyak 14 buah loji manakala Perjanjian Air pada 1 September 1962, antara Kerajaan Johor dan City Council Singapura dikenali sebagai PUB Singapura. PUB diberi kebenaran untuk mengendalikan sebuah loji rawatan air. Maka itu jumlah air harian yang dirawat oleh loji-loji Syarikat Air Johor ialah 354 juta gelen sehari. Loj-loji SWC ialah sebanyak 91.6 juta gelen sehari. Bagaimanapun, Kerajaan Negeri masih membeli air bersih dari PUB Singapura sebanyak lebih kurang 16 juta gelen sehari. Kawasan yang menerima bekalan air dari PUB Singapura merupakan kawasan yang berada di laluan paip loji rawatan air PUB Singapura di Kampung Tai Hong ke Singapura.

Y.B. Encik Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) : Soalan tambahan saya Datuk Speaker. Seperti sedia maklum oleh Ahli-Ahli Dewan ini berdasarkan Perjanjian Air Malaysia-Singapura 1961 dan 1962, Republik Singapura beli air mentah dengan harga RM0.03 sen setiap 1,000 gelen daripada Kerajaan Negeri Johor manakala Negeri Johor membeli 1,000 gelen air terawat dengan harga RM0.50 sen setiap 1,000 gelen. Soalan saya, apakah kos proses air terawat sendiri oleh Kerajaan Negeri Johor dan sampai bilakah Negeri Johor ini nak terus bergantung kepada pembelian air lagi daripada Republik Singapura selepas 50 tahun lebih kita menandatangani perjanjian ini. Isu ini adalah isu kedaulatan Datuk Speaker, Negeri Johor, diharap beri penjelasan. Terima kasih.

Y.B. Datuk Speaker : Jemput.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker dan terima kasih kepada Bukit Batu. Jumlah keperluan air terawat untuk Negeri Johor ialah 330 juta gelen sehari bagi tahun 2013. Manakala reka bentuk semua loji yang ke 44 loji tadi mampu untuk mengeluarkan air terawat sebanyak 436 juta gelen. Kita tak bergantung dengan Singapura. Kemampuan loji rawatan air kita telah memberi penampan sebanyak 24.30%. (Dewan bertepuk). Jadi, itu adalah usaha Kerajaan Negeri untuk memastikan bahawa kita mempunyai keupayaan untuk membekalkan air terawat sendiri. Terima kasih.

Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Datuk Speaker, soalan tambahan. Terima kasih Datuk Speaker, saya ada satu soalan berkenaan dengan perjanjian. Perjanjian antara negara kita dengan Singapura berkenaan dengan air bekalan mentah, air mentah bekalan kepada Singapura yang telah ditandatangani pada tahun 1960-an di mana air mentah dijual kepada Singapura 1,000 gelen hanya dengan RM0.03 sen sahaja. Adakah Kerajaan ada rancangan untuk mengkaji semula perjanjian tersebut

berdasarkan kepada peruntukan-peruntukan dalam perjanjian tersebut untuk mengkaji semula harga yang dijual kepada Republic of Singapura.

Y.B. Datuk Speaker : Jemput.

Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Diharapkan Yang Berhormat boleh memberi penjelasan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Terima kasih Yang Berhormat Jementah. Yang Berhormat Datuk Speaker, Kerajaan Negeri telah mengemukakan pandangan kepada Kerajaan Persekutuan bahawa jualan air mentah sebanyak RM0.03 sen bagi 1,000 gelen adalah kadar lama yang memerlukan kajian semula. Maka atas dasar itu, Kerajaan Negeri telah pun menyampaikan pandangan supaya kadar RM0.03 sen ini dikaji semula memandangkan harga bekalan air mentah kepada SAJ, malah bekalan air mentah kepada Kerajaan Negeri Melaka pun jauh lebih mahal daripada RM0.03 sen 1,000 gelen. Maka, sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jementah pihak Kerajaan Negeri sedang dalam tindakan untuk meminta agar kajian RM0.03 sen bagi 1,000 gelen ini dibuat. Terima kasih.

Y.B. Datuk Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekianlah sahaja sesi soal jawab kita pada pagi ini. Mana-mana soalan yang disenaraikan tak dapat nak dijawab, saya harap Pengerusi-Pengerusi Jawatankuasa dapat menjawab secara bertulis dan disediakan ataupun disiapkan dalam Persidangan ini. Jurutulis.

Jurutulis : PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2014) TAHUN 2013.

Y.B. Datuk Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, suka saya mengingatkan bahawa menurut Peraturan Tetap 112 (2), maka perbahasan atas rundingan itu hendaklah dihadkan Kepada lunas-lunas am yang berkenaan dengan dasar dan pentadbiran kerajaan sebagaimana tersebut dalam Rang Undang-Undang ini. Perbahasan atas rundingan bagi Bacaan Kali Kedua Enakmen Perbekalan 2014 Tahun 2013 dimulakan sekarang. Saya jemput Rengit untuk mencadangkan, jemput Rengit.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Bismillahirrahmannirrahim.

Y.B. Datuk Speaker : Masa tak lebih 45 minit.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Datuk Speaker : Waalaikumusalam.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Salam sejahtera, salam muafakat Johor. Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih kerana memberikan peluang, ruang dan kesempatan serta masa untuk saya membawa usul menyokong Rundingan Bajet 2014 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor pada 7 November 2013.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sekalung tahniah, sejambak bunga, sejambak doa, segunung harapan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang telah merangka Pelan Kewangan Negeri Johor bagi Tahun 2014 bertemakan, 'Muafakat Pembangunan dan Pengagihan', bagi meneruskan kecemerlangan Johor, dengan harapan mempertingkatkan lagi kejayaan serta kemakmuran Negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dengan satu harapan agar seluruh anak watan Johor sanggup berkorban, berlebih kurang, berkompromi, maka agihan hasil mahsul negeri akan diagihkan dengan adil dan saksama bersandarkan konsep rundingan dan kekuatan kemajmukan. Yang Berhormat Datuk Speaker, Rengit yakin dengan kekuatan strategik yang ada bagi Negeri Johor serta empat strategi dalam Pelan Kewangan Negeri Johor 2014, 42 perkara yang diberi fokus, berbekalkan anggaran kutipan hasil RM1.064 bilion, Rengit yakin Johor akan bertambah sejahtera lagi makmur.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sekali pun ombak ganas membadai seluruh ekonomi dunia hingga kemerosotan dagangan global, berbekalkan pertumbuhan negeri sekitar 6%, Rengit berdoa dengan empat strategi yang digarap bagi menghadapi cabaran tersebut, mampu menahan putaran ganas ombak tersebut. Yang Berhormat Datuk Speaker, sekali lagi Rengit sekali lagi merakamkan ucapan tahniah kepada Kerajaan Negeri yang mengambil pendekatan selektif dalam usaha menarik pelaburan berkualiti. Sudah sampai masanya kita memilih pelaburan berkualiti bagi membantu pertumbuhan yang berkualiti dalam negara ini. Sebelum ini kita asyik menarik pelaburan masuk hinggakan orang tempatan hilang pekerjaan, hilang pendapatan, masalah sosial bertambah-tambah dan penduduk di dalam negara tidak mendapat apa-apa sekadar bangga dengan angka pertumbuhan yang meningkat setiap tahun.

Yang Berhormat Datuk Speaker, empat strategi yang digarapkan dalam Pelan Kewangan Negeri Johor tersebut; mencorakkan ekonomi mampan, meningkatkan kesejahteraan rakyat, memperkasa dan merakyatkan kerajaan, melahirkan modal insan yang berketerampilan, mampu menjadikan Johor bertambah sejahtera. Benarlah dikatakan Johor ini, 'Intan Selatan Permata Asia'.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dengan keyakinan muafakat menjadi teras Pelan Kerja 2014, disokong pertumbuhan negeri yang meyakinkan 2012 dan 2013, saya yakin Johor mampu menyelesaikan isu denyut nadi rakyat Johor seperti rumah yang selesa dan mencukupi, insiden jenayah yang berkurangan, kemudahan dan perkhidmatan kesihatan yang mencukupi, agihan ekonomi yang adil, pengurangan kos sara hidup dan akan lahir lebih ramai usahawan di Johor dan Johor akan dilihat lebih Islamik. Inilah harapan seluruh rakyat Johor kepada kepimpinan baru Kerajaan Negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kita harus mengakui bahawa cabaran yang bakal kita hadapi cukup besar, dalam dan juga luar. Bukan semudah garapan dan juga bicara, bukan semudah kata dan juga tinta, apa pun kita perlu harungi, apa pun kita harus tempuhi, kita perlu gigih berusaha, jangan kita gentar akan rempuhan cabaran itu, cuma dalam masa yang sama, kita perlu menadah tangan memohon rahmat dan keberkatan daripada Yang Maha Esa.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pertama sekali saya ingin tegaskan soal kualiti. Kualiti bermaksud bermutu, tahap terbaik atau tertinggi. Kita mahu Pelan Kewangan Negeri Johor yang berkualiti, pelaburan yang berkualiti, pertumbuhan yang berkualiti, kualiti

hidup rakyat yang tinggi, sistem penyampaian yang berkualiti disusuli dengan agihan yang adil dan saksama untuk seluruh rakyat Johor. Jika ini dapat kita gerakkan, maka untuk kita sampai negara maju menjelang 2020 akan lebih mudah. Inilah harapan rakyat Johor. Baik di desa, di bandar, yang muda, yang tua, yang miskin, yang kaya, yang celik, yang buta, Yang Berhormat Datuk Speaker, semuanya mengharap. Mudah-mudahan harapan ini menjadi realiti.

Yang Berhormat Datuk Speaker, perkara kedua yang ingin saya utarakan ialah soal hasil Kerajaan Negeri. Walaupun dianggarkan 2014 kutipan hasil negeri tinggi sekitar RM1.064 bilion dapat dikutip, tapi bersandarkan pembangunan dan perubahan yang sedang rancak dilalui di Negeri Johor pada masa kini dan akan datang, saya yakin kutipan hasil seharusnya dipertingkatkan melebihi jumlah anggaran. Jumlah, Johor dikurniakan anugerah alam yang terlalu besar, tanah yang subur, lautan yang terbentang.

Yang Berhormat Datuk Speaker, berdasarkan semakan yang kita buat dan laporan-laporan yang kita terima, Kerajaan Negeri banyak memberikan tanah untuk projek penswastaan tapi pulangan dalam bentuk *in kind*, dengan izin, ataupun tunai masih banyak yang belum dipulangkan kepada Kerajaan Negeri seperti dilaporkan dalam Laporan Audit 2011 yang lepas, Yang Berhormat Datuk Speaker.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya sendiri pernah bertanya dalam Dewan yang mulia ini, dalam Sidang yang lepas, berapakah pulangan yang sepatutnya diterima oleh Kerajaan Negeri Johor melalui projek penswastaan ini? Saya dapat jawapan sekadar soalan itu perlu dijawab. Berdasarkan semakan dan laporan projek penswastaan di Negeri Johor ini bernilai berbilion-bilion ringgit. Tetapi hasilnya menjadi tanda tanya. Jika Kerajaan Negeri boleh melihat perkara ini secara terperinci dan mengambil tindakan yang perlu, saya yakin, hasil Kerajaan Negeri boleh bertambah melebihi daripada anggaran yang telah kita garapkan pada 2014 yang akan datang.

Satu lagi Yang Berhormat Datuk Speaker, berhubung dengan kutipan hasil yang ada kaitan dengan GLC, dengan izin, syarikat yang berkaitan Kerajaan Negeri atau syarikat yang berkaitan Kerajaan Pusat akan sumbangan langsung mereka kepada Kerajaan. Semua tahu Kerajaan Negeri mengurniakan tanah kepada semua GLC ini, kita tidak ketahui apakah sumbangan GLC itu semula kepada Kerajaan Negeri, tanah sudah diberikan di sana sini, bukit bukau, laut, sungai, semuanya sudah diberikan. Tapi berapakah jumlah sumbangan GLC ini dengan izin, kepada Kerajaan Negeri secara langsung ataupun tidak langsung.

Yang Berhormat Datuk Speaker, apa pun saya nak ucap tahniah kepada KPRJ, YPJ dan PIJ yang nampak dengan jelas lagi terang sumbangan langsung mereka atau tidak langsung mereka kepada Kerajaan Negeri melalui Bajet 2014. PIJ, Perbadanan Islam Johor sebanyak RM3.1 juta untuk orang susah; KPRJ sebanyak RM21.7 juta untuk baik pulih masjid dan sekolah agama, manakala RM50 juta untuk pembinaan rumah setinggan; YPJ pula sebanyak RM18 juta untuk tabung pendidikan 2,000 anak Johor untuk ke IPTA dan juga IPTS; Johor Corporation kalanya, menyumbang sebanyak RM82 juta, yang saya lihat tidak jelas sumbangannya sekadar dalam lingkungan mereka.

Y.B. Datuk Speaker : Tak faham kita, apa maksudnya tu?

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yalah, Johor Corp kata dia akan bina rumah murah, pembangunan usahawan, tapi dalam sekitar Perbadanan Johor itu sendirilah, ya. Kalau YPJ ni kita nampak dia bagi biasiswa kepada anak-anak Johor, KPRJ dia bina, baiki masjid, baiki surau, itu jelas. Perbadanan Johor ni dia dalam kumpulan mereka ajelah. Yang Berhormat Datuk Speaker, yang boleh saya jelaskanlah, maksud saya itulah, *statement* yang saya buat, dengan izin.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon maaflah, kita bangga dengan pencapaian Johor Corporation, Johor Corp berjaya di seluruh negara dan seluruh dunia. Kita rakyat Johor tumpang bangga, tumpang bertepuk tangan, apa tidaknya, tahun 2012 sahaja Johor Corporation merekodkan jumlah perolehan RM5.64 bilion dan keuntungan sebelum cukai RM868 juta, bukan sedikit, banyak tu Yang Berhormat Datuk Speaker.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dulu rakyat Johor ni, seluruh rakyat Johor ingin menumpang teduh dengan Johor Corporation, rakyat Johor menumpang kasih dengan Johor Corp melalui Amanah Saham Johor dan Dana Johor, bukan sahaja tak dapat berteduh, malah berpanas dan terpaksa ke Mahkamah. Memang ada skim menyelamat tapi mereka lama berpanas akhirnya pelaburan itu berkesudahan dapat duit asal mereka selepas didesak berkali-kali di Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Kerajaan Negeri Johor pernah menjadi penyelamat dan *guarantor* kepada GLC ini ketika berdepan dengan suasana kewangan yang kritikal, gawat dan kritikal sehingga ada pihak menuduh Kerajaan Negeri akan bankrap. Yang Berhormat Datuk Speaker, kita tak mahu Kerajaan terkais-kais mencari sumber untuk membiayai pengurusan dan pembangunan negeri, tapi dalam masa yang sama anak-anak syarikat Kerajaan Negeri kaya raya dan tidak pula menyumbang apa-apa kepada Kerajaan Negeri.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin mencadangkan di Dewan yang mulia ini, Kerajaan Negeri dalam setiap pemberian tanah kepada mana-mana anak syarikat negeri, perlu dibuat penilaian berdasarkan nilai pasaran semasa. Dan Kerajaan Negeri sama ada melalui badan-badan tertentu perlu ada *stake* yang jelas, dengan izin, dalam setiap projek pembangunan tersebut.

Yang Berhormat Datuk Speaker, satu lagi perkara yang boleh menambah hasil kepada Kerajaan Negeri ialah penguatkuasaan caj-caj yang berkaitan dengan perumahan di Negeri Johor. Saya nak ucapkan tahniah kepada kepimpinan baru Kerajaan Negeri Johor yang telah melaksanakan langkah ini segera, dan caj-caj ini saya yakin boleh menambahkan hasil kepada Kerajaan Negeri.

Yang Berhormat Datuk Speaker, perkara lain yang boleh menambah hasil Kerajaan Negeri ialah melalui penglibatan langsung Kerajaan Negeri dalam setiap pembangunan yang berlangsung. Cuba difikirkan akan mekanisme yang sesuai untuk penglibatan Kerajaan Negeri dalam projek pembangunan. Contohnya, kita dengar projek pembangunan mega RAPID di Pengerang dan di Nusajaya. Kita tak jelas berapa perolehan yang akan diterima oleh Kerajaan Negeri melalui kedua-dua projek ini sama ada secara langsung atau pun tidak langsung. Yang Berhormat Datuk Speaker, Jika hasil Kerajaan Negeri dapat cepat ditambah Yang Berhormat Datuk Speaker, maka akan cepatlah projek pelebaran jalan kampung. Akan banyak lagi

kampung-kampung yang akan dapat lampu menerangi kampung dan desa yang gelap ni Yang Berhormat Datuk Speaker. Akan banyak lagi parit dan sungai di kampung yang akan digali yang boleh menyelesaikan isu banjir di kampung Yang Berhormat. Dan, akan banyak lagi pinjaman pelajaran yang dihulurkan kepada anak-anak Johor, Yang Berhormat Datuk Speaker.

Yang Berhormat Datuk Speaker, perkara ketiga yang ingin saya sampaikan ialah dalam Pelan Kewangan Negeri Johor 2014 ialah perbelanjaan berhemah. Saya menyokong Pelan cadangan ini agar setiap sen yang dibelanjakan akan memberi manfaat besar kepada rakyat Negeri Johor. Walau bagaimanapun perlu ada pelan komprehensif program penjimatan ini. Ianya telah dilakukan oleh negara-negara maju daripada air yang digunakan, letrik, kertas dan ratusan perkara yang boleh dijimatkan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kita perlu bergerak pantas menjayakan pelan penjimatan ini. Kita lihat ada negara-negara yang terpaksa memberhentikan operasi awamnya kerana kekangan kewangan. Faktor global kini perlu kita pantau dan awasi detik ke detik supaya amaran awal boleh kita kesan lebih cepat Yang Berhormat Datuk Speaker.

Yang Berhormat Datuk Speaker, perkara kedua yang ingin saya sampaikan ialah soal perumahan, isu yang cukup hangat pada hari ini. Saya nak bertanya apakah sudah jadi kepada industri atau pun sektor perumahan di Negeri Johor ini. Apakah tanah di Johor ni sudah macam nak habis? Apakah Johor ni sudah macam Hong Kong atau pun Singapura, dah tak ada tanah? Harga rumah di Johor terutama di Johor Bahru saya takrifkan sudah sampai harga gila, Yang Berhormat Datuk Speaker. Harga tak masuk akal, harga songsang, harga ajaran sesat Yang Berhormat Datuk Speaker. Apa tidaknya, rumah teres 2 tingkat setengah juta. Rumah teres 2 tingkat ni Yang Berhormat, dia dinding kongsi, Yang Berhormat. Sebelah ni kongsi, sebelah ni kongsi. Tapi harga dia kira harga satu. Yang tak kongsi ni cuma dinding belakang dengan dinding depan. Tapi hargonya sampai RM1 juta. Rumah semi D, 2 tingkat RM1 juta Yang Berhormat. Malah rumah *end lot* mencecah harga RM800,000.00, ini yang saya kata harga ajaran sesat Yang Berhormat Datuk Speaker.

Yang Berhormat Datuk Speaker, cuba tanya harga rumah di Nusa Idaman, Nusa Bayu, Horizon Hill, Bandar Dato' Onn, semua ni projek-projek yang dibuat oleh GLC pusat dan juga GLC negeri.

Yang Berhormat Datuk Speaker, apakah harga simen di Johor Bahru ni lebih mahal harga simennya daripada daerah lain? Atau pun harga besi lebih mahal daripada tempat lain? Atau pun harga upah binaan di Johor Bahru ni tinggi? Atau ada faktor-faktor lain yang mendorong kenaikan harga yang sebegini melampau Yang Berhormat Datuk Speaker.

Saya sendiri meninjau harga rumah ni di Johor Bahru sebab hari ni nak berucap Yang Berhormat Datuk Speaker. Saya pergi tiap-tiap projek perumahan. Pergi ke pejabat jualan. Pergi tengok tempat rumah yang sedang dibina. Pergi telefon CEO syarikat pemaju tersebut. Jawapannya *standard* Yang Berhormat. 4 perkataan sahaja. Kalau kita pergi mana-mana, 4 saja. 4 perkataan. Kuota bumiputera sudah habis. Lot bumi sudah habis. 4 lah. Bumi *lot finish already*, dengan izin. Bumi *lot*, *no more*. Yang Berhormat Datuk Speaker, yang peliknya Yang Berhormat, pagi lancar, *launch*,

dengan izin, petang kita datang tanya dia jawab apa, lot bumi sudah habis. Tapi hairannya pulak, lot bukan bumi tak habis. Agaknya orang Melayu di Johor ni kaya-kayalah Yang Berhormat. Apakah yang sebenarnya yang sudah berlaku Yang Berhormat? Lebih saya semak sebab ada seorang Pegawai Bank tu dia nak beli rumah. Ada eksekutif jualan ni, dia simpan Yang Berhormat. Tapi Alhamdulillah lah hari ini saya nampak, usaha-usaha yang dibuat oleh Kerajaan Negeri di bawah kawalanlah. Dia simpan dan bila masa yang sesuai dia akan lepaskan dia dapat harga yang tinggi. Yang lebih menyedihkan Yang Berhormat, ialah mereka ni nak kaut keuntungan banyak-banyak nak buat apa yang Berhormat? Duit banyak-banyak bukan boleh bawa mati.

Y.B. Datuk Speaker : Kahwin baru.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Oh, kahwin ya. Kahwin baru ya. Parit Raja tu Yang Berhormat. Yang Berhormat, cakap siang pandang-pandang, cakap malam dengar-dengar.

Y.B. Datuk Speaker : Ini pemaju. Pemaju perumahan. Bukan Speaker.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Pemaju ya. (Dewan ketawa). Saya lihat, projek perumahan ini minta maaflah kalau *statement* ni saya terlalu keras. Macam nak menindas rakyat, Yang Berhormat. Harga RM1 juta, harga RM800,000.00 ya.

Jadi Yang Berhormat Datuk Speaker, saya nak cadangkan kepada Kerajaan Negeri dan saya yakinlah Kerajaan Negeri sekarang ni nampak, ambil langkah-langkah yang drastik kalau boleh harga ni di *lock*, maksudnya ditetapkan kalau bolehlah Yang Berhormat walaupun rumah mampu milik boleh, rumah mahal pun saya kira boleh, boleh kita buat. Kalau boleh ya, Yang Berhormat Datuk Speaker, buat kajian dengan CIDB, UTM buat kajian kos sebenarnya rumah ni berapa. Kalau 2 tingkat berapa, tanpa mengambil kira faktor kos tanah, infra yang lain. Kalau boleh benda tu dijadikan rujukan dan panduan kepada pihak negeri dan akan menjadi cadangan kepada pihak Kerajaan Negeri kepada pemaju-pemaju kalau kita boleh buat yang begitu.

Tapi yang paling saya menyedihkan Yang Berhormat Datuk Speaker, ialah saya nak sebutkan sikit Yang Berhormat, GLC yang membina rumah ni Yang Berhormat Datuk Speaker, ya. Syarikat, saya kena sebutkan Yang Berhormat, satu-satunya ya UEM. UEM ni syarikat milik Khazanah 100%. Khazanah ni kepunyaan kerajaan masa kini. Dia ada tanah tau Yang Berhormat. Tanah dekat Nusajaya ni lebih kurang 10,000 ekar. Saya tak tahulah melalui projek Nusajaya dan sebagainya. Tapi hairan saya bila UEM ni dia buat rumah yang macam Horizon Hill tu lebih kurang, RM1 juta. Nusa Idaman, ratusan ribu sedangkan UEM ni syarikat milik Kerajaan melalui Khazanah 100%.

Kalau boleh saya nak mencadangkan Khazanah, walau pun tadi dan disebutkan oleh EXCO dalam jawapan soalan lisan tadi, dia akan bina campur dengan GLC negeri dan lain-lain, 28,000. Kalau boleh Yang Berhormat Datuk Speaker, kita harap GLC ni dapat bina, kalau 3,000 ekar tanah UEM ni, dia boleh dapat rumah lebih kurang 50,000 unit. Kalau *landed*, dengan izin, Yang Berhormat, kalau *high rise* lagi banyak. 50,000 ni rumah kalau dibuat pada harga, katalah kita letak RM150,000.00 ke bawah, akan ada 50 keluarga. Dan, akan ada 200,000 penduduk di kawasan Nusajaya itu Yang Berhormat Datuk Speaker. Jadi, kalau boleh saya minta GLC ni bertanggungjawablah.

Fikirkan jugalah, jangan fikirkan sangat keuntungan. Saya kadang-kadang sedih tengok Yang Berhormat, orang Melayu nak dapat rumah ni Yang Berhormat, kadang-kadang terpaksa mengemis, di bumi mereka sendiri ni. Malah kalau swasta tu saya tak kisahlah. Swasta memang matlamat dia memang nak cari untung. GLC ni, anak syarikat Kerajaan Negeri pun cari untung. Ghairah mereka ni sama ghairah swasta. Sehinggakan orang Melayu terpaksa mengemis nak dapatkan lot-lot rumah untuk mereka berlindung di negeri mereka sendiri Yang Berhormat.

Jadi Yang Berhormat, kita kena faham sekarang rakyat akses dengan maklumat. Mereka tahu syarikat yang dimiliki Kerajaan ni ada banyak tanah. Patutnya kerajaan bantu bina rumah yang selesa dan saya yakin kalau ini dapat dibuat, harapan rakyat akan tinggi kepada kita dan insya-Allah, Yang Berhormat Datuk Speaker, kita akan mendapat keyakinan penuh dari rakyat pada masa-masa yang akan datang Yang Berhormat Datuk Speaker.

Satu lagi yang nak saya sebutkan ialah tentang harga rumah Yang Berhormat Datuk Speaker tadi RM150,000.00, kalau ikut harga RM150,000.00, individu yang nak memiliki rumah tersebut terpaksa membayar RM1,600.00 sebulan. Kalau pendapatan RM4,000.00 maknanya RM1,600.00 mereka gunakan untuk membayar rumah, belum masuk bayaran kereta, minyak, utiliti yang lain dan kalau tambah seorang yang kerja akan menjadi beban kepada keluarga ini, Yang Berhormat Datuk Speaker.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya nak ucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri yang mengenakan caj 2% kepada setiap pemilikan harta oleh orang asing. Cuma kalau dikira dengan tukaran mata wang kini, contohnya RM1 juta harta tanah di Johor ni, dia lebih kurang, SD lebih kurang dalam SD350,000.00 kalau salah saya minta maaf, saya tak tahu kadar tukaran hari inilah, lebih kurang dalam SD350,000.00, murah Yang Berhormat. RM1 juta di Malaysia, harta tanah, rumah besar lebih kurang harganya SD350,000.00. Hari ni kadar tukaran saya tak tahu berapa ya, lebih kurang begitulah. Maknanya RM1 juta walaupun mahal, tapi cuma SD350,000.00 sahaja. Daya beli rakyat Singapore tinggi Yang Berhormat. Jadi kita harus ingat bahawa ini juga memberi tekanan kepada harga rumah di Johor Bahru. Jadi saya nak cadangkan, kalau boleh kadar ni dinaikkan daripada RM1 juta kepada RM2 juta Yang Berhormat, ya. Kalau RM2 juta lebih kurang SD750,000.00.

Yang Berhormat Datuk Speaker, ketiganya saya nak mencadangkan supaya bagi mengatasi isu perumahan di Johor yang semakin kompleks ni, semakin kronik, sebuah badan ya, dan saya yakin dimaklumkan sedang dalam pertimbangan Kerajaan Negeri untuk merancang, menyelaras, memantau dan menguatkuasakan perumahan di Negeri Johor. Badan ini bukan setakat wujud di peringkat negeri, jadi tapi wujud juga di peringkat daerah dan terlebih penting Yang Berhormat Datuk Speaker, saya nak mencadangkan di Dewan yang mulia ini, agar Kerajaan Negeri sendiri terlibat melalui badan ini dalam pembinaan rumah mampu milik di Johor. Kita tak boleh serah langsung kepada swasta maknanya kita terlibat melalui badan-badan yang kita bentuklah ya.

Satu lagi Yang Berhormat Dato' Speaker ialah digubal satu akta bagi membolehkan pengambilan balik tanah untuk tujuan perumahan rakyat. Kalau akta ini dah ada saya nak cadangkan Kerajaan Negeri berbincang dengan pihak Pusat untuk mendapatkan dana bagi pengambilan balik tanah dan kalau boleh kita boleh bina lebih banyak

rumah di kawasan ini. Jadi perlu campur tangan daripada Kerajaan dalam soal ini dan saya yakin kalau ini dapat dibuat dan Insya-Allah rakyat Johor ini takkan mengemis untuk mendapatkan rumah di tanah airnya sendiri Yang Berhormat.

Perkara yang kedua yang saya ingin sebutkan Yang Berhormat ialah soal keselamatan. Hari ini kita menjadi makin takutlah mendengar insiden jenayah di negara kita ini. Kanak-kanak dilarikan di hadapan rumahnya. Suami ditembak di depan isteri di hadapan rumahnya. Pegawai bank ditembak oleh pengawal keselamatan yang melolosi samaran. Pegawai Penguatkuasa Jabatan Agama di tembak di rumahnya. Cikgu ditembak dalam keretanya dan berbagai lagilah. Saya lebih sedih ada orang yang nak membantu mengurangkan jenayah ini Yang Berhormat ditembak di lampu isyarat. Inilah kebimbangan rakyat masa kini, belum lagi kita masukkan risiko ataupun kisah-kisah pengedaran dadah yang hari ini saya tengok bukan gram lagi Yang Berhormat, dia dah main ratus kilo. Saya takut akan datang dah pakai tan Yang Berhormat. Saya pun tak tahu kenapa boleh hilang kawalan kita sehinggakan kemasukan dadah ke negara kita ini cukup membimbangkan. Dah ada pula nama keldai, keldai betina, keldai jantan. Saya khuatir kalau ini lambat kita ambil tindakan, ia akan memberikan kesan besar kepada keselamatan negara ini. Malah bila saya semak *Indexs Safety Global* yang dikeluarkan oleh Badan Penarafan Antarabangsa, saya takut tengok *ranking* negara kita Yang Berhormat, dengan izin. Jadi kalau boleh langkah segera perlu diatasi dan perlu kita kawal daripada sekarang. Saya, peraturan dah ada saya nampak di negara kita Yang Berhormat tapi saya masih bertanya soal penguatkuasaan. Kalau di Jepun Yang Berhormat, ini maksudnya kerjasama daripada rakyat. Bukan kita tak boleh serah kepada Polis semata-mata. Rakyat juga memainkan peranan. Kalau di Jepun ada orang asing datang duduk di sebelah rumah melebihi tempoh, rakyatnya menelefon kepada Imigresen. Kalau ada perkara yang mengesyaki, disyaki mereka akan membentahu Polis lebih awal. Ini di negara kita, sampai rumah kediaman itu dijadikan pusat pemprosesan dadah bertahun, tak ada rakyat pun ambil perhatian terhadap perkara ini. Jadi peranan yang harus dimainkan rakyat juga penting Yang Berhormat Dato' Speaker.

Yang Berhormat Dato' Speaker, perkara lain yang ingin saya sampaikan ialah dari segi perancangan Yang Berhormat Dato' Speaker. Kita ini kalau merancang cukup hebat Yang Berhormat Dato' Speaker. Hebat melancarkan sesuatu perkara, merancang sesuatu perkara. Banyak perkara kita buat. Saya nak imbas balik program-program dahulu. Program nak melibatkan siswazah dalam bidang usahawan, Program SATU Daerah Satu Industri, Program Bersih Indah, Program Larangan Merokok, Pandu Cermat, macam-macam program kita buat. Tapi program itu hebat masa pelancaran. Bila perlaksanaan dia akan letih, tak bermaya, ditambah lagi dengan pemantauan yang lemah, penilaian yang tidak berkesan yang dibuat. Dan akhirnya program itu tinggal begitu sahaja Yang Berhormat. Jadi saya harap, saya yakin di bawah kepimpinan baru Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor ini, sistem pemantauan dan penilaian perlu kita buat agar setiap perkara yang kita rancang akan memberi manfaat besar kepada rakyat yang mengharapkan usaha-usaha daripada kita Yang Berhormat Dato' Speaker.

Yang Berhormat Dato' Speaker, akhir sekali saya ingin cadangkan supaya program menjadikan Johor sebuah negeri yang bersih dan indah ini dipertingkatkan lagi. Kalau boleh di setiap pelosok di Johor Bahru ini bersih, indah, jalan rayanya kemas, sungai, kampung, pekan, bandar raya, pejabat, bandar dan pejabat semuanya bersih Yang

Berhormat. Program ini Yang Berhormat, kita kalau nak buat program ini, kita terikat dengan kos. Selalu kita fikir begitu. Saya nak mencadangkan dan nak berkongsi pengalaman saya sedikit Yang Berhormat Dato' Speaker, kita mengoptimumkan tenaga kerja yang ada dan dengan menggunakan peruntukan yang minimum. Boleh berubah Yang Berhormat Dato' Speaker. Saya nak beri contoh, satu ketika dahulu, ni minta maaf bukan nak masuk bakul, angkat bakul sendiri Yang Berhormat. Pengalaman saya, Sungai Rengit ini dahulu kotor Yang Berhormat, kotor memang kotor. Biawak banyak, ular banyak, sampah sarap. Tapi saya menggunakan pendekatan pepatah Melayu " Sikit-sikit lama-lama jadi bukit", "sehari selembar benang, lama-lama jadi kain". Kita letakkan orang yang kita bagi kos yang cukup murah, dia pungut sampah je tiap-tiap hari, akhirnya sungai itu jadi bersih, Yang Berhormat. Lebih membanggakan saya, bila saya tengok satu pasukan Bomba datang, dia tiba-tiba menyelam je Yang Berhormat. Bila menyelam itu air itu oklah Yang Berhormat. Saya tanya nak menyelamatkan apa, dia kata nak latihan menyelamat di Sungai Rengit daripada Bomba Pontian dan juga Johor Bahru. Maknanya dengan menggunakan kos yang sedikit, kalau ada kesungguhan apa pun boleh jadi Yang Berhormat. Kalau kita kata tunggu peruntukan, tunggu peruntukan. Tambah pula bila peruntukan itu dah ada, kita sambil lewa, tak jadi Yang Berhormat. Jadi kalau kita ada kesungguhan walaupun dengan kos yang minimum kita boleh buat benda itu Yang Berhormat Dato' Speaker.

Yang Berhormat Dato' Speaker, yang akhirnya saya ingin, dah cukup masa Yang Berhormat. Banyak lagi eh?. Satu lagi yang saya nak sebutkan ialah tentang rizab jalan ini Yang Berhormat. Kita ini nak sampai negara maju menjelang 2020. Salah satu, kalau kita lihat di negara-negara maju, jalan mereka bersih, kemas, tersusun. Tapi saya perhatikan di negeri kita ini, rizab jalan JKR, minta maaflah kepada JKR eh, kalau boleh beri perhatian sedikitlah. Kalau saya lihat rumput dipotong sekali je dalam sebulan. Jadi perlu difikirkan supaya rizab jalan ini bersih dan rumputnya dipotong sebulan dua kali baru boleh mencapai piawaian. Kalau tak rumput ini akan panjang dan akan mengganggu penglihatan dan juga mencacatkan pemandangan Yang Berhormat Dato' Speaker.

Yang Berhormat Dato' Speaker, akhir sekali Yang Berhormat Dato' Speaker, saya nak bawa isu-isu local, Yang Berhormat. Saya minta dalam Dewan yang mulia ini, tentang Klinik Kesihatan Rengit. Dulu ada seorang ADUN janji saya nak bantu jayakan membangunkan Klinik Kesihatan Rengit ini, masa itu dia orang kuat Kementerian Kesihatan Yang Berhormat. Dah lima tahun, klinik kesihatan tersebut masih dalam keadaan daif macam zaman Jepun, Yang Berhormat. Macam zaman Jepun sebelum Bintang Tiga ambil, Yang Berhormat. Sekarang ini ADUN ini dah jadi EXCO, Yang Berhormat. Saya tuntut juga janji tapi macam mana dia nak buat saya pun tak faham jugalah. Jadi minta EXCO yang baru beri perhatianlah. Kita bukan nak buat klinik besar, orang kampung je Yang Berhormat. Dapat klinik yang cukup, taklah pergi Batu Pahat. Pergi Batu Pahat Yang Berhormat, sampai 45 minit daripada Rengit. Klinik yang ada kat Rengit itu, cuma dua klinik sahaja. Jadi, kita orang kampung berharap betul pada klinik kesihatanlah. Minta EXCO baru ini, nampak EXCO baru ini macam rajinkan. Tak tahulah sampai akan datang, dapat ke tidak.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya kadang-kadang tertanya-tanya Yang Berhormat, minta maaf Yang Berhormat, apakah orang yang dapat tambah undi ini, atau dia tambah majoriti, dia makin kurang dapat projek?. Saya tak fahamlah. Saya tertanya

sedikitlah. Kadang cemburu juga tengok tempat lain. Dulu saya sejak 2006 sehingga 2008, Penggal Pertama saya Yang Berhormat Dato' Speaker, projek menjadi kat kawasan saya Yang Berhormat, banyak Yang Berhormat, puluh juta melalui projek PIAS, PIA projek tapi bila tahun 2008, tambah majoriti makin kurang Yang Berhormat. 2013 ini tambah lagi juga majoriti, makin kurang Yang Berhormat Dato' Speaker, tak tahulah agak dia pergi ke kawasan-kawasan yang kalah ke, atau kawasan-kawasan yang membimbangkan. Yang dah menang agak besar-besar ini ditinggalkan aja. Jadi risau juga. Jangan, ada pepatah Melayu yang sebut, " Yang dikejar tak dapat, yang dikendong tercicir". Jadi minta perhatian sedikitlah. Kalau peruntukan setakat RM200,000.00 dapatlah bina satu balai raya. Kalau projek PIAS itu dapatlah bina jambatan. Jambatan sekarang ini satu RM150,000.00. Jadi saya minta perhatianlah kepada Kerajaan Negeri agar dapat mempertimbangkan sedikit peruntukan-peruntukan yang dipohon.

Y.B. Dato' Speaker : Sila gulung Yang Berhormat.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Okay, nak gulung ini Yang Berhormat. Perkara ketiga Yang Berhormat yang nak saya sampaikan berkaitan dengan isu *local* ialah jalan Yang Berhormat. Jalan daripada Parit Botak hingga Jambatan Rengit dah bergelombang Yang Berhormat. Saya jarang nak bangkit dalam surat khabar, jarang nak tulis surat tapi EXCO JKR pun selalu lalu situ Yang Berhormat sebab dia selalu balik KL kadang lalu situ. Tapi kalau boleh tolong tengok-tengok, perhatikanlah jalan tersebut. Agak dia bawa kereta besar Yang Berhormat, jadi tak rasa sangat. Macam kereta saya ini dahlah buruk, jadi langgar lubang pun kena, jadi terasalah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, nasib Orang Asli ini Yang Berhormat. Orang Asli ini penyokong tegar Kerajaan Yang Berhormat. Di Rengit ini ada sebuah kampung Orang Asli, kalau Yang Berhormat pergi tengok kediaman mereka cukup daif Yang Berhormat. Langkang tak ada. Pintu pun dah hilang Yang Berhormat. Saya pun tak faham, kadang-kadang kalau malam nak tidur macam mana keluarga tersebut. Dan rumah yang dibina ini dulu kosnya lebih kurang RM11,000.00. jadi Kerajaan Negeri kalau boleh bawalah perkara ini kepada Pusat dan kalau boleh kedai, kedai yang menjadi pusat perniagaan barang terpakai ini Yang Berhormat dapat ditambah. Sekarang ini ada 40, jadi kalau boleh ditambah dan boleh memberi pendapatan kepada penduduk kampung Orang Asli di kawasan tersebut. Akhir sekali Yang Berhormat, sejak kebelakangan ini, ruang masa yang banyak saya membaca dua buku Yang Berhormat. Satu, *The Chinese Dillema*, satu lagi *Malay Dillema*. *The Chinese Dillema* **ditulis oleh Yen Yi Lee Seng berasal dari Tanah Besar Cina, ahli perniagaan Hong Kong,** China dan Australia. Saya baca, telek satu-satu Yang Berhormat. Dua-dua buku saya baca. *Malay Dilema* dibuat ditulis oleh Dr. Mahathir. Selepas baca itu Yang Berhormat, barulah saya faham. Saya tahu, faham bahawa usaha kita nak menyatukan kaum selama lebih 60 tahun ini memang sukar. Tak semudah kita bercakap. Walaupun dah dibuat dasar, program berkaitan dengan perpaduan. Dah diberitahu supaya adanya tolak ansur, toleransi, berlebih kurang, bermuafakat, tak ada Yang Berhormat. Lepas baca buku itu, barulah saya fahamlah kenapa suasana politik yang ada pada negara pada hari ini berlaku begini. Berbeza, berbeza dengan negara-negara Asia di tempat lain. Di Indonesia, di Filipina, di Vietnam. Di Malaysia ini kalau nak tahu kita kena tahu baca buku *The Chinese Dilema* yang diedarkan oleh MPH Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Yang Berhormat.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat Dato' Speaker, mudah-mudahan Pelan Kewangan Negeri Johor bagi tahun 2014 beroleh kejayaan yang cemerlang dengan semangat berkorban anak watan Johor serta keyakinan muafakat, pembangunan, pengagihan akan dapat diagihkan secara adil bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat Johor. Rengit mohon mencadangkan. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker.

Y.B. Datuk Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Rengit. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Paloh untuk menyokong. 30 minit.

Y.B. Encik Teoh Yap Kun (Paloh) : Selamat pagi, salam sejahtera dan salam muafakat Johor. Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih memberi Paloh peluang untuk menyokong usul yang dibawa oleh Rengit. Pertama, Paloh ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor dan pasukannya yang telah berjaya merangka Bajet Negeri Johor 2014 yang *surplus*, dengan izin, lengkap dan yang terpenting bajet Negeri Johor berusaha untuk meningkatkan kesejahteraan kepada rakyat Negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dengan empat strategi yang dirangka dalam bajet kali ini, Paloh yakin kita mampu melonjakkan Negeri Johor sebagai destinasi pelaburan utama di negeri ini. Empat strategi yang digariskan, pertama, mencorak ekonomi yang mampan, kedua, meningkatkan kesejahteraan rakyat, ketiga, memperkasa dan merakyatkan Kerajaan dan keempat, melahirkan modal insan yang berketerampilan. Yang Berhormat Datuk Speaker, sekalipun cabaran yang kita hadapi besar dan berterusan, luar dan dalam, saya yakin di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor yang baru, Johor mampu melepasinya dan mengatasinya. Yang perlu kini ialah sokongan dan dukungan dari semua pihak. Yang Berhormat Datuk Speaker, bersama kita menghadapi cabaran.

Yang Berhormat Datuk Speaker, izinkan saya dalam masa yang amat terhad ini, untuk mengetengahkan atau mengemukakan beberapa perkara agar dapat kita pertimbangkan, supaya dalam pelaksanaan bajet ini akan mempunyai impak yang besar. Yang Berhormat Datuk Speaker, cabaran besar yang dihadapi oleh dunia pada masa kini ialah pemanasan global. Kesan pemanasan global ialah perubahan cuaca, manakala perubahan cuaca ini memberi kesan kepada pengeluaran bahan makanan. Bahan makanan di darat, di laut, di gunung dan di seluruh pelosok dunia.

Yang Berhormat Datuk Speaker, perubahan cuaca ini memberi kesan kepada kehidupan manusia sejagat. Barang makanan semakin susah dan sukar diperolehi. Permintaan semakin bertambah, kesan ketara ialah harga barang makanan semakin meningkat, berterusan dan tidak pernah susut. Yang Berhormat Datuk Speaker, semua tahu harga barang sepanjang masa meningkat atau naik. Harga ikan, harga ayam, harga bawang, harga sayur dan harga bijirin dan semua harga barang melambung naik. Yang Berhormat Datuk Speaker, kalau dulu kita boleh beli ikan kembung RM6.00 sekilo hingga RM8.00 sekilo, kini harga ikan kembung sudah naik sampai RM12.00 hingga RM14.00 sekilo. Kalau dulu kita boleh beli ayam dengan RM4.00 hingga RM5.00 sekilo, sekarang sudah sampai RM7.00 hingga RM8.00 sekilo. Ini beberapa contoh mudah kesan dari perubahan cuaca yang berlaku pada masa kini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin memberi satu contoh klasik di mana seorang Menteri terpaksa meletakkan jawatan kerana kenaikan harga bawang. Keresahan rakyat Negara tersebut akibat kenaikan harga bawang menyebabkan menteri tersebut meletakkan jawatan. Yang Berhormat Datuk Speaker, itu satu contoh bagaimana perubahan cuaca memberi kesan kepada pengeluaran makanan dan kenaikan harga dan keresahan rakyat, dan akhir sekali seorang Menteri terpaksa meletakkan jawatan. Hal ini berlaku di India.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Negara kita ada kekuatan tersendiri untuk mendepani cabaran ini, sekalipun ada perubahan cuaca. Cabaran yang kita hadapi tidak sehebat Negara lain. Apa yang perlu ialah satu pelan perancangan yang strategik dari segi pengeluaran bahan makanan bagi penduduk Negara kita. Yang Berhormat Datuk Speaker, kita tidak boleh merancang bila berlaku sesuatu isu. Saya imbas balik bila satu ketika dahulu, Thailand menghadapi satu masalah pengeluaran berasnya. Kita sibuk merangka perancangan untuk membuka lebih banyak kawasan pengeluaran padi termasuk di Negeri Johor, bukan setakat di Johor tetapi dikatakan akan diwujudkan lembah padi di Sabah dan Sarawak.

Yang Berhormat Datuk Speaker, selaras dengan cabaran yang kita hadapi masa kini dan kekuatan yang ada di Negeri Johor, seperti yang kita ketahui bahawa kita di Johor dikurniakan anugerah alam yang hebat, bumi yang subur dan laut yang terbentang, malah kita mempunyai rekod yang baik sebagai sebuah negeri pengeluaran makanan utama di Malaysia.
Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam bajet kali ini saya lihat tidak ada satu perancang komprehensif terhadap strategi untuk pengeluaran bahan makanan di Negeri Johor. Apa yang dapat saya perhatikan ialah cadangan FAMA membuka enam buah pasar tani, membangunkan tanah terbiar dan Program Satu Daerah Satu Industri (SDSI). Yang Berhormat Datuk Speaker, Paloh melihat Kerajaan Negeri perlu merangka satu pelan perancangan strategik untuk pengeluaran makanan di Negeri Johor. Malah Paloh ingin mengingatkan dan menegaskan bahawa kapten industri makanan di Singapura menggunakan tanah Johor untuk mengeluarkan bahan makanan bagi penduduk di negara mereka. Mereka menyewa atau menjadi rakan kongsi dengan rakyat Johor, menggunakan sumber kekuatan yang ada di Johor, mengeluarkan bahan makanan untuk penduduk mereka atau untuk eksport.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kita tidak boleh lagi terlalu bergantung kepada kelapa sawit dalam sektor pertanian. Kita perlu tumpukan kepada peningkatan bahan pengeluaran makanan yang lain. Antaranya ialah ternakan, buah-buahan, sayur-sayuran, tanaman kontan, bijrin dan yang lain. Yang Berhormat Datuk Speaker, seperti yang Paloh tegaskan awal bahawa Negeri Johor mempunyai kekuatan tersendiri dalam usaha serta gerakan untuk memperkasakan sektor pengeluaran bahan makanan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, apakah kekuatan yang ada pada Johor untuk kita memperkasa sektor pengeluaran makanan ini. Pertama, keluasan tanah yang besar dan subur. Kita ada keluasan tanah yang subur, cukup dan luas, cuma Kerajaan Negeri perlu membantu menyediakan infrastruktur seperti jalan ladang dan sistem perparitan yang berterusan. Kita sudah tiba masanya Kerajaan merancang kawasan pengeluaran bahan makanan dengan teratur dan lebih tersusun. Bukan setakat

memberi kelulusan tanah untuk disewa atau dipajak, perlu dirancang dan perlu ada badan yang memantau pelaksanaan program pengeluaran bahan makanan ini. Jika Ladang Pertanian Moden Ayer Hitam boleh dijadikan model, maka Paloh ingin mencadangkan agar Kerajaan Negeri membuka lebih banyak ladang pertanian moden di seluruh Negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Paloh ingin mencadangkan diwujudkan kawasan ladang pengeluaran sayur yang moden, ladang buah-buahan yang moden dan ladang tanaman kontan seperti pisang, jagung, ubi, keledek dan puluhan tanaman yang lain. Yang Berhormat Datuk Speaker, kedua, pengeluaran bahan makanan berintensif modal dan teknologi. Paloh ingin mencadangkan agar usaha memperkasakan pengeluaran bahan makanan ini hendaklah berintensif modal dan teknologi. Sudah tiba masanya kita ke arah ini. Kerajaan melalui agensi dan jabatan boleh membantu ke arah ini atau kita boleh menggunakan negara lain yang maju dan berjaya dalam bidang ini sebagai rujukan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, ketiga, melibatkan orang muda. Kita perlu menggunakan tenaga anak muda yang ramai keluar dari IPTA dan IPTS yang masih tercari-cari bidang pekerjaan. Gerakan melalui skim dan perancangan tersusun, Paloh yakin anak muda akan menyertai gerakan ini. Ditambah lagi dengan perancangan pembangunan tersebut berintensifkan modal dan teknologi. Cuma perlukan bimbingan dan pemantauan yang berterusan dari Kerajaan Negeri. Yang Berhormat Datuk Speaker, keempat, pembentukan sistem pemasaran yang terjamin dan berterusan. Paloh ingin mencadang agar Kerajaan Negeri membantu bagi memastikan gerakan memperkasakan pengeluaran bahan makanan berjaya. Kerajaan perlu merangka satu pelan sistem pemasaran yang terjamin dan berterusan melalui Skim Kontrak Ladang dan Sistem Pemasaran Terus melalui outlet pasar tani seluruh Negara atau sistem pemasaran terkini dan terbaru termasuk untuk dieksport.
Yang Berhormat Datuk Speaker, pepatah Melayu ada menyebut "Kalau tidak di pecah ruyung, manakan dapat sagunya". "Hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih". Kita boleh berjaya dalam usaha ini jika kita ada perancangan yang komprehensif dan pelaksanaan dan pemantauan yang berterusan. Mulakan langkah pertama untuk sampai ke seribu langkah dan ke sejuta langkah berikutnya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sudah sampai masanya Kerajaan Negeri memberi fokus kepada usaha untuk pengeluaran bahan makanan. Kita perlu bergerak cepat sesuai dengan perubahan-perubahan di seluruh dunia masa kini dan di luar kawalan kita. Jika kita boleh berjaya dalam program ini, kita akan membantu mengurangkan kos sara hidup rakyat pada masa kini yang semakin meningkat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, perkara kedua yang ingin saya sampaikan ialah berhubung dengan sektor pelancongan di negeri kita. Sektor pelancongan sesungguhnya kini di seluruh dunia menjadi penyumbang utama kepada pendapatan dan ekonomi sesebuah Negara. Yang Berhormat Datuk Speaker, seperti yang sebutkan di awal ucapan saya tadi, bahawa Negeri Johor dianugerahkan alam yang cukup hebat, laut yang terbentang luas, puluhan pulau, puluhan sungai, gunung-ganang, tasik, hutan, bukit-bukau dan banyak lagi anugerah alam yang ada di Negeri Johor. Yang Berhormat Datuk Speaker, jika semua anugerah alam ini diterokai dan dieksploitasi, Paloh yakin Negeri Johor akan jadi destinasi pelancongan utama di negeri, di Negara ini. Paloh ingin membayangkan pelancong boleh ber cruse

sepanjang Selat Tebrau hingga RAMSAH di Kukup, bermalam dan merasai kehijauan Taman Endau-Rompin, merasai kehangatan ombak di Taman Laut Iskandar, berbelanja di Johor Premium Outlet dan bersantai di Legoland.

Yang Berhormat Datuk Speaker, rangkaian destinasi pelancongan ini sudah boleh memukau pelancong malah ianya akan menjadi idaman para pelancong Cuma yang perlu kita rangka ialah bagaimana boleh disusun menjadi pakej pelancongan yang menarik.

Yang Berhormat Datuk Speaker, walaupun kita mempunyai sumber alam yang hebat di negeri kita apa yang Paloh perhatikan rangkaian sahabat pelancongan kita di luar amat kurang serta ditambah lagi publisiti dan pengiklanan yang amat terbatas.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Paloh ingin mencadangkan supaya kerajaan melipat gandakan usaha promosi pelancongan Johor di seluruh dunia. Kalau kos menjadi halangan besar gunakanlah alam maya untuk mempromosi akan kehebatan pelancongan di Johor. Panggil dan jemputlah mereka yang berprofesional merakam gambar sumber alam Johor yang menarik dan masukkan ke dalam web atau muka laman mereka yang telah berjaya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, selain dari kekuatan sumber alam yang telah sedia ada dan promosi pelancongan yang berterusan dalam dan luar negeri, Kerajaan Negeri Johor merangka Pelan Pembangunan Pengusaha Pelancongan di Johor. Pengusaha hotel, bajet hotel dan homestay. Pengusaha pengangkutan untuk pelancongan, pengusaha kedai makan dan pengusaha kedai produk barang-barang Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, jika semua pengusaha pelancongan ini dapat memberi layanan dan perkhidmatan yang terbaik, harga yang menarik serta layanan yang memukau, Paloh yakin pelancongan di Negeri Johor akan bertambah meningkat, pelancongan meningkat di Johor akan menambah pendapatan bagi penduduk di Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, perkara ketiga yang ingin saya sampaikan ialah tahap kebersihan di Negeri Johor. Seperti yang diketahui, menjelang 2020 kita akan bergelar negara maju berpendapatan tinggi. Salah satu perkara atau ciri negara maju ialah tahap kebersihan negara tersebut. Kita akui tahap kebersihan memang telah meningkat, tetapi masih banyak lagi perkara yang boleh diperbaiki.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kita masih mudah melihat di jalan-jalan protokol atau jalan utama, sampah sarap di sana sini, rumput panjang tidak dipotong, gerai dan pondok yang dibina berselerak.

Yang Berhormat Datuk Speaker, tempat makan masih tidak bersih, malah terdapat dapur yang tidak menyenangkan dan tandas yang kotor di kedai makan. Paloh mengharapkan Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan mengenalkan perkara ini dan sewajarnya menguatkuasa peraturan dan undang-undang yang telah sedia ada. Kita mahu seluruh Johor bersih dan indah.

Yang Berhormat Datuk Speaker, akhir sekali saya ingin membawa perkara yang berkaitan dengan kawasan saya. Yang Berhormat Datuk Speaker, pada masa kini pekan Paloh hanya terdapat khidmat Bomba sukarela. Pertambahan kawasan taman dan pertambahan bilangan penduduk merupakan faktor utama, masa telah tiba pekan Paloh memilik sebuah Bomba tetap yang mampu berfungsi menyelamat harta benda dari kebakaran.

Yang Berhormat Datuk Speaker, rata-rata penduduk Paloh berpendapatan rendah dan sederhana dan bekerja sebagai buruh atau dalam sektor pertanian maka saya mohon jasa baik Kerajaan agar dapat diwujudkan satu Kedai 1Malaysia yang akan dapat membantu masyarakat Paloh untuk mengurangkan kos sara hidup mereka.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Sekolah Menengah Kebangsaan Paloh merupakan sekolah menengah paling tua di pekan Paloh dan sekolah ini telah banyak berjasa kepada masyarakat Paloh. Sekolah ini juga memperlihatkan prestasi membanggakan apabila mendapat anugerah *New Deal* daripada Kementerian Pelajaran pada 2013. Malangnya keadaan padang bola sekolah tidak kondusif maka saya mohon jasa baik agar dapat dibina sebuah astaka dan pagar di sekeliling kawasan padang ini agar kemudahan ini menjadi satu tarikan kepada golongan remaja ke arah aktiviti sihat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, akhirnya saya ingin merakamkan ucapan terima kasih atas kesempatan yang diberikan kepada saya untuk turut sama membahaskan Bajet Negeri Johor bagi tahun kewangan 2014. Dengan ini saya menyokong usul yang di bawa oleh Rengit. Sekian terima kasih.

Y.B. Datuk Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Paloh. Ahli-Ahli Yang Berhormat, selepas ini kita bukakan perbahasan ini kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat, dan masa yang diperuntukkan hanya 10 minit sahaja. Saya ingin nak memberi peluang seberapa ramai yang boleh berucap bagi membahaskan bajet ini. Jadi kita hanya dapat 10 minit sahaja seorang, mudah-mudahan semua akan dapat bercakap. Ahli-Ahli Yang Berhormat saya tangguhkan sementara sehingga jam 12:00 tengah hari Persidangan ini.

Persidangan ditangguhkan pada jam 11:45 pagi

Persidangan di sambung semula pada jam 12:00 tengah hari.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.

Y.B. Dato' Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan disambung semula. Jemput Skudai. 10 minit.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Selamat pagi dan salam sejahtera. Saya ingin ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker kerana diberi peluang untuk berbahas berkenaan Bajet Negeri Johor 2014.

Yang Berhormat Dato' Speaker, walaupun Laporan Ekonomi Negeri Johor terkini tidak dibentangkan oleh UPEN di Dewan yang mulia ini bagi sesi Persidangan Bajet 2014. Ahli-Ahli Dewan terpaksa mendapatkan indeks-indeks ekonomi dari lama net Jabatan Perangkaan. KDNK negeri bertumbuh sebanyak 6.4% pada tahun 2011, 6.5% pada

tahun 2012. Ramalan kadar pertumbuhan KDNK negeri bagi tahun 2013 adalah 6.1%. Ramalan kadar pertumbuhan ekonomi negeri 2014 tidak dinyatakan dalam ucapan Bajet Menteri Besar walaupun ramalan pertumbuhan Malaysia 5.1% bagi tahun 2014. Adakah Kerajaan Negeri Johor kurang yakin kepada pertumbuhan ekonomi pada tahun akan datang? Perbandingan tahun ke tahun Dato' Speaker, September 2013 perbandingan September 2012 menunjukkan bahawa indeks ekonomi domestik menurun sebanyak 1.4% dengan indeks pengeluaran tempatan dan indeks harga import masing-masing menurun sebanyak 1.6% dan 0.7%. Indeks *volume* eksport pada bulan, musim ketiga tahun ini menurun sebanyak 4.9% dan indeks *volume* import menurun sebanyak 3.5%.

Oleh itu, pertumbuhan ekonomi tahun depan masih susah dijangka. Bergantung kepada ekonomi sedunia dan juga keazaman Kerajaan mewujudkan sistem kewangan yang semakin *transparent* masyarakat terbuka di mana hak manusia sentiasa di dekatkan dan maklumat Kerajaan boleh di akses secara bebas. Pada tahun 2012, Johor merupakan ekonomi keempat besar yang menyumbangkan sebanyak 9.2% kepada KDNK seluruh Malaysia tetapi di dahului oleh Selangor, Wilayah Persekutuan dan Sarawak. Johor adalah penyumbang besar dalam sektor-sektor tertentu iaitu 9% sektor pembinaan di peringkat seluruh Malaysia. Sektor pertanian 15.4% dan sektor pembuatan 12.5%. Maka Johor masih ketinggalan dalam sektor perkhidmatan yang di dahului oleh enam negeri dan wilayah iaitu Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Sarawak, Pulau Pinang, Sabah dan Perak. Sektor perkhidmatan cuma menyumbang sebanyak 12.3% kepada ekonomi Negeri Johor berbanding dengan pertanian sebanyak 49.1%, pembuatan 33.9%, pembinaan cuma 3.5%.

Oleh yang demikian, pada zaman akan datang Johor sepatutnya menumpukan perkembangan sektor perkhidmatan dan sektor pembinaan. Bidang pelancongan dan perhotelan, kewangan dan perbankan, perubatan dan pendidikan merupakan sektor perkhidmatan yang paling berpotensi di Negeri Johor. Tambahnya perkembangan sektor perkhidmatan adalah penyumbang potensi untuk mewujudkan *milage economy* dengan izinnya, atau *kek ekonomi* di Negeri Johor. Bagi mempercepatkan pembangunan sektor perkhidmatan kita harus mewujudkan satu masyarakat terbuka dengan sifar jenayah dan sifar rasuah untuk meyakinkan para pelabur, pelancong dan pelanggan dalam sektor perkhidmatan bahawa Iskandar Malaysia adalah tempat yang paling kompetitif untuk mereka menaruhkan pelaburan.

Walau bagaimanapun, perkongsian kekayaan yang seimbang masih merupakan cabaran kepada Kerajaan. Menurut satu kajian terkini oleh UKM 10% orang Malaysia yang paling kaya memiliki 35% aset atau 40% paling miskin, orang Malaysia yang paling miskin memiliki cuma 8% aset di Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Speaker, persepsi yang diskriminasi bahawa 10 orang terkaya di Malaysia adalah kaum tertentu oleh itu semua orang kaum itu adalah kaya merupakan prasangka orang yang kurang faham terhadap ekonomi dan masalah pertaburan kekayaan. Yang Berhormat Datuk Speaker, nampaknya Yang Berhormat sendiri tak ada di sini, tapi pemahaman bahawa kalau 10 terkaya di seluruh Malaysia itu adalah kaum tertentu semua kaum itu kaya, itulah satu persepsi yang perlu dibaiki. Kalau katanya seorang yang paling kaya itu adalah seorang Bumiputera, maknanya adakah semua kalangan Bumiputera itu kaya. Itulah saya rasa sebelum kita

membincangkan macam mana nak memajukan ekonomi Malaysia kita perlu mendapatkan satu persepsi yang betul. Oleh itu, bagaimana merapatkan jurang pendapatan masih merupakan cabaran yang terbesar kepada masyarakat dan Kerajaan. Di sebabkan jurang pendapatan yang begitu luas, cuma 50% pekerja Malaysia mampu membayar cukai pendapatan. Keadaan ini menunjukkan jurang benar-benar antara kelas atasan dan bawahan masih luas berbeza di Malaysia. Maka Kerajaan Persekutuan terpaksa melaksanakan GST yang dijangka akan membebankan golongan pendapatan bawahan dan pertengahan. GST dijangka akan menelan 2 hingga 3% pendapatan keluarga berpendapatan rendah dan sederhana. Bagi keluarga berpendapatan tinggi, GST cuma menelan lebih kurang 1.25% pendapatan mereka. GST diramal akan mengakibatkan kenaikan indeks harga pengguna atau *consumer price index* dengan izinnya, dengan justeru membebankan kalangan pendapatan bawahan dan pertengahan serta mengurangkan kuasa membeli mereka jika gaji mereka tidak meningkat pada beberapa tahun akan datang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kaedah untuk mempertingkatkan gaji pekerja kita perlu melalui kaedah memberikan latihan kemahiran mereka, protatugi mereka, cuba mengekalkan, meningkatkan gaji mereka dalam sektor perkhidmatan menggalakkan mereka menceburi dalam sektor perkhidmatan. Itulah cara juga kaedah juga akan membantu kalangan khasnya kalangan Bumiputera yang berpendapatan rendah dan dijangka akan di serang oleh GST dengan skala yang paling teruk.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kemahiran itu bukan termasuk sahaja teknikal tapi termasuk kepekaan budaya dan juga kebolehan seseorang itu berbahasa selain daripada bahasa ibunda mereka. Saya pernah jumpa seorang *supervisor*, orang Melayu yang bekerja dekat swasta. Di bawak orang dari Nepal, saya pun terkejut dia menjadi *translator* di antara saya dengan pekerja di Nepal ini, sebab dia pandai berbahasa Hindi. Saya tanya beliau, macam mana encik boleh berbahasa Hindi, *you* faham bahasa Hindi, *I said* boleh, dia boleh dia. Melalui dia, menonton wayang Hindi dalam tv dan juga bercampur gaul dengan orang di Nepali. Itu cara dia belajar, beliau belajar, mempelajari Bahasa Hindi. Itu merupakan satu akses kebolehan bahasa menama Bahasa Mandarain ke, Sepanyol ke, Hindi ke, Tamil ke merupakan satu kebolehan, kemahiran pada seseorang pekerja itu. Oleh itu, kita kena mengetepikan prasangka bahawa kalau kita menggalakkan satu sistem pendidikan yang berbagai bahasa, walaupun kita mengutamakan Bahasa Malaysia, itu adalah, satu daya bersaing atau *pass point* dengan izinnya untuk kita orang Malaysia pada keseluruhan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Indeks Harga Pengguna bagi tempoh Januari hingga September tahun ini telah meningkat sebanyak 1.8% berbanding dengan tempoh yang sama tahun 2012. Keperluan seharian termasuk indeks harga khasnya untuk indeks harga makanan, minuman bukan alkohol, indeks harga perumahan, elektrik, air, petrol dan gas adalah penyumbang yang paling besar kepada kenaikan CPI, iaitu 55% disebabkan makanan, harga makanan melambung dan 19% disebabkan air, minyak telah naik. Kenaikan harga keperluan seharian telah membebankan semua kalangan masyarakat malahan pelaksanaan GST diramal akan menaikkan CPI bagi 1-3%. Indeks Harga Pengguna atau inflasi yang melambung telah membebankan rakyat jelata dan mereka gagal menikmati pertumbuhan ekonomi yang diheboh-hebohkan untuk menampung *effect* inflasi dan juga GST. Di sesetengah negara sekarangnya GST

bukan sahaja dikutip oleh Kerajaan Persekutuan. GST dikutip oleh Kerajaan Tempatan dan juga Kerajaan Negeri untuk tujuan mempertingkatkan khidmat kebajikan termasuk taska, tadika dan sekolah-sekolah pendidikan alternatif, Sekolah Agama, sekolah alternatif, pendidikan alternatif sepatutnya di tanggung oleh GST dan GST ini sepatutnya dikutip oleh Kerajaan Tempatan dan Kerajaan Negeri. Khasnya untuk Sekolah Agama, katanya dalam Negeri Johor dan juga taska dan tadika yang perlu dibangunkan dengan skala yang lebih mempesat, oleh itu GST ini sepatutnya dikutip oleh Kerajaan Tempatan dan Kerajaan Negeri.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, harga hartanah di persekitaran Iskandar Malaysia telah melambung sebanyak 30% hingga 100% pada 5 tahun yang lalu, khasnya di Nusajaya, pelabur asing telah membeli sebanyak 70% hartanah di pasaran. Saya memahami dilema yang dihadapi oleh Yang Berhormat Rengit, kalau nak beli rumah lot Bumiputera itu susah. Kita tau cara untuk *businessman* dengan izinnya swasta, memang mereka memang *smartlah* untuk berbagai-bagai kaedah untuk menghalang sesetengah dasar. Tapi dari segi Kerajaan untuk menguatkuasakan atau mentafsirkan dasar-dasar yang memang boleh manfaat kepada rakyat, kita kena kaji apa *effectnya* kalau sesetengah dasar itu sudah gagal dalam masa 20 - 30 tahun yang lalu. Tuan-tuan dan puan-puan, Yang Berhormat Datuk Speaker, menurut laporan Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Indeks Harga Rumah di Negeri Johor melonjak 60 sorry, 6% pada 6 bulan pertama tahun ini dan 11.8% pada tahun 2012. Sebaik saya bertanya tadi, mungkin EXCO yang berkenaan boleh bertanya EXCO yang duduk di sebelah dia. Dia mungkin ada pakar dalam perniagaan juga perniagaan hartanah pasaran. Laporan Pusat Maklumat Hartanah Negara menunjukkan bahawa hanya 1.5% urus niaga yang dijalankan dalam sektor kediaman pada setengah tahun, 6 bulan pertama 2013 adalah bernilai RM1 juta dan lebih di Negeri Johor. Oleh itu, sama ada pelaksanaan harga lantai dari RM600,000.00 kepada tahap yang lebih tinggi dijangka mempunyai kesan positif ke atas pasaran hartanah setempat atau projek-projek perumahan mampu milik yang lebih agresif akan membawa manfaat yang besar, lebih besar kepada warga tempatan seharusnya dikaji secara menyeluruh.

Menurut laporan Pusat Maklumat Harta Tanah Negara, bagi urus niaga jual beli rumah kediaman pada 6 bulan pertama tahun ini di Negeri Johor adalah 10.2% adalah rumah di bawah harga RM50,000.00; 16.1% antara RM50,000.00 dan RM100,000.00. Yang paling besar adalah 31.4% adalah harga rumah antara RM100,000.00 dan RM200,000.00. Ini merupakan sektor permintaan yang paling besar di Negeri Johor, khasnya kawasan Johor Bahru dan Iskandar Malaysia. 24% adalah harga rumah di antara RM200,000.00 dan RM500,000.00, cuma 5.5% antara RM500,000.00 dan RM1 juta. Statistik ini amat penting bagi GLC yang ingin melibatkan diri dalam usaha membina rumah kos rendah, sederhana dan mampu milik menurut permintaan pasaran dan keperluan masyarakat dari semasa ke semasa. Jika GLC membina hartanah tanpa meninjau permintaan pasaran dan keperluan masyarakat, kerugian GLC itu akan ditanggung oleh kerajaan dan pembayar cukai dan semua Ahli-Ahli Dewan di sini juga.

Saya ingin mengalu-alukan keputusan Kerajaan Negeri menerima nasihat pihak Pakatan Rakyat yang berpendirian komited dalam usaha membina rumah kos rendah dan mampu milik dengan melibatkan syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan dan Badan Berkanun termasuk JCorp, KPRJ, YPJ dan Perbadanan Islam Johor. Saya

mencadangkan supaya suatu Lembaga Perumahan Negeri Johor ditubuhkan untuk menyelaraskan usaha membina rumah kos rendah, sederhana dan mampu milik. Saya amat sukacita, apabila mendengari usaha Kerajaan Negeri membina jumlah 28,000 buah rumah kos rendah dan rumah mampu milik di antara tahun 2013 dan 2018, 11,000 buah rumah dibina oleh GLC dan Badan Berkanun. Usaha ini perlu diselaraskan oleh suatu Lembaga Perumahan Negeri supaya tidak akan mengakibatkan sebarang kerugian kepada GLC.

Adalah diperingatkan bahawa pengetahuan berkenaan permintaan pasaran perumahan amat penting kepada keputusan GLC untuk membina rumah yang diperlukan oleh kalangan berpendapatan rendah dan sederhana supaya tidak membawa kerugian kepada GLC. Permintaan pasaran pada masa terkini bagi rumah Komuniti Johor A yang berharga RM42,000.00 adalah dijangka lebih kurang 10%, rumah Komuniti Johor B lebih kurang 16%. Rumah Mampu Milik pada harga di antara harga RM140,000.00 hingga RM150,000.00 adalah lebih kurang 15%. Maka, rumah bagi permintaan kelas pertengahan iaitu harga dari RM150,000.00 hingga RM200,000.00 adalah 16% dalam pasaran terkini. GLC sepatutnya mengkaji kemungkinan melibatkan diri dalam usaha membina rumah dalam lingkungan harga tersebut iaitu di antara RM150,000.00 dan RM200,000.00.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, pelepasan hartanah kuota Bumiputera dikenakan levi 7.5%. Pada pandangan saya, bukan sahaja menjejaskan ekonomi, bahkan tidak akan membantu kalangan Bumiputera memiliki rumah. Kos 7.5% levi ini akan dipulangkan kepada bahu pembeli rumah, bukan sahaja bukan Bumiputera tapi juga kalangan pembeli rumah Bumiputera. Seperti yang dikatakan oleh saya sendiri, sebenarnya salah satu artikel saya pada tahun 1990an pernah diterbitkan oleh Berita Harian dan secara positif bahawa kuota Bumiputera dan Kuota Menegak Kerajaan (KMK) bukan sahaja tidak membantu kalangan berpendapatan rendah khasnya pekerja Bumiputera untuk memiliki rumah. Kos pemaju berlebihan akan menjejaskan nilai hartanah di bawah kuota Bumiputera. Oleh itu, diskaun dan levi pelepasan kuota perumahan Bumiputera sepatutnya diganti dengan dasar mempertambahkan Rumah Mampu Milik, kos rendah dan sederhana. Kerajaan Negeri Johor yang sepatutnya bertanya kenapa orang Melayu di seberang Selat Tebrau mampu memiliki rumah dengan harga yang berkali ganda lebih tinggi dari Johor Bahru? Jika dikatakan mereka tertindas oleh Kerajaan seberang Selat Tebrau, kenapa di sebaliknya orang Melayu di seberang Selat tidak berhijrah ke sebelah sini? Mereka orang Melayu, kenapa orang Melayu Singapura mampu membeli rumah banglo di Nusajaya tanpa di bawah kuota Bumiputera, tapi orang Melayu sendiri di Negeri Johor tidak mampu memiliki rumah di rantau sendiri? Itu satu persoalan bukan sahaja dijawab oleh Kerajaan tapi kita pihak Pakatan Rakyat pun cuba mencari penyelesaian untuk permasalahan ini. Tuan-tuan dan puan-puan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Ahli-Ahli Dewan lain, menurut laporan Jabatan Perangkaan, yang penting kita untuk mempertingkatkan pendapatan isi rumah bulanan di Negeri Johor pada purata adalah RM4,658.00, kita lebih rendah daripada pendapatan isi rumah bulanan purata nasional iaitu RM5,000.00. Kalau berbanding dengan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur RM8,586.00; Selangor, RM7,623.00; Pulau Pinang, RM5,055.00. Oleh itu, usaha kita adalah cuba mempertingkatkan peluang pekerjaan yang lebih lumayan. Ini merupakan satu kaedah yang lebih berkesan untuk memastikan kalangan semua rakyat Johor termasuk khasnya pekerja Bumiputera lebih

mampu memiliki rumah. Oleh itu, permasalahan perumahan dan ekonomi sepatutnya dipandang dari segi keberkesanan dasar tetapi bukannya emosi dan prasangka. Dasar berkenaan bukan sahaja kurang berkesan dalam usaha membantu pembeli rumah Bumiputera memiliki rumah, sedangkan berbaur diskriminasi dan kurang bijak dari segi pengurusan ekonomi. Sebenarnya, menurut kajian sosio-ekonomi di dua-dua berang Selat Tebrau, baik Singapura atau oleh universiti-universiti setempat. Dasar-dasar perindustrian dan *urbanization* dengan izinnya telah meningkat pendapatan keluarga Melayu dan Bumiputera serta mempertingkatkan kemampuan mereka memiliki rumah bukannya disebabkan oleh diskaun 15% kuota Bumiputera.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Indeks Keyakinan Bisnes atau *Business Confidence Index* Malaysia yang dibekalkan oleh Malaysian *Institute of Economic Research* dengan izinnya menurun dari mata 124 pada suku tahun kedua 2010 merosot kepada 98 mata pada suku tahun keempat tahun ini. Hasil industri Malaysia menurun sebanyak 18% pada tahun ini.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Skudai sila gulung.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Sikit lagi, 5 minit. Menurut A.T. Kearney's *FDI Confidence Index* tahun ini dengan izinnya, atau indeks keyakinan pelaburan asing langsung menurun dari tempat ke-10 ke-25, malahan didahului oleh negara-negara sedang membangun termasuk negeri China, India, Indonesia, Mexico, Thailand, Afrika Selatan, Brazil, Argentina dan Chile. Menurut *Corruption Perceptions Index* 2012, kedudukan Malaysia adalah ke tempat ke-54 antara negara, 176 negara. Menurut analisa ..... *International* undang-undang bersifat menunjukkan Kerajaan terbuka, baik akan menghapuskan rasuah, justeru meyakinkan para pelabur khasnya Akta Maklumat Bebas yang memastikan hak orang awam bahawa pelabur mengetahui butiran dasar keputusan Kerajaan terhadap sesuatu polisi kewangan.

Malangnya, Kerajaan Negeri Johor dan Persekutuan Malaysia belum lagi mewujudkan akta-akta berkenaan untuk mewujudkan Kerajaan lebih terbuka dan sistem kewangan *transparance*. Kerajaan Negeri Johor seharusnya mencontohi Kerajaan Selangor dengan Pulau Pinang dengan meluluskan Enakmen Maklumat Bebas malahan Enakmen Transparensi Kewangan Kerajaan untuk meyakinkan para pelabur Negeri Johor diperlukan untuk menunjuk komitmen kita menguruskan Negeri Johor dengan konsep sifar rasuah.

Konsep sifar rasuah dan sifar jenayah akan meyakinkan para pelabur khasnya dalam bidang perkhidmatan, *service sector* dengan izinnya. Termasuk pelancongan dan perhotelan, kewangan dan perbankan, pendidikan dan kesihatan. Sektor perkhidmatan diramal akan menjadi penggerak paling besar untuk pembangunan Iskandar Malaysia. Semasa sesi Persidangan Bajet Dewan Negeri kali ini, bukan sahaja Penyata Kewangan Kerajaan Negeri 2012 berserta dengan Laporan Ketua Audit perlu dibentangkan di Dewan yang mulia ini, malahan Bajet 2014 cuma membekalkan anggaran akses dalam bentuk wang tunai pelaburan akaun hasil disatukan dan akaun amanah yang disatukan tanpa memaklumkan kepada akaun pinjaman atau hutang awam yang disatukan kepada Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Timbalan Dato' Speaker, bahagian kedua Undang-Undang Tubuh Negeri kita Fasal 38, Pecahan 4 telah menghendaki Kerajaan Negeri membentangkan butiran kunci-kunci kira Kerajaan pada tahun kewangan yang lalu ialah ...

Y.B. Timbalan Dato' Speaker : Skudai.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : ... 2012.

Y.B. Timbalan Dato' Speaker : Tadi telah dibuat keputusan tak payah diulang semula, sila tamatkan perbahasan.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Ok. Yang Berhormat Timbalan Dato' Speaker, wang pelaburan Kerajaan Negeri sejumlah ...

Y.B. Timbalan Dato' Speaker : Saya cakap tak payah diulang lagi.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Tak ada, bawa ke isu lain, Yang Berhormat Timbalan Dato' Speaker.

Y.B. Timbalan Dato' Speaker : Ok, tamatkan sekarang.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : 2 minit lagi, wang pelaburan Kerajaan Negeri sejumlah RM121 juta pada tahun 2011 tapi meloncat ke RM1,310 juta, adakah keloncatan wang pelaburan Kerajaan ini berasal daripada penjualan aset SAJH kepada PAB dengan harga RM4 bilion. Di mana wang sejumlah RM1,310 juta dilaburkan. Pada tahun 2010, hutang awam Kerajaan Negeri adalah sebanyak RM1.3 bilion yang jelaskan RM897 juta pada tahun 2011 dan justeru menurunkan hutang awam Kerajaan Negeri ke RM480 juta kerana sebahagian hutang dijelaskan oleh penjualan aset SAJH kepada PAB. Sebenarnya selepas menjelaskan hutang RM897 juta, Kerajaan Negeri sepatutnya mempunyai baki RM3.1 bilion. Berapakah lagi hutang awam Kerajaan Negeri Johor pada tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2012? Adakah hutang awam Kerajaan Negeri telah dijelaskan sekali gus dengan penjualan aset SAJH.

Yang Berhormat Timbalan Dato' Speaker ...

Y.B. Timbalan Dato' Speaker : Ok, tamat.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Sikit lagi, untuk Bajet 2014.

Y.B. Timbalan Dato' Speaker : Eh, dah berlebih sangat. Ahli yang lain nak berucap juga, sila tamatkan sekarang.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Perbelanjaan mengurus pembangunan Kerajaan Negeri Johor untuk tahun 2014, cuma 27% di bawah portfolio Kerja Raya dan Kemajuan Luar Bandar tapi 42% penggal pembangunan adalah di bawah portfolio Pejabat Menteri Besar dan juga bidang-bidang yang perlu ditegaskan adalah pertanian dan industri asas pertanian dan juga pelancongan cuma dapat untuk pertanian cuma dapat 6% peruntukan dan untuk pelancongan portfolio pelancongan pembentangan

cuma 1.52%, amat sikit sahaja sebab ini 2 sektor yang sebenarnya kita kena tumpukan untuk menggerakkan pembangunan Iskandar Malaysia.

Fokus Bajet Negeri sebahagian dipinda. Pertama, mengurangkan perbelanjaan mengurus dan di sebalik menambah perbelanjaan pembangunan. Kedua, mengurangkan peruntukan pembangunan di bawah Pejabat Menteri Besar dan di sebaliknya meningkatkan peruntukan dalam sektor perangsang ekonomi seperti pertanian, pelancongan dan pertanian seperti saya sebut tadi. Di samping itu, usaha menaik taraf infrastruktur sewajarnya dipertingkatkan. Pertama, sebahagian Jalan Skudai di sepanjang Taman Bukit Mewah dan Taman Johor di Tampoi telah menjadi kawasan banjir sewaktu hujan lebat walaupun kawasan tersebut adalah kawasan bukit dan lebih tinggi dari persekitaran.

Y.B. Timbalan Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Sikit lagi, Yang Berhormat Timbalan Dato' Speaker.

Y.B Timbalan Dato' Speaker : Nanti, tak bagi kepada rakan-rakan yang akan berucap.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Sikit saja, saya berharap MBJB, JKR dan JPS lebih prihatin kepada penduduk dan pengguna jalan raya sebab banjir di lebuh raya tersebut telah mengakibatkan kesusahan kepada pengguna jalan raya dan penduduk. Di antara jam 4:00 petang hingga 10:00 malam, 26 Oktober, banjir kilat berlumpur sekali lagi melanda kawasan Jalan Makmur. 19 hingga 24 di Taman Jaya, Skudai. Saya telah beberapa kali membawa masalah ini kepada Dewan yang mulia ini, kerana terdapat projek perumahan di persekitaran Sungai Melana, tidak mewujudkan kolam kelodak atau *silt trap* dengan izinya yang dikehendaki peraturan PBT. Saya berharap JPS dan PBT akan menguatkuasakan memantau projek-projek perumahan.

Y.B. Timbalan Dato' Speaker : Ok, Skudai tamatkan sekarang. Skudai, duduk.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Timbalan Dato' Speaker, ucapan terima kasih dari demi merangsang ekonomi di Negeri Johor, infrastruktur khasnya sistem lebuh raya perlu dipertingkatkan lagi selain dari usaha mensiapkan persiapan projek menaik taraf lebuh raya Pasir Gudang, Muar – Tangkak - Segamat, Senai – Desaru. Usaha menaik taraf lebuh raya Air Hitam dan Kluang – Mersing perlu dipertingkatkan dari sekarang. Projek menaik taraf lebuh raya Air Hitam - Kluang – Mersing akan mempergiatkan ekonomi di pantai timur Negeri Johor.

Yang Berhormat Timbalan Dato' Speaker, Persatuan Penternak-Penternak ayam Negeri Johor mengharapkan Jabatan Perkhidmatan Veterinar ...

Y.B. Timbalan Dato' Speaker : Yang Berhormat, jangan saya gunakan kuasa untuk menutup ...

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Perenggan yang *last*, yang akhir sekali. Menguatkuasakan peraturan dan undang-undang sebab ini akan membawa kepada kawasan Yang Berhormat Timbalan Dato' Speaker juga, sebab banyak penternak-penternak ayam meminta Jabatan Perkhidmatan Veterinar bukan saja

menguatkuasakan peraturan dan undang-undang tapi memberikan panduan teknikal dan juga maklumat yang berkesan untuk mereka menangani masalah pembiakan lalat dan sebagainya. Akhirnya, Yang Berhormat Timbalan Dato' Speaker, seperti pepatah Melayu 'Kuman di seberang laut nampak, gajah di depan mata janganlah tidak dapat nampak'.

Kita ada orang baru dalam Dewan ini, sebelum ini kita bangkitkan, kita maafkan ada sesetengah Ahli Dewan menyebutkan nama Tuanku di dalam Perbahasan, Sebenarnya adalah melanggari Undang-Undang Tubuh Negeri dan juga Peraturan Tetap. Tapi ada kesilapan dilakukan oleh mana-mana pihak khasnya orang baru, kita cuba berikan peluang kepada mereka mempelajari dari proses demokrasi dan Perbahasan di dalam Dewan ini.

Y.B. Timbalan Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Timbalan Dato' Speaker, saya nasihat kepada Yang Berhormat Pasir Raja, saya selalu panggil dia tauke sebab saya doktor dia doktor. Saya cuma mampu menguruskan 1 klinik dia boleh menguruskan berpuluh-puluh klinik. Kita 3 orang doktor sini, 1 orang 1, 3 klinik aje. Itu orang Melayu baru, saya bagi kepujian kepada beliau, sebab kalau itulah, kita kena mempertimbangkan dasar-dasar Kerajaan, bukan sebab prasangka terhadap mana-mana kaum, kalau kita maju, lain kaum maju, kita hormat dan kita harap semangat itu, pengalaman itu boleh dikongsi oleh semua Ahli-Ahli Dewan sini, oleh semua dalam masyarakat. Bukan kita nak meneliti kesilapan.

Y.B. Timbalan Dato' Speaker : Skudai, sudah. Cukup.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Timbalan Dato' Speaker, oleh itu, orang panggil kalau 10 orang yang paling kaya itu orang cina termasuk Robert Kuok, saya kata Robert Kuok bukan saudara saya, kalau Robert Kuok itu kaya bukan semua orang cina itu kaya. So itulah satu prasangka ekonomi ...

Y.B Timbalan Dato' Speaker : Tak, semua orang sudah faham.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Timbalan Dato' Speaker, oleh itu, saya harap kalau Syed Mokhtar itu kaya, bukan maksudnya semua orang Melayu kaya. Itulah satu konsep persepsi dasar ekonomi yang kita perlu membawa ... di dalam Dewan ini.

Y.B. Timbalan Dato' Speaker : Skudai, duduk.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Dato' Speaker.

Y.B. Timbalan Dato' Speaker : Kalau semua orang macam Skudai Dewan kita cuma beberapa orang Ahli Yang Berhormat sahaja yang boleh bercakap. Ok, silakan Parit Yaani. 10 minit Parit Yaani.

Y.B. Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera Yang Berhormat Timbalan Dato'

Speaker, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk bercap dalam rundingan bagi membincangkan Bajet 2014 Negeri Johor. Saya merasa berbangga kerana Yang Amat Berhormat, Dato' Seri Menteri Besar mengemukakan ayat surah Al-Maidah yang membawa maksud semua pihak kena menegakkan kebenaran dan keadilan, saya mengingatkan kepada semua Firmah Allah Subhanahuwataala (jawi) wahai orang beriman mengapa kamu mengatakan apa yang kamu tidak perbuat amat besar kebencian di sisi Allah bahawa kamu menyatakan apa-apa yang kamu tidak kerjakan. Sebelum saya meneruskan ucapan Perbahasan Bajet terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada rakan-rakan Ketua UMNO yang berjaya dalam mengekalkan kerusi dan yang menang dalam pemilihan baru-baru ini. Khabarnya banyak juga belanja kata Y.B. Nurjazlan lah, bagi yang belum menang cuba jangan berputus asa.

Muafakat pembangunan dan pengagihan, satu pembentangan tajuk Bajet yang baik. Saya memilih beberapa tajuk untuk di bahas dan diberi perhatian oleh Kerajaan yang memerintah pada hari ini. Pertama, prestasi dan cabaran ekonomi, mengukuhkan strategi dan prestasi pelaburan. Pertamanya saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar kerana telah membentangkan Bajet Surplus sebanyak 2.024 juta di mana ini adalah prestasi yang jauh lebih baik daripada Kerajaan Persekutuan yang 16 tahun membentang Bajet Defisit. Di samping itu, jika kita bandingkan negeri-negeri yang sekelas dengan Johor sebagai contoh Selangor, surplus Negeri Selangor melebihi 3 bilion. Tahniah kepada semua yang terlibat dalam memacu pertumbuhan ekonomi dalam Negeri Johor yang kita cintai. Tahun 2012 pelaburan sekadar 5.5 bilion tetapi tahun 2013 baru bulan Ogos, pelaburan telah mencecah 8.8 bilion, satu peningkatan yang baik dan boleh dibanggakan. Iskandar Malaysia sahaja, pelaburan terkumpul dari 2006 hingga 2013 sebanyak 129 bilion telah direalisasikan sebanyak 56.3 bilion, suku ketiga 2013 sahaja pelaburan di Iskandar Malaysia berjumlah 9.28 bilion. Persoalannya, mengapa jumlah pelaburan yang begitu besar dan banyak tetapi pendapatan Kerajaan Johor hanya dianggarkan kutipan hasil 1,064.59 juta sahaja. Siapakah yang memperolehi keuntungan di atas penyerahan bumi Johor kepada Iskandar Malaysia? Berapakah jumlah pendapatan Kerajaan Johor hasil daripada pelaburan sebanyak 56.3 bilion yang telah direalisasikan di Iskandar Malaysia seawal tahun 2006 hingga 2012.

Yang Berhormat Timbalan Dato' Speaker, Parit Yaani ingin mengingatkan kepada Kerajaan jangan seperti kata orang-orang bijak pandai, kita menang sorak tapi kampung kita tergadai. Singapura dapat Batu Putih, Malaysia dapat apa? Saya ingin menarik perhatian Dewan kepada Laporan Ketua Audit Negara 2012 berhubung Unit Perancangan Ekonomi Negeri berkaitan dengan pengurusan balasan daripada projek penswastaan sehingga tahun 2012 sebanyak 68 projek penswastaan telah diluluskan dengan jumlah balasan *inkind* dengan izin, isunya kenapa masih berlaku kelemahan dalam pengurusan hasil penswastaan kepada Kerajaan sebagai contoh pertama, projek pembangunan lot PTD 109892, 109052, 25763 Mukim Plentong, di mana balasan belum diterima sebenarnya tetapi tanah seluas 41 ekar telah dipindah milik kepada pemaju. Yang kedua, pembangunan Lagun Puteri di mana Danga Bay Sendirian Berhad telah melakukan kerja tambahan dengan kos 29.84 juta tanpa kelulusan Kerajaan Negeri, lebih malang lagi Kerajaan Negeri telah menanggung kos tambahan tersebut dengan mengurniakan tanah seluas 14.522 ekar di mana nilai pasarannya 49.45 juta iaitu melebihi 19.1 juta daripada jumlah tuntutan. Apa yang berlaku ini menunjukkan kelemahan urus tadbir Kerajaan Negeri Johor. Kelemahan ini akhirnya

akan merugikan rakyat, wang rakyat Negeri Johor. Saya berharap kelemahan ini perlu diatasi segera supaya ia selari dengan hasrat Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar untuk mewujudkan pentadbiran yang telus, adil serta wibawa.

Yang Berhormat Timbalan Dato' Speaker, strategi kedua, meningkatkan kesejahteraan rakyat. Fokus perumahan yang berkualiti untuk rakyat, saya dengar Rengit merungut dan saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat kerana mengambil kira pandangan dan cadangan daripada Parit Yaani dalam Perbahasan yang lepas, di mana kalau kita lihat Para 6 muka surat 3 Kerajaan yang moden dan berwibawa adalah kerajaan yang inklusif dan mengambil kira penglibatan semua pihak demi membangunkan Johor tercinta. Sebab itu kalau 10 minit untuk kami rasanya macam tak adil jugalah. Sikit sangatkan. Tiga perkara yang telah diambil daripada cadangan kami, cadangan saya Parit Yaani. Yang pertama, peningkatan harga tanah hartanah yang sepatutnya daripada 500,000 dinaikkan 1 juta.

Yang Kedua, kelulusan daripada 10,000 kepada 2%, walaupun 2% ini tak banyak, 1 juta baru dapat 20 ribu sahaja. Yang Ketiga, rumah mampu milik yang dikategorikan kepada 42, 80 dan 150 cadangan daripada Parit Yaani yang lepas. Walau macam mana pun saya mengharapkan kepada Dewan yang mulia ini supaya pengagihan kuota rumah dibuat secara adil kepada semua rakyat tanpa memilih kaum, kecenderungan politik ataupun anutan agama. Saya ada maklumat tentang pengagihan kuota yang tidak adil di mana seorang ketua parti pemerintah boleh memiliki lebih sebuah rumah kos rendah. Ini yang menyebabkan tidak adil masyarakat menilainya.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar yang sudi melancarkan rumah mampu milik di Taman Bandar Putera Indah pada 26 Oktober baru-baru ini. Cuma saya rasa terkilan kerana pemaju atau mana-mana pihak yang berkenaan tidak berani untuk menjemput saya sewaktu pelancaran tersebut dilakukan, walaupun saya adalah Wakil Rakyat di DUN berkenaan. Saya dengar tadi ada EXCO yang minta supaya kita hadir. Saya harap maknanya lepas daripada ini kita datanglah. Jemputlah kami.

Walau macam mana pun, untuk makluman Yang Berhormat dan EXCO saya ingin memajukan persoalan dan pertimbangan serta pertolongan agar rintihan rakyat di Taman Bandar Putera Indah dan sekitarnya dapat dibantu dan diselesaikan segera. Pertama CFO rumah berkembar di taman berkenaan masih bertaraf CFO sementara. Sedangkan mereka telah menduduki rumah masing-masing mulai 2006 hingga sekarang. Yang Kedua, kemudahan telefon dan internet di rumah berkembar yang berkenaan juga tidak wujud, sedangkan di fasa yang baru segala kemudahan tersebut disediakan. Yang Ketiga, saluran kumbahan dari taman perumahan Bandar Putera Indah ini disalurkan ke kampung sebelah iaitu Parit Jorak Senawi. Sedangkan pemaju boleh mengalirkan buangan kumbahan tersebut melalui Parit Kentang atau Parit Jepun yang melintasi taman mereka. Penduduk Parit Jorak Senawi seolah-olah menerima baja yang sangat menjijikkan dan hanyir. Mereka minta campur tangan Kerajaan Negeri supaya segera memberhentikan mengaliran tersebut.

Yang Berhormat Timbalan Dato' Speaker, Fokus Meningkatkan Taraf Sosio Ekonomi Rakyat. Rukun Islam yang keempat adalah membayar zakat. Pembayaran zakat

hanya wajib ke atas orang kaya atau orang yang mampu mengikut taknifannya. Penerima zakat adalah golongan yang tidak mampu mengikut asnab yang ditentukan oleh Islam.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Parit Yaani, sila gulung.

Y.B. Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) : Sikit lagi, cukai GST mengambil cukai daripada rakyat semua lapisan masyarakat tak kira kaya atau miskin, tua atau muda, kanak-kanak atau bayi bagaimana ini hendak mendapat pertolongan Allah dan boleh berlaku adil. Allah menjadikan sesuatu peraturan tertentu untuk memberikan pengajaran dan iktibar agar manusia belajar dan mengikutinya.

Yang Berhormat Timbalan Dato' Speaker, saya ingin mengucapkan tahniah dan ribuan terima kasih kepada agensi dan jabatan kerajaan yang telah melaksanakan tugas dengan penuh dedikasi dan bertanggungjawab demi keselesaan dan kemudahan rakyat seperti JKR Batu Pahat telah menambah baik jalan-jalan kampung sekitar Parit Yaani dan Tongkang Pecah. JKM Batu Pahat yang telah bertindak segera memproses bantuan segera ke atas mangsa kebakaran di Taman Perwira baru-baru ini. JPS yang bertindak membersihkan parit taman yang sering mengakibatkan banjir di Taman Santalia, Taman Tongkang Pecah. Pembersihan tersebut amat menggembirakan penduduk kerana selama ini taman mereka seolah-olah menjadi takungan banjir apabila hujan agak lebat.

Yang Keempat, JKR Batu Pahat yang menaikkan taraf sepanjang Jalan Kluang dengan berlampu setiap tiang untuk mengelakkan kemalangan antara yang tertinggi Negeri Johor.

Yang Berhormat Timbalan Dato' Speaker, Fokus Tahap Keselamatan. Tahniah dan terima kasih atas usaha gigih pihak keselamatan untuk menjaga ketenteraman negara, khususnya anggota Polis Diraja Malaysia. Parit Yaani menyokong penuh segala usaha untuk memastikan rakyat dijauhi dari jenayah. Kita dikejutkan dengan peristiwa pengawal keselamatan sendiri menjadi perompak dengan tanpa belas ihsan membunuh pegawai bank dan akibatnya penjenayah tersebut berjaya ditangkap. Tetapi hebatnya penjenayah tersebut berjaya ditangkap oleh PDRM di Johor Bahru baru-baru ini. Tahniah kepada Ketua Polis Johor. Kita mengharapkan janganlah seperti pepatah menyatakan "harapkan pagar, pagar makan padi". Rupa-rupanya pengawal keselamatan tersebut adalah ada memiliki I/C palsu. Persoalannya siapa yang memberi I/C tersebut.

Yang Berhormat Timbalan Dato' Speaker, berkaitan dengan keselamatan ini, *crime indeks for country for 2013*, dengan izin telah meletakkan kedudukan Johor Bahru di kedudukan keempat di dunia selepas Guatamala City, Caracas Venezula, Johansburge di Afrika. Kalau grade dapat A. 81.56 Johor Bahru, nombor 1; 87.24. Persoalannya apakah punca jenayah bermaharajalela di Johor Bahru. Peratus mengikut kelas yang terlibat dalam kes jenayah, berapa peratus kes jenayah yang melibatkan penagih dadah.

Parit Yaani mencadangkan antaranya Pendidikan Islam menjadi pelajaran wajib lulus seperti mana pelajaran Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris agar pengetahuan Islam

dipraktikkan sebagai amalan harian. Ini mengelakkan pemuda dan pemudi Islam dari terus terjebak dengan kegiatan dadah serta dapat berpegang kuat dengan agama.

Penamatan segera lesen hiburan keluarga yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang banyak mendatangkan masalah dan perpecahan keluarga serta masalah kecurian dan pecah rumah segera diatasi ataupun segera dilaksanakan supaya polis dan Majlis Perbandaran ambil tindakan tegas.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Parit Yaani, sila tamatkan.

Y.B. Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) : Ok, sikit je. Satu muka dah langkah dua helai dah.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Buat ringkasan karangan.

Y.B. Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) : Dah potong pun, bukan ringkas lagi, potong terus, dua muka potong. Tak apa saya menghormati. Tapi minta permintaan inilah, permintaan rakyat. Yang Berhormat Timbalan Dato' Speaker, dalam Dewan yang mulia ini, saya mewakili rakyat DUN Parit Yaani, ingin memanjangkan beberapa permohonan daripada rakyat, menambah dan melebarkan Jalan Haji Ahmad Radzi yang menghubungkan Parit Haji Sidek ke Suluk Wan Moh dan ke Parit Besar. Laluan ini sangat sempit sedangkan digunakan sebagai alternatif oleh penduduk ke Bandar Batu Pahat.

Yang Kedua, membaiki bahu jalan yang rosak serta melebarkannya dan meletakkan dan lampu di sekitar Beroleh iaitu Parit Haji Ali, Parit Sidek dan Parit Imam yang kebanyakannya adalah merupakan penduduk-penduduk warga tempatan. Memasang lampu yang menghubungkan Parit Yaani Tengah dengan Sekolah Kebangsaan Sri Bengkal. Laluan ini digunakan oleh penduduk untuk menghantar anak-anak mereka, menghadiri kelas tuisyen di sebelah malam. Dia amat membahaya kerana jalan itu sunyi, gelap dan menyeramkan. Saya cuba lalu hari itu pun, memang seram.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Ada pontianak?.

Y.B. Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) : Katanya ada langsuir. Jadi orang kampung pun tak berani nak lalu.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Ok. Ada pontianak ke, tamatkan.

Y.B. Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) : 3 point lagi sikit je. Melebarkan jalan-jalan kampung terutamanya Parit Belemam, Parit Kasim, Kampung Baru Mukim 7 kerana penduduk di sana ramai tidak kurang daripada 100 rumah di sepanjang parit tersebut. Membersihkan langkang di sepanjang jalan dari Tongkang Pecah ke Batu 6 yang sering dinaiki banjir khususnya di penempatan kaki tangan kerajaan perumahan Peladang. Kaki tangan yang duduk situ pun akhirnya pindah. Tak sanggup nak duduk kerana setiap kali hujan, banjir.

Enam, membersihkan langkang di sebelah kiri sepanjang jalan dari Jalan Kluang menuju ke Jalan Bindu untuk mengelakkan kejadian banjir yang sering berlaku apabila

hujan lebat. Dan akhir sekali Timbalan Dato' Speaker, kami di kawasan Parit Yaani di sebelah bandar sedikit, kawasan Beroleh selalu tertanggu dengan kehadiran pendatang-pendatang asing yang sekarang ini mereka menyewa rumah, kampung dan mereka berkenduri kadang-kadang kalau malam minggu istilah orang kampung cakap mereka berkenduri mabuk dan sebagainya. Apabila itu berlaku, mereka akan mencuri, bukan sekadar buah durian, bukan sekadar buah pelam, baju dalam pun dicuri. Jadi, ini satu perkara yang amat membimbangkan rakyat, penduduk tempatan, jadi kami mengharapkan supaya pihak yang bertanggungjawab memastikan syarikat-syarikat yang mengambil pekerja ini menyediakan tempat penginapan tersendiri yang tidak bercampur dengan masyarakat kita supaya sosio budaya masyarakat kita terpelihara dan selamat, Insya-Allah. Sekian, terima kasih, Timbalan Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Saya persilakan Gambir. Oh Tanjung Puteri. Ok.

Y.B. Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Waalaikumusalam warahmatullah.

Y.B. Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Bismillahirrahmannirrahim, (berselawat). Terlebih dahulu saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker yang mana mengizinkan saya untuk menggantikan kawan saya sekejap ini daripada Gambir. Alhamdulillah kita dapat lihat laporan daripada Ketua Audit Negara bagi tahun 2012 ini, dan saya mengambil kesempatan untuk membahaskan bagi ucapan rundingan bajet 2014 oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor pada 7 November 2013 yang lalu, maka sedikit sebanyak perkara yang saya ingin mengetengahkan iaitu saya pertamanya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang mana memberi satu bajet *touch point* bajet yang baik bagi 2014 yang begitu komprehensif dan juga bertanggungjawab kepada rakyat Negeri Johor ini. Kerana ianya melingkungi semua aspek daripada orang yang kaya hinggalah kepada mereka-mereka yang miskin, di bandar atau pun yang di luar bandar sana. Jadi, Alhamdulillah bajet seperti inilah yang kita tunggu-tunggu supaya kita semua merealisasikan amanat yang diberikan oleh kerajaan dan juga negara kita bagi kita duduk di Dewan yang mulia ini.

Dalam masa untuk saya membahaskan ucapan rundingan bajet pada hari ini, saya terus saja ingin menyentuh, yang mana saya menyokong cadangan Rengit dan juga sokongan daripada Paloh yang mana Rengit menyatakan perkara-perkara yang dibangkitkan seperti perkara perumahan, keselamatan dan gejala dadah juga tidak ketinggalan perkara-perkara seperti menyentuh kepada yang telah diusahakan oleh Johor Corporation. Maka, saya sedikit sebanyak, sebelum saya menyentuh perkara-perkara tersebut, saya ingin mengambil perhatian tentang strategi yang pertama mencorak ekonomi yang mampan iaitu kalau kita lihat pertamanya dan juga kedua meningkat kesejahteraan rakyat dan seterusnya memperkasakan dan merakyatkan kerajaan dan melahirkan modal insan yang berketerampilan.

Alhamdulillah, Negeri Johor ini, kita sentiasa berbincang sentiasa kita memberi peluang kepada baik kerajaan ataupun pihak pembangkang untuk boleh sama-sama kita berbincang di dalam Dewan yang mulia ini. Dalam perkara ini saya nampak perkara-

perkara yang patut juga kita ketengahkan adalah seperti perkara-perkara agama dan juga kaum patut kita perbincangkan. Jangan kita jadi macam seorang itu, kalau ketua saya sentiasa memberi pandangan, cadangan dan sebagainya. Ketua saya itu akan dilabelkan bercakap kerana partinya tapi mereka ini saya tak tahulah dia cadangkan parti atau persatuan profesional yang berlandaskan agama dan kaum patut dibatalkan pendaftarannya. Mungkin yang terkena jawablah nanti. Tapi bagi saya parti saya Barisan Nasional memang ada orang Melayunya, memang ada Cinanya, memang ada Indianya, tetapi kita sentiasa berkeadaan harmoni dan seterusnya boleh bersama-sama berbincang untuk kita menjayakan kita punya bajet 2014 ini.

Yang saya hormati, Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, saya terdengar pada telinga saya ini, apa yang dikatakan oleh rakyat Negeri Johor sebilangannya mengatakan yang pertamanya dengan ada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang baru dan juga mempunyai Exco Agamanya yang baru yang berlatar belakangkan agama yang kuat, maka ada satu cadangan untuk menjadikan hari Jumaat menjadi hari cuti hujung minggu bagi Negeri Johor. Ha, ini mungkin satu persoalan ataupun satu perkara yang patut kita juga tahu ataupun patut kita perbincangkannya. Kerana ianya akan melibatkan juga dari sektor ekonomi kita, dari sektor meningkatkan kesejahteraan rakyat dan sebagainya.

Jadi, perkara ini kalau ianya benar, mungkin menjadi kenyataan pada saya memang baguslah. Kita kena balik pada asalnya. Dan saya tak nampaklah Negeri Kelantan itu yang mengamalkan Jumaat itu sebagai hari cuti, ia terus menang saja pilihan raya. Jadi, kalau Johor ini mungkin kita kembali kepada hari Jumaat menjadi cuti hari minggu kita akan terus menang selama-lamanya.
(Dewan bertepuk).

Keduanya, seterusnya pada laporan Ketua Audit Negara tahun 2012 pada siri yang kedua, memang benarlah macam mana Parit Yaani kata tadi, saya pun ada baca juga di muka 24, perenggan 1.4.3.3. Ha, ini melibatkan kawasan saya ini. Padang bola sepak di Jalan Langkasuka di Larkin Johor Bahru tidak di selenggara. Sebenarnya bukan itu sahaja, sebenarnya ini syarikat yang dah menjanjikan untuk memberi padang bola sepak ini kepada rakyat. Memang dah ada. Tetapi kalau mengikut laporan ini lawatan audit mendapati padang bola sepak tidak di selenggara dengan baik kerana terdapat air bertakung, rumput tidak potong dan tiang gol patah. Penyerahan padang dalam tempoh 3 tahun kepada pihak UPEN telah menyebabkan padang terbiar dan tidak di selenggara. Padang ini juga telah diserahkan seperti kata mereka berdasarkan maklum balas UPENJ tarikh 9 April 2013, pihak PSJ, PSJ ini Pembangunan Stadium Johor tidak mahu menerima penyerahan padang tersebut sekarang. Kerana apa, memang tak dibuat dengan baik dan perbadanan Stadium Johor tak nak terima padang ini. Jadi, saya sebenarnya telah bawa perkara ini lama dah. Pertamanya saya bawa kepada perbincangan saya dengan UPEN itu sendiri. Perbincangan saya dengan Perbadanan Stadium dan akhirnya nampak gaya macam nak diselenggarakan dan akhirnya akan diserahkan untuk rakyat boleh gunakan. Kerana maklumlah, sekarang ini Stadium Larkin yang mana boleh dulu disewa oleh sekolah-sekolah di dalam sekitar Tanjung Puteri ini, sekarang ini dah tak ada. Sekolah-sekolah Kebangsaan dan Sekolah Menengah dalam kawasan DUN Tanjung Puteri sudah tak ada padang untuk melakukan kegiatan sukannya. Maka, inilah padang, satu-satunya padang yang sepatutnya sudah disiapkan dan diserahkan kepada

Perbadanan Stadium agar cikgu-cikgu, guru-guru ataupun sekolah-sekolah Menengah dan Kebangsaan dapat menggunakannya. Jadi, saya berharap perkara-perkara seperti ini jangan tunjuk ataupun jangan dapat dikeluarkan oleh Laporan Ketua Audit ini. Macam mana kalau kita tak hendak ianya dikeluarkan dalam laporan ini, senang aja. Dia punya solution senang, buat kerja dengan betul. Sebab saya dah banyak kali tegur perkara ini. Saya dijanjikan sebelum pilihan raya benda ni nak siap tetapi selepas pilihan raya, raya pulak. Nanti dia kata minta lepas raya, Aidilfitri, selepas itu minta lagi, delay lagi tak siap, lepas raya haji pula. Ha, ini saya tak tahu nak tunggu apa. Deepavali pun dah lepas, raya Cina belum sampai lagi. Ha, mungkin raya Cina pula nanti. Saya tak faham perkara ini berlaku kerana mereka-mereka yang duduk dalam Kerajaan ini semuanya yang berkaliber. Saya tak tahulah boleh berjanji dengan Wakil Rakyat Kerajaan dipermainkan seperti saya ini. Saya berharap perkara ini tidak akan dijadikan satu alasan dan selepas ini saya hendak perkara ini diselesaikan seberapa segera yang boleh.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Pengerusi Tetap, eh, Timbalan Speaker, saya minta maaf. Keduanya, perkara lagi satu saya nak tegur KPRJ ini. Projek Desa Larkin, dalam kawasan saya. Berpuluh kali saya bawa. Ini term saya yang kedua, saya cakap dulu memang baik aja. Ha, sekarang saya tak tahulah. Saya bukan pembangkang tapi saya membangkang dalam perkara-perkara yang tidak dilaksanakan dengan betul.

Projek Desa Larkin ini dahulu memang dah ada lay-out dia, lay-out plan dia. Memang dah ada di sini rumah murah, di sini rumah sederhana murah, di sini rumah mahal dan ada juga rumah-rumah yang katanya mampu milik RM200,000.00 lebih. Tetapi persoalannya ada dalam satu kawasan tu sekarang ini saya dah bantah. Saya bantah kedatangan PRIMA ke dalam kawasan Tanjung Puteri ini. Saya bantah. Dia datang berjumpa saya, dia kata nak buat PRIMA dalam kawasan Larkin. Saya bantah. Saya cakap pertamanya kalau nak buat, boleh. Cari tanah yang tidak ada kena mengena dengan projek yang sedang dijalankan. Tetapi projek ini, projek Desa Larkin ini telah dirancangkan daripada 2000 tahun 2000. Satu bahagian daripada kawasan ini akan dibina rumah RM50,000.00 tetapi sekarang macam mana ianya boleh bertukar yang diberi kelulusan oleh Majlis Bandaraya Johor Bahru. Kelulusan telah diberikan rumah RM50,000.00 tersebut sekarang ini dah akan dibina rumah yang berharga RM199,000.00.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Tanjung Puteri sila gulung.

Y.B. Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Walaupun saya marah, tak terima maka Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin pendekkan ucapan saya. Pertamanya saya minta Majlis Bandaraya ini One Stop Centre nya dihapuskan, di bubar kerana Ahli Majlis dalam kawasan yang mungkin dibawa oleh Kerajaan sendiri tidak dipandang ataupun tidak dikuti. One Stop Centre ini dia ikut syor sendiri dia, dia luluskan segala-galanya. Perkara ini saya minta diperhalusi, diperhatikan dengan baik agar ianya tidak menyusahkan rakyat.

Akhir kata saya menyokong Rengit yang mencadangkan usul tersebut. Sekian, wabillahitaufik wal hidayah assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Sila, Nusajaya.

Y.B. Dr. Zaini bin Abu Bakar (Nusajaya) : Bismillahirrahmannirrahim. Assalamualai... warahmatullahi taala wabarakatuh, salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, alhamdulillah di angkatkan puji-pujian setinggi-tingginya ke hadrat Allah SWT kerana dengan rahmatNya persidangan hari ini dapat diteruskan. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, Dato' Seri Mohd Khaled bin Nordin kerana telah membentangkan Bajet 2014 Negeri Johor dengan penuh komprehensif dan bertemakan Muafakat, Pembangunan dan Pengagihan.

Izinkan saya menurut kata-kata Yang Amat Berhormat Dato' Seri bahawa Kerajaan Negeri yakin bahawa pembangunan dan pengagihan hasil masul negeri akan dapat dijayakan dengan berkeadilan dan berkesaksamaan jika ia disandarkan pada muafakat jua.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, saya amat teruja dan bersetuju sekali dengan kata-kata itu. Memang tepat sekali kata-kata itu, kerana sebagai rakyat Malaysia tanpa kira bangsa, budaya dan fahaman ideologi, marilah kita bermuafakat demi kesejahteraan, kedamaian dan kedaulatan negara yang tercinta.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, saya ingin...

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Nusajaya, duduk. Saya tangguhkan mesyuarat ini ke jam 2:30 petang.

Persidangan ditangguhkan pada jam 1:00 tengahari.

Persidangan disambung semula pada jam 2:30 petang.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Ahli-Ahli Yang Berhormat Persidangan di sambung semula. Sila Nusajaya teruskan.

Y.B. Dr. Zaini bin Abu Bakar (Nusajaya) : . Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Bismillahirrahmannirrahim. Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker yang telah mengizinkan saya untuk meneruskan perbahasan pada petang ini. Saya ingin menarik perhatian Dewan yang Mulia ini, mengenai psiko sosial di Negara ini. Ia juga merupakan asas kepada strategi keempat , di dalam 4 strategik utama Bajet 2014, iaitu melahirkan Modal Insan yang berketerampilan. Sebagaimana Y.B. Rengit memaklumkan tadi bahawa harga rumah telah menggila. Jadi, saya juga ingin menarik perhatian yang rakyat Malaysia juga dah menggila. Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker menurut sebuah artikel surat khabar Utusan online bertarikh 4 April 2012, bertajuk Tinjauan Kesihatan Mobiliti bidang kesihatan 2011 menunjukkan 12% rakyat Malaysia berusia antara 16 dan 60 tahun berhadapan dengan pelbagai jenis penyakit mental. Laporan ini mencungkil Presiden Persatuan Psikiatri Malaysia berkata bahawa statistik ini satu angka yang tinggi kerana menunjukkan seorang daripada enam rakyat Negara ini adalah mempunyai tekanan mental Dato' Timbalan Pengerusi. Jadi, kita di dalam Dewan yang Mulia ini, dalam kalau 60 orang berhati-hati juga. Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker menurut juga laporan yang sama punca bagi wanita kerana masalah pertama dari segi pasangan dan masalah dengan anak-anak. Bagi kaum lelaki pula lebih kepada

kemalangan jalan raya yang mengalami kecederaan otak dan juga penyalahan penggunaan dadah. Menurut kajian mobiliti kesihatan kebangsaan yang ketiga pula yang dijalankan pada tahun 2006 di kalangan dewasa di Malaysia yang berumur 16 tahun ke atas ini berdasarkan soal selidik General Health ... yang mengandungi 28 *item* yang digunakan di seluruh dunia untuk menyaring kesejahteraan psiko logikal seseorang. Hasilnya menunjukkan sejak sedekat lalu lebih kurang 10 tahun yang lalu didapati peningkatan yang ketara dalam kadar bunuh diri dan penyakit mental berpunca daripada tahap kesihatan mental yang lemah. Secara amnya sebanyak 11% daripada Rakyat Malaysia yang dewasa mempunyai mobiliti psikiatri atau mental. Di mana kadar tertinggi adalah kalangan dewasa Cina dengan kadar 31%. Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker kalau ikut jantina lebih ramai kaum wanita mengalami masalah mental lebih kurang 55%, orang lelaki 45% dari segi penempatan, masalah mental lebih tinggi di kalangan masyarakat bandar, lebih kurang 12% berbanding luar bandar 8%. Kalau tahap pendidikan pula, masalah mental tinggi di kalangan mereka yang tiada pendidikan atau berpendidikan rendah sebanyak 15%. Yang status perkahwinan pula, kadar yang paling tinggi adalah mereka yang bercerai hidup 13.6%, yang bujang yang kedua 13%, yang cerai mati, balu 12%. Dan mereka yang masih berkahwin 10%.

Jadi, pemikiran untuk membunuh diri, ini bahaya juga Datuk Timbalan Speaker, *prevalence* keseluruhan adalah 40% rakyat Malaysia yang berfikir untuk nak bunuh diri. Tapi yang paling tinggi adalah yang berumur 70 hingga 74 sebanyak 20%. Jadi, berkaitan dengan fakta statistik di atas dapat daripada kajian terkini bidang psikiatri psikologi ternyata hubung kait antara mental dan *criminal* ini tadi tingkah laku cenderung ke arah perbuatan jenayah. Dan, tidak cukup dengan perbuatan terkutuk itu, negara kita dari Perlis sampai ke Sabah telah digemparkan dengan kejadian jenayah yang terlalu amat brutal, barbaric, di mana penjenayah tidak teragak-agak untuk menembak mangsanya dengan senapang, pistol *exclosed range point blank in cold blood and in broad day light*, minta izin. Jadi, merujuk kepada kajian yang sama oleh pakar-pakar di *British Medical* Jurnal pula, dia kata, dekad 90an yang telah lalu, bukti menunjukkan kaitan keganasan, jenayah, penyakit mental makin menyerlah, ini tidak boleh diketepikan dan perlu diambil berat.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, jadi kita sedang mengalami satu krisis psycho social yang amat mungkin, yang *epidermic*. Jadi, kita perlu mengambil tindakan dan langkah drastik yang preventif dan penguatkuasaan penyakit mental yang teruk dari segi sejarah kesihatan, psikologi dan sosial Malaysia. Dari aspek sosial ekonomi selanjutnya, saya ingin merujuk kepada satu kajian yang *local* di tempat saya iaitu impak pembangunan Bandar Baru Nusajaya, Wilayah Iskandar Malaysia terhadap kesejahteraan oleh Pusat Kajian Sosial Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 2011. Didapati, perubahan mendadak di Iskandar Malaysia, majoriti responden menyuarakan bahawa tahap amalan agama mereka sudah menurun di kalangan penduduk Iskandar Malaysia. Hanya 20% responden merasakan mereka masih pegang teguh dengan agama berbanding 40%, 5 tahun dulu. Kajian di kalangan remaja pula, agak menakutkan juga, 15% menyatakan mereka masih teguh dalam agama berbanding 42%, 5 tahun dulu. Majoriti mengamalkan agama pada tahap sederhana saja dan ramai juga tidak mengambil peduli.

Fenomena ini walaupun sesuatu yang lazim bagi sebuah masyarakat sedang mengalami pertumbuhan pesat, namun kita memerlukan satu polisi yang khusus bagi

menanganinya. Kemerosotan agama, amalan agama dan imon boleh mengakibatkan masalah moral dan sosial dalam masyarakat. Pengalaman di pelbagai negara menunjukkan impak sosial oleh penduduk pembangunan wilayah yang berskala besar cukup ketara.

Di DUN Nusajaya, rata-rata ketua dan isi rumah tidak berpendidikan tinggi, 97% menamatkan pengajian tinggi peringkat tingkatan 5 sahaja, 63% ketua isi rumah berkelulusan sekolah rendah sahaja. Ini menunjukkan golongan yang berkesan dengan projek pembangunan ini berpendidikan rendah dan kurang pengalaman bekerja. Pendidikan anak juga tidak banyak berbeza dengan taraf pendidikan ibu bapa. Ini menunjukkan bahawa golongan muda yang tinggal di sekitar Nusajaya, namun mereka tidak mempunyai kelulusan dan kemahiran yang sesuai untuk menceburi sektor ekonomi moden yang menawarkan banyak peluang pekerjaan dan ekonomi lain.

Oleh kerana rata-rata isi rumah tidak mempunyai kelulusan, kemahiran dan pengalaman yang sesuai keperluan sektor ekonomi bandar yang moden dan maju, bidang pekerjaan yang diceburi oleh isi rumah tersebut umumnya pada kedudukan hierarki sosial yang paling rendah. Secara amnya, 70% pendapatan rumah di bawah RM3,000.00.

Jadi, itulah Yang Berhormat Timbalan Speaker, sudah kita bersiap sedia untuk melihat negara kita terjerumus ke dalam kancana musibah sosial yang tidak terhingga. Jadi, kita perlu, perlu Malaysia dan Negeri Johor membanyakkan pekerja-pekerja sosial, kaunselor dan *psycho therapist* yang bertauliah untuk memberi perkhidmatan sosial. Perkhidmatan sosial di tahap yang tinggi supaya kita dapat membina satu *critical mess base*, dengan izin, tenaga sukarelawan yang bersedia menyumbang bakti di tahap komitmen dan dedikasi yang tinggi.

Ramai pasangan suami isteri yang baru mendirikan rumah tangga dan keluarga yang belum mampu membeli rumah baru, perlukan perumahan transit. Dalam hal ini saya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada pihak IRDA kerana mengadakan rumah yang dipanggil rumah PRISMA, yang mana mengandungi lebih kurang 1,000 unit untuk rumah sewa, sekurang-kurang untuk 2 tahun sebelum mereka memiliki rumah. Jadi, diharapkan program serupa begitu dapat diteruskan, disediakan rumah-rumah sewa untuk mereka-mereka yang belum mampu lagi untuk membeli rumah yang baru.

Selain daripada itu, golongan demografi ini, di DUN Nusajaya juga terdapat banyak kampung-kampung komuniti nelayan dan Orang Asli yang memerlukan berbagai bantuan akibat terpaksa berdepan dengan cabaran dan masalah-masalah yang unik yang hanya dialami oleh komuniti mereka. Bagi nelayan-nelayan dan ramai di antara nelayan terdiri orang kampung dan Orang Asli semakin hari semakin susah untuk mereka menyara kehidupan-kehidupan mereka pada musim hujan yang menjelang tidak lama lagi.

Saya berharap Kerajaan Negeri Johor dapat memberi bantuan yang lebih baik kepada kedua golongan nelayan dan Orang Asli terutamanya di DUN Nusajaya.

Berkaitan dengan musim hujan yang kini mula berlaku, kita sedia maklum di mana jua di Malaysia lebih-lebih di kawasan daerah kampung dan kalau di DUN Nusajaya ini pun ada, di Kampung Lima Kedai, di Kampung Orang Asli Simpang Arang dan di kampung-kampung lain juga, masalah banjir tahun demi tahun banjir kilat sentiasa berlaku. Sebahagian besar berlaku banjir di kawasan banjir ini adalah sistem perparitan dan penyaluran air selari dengan pembangunan setempat. Masalah ini bertambah berat apabila longkang-longkang, parit-parit, sungai tersumbat dengan sampah, *side the burn*. Situasi ini perlu kita ambil tindakan yang lebih cekap dan lebih segera. Sebab apa, kita difahamkan bertatapan dengan tahun 2012, 2014 tahun depan iaitu Tahun Melawat Malaysia. Jadi, program gotong royong dan membersihkan kawasan-kawasan dan sampah-sampah di tepi jalan dan bilik tandas awam dan sebagainya yang kurang bersih perlu dipertingkatkan.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, berasaskan situasi semasa di Johor, kita juga khuatir anak-anak Johor kita di masa akan datang terpaksa bersaing dengan orang luar, yang hadir ke sini untuk pekerjaan dan perumahan dan lain-lain lagi. Laksa Johor terpaksa bersaing dengan Laksa Penang dan Laksa Perak. Adakah kita sudah bersedia untuk menangani penghijrahan rakan-rakan kita daripada negara utara?

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Nusajaya, sila gulung.

Y.B. Dr. Zaini bin Abu Bakar (Nusajaya) : Ok. Kita perlu menarik dari segi ekonomi. Dato' Timbalan Speaker, perancangan strategi pembangunan negara dan negara kita, kita perlu melihat dari segi pendekatan perancangan sosio-ekonomi makro dan mikro. Dalam usaha kita menarik banyak syarikat luar, kita juga perlu sensitif terhadap peranan yang boleh dimainkan oleh perusahaan sederhana, PKS kecil dan SME kita. Kita perlu menjemput banyak lagi syarikat-syarikat SME dari negara maju yang lain seperti daripada China, Korea, Jepun, India, Brazil dan lain-lain. Di mana walaupun saiz mereka mungkin kecil di negara mereka tapi kalau di sini mungkin berkala sederhana dan besar di negara kita. Kita perlu untuk membuka peluang-peluang perniagaan yang lebih supaya dapat meningkatkan pendapatan rakyat kita.

Dalam pada itu, kita perlu meningkatkan *knowledge capital* dengan izin, dan *skill bank* kita dengan izin, tenaga kerja Johor supaya pekerja-pekerja kita lebih *capability*, lebih kapasiti, lebih daya kompetitif untuk menarik tenaga Johor supaya digilap dan digembleng ke tahap potensi maksima.

Dengan itu, kita perlu mengkaji dan *review* penggunaan tanah di Negeri Johor yang terbiar untuk diselaraskan dengan konsep yang diperkenalkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar iaitu konsep Satu Daerah Satu Industri. Kita juga perlu mengkaji bagaimana kita boleh menyuntik inisiatif *rejuvinasi* ekonomi pembangunan semula sosial satu daerah, kawasan agar penduduk kawasan dapat menikmati kemajuan ekonomi warga-warga lain di daerah dan kawasan yang telah, sedang mencapai hasil kejayaan.

Marilah kita bersama-sama, akhirnya berikrar dan bersiagamah memperkasakan pembangunan dan kemajuan Malaysia dan Negeri Johor Darul Takzim. Semoga apa yang kita lakukan dan berniat untuk melakukan akan mendapat taufiq hidayah, barakah dan keredaan Allah SWT.

Akhir kata dalam Surah Al Maidah Ayat 2, *Allah berfirman, tolong menolonglah kamu dalam mengerjakan kebajikan dan takwa dan jangan tolong menolong dalam membuat dosa dan pelanggaran.* Dan dalam Surah Al Haj Ayat 77, *Allah berfirman dan perbuatlah kebajikan supaya kamu mendapat kemenangan.*

Sekian, Dato' Timbalan Speaker, saya dengan ini menyokong usul daripada Y.B. Rengit. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Terima kasih Nusajaya, tak payah bantuan psikiatri ye, untuk berhenti. Pekan Nenas, jemput.

Y.B. Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Terima kasih Dato' Speaker, selamat sejahtera Sidang Dewan sekalian. Hari ini saya tampil untuk mengambil bahagian dalam Perbahasan ini demi mengangkat suara rakyat Johor dalam Dewan yang mulia ini. Pertama sekali, saya menyambut baik Pembentangan Bajet 2014, bagi Negeri Johor yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin pada minggu yang lepas secara menyeluruh menyentuh perihal usaha untuk meningkat taraf sosial ekonomi rakyat Johor. Selari dengan isi pembentangan dan sahutan Y.B. tersebut, perbahasan saya pada hari ini akan menyentuh perihal masalah pengagihan kekayaan kepada rakyat yang berada dalam keadaan yang kritikal.

Yang Berhormat Dato' Speaker, menurut Laporan Statistik Jabatan Perangkaan Malaysia 2012, nilai Koefisien Gini Malaysia pada tahun 2012, adalah 0.431. Nilai ini telah melebihi tahap yang bahaya. Mengikut standard antarabangsa yang nilainya ditetapkan pada 0.4. Semakin tinggi indeks Gini, semakin jauh jurang pendapatan dalam kalangan rakyat. Kalau kita bandingkan indeks Gini Malaysia dengan negara lain di Asia, kita akan dapati bahawa Gini Indeks di Thailand hanya 0.4, Indonesia 0.37, India 0.33. Malaysia telah menjadi salah sebuah negara yang mempunyai indeks Gini yang tertinggi di rantau Asia.

Apakah punca yang menyebabkan pengagihan kekayaan di negara kita amat tidak seimbang dan dapat kita lihat sendiri sejumlah besar rakyat dibelenggu kesempitan hidup.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ada di kalangan kita melihat perkara-perkara ini dari perspektif perkauman. Dakwaan seperti orang Cina kaya, akan timbul dalam fikiran mereka. Tapi, adakah dakwaan ini menggambarkan realiti yang sebenar? Dengan memetik laporan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia 2012. Ternyata bahawa negara kita menghadapi masalah pengagihan kekayaan kepada seluruh rakyat tanpa mengira bangsa dan kaum. Gini indeks 2012, bagi kaum bumiputera adalah 0.421, kaum Cina 0.422, manakala kaum India adalah 0.443. Ini menunjukkan bahawa jurang perbezaan kekayaan dalam golongan kaum yang sama adalah lebih kurang sama dengan indeks Gini keseluruhan negara kita. Kesemuanya Gini indeks melebihi 0.4, di mana dia satu petunjuk tahap pengagihan kekayaan yang amat tidak seimbang dan bahaya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, masalah pengagihan kekayaan dan kemiskinan negara kita adalah orang yang kaya terlalu kaya dan memperolehi kesempatan menjadi semakin kaya. Manakala bagi golongan miskin terlalu miskin dan tetap miskin.

Di sini juga ingin saya tekankan bahawa pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru mempunyai niat yang baik pada permulaannya, tetapi pada akhirnya telah dieksplotasikan oleh golongan-golongan yang tidak bertanggung jawab. Dirujuk semula pelaksanaan DEB. Dasar ini mensasarkan pegangan ekuiti bumiputera sebanyak 30%. Namun begitu menerusi dasar ini banyak kroni mengambil kesempatan untuk mengeksplotasikan pengagihan kekayaan negara ini di atas nama keadilan sosial dan merakyatkan ekonomi. Oleh itu saya menyeru ketulusan dalam pengagihan hasil ini ditingkatkan manakala sebarang ketirisan, wajar diambil tindakan drastik dan lagi realistik. Jangan tutup sebelah mata sahaja. Soalan saya siapa yang memperoleh hasil tersebut? Adakah golongan yang miskin dapat saham. Siapa yang sebenarnya berpeluang menikmati kebaikan melalui dasar sedemikian.

Yang Berhormat Dato' Speaker, secara sepintas lalu sebanyak 54 bilion saham Bumiputera dibeli sejak tahun 1971 tetapi hanya kekal 2 bilion di tangan orang Bumiputera. Soalnya ke mana pergikah 50 bilion kekayaan ini? Berpuluh-puluh bilion kekayaan Negara kita telah disalah guna dan dirampas oleh kroni-kroni untuk meraih kekayaan Negara. Dalam usaha membasmi kemiskinan dan pengagihan semula kekayaan. Kita perlu mencegah segelintir kroni yang berselindung di belakang nama keadilan sosial dan merakyatkan ekonomi. Apakah maknanya sasaran 30% ekuiti bumiputera dicapai sekiranya 55.3% isi rumah keluarga berpendapatan pulangan tidak melebihi RM4,000.00 dan masih perlu mendapat bantuan BRIM untuk menyelesaikan masalah harian. Kita perlulah lari pada konsep, *people trickle down* dengan izin, di mana usaha untuk mengkayakan segelintir etnik akan membawa kesan positif kepada keseluruhan komuniti. Sebenarnya kesannya adalah sebalik di mana ia hanya menambahkan lagi jurang perbezaan kekayaan di antara kaum sendiri.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau 52 bilion digunakan secara betul dan terus menjuruskan kepada golongan sasaran, saya yakin kehidupan majoriti rakyat kita akan berada dalam aras yang selesa seperti yang kita semua idamkan. Penyelewengan kekayaan negara kita adalah punca kemiskinan negara dan meletakkan taraf hidup sejumlah besar rakyat negara kita susah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Malaysia kaya dengan sumber alam semula jadi dengan kedudukannya strategik. Tanah subur dan hasil tanaman tinggi. Populasi golongan belia tinggi dan produktif. Negara kita sekarang bergerak selari dengan Wawasan 2020. Dengan matlamat mencapai USD15,000.00 per kapita pada tahun 2020 dan menjadi sebuah negara yang berpendapatan tinggi. Namun demikian pencapaian negara kita untuk menjadi sebuah Negara yang maju dan berpendapatan tinggi masih menghadapi pelbagai cabaran dan rintangan. Dari sudut perspektif pembangunan sosial ekonomi Negara, Malaysia adalah sebuah Negara yang mencapai pendapatan USD1,030.00 per kapita pada tahun 1977 yang bermaksud sudah menjadi sebuah negara yang berpendapatan sederhana. Manakala pada masa yang sama negara Korea Selatan hanya mencapai pendapatan USD930.00 yang *diclassifiedkan* sebagai sebuah negara yang berpendapatan rendah. Selepas 34 tahun yang berlalu, jika kita merujuk semula pencapaian pendapatan Malaysia dan Korea Selatan, perbezaan ketara dapat dilihat meletakkan Malaysia jauh ketinggalan Korea Selatan pada tahun 2011. Malaysia hanya mencapai pendapatan USD8,770.00 per kapita, manakala Korea telah mencecah USD20,870.00 per kapita. Jelas sekali kita boleh lihat bahawa

perkembangan sosio-ekonomi negara kita adalah perlahan jika berbanding dengan Korea Selatan atau pun Singapura.

Yang Berhormat Dato' Speaker, keadaan Malaysia yang sama juga dialami oleh negara membangun yang lain. Negara-negara ini terperangkap dalam krisis *middle income trap*, dengan izin, yang menghadapi cabaran dan rintangan yang amat besar dalam usaha menuju menjadi sebuah negara yang berpendapatan tinggi. Perkembangan Malaysia bergantung rapat dengan cara pembekalan sumber tenaga manusia murah sebagai daya penarik pelaburan antarabangsa. Dengan mengikut jejak langkah perkembangan ekonomi, kos sumber tenaga manusia semakin meningkat dan daya persaingan yang berlandaskan manusia yang murah semakin berkurangan dan semakin susah untuk bersaing dengan negara-negara membangun yang lain seperti Indonesia, Vietnam dan China.

Industri yang intensif buruh telah mengalami kemelesetan dan pada masa yang sama untuk mencapai taraf negara maju selari dengan Wawasan 2020. Malaysia masih ketinggalan dalam perkembangan bidang industri yang berasaskan pengetahuan dan berintensit teknologi. KDNK Malaysia dari perspektif pendekatan pendapatan pampasan pekerja hanya mencatatkan sumbangan sebanyak 151 bilion iaitu sebanyak 28% daripada KDNK negara kita. Dan, peratus ini sudah berkurangan kalau berbanding dengan tahun 1987, 33.8% dan pada tahun 2000 28.9%. Negara kita tidak dapat mencari langkah untuk meningkatkan pendapatan rakyat secara berkesan. Walau pun perkembangan ekonomi kelihatan semakin pesat. Hal ini demikian kerana kenaikan gaji di negara kita tidak setimpal dengan perkembangan ekonomi negara kita. Walau pun ekonomi negara kita semakin berkembang, tetapi rakyat tidak menikmati kebaikan secara sepenuhnya jika dibandingkan dengan negara lain. Pada tahun 90-an dicatatkan jumlah pampasan pekerja di Singapura 42.7, Korea Selatan 47.6, Amerika Syarikat 58.2, Jepun 55.3% dan dengan jelasnya peratusan pendapatan penduduk negara kita mengikut KDNK di negara kita jauh rendah kalau berbanding dengan negara maju. Dalam hal ini, Malaysia tidak seharusnya menjadi sebuah negara yang memperkudakan rakyat sebagai tenaga buruh yang murah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ekonomi negara kita perlu berubah daripada industri intensif IO kepada bidang industri berasaskan pengetahuan dan berintensif teknologi untuk membolehkan rakyat menikmati perkembangan ekonomi negara kita. Oleh itu negara kita perlu berusaha meningkatkan penyelidikan R&D untuk membangunkan industri berasaskan pengetahuan dan berintensif teknologi.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, menurut Laporan Sains 2010 UNESCO, Malaysia mempunyai 372 orang ahli penyelidikan sepenuh masa per juta penduduk pada tahun 2007. Purata ahli penyelidikan per 1 juta penduduk bagi negara-negara maju adalah 3,655.08. Ini bermakna negara kita ketinggalan lebih kurang 10 kali ganda daripada negara-negara maju dalam bidang R&D. Manakala jika dibandingkan dengan negara -negara membangun, puratanya adalah 580.03 pada tahun 2007. Ini bererti Malaysia juga ketinggalan jauh jika di banding dengan negara-negara membangun dalam bidang R&D. Diambil sebagai contoh negara-negara membangun, Purata ahli penyelidikan sepenuh masa bagi Argentina adalah 980, Iran 706, Brazil 694, Mesir 617, South Afrika 392. Perbelanjaan yang digunakan dalam R&D Malaysia meliputi hanya 0.65 daripada KDNK pada tahun 2002 dan menurun ke 0.64 pada tahun 2006. Manakala purata perbelanjaan bagi negara-negara maju dalam

bidang R&D telah meningkat daripada 2.2% kepada 2.3% daripada KDNK mereka dari tahun 2002 kepada tahun 2007.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Pekan Nenas, sila gulung.

Y.B. Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Pada masa yang sama purata perbelanjaan R&D bagi negara membangun juga meningkat daripada 0.8 kepada 1% dari tahun 2002 kepada 2007. Kajian dan penyelidikan merupakan asas pembangunan industri berasaskan pengetahuan dan berintensif teknologi. Industri berasaskan pengetahuan dan berintensif teknologi merupakan bidang yang paling penting dalam usaha mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi. Bagi negara-negara rantau Asia yang berjaya melepasi *middle income trap,* dengan izin seperti Korea Selatan, Singapura dan Jepun.

Sumbangan R&D merupakan pemangkin kepada pembangunan industri berasaskan pengetahuan dan berintensifkan teknologi. Ahli penyelidikan sepenuh masa per juta penduduk di Singapura pada tahun 2007 adalah 6,088, Jepun 5,573, Korea 4,627, manakala perbelanjaan bagi R&D bagi Jepun adalah 3.4, Korea 3.01 dan Singapura adalah 2.27 dari KDNK mereka. Ini merupakan perbezaan yang amat besar di antara Malaysia dengan negara-negara berikut pelbagai produk elektronik seperti Samsung, Sony dan sebagainya adalah hasil daripada pelaksanaan R&D. Oleh itu sekali lagi menunjukkan bahawa negara kita bukan sahaja ketinggalan dalam usaha meningkatkan kajian dan penyelidikan tetapi juga bertentangan dengan arus pembangunan dunia yang semakin mementingkan industri yang berasaskan pengetahuan dan berintensifkan teknologi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ...

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Ok, Pekan Nenas.

Y.B. Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Sudah, sudah nak gulung. Saya mencadangkan agar bantuan berbentuk seperti Skim Bantuan Pendaftaran ke IPT menerusi Yayasan Pelajaran Johor perlu diluaskan skopnya dengan menyalurkan kepada anak Johor yang melanjutkan pengajian mereka ke aras Master dan juga PhD. Dan, sistem kemasukan pusat pengajian tinggi yang lebih telus dan saksama amat diperlukan memandangkan banyak pelajar cemerlang tidak berpeluang memasuki universiti awam tempatan dan diberi tawaran biasiswa negara-negara lain menyebabkan golongan pemuda cemerlang terpaksa melanjutkan pelajaran dan akhirnya bekerja di luar Negara. Fenomena mengimport sumber tenaga murah daripada Negara luar dan mengeksport pelajar cemerlang yang bakal menjadi pakar-pakar pada masa yang akan datang merupakan kerugian yang besar dalam pembangunan Negara kita.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebelum saya menggulung ucapan perbahasan saya pada hari ini, izinkan saya mengeluarkan beberapa soalan penting dan mendesak yang berkaitan dengan masalah rakyat Johor.

1. Apakah sebab pihak SUK Negeri Johor Bahagian Perumahan menghentikan penggunaan barang permohonan kos rendah yang dimuat turun melalui internet mulai 1 September tahun ini? Perubahan drastik ini yang dilakukan telah

menambahkan kesulitan orang awam untuk membuat permohonan rumah kos rendah. Saya berharap perkhidmatan ini dapat dipulihkan bagi memudahkan permohonan rumah kos rendah;

2. Adakah sebarang batasan bagi seorang ADUN untuk mendapatkan maklumat-maklumat penerima bantuan JKM? Saya berharap segala maklumat lengkap penerima bantuan JKM dapat diakseskan dengan mudah supaya para Wakil Rakyat dapat mengenali dan mendekati mereka;

3. Apakah perkembangan pembangunan Klinik Kesihatan Pekan Nenas? Tender sepatut telah dipanjangkan pada September yang lepas. Siapa yang telah mendapat tender tersebut?

Dengan ini, saya mengakhiri ucapan perbahasan sempena pembentangan Bajet Negeri Johor Ta'zim 2014 dengan memohon maaf sekiranya isi ucapan saya telah menyinggung perasaan rakan-rakan YB...

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Tak payah...

Y.B. Enclk Yeo Tung Siong (Pekan Nenas): ... dalam Dewan yang Mulia ini.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Ok.

Y.B. Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas): Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Perbahasan disambung semula. Silakan Stulang.

Y.B. Encik Chen Kah Eng (Stulang): Terima kasih Timbalan Dato' Speaker. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dewan ini kerana memberi peluang kepada Stulang untuk memberikan ucapan perbahasan.

Terlebih dahulu saya ingin menimbulkan isu tentang Cukai Harta. Para penduduk di Johor Bahru terutamanya di sekitar Taman Sentosa dan Taman Pelangi telah menerima notis nilaian baru bagi rumah mereka. Rata-rata cukai yang dikenakan telah pun dinaikkan kerana taksiran nilai rumah telah meningkat. Ada kenaikan yang mendekati sekali ganda. Mereka terpaksa menanggung cukai harta yang lebih walaupun nilai harta rumah mereka telah naik tetapi para penduduk berasa tertekan kerana kenaikan mendadak tersebut terutamanya mereka yang masih tidak menjual rumah mereka. Para penduduk berharap PBT boleh lebih fleksibel dalam kes ini dengan mengurangkan kadar cukai. Sekiranya nilai taksiran meningkat, tak apa kalau kadar boleh diturunkan dengan sewajarnya, maka cukai harta mereka yang akan dikenakan pada jumlah yang sama ataupun kenaikan tidak akan terlalu mendadak. Contohnya, kadar cukai pada tahun 2013 adalah 0.13%. Jika kadar cukai pada 2014 dikurangkan, jangan kurang 0 perpuluhan, jadi 0.12 loh... kurangkan kepada 0.07% atau lebih rendah, maka cukai yang dikenakan akan tidak akan mengalami keadaan kenaikan yang terlalu mendadak walaupun taksiran nilai adalah lebih tinggi. Oleh kerana taman-taman tersebut adalah taman yang telah lama, adakah kenaikan cukai tersebut ataupun lebihan cukai tersebut yang dikutip akan digunakan untuk menaik taraf taman-taman mereka memandangkan taman-taman tersebut telah lama, longkang, lampu jalan tersebut sudah pun agak usang.

Didapati juga MBJB mempunyai lebihan pendapatan pada tahun 2012 sekitar RM27 juta dan pada tahun 2011 juga, lebihan pendapatan adalah RM14.6 juta. Jadi mengapa kita mahu mengutip cukai yang lebih? PBT belum sampai ke satu keadaan yang terdesak lagi untuk mengutip cukai yang lebih. Mengapa mahu membebankan rakyat dengan cukai dalam lingkungan sekali ganda? Kemudian saya juga berharap agar kadar boleh dikurangkan terus tanpa memerlukan surat rayuan, buat secara automatik sahaja. Kemudian saya mencadangkan agar kita mengambil langkah yang bijak untuk tambahkan pendapatan, bukan dengan memeras daripada rakyat. Kita mencadangkan agar PBT mengambil langkah yang lebih berkesan untuk mengutip balik cukai harta yang tertunggak. Kerana didapati pada tahun 2012, tunggakan yang tak dikutip RM55 juta. Pada tahun 2011, tunggakan adalah RM63 juta. Jadi kita cari jalan, kutip balik cukai dahlah. Kalau kita nak kutip lebih dengan rakyat, rakyat akan rasa susah.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, perkara kedua yang saya ingin sentuhkan di sini adalah mengenai gaji. Soalan saya berkenaan dengan gaji yang diterima oleh setiap Ahli Lembaga Pengarah bagi Damansara Asset Sdn. Bhd. dan SAJ Holdings untuk tahun kebelakangan ini telah pun ditolak oleh Dewan atas sebab ini adalah maklumat rahsia. Nampaknya Kerajaan Negeri tidak berani mengumumkan jumlah gaji mereka. Apa masalahnya? Sebenarnya syarikat-syarikat tersebut merupakan syarikat seliaan Kerajaan Negeri Johor dan urusan mereka bersangkut paut dengan pembangunan Johor. Ini sangat penting mengapa jumlah gaji mereka diklasifikasikan sebagai rahsia. Gaji kita sebagai ADUN, sebagai EXCO dan sebagainya boleh dilihat, diumumkan bukannya rahsia, mengapa gaji mereka adalah rahsia? Lebih-lebih lagi apabila mereka telah ditegur dalam Laporan Audit Negara contohnya semakan audit mendapati Damansara Asset Sdn. Bhd. telah belanja lebih dalam projek ubahsuai Plaza Kotaraya dari kos anggaran sebanyak RM19 juta kepada RM41 juta. Selain itu, syarikat tersebut lewat dalam projek ubahsuai Komtar iaitu sebanyak 24% sehingga September 2013. Dalam tadbir urus juga ia juga bermasalah dalam pembayaran dividen dan banyak tunggakan sewa dan perjanjian sewa tamat tempoh juga tidak diperbaharui. Jadi adakah syarikat macam ini kita tidak berhak untuk tahu gaji mereka yang menguruskan syarikat tersebut? Pada pendapat saya, Perbadanan Johor dan semua syarikat di bawahnya perlu mengumumkan gaji mereka kepada orang ramai supaya prestasi mereka sentiasa boleh dipantau oleh rakyat Johor, lebih-lebih lagi mereka berkait rapat dengan pembangunan Johor. Mereka yang memegang jawatan tinggi juga akan lebih berhati-hati dalam segala urusan dan keputusan yang dibuat akan lebih berhati-hati kerana mereka tahu mereka sentiasa dipantau. Kumpulan JCorp juga mencadangkan, mencatatkan perolehan tahunan yang menjangkau RM5.64 bilion dengan *liabilities* setinggi RM8.37 bilion. Jadi, rakyat berhak tahu gaji mereka yang menguruskan syarikat tersebut kerana ia melibatkan angka yang tinggi. Dengan ini, prestasi Perbadanan Johor pasti akan meningkat dan ini pasti akan memanfaatkan rakyat Johor. Jadi, janganlah jadikan gaji JCorp dan anak syarikatnya sebagai rahsia. Umumkanlah kepada semua rakyat Johor.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, perkara ketiga yang ingin saya timbulkan di sini adalah berkenaan dengan jalan bertingkat Kebun Teh dan Jalan Tun Abdul Razak. Di sini saya ingin menarik perhatian berkaitan dengan cadangan kerja menaik taraf 2 persimpangan bertingkat Kebun Teh dan Jalan Tun Razak. Mereka yang duduk di Taman Melodies dan Taman Kebun Teh yang merangkumi Jalan Chenai, Kemunting

dan Pedada merasa risau dan kecewa dengan projek tersebut. Mereka tidak mahu pindah kerana mereka sudah lama duduk di situ. Daripada kajian yang dibuat, pada penduduk telah menghantar memorandum kepada Menteri Besar dan sebanyak 196 penduduk telah menghantar tandatangan kepada Pejabat Menteri Besar dan Iskandar untuk tindakan susulan. Persoalannya sekarang ialah bilakah projek ini akan dilaksanakan dan disiapkan? Berapakah kos projek tersebut? Apakah pampasan yang akan diberikan kepada mereka yang terpaksa berpindah sekiranya tanah mereka perlu diambil? Apakah pakej dan rancangan perpindahan secara terperinci yang akan diberikan kepada para penduduk yang terlibat? Selain itu, mungkin projek ini juga akan melibatkan Jalan Kebun Teh dan pelebaran Jalan Kebun Teh. Bilakah pelebaran ini akan dilaksanakan? Dan bila pelebaran Jalan Kebun Teh ini dilaksanakan, adakah ia akan mempengaruhi penjual-penjual kereta, rakyat-rakyat, penjual-penjual kereta terutamanya mengakibatkan lot-lot tanah komersil di tepi jalan tersebut. Kita berharap Kerajaan Negeri boleh membentangkan secara terperinci tentang pembangunan tersebut.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, di sini saya juga ingin membentangkan tentang perkara yang berlaku di kawasan Stulang di mana beberapa aduan yang telah dibuat tetapi tidak diselesaikan, walaupun perkara ini nampaknya remeh tetapi saya harus bentangkannya di sini untuk menunjukkan supaya Majlis PBT akan bersikap lebih proaktif dan lebih bekerjasama. Contohnya, di Jalan Tombak, Jalan Seri Pelangi dan Jalan Biru. Di Jalan Tombak, kawasan tanah lapang di Jalan Tombak telah menjadi tempat kediaman para perayau bahkan ada tilam di sana juga. Mereka yang bermalam di situ daripada sudah lebih daripada satu tahun. Keadaan ini telah mengakibatkan para penduduk di sana kurang selamat. Mereka takut diragut, dirombak, dipukul atau diperkosa. Tolonglah saya minta selesaikan dengan cepat kerana aduan ini telah pun lama disalurkan kepada Majlis MBJB.

Yang kedua Jalan Seri Pelangi. Jalan Seri Pelangi di Taman Pelangi, JB yang ditinggalkan kotor setelah kerja naik taraf longkang dijalankan, jalan raya tidak diturap dengan penuh iaitu diturap dengan separuh sahaja dan meninggalkan tepi jalan dengan tanah kuning yang kotor. Buat kali pertama, kita jumpa petak kereta JB yang terunik di dunia iaitu 1 lot tempat kereta separuh bertar dan separuh lagi tanah kuning. Cat petak juga lukis separuh sahaja... di jalan ada tar ada lukis petak, di tanah tak ada. Jadi, ni apa benda ni? Kereta Mr. Bean pun susah mahu *parking*? (Dengan izin). Tanah becak dan kotor ini telah mengakibatkan para pengguna jalan raya membawa tanah tersebut ke dalam kedai-kedai tersebut. Ini amat merunsingkan dan keadaan ini telah pun lama berlaku dan tidak dibetulkan.

Yang ketiga, ini pun lubang besar di Jalan Biru 3. Ini tak payah sebut panjanglah, tahu sahaja.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Sila gulung Stulang.

Y.B. Encik Chen Kah Eng (Stulang) : Yang Amat Berhormat sikit lagilah ya... Yang Amat Berhormat Timbalan Dato' Speaker...

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Yang Berhormat Speaker je... Timbalan Speaker, bukan Yang Amat Berhormat... (Dewan ketawa).

Y.B. Encik Chen Kah Eng (Stulang) : Oh, ok, sorry, sorry... (ketawa). Laporan Ketua Audit Negara, rakyat berharap Ketua Kerajaan Negeri mengambil inisiatif yang komited dan bukannya memandang remeh tentang kelemahan dalam Laporan Ketua Audit Negara. Kita tidak mahu setiap kali kelemahan yang dilaporkan pada setiap tahun berulang lagi pada tahun yang akan datang. Kalau Kerajaan tidak mengambil inisiatif yang serius terhadap mereka yang bersalah atau cuai, maka Kerajaan terpaksa menanggung kerugian yang berlipat ganda kerana mereka berbuat sesuatu yang tidak efisien dan tidak akan mengambil langkah untuk memperbaiki mutu perkhidmatan dan profesionalisme mereka.

Dan, berkenaan dengan ucapan bajet MB juga yang menyentuh tentangan perpaduan kaum dan muafakat dengan menggunakan pendekatan pentadbiran yang bersifat inklusif, inklusif dan juga melalui penubuhan Majlis Permuafakatan Perpaduan Negeri Johor. Apa yang nak saya tekankan di sini ialah sekiranya Kerajaan tidak, Kerajaan Johor tidak mengambil inisiatif menambah peratusan bukan Melayu dalam Perkhidmatan Awam Negeri Johor, maka perpaduan dan permuafakatan yang diidamkan oleh Menteri Besar Johor akan tinggal idaman sahaja. Corak pentadbiran ini yang tidak menyusun semula komposisi kaum di perkhidmatan awam juga jauh daripada konsep inklusif yang dilaungkan. Tadi apa yang... seperti yang Rengit sebut tadi, walaupun lebih majoriti tetapi kurang juga pembangunan. Di sini kita juga banyak dengar di luar yang mengatakan undi pembangkang tidak ada pembangunan. Jadi ni apa benda ni? Undi pembangkang pun tak ada pembangunan, undi BN pun tak ada pembangunan. (Ketawa). Ini apa benda ni? Kemudian... (Dewan bertepuk).

Akhir sekali saya ingin timbulkan... saya ingin...seperti apa yang Tanjung Puteri yang mengatakan seperti dalam Persidangan yang dulu, sentiasa cakap yang bukan-bukan tentang pembangkang tetapi kali ini beriya-iya membangkang dengan isu-isu yang bersangkut paut dengan polisi, tahniah kerana ada kemajuan.

Akhir sekali, akhir sekali sorry akhir sekali minta maaf tentang kacau ganggu Jalan Maju di Taman Sentosa, di mana sana ada banyak kutu rayau, sana yang berjalan sana sini yang mengutip wang ringgit dengan pelancong dan sebagainya. Kacau ganggu haruslah dihapuskan kerana dalam Akta Kerajaan Tempatan yang ke-80, ke-119 dan 121 ada memperuntukkan cara untuk menyelesaikan masalah tersebut. Kacau ganggu tersebut harus dihapuskan dan penalti am adalah RM2,000.00 , penjara dan PBT mempunyai kuasa untuk menangkap kerana kutu rayau di Johor Bahru telah mengganggu ketenteraman orang ramai. Jadi, masalah ini perlu diselesaikan dengan cepat. Di sini, saya memang berharap keselamatan orang ramai dan pelancong yang rasa terancam boleh ditenteramkan dan perniagaan juga akan terjejas. Ini juga tidak elok untuk imej Bandaraya. Ada juga yang mengatakan mereka sudah bayar kepada Majlis duit tempat letak kereta tetapi mereka kena bayar lagi kepada kutu rayau yang merayau-rayau di sekitar Bandaraya Johor Bahru. Jadi saya berharap isu ini pun dapat diselesaikan dengan cepat. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Jemput Maharani.

Y.B. Dr. Haji Mohamad bin Taslim (Maharani) : Bismillahirrahmannirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Speaker, syukur Alhamdulillah' Maharani dapat bersama-sama membahaskan

Ucapan Bajet 2014 dengan tema Muafakat Pembangunan Dan Pengagihan, Maharani ingin mengucapkan tahniah di atas keupayaan Kerajaan Negeri membentangkan Belanjawan Lebihan sebanyak RM2.024 juta berbanding dengan tahun 2013 lebihan sebanyak RM4.4 juta dan 2012 lebihan sebanyak RM1.1 juta. Jadi saya anggap Bajet ini RM2.024 juta di antara RM1.21 dan RM4.4 ini juta Bajet Wassatiyah agaklahnya. Ini sempena dengan tema Maal Hijrah 1435 – Wassatiyah Tonggak Kesatuan Ummah.

Walau bagaimanapun, janji tetap janji dan kami mengharapkan supaya janji pentadbiran yang telus, adil serta berwibawa ditepati dan muafakat pembangunan dan pengagihan direalisasikan. Yang Berhormat Dato' Speaker, Maharani juga mengalu-alukan ikrar Kerajaan bahawa pelaksanaan Bajet 2014 ini mengatasi kepentingan individu, menjangkau batasan kaum, warna kulit dan agama. Yang paling penting sekali menjangkau perbezaan ideologi politik.

Jadi, untuk menunjukkan bahawa sebenar-benarnya Kerajaan berlaku adil seperti yang telah disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam Surah Maidah Ayat 8 "Berlaku adillah", maka Maharani ingin memberi contoh di Negeri Selangor, Kerajaan Negeri Selangor mengiktiraf Jawatan Ketua Pembangkang dengan diberi elaun, Kerajaan Pulau Pinang memberi, meluluskan peruntukan sebanyak RM40,000.00 setahun kepada ADUN Pembangkang ADUN BNlah tu. Jadi Negeri Johor bila agaknya nak beri peruntukan kepada ADUN Pembangkang daripada Pakatan Rakyat? (Dewan bertepuk)

Yang Berhormat Datuk Speaker, laporan Ketua Audit Negara ada di hadapan kita dan Maharani mengharapkan supaya tindakan pembaikpulih dilakukan dengan segera supaya ia tidak berulang dan jabatan terlibat hendaklah mengambil serius perkara ini dan begitu juga mereka yang tidak terlibat di dalam laporan Ketua Audit kali ini, sebab kita tahu perkara yang sama berulang-ulang dan bukan maknanya jabatan yang terlibat sahaja yang patut mengambil tindakan. Mereka juga yang lain-lain patut proaktif sebelum Ketua Audit Negara melakukan pemeriksaan di atas jabatan-jabatan mereka.

Malangnya dalam Persidangan kali kita tak dapat, tidak dibekalkan Laporan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan juga pengurusan kewangan serta jabatan dan agensi, kita mengharapkan pada Persidangan akan datang akan dibentangkan. Maharani ingin tahulah pada tahun 2012 dimaklumkan bahawa jumlah baki hutang Kerajaan Negeri Johor telah menurun sebanyak 49.79% berbanding baki pada tahun 2004. Jadi, Maharani ingin tahulah berapa agaknya baki sekarang liabilitinya, dan seluruhnya kerana kita dapat laporan yang lengkap.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Maharani ingin menyentuh beberapa perkara di dalam ucapan Bajet tahun ini, di antaranya yang sangat popular tentang rumah kos rendah, Rumah Mampu Milik. Maharani mengharapkan supaya syarat-syarat untuk mereka yang berjaya mendapatkan rumah ini diperketatkan supaya mereka hanya, rumah pertama sahaja yang belum pernah ada rumah lain yang diberi keutamaan. Mereka dipastikan menduduki rumah tersebut dan juga mereka yang berpendapatan yang ditentukan oleh pihak Kerajaan. Dan kami mengharapkan, ingin tahu adakah pernah diadakan kajian terhadap rumah-rumah kos rendah sebelum ini yang telah dikurniakan atau dibeli oleh orang ramai sama ada rumah-rumah tersebut rumah kos

rendah tersebut yang dikurniakan atau dibeli telah dijual semula, disewakan kepada orang lain dan berapa pula jumlah yang mereka mendiami. Sebab, ini penting supaya setiap ketua isi rumah yang akan mendapat sebuah rumah untuk mereka berteduh.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam fokus untuk menyediakan infrastruktur di luar bandar dan juga di dalam bandar saya harapkan, Maharani menghadapi masalah jalan mendap yang telah Maharani bawa beberapa kali iaitu jalan mendap di Parit Sakai Laut, Muar di mana di situ terdapat madrasah, terdapat masjid, terdapat kubur Panglima Lidah Hitam yang boleh menjadi tarikan pelancong. Di Jalan Parit Amal Tengah dan Parit Amal Laut terlalu rosak, hingga tak boleh *driving* oleh kenderaan. Begitu juga Jalan Parit Haji Ali, Muar yang mana perlukan diturap. Sebahagian daripada jalan-jalan yang telah disempurnakan tetapi jalan-jalan tersebut ini adalah jalan yang sangat serius kerosakannya yang masih belum lagi diberi perhatian.

Yang Berhormat Dato' Speaker, berkenaan dengan rebat air untuk golongan miskin dan miskin tegar, Maharani sangat menyokonglah dengan kenaikan 25 meter padu kepada 35 meter padu tetapi alangkah baiknya jika Kerajaan Negeri memberi hadiah kepada rakyat Negeri Johor. Dengan adanya aset air percuma di negeri kita ini, supaya seluruh rakyat mendapat rebat air ini sekurang-kurang 10 meter padu, seperti yang pernah kami adakan Pakatan Rakyat cadangkan sebelum PRU yang lepas, jadi supaya semua rakyat dapat merasa nikmat air yang Allah beri percuma kepada Negeri Johor ini. Maharani ingin ia mengetahui bahawa dalam Ucapan Bajet 2011, dimaklumkan bahawa Kerajaan berjaya mengurangkan jurangan ketua isi rumah miskin tegar di Johor daripada 1,230 orang pada tahun Januari 2010 kepada 13 orang sahaja pada Oktober 2010. Jadi, Maharani ingin tahu sekarang. Jadi, dari situ kita tahulah jumlah mereka yang akan menerima tambahan rebat air ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, berkenaan dengan air juga saya menyokonglah cadangan Kerajaan Negeri yang bercadang untuk menyemak semula harga air mentah yang dijual kepada Kerajaan Singapura. Kami mengharapkan supaya perkara ini akan dapat dilakukan dengan segera selepas kegagalan pada tahun 1987 dan ini akan dapat memberi manfaat kepada rakyat Negeri Johor khususnya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam meningkatkan tahap penyediaan kesihatan saya gembiralah juga apabila 4 buah lagi Klinik 1 Malaysia akan dibina ditambah kepada 23 buah yang telah pun beroperasi termasuk sebuah, tak jauh dari rumah saya. Jadi, kami harapkan supaya sasaran, kumpulan sasaran yang, ini kumpulan sasarannya adalah pada kawasan yang tepat, mereka yang tidak mendapat akses kepada khidmat kesihatan seperti klinik kesihatan ataupun hospital yang terdekat. Dan, sekarang contohnya kalau yang tak jauh daripada rumah saya tu, maknanya di kawasan bandar, tak jauh daripada Klinik Kesihatan Parit Bakar, tak jauh dari Klinik Kesihatan Maharani. Jadi, inilah satu-satu apa ini, kedudukan saya rasa kurang tepat. Sepatutnya klinik ini diletakkan di kawasan-kawasan luar bandar, kawasan-kawasan pendalaman yang tiada khidmat kesihatan, supaya ia benar-benar dapat memberi peluang kepada masyarakat tidak dapat akses pada khidmat kesihatan yang sempurna.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam meningkatkan pendidikan Islam seperti yang telah dijanjikan dan dengan adanya skim pinjaman kitab untuk Sekolah Agama

Kerajaan Johor ini adalah satu perkara yang baik, yang paling lebih baik lagi kalau pinjaman kitab ini diberi kepada semua pelajar-pelajar sekolah agama seperti buku teks percuma kepada anak-anak kita di Sekolah Kebangsaan. Begitu juga kepada pelajar-pelajar di Sekolah Agama Rakyat. Ini patut dimasukkan sekali dalam skim ini supaya dapat membantu meringankan beban ibu bapa kerana mereka juga menyumbang dalam menyediakan modal insan. Begitu juga kalau di Sekolah Agama Rakyat, kalau dahulu peruntukan per kapita telah ditarik balik, diharap-harapkan dalam Bajet kali ini berilah sesuatu kepada Sekolah Agama Rakyat kerana mereka juga memberi pendidikan kepada anak-anak kita. Dalam memperluaskan Sekolah Menengah Tahfiz terutama yang dimaklumkan bahawa dimulakan di Penjara Kluang ya, jadi alangkah baiknya jika Kerajaan Negeri juga memikirkan untuk mendirikan Sekolah Sains Tahfiz supaya dapat melahirkan pelajar-pelajar bukan sahaja hafiz Al-Quran tetapi daripada golongan profesional.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dari segi kebajikan masyarakat khususnya Maharani ingin menyentuh tentang wang zakat yang dimaklumkan bahawa kita mempunyai simpanan tetap wang zakat sebanyak RM210 juta. Masalahnya rakyat di bawah, mereka mendengar khabar ini tetapi mereka yang ditimpa musibah tidak dapat merasai sedikit bantuan untuk meringankan masalah mereka. Contohnya, dua kes baru-baru ini, seorang penduduk yang mana bengkelnya dan rumah pusakanya terbakar. Sebuah lagi adalah bangunan 2 buah kedai milik Majlis Perbandaran Muar yang terbakar di Jalan Bakri. Mereka cuba mohon bantuan kecemasan atau bantuan segera yang dikatakan maksimum RM2,000.00 tetapi dikatakan tidak layak kerana syaratnya kebakaran itulah mestilah berlaku pada rumah sendiri.

Bengkel yang ada rumah yang digunakan sebagai tempat rehatnya tak layak begitu juga kedai yang terbakar tidak layak mendapat bantuan segera ini. Tetapi kalau rumah kedai, boleh. Jadi, ini patut diubah kerana mereka yang ditimpa musibah ini adalah mereka yang memerlukan bantuan. Begitu juga,

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Maharani, sila gulung.

Y.B. Dr. Haji Mohamad bin Taslim (Maharani) : Dalam beberapa perkara yang lain, hal kebajikan juga, Maharani ingin menyebutlah beberapa masalah yang dihadapi di dalam DUN Maharani yang merupakan permohonan-permohonan iaitu masalah dihadapi oleh masyarakat di bandar. Mereka memohon lampu isyarat di persimpangan Khalidi dan Jalan Joned di mana sering berlaku kemalangan. Perkara ini berdekatan dengan sebuah Sekolah Menengah Agama Maahad dan juga Sekolah Menengah Jalan Joned, mohon lampu isyarat diadakan di situ, atau pun kalau sebelum dapat lampu isyarat sediakan lampu amaran dan juga mungkin *line* kuning ataupun *speed breaker* dengan izin di atas jalan itu.

Begitu juga penduduk di Jalan Joned, ada merayu pada saya mohon bantuan supaya balai raya di Jalan Daud, maaf, balai raya di Jalan Daud Muar memerlukan baik pulih dengan kos hanya RM15,000.00. Jadi, saya harap pihak Negeri dapat membantu mereka ini kerana balai raya digunakan untuk Kelas Al-Quran, Kelas Agama, Kelas Masakan dan lain-lain juga.

Satu lagi masalah yang masih dihadapi oleh mereka, dimaklumkan bahawa penduduk di Kampung Merbau Berdarah dalam Daerah Ledang Mukim Kesang, PTD

3116 hingga 3120 dekat kawasan sekitarnya mengalami masalah banjir terutama ketika air pasang. Perkara ini telah pun disampaikan dalam Dewan ini tetapi masih bermasalah.

Jadi, akhir sekali dalam keadaan kelembapan ekonomi sekarang ini, peringatan Yang Amat Berhormat Menteri Besar tentang Surah Yusuf ayat 47 adalah amat tepat seperti juga Maharani pernah juga merujuk Surah Yusuf 47, 49 dalam ucapan Bajet Tahun 2010 yang lalu. Mudah-mudahan usaha kita diberkati Allah SWT. Wabillahitaufiq walhidayah, Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Persidangan disambung semula. Sila Kempas.

Y.B. Datuk Tengku Putra Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat (Kempas): Bismillahirrahmannirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang saya hormati Dato' Speaker, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih saya kerana diberi peluang mengambil bahagian dalam persidangan ini. Dato' Speaker, sebelum saya meneruskan ucapan saya, izinkan saya mengucapkan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Parit Yoani di atas keprihatinannya terhadap Ahli-Ahli Yang Berhormat UMNO yang tidak menang di pemilihan parti yang baru lepas. Kedudukan dalam parti bukanlah begitu tinggi di dalam senarai *priority* kita. Itu kita serahkan kepada jaguh-jaguh kampung yang penting kita menang di pilihan raya umum dan dengan izin Allah memegang majoriti di dalam Dewan yang mulia ini. (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Dato' Speaker, rakyat menilai kesungguhan Kerajaan menangani masalah perumahan yang semakin meruncing pada hari ini dari segi apa yang dilaksanakan bukan apa yang dibangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini. Dengan rasa penuh iltizam kita yang dipertanggungjawabkan ini wajib membalas kepercayaan rakyat dengan menyelesaikan permasalahan yang dihadapi secara tuntas dan mampan. Saya juga menuntut agar kita peka dengan keperluan semasa dan mengutamakan penambahbaikan agar segala kepincangan dan ketirisan tidak akan berulang.

Saya mengucapkan syabas kepada kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang baru, di atas kesungguhan dan keprihatinan menyelesaikan masalah perumahan yang dibangkitkan. Yang salah tetap salah, biarlah tindakan tegas menjadi iktibar dan peringatan kepada semua bahawa Kerajaan Barisan Nasional tidak pernah berkompromi kepada pengkhianat negara.

Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk kekal relevan sebagai Kerajaan oleh rakyat untuk rakyat, kita juga tidak harus tunduk kepada mereka yang menghalalkan yang haram, menzalimi yang benar. Kita perlu bersatu hati menolak keputusan yang jelas mementingkan diri sendiri dan rakus meragut hak dan kesejahteraan rakyat.

Dato' Speaker, menangani impak pembangunan asing di Iskandar Malaysia. Alhamdulillah kita amat bersyukur dengan pembangunan dan kemajuan di Bandaraya Johor Bahru yang kian pesat dari hari ke hari. Usaha-usaha pihak Kerajaan yang telah dilaksanakan selama ini semakin menampakkan kesan kepada sektor ekonomi khususnya di dalam Wilayah Pembangunan Iskandar Malaysia. Wilayah Pembangunan ini sememangnya akan memberikan manfaat yang besar kepada Kerajaan dan

masyarakat secara amnya. Namun begitu, ingin saya mengingatkan bahawa tidak semua yang manis itu madu dan yang cantik itu indah. Sekiranya tidak bijak menilai dan tidak langkas mengurus walaupun madu, kadang kala menjadi racun dan yang cantik menjadi buruk. Yang saya ambil contoh, kita ambil contoh sebagai pembangunan sebuah pembangunan yang pada ketika ini merupakan salah satu pelaburan terbesar dari Negeri China dengan nilai pembangunan kasar GDV hampir RM18 bilion. Kebiasaannya, sebagai pemaju tugas utama mereka adalah memajukan hartanah untuk keuntungan yang optimum dari jualan. Namun soal tanggungjawab sosial bukanlah *core bussiness* dengan izin yang menjadi kewajipan kepada mereka. Sekiranya Kerajaan tidak campur tangan secara langsung dalam pembangunan berimpak tinggi seumpama ini, saya amat khuatir bahawa kapitalisme akan hidup subur hingga membunuh kepentingan masyarakat tempatan pada suatu hari nanti. Ini amat bertepatan dengan titah ucapan ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor sewaktu merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Pertama Dewan Undangan Negeri Johor Ke 13 di mana Baginda bertitah Kerajaan perlu bertindak membantu rakyat memiliki rumah yang sesuai dengan kemampuan mereka manakala pihak pemaju pula janganlah terlalu tamak untuk mengaut keuntungan dengan meletak harga yang terlalu tinggi hanya untuk menarik pasaran daripada pembeli warga asing.

Mengikut iklan jualan di dalam media, harga jualan bagi sebuah servis apartment dengan dua bilik tidur ialah RM700,000.00. Persoalan saya, siapakah di kalangan masyarakat tempatan yang mampu memilikinya? Bagaimanakah profil masyarakat yang akan mendiami kawasan ini kelak? Saya difahamkan lebih 10,000 unit servis apartment akan terbina dan saya juga difahamkan baru-baru ini, kesemua unit di projek itu boleh dihuni oleh masyarakat warga asing. Sudah bersediakah kita untuk menguruskan corak politik dan kesan sosio budaya yang mungkin berlaku? Bolehkah masalah yang bakal menimpa masyarakat tempatan kelak, kita hanya buat tak tahu?

Persoalan-persoalan sebegini mungkin terlalu awal untuk kita berbincangkan. Mari kita lihat senario semasa, agar kita sama-sama perhati dan kita jawab. Siapakah yang bekerja di situ sekarang? Berdasarkan pemerhatian saya, yang ramai bekerja di sana ialah pekerja asing dan bukannya masyarakat tempatan sama ada buruh mahupun pengawal keselamatannya. Saya pernah membuat bantahan tentang anggota keselamatan rakyat asing yang mengawal keluar masuk dengan menggunakan *automatic rifle* dengan izin di kawasan tersebut. Di manakah kewibawaan kita membenarkan orang luar mengawal pergerakan kita di bumi sendiri?

Yang Berhormat Dato' Speaker, nilai hartanah yang tinggi. Kenaikan nilai hartanah di Negeri Johor yang amat ketara telah menjejaskan kemampuan rakyat untuk membeli rumah. Antara faktor penyumbang kepada kenaikan nilai hartanah ini, adalah ekoran dari permintaan hartanah yang tinggi dari warga asing sama ada untuk tujuan kediaman sendiri atau spekulasi. Seketika dulu nilai harga minimum pemilikan warga asing telah meningkat daripada RM250,000.00 hingga ke setengah juta. Ini telah menyebabkan peningkatan nilai hartanah yang mendadak oleh pemaju bagi menepati jualan sasaran jualan kepada warga asing. Pada ucapan belanjawan minggu lepas, Perdana Menteri telah mengisytiharkan kenaikan nilai harga minimum hartanah yang boleh dibeli oleh warga asing di naikkan daripada setengah juta kepada sejuta. Itu pun saya difahamkan berkuat kuasa selepas 1 Mei 2014. Walaupun dasar ini diperkenalkan dengan tujuan mengurangkan permintaan warga asing dan persaingan dengan rakyat tempatan untuk kediaman berharga bawah RM1 juta ianya

boleh menyebabkan pemaju membina dan menjual lebih banyak hartanah bernilai melebihi RM1 juta bagi membuka peluang kepada warga asing untuk membelinya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pelepasan unit bumiputera. Di Negeri Johor 20% hingga 40% mengikut nilai harga daripada sesuatu pembangunan hartanah di syaratkan untuk dijual pada bumiputera. Namun begitu Kerajaan Negeri memberi pengecualian kepada pemaju untuk memohon pelepasan jualan unit bumiputera ini selepas 6 bulan daripada tarikh iklan pertama disiarkan atau pembangunan unit bumiputera tersebut telah melebihi 50% dan disahkan oleh arkitek bertauliah. Kerajaan Negeri seharusnya tidak membenarkan sebarang pelepasan diberi kepada pemaju yang akhirnya memberi peluang kepada pemaju menjual kepada bukan bumiputera dan warga asing. Sekiranya tiada pelepasan diberi pemaju akan memastikan unit yang telah disyaratkan untuk dijual kepada bumiputera terjual dengan pelbagai strategi jualan ataupun jika pengecualian diberikan ianya wajib diiringi dengan levi yang munasabah supaya ianya dapat menampung kos membina rumah mampu milik.

Yang Berhormat Dato' Speaker, penubuhan Lembaga Perumahan Hartanah ataupun Perbadanan Perumahan Negeri Johor. Saya mohon mencadangkan penubuhan Perbadanan Perumahan Negeri Johor dicepatkan untuk memantau dan menjalankan penguatkuasaan di atas pembangunan rumah kos rendah, kos sederhana dan mampu milik di Negeri Johor. Kaedahnya boleh dipelajari sebagaimana dipraktikkan di The Housing Development Board di Singapura memastikan semua rumah pangsa dapat di selanggara dengan baik dan sempurna. Lembaga Perumahan ini seharusnya berfungsi sebagai seperti sebuah organisasi korporat yang mana ianya diketuai dan mempunyai pasukan yang mempunya pengalaman sektor korporat dan profesional bagi memastikan cara pengurusan yang dijalankan berbeza daripada jabatan-jabatan Kerajaan sedia ada. Tanggungjawab serta fungsi lembaga juga perlu jelas serta tiada pertindihan dengan jabatan-jabatan sedia ada.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin mencadangkan di dalam Dewan yang mulia ini supaya kita dapat menentukan dengan izin *clear embarkation* ataupun sepadan yang jelas dengan pembangunan asing yang berimpak tinggi seumpama ini. Janganlah pemaju yang menentukan ke mana mereka ingin tempatkan pembeli atau masyarakat luar tersebut. Mungkin esok mereka nak masuk ke Larkin, seterusnya ke Kempas, Kampung Melayu Majidee atau ke mana-mana saja yang mereka suka. Sudah tentu ini bukan polisi kita. Kerajaan perlulah menentukan had simpanan, sempadan pembangunan yang berkaitan pemilikan asing dan berimpak tinggi seumpama ini. Hanya kawasan tertentu sahaja yang boleh dibenarkan dan kawasan tersebut perlulah dipantau dengan baik dengan kedaulatan negara dan disediakan polisi yang khusus untuk mengurangkan kesan negatifnya terhadap sosio budaya tempatan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, apa yang saya nyatakan di sini bukan kerana saya anti pembangunan, malah tidak juga terlintas di hati saya untuk menolak pembangunan. Akan tetapi saya sentiasa memikirkan tentang bagaimana untuk mengimbangkan pembangunan untuk kepentingan masyarakat setelah saya diberi kepercayaan untuk memimpin kerana itulah amanah yang telah diberikan.

Kempas juga menuntut Kerajaan Negeri Johor agar terus yakin dan tidak gentar kepada pandangan dan tekanan para pelabur dari dalam dan luar. Apatah lagi jika

pembangunan yang ingin dibawakan nanti jelas tidak memberikan manfaat kepada rakyat malahan mendatangkan musibah yang kekal dan terus ditanggung oleh generasi-generasi yang akan datang. Saya juga membawa hasrat dan pesanan daripada rakyat Kempas yang mengingatkan kita agar berani kerana benar kerana pada hari pengadilan kelak keberanian, kebenaran itulah juga yang akan menentukan kedudukan kita yang kekal di sisi Allah SWT, dengan izin Allah.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Kempas, sila gulung.

Y.B. Datuk Tengku Putera Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat (Kempas) : Gulung. Dengan izin Allah SWT rakyat yang meletakkan kita semua di dalam Dewan yang mulia ini, maka rakyatlah yang harus di utama dan dibela. Yang Berhormat Datuk Speaker, pepatah inggeris dengan izin menyatakan *if you don't change the means don't expect to change the results*. Jelas dalam berapa dalam berapa, bukan semua keadaan jentera Kerajaan gagal melaksanakan strategi dan dasar Kerajaan secara efisien mengekalkan kaedah mendekat pendekatan malahan kakitangan yang sama. Jika kita ingin terus menerima mandat dan kepercayaan rakyat sepertimana PRU 13 dan sebelumnya, maka Kerajaan Barisan Nasional apatah lagi di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang baru lagi berwibawa tidak boleh menoleh kebelakang dari semua lagi. Kesemua penambahbaikan polisi kos, proses dan sistem penyampaian yang sudah diteliti dan dicadangkan harus dilaksanakan sekarang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Kerajaan BN Johor harus terus kekal jujur dan melaksanakan apa yang dirancangkan. Agenda memperkasa ekonomi bumiputera serta strategi Bajet 2014 harus diperhalusi. Kita sekarang harus menumpukan kepada aspek bagaimana dengan izin *how* dan tidak terhad cuma membicarakan apa dan kenapa dengan izin *the what and the why*. Demi memastikan setiap sen yang diperuntukkan benar-benar dinikmati rakyat dan tidak terhalang kerana ketirisan dan tidak kecekapan.

Saya ingin menyentuh sedikit akhir, tentang mengapa Melayu Singapura yang disebutkan tadi boleh membeli rumah di sini. Yang Berhormat Dato' Speaker, ia adalah kerana dengan izin *a standard of living* atau taraf kehidupan mereka lebih tinggi dan kita menyebabkan dari negara kita menyebabkan nilai mata wang mereka pun lebih mahal dari ringgit kita, membolehkan mereka membeli rumah lebih besar untuk harga yang lebih murah di sini berbanding di Singapura. Juga kerana mungkin mereka tertindaslah maka mereka berpindah dan berbelanja di sini bukannya kerana mereka hebat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Alhamdulillah walaupun Melayu di Malaysia belum sampai tahap kemampuan yang memuaskan, apa yang jelas dan nyata selagi tidak ada pengkhianat di kalangan orang Melayu yang sanggup menjual bangsanya sendiri dan selagi dengan izin Allah SWT, Barisan Nasional terus berkuasa maka orang Melayu tidak akan ditindas dibuminya sendiri hingga terpaksa bermastautin atau menjadi hamba di negara orang lain seperti *economic refugees*, dengan izin. Akhir kalam, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker kerana diberikan kesempatan ini. Saya berdoa agar amanah dan mandat yang diberikan kepada kita semua oleh rakyat Johor akan disempurnakan dengan ikhlas dan penuh tanggungjawab. Sekali lagi saya melafazkan dengan penuh takzim, ikhlas

dan penuh keyakinan bahawa kerajaan yang saya wakili adalah sebenar-benarnya Kerajaan dari rakyat, oleh rakyat untuk rakyat demi Allah untuk negara.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dengan rendah diri saya mohon menyokong usul Yang Berhormat Rengit. Sekian, wabillahitaufik walhidayah wasalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ditangguhkan sehingga jam 4:00 petang.

Persidangan ditangguh jam 3:45 petang.

Persidangan disambung semula pada jam 4:00 petang.

Y.B. Datuk Speaker mengetuai Persidangan.

Y.B. Datuk Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan kita sambung semula, perbahasan kita sambung semula. Saya menjemput Yang Berhormat Pasir Raja.

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Bismillahirrahmannirrahim, terima kasih Datuk Speaker. Saya dari Dun Pasir Raja merakamkan ucapan tahniah dan syabas di atas Surplus Bajet 2014 yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Perlu diingati, sejak 1987 lepas krisis mata wang oleh serangan ekonomi yang dilumpuhkan, negara kita waktu itu, kita bernasib baik kerana tidak memilih IMF sebagai jalan alternatif. Kalau negara terima, mungkin negara kita dari segi ekonominya tergadai, agaknya. Nasib baiklah Kerajaan Barisan Nasional cekap mengendalikan krisis tersebut dan sehingga kini mampu mengatasinya walaupun kita merangkak untuk memperbaiki ekonomi kita dan kita rasa bangga sekurang-kurangnya, Kerajaan Johor ada Surplus Bajet 2014. Pihak pembangkang mungkin kurang memahami hal ini malah selalu menimbulkan persepsi, kata, Johor negeri bankrap. Nah, hari ini dengan muafakat Johor, bajet kita cukup untuk menterjemahkan bahawa pengagihan ekonomi negeri kita bergerak ke arah keberhasilan nilai yang lebih baik. Jadi, prasangka yang ditimbulkan oleh Wakil-Wakil Rakyat seberang sana, mungkin merupakan satu yang kita boleh tolak dengan jelasnya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sama ada kita suka atau tidak, 4 strategi dan fokus yang dikemukakan kali ini melambangkan betapa berusahanya Kerajaan Negeri untuk mencapai prestasi ekonomi tinggi. Strategi yang keempat Bajet 2014 iaitu meningkatkan keupayaan modal insan perlu kita lihat sebagai langkah untuk menggerakkan 2K iaitu kapabiliti dan kapasiti dan ia perlu dicampurkan dengan 1k lagi iaitu karakter. Pembangunan karakter mestilah selari dengan hasrat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025.

Yang Berhormat Dato' Speaker, matlamat dan aspirasi pendidikan, kesemuanya maklum ia terangkum dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) memberikan fokus kepada 5 bidang keutamaan iaitu akses, kualiti, ekuiti, *unity*, dan *effisiency*. Di sini saya mahu menarik perhatian kepada 2 bidang keutamaan iaitu *efficiency* dan perpaduan iaitu

unity. Kini Kementerian Pendidikan sedang dalam usaha melaksanakan inisiatif yang besar dan baik demi keberhasilan murid dalam melaksanakan transformasi pendidikan. Sebagai contoh, Pentafsiran Berasas Sekolah dengan ringkasnya (PBS) merupakan satu hasrat murni bagi mengubah penilaian anak kita yang terlalu dahulu kita *complain* exam complicated. Walau bagaimanapun sejauh manakah Kerajaan Negeri atau Jabatan Pelajaran Negeri, menyahut dan menyokong usaha ini bersama-sama dengan pihak Kementerian Pendidikan. PBS Pentafsiran Berasas Sekolah (PBS) memerlukan satu sistem yang efisien. Untuk tujuan itu, adakah kita telah membuat satu kepastian atau kajian, adakah kita mempunyai data berkaitan dan keperluan sekolah untuk mempunyai prasarana yang lengkap bagi tujuan pelaksanaan PBS tersebut, seperti makmal komputer, kapasiti komputer yang boleh menampung jumlah kerja, nisbah guru dengan jumlah komputer. Saya pasti, Datuk Speaker, jika data-data ini lengkap, ia boleh membantu pihak Kementerian Pendidikan untuk menambah baik makmal dan seterusnya melengkapkan dengan kapasiti komputer yang berprestasi tinggi. Seterusnya, jika ini dapat diatasi sekurang-kurangnya dapatlah membantu guru-guru memasukkan data-data yang berkaitan dengan PBS dengan lebih efisien.

Yang Berhormat Datuk Speaker, apa yang berlaku sebenarnya, kita akui sistem yang dibekalkan tidak dapat menampung pada satu-satu masa. Bagaimanapun, budaya *last minute* yang dilakukan oleh guru-guru bekerja di saat akhir, memasukkan data dapat diatasi jika sekolah-sekolah dibekalkan dengan makmal dan peralatan yang lengkap dan guru-guru dapat memasukkan data sepanjang masa walaupun semasa mereka di sekolah. Sebagai contoh di Sekolah Menengah Secrad Heart di Miri, Sarawak telah mengambil inisiatif mengadakan satu bilik dan bahagian untuk mengendalikan hal ini dan tiada rungutan atau keluhan para guru di sekolah itu kerana tugas mereka dapat dibantu oleh prasarana yang cekap dan sempurna.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sudah sampai masanya Kerajaan Negeri membudayakan budaya *Data Driven* bagi memajukan pendidikan kita selaras dengan usaha untuk merealisasikan hasrat PPM, PPPM dan kemenjadian murid dan keprofesionalan guru serta strategi keempat Bajet 2014 iaitu melahirkan modal insan yang berketerampilan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Malaysia adalah satu negara yang mempunyai penduduk yang pelbagai kaum. Perkara ini diambil berat oleh Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia iaitu elemen perpaduan, dengan izin uniti. Johor adalah negeri yang boleh dikatakan negeri yang mempunyai sekolah-sekolah kebangsaan, sekolah menengah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan Tamil, sekolah jenis kebangsaan cina, sekolah persendirian dan sekolah antarabangsa yang terbanyak. Bagaimanakah dan apakah Kerajaan Negeri merasakan ini sebagai satu cabaran untuk mencapai hasrat PPPM dan perpaduan negeri seperti dalam fokus mengukuh perpaduan kaum dan muafakat Bajet 2014. Setakat ini apakah pendekatan yang telah dan akan dibuat agar elemen perpaduan ini dapat diterapkan bukan sahaja dalam kalangan murid di satu sekolah tapi di kalangan murid secara amnya di Negeri Johor. Faktor ini perlu diambil sebagai satu isu, memandangkan Negeri Johor hampir dengan Singapura dan Indonesia. Kita tidak mahu anak-anak kita lupa tentang jati diri dan cinta akan Negara Malaysia. Adakah Jabatan Pelajaran Negeri Johor membuat pemantauan bagi memastikan mata pelajaran seperti Sejarah, Pendidikan Sivik dan Moral, Pendidikan Agama Islam, benar-benar dilaksanakan sepertimana yang dihasratkan oleh mata pelajaran tersebut. Sejauh manakah guru-guru kita diberi kursus

pengkayaan dalam melaksanakan mata pelajaran tersebut di semua sekolah dan apakah aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Kerajaan Johor sendiri dalam mengeratkan silaturahim dan perpaduan dalam kalangan murid pelbagai kaum ini dari sekolah-sekolah berlainan agar mereka faham dan menghayati budaya serta nilai muafakat Johor. Hasrat ini perlu dilaksanakan segera bagi mengelak lebih ramai anak-anak kita dari pelbagai kaum tidak tahu lagi berkomunikasi dengan baik dan hormat-menghormati kerana amalan kita iaitu *enroll* dengan izin memasukkan anak-anak kita terutama yang bukan bangsa Melayu menghantar anak-anak kita ke sekolah venakular. Sedangkan keperluan sekolah kebangsaan untuk persepaduan adalah tujuan utama ianya dibina sejak dahulu. Menurut sejarah, sejak merdeka dasar pendidikan kita tidak memaksa untuk mengikuti satu aliran perdana, namun, bagaimanakah kita hendak memastikan anak kita mengikuti aliran venakular ini benar-benar faham, kenal negara, cinta tentang negara, berterima kasih tentang kehidupan yang stabil dan paling penting hormat dan setia kepada kepelbagaian bangsa dan negeri termasuklah sekolah kebangsaan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin menarik perhatian bahawa prestasi peperiksaan UPSR dan SPM dalam mata pelajaran seperti Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu, Matematik, Sejarah perlu diberi perhatian. Ini memandangkan jika dibandingkan dengan Negara lain, kita masih lagi jauh ke belakang. Tetapi dibandingkan dengan *Standard Quality* luar Negara, maka pelajaran Matematik dan Sains perlu diberi perhatian terutama sekali perlu diberi kemahiran aras tinggi iaitu dengan izin *High Thinking Order Skill* . Prestasi Johor UPSR 2012, GPS 2.22, *rank* no 8 dalam Negara, prestasi SPM 2012, GPS 4.99 pun ranking nombor 8 dalam Negara. Saya mencadangkan supaya anak kita ini mempunyai kualiti pencapaiannya. Mencapai standard antarabangsa seperti standard TIMSS dengan izin, *reading, numerasi* dan *literacy* dan juga standard PISA matematik dan sains. Kita hendak sediakan modal insan yang boleh bersaing di peringkat global dan berkeboleh pasaran tinggi. Bermula di sinilah Yang Berhormat Dato' Speaker, kita harap perkara yang dibawa dilihat secara positif dan tindakan agresif dilakukan.

Masalah sekolah agama di Tanah Rancangan FELDA, hampir semua sekolah agama yang ada di FELDA dibangunkan sendiri oleh masyarakat peneroka dengan kerjasama FELDA. Rata-rata bangunan sekolah agama ini adalah dalam keadaan daif dan uzur. Sekolah agama di FELDA, Kerajaan Negeri Johor hanya membekalkan tenaga pengajar dan perabot sekolah sahaja. Selain itu, hanya sedikit sumbangan dari semasa ke semasa melalui peruntukan Wakil Rakyat, Yang Amat Berhormat Menteri Besar bagi tujuan membaik pulih bangunan dan setiap kali jumlahnya tidak mencukupi. Setelah diteliti Yang Berhormat Dato' Speaker, masalah keuzuran sekolah agama di FELDA yang berjumlah 73 FELDA dalam Negeri Johor ini adalah berpunca dari status tanah dan bangunan yang tidak diserah oleh pihak FELDA kepada Jabatan Agama Johor. Oleh itu, sekolah-sekolah agama di FELDA ini tidak termasuk dalam rangka belanjawan negeri. Diharapkan agar ada usaha dibuat antara Kerajaan Negeri dan pihak pengusaha FELDA agar status bangunan dan tanah sekolah agama ini dapat segera diserah atau diwakafkan kepada Jabatan Agama dan menjadi aset Kerajaan Negeri Johor yang perlu di selenggara memandangkan bantuan dari FELDA untuk sekolah agama kini hampir kosong jumlahnya. Dan sekiranya ada bergantung pada permohonan dari pihak pengurusan FELDA setempat dari semasa ke semasa. Kalau tidak maka tidak adalah bantuan diberikan.

Dengan pengubahan status bangunan dan tanah sekolah agama ini, diharapkan agar bangunan sekolah agama di FELDA ini akan lebih terbela. Dan selain dari itu, mana-mana sekolah yang telah melebihi usia 40 tahun seperti di tempat saya Yang Berhormat Datuk Speaker, di FELDA Bukit Ramun, 40 tahun sekolah agama. Diharap Kerajaan Negeri dapat menggantikannya dengan bangunan yang baru. Selain daripada itu, dengan berlakunya pengubahan status tersebut diharapkan agar ada bajet ataupun peruntukan tetap pengurusan bangunan sekolah agama di FELDA-FELDA 73 buah ini, dari Kerajaan Negeri agar bangunan yang ada dapat di selenggara dengan elok.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Pasir Raja menyokong penuh usaha kerajaan tentang hasrat memenangi kemiskinan. Selaras dengan menjadikan Rakyat Johor ke aras rakyat berpendapatan tinggi serta satu masa nanti, segala persiapan ke arah itu mestilah dilakukan dari pelbagai sudut. Program pemutihan yang dicadangkan dalam Bajet 2014 merupakan mekanisme baru yang tentunya akan menambah baik pengagihan bantuan, walau bagaimanapun Yang Berhormat Datuk Speaker, ada satu lagi kategori miskin yang perlu diberi perhatian oleh semua pihak iaitu mudah miskin. Kita ada miskin tegar, kita ada miskin, yang ketiga mudah miskin. Contoh, satu keluarga anak ramai, 10 orang, contoh. Bapa kerja sendiri, ibu suri rumah, anak 10. Tiba-tiba kematian berlaku dalam keluargu tersebut, contoh, bapanya. Jatuhlah mereka ke kategori miskin kerana perbelanjaan yang besar. Justeru itu, saya melihat di sini adakah kita boleh meningkatkan keupayaan kita mengenal pasti masalah ini dengan segera, apabila di lapor atau tidak di lapor secara rasmi. Keupayaan yang saya maksudkan, agensi yang bertanggungjawab untuk membantu mestilah *ever ready* dengan izin, iaitu sedia selalu untuk menyiasat dan memberi bantuan kepada kes-kes ini. Saya menyeru agar perkara ini dilihat sebagai satu perkara penting yang perlu dipantau oleh Unit Perancangan Ekonomi Negeri Johor dan agensi-agensi bantuan awam, agar ada dasar-dasar yang kukuh dapat dikemukakan bagi mengatasi masalah yang disebutkan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Pasir Raja ingin membawa isu yang berkaitan dengan kawasan Air Terjun kota Tinggi. Kawasan Air Terjun kota Tinggi dahulunya menjadi modal utama kepada rakyat ataupun kepada penduduk tempatan untuk melihat ramai pengunjung-pengunjung ke situ, tetapi akhir-akhir ini apabila ia diswastakan *rate* ataupun kadar yang dikenakan kepada pengunjung bukan sahaja satu kadar, 2 kadar. Pertama kadar kereta masuk, dia cas. Yang kedua, setiap orang diberikan kadar RM5 seorang kecuali kanak-kanak separuh. Maknanya kadar untuk masuk ke pusat Air Terjun Kota Tinggi terlalu tinggi dewasa ini kerana penswastaan. Justeru itu, pelbagai pihak telah pun mengemukakan rayuan kepada kita supaya sama ada Pejabat Daerah melalui Kerajaan Negeri mengambil alih pemantauan ataupun pelaksanaan pengurusan Air Terjun Kota Tinggi ataupun Majlis Daerah ataupun bagi pihak Jabatan Pelancongan Negeri Johor mengambil perkara ini sebagai perkara yang serius. Memandangkan bahawa pengunjung ke Air Terjun Kota Tinggi hari ini berkurangan dan ianya berkumandang di setiap pemikiran rakyat bahawa kadar yang diberikan ini akan menggagalkan usaha untuk anak-anak kita, pengunjung-pengunjung dari dalam Negara dan luar Negara supaya sentiasa dapat mengunjungi Air Terjun Kota Tinggi. Yang Berhormat speaker.

Y.B. Datuk Speaker : Gulung

Y. B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Ya, saya akan gulung. Perkara yang penting yang saya mesti sampaikan pada hari ini ialah berkenaan dengan penguatkuasaan minyak masak yang di kitar semula. Perkara ini diberitahu kepada kita saban-saban kali dan juga selalu. Masalahnya Yang Berhormat Datuk Speaker, apabila minyak yang di kitar semula dilakukan oleh pihak bukan Islam. Contoh, mereka menggunakan minyak masak yang di mana digoreng dengan, digorengnya khinzir ataupun perkara-perkara yang haram. Kemudian minyak-minyak masak tersebut di kitar semula dan di *packing*, dijual kepada orang awam. Apakah hukum yang kita akan terima daripada pengkitaran minyak masak semula ini? Kita mahu melihat supaya Kerajaan Johor terutama sekali di bawah JAKIM ataupun Jabatan Agama Islam melihat perkara ini sebagai satu perkara di mana perlu ada siasatan terhadap kilang-kilang sama ada dia beroperasi secara rasmi atau haram yang mengkitar semula minyak masak supaya tidak dijual kepada umat Islam. Dan ini akan menjadikan rungutan yang diberikan oleh rakyat jelata terhadap perkara ini sebagai satu tindakan yang paling utama untuk Kerajaan kita laksana pada tahun ataupun Bajet 2014.

Dan akhir sekali Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ucapkan terima kasih. Walau bagaimanapun, saya nak mencadangkan kepada Johor supaya kita menjadikan Johor sebagai hub membeli belah utama dunia. Saya mencadangkan perkara ini kerana melihat bahawa kita ada tiga potensi tempat yang menjadi bekalan kepada kita kerana *currency* kita memihak kepada kita. Sekiranya kita dapat bezakan *currency* Singapura RM2.50 kepada SD1.00, perbelanjaan lebih murah di sini. Brunei, UK RM4.55, UK RM5.00, 1 UK. Euro RM4.55, 1 Euro. Datang ke Johor membeli belah. Hari ini kita ada JPO, Johor Premium Outlets. Harga barangnya Yang Berhormat Datuk Speaker, sama dengan harga original. Maknanya tak murah dan tak mahal sangat, tetapi ini merupakan satu bekalan kepada rakyat Johor bahawa pusat membeli belah dunia telah wujud dalam Negeri Johor. Ini satu kesempatan bagi kita untuk memastikan kita serius dan juga berterusan mempromosikan tempat-tempat tersebut.

Yang kedua Yang Berhormat Datuk Speaker, Ayer Hitam, tempat Yang Berhormat Datuk Speaker. Kita ada tempat yang mana orang datang untuk membeli pasu-pasu yang dibuat dari seramik. Kita ada tempat di situ, di mana barang-barang keperluan, bunga-bunga tiruan dan juga alat-alat perkahwinan dibeli oleh rakyat. Saya dikatakan hampir seluruh negara datang ke Ayer Hitam. Dan yang ketiga Yang Berhormat Datuk Speaker, Johor kena buat satu Johor *Factory Outlet*. *Factory Outlet* untuk mengimbangkan harga-harga yang dikeluarkan oleh *factory* dengan harga-harga pasaran kilang tersebut, bukan premium. Dengan pendekatan tersebut Yang Berhormat Datuk Speaker, kita menawarkan satu peluang kepada dunia untuk datang ke Johor sebagai pusat membeli belah dunia yang terunggul. Insya-Allah, pelancong-pelancong yang bernilai 4 juta akan meningkat 11 juta seperti yang kita inginkan. Saya dengan ini Pasir Raja menyokong usul dibawa oleh Rengit. Terima kasih.

Y.B. Datuk Speaker : Terima kasih Pasir Raja. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Puteri Wangsa.

Y.B. Encik Abdullah bin Husin (Puteri Wangsa) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillah, Alhamdulillah, [berselawat]. Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Amat

Berhormat Dato' Seri Menteri Besar Johor yang telah membentangkan Ucapan Bajet 2014 yang begitu panjang lebar dan komprehensif.

Yang Amat Berhormat telah memulakan ucapan dengan mengingatkan kepada kita, kepada peringatan daripada ayat suci Al-Quran Karim.

(Bacaan Potongan Ayat Al-Quran) bermaksud, " Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu menjadi orang yang selalu menegakkan kebenaran kerana Allah. Menjadi saksi dengan adil dan janganlah sesekali kebencianmu terhadap satu kaum mendorong kamu untuk tidak berlaku Adil. Berlaku Adil lah kerana ia adalah lebih dekat kepada Taqwa dan bertaqwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan."

Yang Berhormat Datuk Speaker, sebagaimana dalam kita menyambut Hijrahtulrasul, Maal Hijrah, Awal Muharram yang mana diperingatkan kepada kita oleh pemimpin utama yang menerangkan bahawa kita sama-sama berusaha mengelakkan daripada apa yang kita sebut sebagai Assabiyah. Jadi, ayat yang dibacakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri besar mengingatkan kepada kita bahawa dalam kita memberikan perkhidmatan kepada rakyat, kita tidak memandang dari sudut bangsa, agama dan apa-apa perbezaan warna kulit, budaya dan sebagainya. Yang mana apabila kita sebut tentang Assabiyah, maka diperingatkan oleh Baginda Rasulullah s.a.w.

(Bacaan Potongan Ayat Quran Dari Rawahu Abu Daud)

Yang bermaksud, "Bukanlah dikalangan kami orang yang menyeru kepada Assabiyah, bukanlah dikalangan kami orang yang berjuang berdasarkan Assabiyah dan bukanlah dikalangan kami orang yang mati kerana Assabiyah."

Seorang lelaki bertanya kepada Rasullullah SAW, "Ya Rasulullah, Aminal Assabiyah, Ayuhibal Rajulukaummah? Adakah dikira Assabiyah, seorang itu mengasihi bangsanya." Rasulullah SAW bersabda, "La", maknanya tidak. (bacaan potongan hadith). "Tetapi yang dikatakan Assabiyah itu, yang dimaksudkan Assabiyah itu ialah kamu menolong kaum bangsamu di atas perkara yang zalim." Jadi inilah peringatan yang sangat baik bagi kita yang mana menjadi suatu landasan untuk kita memberikan perkhidmatan yang sebaik mungkin kepada rakyat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, di dalam peribahasa Arab ada menyebutkan, dengan izin, Saiyidulqaumil Hodinuhum, yang bermaksud, "Pemimpin bagi Rakyat adalah khadam kepada mereka." Jadi, pemimpin diumpamakan seperti khadam kepada rakyat bukan tuan kepada rakyat. Adalah menjadi kewajipan pihak Kerajaan memberikan khidmat yang terbaik kepada rakyat seluruhnya. Segala hak rakyat hendaklah diberikan dengan sebaik-baiknya kerana ianya adalah tanggungjawab Kerajaan terhadap rakyat dan akan dipersoalkan di hari Kiamat nanti.

Sebagaimana Sabda Rasulullah SAW (bacaan potongan hadis yang bermaksud, "Setiap kamu adalah pemimpin. Dan setiap pemimpin akan dipertanggungjawabkan terhadap rakyat yang dipimpin". Hadith riwayat Imam Bukhari dan Muslim. Oleh itu, sewajarnyalah dengan segala kesungguhan, iltizam dan komitmen pihak Kerajaan untuk kita sama-sama ingat-mengingat, pesan berpesan dalam menunaikan amanah

yang telah dipertanggungjawabkan oleh Rakyat dan lebih-lebih lagi yang dipertanggungjawabkan oleh Allah SWT.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong saranan Maharani supaya dapat berhubung dengan air, isu air supaya dapat dinikmati oleh seluruh rakyat. Yang mana kita mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan Negeri Johor yang telah cuba mengurangkan beban rakyat yang berpendapatan rendah iaitu golongan miskin dan miskin tegar dengan meningkatkan pengecualian rebat air daripada 20m³ kepada 30 m³ dan kita harap dapat diperluaskan sehingga seluruh rakyat dapat merasakan nikmat ataupun bekalan air dengan apa yang kita bandingkan. Yang mana para hadirin, Kerajaan Negeri juga, saya menyarankan Kerajaan Negeri untuk mengkaji semula tarif air di negeri ini yang merupakan tarif air yang tertinggi di Malaysia iaitu bagi 1 m³, RM1.05 di Negeri Johor berbanding dengan Negeri Selangor 1 m³, RM0.77 sen, Pulau Pinang 0.31 sen dan ini dibandingkan dengan Negeri Johor begitu jauh bezanya. Ini sumber daripada *Malaysia Water Industries Guide 2012*, dengan izin.

Yang Berhormat Datuk Speaker, jadi kita merasakan keadaan ini bercanggah dengan Prestasi Pertumbuhan Ekonomi Negeri Johor iaitu 6.5% setahun di mana ianya lebih tinggi daripada Pertumbuhan Ekonomi Malaysia 5.6%. Jadi begitu juga kita merasakan sampai masanya Kerajaan Negeri agar terus mendesak Kerajaan Pusat bagi menyemak semula tarif penjualan air kepada Kerajaan Singapura yang sekarang ini terlalu rendah iaitu 3 sen untuk 1000 gelen semenjak 1962.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kita mengakui Sekolah Agama Kerajaan Negeri Johor telah memberikan sumbangan yang amat besar kepada rakyat khususnya yang beragama Islam sekian lama. Di dalam Dewan yang mulia ini, saya mencadangkan supaya sukatan pelajaran ataupun silibus di Sekolah Agama Negeri Johor dapat dipertingkatkan sehingga boleh melayakkan kemasukan ke peringkat universiti, sama ada universiti dalam negara ataupun luar negara. Walaupun kita sedia maklum dengan sumbangan yang besar yang diberikan oleh sekolah agama sejak dahulu lagi, tetapi kita melihat kelulusan darjah khas bagi Sekolah Agama Negeri Johor itu, tidak dapat menyambung pengajian ke peringkat universiti dalam negara ataupun luar negara. Jadi ini perlu dikaji dan perlu dipertingkatkan.

Y.B. Datuk Speaker : Gulung.

Y.B. Encik Abdullah bin Husin (Puteri Wangsa) : Yang Berhormat Datuk Speaker, merujuk kepada Kertas Mesyuarat Bilangan 10 Tahun 2013, Laporan Jawatankuasa Bajet Negeri Mengenai Peranggaran Negeri Johor Tahun 2014 Bahagian 2 Anggaran Hasil, iaitu No. 7, Pungutan Daripada Faedah Dan Perolehan Dan Pelaburan dijangka berjumlah RM 46.115 juta di mana sebanyak RM20.29 juta merupakan faedah dari simpanan bank. Jadi, saya ingin bertanya RM 29.0 juta merupakan faedah simpanan bank itu dimasukkan ke akaun mana? Jadi, kita oleh kerana ada sistem ekonomi Islam, sistem perbankan Islam jadi sewajarnya kita mengelakkan daripada riba untuk kita memperoleh keberkatan daripada Allah SWT. Jadi sebagaimana kita sedia maklum dalam al-Quran Allah mengingatkan (ayat al-Quran) Allah menghalalkan jual beli dan Allah mengharamkan riba. (ayat al-Quran). Wahai orang yang beriman bertakwalah kamu kepada Allah dan tinggalkanlah saki baki daripada pekerjaan riba sekiranya kamu benar-benar beriman. Dalam hadis yang sahih menyebut, jauhilah 7 perkara

yang membinasakan satu daripadanya ialah riba. Jadi saya menyarankan agar kita menggunakan kaedah yang islamik yang syarii untuk kita benar-benar mendapatkan keberkatan pertolongan dan pemeliharaan daripada Allah SWT.

Yang Berhormat Datuk Speaker, berhubung dengan masalah rakyat sedikit iaitu yang pertama tentang jalan yang terdapat di Batu 40 Jalan Johor-Simpang Renggam berhampiran dengan Sekolah Menengah Agama Al Masriah Simpang Renggam berhampiran dengan Kampung Bukit Kenangan, Kampung Bukit Nyamuk dan Kampung Bukit FELDA Layang-Layang. Jadi kita mendapat jawapan daripada pihak Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Negeri Johor Yang Berhormat Datuk Ir. Hasni bin Mohamad.

Y.B. Datuk Speaker : Tak payah sebut nama cuma jawatan sahaja.

Y.B. Encik Abdullah bin Husin (Puteri Wangsa) : Minta maaf tersebut, minta maaf, Jadi hanya diperlukan hanya RM100,000.00 lagi untuk menyempurnakan penerapan jalan yang telah dibuat separuh jadi sedikit sahaja RM100,000.00 itu saya kira dan benda ini berlarutan sejak daripada tahun 2007 lagi. Jadi harap pihak Kerajaan dapat memberikan perhatian tapak berkenaan untuk kepentingan penduduk-penduduk yang berhampiran dan juga Sekolah Menengah Agama Al Marsiah Simpang Renggam cukup.

Y.B. Datuk Speaker : Ok, Puteri Wangsa, cukup.

Y.B. Encik Abdullah bin Husin (Puteri Wangsa) : Sikit sahaja Dato' Speaker, 1 minit sahaja. Beberapa perkara di antaranya kita meminta pihak MPJBT menebang dahan pokok besar di hujung Jalan Banang 3, Banang 4 dan Banang 5 di Taman Bukit Tiram dan sekitar Jalan Parit 42 dan Jalan Lading 22, Taman Puteri Wangsa demi keselamatan penduduk. Begitu juga masalah kawasan kedai 3 tingkat di kawasan Ledang 25 Taman Bukit Tiram dan juga di Jalan Loding tiada tempat pembuangan sampah khas. Jadi mohon beri perhatian kepada pihak –pihak yang berkenaan agar dapat dan akhir sekali iaitu kemudahan laluan khas pejalan kaki dari kawasan flat kediaman berdekatan Sekolah Kebangsaan Taman Daya 3 untuk memastikan murid yang berjalan kaki ke sekolah berada dalam keadaan selamat. Jadi itulah sahaja Dato' Pengerusi dan saya mengambil kesempatan mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada pihak MPJBT, MBJB dan pihak-pihak yang lain memberikan perhatian kepada pengaduan-pengaduan rakyat yang kita salurkan. Terima kasih banyak. Jadi saya mohon menyokong usul. Sekian terima kasih wabilahitaufiq walhidayah wassaalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Datuk Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Puteri Wangsa. Saya persilakan Yang Berhormat Pengkalan Rinting.

Y.B. Encik Cheo Yee How (Pengkalan Rinting) : Ok, Terima kasih pada Yang Berhormat Dato' Speaker kerana sudi memberi peluang berucap berkenaan Bajet Negeri Johor 2014. Pertama sekali saya ingin mengucapkan syabas kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana memberikan ucapan bajet yang sempat lagi mengikuti zaman di mana banyak konsep politik moden diterapkan dalam ucapan bajet seperti konsep mesra alam, konsep pembangunan lestari, teknologi hijau dan paling menarik perhatian saya ialah perihal untuk membina satu laluan khas basikal di seluruh Negeri

Johor yang merupakan salah satu trend terkini daripada ciri-ciri menjadi sebuah bandar raya moden yang bertamadun lagi mesra alam.

Yang Berhormat Dato Speaker, antara yang menarik perhatian saya dan saya ingin bincangkan dalam ucapan saya ini adalah dua fokus pembangunan ekonomi yang bercanggah antara satu sama lain dalam mencorak ekonomi mampat iaitu fokus ekonomi minyak dan gas dan fokus merancakkan industri pelancongan. Maklumlah industri minyak dan gas merupakan industri yang paling tidak mesra alam dan pembangunan infrastruktur berkaitan industri minyak ini melibatkan penambakan laut memusnahkan kawasan-kawasan paya bakau yang kini berlaku di sekitar Pengerang, Tanjung Ubin dan Tanjung Langsat dan telah langsung menukarkan landskap kawasan sekitarnya dan mencerobohkan habitat kepada flora fauna baik di paya bakau ataupun di dalam laut sendiri. Saya mengambil contoh Pengerang di mana habitat udang galah itulah satu haiwan istimewa ataupun makanan istimewa di Pengerang sudah pun musnah dan penangkapan udang galah ini sudah pun kurang secara mendadak. Ini situasi yang sama juga berlaku di sekitar Sungai Pulai, Sungai Danga, Sungai Skudai dan Sungai Johor, disebabkan oleh penambakan laut serta kemusnahan paya bakau ini di mana habitat kepada ketam bangkang iaitu salah satu ketam yang istimewa dekat kawasan...

Y.B. Datuk Speaker : Ketam apa Y.B, ketam apa?

Y.B. Encik Cheo Yee How (Pengkalan Rinting) : Bangkang ataupun ketam nipah yang habitatnya ialah paya bakau di mana ialah hasil tangkapan daripada Orang Asli Selatar dan ketam bunga beberapa jenis ikan serta kerang-kerang lautan seperti lokan, kupang dan pelbagai lagi hidupan laut di sekitar paya bakau tersebut. Impak terus memangiah kepada nelayan-nelayan di mana mata pencarian mereka terus merosot secara mendadak dan kekurangan tak ada habitat kekurangan hasil tangkapan ini. Ini adalah berlaku kepada Orang Asli Selatar yang merupakan nelayan-nelayan laut paya bakau yang mahir sejak turun temurun lagi.

Ini Orang-Orang Asli Selatar ini mengalami kemerosotan hasil tangkapan selepas musnahnya hutan paya bakau terutamanya di sungai yang disebutkan tadi. Dengan kemerosotan ataupun ketiadaan rezeki dari laut maka cara hidup Orang Asli Selatar ini kemungkinan besar akan terpaksa menukar cara hidup mereka yang diamalkan sejak zaman dulu di mana cara hidup mereka adalah kait rapat dengan paya bakau sendiri dari lahir hingga mati mereka hidup dekat sekitar paya bakau. Maknanya tanpa paya bakau maka tanpa budaya Orang Asli Selatar dan secara langsung merupakan salah satu dengan izin *cultural genocide* ataupun pemansuhan budaya kepada budaya unik Orang Asli Selatar ini. Ok, budaya orang asli ini adalah unik dan istimewa dan tidak diamalkan oleh orang lain kecuali Orang Asli Selatar sendiri di Johor sehingga boleh dikatakan menjadi salah satu penarikan pelancong dengan cara hidup yang unik. Kalau kita beri perhatian ataupun menjalankan pembangunan yang sewajarnya sebagai contoh dekat Kampung Tenun di kawasan saya sendiri ok sedia ada dengan restoran makanan laut orang asli hingga kini masih lagi merupakan tarikan orang ramai untuk menjadadi makanan laut yang segar di daerah Johor Baharu ini. Dengan adanya hasil laut seperti ketam nipah ataupun ketam bangkang yang merupakan tangkapan istimewa daripada paya bakau sebenarnya cukup menjadi salah satu produk istimewa bagi kampung nelayan tertentu terutamanya macam dekat Kampung Tenun ataupun dekat Kampung Simpang Arong dekat sebelah Gelang Patah maka ini juga memadai

apa yang disasarkan dalam Program Satu Daerah Satu Industri di mana telah mencipta identiti sebuah daerah melalui satu produk atau perkhidmatan yang mempunyai nilai ekonomi serta boleh berdaya saing di peringkat nasional dan antarabangsa. Maklumlah ramai orang-orang asing ataupun orang Singapura ataupun orang tempatan sendiri suka sangat ataupun kita mencari makanan seperti ini di tempat-tempat yang saya sebutkan tadi di sinilah apa yang saya maksudkan percanggahan 2 jenis pembangunan di mana industri minyak dan gas merupakan industri yang pemusnah alam sekitar telah pun menjejas industri pelancongan yang dinamakan industri tanpa asap yang cuma memerlukan publisiti pengurusan yang lebih terancang terhadap hala istimewa macam kita adakan atur cara pertandingan dan ataupun industri istimewa macam nelayan sebegini budaya istimewa yang sedia ada di kalangan penduduk tempatan dan jadikan produk ataupun perkhidmatan ini mempunyai nilai ekonomik. Inilah yang dikatakan sebagai industri pelancongan.

Di samping itu dengan adanya industri sebegini, saya percaya kita boleh memupuk usahawan-usahawan daripada orang-orang tempatan jadi saya rasa dengan adanya projek-projek ataupun program-program sebegini merupakan satu program serampang 2 mata ataupun 3 mata di mana kita boleh mematuhi apa yang dikatakan ataupun disebut dalam bajet Yang Berhormat Menteri Besar.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga ingin sentuh sedikit berkenaan dengan kawasan hutan paya bakau bahawa dengan izin *convention on Wetlands of International important* ataupun dengan singkat kita panggil RAMSAR yang merupakan salah satu ataupun bakal tarikan pelancongan yang disebutkan dalam ucapan bajet. Setahu saya Negeri Johor sendiri mempunyai 3 Tapak RAMSAR yang bernombor tapak RAMSAR 1287 iaitu Pulau Kukup, 1288 Tanjung Piai, 1298 iaitu Sungai Pulai. Dan tujuan pengiktirafan RAMSAR ini adalah membuat perlindungan terhadap dengan paya bakau ataupun dengan izin, *wetland* yang sekian lama menjadi pelindung sisi pantai ataupun mengawal banjir dengan izin *fruk control*. Saya sendiri mengenali Tanjung Piai ini, Taman Negara Tanjung Piai ini kerana kelip-kelip nya. Malangnya, kebelakangan ini kelip-kelip ini sukar dilihat kerana hasil daripada pembinaan jalan raya, dan lampu jalan yang terang ini merupakan musuh kepada kelip-kelip yang ada dalam Taman Negara sendiri. Selain itu, apa yang perlu ambil perhatian di mana hakisan-hakisan tepi pantai dalam Taman Negara tersebut merupakan Taman Negara tersebut hasil daripada pemusnahan pokok-pokok bakau telah menjadikan Tanjung Piai merupakan paling selatan benua asia satu persoalan, sama ada dia paling selatan lagi, ini merupakan satu persoalan. Jadi di sini saya ingin mensyorkan bahawa apabila kita membangunkan tempat tarikan pelancongan ini, kita kena jagalah keistimewaan-keistimewaan asal sebab benda-benda ini merupakan tarikan yang bakal menjadi tarikan ataupun tarikan sendiri kepada pelancong-pelancong apabila kita memperkenalkan tempat pelancongan kita sebentar lagi.

Y.B. Datuk Speaker : Gulung

Y.B. Encik Cheo Yee How (Pengkalan Rinting) : Gulung eh? Sedikit yang berkenaan dengan masalah dekat kawasan saya sendiri. Mungkin nampaknya masih remeh temeh bila kita bincang dalam Dewan ini tapi masalah macam sampah sarap, sampah longgok masih lagi berteraburan terutama di kawasan saya sendiri di Taman Sri Yaakob, di Taman Selesa Jaya, Taman Nusa Bestari di mana kawasan sampah-sampah sendiri dibuang di tanah lapang di tepi jalan begitu sahaja. Jadi di sini

ataupun satu lagi mungkin pun remeh, nampak pun remeh, pembakaran secara terbuka masih lagi merupakan isu di kawasan saya sendiri. Jadi, Pengkalan Rinting ingin ataupun berharap kepada pihak yang berkenaan boleh membuat pemantauan lebih kerap dan penguatkuasaan yang lebih ketat untuk menyelesaikan masalah alam sekitar ini. Jadi, di sini juga Pengkalan Rinting mengambil perhatian pihak PBT ataupun pihak berkenaan di mana musim tengkujuh pun akan datang dan banjir kilat masih lagi satu isu, di mana banjir kilat di sekitar Jalan Kolam Air, Johor Bahru dan banjir kilat di Jalan Silat Cekak, Taman Selesa Jaya bila sahaja hujan penduduk rasa bimbang adakah hari ini akan dibanjiri air. Jadi, saya berharap pihak PBT ataupun pihak Kerajaan dapatlah mengambil sesuatu tindakan terhadap apa yang telah berlaku. Akhir kata saya berharap apa yang saya sampaikan boleh mengambil perhatian pihak Kerajaan dan mengambil tindakan sewajarnya untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi kita semua. Sekian Terima Kasih.

Y.B. Datuk Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Pengkalan Rinting, sekarang dipersilakan Yang Berhormat Johor Jaya.

Y.B. Clk Liow Cai Tung (Johor Jaya) : Selamat petang dan selamat sejahtera Yang Berhormat Datuk Speaker, Terima kasih kerana member peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2014 dalam Dewan yang mulia ini.

Negeri Johor adalah sebuah negeri yang unik, dengan lokasi yang strategik dan juga kaya dengan sumber asli semula jadi. Dengan ini Kerajaan Negeri Johor berperanan penting dalam memastikan anak johor dapat hidup dalam suasana aman, damai dan muafakat. Oleh itu, dengan tema Bajet Negeri Johor 2014 iaitu Muafakat Pembangunan dan Pengagihan, saya menekankan bahawa rundingan yang baik perlulah dilaksanakan dengan adil dan saksama tanpa mengira kaum, bangsa dan fahaman politik dan Yang Berhormat Datuk Speaker, bagi menjamin pertumbuhan ekonomi di Negeri Johor terus berkembang, dua aspek yang penting ingin saya cadangkan pada hari ini, iaitu jaringan perhubungan dan isu keselamatan dalam negeri. Kemudahan infrastruktur terutamanya, lebuh raya merupakan salah satu aspek yang penting dalam memastikan jaringan pertumbuhan perhubungan yang erat dan sistem pengangkutan yang lancar.

Terdapat beberapa projek pembinaan yang sedang dijalankan di dalam dan sekeliling kawasan DUN Johor Jaya. Pertama, Lebuhraya Pasir Gudang adalah jalan utama antara pelabuhan Pasir Gudang dan Tanjung Pelepas. Projek Menaik taraf Lebuhraya Pasir Gudang dari empat lorong ke enam lorong telah dijalankan sejak bulan Julai tahun 2013. Projek ini dijangka siap pada bulan September 2015. Namun begitu, projek ini dilihat ketinggalan di mana kerja ditapak sebelum persimpangan Plentong telah berhenti kerja.

Kedua, projek menaik taraf jambatan Sungai Tebrau Kampung Pandan, yang dijangka bermula pada bulan Ogos 2013 dan tarikh siap pada bulan Disember pada tahun hadapan iaitu 18 bulan, pun belum lagi bermula bekerja. Kesesakan lalu lintas semakin serius di Jabatan Sungai Tebrau terutama pada waktu kemuncak apabila rantai anak Johor ingin ambil jalan tersebut untuk pulang ke arah Kota Tinggi. Projek yang sedang dijalankan di persimpangan Jalan Tampoi, dan persimpangan Jalan Tebrau dijangka siap pada tahun hadapan. Pada ketika itu, bilangan kenderaan yang akan menggunakan Lebuhraya Tebrau untuk berulang alik ke arah tenggara Daerah Johor

Bahru akan bertambah. Sekiranya projek jambatan Sungai Tebrau Yang dijangka bermula pada bulan Ogos tidak dapat siap tempoh yang tertentu, ini akan mengakibatkan kesesakan lalu lintas yang lebih teruk pada ketika itu. Kerana tidak dapat menampung bilangan kenderaan yang kian bertambah.

Ketiga, menurut papan tanda cadangan projek pembinaan jambatan konkrit bagi menggantikan Jambatan *Bailey* di Jalan Matahari di Kampung Baru, Plentong, yang bermula pada Mei 2012, dan dijangka siap pada Mac 2013. Namun projek ini telah ketinggalan selama 6 bulan dan masih belum siap dengan pembinaannya. Jambatan ini juga merupakan salah satu jalan utama bagi penduduk-penduduk tempatan. Penduduk terpaksa mengambil jalan yang lebih panjang dan juga menjadi salah satu sebab kesesakan lalu lintas semasa waktu puncak kerana pengguna jalan raya yang ingin pergi ke Kampung, kampung Plentong Baru terpaksa mengguna jalan raya yang sama pengguna yang ingin pulang ke Masai dan juga Permas di pandang jambatan konkrit yang masih belum siap dibina.

Yang Berhormat Datuk Speaker, terdapat peribahasa yang menyatakan bahawa 'masa itu emas'. Sebuah negeri yang menuju ke arah ekonomi pesat haruslah memastikan kemudahan infrastruktur terutamanya jaringan perhubungan sentiasa dalam keadaan yang berkesan. Bayangkan sekiranya pengguna jalan raya sering membazirkan masa dalam perjalanan dan mengakibatkan keberkesanan kerja tertunggak, maka ini juga membawa kesan negatif semasa menyumbang terhadap ekonomi negeri. Kerajaan Negeri Johor haruslah memantau dan memastikan projek-projek pembinaan siap tempoh dalam yang ditentukan supaya tidak dapat membawa sebarang kesusahan kepada rakyat. Pembinaan tersebut harus dijalankan dengan tender terbuka dan tindakan denda harus dikenakan bagi kontraktor yang tidak memenuhi syarat ataupun siap sesuatu projek dalam masa yang tertentu tapi memastikan kualiti dan keberkesanan setiap kontraktor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, baru-baru ini terdapat seorang pelukis kontemporari dari Litvia telah melukis lukisan dinding yang menarik di Taman Molek. Lukisan ini melakarkan corak lego bahawa seorang wanita lego yang sedang berjalan dengan beg tangan. Manakala seorang lagi lego lelaki yang berpegang pisau. Lukisan ini yang telah menarik perhatian orang ramai dan terdapat ramai yang berpendapat bahawa ini telah merujuk masalah jenayah yang serius di Negeri Johor. Dan, ini juga memaparkan hasrat penduduk supaya menjadi hidup dalam keadaan yang aman dan selamat. Lukisan ini turut dapat tempat pelancongan bagi penduduk kerana terdapat ramai yang berminat dan mengambil gambar di tempat tersebut. Terdapat berita yang menyatakan bahawa pihak Kerajaan ingin merobohkan lukisan tersebut dengan sebab lukisan ini merupakan contengan oleh pelukis dan terdapat juga EXCO menyatakan bahawa lukisan ini telah jejaskan imej Bandar. Pada pendapat saya, walaupun pihak Kerajaan ingin merobohkan lukisan tersebut tetapi kita tidak dapat menafikan bahawa isu keselamatan yang berada di tahap yang amat membimbangkan. Pihak Kerajaan harus juga membersihkan pengiklanan yang tidak sihat sebagai contoh iklan pinjaman kewangan haram atau dikatakan 'Ah Long' yang diletakkan sampai tanda-tanda jalan pun tidak dapat dilihat dan juga billboard PRU 13 pun masih terdapat di kawasan walaupun Pilihan Raya Umum 13 sudah lepas 6 bulan (Dewan bertepuk).

Inilah yang harus dibersihkan oleh Kerajaan. Apa yang ingin disampaikan oleh saya pada hari ini ialah sebenarnya lukisan ini telah menjadi salah satu tanda peringatan kepada rakyat supaya berhati-hati dan jangan memberi peluang kepada sesearang untuk melakukan jenayah kerana kecuaian sendiri, yang lebih penting Pihak Kerajaan adalah terus berusaha untuk membanteras jenayah seperti usaha yang dibentangkan dalam Bajet 2014, iaitu Kerajaan Negeri telah merancang memperluaskan lagi pemasangan CCTV di lokasi-lokasi panas dan kritikal antara usaha pemasangan tersebut, kami mendapati lokasi tersebut masih belum merangkumi kawasan DUN Johor Jaya. Oleh itu Johor Jaya, saya meminta jasa baik Pihak Kerajaan supaya dapat memasang CCTV di kawasan DUN Johor Jaya dengan secepat yang mungkin kerana kawasan ini merupakan salah satu kawasan panas ataupun *hot-spot* di negeri ini. Isu keselamatan inilah yang sentiasa menjadi kebimbangan dan kerisauan di kalangan rakyat. Oleh itu, jaringan perhubungan dan masalah keselamatan masing-masing merupakan isu yang penting di kawasan saya. Kesejahteraan dan kemakmuran hidup masyarakat dapat dicapai apabila rakyat dapat hidup dalam suasana aman dan damai tanpa kebimbangan keselamatan harian dan kesesakan lalu lintas apabila mereka mencari rezeki harian.

Yang Berhormat Datuk Speaker, menurut Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012, Kerajaan Negeri Johor terpaksa menanggung kos tambahan yang disebabkan dengan tiada perancangan yang terperinci, pemantauan yang tegas dan pelantikan kontraktor secara tender terbuka di sesetengah projek. Sebagai contoh, projek ubah suai Plaza Kotaraya yang telah melebihi bajet asal yang berjumlah RM22 juta iaitu daripada RM19 juta kepada RM41 juta atau dikatakan melebihi bajet sebanyak 115 % dan juga projek ubahsuai dan membangunkan semula pembangunan KOMTAR juga didapati mengalami masalah di mana skop kerja pada awalnya hanya menaik taraf bangunan KOMTAR sedia ada, tetapi telah ditukar skop kerja daripada menaik taraf kepada merobohkan dan membina semula bangunan KOMTAR. Selain itu, dalam bahagian pengurusan balasan daripada projek perswastaan iaitu balasan *in kind* belum diterima sepenuhnya didapati jumlah RM25, RM25 juta yang masih belum diterima. Antaranya, adalah projek pembangunan tanah lot PTD 109892, 109052 dan 52763 Mukim Plentong. Dalam projek ini, Kerajaan Negeri telah menukarkan kepunyaan tanah kepada pemaju swasta tanpa syarat-syarat balasan *in kind* dan wang dipatuhi. Kerajaan Negeri harus berhenti kegiatan memberi tanah atau *joint venture* kepada pemaju swasta tanpa balasan *in kind* yang sewajarnya dan adil dan saksama. Ini kerana tanah kerajaan sebenarnya tanah rakyat di mana kerajaan diamanahkan tanggungjawab untuk memegang tanah bagi anak bangsa dan harus menguruskan tanah secara telus. Tanah-tanah kerajaan haruslah dikekalkan sebagai milikan kerajaan ataupun dijual dengan tender terbuka secara telus dan bukannya untuk menguntungkan kroni-kroni.

Di samping itu, bagi projek pembangunan di atas tanah rizab kerajaan di Taman Desa Mukim Plentong, balasan *in kind* bagi pembinaan sekolah agama telah ditukarkan kepada wang tunai, bayaran tunai. Manakala pembinaan sebuah dewan serba guna bernilai RM1.5 juta belum dilaksanakan oleh pihak pemaju. Dalam usaha Kerajaan Negeri untuk memberi pendidikan agama secara menyeluruh kepada semua peringkat dan juga golongan masyarakat, pertukaran pembinaan sekolah agama kepada bayaran tunai hanya menguntungkan pihak pemaju di mana bayaran tunai tersebut yang diterima tidak mampu menampung kos pembinaan sekolah agama oleh kerajaan dan Kerajaan Negeri terpaksa menanggung kerugian tersebut.

Yang Berhormat Datuk Speaker, tidak kira sama ada kekerapan pihak pemaju melaksanakan projek pembangunan dan juga pembinaan atau menyiapkan balasan kepada Kerajaan Negeri, kejadian yang berlaku telah mengakibatkan peningkatan kos kasar pembinaan balasan tersebut. Kerajaan Negeri terpaksa menyerap dan menanggung peningkatan kos dalam apa jua situasi. Oleh itu, sekali lagi menunjukkan pemantauan yang tegas amat penting bagi Kerajaan Negeri dalam semua projek demi memastikan wang rakyat tidak dibazirkan. Pihak kerajaan harus mengambil berat supaya hal ini tidak akan berulang terutamanya atas projek-projek menaik taraf Lebuhraya Pasir Gudang, Jambatan Sungai Tebrau dan jambatan konkrit Jalan Matahari yang di bahas oleh saya tadi.

Y.B. Datuk Speaker : Ok Yang Berhormat, masa cukup.

Y.B. Cik Liow Cai Tung (Johor Jaya) : Ada sikit lagi. Satu minit. Yang Berhormat Datuk Speaker, kawasan DUN Johor Jaya merupakan kawasan yang unik di mana terdapat 3 pihak Majlis yang berkuasa di seluruh DUN Johor Jaya. Kini, diberitahu oleh pihak Majlis bahawa persempadanan semula bagi Majlis akan dilaksanakan di kawasan DUN Johor Jaya. Walaupun masih belum dapat dikenal pasti, saya berharap pihak Kerajaan dapat mengumumkan informasi yang selanjutnya supaya penduduk dapat mengenal pasti pihak yang harus mereka merujuk sekiranya ada keperluan.

Di samping itu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mewakili penduduk mengucapkan terima kasih kepada Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah yang telah mengawal dan berkuasa di kawasan Johor Jaya selama ini. Saya juga berharap pihak Majlis yang akan mengambil alih kawasan ini dapat meneruskan usaha yang telah dijalankan oleh MPJBT dan bertambah baik.

Akhir kata, Kerajaan Negeri bertanggungjawab atas kemakmuran dan kesejahteraan sebuah negeri dan rakyat. Kami sebagai parti pembangkang sentiasa berganding bahu bersama pihak Kerajaan dalam pemantauan dan pelaksanaan sesuatu projek agar dapat memastikan wang rakyat tidak di bazir dan kesaksamaan rakyat serta muafakat dalam pengagihan tercapai. Sekian, terima kasih.

Y.B. Datuk Speaker : Terima kasih, Yang Berhormat Johor Jaya. Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbahasan ini kita akan sambung esok. Maka dengan ini Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ini saya tangguhkan sehingga esok, 12 November 2013 jam 9:30 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 5:00 petang.

HARI KETIGA
SELASA, 12 NOVEMBER 2013

PENYATA RASMI

MESYUARAT KETIGA (BAJET 2014)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-13

HARI KETIGA	SELASA, 12 NOVEMBER 2013	BIL. 3 TAHUN 13

HADIR

Y.B. Speaker,
Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN., PPN.

Y.A.B. Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan Perancangan Negeri, Johor,
Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, SPMJ., DSPN., SMJ., PIS.
(Permas)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri, Johor,
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri, Johor,
Puan Hajah Asiah binti Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan Negeri, Johor,
Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Negeri, Johor,
Datuk Ir. Haji Hasni bin Haji Mohamad, PGDK., KMN., PIS., AMN.
(Benut)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia Negeri, Johor,
Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN.
(Kahang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor,
Tuan Haji Abd. Mutalip bin Abd. Rahim
(Layang-Layang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan
Kerajaan Tempatan Negeri, Johor.
Datuk Abd. Latif bin Bandi, DPSM, PSM.
(Endau)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Tuan Haji Ismail bin Mohamed
(Bukit Serampang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan
dan Warisan Negeri, Johor.
Datuk Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK.
(Sri Medan)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri, Johor.
Datuk Haji Ayub bin Rahmat, DPSM., PPN.
(Kemelah)

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

Y.B. Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

Y.B. Encik M. Asojan a/l Muniyandy, AMN.
(Gambir)

Y.B. Encik Lau Chin Hoon
(Pemanis)

Y.B. Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba, DMSM.
(Pasir Raja)

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor.
(Penawar)

Y.B. Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh, PJN.
(Jorak)

Y.B. Tuan Haji Rosman bin Ithnain
(Sedili)

Y.B. Datuk Haji Adam bin Sumiru, DPSM., KMN., AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

Y.B. Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim
(Tenang)

Y.B. Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar, PIS.
(Machap)

Y.B. Encik Mohd. Ismail bin Roslan, PPN.
(Semerah)

Y.B. Encik Teoh Yap Kun
(Paloh)

Y.B. Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman, DSNS.
(Tanjung Surat)

Y.B. Puan Zaiton binti Ismail, PIS., PPN.
(Sungai Balang)

Y.B. Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy
(Tenggaroh)

Y.B. Tuan Haji A. Aziz bin Ismail, PIS.
(Senggarang)

Y.B. Dr. Zaini bin Abu Bakar
(Nusajaya)

Y.B. Puan Norshida binti Ibrahim
(Buloh Kasap)

Y.B. Tuan Haji Abd. Razak bin Haj Minhat
(Serom)

Y.B. Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Suib, DIMP., AMN., KMN., JMN.
(Bukit Naning)

Y.B. Encik Suhaimi bin Salleh
(Kukup)

Y.B. Encik Ali Mazat bin Salleh
(Bukit Permai)

Y.B. Datin Azizah binti Zakaria, PIS., PPN., AMN., KMN.
(Parit Raja)

Y.B. Datuk Tengku Putera Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Ho[illegible]
(Kempas)

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau
(Skudai)

Y.B. Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan
(Parit Yaani)

Y.B. Encik Tan Chen Choon
(Jementah)

Y.B. Encik Abdullah bin Husin
(Puteri Wangsa)

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh
(Sungai Abong)

Y.B. Dr. Haji Mohamad bin Taslim
(Maharani)

Y.B. Encik Jimmy Puah Wee Tse
(Bukit Batu)

Y.B. Puan Gan Peck Cheng
(Penggaram)

Y.B. Encik Tan Hong Pin
(Mengkibol)

Y.B. Puan Chew Peck Choo
(Yong Peng)

Y.B. Encik Chen Kah Eng
(Stulang)

Y.B. Encik Lim Eng Guan
(Bekok)

Y.B. Encik Ee Chin Li
(Tangkak)

Y.B. Encik Chua Wee Beng
(Bentayan)

Y.B. Encik Yeo Tung Siong
(Pekan Nenas)

Y.B. Cik Liow Cai Tung
(Johor Jaya)

Y.B. Cik Wong Shu Qi
(Senai)

Y.B. Encik Cheo Yee How
(Pengkalan Rinting)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

Y.B. Setiausaha Kerajaan Johor,
Dato' Haji Obet bin Tawil, DPMJ., PLP., PIS.

Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Johor,
Datuk Abdul Rahman Putra bin Dato' Haji Taha, DMSM., DSM.

Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Johor,
Tuan Haji Marsan bin Kassim, SMJ., PIS.

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.

Y.B. Datuk Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Penolong Jurutulis membaca doa).

Y.B. Datuk Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahirrahmannirrahim. (Bacaan Selawat). Salam sejahtera dan selamat pagi. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan disambung semula.

Jurutulis : SOALAN-SOALAN LISAN.

Y.B. Datuk Speaker : Yang Berhormat Pemanis, jemput.

Y.B. Encik Lau Chin Hoon (Pemanis) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya nombor 1.

Apakah perancangan Kerajaan untuk menambah baik sistem pengangkutan awam di Johor bagi mengurangkan kebergantungan kepada kereta atau kenderaan persendirian dan memudahkan golongan yang berpendapatan rendah?

Y.A.B. Menteri Besar : Yang Berhormat Datuk Speaker, untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Kerajaan Negeri Johor dengan kerjasama agensi-agensi seperti Iskandar Regional Development Authority (IRDA) dan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) telah merangka satu pelan strategik jangka panjang, pengangkutan Negeri Johor di mana ianya akan memberi tumpuan kepada penyediaan, pembinaan dan penambahbaikan infrastruktur pengangkutan awam, membaiki sistem perkhidmatan pengangkutan awam dan mempromosi sambil menerapkan kesedaran penggunaan perkhidmatan pengangkutan awam. Semua inisiatif ini akan dilaksanakan bagi meningkatkan kadar kekerapan penggunaan pengangkutan awam khasnya di Iskandar Malaysia dan di seluruh negeri amnya.

Pelan jangka panjang pengurangan pergantungan kepada kenderaan persendirian termasuk - pertama, penyediaan sistem pengangkutan awam yang lengkap dan berintegrasi serta lebih efisien dan dipercayai, dengan penyediaan infrastruktur dan perkhidmatan yang lebih moden dan bersifat *mass rapid transit* seperti BRT; kedua, penyambungan ataupun *connectivity* yang lengkap dari pintu kediaman ke pintu pekerjaan, beli belah dan sebagainya; ketiga, masa perjalanan yang sama atau lebih pendek berbanding kenderaan persendirian; keempat, promosi berterusan melalui pelbagai medium seperti media cetak, kempen dan sebagainya bagi meningkatkan kesedaran dan minat rakyat terhadap penggunaan pengangkutan awam.

Secara amnya, bagi sistem pengangkutan bas awam Negeri Johor, SPAD dengan kerjasama Kerajaan Negeri Johor sedang merangka projek penambahbaikan perkhidmatan bas berhenti-henti, di mana pelan rangkaian dan operasi akan memastikan perkhidmatan bas yang lebih menyeluruh di kawasan bandar dan juga luar bandar, meliputi semua daerah secara berperingkat bermula di Daerah Kota Tinggi dan Kluang. Status terkini, SPAD akan membentangkan cadangan

perkhidmatan kepada Majlis Ekonomi Negara, yang mana tarikh sebenarnya belum dapat ditentukan. Keputusan akan mula operasi diperolehi selepas pembentangan kertas cadangan tersebut. Dan untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat juga, menerusi pelan strategik itu, Kerajaan Negeri telah memilih bas Rapid Transit ataupun BRT *System* sebagai pengangkutan utama di 10 koridor seluruh Iskandar Malaysia.

Y.B. Datuk Speaker : Jemput Pemanis.

Y.B. Encik Lau Chin Hoon (Pemanis) : Soalan tambahan. Adakah sebahagian insentif penggunaan sistem ini, adakah insentif, adakah kerangka subsidi telah dibina dalam perancangan yang akan datang?

Y.A.B. Menteri Besar : Saya percaya perkara-perkara seperti subsidi ataupun berasaskan kepada kuasa pasaran, semuanya itu akan diberi perhatian sebagaimana ianya dilakukan untuk kawasan ataupun laluan-laluan yang lain.

Y.B. Cik Wong Shu Qi (Senai) : Yang Berhormat...

Y.B. Datuk Speaker : Jemput hujung... jemput... Ya.. bukan, sebelah you...

Y.B. Encik Lim Eng Guan (Bekok) : Datuk Speaker, soalan tambahan. Apakah rancangan dan penyelesaian alternatif yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri Johor untuk menyelesaikan masalah tiada perkhidmatan bas awam di Pekan Bekok, kawasan DUN Bekok kerana Syarikat Johor Bus Company Berhad menyatakan syarikatnya mengalami kerugian?

Y.A.B. Menteri Besar : Datuk Speaker, sebagaimana yang kita sedia maklum, perkhidmatan bas secara umumnya tidak dilaksanakan oleh pihak Kerajaan tetapi dilakukan oleh pihak swasta. Kerajaan hanya menyediakan sistem ataupun menentukan dari segi infrastruktur dan dari segi persekitaran yang kondusif bagi mana-mana syarikat swasta untuk turut terlibat di dalam memberi perkhidmatan. Sudah tentulah bagi satu-satu kawasan, sesebuah syarikat yang ingin menyediakan perkhidmatan bergantung kepada banyak faktor. Antaranya termasuklah soal terdapatnya banyak pengguna dan sebagainya kerana kalau pengguna tak ramai, sudah tentulah tidak ada pulangan. Dan bila tidak ada pulangan, sudah tentulah syarikat tidak akan memberi perkhidmatan di sana. Jadi dalam hal-hal tertentu, kita dapati di banyak kawasan, memang tidak cukup penumpang untuk mewajarkan syarikat swasta untuk memberi perkhidmatan, malah di setengah-setengah tempat syarikat yang telah menyediakan perkhidmatan terpaksa tutup operasi kerana tidak ada pulangan. Jadi dalam hal-hal begini, memang Kerajaan akan, melalui agensi-agensinya sama ada agensi peringkat negeri ataupun pusat seperti MARA, Johor Corporation dan sebagainya memberi... akan mengambil pertimbangan untuk menyediakan perkhidmatan itu, tetapi ianya melibatkan peruntukan yang besar, subsidi yang besar, hanya semata-mata berasaskan kepada usaha untuk membantu penduduk yang terdapat dalam kawasan itu. Dan kerana ia melibatkan soal subsidi yang besar, maka atas sebab itulah tak mungkin Kerajaan melalui agensinya dapat menyediakan perkhidmatan di merata-rata tempat. Jadi, dalam soal Bekok itu, kita mungkin boleh tengok bagaimana, kita boleh wujudkan persekitaran untuk menggalakkan mana-mana syarikat yang ingin membawa dan melaksanakan operasi perkhidmatan bas di kawasan sana.

Y.B. Cik Wong Shu Qi (Senai) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan tambahan...

Y.B. Datuk Speaker : Jemput Pasir Raja.

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Datuk Speaker, pertama sekali kepercayaan pengguna terhadap kemudahan awam ialah berkenaan dengan masalah *timing*, maknanya sekarang ini isunya kebanyakan destinasi yang nak di pergi oleh pengangkutan awam itu terjebak dengan masalah *traffic jam*. Adakah Kerajaan merangka satu kaedah bagaimana laluan-laluan utama bas kenderaan awam ini boleh diberikan supaya masalah kelewatan masa itu tidak dapat berlaku?

Y.A.B. Menteri Besar : Terima kasih. Yang Berhormat Datuk Speaker, memang dalam usaha kita untuk menyediakan perkhidmatan pengangkutan awam yang cekap dan efisien, bagaimana yang telah saya nyatakan melalui pelan strategik itu, kita mulakan dalam kawasan Wilayah Iskandar di mana bagi kawasan Wilayah Iskandar, Kerajaan telah memilih untuk menyediakan bas RAPID Transit sebagai sistem pengangkutan utama. Dalam kawasan Wilayah Iskandar, di mana antaranya dalam usaha untuk kita menjayakan sistem tersebut, kita memberi perhatian kepada soal sepertimana yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dari segi tidak adanya kekerapan ataupun tidak boleh dipercayai dari segi jaminan masa frekuensi kedatangan bas dan sebagainya. Maka antara usaha yang akan dilaksanakan ialah melalui bas Rapid Transit ini, akan disediakan infrastruktur lorong khas bas supaya dan pada masa yang sama menentukan sistem perkhidmatan bas yang berfrekuensi tinggi. Melalui pelbagai perkhidmatan juga akan disediakan supaya dapat memenuhi isu dan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat sebentar tadi.

Y.B. Datuk Speaker : Yang Berhormat Tangkak, jemput.

Y.B. Encik Ee Chin Li (Tangkak) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya nombor 2.

Nyatakan jumlah perpustakaan awam di Negeri Johor, berapa cawangan telah berhenti beroperasi dan jumlah peruntukan yang telah dihulurkan sejak tahun 2000 hingga 2013?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Datuk Speaker, sehingga kini Perbadanan Perpustakaan Awam Johor telah menguruskan sebanyak 64 buah perpustakaan, yang meliputi sebuah perpustakaan ibu pejabat, 14 buah perpustakaan cawangan dan 49 buah perpustakaan desa. Sehingga hari ini, hanya sebuah perpustakaan yang telah berhenti beroperasi iaitu Perpustakaan Cawangan di Daerah Kulai. Jumlah peruntukan yang diterima daripada Kerajaan Negeri Johor dalam tempoh 14 tahun iaitu daripada tahun 2000 hingga 2013 adalah sebanyak RM36 juta dan daripada Kerajaan Persekutuan ialah sebanyak RM19.25 juta.

Y.B. Datuk Speaker : Jemput, jemput.

Y.B. Encik Ee Chin Li (Tangkak) : Datuk Speaker, soalan tambahan. Adakah sebarang program akan diperkenalkan untuk memperkenalkan penggunaan perpustakaan di

peringkat seperti memperkenalkan perpustakaan di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah untuk menjadikan perpustakaan sebuah tempat yang lebih banyak orang pergi?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Datuk Speaker, perpustakaan sekolah ini tak termasuk dalam bidang kuasa Perbadanan Perpustakaan Awam Johor kerana itu adalah di bidang kuasa sekolah dan juga Jabatan Pendidikan. Dan tak mungkin untuk kita buka perpustakaan di sekolah ini pada, untuk awam kerana pertama sekali dari segi bahan-bahan bacaan lebih merujuk kepada soal-soal berkaitan dengan, kalau sekolah rendah, sekolah rendah dan sekolah menengah, dia sekolah menengah. Yang kedua, tak mungkin juga sebab kawasan sekolah ini adalah kawasan yang.. apa nama ini di bawah bidang kuasa sekolah dan kita tak nak berlaku perkara-perkara yang unsur-unsur daripada luar masuk ke sekolah termasuklah juga penceroboh dan sebagainya. Jadi, pada masa ini tidak ada rancangan untuk membuka perpustakaan sekolah ini kepada orang awam.

Y.B. Datuk Speaker : Soalan pun perpustakaan awam, tak berkait dengan sekolah. Jemput.

Y.B. Encik Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) : Terima kasih Datuk Speaker. Soalan tambahan. Adakah Kerajaan Negeri Johor berhasrat untuk membuka balik perpustakaan di Daerah Kulaijaya memandangkan daripada semua daerah hanya Kulai sahaja yang tiada perpustakaan?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Datuk Speaker, Perpustakaan Daerah Kulaijaya sebelum ini terletak di Majlis Daerah Kulai. Oleh kerana pada ketika itu ada keperluan dari segi ruang untuk penambahan kakitangan Majlis Daerah Kulai, maka perpustakaan ini telah ditutup pada tahun 2004. Dan untuk itu, walau bagaimanapun kita ada usaha sama dengan Pasaraya EON Big di Kulaijaya yang mana pada masa ini sedang dalam proses untuk membuka Perpustakaan Komuniti di tingkat bawah EON Kulaijaya, yang mana pada ketika ini pihak EON Kulaijaya dan juga Perpustakaan Johor sedang menguruskan dan dijangka akan dibuka selewat-lewatnya hujung bulan November ini.

Y.B. Datuk Speaker : Yang Berhormat Rengit, jemput.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya nombor 3.

Minta penjelasan status sungai-sungai di Johor dari segi pencemarannya. Apakah usaha yang dibuat oleh Kerajaan mengatasi perkara ini?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Datuk Speaker, pada tahun 2012 sebanyak 27 lembangan Sungai Utama di Negeri Johor telah dipantau oleh Jabatan Alam Sekitar bagi memantau tahap pencemarannya. Daripada kerja-kerja pemantauan yang dijalankan didapati 40 sungai mempunyai kualiti air yang bersih, 33 sungai mempunyai kualiti air sederhana tercemar dan 17 sungai dengan kualiti air

tercemar. Bagi mengatasi masalah pencemaran sungai berbagai-bagai usaha telah dan akan terus dijalankan oleh Kerajaan.

Antaranya Kempen Menjaga Kebersihan Sungai melalui papan tanda yang diletakkan di pinggir-pinggir sungai di lokasi yang strategik bertujuan memberikan kesedaran kepada masyarakat dan mengajak masyarakat awam supaya bersama-sama menjaga kebersihan sungai. Ceramah-ceramah pendidikan yang dijalankan oleh agensi-agensi Kerajaan kepada pihak sekolah dan masyarakat awam mengenai pencemaran sungai supaya sikap menjaga kebersihan dan memelihara alam sekitar dapat dipupuk kepada pelajar-pelajar.

Seterusnya menyediakan dan meningkatkan kemudahan pengurusan sisa pepejal yang lebih baik di kawasan perbandaran oleh Pihak Berkuasa Tempatan bagi meminimumkan ke tahap maksimum masalah pelupusan sampah ke dalam sungai. Dan menyediakan perangkap sampah oleh Pihak Berkuasa Tempatan bagi membersihkan sampah yang terjatuh ataupun dibuang ke dalam sungai, serta menyediakan loji-loji rawatan kumbahan di kawasan perbandaran bagi merawat kumbahan ke tahap yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar sebelum boleh dilepaskan ke sungai.

Y.B. Datuk Speaker : Jemput Rengit.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih atas penjelasan yang diberikan oleh EXCO Alam Sekitar dan Kesihatan. Soalan tambahan saya, dulu satu ketika kita ada Kempen Cintai Sungai Kita. Kita lancarkan program ini, kita buat *billboard* besar-besar, keluarkan belanja. Tapi, seperti yang saya sebutkan semalam oleh kerana tak ada sistem pemantauan dan penilaian yang berkesan, akhirnya kempen itu tinggal begitu sahaja. Hari ini disebutkan tadi ialah Kempen Menjaga Sungai, kita buat lagi satu kempen. Jadi, kita nak tahu Kempen Cintai Sungai yang kita dah buat berpuluh-puluh tahun, adakah program ini berjaya atau gagal. Kalau berjaya, sebutkan nama sungai yang boleh kita jadikan model, contoh. Kalau gagal, apa sebab dia gagal. Yang Berhormat Datuk Speaker, itu soalan tambahan saya.

Y.B. Datuk Speaker : Jemput.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Terima kasih kepada Rengit. Yang Berhormat Datuk Speaker, sebenarnya Kempen Cintai Sungai adalah merupakan kempen yang dijalankan secara berterusan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran bersama juga dengan Jabatan Alam Sekitar. Semalam Yang Berhormat Datuk Speaker, Rengit telah mengatakan bahawa beliau mengambil inisiatif untuk memastikan bahawa Sungai Rengit itu berada dalam keadaan indah dan sebagainya. Inilah sebenarnya kejayaan sebahagian daripada Kempen Cintai Sungai Kita dan saya juga mengambil kesempatan di sini nak ucapkan tahniahlah kepada Rengit, kerana mengambil inisiatif ini yang patut kita Wakil-Wakil Rakyat mencontohi dan antara sungai-sungai yang dikatakan boleh dicontohi adalah Sungai Rengit. Terima kasih.

Y.B. Datuk Speaker : Jemput.

Y.B. Dr. Haji Mohamad bin Taslim (Maharani) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan tambahan. Dalam sesi Persidangan yang lepas Ahli Yang Berhormat dimaklumkan tentang projek EM dalam strategi untuk membersihkan sungai-sungai. Saya ingin tahu apakah kesan daripada polisi itu dan apakah ia masih diteruskan lagi sekarang, terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Datuk Speaker, sebenarnya itu adalah merupakan di antara usaha yang dilakukan oleh pihak JPS. Dan, sebenarnya apabila penggunaan EM itu, ianya sebenarnya tidak bersesuaian untuk digunakan dalam satu jumlah ataupun ruang sungai yang besar. Ianya selalu digunakan dalam usaha untuk mengurangkan dari segi lalat, untuk memastikan bahawa parit-parit yang kecil itu dapat kita jernihkan dan sebagainya. Maka kaedah-kaedah yang lain yang digunakan untuk memastikan bahawa air-air yang disalurkan ke sungai itu dapat kita pertahankan, maka yang penting di situ adalah kesedaran bagaimana gabungan di antara kesedaran di peringkat orang awam dan juga PBT dan juga agensi yang lain untuk memastikan bahawa kita memelihara sungai tersebut.

Y.B. Datuk Speaker : Saya jemput Yang Berhormat Tiram.

Y.B. Datuk Haji Maulizan bin Bujang (Tiram) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan nombor 4.

Mohon penjelasan adakah masih ada ruang untuk orang ramai atau rakyat biasa berekreasi di sepanjang Pantai Lido dan Teluk Danga setelah projek pembangunan mewah diwujudkan?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Datuk Speaker, untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) sedia maklum sejak kebelakangan ini telah banyak projek-projek mewah diwujudkan di sepanjang Pantai Lido, Johor Bahru seperti pembangunan oleh Country Garden, Tropicana, Danga Bay, pembangunan oleh Danga Bay dan pembangunan Lido Boulevard. Sehubungan dengan itu bagi mempastikan orang awam khasnya rakyat Johor masih dapat menikmati suasana persekitaran Pantai Lido dan tidak dipinggirkan oleh pembangunan mewah ini, pihak Majlis telah pun mensyaratkan kepada pemaju-pemaju di sepanjang Pantai Lido untuk menyediakan pelantar pejalan kaki dengan izin *broadwalk* selebar 10 meter iaitu 33 kaki bermula dari pembangunan Danga Bay hingga ke pembangunan Waterfront sejauh 2 kilometer yang dilengkapi dengan tempat letak kenderaan yang mencukupi dan kemudahan rekreasi.

Selain itu pihak Majlis juga turut mengawal bentuk dan susunan ketinggian dan orientasi bangunan iaitu kawalan visual blok-blok agar tidak melindungi pandangan Pantai Lido dari persisiran Abu Bakar Sultan serta membentuk dengan izin *skyline* yang menarik. Selain itu pihak Majlis juga mensyaratkan pembangunan di Danga Bay ini untuk menyediakan 10% kawasan lapang di mana 5 ekar daripadanya adalah persempadanan dengan Pantai Lido dan akan dibangunkan sebagai pusat rekreasi yang lengkap, dengan kemudahan serta dapat digunakan oleh orang ramai pada bila-bila masa. Pembangunan kawasan lapang yang lengkap dengan kemudahan

rekreasi ini juga disyaratkan kepada pemaju untuk dibangunkan terlebih dahulu sebelum komponen pembangunan-pembangunan lain siap dibina.

Y.B. Datuk Speaker : Jemput Tiram.

Y.B. Datuk Haji Maulizan bin Bujang (Tiram) : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya bertanyakan soalan tadi itu kerana ada kebimbangan rakyat bila berlaku pembangunan, kawasan Pantai Lido jadi hak eksklusif pihak tertentu. Tapi, terima kasihlah di atas jawapan daripada Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Soalan tambahan saya Yang Berhormat Datuk Speaker, kalau boleh saya nak dapat penjelasan apakah mungkin komponen-komponen rekreasi yang akan dibangunkan untuk memenuhi keperluan setiap lapisan masyarakat di persekitaran Pantai Lido dan juga Teluk Danga.

Y.B. Datuk Speaker : Jemput.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Kita memang perlukan tentang rekreasi ini dan kita telah mensyaratkan di mana komponen-komponen rekreasi yang disyaratkan untuk oleh disediakan pihak pemaju termasuklah penyediaan landskap lembut dan landskap kejal. Di antaranya adalah kemudahan-kemudahan wakaf, taman permainan kanak-kanak, taman air, *outdoor*, gim, laluan joging dan basikal, yang dilengkapi dengan lampu-lampu taman, papan tanda pemberitahuan bagi tujuan pendidikan kemudahan, kemudahan kecemasan dan kemudahan-kemudahan orang-orang kurang upaya. Kemudahan-kemudahan ini disediakan untuk semua peringkat dan umur untuk lapisan masyarakat.

Selain daripada itu bagi melengkapi keseimbangan ekologi landskap lembut seperti pokok-pokok tempatan yang bersesuaian dengan persekitaran disyaratkan juga untuk pengudaraan dan penghijauan semula kawasan yang terjejas akibat pembangunan selaras dengan konsep kehijauan dan *low carbon* dengan izin. Terima kasih Yang Berhormat.

Y.B. Datuk Speaker : Jemput Semarang.

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Walaupun tak *relevan* tapi saya rasa apabila mendengarkan tentang persiapan rekreasi di Danga Bay, sekadar untuk bertanyakan, bagaimanakah projek rumah Limas yang satu masa dulu pernah ada di Danga Bay dan kemudian ditukar kepada Limas Puri ke apa, yang akan dibina. Adakah ia akan diteruskan lagi ataupun tidak sebagai sebagai tempat riadah untuk orang ramai?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Konsep rumah Limas tu kita masih dalam penjagaan kita lagi dan kita akan tempatkan di kawasan Nusajaya, untuk mempastikan projek-projek yang telah kita lakukan kita dapat pelihara semula.

Y.B. Datuk Speaker : Yang Berhormat Bukit Batu, jemput.

Y.B. Encik Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya soalan nombor 5.

Pengguna di Johor membayar purata RM1.05 untuk 35,000 liter air manakala pengguna di Pulau Pinang hanya membayar RM0.31 untuk jumlah air yang sama. Mengapa harga air di Johor begitu mahal dan adakah SAJ mempunyai cadangan untuk menaikkan tarif air Johor?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kerja, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Yang Berhormat Datuk Speaker, berikutan isu harga air di Johor begitu mahal, perlu ditegaskan di sini bahawa struktur tarif bergantung kepada kos membekalkan air yang berbeza antara negeri. Struktur tarif bergantung atas beberapa faktor seperti amaun subsidi Kerajaan, perkhidmatan yang diberikan kepada pelanggan, liputan perkhidmatan bekalan air, kepadatan penduduk, keadaan muka bumi, kualiti air mentah dan faktor-faktor lain. Faktor kepadatan penduduk dan keadaan muka bumi antara faktor yang penting terhadap kos pembekalan air. Merujuk kepada keadaan muka bumi dan kepadatan rakyatnya serta agihan bekalan air, pihak Operator Bekalan air di Johor mengoperasikan 44 loji rawatan air dengan kapasiti pengeluaran 1,986 juta liter sehari. Pengeluaran ini meliputi loji rawatan air kapasiti di antara 1.82 juta liter bagi loji yang kecil sehingga kurang ekonomik, sehingga ke loji besar dengan kapasiti pengeluaran 318 juta liter sehari.

Yang Berhormat Datuk Speaker, berbanding Pulau Pinang sebanyak 10 loji beroperasi dengan berkapasiti pengeluaran adalah 1.386 juta liter sehari sahaja. Di Pulau Pinang setiap kilometer paip boleh menyalurkan bekalan air sehingga kepadatan 391 pengguna. Manakala di Johor untuk memberi perkhidmatan yang baik, setiap satu kilometer paip hanya menyalurkan bekalan air kepada 171 pengguna sahaja. Sehingga ke Disember 2012 sejumlah 20,308 kilometer paip telah dipasang di Negeri Johor, untuk memastikan rakyat mendapat bekalan air sewajarnya berbanding dengan hanya 4,118 kilometer paip di Pulau Pinang.

Faktor ini mengakibatkan Negeri Johor terpaksa membelanjakan kos infrastruktur air yang tinggi berbanding Pulau Pinang dan sekali gus menyebabkan kos operasinya tinggi. Yang Berhormat Datuk Speaker, antara 2 kos operasi pembekalan air yang besar pada masa ini ialah kos sewa pajak kepada PAAB – Perbadanan Aset Air Berhad dan kos elektrik. Setiap tambahan aset bekalan air atau penambahbaikan aset kepada kapasiti bekalan air turut melibatkan kenaikan kepada nilai sewa pajak. Begitu juga dengan kenaikan harga elektrik yang di luar bidang kuasa pihak Operator Bekalan Air. Sekiranya kedua-dua ini atau salah satu berlaku maka kos pembekalan air akan meningkat. Pertimbangan kenaikan tarif air seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Batu, pertimbangan perlu melalui penelitian dan kelulusan oleh SPAN di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air (WSIA). Perundingan dengan pihak pemegang kepentingan *Public Consultation* dengan izin, seperti *Water Forum*, Persatuan Pengilang dan Persatuan Perdagangan, *Chamber of Commerce*, dengan izin, perlu dilaksanakan. Selepas melalui perundingan, pihak SPAN perlu membawanya

ke Kabinet untuk tujuan mendapatkan kelulusan. Ini bermakna pertimbangan kenaikan tarif air perlu melalui berbagai peringkat dan persetujuan semua pihak. Harus diingat, salah satu tujuan Transformasi Industri Air Negara ialah tarif air perlu bersifat daya maju ke arah kemampanan jangka panjang dan *full cost recovery*, dengan izin. Sungguh pun demikian, ia harus bersifat menggalakkan, penjimatan, mengekang pembaziran dan membantu kemiskinan di negara ini. Terima kasih.

Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Datuk Speaker, soalan tambahan.

Y.B. Datuk Speaker : Bukit Batu.

Y.B. Encik Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) : Terima kasih Datuk Speaker. Soalan saya kepada Yang Berhormat EXCO, soalan tambahan saya, apakah usaha dan langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Johor untuk memastikan harga air Johor ni lebih seimbang dan selaras dengan negeri-negeri lain di Malaysia? Terima kasih.

Y.B. Datuk Speaker : Tadi dah jawab tak, jelaskan jawapan tadi. Jemput.

Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Soalan tambahan Datuk Speaker.

Y.B. Datuk Speaker : Y.B. nak jawab?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Kalau jawab pun Yang Berhormat Datuk Speaker, hanya sekali lagi nak mengingatkan bahawa tujuan Transformasi Air ni perlu bersifat daya maju dan perlu mengambil kira kemampanan jangka panjang, *sustainable, it has to be sustainable* dan juga perlu kita usahakan supaya kos dapat diperolehi kembali dengan mengambil atau mengambil langkah-langkah seperti menggalakkan penjimatan, mengekang pembaziran dan membantu golongan yang miskin.

Y.B. Datuk Speaker : Jemput.

Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Ya, terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya adalah berkenaan dengan *Non Revenew Water*, dengan izinnya. Apakah kadar *NRW* di Negeri Johor sekarang? Dan, apakah faktor-faktor yang menyumbang kepada kadar tersebut dan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Kerajaan untuk mengurangkan *NRW* dan adakah *NRW* ini menyumbang kepada harga yang begitu tinggi, harga air yang begitu tinggi di Negeri Johor.

Y.B. Datuk Speaker : Jemput.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih Yang Berhormat Jementah. *Non Revenew Water*, Johor merupakan salah satu negeri yang rendah berbanding dengan negeri-negeri seperti Selangor, Sabah, Sarawak, Kedah untuk menyebut beberapa negeri yang terawal. Penggunaan air oleh pengguna domestik di Johor bagi tahun 2012, adalah 221 liter per kapita sehari. Maka, sedangkan penggunaan air bagi Negeri Johor adalah 285 liter per kapita. Jadi, ada kelebihan sedikit. Usaha untuk mengawal

kos ataupun untuk menjimatkan kos bagi penyediaan air ini adalah bergantung kepada keberkesanan syarikat operator kita.

Untuk makluman Yang Berhormat, Syarikat Air Johor telah menerima banyak anugerah di atas keupayaan dan kemampuan perkhidmatan. Jadi, ini bererti bahawa kita telah mengambil langkah-langkah yang perlu untuk mempastikan kita dapat memberi perkhidmatan dan juga mengawal kos operasi yang baik. Sekian, terima kasih.

Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Yang Berhormat Datuk Speaker?

Y.B. Datuk Speaker : Jelaslah saya rasa.

Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Soalan saya tidak dijawab ni, Datuk Speaker, saya bertanya berkenaan dengan NRW. Adakah ia menyumbang kepada salah satu sebab yang menyebabkan harga air di Negeri Johor yang tertinggi sekali di, kalau berbanding dengan semua negeri di Malaysia? Saya nak tahu sama ada NRW ini adakah menyumbang.

Y.B. Datuk Speaker : Soal kehilangan air,

Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Kepada harga air yang begitu tinggi di Negeri Johor?

Y.B. Datuk Speaker : Ok, ok, ok, Jementah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Dia beberapa faktor yang menyumbang kepada kos kenaikan harga air. Saya akan beri jawapan bertulis kepada Yang Berhormat supaya lebih jelas dari segi angka-angka yang menjurus kepada soal NRW yang menyumbang kepada kos selain daripada kos elektrik, selain daripada liputan-liputan perkhidmatan dan juga kualiti air yang kita bekalkan. Terima kasih.

Y.B. Datuk Speaker : Saya jemput, Gambir, Yang Berhormat Gambir.

Y.B. Encik Asojan a/l Muniyandy (Gambir) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan nombor 6.

Apakah peranan Majlis Kebudayaan dan Kesenian Negara Negeri Johor, dalam mempromosikan kebudayaan dan kesenian pelbagai kaum di Negeri Johor?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Kebudayaan dan Warisan : Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih soalan Yang Berhormat Gambir. Dalam usaha Kerajaan Negeri Johor untuk mempromosi budaya dan kesenian, Kerajaan amat memahami kepentingan untuk membawa bersama-sama semua kaum agar terlibat secara langsung dalam usaha murni ini.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Gambir, Kerajaan bukan sahaja melihat kepada budaya dan kesenian 3 kaum utama seperti Melayu, Cina dan juga India saja, bahkan lanya melibatkan kesenian kaum Sikh, Orang Asli dan juga Bugis.

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Negeri Johor dan juga Yayasan Warisan Johor telah menggiatkan pelbagai usaha melalui kerjasama kumpulan NGO pelbagai kaum ini bagi memperkasakan seni budaya masing-masing dalam setiap program sambutan dan juga aktiviti persembahan anjuran pihak Kerajaan serta pihak swasta. Bagi memberi pendedahan di peringkat awal kepada peri pentingnya budaya dan kesenian kepada rakyat, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian serta Yayasan Warisan Johor telah mengadakan program bimbingan seni budaya yang melibatkan 75 buah sekolah.

1. Kumpulan Tunas Budaya yang melibatkan 41 buah sekolah.
2. Kumpulan Giat Budaya, 24 buah sekolah.
3. Kumpulan Bimbingan Seni Budaya Rakyat yang melibatkan 10 sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan juga Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil.

Malah, bagi memberi pendedahan dan mempelajari kesenian pelbagai kaum, kumpulan kesenian yang diwujudkan di bawah Jabatan dan juga Yayasan Warisan Johor juga telah dilatih bagi mempelajari setiap kesenian kaum-kaum lain tanpa mengira bangsa mereka. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker.

Y.B. Datuk Speaker : Jemput, Gambir.

Y.B. Encik M. Asojan a/l Muniyandy (Bukit Gambir) : Terima kasih atas jawapan tadi. Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan tambahan saya, yang kita maklum bahawa Yayasan Warisan Johor mempunyai penari-penari sepenuh masa. Adakah Majlis Kebudayaan Kesenian Negara Negeri Johor mempunyai penari-penari atau penyanyi yang berkhidmat sepenuh masa bagi melaksanakan program-program kebudayaan? Dan, ataupun Majlis Kebudayaan bekerjasama dengan kumpulan-kumpulan tarian atau penyanyi-penyanyi sambilan yang lain? Terima kasih.

Y.B. Datuk Speaker : Jemput, Yang Berhormat.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Kebudayaan dan Warisan : Yang Berhormat Datuk Speaker, untuk pengetahuan Yang Berhormat Gambir, pada masa sekarang pihak Yayasan Warisan Johor dan juga Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Johor mempunyai penari atau artis budaya yang melibatkan pelbagai kaum dan kebanyakan program-program yang melibatkan kaum-kaum lain selain daripada kaum Melayu iaitu kita mempunyai 2,790 artis-artis budaya yang melibatkan 7 kumpulan India, 3 kumpulan Cina dan 1 kumpulan Punjabi. Yang mana mereka berada di sekitar Negeri Johor, yang mana selalu melibatkan dalam apa juga program yang dilaksanakan oleh Jabatan Kebudayaan Kesenian Negeri Johor dan juga Yayasan Warisan Johor. Terima kasih Yang Berhormat.

Y.B. Datuk Speaker : Jemput hujung.

Y.B. Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy (Tenggaroh) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan tambahan. Berapakah peruntukan yang pernah dan dalam perancangan yang akan diberikan untuk mempromosikan kebudayaan kaum India dan Cina?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Kebudayaan dan Warisan : Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih Yang Berhormat Tenggaroh. Jabatan Kebudayaan

Kesenian Negara Negeri Johor telah memberikan peruntukan serta bantuan kepada badan-badan bukan Kerajaan atau persatuan yang memohon bantuan melalui 3 cara:-

1. Pemberian bantuan terus kepada badan-badan bukan Kerajaan yang memohon kepada Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Johor. Iaitu contohnya, kita pernah menerima Kumpulan Artis Tamil Malaysia Johor yang telah memohon peruntukan untuk melaksanakan Program Muzik India Klasik. Dan, peruntukan pun telah disalurkan.

2. Jabatan Kebudayaan Kesenian Negeri Johor telah menjadi wakil iaitu orang tengah kepada bagi menyalurkan peruntukan kepada pihak Kementerian serta badan-badan swasta yang menyediakan peruntukan atau tajaan kepada kumpulan seni tempatan. Contoh yang terkini iaitu Petroleum Nasional Berhad dan juga Dewan Philharmonic Petronas telah memohon kepada Jabatan Kebudayaan Kesenian Negara Negeri Johor untuk mencari badan-badan bukan kerajaan yang berminat bagi menerima geran seni budaya berdasarkan terma dan syarat yang ditetapkan.

3. Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Johor menyediakan bantuan daripada segi aspek perkhidmatan dan juga bantuan tenaga kerja untuk bantuan melaksanakan program mengikut permohonan yang diberi pada Jabatan Kebudayaan Kesenian Negeri Johor. Terima kasih Yang Berhormat Speaker.

Y.B. Datuk Speaker : Terima kasih. Jemput Yang Berhormat Semerah.

Y.B. Encik Mohd. Ismail bin Roslan (Semerah) : Yang Berhormat Datuk Speaker, berpendirian teguh, soalan saya nombor 7.

Apakan langkah-langkah Proaktif yang disusun atur oleh Kerajaan bagi membugarkan semangat bergotong-royong di kalangan penduduk-penduduk Taman yang dilihat kini mementingkan keselesaan hidup berasingan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia : Yang Berhormat Datuk Speaker, Kerajaan sememangnya sentiasa mengambil berat berkenaan dengan hubungan sosial antara masyarakat dan berusaha memastikan keharmonian dan suasana muhibah wujud dalam masyarakat setempat. Sehubungan dengan itu, penubuhan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) merupakan satu medium yang amat bertepatan dengan matlamat tersebut. Sebenarnya Skim Rukun Tetangga mula diperkenalkan pada tahun 1975, sebagai satu rancangan kawalan keselamatan di kawasan kejiranan termasuk taman-taman. Dan, pada masa kini peranan Rukun Tetangga terus diperkembangkan melalui penekanan kepada aktiviti kejiranan yang bercorak gotong-royong dengan penglibatan penduduk di kawasan Rukun Tetangga berkenaan secara keseluruhan. Dan, kalau kita lihat Rukun Tetangga secara tidak langsung dapat menyatukan semangat kerjasama di antara penduduk yang terdiri daripada berbagai kaum dalam menjaga keharmonian dan juga kesejahteraan di kawasan mereka. Dan dalam masa yang sama juga, Rukun Tetangga dapat merapatkan jurang perkauman dan menghakis sikap *individualistic*, dengan izin

Komuniti menerusi pelaksanaan pelbagai aktiviti kejiranan yang dikendalikan oleh komuniti itu sendiri.

Y.B. Datuk Speaker : Jemput, Semerah.

Y.B. Encik Mohd Ismail bin Roslan (Semerah) : Soalan tambahan Yang Berhormat Datuk Speaker. Berapakah peruntukan yang dibelanjakan sepanjang tahun 2012, bagi melaksanakan program-program terutama program yang di taman, di taman-taman pada tahun 2012. Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia : Yang Berhormat Datuk Speaker, sebenarnya saya percaya soalan ini sudah tergelincir sedikit daripada soalan yang asal kerana soalan asal berkenaan dengan aktiviti. Walau bagaimanapun, saya ingin menjelaskan di sini bahawa apabila, pada setiap tahun setiap KRT diberi peruntukan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti mereka dan sebanyak RM6,000.00 disalurkan kepada setiap KRT. Dan, KRT-KRT tersebut haruslah menggunakan wang tersebut untuk menjalankan aktiviti-aktiviti yang berkenaan. Terima kasih.

Y.B. Datuk Speaker : Saya jemput Yang Berhormat Paloh.

Y.B. Encik Teoh Yap Kun (Paloh) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya soalan nombor 8.

Berapa ramai pengusaha "homestay" telah berdaftar dengan kerajaan mengikut daerah dan apakah usaha kerajaan untuk meningkatkan bilangan ini?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Yang Berhormat Datuk Speaker, untuk makluman Dewan yang mulia ini pada ketika ini Negeri Johor mempunyai sebanyak 17 buah *homestay* yang melibatkan 7 buah daerah dengan jumlah peserta seramai 385 orang dan jumlah penawaran bilik sebanyak 488 bilik.

Berdasarkan statistik yang diberikan oleh pihak Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Negeri Johor terdapat 7 pecahan *homestay* bagi daerah-daerah dalam Negeri Johor iaitu :

1. Muar di Batu 28, Lenga; Kampung Parit Bugis dan Kampung Sarang Buaya.
2. Batu Pahat iaitu di Kampung Parit Tengah
3. Pontian di Kampung Permatang Sepang, Kampung Puteri Menangis dan Tanjung Piai, Serkat
4. Kulaijaya di Kampung Sri Paya dan Kampung Sri Gunung Pulai
5. Johor Bahru di Kampung Sinaran Baru dan Kampung Perigi Acheh
6. Mersing di Kampung Air Papan, Mersing
7. Kota Tinggi iaitu di Kampung Lukut, Kampung Temenin Baru, FELDA Semenchu dan FELCRA Sungai Ara.

Produk pelancongan *homestay* pada ketika ini telah mula mendapat permintaan yang menggalakkan daripada para pelancong sama ada dari dalam dan luar negara terutamanya dari Singapura, Korea, Jepun, Australia dan Taiwan.

Berdasarkan maklumat yang diperolehi dari Pejabat Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia Negeri Johor, jumlah kedatangan pelancong ke *homestay* Negeri Johor pada tahun 2011 adalah seramai 47,432 orang dan jumlah ini meningkat kepada 78,917 orang pada tahun 2012. Manakala jumlah pendapatan *homestay* keseluruhannya mencatatkan peningkatan sebanyak 40.73% iaitu RM1,777,175.35 pada tahun 2012 berbanding dengan RM1,262,818.05 pada tahun 2011 yang lalu.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Program *Homestay* adalah satu program secara bersama oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah serta Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang berbentuk penglibatan komuniti di desa dengan tujuan memberikan pendapatan sampingan sekali gus meningkatkan taraf hidup penduduk desa. Ianya memerlukan penglibatan secara sukarela bagi memupuk sikap *think tourism, act tourism* di kalangan pengusaha *homestay* serta masyarakat desa. Justeru, bagi menggalakkan lebih ramai penyertaan daripada masyarakat tempatan di dalam program *homestay* ini khususnya bagi daerah Ledang, Segamat dan Kluang, pihak Kerajaan Negeri menerusi pejabat Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia Negeri Johor bersama-sama Jabatan Pelancongan Negeri Johor dan Tourism Malaysia Johor telah melaksanakan secara konsisten dan terancang pelbagai pendekatan seperti berikut :

1. Mengadakan taklimat penubuhan *homestay* di daerah-daerah sekitar Negeri Johor dengan kerjasama Pejabat Daerah serta agensi Kerajaan seperti FELDA, FELCRA dan sebagainya dari semasa ke semasa berdasarkan permohonan dari pihak-pihak berkenaan.

2. Melaksanakan kursus-kursus seperti Kursus Asas Pelancongan Desa, Kursus *We Are The Host* dan Kursus Lanjutan di bawah Malaysia *Welcomes the World* untuk pengusaha *homestay* di Johor dan Malaysia amnya. Kursus-kursus yang diadakan ini adalah untuk memberikan pendedahan mengenai kebaikan serta insentif yang bakal serta layak diperolehi menerusi program *homestay* daripada pihak Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia dari semasa ke semasa.

3. Penglibatan pengusaha *homestay* Negeri Johor di dalam kursus serta seminar tempatan dan antarabangsa dapat mempertingkatkan kesedaran mengenai kepentingan industri pelancongan serta memberi motivasi kepada pengusaha homestay untuk meningkatkan mutu perkhidmatan terhadap para pelancong seiring dengan kedatangan Tahun Melawat Malaysia 2014.

4. Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia telah menyalurkan peruntukan pembangunan infrastruktur *homestay* di dalam Rancangan Malaysia Ke-9 berjumlah RM1.26 juta. Manakala di dalam Rancangan Malaysia Ke-10 bagi maksud menaik taraf *homestay* sebanyak RM1.3 juta telah siap sepenuhnya. Peruntukan juga disalurkan bagi menaik taraf kemudahan pelancongan lain seperti papan tanda tunjuk arah *homestay* sekitar Negeri Johor, naik taraf landskap *homestay* serta peruntukan membina *nursery* pokok di *homestay* di dalam Rancangan Malaysia Ke-10.

5. Homestay Negeri Johor juga terlibat di dalam pameran pelancongan tempatan seperti *MATTA Fair* dan antarabangsa seperti *Homestay @ Travel Malaysia Fair 2013* akan memberikan ruang pasaran yang lebih luas kepada pengusaha *homestay* mempromosi produk mereka kepada para pelancong.

6. Mewujudkan pakej-pakej pelancongan yang inovatif, kreatif serta dinamik dengan kerjasama pihak Jabatan Pelancongan Negeri Johor, Tourism Malaysia Johor, agensi pelancongan Negeri Johor serta syarikat penerbangan Fire Fly telah banyak membantu mempromosi *homestay* sebagai salah satu produk pelancongan agro dipasarkan yang mesti dilawati.

Sekian, terima kasih.

Y.B. Datuk Speaker : Ada soalan lagi ke? Jawapan sudah banyak terang. Paloh.

Y.B. Encik Teoh Yap Kun (Paloh) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan tambahan saya. Adakah setiap *homestay* yang berdaftar di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia akan diberikan lesen dan apakah bentuk bantuan yang diberikan kepada *homestay* berdaftar? Terima kasih.

Y.B. Datuk Speaker : (Ketawa). Jawablah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih kepada Paloh. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, *homestay* merupakan satu, tadi saya katakan merupakan satu program yang sukarela. Program berbentuk komuniti yang memfokus kepada rumah tradisional masyarakat Malaysia yang di kawasan desa atau kampung.

Bagi program *homestay*, antara syarat bagi menubuhkan *homestay* mestilah mempunyai minimum 10 unit rumah tradisional masyarakat Malaysia dengan minimum satu rumah satu bilik. Dan para pelancong akan tinggal dan menginap di rumah tersebut bersama keluarga atau tuan rumah. Program *homestay* mestilah diselaraskan oleh JKKK sesebuah kampung atau perlu dilantik Penyelaras. Rumah yang telah diiktiraf sebagai berdaftar tidak memerlukan lesen tetapi akan diberikan Sijil Pendaftaran *Homestay* dan plak yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia. Bentuk bantuan atau insentif yang disediakan oleh pihak Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia adalah seperti penyaluran peruntukan pembangunan di dalam Rancangan Malaysia, peruntukan dasar *one off* dari semasa ke semasa. Penganjuran program serta acara pelancongan di *homestay*, penyertaan *homestay* di dalam pameran pelancongan, seminar dan kursus, penglibatan *homestay* di dalam program National Blue Ocean Strategy dan Program *Visit Malaysia Year* 2014...

Y.B. Datuk Speaker : Ok Yang Berhormat, dia punya soalan ada lesen ke tak ada lesen saja. Jadi itu sudah panjang jawapan. Ada soalan tambahan?

Y.B. Puan Chew Peck Choo (Yong Peng) : Soalan tambahan.

Y.B. Datuk Speaker : Ok, Yong Peng.

Y.B. Puan Chew Peck Choo (Yong Peng) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Soalan tambahan saya berapa orang pakar yang dilantik untuk memberi nasihat berkenaan dengan pelaksanaan *homestay* di Negeri Johor?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Yang Berhormat Datuk Speaker, tadi saya sebut...

Y.B. Datuk Speaker : Itu soalan perlu jawab ke?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Tapi Kementerian akan bantu kalau siapa yang berminat. Tadi saya telah sebut tadi, sesiapa mempunyai 10, minimum 10 unit rumah tradisional dan kita akan memberi kursus dan segala cara kita bagi tahu, dan pakar memberi Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan akan memberi kerjasama dan membantu mereka berjaya.

Y.B. Datuk Speaker : Saya jemput Yang Berhormat Pemanis.

Y.B. Encik Lau Chin Hoon (Pemanis) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan nombor 9.

Program 1Azam yang dilaksanakan menerusi 4 inisiatif utama dilihat amat baik untuk membantu rakyat meningkatkan kualiti hidup. Bagaimanakah status dan penilaian Program 1Azam yang dilaksanakan di Negeri Johor untuk tempoh sepanjang ia dilaksanakan?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih juga diucapkan kepada Yang Berhormat Pemanis. Untuk makluman Yang Berhormat Pemanis, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah melaksanakan Program 1Azam di bawah Program Transformasi Kerajaan NKRALIH iaitu Bidang Keberhasilan Utama Negara – Mempertingkatkan taraf hidup isi rumah berpendapatan rendah.

Program 1Azam iaitu akhiri zaman miskin diperkenalkan oleh Kerajaan melalui inisiatif NKRA bagi menyediakan peluang pekerjaan kepada golongan miskin tegar dan miskin untuk menambahkan pendapatan agar terkeluar daripada kemiskinan. 4 Skop dalam Program 1Azam yang telah dilaksanakan oleh pelbagai jabatan dan agensi iaitu Azam Kerja dari Jobs Malaysia, Azam Khidmat, Amanah Ikhtiar Malaysia; Azam Niaga, Jabatan Pembangunan Wanita, JKM dan juga Amanah Ikhtiar Malaysia dan Azam Tani di bawah Lembaga Perindustrian Nenas Malaysia dan Lembaga Pertubuhan Peladang.

Program ini turut melibatkan klien Jabatan Kebajikan Masyarakat dan dikenali sebagai *Productive Welfare* dan mensasarkan peningkatan pendapatan untuk penerima bantuan kewangan yang produktif dalam usaha untuk membangun klien ke arah berdikari. Perlaksanaan program ini bermula pada tahun 2011 dan perlaksanaannya adalah sehingga tahun 2012.

Seramai 600 orang telah mengikuti Program 1Azam yang dilaksanakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat melalui 20 pakej di bawah Azam Niaga. Program 1Azam ini diteruskan lagi pada tahun 2013 melalui GTP 2.0 yang turut membabitkan semua

kumpulan sasar setiap agensi dan jabatan di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang melibatkan Azam Niaga.

Selain itu, Azam Niaga ini turut dilaksanakan oleh Jabatan Pembangunan Wanita Negeri Johor dalam memberi peluang kepada golongan sasar menjana pendapatan melalui perniagaan kecil-kecilan dengan kemudahan latihan dan kredit mikro seperti kiosk, perniagaan runcit dan juga industri kraf tangan.

Sepanjang 2010-2013, program yang dilaksanakan oleh Jabatan Pembangunan Wanita telah menerima peruntukan sebanyak RM1.05 juta dan seramai 210 isi rumah telah menerima faedah daripada program tersebut.

Y.B. Datuk Speaker : Jemput.

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih Yang Berhormat. Pertama sekali saya nak mengambil maklum bahawa program 1Azam ialah program NKRA. Tentunya ia besar peruntukan. Cuma, Yang Berhormat kita dapati bahawa program 1Azam ini setengah-setengah program yang diberikan itu perlu di *review* balik, perlu dikaji semula kerana keberhasilan terhadap satu produk-produk ataupun bantuan-bantuan yang diberi tu tanpa *follow up*. Contoh, beri barang tapi perakaunan asas tak diberi, maka berlakulah susut nilai kepada produk tersebut dan akhirnya penerima bantuan-bantuan tersebut mengalami kemerosotan hasil daripada pemberian ini, jadi saya nak tanya sama ada *follow up* program terhadap 1Azam tu ada tak?

Y.B. Datuk Speaker : Jemput.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Terima kasih Yang Berhormat Pasir Raja. Sebenarnya, Yang Berhormat Datuk Speaker, di dalam Program 1Azam, kita ada 20 pakej barangan permulaan perniagaan yang kita tawarkan. Dan sebenarnya mereka-mereka yang kita, yang berminat ataupun yang di bawah kategori miskin dan miskin tegar in, caranya ia perlu mengisi borang permohonan 1Azam niaga, dan kemudian mereka akan ditemu duga ya, di rumah mereka oleh pegawai dari Pejabat Pembangunan Wanita dan permohonan ini akan diluluskan dan diangkat semakannya oleh pihak NKRA di pihak Kementerian. Dan, jika pemohon melepasi kedua-dua saringan ini, pemohon kemudiannya akan dipanggil untuk menghadiri satu hari kursus kewangan. Dan, kursus kewangan ini adalah wajib dan perlu dihadiri oleh pemohon yang berjaya sebelum pakej yang dipohon dibekalkan oleh pembekal yang dilantik pihak Kementerian. Dan pemantauan akan dibuat dari semasa ke semasa khususnya di bawah 1Azam Niaga di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat yang mana kita kebanyakan, ataupun penerimanya adalah terdiri daripada klien kita dan ia dipantau oleh pegawai daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat sendiri.

Y.B. Datuk Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekianlah sahaja soalan-soalan lisan yang sempat kita kemukakan dan jawab pada pagi ini. Kita berharap semua soalan-soalan yang telah disenaraikan akan dijawab, apabila tak dapat jawab secara lisan akan dijawab secara bertulis dalam Persidangan ini juga.

Jurutulis : SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA **BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2014) TAHUN 2013.**

Y.B. Datuk Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, suka saya mengingatkan bahawa menurut Peraturan Tetap 112 (2), maka Perbahasan Atas Rundingan itu hendaklah dihadkan kepada lunas-lunas am berkenaan dengan dasar dan pentadbiran Kerajaan sebagaimana tersebut dalam Rang Undang-Undang ini. Sambungan Perbahasan secara rundingan bagi Bacaan Kali Kedua Enakmen Perbekalan (2014) Tahun 2013 disambung sekarang. Dan saya persilakan Yang Berhormat Encik Suhaimi, Yang Berhormat Kukup.

Y.B. Tuan Haji Suhaimi bin Salleh (Kukup) : Bismillahirrahmannirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam muafakat Johor. (Selawat). Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker kerana membenarkan Yang Berhormat Kukup untuk berbahas pada pagi yang mulia ini. Pertama-tamanya saya ingin merakamkan jutaan terima kasih, tahniah dan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor yang telah berjaya membentangkan satu bajet yang begitu hebat bertemakan, 'Muafakat Pembangunan dan Pengagihan Berlandaskan Keadilan dan Kesaksamaan'.

Empat strateginya iaitu mencorakkan ekonomi yang mampan, meningkatkan kesejahteraan rakyat, memperkasa dan merakyatkan Kerajaan, seterusnya melahirkan modal insan yang berketerampilan. Ini bertepatan sekali dengan ayat al-Quran dalam Surah Hud ayat 61, yang bermaksud, 'dialah yang menjadikan kamu daripada bumi yakni tanah, dan menjadikan kamu pemakmurnya'. Ayat pemakmurnya ini kalau kita lihat terdapat dalam keempat-empat strategi yang telah dirancang oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Memakmur bermaksud memampan, memakmurkan juga bermaksud meningkatkan, memakmurkan itu juga bermaksud memperkasakan dan memakmurkan itu juga bermaksud melahirkan, mengembangkan dan sebagainya. Jadi, pembentangan ataupun bajet yang telah dibentangkan kepada kita ini telah mencakupi sebenarnya ayat ini, dah mencakupi lagi kehebatan dan sebagaimana landasan dan tuntutan dalam ajaran agama kita.

Kalau kita lihat dari sudut perimbangannya, cantik sekali. Dengan *surplus* ataupun lebihan sekitar RM2 juta sahaja, bermaksud kita tidak kedekut atau kita tidak bakhil. Segala hasil mahsul yang dapat diperolehi oleh Kerajaan kita agihkan kepada rakyat. Ini bertepatan sekali dengan ayat al-Quran yang kalau kita rujuk dalam Surah Al Furqan ayat 67, yang bermaksud, 'dan juga mereka yang diredai oleh Allah itu, yang apabila membelanjakan hartanya tidaklah melampaui batas dan tidaklah bakhil ataupun kedekut dan sebaliknya perbelanjaan mereka adalah betul, sederhana di antara kedua-dua cara yakni boros dan bakhil itu'. Jadi kalau kita lihat sekali lagi, kali ini perbelanjaan Kerajaan Negeri Johor adalah bertepatan dengan tuntutan dan lunas-lunas tuntutan oleh Allah SWT di mana kita berbelanja dengan cukup berhemat, kita tidaklah sampai berbelanja *surplus*, berlebih-lebihan, dan kita tidak jugalah berbelanja sampai defisit di mana Kerajaan terpaksa berhutang dan sebagainya. Jadi, saya suka ingin menyentuh sedikit apa yang diperkatakan oleh Y.B. Skudai, kalau kita lihat Kerajaan dah bentang, dah berusaha berbagai-bagai cara untuk memakmurkan rakyat, tapi rupa-rupanya ada juga pendapat daripada mereka ini yang agak berlainan.

Pertama Y.B. Skudai cakap, persepsi bahawa orang Cina kaya pasal 8 orang daripada 10 orang terkaya di Malaysia adalah tidak betul. Dia kata ini adalah persepsi salah, sedangkan, walhal, semua orang tahu kalau kita tanya budak-budak kecil pun tahu, kalau kita tanya orang yang terencat akal pun mungkin tahu, bahawa lebih 70% ekonomi dalam negara ini adalah dimiliki oleh kaum tertentu. Kurang daripada 35% kaum ini memiliki lebih 70% ekonomi. Dan,kita juga tahu bahawa kurang daripada 30% ekonomi dimiliki oleh lebih kurang 70% golongan tertentu. Maksudnya tidak ada perimbangan, tidak ada *balance*, dengan izin, dalam pengagihan pendapatan ini. Saya setuju, saya sangat setuju itu. Dan saya akan *relate* kan nanti, ataupun kaitkan lagi dengan apa yang YB Pekan Nenas utarakan.

Jadi, kalau kita lihat, contohnya, kita ambil pendekatan yang mudah, macam mana saya cakap tadi, budak-budak pun tahu. Kalau kita lihat satu deretan kedai ada 100 unit kedai. Daripada 100 itu boleh kita kira berapa orang sajalah peniaga Melayu yang ada kedai tersebut. Begitu jugalah kalau kita lihat kereta mewah, daripada 100 yang berjalan di jalan raya, berapakah hanya yang dimiliki oleh orang-orang Melayu? Dan kalau kita lihat juga akaun-akaun di bank, siapakah yang paling banyak simpan duit? Tidaklah indicator ini telah menunjukkan secara jelas golongan manakah yang menguasai ekonomi dalam orang Melayu. Jadi, ini bukan isu persepsi, ini bukannya isu macam kita lihat, apa ni, cerita Pendekar Bujang Lapuk, di mana Pendekar Mustar berlari lari jumpa P.Ramlee, dia cakap, macam ginilah lebih kurang, kalau dalam tempo sekarang ayatnya, 'ekonomi Malaysia telah dimiliki oleh golongan tertentu sebanyak 70%', yang P.Ramlee cakap dengan nada ataupun suara bassnya, 'persepsi'. Betul, ini betul-betul. Persepsi. Jadi adakah itu yang kita nak ketengahkan sekarang. Ini bukannya isu persepsi, tuan-tuan, ini adalah isu sebenar-benarnya.

Dan saya amat bersetuju bila Pekan Nenas tiba-tiba dia masuk, dalam ucapan beliau dia cakap, *Coefficient Gini* Malaysia adalah 0.462%, di mana Thailand sekitar 0.39% dan Singapura pun lebih kurang 0.3%. Saya ingin tanya Pekan Nenas, bagi isyarat tangan pun tak apa, berapakah *Coefficient Gini*..

Y.B. Datuk Speaker : Tak boleh nak tanya...

Y.B. Tuan Haji Suhaimi bin Salleh (Kukup) : Yang awak...

Y.B. Datuk Speaker : Tujukan kepada saya saja, tuju kepada saya aje, tak payah tanya Ahli Yang Berhormat yang lain.

Y.B. Tuan Haji Suhaimi bin Salleh (Kukup) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, nampaknya saya terpaksa buka kelas ekonomi pagi ini. Begini, saya percaya Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat Pekan Nenas ingin mencadangkan *Coefficient Gini* yang kecil, kalau boleh sehampir 0%, saya kena terangkan isu yang dinamakan *Coefficient Gini*.

Seorang pakar statistik Coraldo Gini, seorang Itali pada 1912 telah memperkenalkan satu teori, satu carta pengagihan kekayaan yang dinamakan Gini Index. Daripada Gini ini, maksudnya kalau dari 100% kekayaan itu dimiliki oleh seorang sahaja, indeks kita adalah 1, tetapi sekiranya seluruh rakyat dalam negara kita ini mempunyai pendapatannya sama, tak berbeza walau 1 sen, indeksnya 0. Jadi, kita akan bergerak di antara sama ada sangat adil pembahagian ekonomi ataupun sangat tak adil di

mana dimonopoli oleh seorang. Jadi kita berada di sekitar 0.4, dan Y.B. Pekan Nenas, wah, ini tidak adil, kata dia ada negara-negara lain 3, ada negara lain 2, jadi, saya percaya mungkin Y.B. Pekan Nenas ingin bawah daripada 2, kalau boleh hampir kepada 0. Tidakkah kita ingat, kalau sekiranya Indeks Gini tu bawah daripada 2, ini adalah negara-negara blok komunis, tidakkah ini menunjukkan apa yang tersurat dan tersirat, tuan-tuan yang saya muliakan sekalian. (Dewan bertepuk).

Kemudian, saya tak kisah sebenarnya Yang Berhormat Speaker, kalau beliau cakap dengan cara berhemah, dengan cara bertanya, tapi cara beliau bercakap, seolah-olah menyalahkan Kerajaan, seolah-olah mereka sahaja yang betul. Ini memang menaikkan darah saya Yang Berhormat Speaker. Kita cerita ginilah, jadi...

Y.B. Datuk Speaker : Jangan, jangan sentuh peribadi Ahli-Ahli Yang Berhormat yang...

Y.B. Tuan Haji Suhaimi bin Salleh (Kukup) : Tak, tak sentuh peribadi, cakap cara penyampaiannya Yang Berhormat Speaker. Kita cerita beginilah, sebenarnya, angka tunjuk ataupun indeks yang diberikan itu kita tidak jelas. Masih boleh dipertikaikan, tidak digunakan pun oleh mana-mana pakar ekonomi seperti angka tunjuk sebenarnya. Pasal apa, pengagihan pendapatan sesebuah negara sangat berbeza kesan daripada cukai dan subsidi. Ini yang saya nyatakan dan saya ingat kena buka kelas ekonomi.

Pertamanya, walaupun Indeks Gini kita 0.462, tidak lagi dia masukkan apa tu, ataupun tidak dikira lagi selepas cukai, kadar percukaian ataupun sistem percukaian negara, sesebuah negara akan mempengaruhi indeks tersebut. Tidak lagi diceritakan tentang subsidi, tidak lagi diceritakan tentang bantuan langsung, tidak lagi diceritakan BRIM yang kita bagi. Dan Insya-Allah, kalau kita lihat semua bantuan-bantuan dan sistem percukaian kita ini di mana kita merapatkan jurang yang kaya dan kepada yang lebih miskin, kita akan dapati bahawa indeks gini kita sekitar 3% ataupun 0.3 sahaja Yang Berhormat Datuk Speaker.

Jadi, ini satu kemakmuran ataupun angka tunjuk bahawa Malaysia telah mencapai satu kadar kemakmuran yang begitu baik dan rakyatnya begitu makmur. Mana mungkin Indeks Gini kita lebih rendah daripada Indonesia yang kita lihat orang yang paling miskinnya duduk di bawah kolong, yang paling kayanya depan rumahnya penuh dengan helikopter, 2 atau 3 biji. Jadi, mana mungkin kita lebih rendah daripada Thailand, dan mana mungkin kita lebih rendah ataupun lebih tinggi daripada Filipina. Jadi...

Y.B. Datuk Speaker : Sila gulung...

Y.B. Tuan Haji Suhaimi bin Salleh (Kukup) : Baru mukadimah jawab Datuk Speaker. Ok, perkara kedua, perkara kedua ataupun *point* kedua yang tidak dijelaskan dengan tepat tadi ataupun sebagaimana Yang Berhormat Skudai mengeluh tentang CPI ataupun dengan izin, *Consumer Price Index*. Di Malaysia, sebanyak 1.8% setahun, kemudian menyalahkan Kerajaan akibat kenaikan harga minyak, menyebabkan kenaikan harga barang yang melampau, malah dalam pilihan raya-pilihan raya digunakan istilah BN itu Barang Naik, sealah-olah kenaikan harga barang ini 100% adalah disebabkan oleh kesalahan Kerajaan. Fakta ini kena dibetulkan, cerita ini kena dijelaskan Yang Berhormat Datuk Speaker.

Beritahu dalam Dewan ini, mana ada negara yang mengawal barang-barang kawalan sebagaimana Malaysia kawal untuk menolong rakyatnya. Bagi tahu. Tidak Singapura, tidak di Thailand, tidak di Indonesia. Hanya Malaysia yang kita kawal, kita bagi subsidi untuk memudahkan rakyat. Mana negara selain Brunei di Asia Tenggara ni yang harga minyaknya paling murah, mana ada? Bukankah harga barang yang naik di dalam negara kita ini Kerajaan dah seboleh mungkin mengawal tapi ianya di manipulasi oleh orang-orang tertentu yang tamak dan haloba, yang menduduki di tengah-tengah pengagihan barangan tersebut. Kalau saya nak jelaskan nantikan golongan siapa, jadi isu pula nanti.

Jadi, kalau kita lihat, apa yang Kerajaan yang telah buat ini semuanya adalah untuk mengawal kenaikan harga barang. Kemudian tiba-tiba ditambah lagi daripada Pekan Nenas yang mengatakan 20% daripada KDNK di Malaysia adalah di sumbang oleh upah. Di Singapura 47% adalah di sumbang oleh upah menunjukkan bahawa upah atau pun gaji orang di Singapura lebih tinggi berbanding dengan harga barang keperluan atau pun kesejahteraan hidup di Singapura adalah hebat, lebih baik daripada di Malaysia. Ini saya kena terangkan, kena jelaskan. Tidak boleh diambil peratusan upah daripada keseluruhan Keluaran Dalam Negara Kasar untuk kita menganalisa kenaikan harga barangan ataupun kenaikan upah. Tidak boleh sama sekali. Pasal *indicator* atau pun upah kepada pendapatan negara di sumbang oleh pelaburan, di sumbang oleh penggunaan, di sumbang juga oleh eksport. Jadi, perubahan dalam pelaburan yang tinggi di Malaysia. Kenaikan pelaburan tinggi dalam Malaysia telah menyumbang kepada KDNK yang tinggi, dan secara tidak langsung dia tidak menunjukkan relatifnya kepada upah. Jadi kalau kita nak membandingkan upah dengan harga pasaran, kita kena meletakkan ton asas upah, kita ambil upah terkini, bandingkan peningkatan berbanding dengan harga ton asas dan juga harga kini. Jadi, itu yang saya cakap tadi, kadang-kadang kita nak hentam ni seronok hentam, tapi fakta kita salah. Jadi, saya di sini ingin berkongsi dengan sahabat saya daripada Pekan Nenas kita hati-hati dalam penggunaan fakta dan angka ubah ekonomi kerana ianya boleh memberi tafsiran yang salah.

Y.B. Datuk Speaker : Ok, cukup Kukup.

Y.B. Tuan Haji Suhaimi bin Salleh (Kukup) : Jadi saya sedikit bawak Yang Berhormat Datuk Speaker, untuk bahagian atau pun mewakili kawasan saya perkara ini perlu sangat, perlu sangat diberi perhatian. Baru-baru ini saya pergi ke Taman Negara, Yang Berhormat Datuk Speaker, Taman Negara, Tanjung Piai. Di situlah merupakan tanah paling selatan, tanah besar Benua Asia. Malangnya Datuk Speaker, dah 3 minggu rupanya tak ada karan, tak ada letrik. Perkara ini sangat mengejutkan saya. Mana mungkin sebuah pusat pelancongan, pusat tumpuan orang ramai boleh dibiarkan tak mempunyai letrik selama 3 minggu. Bila tak ada letrik selama 3 minggu apa yang berlaku? Bilik air tak boleh digunakan pasal gelap. Kemudian, pam untuk mengepam air ke pejabat atau pun tandas awam itu tidak boleh menyebabkan tandas tidak boleh digunakan. Pekerja-pekerja dalam keadaan motivasi yang sangat rendah, pasal terpaksa bekerja dalam keadaan panas. Walkie-talkie pun tidak boleh digunakan. Jadi saya rasa ini perkara yang sangat mendukacitakan saya. Bayangkan seorang pelancong bila datang tempat tu dia memberi gambaran bahawa tempat ini sangat teruk. Dia akan menyebarkan kepada berpuluh-puluh orang lagi selepas daripada itu. Jadi, saya mohon, saya cabar sesiapa saja saya pun tak tahu, bawah

bidang kuasa siapa, kalau boleh sebelum habis Persidangan Dewan kali ini, perkara itu diselesaikan. Kita seharusnya ada perancangan Pelan A ataupun Pelan B. Seandainya letrik tak ada, kenapa tak gunakan genset atau sebagainya. Kerana ianya merupakan tempat pelancongan. Satu hari dalam apa tu pada ketika waktu puncak iaitu Sabtu dan Ahad sekitar 1,000 hingga 2,000 orang pelawat datang. Kita akan menghampiri musim cuti sekolah, lebih ramai lagilah pengunjung akan datang sama ada dalam negeri dan luar negeri. Jadi saya mohon...

Y.B. Datuk Speaker : Ok, Kukup.

Y.B. Tuan Haji Suhaimi bin Salleh (Kukup) : Jadi saya mohon supaya perkara ini diberikan tindakan, diambilkan tindakan yang sepantas-pantasnya, dan tidak lain tidak bukan, tujuan ini adalah Yang Berhormat adalah untuk kebaikan dalam negeri kita juga. Saya juga mohon maaf kepada rakan-rakan saya daripada Pekan Nenas dan juga Skudai, seandainya percakapan saya ini tidak elok di pendengaran. Sekian, wassalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Datuk Speaker : Terima kasih, Yang Berhormat. Saya jemput Y.B. daripada Tenang.

Y.B. Encik Mohd. Azahar bin Haji Ibrahim (Tenang) : Bismillahirrahmannirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Salam sejahtera Yang Berhormat Datuk Speaker, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi ruang dan peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan bagi sesi Belanjawan Negeri Johor bagi tahun 2014. Tenang merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan dan terima kasih terutama kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor atas pembentangan belanjawan 2014 yang lalu. Satu belanjawan yang cukup hebat dalam menentukan kelangsungan pembangunan infrastruktur dan insaniah yang menyeluruh.

Syukur dan terima kasih saya panjatkan ke hadrat Ilahi kerana sudah tentu kemakmuran negeri dan negara ini menjamin kepada kemakmuran ekonomi dan pembangunan ekonomi negara. Dengan tema bajet "Muafakat Pembangunan Dan Pengagihan Serta Visi Memperteguh Ketahanan Ekonomi, Memperkasa Transformasi Dan Melaksanakan Janji" dilihat sebagai satu modul yang terbaik dalam mewujudkan suasana ekonomi yang mantap. Dengan menggariskan 4 strategi utama dalam Belanjawan Negeri 2014 iaitu mencorak ekonomi yang mampan, meningkatkan kesejahteraan rakyat, memperkasakan dan merakyatkan Kerajaan serta mengungguli modal insan, memberi amaran kepada segenap pemimpin masyarakat agar sentiasa menggunakan ruang dan peluang yang telah disediakan oleh Kerajaan untuk melaksanakan ibadat terhadap rakyat. Yang Berhormat Datuk Speaker, menyentuh Rumah Mampu Milik Johor dan Rumah Kos Rendah yang akan dilaksanakan projek perumahan pembinaan lebih kurang 28,000 unit rumah daripada tahun 2013 hinggalah 2018 wajar kita memberi perhatian. Dengan jumlah unit rumah yang dinyatakan tadi kita berharap agar rakyat Negeri Johor hari ini akan dapat merasai setiap kemanisan pembangunan dan kemakmuran negeri yang dibawa oleh Kerajaan bagi menjamin rakyat menjana pemilikan rumah yang lebih sempurna dan selesa. Bahkan harga jualan untuk Rumah Mampu Milik memberi peluang kepada penduduk menikmati keadaan rumah yang lebih baik sebelum ini. Dalam menyediakan peluang pemilikan rumah yang sempurna pada rakyat Kerajaan juga mengetengahkan beberapa modul

pemilikan hartanah dengan bertujuan membuka lebih peluang pemilikan hartanah kepada penduduk-penduduk tempatan.

Dalam merancakkan pertumbuhan ekonomi negeri sudah tentu Wilayah Iskandar Malaysia akan menerima tempias, dalam peruntukan sektor ekonomi ini. Limpahan pelaburan asing dan pemilikan sektor ekonomi yang mampan akan menjana dan memacu khususnya bagi Negeri Johor. Pelaburan terkumpul yang dicatatkan iaitu RM128 bilion sejak tahun 2006 hingga September tahun ini, Johor yang dilihat sebagai hab pertumbuhan ekonomi dengan secepatnya sebagai jalan perhubungan dengan negara luar dan yang paling dekat dengan negara jiran serta pemilikan infrastruktur yang mantap, serta pelabuhan, jalan kereta api, lapangan terbang dan juga kedudukan yang strategik menjadikan pelaksanaan Wilayah Iskandar Malaysia sebagai gerbang baru pertumbuhan ekonomi negara, ringkasnya dengan peruntukan sektor ekonomi yang mantap, kedudukan yang strategik, serta kerancakan ekonomi semasa, segala limpah ruah kemakmuran ekonomi Johor akan dirasai setiap rakyat Johor dan negara ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, di sini ucapan terima kasih dan juga penghargaan seterusnya ditujukan kepada pasukan Polis Di Raja Malaysia (PDRM) dan Kementerian Dalam Negeri (KDN) atas usaha berterusan pihak keselamatan dalam memastikan keamanan negara ini terus dipertahankan. Sebagaimana awal bicara tadi, saya amat berkeyakinan masih ramai pihak di luar sana yang mendedikasikan tugas mereka mendaulatkan keamanan. Walau pun kita sering dengar pada hari ini, pihak Polis menjadi mangsa kekejaman penjenayah, malah kekejaman ini seakan menerima sokongan setengah pihak, bukanlah maksud saya untuk menyatakan sokongan terhadap ketidakadilan atau pencabulan undang-undang oleh pihak berkuasa sendiri, namun pada hari ini terdapat segelintir pihak yang konon atas nama *human right*, dengan izin, terlalu beria-ia mempertahankan penjenayah. Tetapi sekiranya berlaku isu yang sama terhadap pegawai keselamatan kita mereka ini seolah-olah pekak telinga dan buta matanya dalam mempertahankan nasib pegawai keselamatan kita. Malah kita semakin pelik terdapat sebilangan pemimpin pembangkang dalam negara kita yang pergi ke negara jiran dan menceritakan keburukan negara sendiri seolah-olah mereka ini menidakkan kemakmuran negara sendiri. Sedangkan kita sedia maklum, bahawa kemakmuran ekonomi negara pada asasnya dilihat daripada kemakmuran sejagat masyarakatnya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga ingin menarik perhatian kepada ketegasan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) dalam mempraktikkan dan menguatkuasakan undang-undang berkaitan multimedia dan komunikasi. Dewasa ini alam maya membuka ruang perhubungan tanpa had pada setiap rakyat. Dalam tanggapan penilaian peribadi dituntut untuk mentafsir dan menilai ketulusan penyampaian dalam alam siber. Namun tanggapan tersebut amat longgar. Hari ini kita lihat alam siber dan perhubungan multimedia digunakan oleh setengah pihak menabur fitnah, bermain dengan spekulasi, mengaibkan setengah pihak malah menimbulkan kebencian dan permusuhan melalui ideo yang disampaikan. Dalam membiakkan fitnah dan spekulasi terutamanya dalam laman sosial dan blog penulisan, apa yang disampaikan ada kalanya diterima bulat-bulat oleh pihak lain. Inilah baran sebenar kepada perpaduan dan kemakmuran negara bahkan terdapat setengah pihak yang memuat naik foto dan rakaman yang mengaibkan orang lain tanpa rasa bersalah. Persoalan ini bukan sahaja memerlukan kesedaran sendiri tapi sebaiknya kita

perlu ada satu mekanisme yang dapat membendung isu ini. Pokoknya penguatkuasaan undang-undang terhadap pelaku sosial ini dapat memberi amaran berkesan kepada pihak lain. Justeru itu, SKMM perlu menilai peruntukan undang-undang yang sedia ada dan saya cukup yakin penguatkuasaannya akan memberi impak yang baik terutamanya dalam perhubungan alam maya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sebagai pemimpin tempatan saya ingin membawa satu isu yang wajar kita perhalusi dan kita tangani bersama. Hari ini kita lihat bukan sekadar dasar Kerajaan dalam pembangunan negeri dan negara yang cuba diperkotak-katikkan malah Perlembagaan Negara yang menjadi doktrin kita lebih selama lebih 50 tahun mula dipersoalkan. Kita sedia maklum, dan selama ini pun kita berpegang teguh kepada Perlembagaan Negara, persoalannya kenapa selama ini isu agama Islam yang telah diiktiraf sebagai Agama Persekutuan Malaysia tidak dipertikaikan. Mengapa dan kenapa baru-baru ini, inti pati doktrin Perlembagaan Negara ini dicabar. Malah baru-baru ini segelintir rakyat Malaysia dengan restu setengah pemimpin dengan gabungan NGO Hak Asasi Manusia Malaysia CONMANGO membawa isu kalimah Allah ke sesi tindakan berkala sejagat sempena majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Geneva. Tindak tanduk mereka ini mula membakar jiwa kita. Adakah mereka sedar bahawa tindakan ini akan menyemarakkan lagi api perkauman dan sensitiviti agama. Apatah lagi, keputusan mahkamah menetapkan bahawa kalimah Allah adalah hak eksklusif umat Islam. Kelompok ini cuba mencabar Perlembagaan Negara Artikel 18 dan mendesak Malaysia menandatangani perjanjian Antarabangsa tentang hak-hak awam dan politik. Mereka dengan penuh bongkak menyatakan Perlembagaan yang sedia ada hari ini sudah lapuk dan tidak relevan. Pernahkah mereka terfikir yang selama ini mereka hidup dengan kelompok harmoni hanya kerana pemahaman kita terhadap Perlembagaan Negara yang perlu kita dakap erat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin mengembalikan perhatian sidang Dewan yang mulia ke atas isu setempat dalam DUN Tenang. Saya lebih gemar menyatakan isu tersebut pada aspek pembangunan dalam DUN Tenang dan saya ingin mengetengahkan 4 perkara dalam pembangunan DUN iaitu pembangunan infrastruktur, pembangunan pendidikan dan latihan, pembangunan belia dan pembangunan eko pelancongan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam pembangunan infrastruktur saya ingin membawa perhatian sidang Dewan yang mulia ini, terutama kepada pihak yang berkenaan, berkaitan kuarters Kesihatan lama di Labis. Kuarters ini suatu masa dahulu diperuntukkan kepada kakitangan Klinik Kesihatan Labis. Tetapi pada hari ini kuarters tersebut terbiar tanpa ada pemuliharaan dan penambahbaikan infrastruktur. Pada tanggapan saya kita perlu ada satu langkah atau pelan yang berkesan untuk mengatasi masalah bangunan Kerajaan yang terbiar. Kita tidak mahu melihat kemudahan disediakan oleh Kerajaan akhirnya menjadi liabiliti kepada Kerajaan. Selain itu juga saya tujukan kepada pihak berkenaan berkaitan dengan pembinaan jalan raya yang menghubungkan FELDA Redong ke FELDA Selancar. Untuk makluman projek pembinaan jalan raya ini telah menadapa' kelulusan dan telah pun berjalan. Namun atas masalah yang ditimbulkan oleh pihak kontraktor, projek ini telah terbengkalai walaupun statusnya lebih 10% siap. Pada mata kaca saya, projek ini tertangguh lebih lima tahun. Sebenarnya kegagalan menyiapkan projek bukan sahaja menjadi liabiliti kepada Kerajaan dan mendatangkan impak buruk malah

menyusahkan pengguna jalan tersebut yang rata-ratanya penduduk Perkampungan Asli Segamat Kecil di tambah pula dengan situasi sekarang ini yang memperlihatkan jumlah taburan hujan yang kerap menyebabkan jalan yang terbengkalai semakin teruk apabila didapati tebing runtuh, lopak air yang dalam, laluan terputus, keadaan jalan yang sangat lecak. Isu ini menjadi rungutan dan kesusahan kepada penduduk yang sebelum ini kurang mereka hadapi apabila menggunakan jalan lama. Saya amat mengharapkan agar isu pembangunan ini bukan sahaja diberi perhatian tapi...

Y.B. Datuk Speaker : Tenang.

Y.B. Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim (Tenang) : Ya, tindakan segera untuk diberi perhatian kerana saya yakin dan percaya bahawa apabila siap ia akan memendekkan lagi hubungan antara Negeri Johor dan Negeri Pahang.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pembangunan seterusnya iaitu Pendidikan Latihan. Saya percaya, bagi setiap kali sidang DUN saya akan terus membawa isu pendidikan dari DUN Tenang ini. Saya ingin membawa suara hati rakyat berkaitan pembinaan Pusat Pendidikan Tinggi, saya yakin sidang Dewan telah maklum bahawa keperluan pembinaan sebuah Kolej Komuniti di Labis masih bukan keperluan yang utama, namun atas kesedaran dan kehendak akar umbi saya percaya keperluan sebuah cawangan Kolej Komuniti wajar didirikan di Parlimen Labis dengan kapasiti penduduk yang tinggi maka keperluan pembinaan cawangan Kolej Komuniti wajar dijadikan satu pembangunan dalam DUN Tenang. Saya difahamkan untuk, keperluan untuk membina sebuah Kolej Komuniti memerlukan penggunaan bangunan atau premis Kerajaan. Di sini saya mencadangkan satu Kuarters Pendidik Labis yang terletak bersebelahan di Sekolah Menengah Kamarul Arifin yang tidak digunakan, dicadangkan di buat Kolej Komuniti tersebut. Yang Berhormat Dato' Speaker seterusnya.

Y.B. Datuk Speaker : Tenang.

Y.B. Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim (Tenang) : Bangunan Belia, sedikit je. Berkaitan pembinaan sebuah Kompleks Belia dan Sukan di kawasan Bukit Mambai dan merupakan kawasan terletak di pinggir jalan utama yang mempunyai keluasan yang terbaik dalam pembinaan kompleks. Di minta pihak Kerajaan yang telah merizabkan sebahagian tanah di Bukit Mambai sebagai tapak Kompleks Belia dan Sukan. Akhir sekali berkenaan dengan pembangunan ekopelancongan jugalah. Saya mencadangkan Kampung Tenang, satu tradisional Kampung Melayu agar dicadangkan menjadi satu pembangunan pelancongan kerana terdapat banyak tempat-tempat untuk daya tarikan seperti di puncak gunung, di kolam air panas, air terjun dan juga untuk penggemar buah-buahan tempatan di sana selaras dengan sebuah satu kampung yang tradisi. Dan akhir sekali Yang Berhormat Datuk Speaker, tentang Empangan Hulu Juasih iaitu Sebuah empangan merupakan sumber utama air bagi penduduk di Daerah Segamat dan Labis. Tapi baru-baru ini satu tragedi bot karam di mana lapan atau sembilan orang telah terjatuh di dalam air yang terlalu dalam. Salah seorangnya telah lemas. Di minta pihak JPS sebagai salah satu badan untuk mengawal daripada pencerobohan. Kita akui masyarakat Orang Asli di Hulu Juasih menggunakan sebagai laluan tikus untuk mereka berenang ataupun menangkap ikan tetapi saya harap agar pihak berkuasa dapat membuat tindakan

kerana kita tidak mahu perkara tersebut menimbulkan satu tragedi kepada mereka-mereka di kawasan sekitar tersebut.

Y.B. Datuk Speaker : Okay.

Y.B. Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim (Tenang) : Dengan ini, saya Tenang menyokong usul rombongan yang dibawa oleh Yang Berhormat Rengit. Sekian, Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Terima kasih.

Y.B. Datuk Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Tenang. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Bukit Batu .

Y.B. Encik Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) : Terima kasih Dato' Speaker. Yang Berhormat Datuk Speaker, dahulu izinkan saya ucap tahniah kepada Kerajaan Negeri Johor kerana berjaya membentangkan satu bajet *surplus* sebanyak RM2.024 juta. Walaupun nilai *surplus* ini hanya merangkumi hampir 0.2 keseluruhan bajet tetapi prestasi ini pun sudahlah lebih cemerlang daripada Bajet Kerajaan Pusat Persekutuan yang berada di dalam tahap defisit untuk 16 tahun dekad berturut-turut.

Walau bagaimanapun, Yang Berhormat Datuk Speaker, kedudukan kewangan Kerajaan Negeri yang memuaskan tidak bermakna kedudukan kewangan rakyat Johor juga seelok. Yang Berhormat Datuk Speaker, kos hidup rakyat Johor terutamanya di Johor Selatan adalah amat tinggi. Bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar ini, bagi saya hanya setakat menggambarkan realiti sebenar keadaan ekonomi di Johor iaitu dengan izin "*A Rich Johor but poor Johorean*". Senang kata bapak kaya, anak miskin. Mengapa saya berkata demikian Yang Berhormat Datuk Speaker,

Satu, tarif air di Negeri Johor seperti yang sedia maklum adalah yang tertinggi di seluruh Malaysia. Untuk 35 meter padu air terawat seorang pengguna di Pulau Pinang hanya perlu membayar RM10.70 atau purata 0.31 sen setiap liter manakala di Johor, anak Johor sini terpaksa membayar RM36.75 atau purata RM1.05 untuk setiap liter air yang sama. Perbezaannya, jurangnya adalah 338% Yang Berhormat Datuk Speaker. Untuk air mentah pula Yang Berhormat Dato' Speaker, kami guna 500 meter padu atau 500,000 liter air sebagai *bench mark*. Orang Sabah hanya perlu membayar purata RM0.90 setiap liter manakala di Johor, harga air untuk kuantiti yang sama melambung ke purata RM2.94 setiap liter. Perbezaannya adalah 326% yang Berhormat Datuk Speaker. Air merupakan khazanah semula jadi yang dikurniakan kepada semua orang. Air juga merupakan satu keperluan asasi kehidupan harian kami. Harga air yang melampau tinggi ini memberatkan beban setiap keluarga di Tanah Johor ini terutamanya golongan bawahan. Air mentah juga amat diperlukan dalam proses pertanian dan perindustrian. Harga air mentah yang tinggi akan menaikkan kos perniagaan dan menjejaskan daya saingan Negeri Johor dengan negeri-negeri lain. Bukit Batu harap Kerajaan akan menimbangkan penderitaan rakyat Johor yang terpaksa membayar bil air yang begitu tinggi. Alasan-alasan yang diberi oleh EXCO tadi dalam sesi soal jawab, saya susah nak terima. Bagi Bukit Batu, negeri-negeri lain pun menghadapi masalah dan isu yang sama. Misalnya tarif elektrik, saya percaya negeri-negeri lain seperti Pahang, Melaka, Selangor, Pulau Pinang juga adalah sama dengan Johor. Kalaulah katakan kepadatan penduduk dan landskap bumi akan menaikkan kos air, saya rasa kepadatan penduduk dan landskap bumi di Sabah dan

Sarawak lebih mencabar tetapi Sabah mempunyai harga air mentah yang terendah di Malaysia, Yang Berhormat Datuk Speaker. Dan untuk air terawat pun tidak setinggi seperti Johor. Bagi saya, bagi Bukit Batu kalaulah isu ini dinilaikan, kalau Johor tinggi sedikit saya boleh terima tetapi bila jurang adalah 300 lebih peratus susahlah Bukit Batu nak menerima alasan ini. Bukit Batu juga harap Kerajaan boleh memberi pengesahan bukan setakat penjelasan. Pengesahan di Dewan hari ini sama ada tarif air terawat dan air mentah akan naik pada tahun depan atau masa yang terdekat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam Bajet Johor 2014 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, telah dimaklumkan bahawa rebat air untuk golongan miskin akan diperluaskan lagi daripada penggunaan 20 kepada 30 meter padu. Walaupun polisi ini seolah-olah akan memberi bantuan kepada ramai pengguna air tetapi secara realistiknya impak polisi ini adalah minima kerana kebanyakan pengguna air di Johor tidak terjatuh di dalam golongan miskin dan miskin tegar ini dan sistem pelaksanaan pembayaran rebat ini memerlukan pendaftaran sendiri. Saya telah memanggil SAJ, mereka telah memberi penjelasan, orang yang nak minta rebat air ini, dia perlu sendiri pergi ke Pejabat SAJ, isi borang lepas itu SAJ akan menuju ke Pegawai Daerah dan JKM, baru dia akan membenarkan permohonan ini. Bagi saya sistem ini mempunyai masalah, kerana SAJ dia ada sistem atau mekanisme untuk mengenal pasti pengguna yang layak mendapat rebat tanpa permohonan tersebut. Untuk menyokong hujah saya, berdasarkan kepada *Star Online* pada 22 Ogos tahun ini, EXCO berkenaan telah dilaporkan di dalam media bahawa setakat Ogos tahun ini hanya terdapat 825 akaun pengguna air, 825 sahaja yang menikmati rebat air sejak insentif ini diperkenalkan pada November 2010 Yang Berhormat Datuk Speaker.

Yang Berhormat Dato' Speaker, terdapat hampir 1.5 juta akaun pengguna air di Johor dan ini bermakna hanya setakat 0.055% golongan sasar yang menikmati rebat air ini. Secara keseluruhannya harga untuk 35 padu air terawat di Johor adalah RM36.75. Ini bermakna Kerajaan hanya perlu menanggung maksimum RM30,318.75 sebulan untuk membiayai rebat insentif air kepada golongan miskin dan miskin tegar ini. Memandangkan hampir 1/3 air pengguna di Johor adalah di bawah RM20.00, Bukit Batu rasa kemungkinan besar Kerajaan pun tidak perlu menanggung kos setinggi itu. Sekiranya Kerajaan Negeri benar-benar ada prihatin kepada rakyat Johor adalah sesuai pada pandangan saya sekiranya pemberian rebat air ini diberikan kepada semua rakyat Johor seperti yang diimplementasikan di Negeri Selangor tanpa pendaftaran kerana ramai rakyat Johor yang berada di golongan pendapatan rendah dan sederhana juga memerlukan bantuan Kerajaan. Pemberian air keseluruhan akan menjimatkan masa dari segi birokrasi dan impak dan kesan adalah maksimum.

Yang Berhormat Datuk Speaker, telah dimaklumkan oleh pihak IRDA atau Iskandar Region Development Authority dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri bahawa setakat akhir Oktober 2013, Wilayah Iskandar telah berjaya mendapat pelaburan sebanyak RM129.4 bilion sejak penubuhannya pada tahun 2006. Ini bermakna pelaburan di Wilayah Iskandar Malaysia adalah secara purata RM20 bilion setahun. Ini merupakan satu pencapaian yang saya cukup bangga. Memandangkan Bajet Johor setahun pun hanya RM1 bilion sahaja.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri perlu mengambil tindakan yang tegas untuk memastikan rakyat Johor mendapat manfaat daripada kejayaan Iskandar Malaysia.

Yang Berhormat Datuk Speaker, syarikat-syarikat Johor perlu diutamakan dalam pembangunan dan pembinaan infrastruktur di Iskandar Malaysia. Kerajaan dikehendaki memastikan peluang kerja sentiasa ada untuk anak-anak Johor dan bukan sekadar kerja manual tetapi lebih bertumpu kepada kerja-kerja di peringkat pengurusan dan pentadbiran. Kejayaan Iskandar Malaysia mesti dinikmati semua dan salah satu kaedah adalah melalui *Corporate Social Responsibly Program*, dengan izin. Malangnya selepas 6 tahun tidak banyak diketahui apa program *CSI* yang dijalankan oleh IRDA. Sememangnya dalam Bajet, nama IRDA langsung tidak disebut dalam fokus memastikan Tanggungjawab Sosial Korporat. Yang ada sebut JCorp, YPJ tetapi IRDA langsung tidak disebut. Yang Berhormat Datuk Speaker, untuk maklumat Dewan ini, di bawah Seksyen 37 Akta Pihak Berkuasa Pembangunan Wilayah Iskandar 2006, pihak berkuasa hendaklah menubuhkan dan menguruskan satu kumpulan wang yang dikenali sebagai Kumpulan Wang Projek Sosial. Juga dinyatakan di dalam Seksyen 32(3) Akta tersebut Kumpulan Wang Projek Sosial hendaklah dibelanjakan bagi projek dan skim bagi manfaat am komuniti berhubungan dengan pembangunan sosial. Pada sidang terakhir Bukit Batu telah mendapat jawapan bertulis daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar berkenaan dengan jumlah pungutan atau kutipan Kumpulan Wang Projek ini di mana Menteri Besar telah menjawab IRDA telah mengutip RM50 juta sekali gus untuk Kumpulan Wang Projek sejak tahun 2006. Bukit Batu rasa kutipan ini adalah terlalu rendah sekiranya dibandingkan dengan jumlah laburan RM129.4 bilion. Hanya sekadar 0.038% jumlah laburan. Bagi saya, Kerajaan telah gagal memastikan kepentingan rakyat Johor dipertahankan. Apa guna kami dengar angka laburan berbillion, bilion ringgit jika tidak membawa apa-apa manfaat positif kepada rakyat biasa. Bukit Batu cadangkan Kerajaan memperkuatkuasakan lagi Kutipan Wang Projek Sosial dengan segera untuk membiayai program air percuma untuk semua rakyat Johor setidak-tidak pun kita mula dengan 10 meter padu.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Bukit Batu, gulung.

Y.B. Encik Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) : Sikit lagi Datuk. Sektor Pelancongan mempunyai potensi yang cukup besar untuk menjadi salah satu sektor pendapatan utama Negeri Johor. Perkembangan sektor pelancongan juga boleh membantu menyebarkan warisan dan sejarah Negeri Johor kepada pelawat luar negeri.

Kerajaan telah memperuntukkan RM4.5 juta kepada Jawatankuasa Pelancongan Perdagangan dan Kepenggunaan Negeri Johor untuk membangunkan sektor pelancongan di Negeri Johor. Bukit Batu rasa ini, jumlah ini hanya merangkumi 1.25% daripada keseluruhan perbelanjaan pembangunan 2014. Saya rasa jumlah ini terlalu rendah dan seolah-olah menunjukkan dengan izin, *lack of ambition and political will* daripada Kerajaan Negeri untuk membangunkan sektor pelancongan.

Adalah dimaklumi oleh EXCO Pelancongan sendiri di media bahawa pada tahun 2012, jumlah pelawat yang masuk ke Malaysia melalui Johor adalah 22.2 juta orang. Dan daripada jumlah ini 3.95 ribu juta pelawat ada singgah dan belanja di Johor. Justeru hanya 18% sahaja daripada pelawat yang masuk ke Malaysia melalui Johor adalah pelancong Negeri Johor. Dan Negeri Johor ini seolah-olah hanya satu *transit point* sahaja Yang Berhormat Datuk Speaker. Bukit Batu rasa angka pelawat ini adalah tidak memuaskan. Ini bukan satu pencapaian yang boleh dibanggakan. Sasaran Kerajaan Negeri mestilah lebih tinggi daripada 18%. Kalau diizinkan, Bukit Batu harap 100% pelawat yang masuk ke Malaysia, singgah dan belanja di Johor juga.

Untuk memesatkan sektor pelancongan di Johor, Kerajaan tidak boleh bergantung sekadar kepada infrastruktur yang sedia ada. Untuk memastikan Johor dapat tarik pelancong dari luar negeri seperti China, Asia Tengah dan lain-lain negara, adalah *imperative* Lapangan Terbang Antarabangsa Senai dinaiktarafkan untuk menampung keperluan pelawat-pelawat ini. Ramai baru perlu dibina yang dapat menyambut kapal terbang yang lebih moden dan besar seperti Airbus A380. Tanpa lapangan terbang yang canggih dan moden, adalah sukar untuk menarik pelancong-pelancong baru dari luar negara.

Y.B. Datuk Speaker : Okay, Bukit Batu.

Y.B. Encik Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) : Sikit aje Datuk Speaker. Datuk Speaker, Kerajaan bukan sahaja perlu memastikan kedudukan kewangan negeri adalah mantap, tetapi juga adalah bertanggungjawab Kerajaan untuk menunjukkan kepada rakyat bahawa kesemua urusan kewangan Kerajaan adalah telus dan *accountable*. Bukit Batu ingin menarik perhatian Datuk Speaker bahawa Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Kulai (MPKU) tidak dibentangkan dalam sesi sidang bajet ini. Kerajaan atau EXCO berkenaan perlu memberi satu penjelasan munasabah kepada Dewan ini, kenapa penduduk Kulaijaya tidak diberi hak untuk memeriksa bajet, penyata kewangan MPKU. Isu tempatan Datuk Speaker.

Yang Berhormat Datuk Speaker, akhir sekali Bukit Batu mengalu-alukan tindakan Kerajaan Negeri untuk mengehadkan pemberian hartanah di Johor oleh rakyat asing. Tetapi Bukit Batu juga khuatir, adakah dengan kenaikan harga minima hartanah yang dibeli oleh orang asing daripada RM500,000 kepada RM1 juta akan mengakibatkan pemaju-pemaju terus membina rumah yang lebih daripada RM1 juta, kerana pasaran jualan adalah lebih luas. Sekiranya fenomena ini terjadi, apakah langkah-langkah yang telah diambil secara tidak sengaja menjadi kaunter produktif? Diharap Kerajaan membuat penyelidikan terhadap isu ini dan memperkenalkan mekanisme yang dapat memastikan pemaju tidak menaikkan harga hartanah sewenang-wenangnya.

Bukit Batu juga ingin menarik perhatian Yang Berhormat ,Datuk Speaker bahawa di DUN Bukit Batu, kami tak ada Pejabat Pos. Orang di Bukit Batu di Batu 33 untuk mengirim satu surat terpaksa pergi ke Bandar Kulai untuk mengirim satu surat. Jalan ulang balik 26 batu. Ini merupakan satu tragedi bagi saya, pembaziran masa dan tenaga. Bagi saya, saya telah menulis surat kepada Kementerian Penerangan dan juga kepada EXCO berkenaan di Johor, tapi malangnya dua surat pergi, satu pun tak balas. Diharap EXCO berkenaan akan boleh tolong rakyat di DUN Bukit Batu untuk mendapatkan satu Pejabat Pos.

Dengan itu sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Dewan ini dan Yang Berhormat Datuk Speaker kerana membenarkan saya membahas dalam rundingan ini. Sekian, terima kasih.

Y.B. Datuk Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Bukit Batu. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Senai.

Y.B. Cik Wong Shu Qi (Senai) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Terlebih dahulu, Senai ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri

Besar kerana telah membentangkan Belanjawan Negeri Johor buat pertama kali beliau, sejak beliau menjadi Menteri Besar Negeri Johor. Namun, Senai di Persidangan hari ini amat khuatir sekiranya belanjawan ini tidak mengambil kira isu-isu yang akan membawa kesan negatif kepada rakyat Johor. Menurut banci tahun 2010, Negeri Johor mempunyai populasi penduduk bandar seramai 72%. Maksudnya, lebih ramai penduduk yang bekerja dan hidup dalam kawasan bandar berbanding penduduk yang hidup di luar bandar. Oleh itu, kemiskinan bandar adalah antara isu yang menjadi semakin penting hari ini. Golongan miskin di bandar tidak semestinya miskin tegar. Semakin ramai orang miskin pada hari ini mempunyai pekerjaan tetapi pendapatan mereka tidak mencukupi.

Golongan miskin bandar rajin bekerja. Ada yang bekerja waktu siang di kilang dan waktu malam sebagai pengawal kawasan perumahan demi mengatasi kos sara hidup yang tinggi. Senai rasa agak pelik melihat Kerajaan Barisan Nasional di Negeri Johor, berjanji untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi rakyat dalam Belanjawan 2014 tetapi Kerajaan Persekutuan memansuhkan subsidi gula, naik harga petrol dan melancarkan GST.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sebanyak 60% keluarga Malaysia berpendapatan bulanan di bawah RM3,000.00, manakala 40% keluarga hidup dengan pendapatan RM1,500.00 tiap-tiap bulan sahaja. Dalam negeri kita, Negeri Johor, 36.8% keluarga berpendapatan bulanan di bawah RM3,000.00, manakala 31.9% isi rumah yang duduk dalam bandar serta 51.6% isi rumah luar bandar berpendapatan bulanan di bawah RM3,000.00. Jika mengikut definisi terbaru, Bantuan Rakyat 1Malaysia, isi rumah yang berpendapatan RM4,000.00 di bawah berhak memohon bantuan tersebut. Maksudnya sebanyak 51% isi rumah bandar dan sebanyak 70.7% isi rumah luar bandar di Negeri Johor tergolong dalam kalangan rakyat yang memerlukan bantuan, sungguh pun Kerajaan akan memberi lebih banyak bantuan tunai kepada golongan miskin. Cara ini adalah penyelesaian jangka pendek semata-mata. Tidak mungkin bantuan tunai dapat menyelamatkan golongan miskin daripada perangkap pendapatan rendah kerana punca masalah yang sebenar dipandang ringan oleh Kerajaan.

Untuk menyelesaikan masalah kos sara hidup yang dihadapi rakyat Johor, Senai ingin mengingatkan bahawa kita antara lain seharusnya menambah baik sistem pengangkutan awam dan mengurangkan pergantungan kepada kenderaan persendirian. Menurut statistik tahun 2012, sebanyak 22,702,221 kenderaan berdaftar dalam sistem JPJ. Senai merasa hairan bukan sahaja kerana Johor mempunyai sebanyak 1,312,016 buah kereta berdaftar di JPJ. Tetapi Johor mempunyai paling banyak motosikal di seluruh negara berjumlah 1,574,475. Benarkah rakyat Johor semakin kaya sehingga mampu untuk membeli lebih banyak kenderaan persendirian. Jawapannya, kerana perkhidmatan pengangkutan awam kita sangat teruk sampaikan setiap keluarga terpaksa mempunyai sekurang-kurangnya satu kenderaan sendiri.

Yang Berhormat Datuk Speaker, jangan lupa statistik yang telah Senai sebut tadi. Sebanyak 51% isi rumah bandar dan 70.7% isi rumah luar bandar di Negeri Johor adalah dalam golongan yang perlu dibantu dengan bantuan tunai. Siapa yang termasuk dalam golongan ini? Mereka adalah isi rumah muda khususnya isi rumah

Melayu. Orang yang bekerja rajin tetapi tidak dapat berhubungan rapat dengan parti-parti politik yang pandai mengagih kekayaan melalui kontrak Kerajaan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sudah Malaysia merdeka sepanjang 56 tahun. Sudahlah Barisan Nasional mentadbirkan negeri kita, Negeri Johor dan negara kita Malaysia 56 tahun. Mana pihak yang bertanggungjawab? Siapa yang kena yang menjadi kesukaran? Golongan Melayu, golongan muda yang menghadapi hari ini. Orang muda bekerja terpaksa membeli kenderaan kerana susah untuk mereka menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam. Jadi pendapatan boleh guna bulanan dikurangkan sebab mereka kena bayar pinjaman bank. Bayangkanlah satu isi rumah yang berpendapatan di bawah RM3,000.00 terpaksa bayar pinjaman wang untuk kereta, walaupun kereta kecil sahaja, mungkin pakai Kancil sahaja, Viva sahaja, pun kena membayar sekurang-kurangnya RM400.00 tiap-tiap bulan. Tambah lagi susu tepung untuk kanak-kanak, petrol, makanan dan pinjaman perumahan. Berapa lagi mereka ada untuk simpanan, yang ramai mereka dalam golongan yang bekerja tapi berpendapatan rendah, tak ada simpanan pun. Orang yang lebih berkemampuan membeli kereta, orang yang kurang berkemampuan terpaksa pakai motosikal kecil. Tetapi melihat pada penyelenggaraan jalan raya yang kita ada sekarang, jalan berlubang di sini, sana, nyawa dan keselamatan rakyat terus bergantung kepada nasib sahaja. Contohnya dua minggu lalu, seorang anak muda dalam kawasan saya, masuk hospital kerana jatuh dari motosikal apabila beliau berlanggar satu lubang besar di tengah jalan. Tidak kira berapa kali menurap jalan raya, lubang di jalan raya masih ada.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Senai ingin menekan di sini bahawa dari bulan Mei hingga Oktober, sebanyak 42 kes aduan mengenai lubang jalan raya di kawasan Senai telah di salur kepada Pihak Berkuasa Tempatan oleh pejabat saya. Berapa kes aduan yang telah diselesaikan? 7 kes sahaja. Ada lagi 35 kes belum diselesaikan. Masalah selanjutnya, bukan sahaja nyawa rakyat terancam kerana terpaksa menggunakan motosikal dalam keadaan jalan raya yang teruk, malah harus juga mengambil kira masalah kesesakan lalu lintas. Semakin banyak kenderaan persendirian, semakin teruklah kesesakan lalu lintas tiap-tiap hari, khususnya waktu pagi dan petang di mana orang ramai, ramai orang pergi kerja dan balik rumah.

Kawasan Senai adalah contoh yang paling baik untuk menggambarkan masalah ini. Setiap pagi kereta yang menuju ke arah Johor Bahru akan sesak di hadapan Perhentian Bas Pekan Senai. Tempat yang sama akan sesak satu kali lagi pada waktu petang kerana pekerja dalam kawasan industri Senai pulang ke rumah. Tambahan pulak dari Kampung Baru Saleng sampai ke Taman Tropika di Batu 23 Kulaijaya, itu kawasan Yang Berhormat Bukit Batu, kita ada 12 lampu isyarat sepanjang 9.3 kilometer perjalanan. Bayangkanlah, apa yang akan berlaku pada waktu pagi dan petang apabila orang ramai pergi kerja dan balik rumah. Kulaijaya dan Senai tidak pernah menghadapi kesesakan lalu lintas semacam ini sepuluh tahun yang lalu. Saya tidak menafikan bahawa populasi Kulaijaya dan Senai kian bertambah dan berkembang pantas. Terlalu banyak kawasan perumahan di maju sampai saya sendiri hampir tidak mengenali kampung saya. Walau bagaimanapun, kita mesti melihat kepada rancangan pembangunan sekarang dan tertanya adakah sistem pengangkutan awam menghubungkan kawasan perumahan yang terletak di kawasan yang lebih dalam menuju ke jalan utama? Bolehkah penduduk-penduduk tinggal di kawasan flat

dan rumah kos rendah menaiki bas komuniti Iskandar atau Trans Iskandar dengan mudah.

Y.B. Datuk Speaker : Ok. Gulung.

Y.B. Cik Wong Shu Qi (Senai) : Selain daripada itu. Senai...

Y.B. Datuk Speaker : Sila gulung Senai.

Y.B. Cik Wong Shu Qi (Senai) : Satu minit lagi. Selain daripada itu, Senai ingin tanya kepada pihak berkenaan juga, apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan kesesakan jalan raya Senai dan Kulaijaya?

Yang Berhormat Datuk Speaker, jika Kerajaan Negeri ingin meringankan beban rakyat, ia seharusnya melancarkan perkhidmatan bas komuniti yang menghubungkan kawasan perumahan ke jalan utama. Penumpang tidak perlu risau cuaca buruk yang merisaukan berjalan kaki ke jalan utama untuk menaiki bas selain daripada risaukan isu keselamatan.

Sistem pengangkutan awam yang kurang efisien dan jaringan bas yang tidak mencukupi adalah punca utama orang miskin terpaksa meminjam wang dan membeli kereta terpakai atau motosikal walau pun mereka tidak berkemampuan. Namun, apakah yang lebih teruk daripada situasi sekarang? Orang miskin yang terpaksa membeli kenderaan persendirian juga terpaksa bayar cukai GST apabila GST dilancarkan pada tahun 2015.

Langkah Kerajaan Negeri untuk meringan beban anak bangsa Johor adalah langkah wajar dipuji. Namun, ia harus seiring dengan tindakan yang mesti terpijak bumi nyata. Adalah amat merisaukan apabila kita memikirkan bahawa selepas puluhan tahun negara telah merdeka. Masih begitu ramai anak bangsa yang melarat. Sekian, terima kasih.

Y.B. Datuk Speaker : Terima kasih Senai. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Bekok.

Y.B. Encik Lim Eng Guan (Bekok) : Terima kasih, Yang Berhormat Datuk Speaker. Salam sejahtera. Bekok ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Datuk Speaker kerana sudi memberi peluang untuk memberikan ucapan kepada Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Bekok berasa sangat tidak berpuas hati dengan sistem pengangkutan awam di kawasan Labis. Pekan Bekok tidak disediakan dengan perkhidmatan bas awam malahan hanya sebuah teksi sahaja yang berkhidmat di Pekan Bekok. Walau pun pihak KTMB yang belas kasihan untuk berhenti di Stesen Bekok, tetapi tindakan ini adalah tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan penduduk tempatan. Lebih-lebih lagi jikalau penduduk tempatan atau pelanggan KTMB yang ingin membeli tiket lebih awal dari tarikh bertolak di Stesen Labis atau Bekok, ke Woodlands atau ke arah Selatan, maka pelanggan tersebut terpaksalah membeli tiket dari Stesen Segamat sehingga ke destinasi sektor selatan. Walau pun sememangnya kereta api tersebut berhenti di Stesen Labis atau Bekok. Bolehkah pihak berkenaan menjelaskan sebab. Sebabnya polisi tersebut dan bercadang untuk

mengadakan satu perundingan agar mendapatkan satu penyelesaian yang manfaat kepada setiap pihak masing-masing.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya pernah menemui sepasang warga emas yang menaiki kereta api nombor 1, Ekspres Rakyat dan baru balik dari Butterworth di Stesen Kereta Api Labis. Warga emas tersebut memberitahu saya bahawa mereka hendak menaiki kereta api nombor 9 untuk, 91 untuk balik ke rumahnya yang terletak di Pekan Bekok. Saya berasa hairan bahawa apa sebabnya warga emas tersebut tidak menaiki kereta api nombor 1 Ekspres Rakyat dan terus turun ke Stesen Kereta Api Bekok. Rupa-rupanya kereta api nombor 1 Ekspres Rakyat tidak berhenti di Stesen Kereta Api Bekok dan mereka terpaksa menunggu sehingga pukul 8.00 malam dari 6.15 untuk menaiki kereta api nombor 91 dan balik ke Pekan Bekok.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kedua-dua warga emas ini terpaksa menunggu di Stesen Labis selama 1 jam 45, minit semata-mata untuk berjalan balik ke Pekan Bekok yang memakan masa 18 minit sahaja. Mengapakah setiap kereta api yang melalui Bekok tidak berhenti di Stesen Kereta Api Bekok, sedangkan Pekan Bekok memang tidak disediakan dengan perkhidmatan bas awam dan teksi. Adakah keadaan ini bersesuaian dengan kata KTMB yang dilaungkan di dalam laman internetnya iaitu "Perubahan Demi Perubahan telah dilaksanakan untuk memberi perkhidmatan yang selesa dan selamat di dalam perjalan hingga destinasi pilihan anda dalam masa yang sesingkat mungkin". Masa yang menunggu bagi kedua-dua warga emas ini adalah hampir 6 kali ganda masa perjalanan yang diambil untuk bertolak dari Stesen Kereta api Labis ke Bekok. Adakah keadaan ini seperti yang dimaksudkan oleh pihak KTMB iaitu masa sesingkat mungkin.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Pekan Bekok bukan sebuah pulau yang dikelilingi oleh laut. Malangnya, sistem perkhidmatan pengangkutan awam yang tidak sempurna nampaknya telah mengakibatkan Pekan Bekok telah dipulaukan oleh masyarakat luaran dan menjadikan suatu tempat yang terpencil sehingga hanya segelintir orang yang mempunyai kenderaan sendiri yang sudi datang ke Pekan Bekok sahaja. Bagaimanakah untuk mengharapkan interaksi antara Pekan Bekok dengan luaran jika tiada sistem pengangkutan awam yang sempurna? Penduduk Bekok amat berhasrat agar Kerajaan Negeri Johor memberi perhatian terhadap masalah ini. Seperti yang disebutkan dalam ucapan Bajet Johor 2014 iaitu perkara 63, untuk menambah baik pengangkutan awam.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sistem pengangkutan yang sempurna memainkan peranan yang penting untuk memajukan sesuatu tempat kerana industri pelancongan di pekan Bekok tidak dapat berkembang dengan pesat dan salah satu sebabnya yang menyebabkan kekurangan interaksi antara pekan Bekok dengan masyarakat luaran adalah sistem pengangkutan awam yang tidak sempurna. Adakah pelancong yang sudi datang ke pekan Bekok dengan hanya satu pilihan pengangkutan awam iaitu kereta api yang hantar mereka sampai ke Stesen Kereta api Bekok sahaja tetapi tanpa perkhidmatan bas awam dan teksi. Yang dapat menghantar mereka ke tempat penginapan dan destinasi pelancongan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pihak berkuasa yang sentiasa melaungkan untuk memajukan industri pelancongan di Negeri Johor. Sila ambil perhatian supaya mempertimbangkan untuk memajukan sistem pengangkutan awam di pekan Bekok.

sementara memajukan industri pelancongan, ingatlah peribahasa yang diungkapkan "Ingin Hati Memandang Pulau, Sampan Ada Pengayuh Tiada". Jika tiada sistem pengangkutan awam yang sempurna dan memudahkan pergerakan orang awam, bagaimanakah pekan Bekok hendak menarikan pelancong-pelancong untuk melawat ke pekan Bekok? Walaupun pekan Bekok mempunyai kurniaan alam semula jadi yang cantik lagi menawan hati dan menghantar pelancong-pelancong untuk melawati di pekan Bekok. Jika pihak berkenaan semata-semata memajukan industri pelancongan di pekan Bekok tanpa mempertimbangkan untuk memperbaiki sistem pengangkutan awam di pekan Bekok, pastikan pihak berkenaan hanya melakukan kerja-kerja sia-sia dan tidak mencapai hasil yang diingini seolah-olah masuk angin keluar asap.

Yang Berhormat Datuk Speaker, menurut ulasan yang diberi dalam Memorandum Laporan Audit Negara 2012 terhadap perenggan 2.44 JPNJ mengalami kesukaran untuk menentukan sempadan sebenar had hutan lipur kerana tiada penunjuk tertentu sebagai panduan bagi melaksanakan pembangunan seperti pembinaan, kemudahan dan had sempadan aktiviti pengunjung yang dibenarkan di Hutan Lipur Sungai Batang, Bekok. Adakah pihak berkenaan telah menggariskan panduan bagi pelaksanaan pembangunan di Hutan Lipur Sungai Batang. Sila menerangkan panduan tersebut dan tarikh jangkaan persiapan pembinaan kemudahan di kawasan tersebut.

Kemudahan awam yang tidak lengkap pastilah akan meninggalkan imej yang tidak baik kepada pelancong-pelancong. Siapakah yang akan sudi datang untuk mengunjung ke tempat tersebut sekali lagi jika kawasan tersebut tidak disediakan dengan kemudahan yang lengkap sehingga memudaratkan pelancong-pelancong.

Y.B. Datuk Speaker : Sila gulung, Bekok.

Y.B. Encik Lim Eng Guan (Bekok) : Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam perkara 74, ucapan Bajet Johor 2014 menunjukkan bahawa jalan raya yang baik adalah penghubung yang penting kepada penauduk luar bandar dan merupakan nadi kepada aktiviti ekonomi dan kesejahteraan kehidupan di desa. Jelas sekali Bekok ingin mengeluarkan pendapat untuk membinakan sebatang jalan raya sejauh 10 hingga 15 kilometer yang menghubung pekan Bekok dengan pekan Paloh untuk memajukan dan mempercepatkan pembangunan ekonomi di kedua-dua daerah Segamat dan Kluang. Tambahan pula cadangan tersebut dapat menarikan lebih ramai pelancong ke Taman Negara yang pintu masuknya berhampiran dengan kampung Orang Asli dan memudahkan penghuni-penghuni di kedua-dua mukim Bekok dan Paloh untuk berkomunikasi.

Y.B. Datuk Speaker : Ok, gulung.

Y.B. Encik Lim Eng Guan (Bekok) : Yang Berhormat Datuk Speaker, di sepanjang jalan Yong Peng-Segamat, terdapat banyak ancaman yang sukar disedari oleh pengguna jalan raya. Jalan tersebut adalah tidak rata dan terdapat banyak bahagian yang berlubang yang sukar disedari oleh pengguna jalan raya terutamanya pada waktu malam yang gelap. Selain itu, terdapat beberapa jambatan berkembar yang membahayakan di sepanjang jalan ini. Banyak kes kemalangan yang telah dilaporkan kerana pembina jalan raya tidak sempat untuk mengelakkan tembok jambatan berkembar di antara dua jalan raya sehingga melanggarinya. Saya berhasrat agar

Kerajaan Negeri Johor mengingat-ingat akan cadangan nasihat dan pengajaran yang diberikan daripada orang awam. Dan kes kemalangan jalan raya yang telah berlaku janganlah bertindak seakan-akan masuk telinga kanan, keluar telinga kiri pula.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sejak saya menjadi ADUN Bekok saya telah menerima banyak aduan yang berkaitan dengan masalah longkang. Selepas saya membuat siasatan tentang aduan yang diterima, saya dapati bahawa kebanyakan masalah longkang ini adalah disebabkan oleh keruntuhan dan kesumbatan longkang kerana penyelenggaraan longkang yang kurang memuaskan. Kebanyakan fokus dalam ucapan Bajet 2014 adalah terhadap penyataan peruntukan penyelenggaraan jalan-jalan kampung. Bagaimanakah pula dengan peruntukan penyelenggaraan longkang-longkang kampung-kampung dan pekan-pekan.

Y.B. Datuk Speaker : Ok, Bekok.

Y.B. Encik Lim Eng Guan (Bekok) : Sikit lagi, sikit lagi. Yang Berhormat Datuk Speaker, Kerajaan Negeri bercadang untuk meletakan aset jalur lebar di pusat komuniti kerana yakin bahawa jurang antara bandar dan luar bandar dapat dikurangkan melalui penyediaan aset jalur lebar di luar bandar serta meningkatkan kelajuan kepada 1 mega bit sesaat. Bolehkah pihak berkenaan menyenaraikan tempat pusat komuniti tersebut? Adakah tempat ini termasuk dalam kawasan Bekok? Siapakah dan berapakah orang yang akan memanfaatkan daripada pelaksanaan dan penyediaan aset ini sedangkan masa tidak disebutkan, perkhidmatan telefon dan internet di seluruh Taman Maju Jaya kawasan DUN Tenang, Labis. Walau pun penduduk telah membuat permohonan dengan TM, bolehkah pihak berkenaan menjelaskan kepada awam bagaimanakah keadaan ini sepadan dengan fokus usaha kerajaan untuk meningkatkan kualiti dan penyediaan infrastruktur luar bandar.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Bekok ingin akhir ucapan saya dengan peribahasa; "Kuah sama dihirup, sambal sama dicolek". Kita anak Johor yang sejiwa hati tanpa mengira warna kulit, bangsa dan agama, kita sanggup menghadapi segala kesusahan dan kesenangan bersama-sama serta berusaha demi kepentingan awam. Ini adalah mahu seribu daya, tidak mahu seribu dalih. Jika kalau ada kemahuan, kerja untuk memajukan Negeri Johor biarpun berat sekalipun dapat dikerjakan. Tetapi jika kalau tidak mahu dikerjakan bermacam-macam pula alasan juga diberikan. Sekian, terima kasih. (Dewan bertepuk).

Y.B. Datuk Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Bekok. Ahli-Ahli Yang Berhormat persidangan ini saya tangguhkan hingga jam 12.00 tengah hari.

Persidangan ditangguhkan pada jam 11:40 pagi.

Persidangan disambung semula pada jam 12:00 tengah hari.

Y.B. Datuk Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan disambung semula. Saya jemput perbahasan untuk Yang Berhormat Tenggaroh.

Y.B. Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Yang Berhormat Datuk Speaker, Peraturan Tetap 38, 32 bahagian 8. Satu rundingan yang diaku mustahak oleh Speaker atau Ahli yang mengetuai mesyuarat dan disokong oleh 10 orang Ahli Yang membangun pada

tempat masing-masing. Saya ingin memohon Kukup menarik balik ucapan yang menghubung kaitkan saya dengan dakwaan komunis kerana mempertikaikan indeks ini yang tinggi. Dan saya tidak pernah menyatakan hendak menurunkan jenis indeks kepada sifar dan bukan lah satu orang yang berfikiran Komunis.

Y.B. Datuk Speaker : Yang Berhormat saya tak faham kedudukan ini, di mana kedudukan ini?

Y.B. Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Ya, er Kukup.

Y.B. Datuk Speaker : Ya?

Y.B. Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Er Kukup. Saya nak memohon Kukup untuk menarik balik ucapan yang menghubung kaitkan saya dengan dakwaan Komunis.

Y.B. Datuk Speaker : Saya tak dengar Kukup kata Komunis,..

Y.B. Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Ada, ada.

Y.B. Datuk Speaker : Tak tahu lah kita tengok *handset* nanti macam mana, saya tak pernah kata, saya tak pernah dengar Kukup kata Yang Berhormat Komunis, tak de saya tak dengar. Jadi perkara itu tak berbangkitlah eh, kalau tak saya tak dengar, tak de tuduhan pun mengatakan sesiapa pun di sini Komunis eh, jadi tak berbangkitlah perkara itu.

Y.B. Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Jadi Speaker boleh tanya Kukup, ada tak dia katakan itu?

Y.B. Datuk Speaker : Tak ada saya dengar, saya ikuti semua perbahasan Yang Berhormat satu persatu kerana saya meneliti ucapan-ucapan ini. Saya tak dengar Kukup mengatakan Yang Berhormat Komunis, tak de tuduhan itu dan kepada siapa-siapa pun tak de eh. Jadi perkara itu tak...

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Datuk Speaker, minta, minta laluan melalui Peraturan Tetap 45, 13 pecahan 13, kalau ucapan Kukup itu menimbulkan sebarang syaksiah walaupun implikasi bahawa Pekan Nanas sebagai seorang anasir Komunis, saya minta dia tarik balik sebab walaupun tidak secara langsung tapi secara syaksiah dan implikasi, saya rasa itu pun menyakitkan hati Yang Berhormat Pekan Nanas. Dan kalau tidak sepatutnya dirujuk ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan untuk...

Y.B. Datuk Speaker : Yang Berhormat Kukup, memang ada sebut Pekan Nanas, tapi dia tak pernah tuduh Pekan Nanas Komunis. Jadi perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pekan Nanas itu tak berbangkit. Jadi tak ada isu apa-apalah.

Y.B. Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Yang Berhormat Datuk Speaker, mengikut Peraturan 13 salah satu...

Y.B. Datuk Speaker : Soal peraturan kita taulah, Peraturan memang peraturan...

Y.B. Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Peraturan Tetap...

Y.B. Datuk Speaker : Soalnya sekarang ini, isu yang dibangkitkan kata Kukup mengatakan Yang Berhormat Pekan Nanas itu, Pekan Nanas itu Komunis tak berlaku. Jadi kalau tak berlaku, macam mana nak kita sabitkan apa-apa...

Y.B. Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Ia akan mendatangkan sangkaan-sangkaan yang tidak baik kepada seseorang Ahli yang lain. Iaitu perkataan yang akan mendatangkan sangkaan-sangkaan yang tidak baik kepada saya.

Y.B. Datuk Speaker : Ialah setakat yang saya dengar, masih dalam keadaan yang baiklah semua, tak ada yang menyinggung sangat perkara-perkara. Soal pembangkang pun nak sentuh Barisan Nasional dan sebagainya saya pun dengar juga. Jadi benda-benda macam ini, biasalah dalam perbahasan tapi tidaklah mengaibkan atau menjatuhkan maruah seseorang Ahli Yang Berhormat di sini. Jadi perkara itu, tidak dapatlah nak kita, memperpanjangkan lagilah. Ya, saya Pekan Nanas duduk. Saya persilakan eh, Yang Berhormat Tenggaroh.

Y.B. Encik Raven Kumar a/l Krisnasamy (Tenggaroh) : Terima Kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, Salam sejahtera, Salam 1Malaysia dan Salam Muafakat Johor. Terlebih dahulu, Tenggaroh ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kerana diberi peluang berucap dalam rundingan membincangkan Bajet 2014.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Tenggaroh ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, Datuk Seri Khaled Nordin kerana membentangkan Bajet 2014 yang bertema 'Muafakat Pembangunan dan Pengagihan' yang cukup *detail* dari segala aspek dan juga satu Bajet yang mempunyai *surplus* dengan izin lebih daripada RM2 juta. Namun yang demikian, Yang Berhormat Datuk Speaker, ada sedikit isu yang cukup penting Tenggaroh ingin kemukakan untuk pembangunan dan kesejahteraan rakyat kawasan DUN Tenggaroh dan saya harap akan diambil perhatian oleh Kerajaan. Sebenarnya Tenggaroh, pada hari ini berasa bangga dan gembira kerana pembekalan elektrik di kawasan ini telah berjaya dibangunkan untuk membekalkan tenaga elektrik dengan lebih efisien walaupun, bekalan elektrik diambil dari Mersing iaitu melalui Ring Sistem dengan izin. Namun demikian dapat juga, masalah yang amat berat yang mana ia perlu diselesaikan dengan segera dan diambil perhatian yang lebih.

Sebenarnya sejak beberapa bulan lalu, kami rakyat di kawasan ini betul-betul sakit hati dan sengsara kerana bekalan elektrik asyik terputus. Satu hari, kadang-kadang sampai dua tiga kali terputus dan mengambil masa sampai tiga empat jam sebelum bekalan disambung balik. Situasi ini menyebabkan ramai peniaga rugi, budak-budak sekolah susah hendak belajar dan kehidupan rakyat juga terganggu. Oleh itu, Tenggaroh ingin mencadangkan supaya sejumlah wang dari peruntukan negeri boleh diberi untuk menyelesaikan kemelut dan masalah bekalan elektrik di sini. Tenggaroh juga berharap segala rungutan serta kritikan masyarakat selama ini mampu dijadikan sebagai pendorong serta pembakar semangat untuk warga kerja TNB agar terus berusaha dengan lebih gigih lagi dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan mereka.

Yang Berhormat Datuk Speaker, perkhidmatan pengangkutan awam adalah satu isu yang penting untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat. Oleh itu, Tenggaroh menyambut baik keputusan Kerajaan Johor kerana memberi fokus untuk menambah

baik Tahap Perkhidmatan Awam dalam Bajet 2014. Antaranya ialah memperuntukkan RM1.5 juta menambah baik 35 pusat hentian bas hingga tahun 2015. Walau bagaimanapun, di Tenggaroh ada perhentian bas, tetapi tiada perkhidmatan bas. Rakyat perlu menggunakan perkhidmatan teksi atau pengangkutan sendiri untuk ke Bandar Mersing. Isu ini telah dibawa dalam Mesyuarat Tindakan Daerah Mersing. Penjelasan yang diberi ialah tiada pemaju perkhidmatan bas yang ingin menjalankan perkhidmatan bas dari Mersing ke Tenggaroh atau sebaliknya kerana *route*, dengan izin tersebut tidak menguntungkan. Oleh itu, Tenggaroh mengharapkan Kerajaan Johor dapat menyelesaikan isu ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya dalam setiap mesyuarat tindakan membawa isu jalan dari Tenggaroh ke Mersing. Hampir setiap minggu terdapat kes kemalangan di jalan itu. Apa yang lebih merisaukan ialah kebanyakan kes kemalangan ini membawa maut. Untuk menyokong kenyataan saya, dalam keratan akhbar *The Star* pada 12 September 2013, ada satu artikel yang membawa isu mengenai jalan-jalan berbahaya di Malaysia dan di Johor jalan yang paling berbahaya ialah jalan dari Mersing ke Kota Tinggi. Oleh itu, Tenggaroh berharap Kerajaan Johor atau pusat dapat memberikan peruntukan untuk membetulkan jalan dari Kota Tinggi ke Mersing khususnya dari Tenggaroh ke Mersing.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Tenggaroh menyambut baik hasrat Kerajaan untuk menjadikan sektor pelancongan sebagai sumber pertumbuhan ekonomi yang penting kerana Johor mempunyai produk pelancongan yang unik, bermutu dan mempunyai kelainan. Tenggaroh juga berterima kasih dengan peruntukan sebanyak RM20 juta untuk kemudahan-kemudahan sokongan seperti menaik taraf laluan pejalan kaki, jambatan, sistem pengurusan sisa pepejal dan jeti di 4 kepulauan pelancongan di Tenggaroh. Namun demikian, Tenggaroh berharap peruntukan lebih akan diberikan untuk membesarkan jalan ke Jeti Tanjung Leman yang merupakan salah satu jalan kepulauan Mersing. Lampu jalan di persimpangan jalan ke Tanjung Leman perlu dipasang kerana jalan tersebut sangat gelap dan sunyi pada waktu malam dan ia menakutkan pelancong yang datang ke tempat itu.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Tenggaroh menyambut baik keputusan Kerajaan Pusat dan Negeri Johor kerana membuat semakan semula dasar pemilikan hartanah oleh kepentingan asing dengan menaikkan harga minimum hartanah yang boleh dimiliki dari RM500,000.00, kepada RM1 juta seunit. Walau bagaimanapun, kerisauan Tenggaroh ialah bila harga minimum hartanah yang boleh dimiliki adalah RM500,000.00 semua pemaju-pemaju perumahan membina rumah lebih daripada RM500,000.00 khususnya di kawasan-kawasan Bandaraya Johor Bahru. Dan sekarang bila harga dinaikkan kepada RM1 juta Tenggaroh takut pemaju-pemaju akan membina rumah lebih daripada RM1 juta. Oleh itu, Tenggaroh ingin tahu, langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan supaya pemaju-pemaju tidak menaikkan harga rumah untuk kepentingan warga asing.

Yang Berhormat Datuk Speaker, setiap kaum di Malaysia mempunyai masalah dan cabaran masing-masing. Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, dalam ucapannya berkata bahawa inisiatif khas untuk orang India oleh Kerajaan adalah untuk memastikan kaum India bersedia menghadapi persaingan dan cabaran hari muka. Tenggaroh menyambut baik kenyataan itu, dan berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Namun demikian, Tenggaroh berharap Kerajaan

dapat memberikan kuota sebanyak 10% kepada kaum India khususnya dalam program pembangunan tanah terbiar, program industri asas tani (IAT) dan program menaikkan usahawan golongan belia di Negeri Johor. Dengan pengagihan kuota 10% ini, kaum India dapat bersedia menghadapi persaingan dan cabaran hari muka.

Yang Berhormat Datuk Speaker, berkenaan dengan kerusi dan meja di sekolah-sekolah di dalam daerah Mersing khususnya di kawasan Tenggaroh masih belum selesai. Kekurangan kemudahan asas seperti kerusi dan meja di Sekolah Menegah dan Kebangsaan adalah punca kurangnya keselesaan para penuntut menumpukan perhatian dan pelajaran masing-masing. Saya mohon juga agar perkara ini diambil penting dan serius mengambil jasa baik Kerajaan untuk membantu menyelesaikan segala masalah yang dihadapi sejak beberapa tahun lalu dapat diselesaikan dengan segera demi kemakmuran anak-anak kita.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Tenggaroh risau kerana harga rumah yang melambung kini. Bila dari segi sektor kita tengok pemuda kali ini, bila dia keluar daripada universiti, dia punya gaji minimum lebih kurang RM3,000.00. Nak beli rumah kos rendah pun tak boleh sebab rumah kos rendah gaji minimum tak boleh lebih dari RM3,000.00. So, bila mereka keluar daripada universiti pemuda sekarang kebanyakannya mereka beli kereta, mereka suka kereta bukan fasal pengangkutan tak baik sangat tapi pemuda suka beli kereta itu memang impian mereka bila masa mereka dari kecil nak memiliki kereta. So, bila mereka bayar ansuran kereta lebih kurang RM700.00 hingga RM800.00 sebulan, so lepas itu bila mereka nak beli rumah, bila kos rendah mereka tak boleh beli, nak beli rumah yang sederhana dari RM200,000.00 hingga RM300,000.00 atau sampai RM500,000.00 mereka tak mampu sebab loan mereka terlalu tinggi. Tak dapat nak rumah, so harap Tenggaroh berharap kalau Kerajaan boleh buat satu inisiatif menyatukan loan rumah dengan kereta mereka sekali gus harap untuk pemuda sekarang. Dengan harapan yang setinggi gunung kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor dan Kerajaan Negeri agar menimbangkan dan meluluskan peruntukan bagi menyelesaikan segala masalah dan kemelut di kawasan ini bagi menjadikannya sebuah kawasan yang maju pada masa yang akan datang. Kemajuan sesebuah masyarakat juga terletak kepada keselesaan dan kedamaian yang mereka kecapi. Sekian, terima kasih dan mohon menyokong usul yang dibawa oleh Rengit.

Y.B. Datuk Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Tenggaroh, sekarang saya persilakan Yang Berhormat Senggarang.

Y.B. Tuan Haji A. Aziz bin Ismail (Senggarang) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Speaker, terlebih dahulu Senggarang ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin selaku Menteri Besar Johor kerana berjaya membentangkan belanjawan sulung beliau dalam Dewan yang mulia ini berteraskan muafakat pembangunan dan pengagihan. Natijahnya, Yang Amat Menteri Besar dilihat sebagai pemimpin prihatin terhadap permasalahan rakyat Johor termasuk golongan marhaen, semoga apa yang dibentangkan dalam Belanjawan 2014 surplus ini akan menjadi kenyataan. Konsep merakyatkan Kerajaan perlu dihayati oleh semua Pegawai Kerajaan sebagai pelaksana perancangan yang telah digariskan oleh pemerintah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, agak aneh anak watan Johor dilihat pihak pembangkang dalam perspektif yang daif dan terasing, seolah tiada pertolongan, bantuan dan harapan langsung diberikan oleh pihak Kerajaan Negeri kepada mereka, walhal pada setiap tahun sama ada Kerajaan Negeri mahupun Kerajaan Pusat Barisan Nasional sentiasa menggariskan perancangan dalam belanjawan atau melalui program tertentu untuk meringankan bebanan hidup rakyat. Kita tidak semata-mata memberikan wang tunai melalui BR1M tetapi juga memberi mereka pancing melalui *focus group* seperti program 1 Azam iaitu mengakhiri zaman miskin, TEKUN dan lain-lain lagi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Amerika Syarikat sebuah negara paling maju kononnya bebas dan demokratik masih terdapat ramai rakyat miskin yang bergelandangan dan pemerintahnya tidak mampu membantu warga negara mereka sepenuhnya. Yang Berhormat Dato' Speaker, apa yang penting pelaksanaan yang dilakukan Kerajaan perlu dipantau dan diperbaiki supaya menepati objektif membantu rakyat, sesuai dengan konsep merakyatkan Kerajaan yang diutarakan oleh Kerajaan Negeri Johor hari ini dengan matlamatnya Kerajaan adalah kepunyaan rakyat, Kerajaan itu rakyat, Kerajaan Barisan Nasional pembela rakyat dulu, kini dan selamanya (Dewan bertepuk) dan amat kontradiksi dan menarik. Masih ramai rakyat luar Johor khasnya dari negeri-negeri lain dalam Semenanjung termasuk Sabah dan Sarawak masih berpusu-pusu mencari rezeki di Negeri Johor Darul Ta'zim yang kaya, makmur dan bertuah ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, arus pembangunan Johor memang terus subur mendahului dengan pembangunan rancak di Wilayah Iskandar dan jangkaan kawasan RAPID di Pengerang serta kelak pembangunan ECER yang merangkumi Daerah Mersing. Satu ketika dulu, Lembaga Kemajuan Johor Tenggara atau KEJORA telah membangunkan 2 bandar baru dengan harapan menjadikan bandar wilayah yang berpaksikan bumiputera atau Melayu iaitu Bandar Penawar dan Bandar Tenggara. Walaupun pembangunan agak perlahan, yang mungkin disebabkan lokasinya di kawasan FELDA, tapi sekurang-kurangnya pembangunan asas sudah terbina di kedua-dua kawasan bandar tersebut. Sepatutnya, kita telah mengambil contoh dari pembangunan yang telah dibuat oleh Allahyarham Datuk Harun Idris semasa pemerintahan Barisan Nasional di Selangor, yang telah berjaya membangunkan 2 bandar baru iaitu Shah Alam dan Bangi, yang sehingga kini merupakan bandar bumiputera yang unggul. Mereka berjaya kerana menetapkan tanah di kawasan tersebut di bawah kategori pajakan atau *lease hold* tanpa penglibatan syarikat swasta. Pembangunan hanya digerakkan oleh syarikat GLC negeri. Dukacitanya, pihak GLC Kerajaan Pusat dan Negeri tidak melihat dari perspektif yang sedemikian dalam menggerakkan pembangunan demi bumiputera di Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, tapi Senggarang percaya, walaupun kita mungkin khilaf atau terlepas pandang dalam membangunkan 1 bandar bumiputera di kawasan Iskandar khasnya berdekatan dengan Nusajaya, Kerajaan Johor masih berpeluang membangunkan secara tersusun pekan-pekan baru atau penempatan baru bumiputera, sama ada di dalam atau di luar kawasan Wilayah Iskandar seperti yang berdekatan dengan Parit Raja, Rengit dan Senggarang atau di mana jua kawasan yang difikirkan sesuai oleh pihak UPEN. Yang nyata, Senggarang jangkakan Bandar Penawar pasti maju kerana berdekatan kawasan pembangunan RAPID,

Senggarang sarankan jika sosio politik seimbang hendak dipertahankan, maka Kerajaan Negeri perlu memastikan pembangunan atau penempatan orang-orang Melayu perlu disediakan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Johor perlu memastikan pembangunan Johor tidak ditentukan dengan sewenang-wenangnya oleh pemaju tanah swasta, ini memandangkan kekerapan berlakunya kawasan kampung Melayu telah dibeli dan diubah status tanahnya daripada pertanian kepada pembangunan. Kes ini bukan terpencil tetapi memang banyak berlaku seperti di Daerah Batu Pahat, pihak pemaju mengambil kesempatan dalam membangunkan kawasan perumahan dengan keluasan kurang 5 ekar supaya kuota bumiputera tidak perlu dilaksanakan, maka sedikit demi sedikit perkampungan dan tanah warisan Melayu akan pupus. Maka, oleh demikian Senggarang sarankan agar Kerajaan perlu memastikan walaupun apa jua pembangunan perumahan waima di atas tanah bawah 5 ekar sekalipun, syarat pemilikan bumiputera perlu dikuatkuasakan juga. Walaupun kita mengamalkan sistem ekonomi pasaran bebas tapi tanggungjawab Kerajaan dalam memelihara hak bumiputera jangan dipinggirkan begitu sahaja. Pihak Pejabat Tanah perlu prihatin dan jangan mudah mengubah status tanah kepada pembangunan, yang pada akhirnya merugikan orang Melayu itu sendiri. Pihak EXCO pula perlu bijaksana dalam memberikan kelulusan muktamad di kawasan-kawasan tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Senggarang percaya Pihak Berkuasa Tempatan sama ada Majlis Bandaraya, Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah tidak terkecuali dalam memastikan pembangunan menguntungkan rakyat setempat. Senggarang mengucapkan syabas kepada, maaf kepada Pihak Berkuasa Tempatan kerana memperuntukkan sebanyak 19.5 juta untuk pembinaan pusat futsal dan rekreasi, ini sudah pasti menguntungkan golongan belia khasnya. Cuma apa yang diharapkan agar pembinaan pusat futsal biar berbumbung supaya ia boleh digunakan tanpa merisaukan keadaan cuaca apa sekalipun dan tidak mudah rosak disebabkan hujan dan cuaca panas.

Y.B. Dato' Speaker : Senggarang, sila gulung.

Y.B. Tuan Haji A. Aziz bin Ismail (Senggarang) : Sekejap. Yang Berhormat Dato' Speaker, ada sikit oje lagi. Dan kawasan tersebut boleh dibangunkan secara bersepadu untuk permainan seperti bola keranjang, badminton mahupun sepak takraw. Adalah elok jika penjagaan pusat tersebut dikendalikan oleh pihak Jawatankuasa Penduduk ataupun Jawatankuasa Keselamatan Kampung. Apa pun, pembinaannya biarlah di tempat yang strategik dengan penempatan orang ramai. Bagi kawasan rekreasi umpamanya di Batu Pahat terdapat 2 kawasan rekreasi yang agak terbatas iaitu di Tasik Y dan Dataran Penggaram. Oleh itu, Senggarang cadangkan kawasan Minyak Beku dijadikan bukan hanya sebagai pusat pelancongan tapi juga sebagai pusat rekreasi dan riadah, ini memandangkan bukan setakat aktiviti atau sukan laut boleh dimajukan di situ tetapi keadaan topografinya yang berhampiran bukit batu boleh dijadikan tempat aktiviti rock climbing, ianya lebih asli atau semula jadi tanpa perlu membina dinding atau permukaan artifisial untuk dipanjat, pelbagai aktiviti sukan lasak lain boleh dilaksanakan di situ.

Senggarang rasa sukacita bahawa Pihak Majlis Perbandaran Batu Pahat (MPBP) telah meneruskan pembangunan secara berperingkat di kawasan Minyak Beku dan

sekarang mengesyorkan agar Minyak Beku dijadikan *use park* kedua di Negeri Johor selepas cadangan Kerajaan untuk membangunkan sebuah *use park* yang pertama di Johor Bahru, selain itu, Kerajaan boleh menyediakan pusat litar lumba *motorcross* di situ seperti yang ingin dilaksanakan di Pagoh.

Yang Berhormat Dato' Speaker, fokus meningkatkan pembangunan Islam memang disanjung tinggi, peruntukan sebanyak 28 juta bagi program pembangunan dan pendidikan agama perlu digunakan sebaik mungkin. Senggarang menyarankan agar pihak Kerajaan tidak melupakan untuk memberi penambahan bantuan jika sesebuah sekolah agama menunjukkan pencapaian cemerlang dalam keputusan peperiksaan umpamanya Sekolah Agama Kores yang terletak dalam DUN Senggarang telah mencapai 100% kelulusan di peringkat Sijil Sekolah Khas Agama di mana seramai 95% mendapat pangkat 1, hanya sekolah tersebut yang mencapai kecemerlangan sedemikian dari kalangan sekolah agama seluruh Negeri Johor Darul Ta'zim. Oleh yang demikian, Senggarang memohon pihak EXCO Agama meneliti perkara ini dan sekali gus memberikan imbuhan ataupun peruntukan kepada Sekolah Agama Kores sebagai contoh kepada sekolah-sekolah agama lain.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebelum mengakhiri bicara, Senggarang sarankan agar semua Pegawai Kerajaan dan GLC mempunyai sikap *hands on* dan peduli dengan setiap projek atau pembangunan yang dimajukan. Pemantauan dan penguatkuasaan yang berterusan sudah pasti membuahkan hasil yang baik. Yang Berhormat Dato' Speaker, oleh yang demikian, Senggarang menyokong. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Senggarang, sekarang saya persilakan Yang Berhormat Penggaram.

Y.B. Puan Gan Peck Cheng (Penggaram) : Yang Berhormat Dato' Speaker, selamat pagi dan salam sejahtera Penggaram ucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk berbahas berkenaan Bajet Negeri Johor 2014. Saya amat berseluju dengan pendapat Yang Amat Berhormat Menteri Besar bahawa semua projek yang di dalam pelbagai peringkat, pelaksanaan siap mengikut jadual.

Yang Berhormat Dato' Speaker, terdapat sebuah projek perumahan terbengkalai yang dikenali sebagai Bandar Putera Indah dibina di atas sebahagian geran induk 45448 Mukim Linau, Daerah Batu Pahat, pemaju adalah Jaya Usaha Sendirian Berhad dan kini telah digulung. Penggaram berhasrat untuk mengetahui berapa permohonan yang terlibat dalam permohonan rumah kos rendah tersebut? Adakah lokasi projek perumahan ini dapat dikekalkan untuk projek rumah kos rendah dengan proses pemulihan peringkat berperingkat pihak ..... iaitu Jabatan Perumahan Negara dan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menawarkan pemulangan deposit kepada pembeli tanpa sebarang faedah dengan tawaran pembatalan perjanjian jual dan beli secara sukarela. Impian memiliki rumah dan tempat berlindung telah terbinasa, mereka telah menunggu selama 13 tahun akhirnya cuma dipulangkan wang deposit sahaja. Mereka terpaksa menanggung kerugian kos peguam, kos sewaan rumah dan juga faedah bank. Saya berharap Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri selalu menganggap serius dan tegas atas semua projek yang akan dilaksanakan pada masa kelak supaya projek-projek perumahan dapat disiapkan mengikut jadual dan berharap insiden tersebut tidak berulang lagi dan

membawa sebarang kecewa dan kesusahan kepada rakyat untuk maksud meningkat kesejahteraan rakyat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, mengenai meningkatkan kualiti dan penyediaan infrastruktur luar bandar, di bandar Batu Pahat terdapat banyak kampung dalam bandar dan biasanya kampung-kampung ini dipinggir. Misalnya Kampung Parit Kangkung, Parit Amat, Parit Lada Hitam, Parit Lapis dan sebagainya. Penghuni-penghuni di kampung tersebut menghadapi kesulitan mengenai masalah sampah berlonggok, jalan-jalan rosak sedangkan tiada mana-mana satu pihak datang untuk mengutip sampah di lokasi tersebut, di sebabkan mereka tidak membayar cukai pintu. Sebahagian daripada mereka membuang sampah di tanah lapang dan lama-lama telah menjadi sampah berlonggok. Keadaan ini akan menimbul masalah kesihatan dan membawa penyakit. Kini banyak tempat sebegini juga menjadi destinasi pembangunan perumahan yang pesat. Projek perumahan yang jalankan telah mengakibatkan jalan-jalan rosak misalnya di Jalan Parit Lada Hitam, bahu jalan Parit Lada Hitam telah runtuh akibat kenderaan berat berulang alik dan tidak dapat dibaiki daripada mana-mana satu pihak disebabkan projek perumahan belum disiapkan. Kerosakan jalan telah membawa keancaman dan kesulitan kepada penduduk dan pengguna jalan raya. Saya berharap MPBP, JKR, JPS lebih prihatin kepada penduduk yang tersebut di atas dan selalu memberi pertolongan.

Mengenai masalah sistem saliran di Kampung Parit Lapis, Mukim 5 Batu Pahat, Yang Berhormat Datuk Speaker, Kampung Parit Lapis merupakan kampung tradisi Melayu yang wujud sejak zaman sebelum merdeka, lanya terletak di pinggir Bandar Penggaram. 98 peratus daripada penduduk kampung ini terdiri daripada orang Melayu, kaum Melayu dan 2 peratus daripada kaum Cina. Sebelum ini, parit di kampung ini sangat bersih serta jernih airnya, malah menjadi tempat kanak-kanak mandi-manda. Tetapi pada awal tahun 1990-an, sistem pengaliran diubah apabila wujudnya Taman Kurnia di mana air yang mengalir dari Tan Siew Hoh telah diubah merupa sisa air daripada kilang yang tidak dirawat mencemarkan parit ini dan menghasilkan bau yang sangat busuk. Walaupun fasa 1 telah siap tetapi lanya tidak menyelesaikan masalah kepada penduduk Parit Lapis. Maka diteruskan dengan fasa 2 yang sedang dijalankan. Masalah yang dihadapi sekarang, adalah projek yang dijalankan sangat perlahan yang boleh mengakibatkan masalah banjir apabila tiba musim hujan di penghujung tahun. Pada masa yang sama jalan di Parit Lapis telah rosak akibat daripada projek ini yang menggunakan banyak jentera berat. Kita hendak mempastikan sisa pengaliran bertombah baik tetapi dalam masa yang sama ia telah merosakkan jalan yang merupakan laluan utama orang kampung. Saya mohon daripada pihak kerajaan, agar dapat segera disiapkan demi kebaikan orang Kampung Parit Lapis yang sekarang ini terpaksa menghidu bau busuk dari parit tersebut.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kawasan Batu Pahat adalah lebih rendah daripada paras laut. Dan banyak tempat mengalami banjir kilat semasa hujan lebat. Sekironya

hujan lebat turun pada masa air laut pasang, keadaan ini semakin teruk. Lagi teruk. Saya berasa pelik bahawa kenapa projek perumahan dapat diluluskan oleh pihak tertentu sekiranya sistem perparitan tidak disempurnakan, misalnya di Taman Hajat, sebahagian rumah teres tidak mempunyai longkang belakang. Di Taman Kemunting, tiada mempunyai *outlet* dengan izinnya *outlet* air. Di Taman Bukit Perana, sistem perparitan yang tidak sempurna mengakibatkan hakisan tanah runtuh dan saya berharap pihak tertentu mengambil berat dan memantau sekiranya sebarang projek dijalankan. Bahkan projek rumah atau projek penyelenggaraan, saya juga ingin menarik perhatian JPS bahawa, musim hujan akan tiba tidak lama lagi. Saya berharap JPS membuat pembersihan parit-parit berkenaan, jadual pembersihan dan peruntukan secukupnya hendak ditentukan tiap-tiap tahun supaya mengurangkan banjir kilat. Di sini saya ingin mengucap tahniah dan syabas kepada penduduk-penduduk Kampung Parit Linar Kecil kerana telah berjaya mengadakan kerja bergotong-royong untuk membersihkan parit Kampung Linar Kecil. Untuk membuat persiapan awal banjir. Saya berharap pihak tertentu dapat melaksanakan langkah-langkah praktis untuk memupuk semangat bergotong-royong di kalangan penduduk-penduduk tempatan dan menggalak mereka mengambil bahagian dalam aktiviti pembersihan parit, longkang sekeliling rumah dan selalu menghulurkan tangan kepada mereka yang menjalani aktiviti ini. Tempat bersih, badan sihat. Barulah kehidupan yang berkualiti yang kesejahteraan rakyat dapat dikekalkan. Sekian, terima kasih.

Y.B. Datuk Speaker : Terima kasih Penggaram. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Jementah.

Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker kerana memberi peluang kepada Jementah untuk mengambil bahagian dalam Perbahasan Bajet 2014 Negeri Johor, yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam ucapan Bajet, Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah menyatakan sifat *multiculture*, kepelbagaian kaum, agama, adalah asas kekuatan kepada negara kita. Dan kerajaan di bawah pimpinan beliau akan menjalankan pendekatan pentadbiran yang bersifat inklusif dengan berdasarkan konsep muafakat. Yang Amat Berhormat Menteri Besar menyatakan untuk memastikan kesefahaman dan muafakat pelbagai kaum untuk menjayakan Negeri Johor, beliau telah mengumumkan Kerajaan Negeri Johor akan menubuhkan Majlis Permuafakatan Perpaduan Negeri Johor. Jementah menyambut usaha tersebut. Akan tetapi ingin saya mengesyorkan kepada Kerajaan Negeri Johor, supaya satu dialog yang secara terbuka diadakan dengan melibatkan pihak-pihak khususnya badan bukan Kerajaan, *civil society*, rakyat jelata daripada pelbagai kaum untuk mengukur pandangan atau pendapat untuk dijadikan sebagai *input* untuk merangka polisi dan strategi yang berkenaan, untuk menjayakan program perpaduan kaum.

Yang Berhormat Datuk Speaker, perpaduan tidak akan dicapai sekiranya jurang perbezaan pendapatan rakyat jelata negara kita tidak dapat diperkecilkan. Menurut laporan dunia, Bank Dunia, pendapatan rakyat negara kita daripada tahun yang 10 kebelakangan ini, peratusannya ialah 2.6 peratus, tetapi kadar produktiviti adalah 6.7 peratus. Ini bermaksud kadar produktiviti, kadar kenaikan gaji tidak setaraf dengan kadar produktiviti kita. Apakah sebabnya kita terus mengkaji dengan secara lebih mendalam lagi. Saya masih ingat lagi, satu lagi yang mempunyai impak yang besar kepada kita, dari segi ekonomi ialah nilai wang kita yang semakin menurun. Saya masih ingat lagi kecil dulu kecil masa 70-an, nilai wang kita adalah setaraf dengan wang Singapura. Tetapi sekarang nilai wang negara kita sudah turun berbanding dengan Singapura. Sekarang RM1.00 Singapura lebih kurang 2.50 Malaysia Ringgit dan kita perlu mengkaji macam mana kita harus, boleh menaikkan nilai wang negara kita supaya pendapatan rakyat boleh meningkat dan nilai wang kita adalah *purchasing power*. Ada *value of purchasing power*. Ini sangat penting supaya jurang perbezaan pendapatan boleh dikurangkan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Wilayah Pembangunan Iskandar merupakan tunggak ekonomi yang amat penting kepada Negeri Johor. Ia mempunyai impak yang besar kepada pertubuhan ekonomi dan negara kita. Komitmen pelaburan Wilayah Pembangunan Iskandar daripada tahun 2006 hingga Oktober 2013 adalah RM129 bilion. Tetapi pencapaian pelaburan direalisasikan setakat ini hanya 44 peratus atau RM56.3 bilion. Dan ini bermaksud ada lagi RM72.7 bilion atau 56 peratus komitmen pelaburan yang belum dapat direalisasikan. Menurut statistik Jabatan Perangkaan Negara, KDNK Johor bagi tahun 2012 adalah sebanyak RM68.8 bilion. Ini bermaksud komitmen pelaburan yang belum direalisasikan adalah lebih banyak daripada KDNK setahun Negeri Johor. Ini perkara yang serius. Jementah ingin menyeru Kerajaan Negeri dan Persekutuan supaya mengambil langkah yang lebih drastik untuk memperlingkatkan prestasi pencapaian pelaburan yang belum direalisasikan. Selain daripada itu, Jementah juga ingin mengetahui perkara-perkara seperti berikut yang berkaitan dengan Wilayah Pembangunan Iskandar.

1. Komitmen pelaburan dan pencapaian pelaburan yang direalisasikan setiap tahun di Wilayah Pembangunan Iskandar daripada tahun 2006 hingga Oktober 2013. Dan jumlah peratusannya kepada KDNK Negeri Johor.
2. Adakah sebarang komitmen pelaburan yang ditarik balik oleh pelabur asing dan sekiranya ada, apakah sebab-sebabnya.
3. Apakah purata *leak time* untuk merealisasikan setiap komitmen pelaburan.
4. Jumlah peluang pekerjaan yang dihasilkan setiap tahun daripada pencapaian pelaburan yang telah direalisasikan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, bagi projek-projek yang dirancangkan di bawah Rancangan Malaysia Yang Ke-10, pencapaian prestasi pelaksanaannya hanya 37 peratus atau 129 disiapkan daripada jumlah 350 projek. Ini menunjukkan satu prestasi yang tidak membanggakan. Kerajaan Negeri telah mencadangkan agensi-agensi Kerajaan menjalankan penilaian *outcome* ke atas projek-projek untuk memantau

keberkesanan projek. Apakah sebab-sebab kelewatan pelaksanaan projek dan adakah sebab sebarang perbelanjaan tambahan ke atas projek-projek yang tidak disiapkan dari tarikh yang ditetapkan. Adakah kontraktor-kontraktor yang tidak mensiapkan kerja dalam masa yang ditentukan, didenda atau di senarai hitamkan? Ini adalah penting supaya kos perbelanjaan projek adalah terkawal dan Kerajaan tidak perlu membelanja wang yang lebih, yang tidak sepatutnya dibayar kepada kontraktor. Jementah ingin mencadangkan kepada Kerajaan Negeri, supaya projek Kerajaan diberikan kepada kontraktor secara tender terbuka. Jementah percaya dengan cara ini kos projek Kerajaan akan lebih terus dan diketahui umum. Dan hanya kontraktor yang berkaliber dan berkualiti diberi peluang untuk mendapat projek Kerajaan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, baru-baru ini kita mendengar juga khabar angin, berkenaan dengan hari cuti mingguan yang akan ditukarkan kepada hari Jumaat dan hari Sabtu, daripada hari Sabtu dan hari Ahad. Jementah berpendapat bahawa negeri kita telah mengadakan cuti umum, mingguan hari Sabtu dan hari Ahad selama ini dan pertukaran ini adakah ia satu pertukaran yang baik, adakah ia akan memberi *impact* kepada ekonomi Negeri Johor juga khususnya kepada wilayah pertumbuhan pembangunan Iskandar yang kebanyakannya pelaburan adalah daripada negara-negara asing. Ini kita perlu berfikir secara waras dan kita perlu mengambil perhatian yang kuat supaya sebelum sebarang keputusan dibuat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sekarang saya masuk menyentuh berkenaan dengan isu-isu tempatan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya telah berjumpa dengan golongan kaum India daripada Pekan Jementah untuk mendengar masalah dan aduan mereka. Antara masalah yang diutarakan adalah kekurangan rumah kos sederhana dan rendah di Pekan Jementah dan tiadanya tanah perkuburan untuk kaum India. Saya difahamkan ada di antara mereka ada yang telah memohon kepada Kerajaan Negeri melalui pemaju swasta untuk membeli rumah kos sederhana rendah tetapi kebanyakan mereka masih menyewa rumah kerana tiadanya rumah kos sederhana rendah untuk dipohon pada masa itu. Mereka yang telah memohon memaklumkan kepada saya setengah tahun mereka masih tidak dimaklumkan keputusan permohonannya. Saya telah menulis surat kepada SUK Bahagian Perumahan untuk memohon maklumat berkenaan dengan rumah kos rendah dan sederhana di kawasan saya dan juga di Parlimen Segamat.

Lokasi-lokasinya projek rumah kos rendah dan sederhana, tetapi sehingga kini, saya tidak selepas 2 bulan saya masih tidak mendapat sebarang maklum balas daripada SUK Bahagian Perumahan dan saya minta satu penjelasan daripada Yang Berhormat EXCO. Saya amat berharap Kerajaan Negeri juga dapat memberi pertimbangan supaya memberi tanah perkuburan kepada golongan India di kawasan DUN Jementah.

Y.B. Datuk Speaker : Sila Gulung.

Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Yang Berhormat Datuk Speaker, sedikit lagi. Yang satu lagi ialah berkenaan dengan projek Jabatan Kerja Raya Segamat. Ada dua aduan. Yang pertama ialah, projek menaik tarafkan longkang di lokasi tanah Lot nombor 189 Mukim Jementah. Projek tersebut telah memasuki sempadan tanah tuan tanah lebih kurang 1 kaki dan ekoran daripada saya menerima aduan tersebut saya telah menyampaikan kepada JKR kawasan Segamat dan saya mesti menyambut usaha pihak JKR Segamat untuk mengambil tindakan tetapi sehingga kini walaupun ada katakan tindakan akan diambil tetapi sehingga kini belum ada sebarang tindakan yang konkrit oleh pihak yang berkenaan dan saya berharap satu jawapan berkenaan dengan isu ini.

Dan, satu lagi ialah berkenaan dengan projek pembinaan jejantas di Batu 13 Jementah. Kita menyambut baik Kerajaan untuk menaik tarafkan infrastruktur tempatan. Tetapi projek jejantas yang akan dibina ekoran daripada projek menaik tarafkan Jalan Muar setingkat Segamat di lokasi yang tidak betul. Sebab pembinaan jejantas adalah di depan warung yang diusahakan oleh peniaga dan peniaga tersebut telah mengusahakan warung tersebut lebih kurang 20 tahun dan ini akan menjejaskan perniagaan peniaga dan saya sudah menulis surat kepada Jabatan Kerja Raya Segamat tetapi sehingga kini pun belum ada sebarang tindakan diambil. Saya dimaklumkan. Oleh kerana itu, saya meminta pihak yang berkenaan supaya mengambil tindakan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, setakat ini ucapan saya dalam perbahasan bajet 2014 dan saya dengan ini mengucapkan ribuan terima kasih.

Y.B. Datuk Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Jementah. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Bentayan.

Y.B. Encik Chua Wee Beng (Bentayan) : Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Speaker kerana memberikan saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan bajet 2014. Sebagai seorang Wakil Rakyat saya rasa amat kecewa bahawa dalam bajet ini tiada pembangunan khasnya untuk Bandar Muar. Walau pun ia telah diisytiharkan sebagai Bandar Diraja Johor. Peruntukan telah ditumpukan pada kawasan industri minyak dan gas di pantai timur selatan dan juga projek Iskandar di pantai barat selatan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Muar bukan sahaja merupakan pintu masuk ke Johor. Kini ia juga merupakan Bandar Diraja. Bentayan menggesa Kerajaan Johor supaya jangan lupa pembangunan di Muar. Bentayan juga menggesa supaya Majlis Perbandaran memainkan peranan secara proaktif terhadap penyelenggaraan dan penaiktarafan fasiliti di Bandar Muar supaya selayaknya dengan nama baik Bandar Diraja. Dalam konteks ini Bentayan menggesa, pegawai-pegawai dari Majlis Perbandaran Muar turut turun padang bersama dengan rakyat berinteraksi dengan rakyat, memahami sebenar mereka dan mengambil tindakan sebelum aduan. Misalnya satu kebakaran yang telah berlaku di Lorong Serkam, Muar menyebabkan 9 rumah teres ditelan kebakaran dalam sekelip mata. Tiada seorang pun pegawai dari Majlis Perbandaran Muar berada di tempat kejadian untuk memberikan bantuan. Adakah anda boleh merasai perasaan mangsa-mangsa yang tidak berupaya.

Pertama sekali Bentayan ingin merujuk kepada penyata kewangan MPM 2012. Bentayan minta Kerajaan memberikan pecahan kecil untuk peruntukan hutang bagi cukai harta yang berjumlah RM190,357.00 dan mengapa hutang lapuk ini boleh berlaku. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh untuk pihak berkenaan terhadap masalah ini. Laporan Ketua Audit 2012 juga mendedahkan 3 masalah dalam projek penggalian kuala dan sungai di Parit Jawa, Muar, Johor.

Pertama, wang telah dibelanjakan namun kerja tidak disiapkan. Kedua, walaupun tanpa pemantauan, tanpa spesifikasi kerja namun penggalian terus dijalankan. Ketiga, penggalian dijalankan pada musim monsun dan mengakibatkan lumpur yang digali jatuh semula ke sungai kerana hujan lebat. Bentayan meminta Kerajaan menyenaraikan nama kontraktor yang terlibat dalam projek-projek yang disebut dalam laporan Ketua Audit. Adakah tender terbuka dilaksanakan, jika tidak mengapa? Adakah projek-projek baru masih diserahkan kepada kontraktor yang terlibat dalam kerja penggalian yang disebut dalam Laporan Ketua Audit Negara 2012. Jika ya, senaraikan nama kontraktor yang terlibat.

Di Muar juga, sila nyatakan polisi-polisi had ketinggian untuk bangunan baru di kawasan Bandar Muar. Sila nyatakan berapa bangunan yang sedang dibina atau cadangan pembangunan tinggi yang ditangguhkan kerana tidak dapat mematuhi syarat-syarat yang ditentukan oleh pihak Majlis Perbandaran. Mengenai isu di Mukim Grisek, nyatakan apakah tujuan dan sejak bila Kerajaan mengambil alih lot tanah MLO 6487 H.S.(D) 1733 di Mukim Grisek Daerah Muar. Adakah Kerajaan sedar bahawa kegiatan kutipan kelapa sawit dijalankan di lokasi tersebut. Jika ya, sebutkan nama peribadi atau syarikat yang menjalankan kutipan itu.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Bentayan ingin menuju kepada ucapan bajet mengenai dasar baru di mana penambahan kadar sejumlah 7.5% akan ditetapkan untuk pelepasan kuota bumiputera, sila nyatakan bilakah dasar ini akan menguatkuasakan. Di samping itu, sila nyatakan adakah pemaju-pemaju perumahan berkuasa untuk memindahkan kos penambahan 7.5% ini kepada pembeli dan adakah pemaju-pemaju berkuasa untuk memberikan surat notis kepada pembeli-pembeli untuk menambahkan 7.5% daripada kos penjualan walau pun dasar ini belum menguatkuasakan. Sila nyatakan langkah-langkah Kerajaan untuk mencegah pemaju-pemaju ambil kesempatan untuk memindahkan kos ini kepada pembeli rumah.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sebagai seorang penyelam, saya ingin memberi kepujian mengenai usaha pemuliharaan marina dan menurut pendapat saya ia merupakan satu polisi di mana menuju ke arah yang betul namun demikian implementasi dalam aspek ini bukanlah sesuatu yang boleh saya memujikan. Implementasi polisi ini adalah tidak teratur dan tanpa pertimbangan secara teliti. Terdapat laporan berita menunjukkan bahawa pengeliruan yang berlaku telah menyebabkan pelancong negara asing terpaksa membayar bayaran pemuliharaan untuk Pahang dan Johor semasa mereka bertolak dari Mersing. 3 operator selam di Pulau Aur tertutup akibat pelancong-pelancong enggan melawat tempat tersebut namun membatalkan perjalanan yang telah merancang.

Menurut ucapan daripada Menteri Besar pada hari Khamis yang lepas, bahawa beliau menyentuh peruntukan sejumlah RM20 juta akan dirancang untuk pembangunan

taman laut Southern Iskandar. Dengan masalah di atas, di mana penguatkuasaan yang begitu lemah, bagaimana Kerajaan boleh memastikan ia dapat menarik pelancong-pelancong terutamanya golongan penyelam. Pada mendapat saya keseimbangan antara pemuliharaan marina dan pelancong eko perlu di adakan. Bentayan mencadangkan supaya bayaran ini dikurangkan dan selaras dengan kawasan penyelam peringkat antarabangsa misalnya Sipadan. Di mana bayarannya hanya RM40.00. Selain itu 50% diskaun dibagikan kepada warga Malaysia bayaran seharusnya dikutip pada pulau-pulau yang terlibat dan pemantauan harian untuk memastikan kuota penyelam tidak melebihi had yang ditentukan. Sebahagian daripada bayaran yang dikutip harus disalurkan untuk membantu penduduk di pulau-pulau tersebut supaya sistem septik dengan pembetungan boleh dibina untuk mencegahkan pencemaran. Pada masa yang sama, aktiviti perikanan haram seharusnya dipantau dan diberhentikan di kawasan pemuliharaan marina. Ia adalah difahami lebih membahayakan terumbu karang daripada penyelam.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Pengerang pula menurut berita dari surat khabar pada bulan Oktober 2013 bahawa satu seminar telah diselenggarakan oleh Pegawai Daerah Kota Tinggi di bilik Gerakan Majlis Daerah Kota Tinggi pada 17 Oktober 2013, pada pukul 3:00 petang telah mengenai isu memindahkan tapak perkuburan Cina di Pengerang. Sila nyatakan dalam seminar tersebut adakah pegawai tersebut pernah memberitahu bahawa Kerajaan tiada rancangan untuk mengadakan rundingan terhadap isu ini dan seluruh tapak perkuburan di Pengerang perlu dipindah.

Di samping itu, adakah pernyataan beliau, adakah sendirian atau polisi Kerajaan terhadap isu ini. Memandangkan beliau sebagai wakil Kerajaan dalam seminar ini. Akhir sekali, sila nyatakan adakah Pejabat Tanah Kota Tinggi telah mengeluarkan satu surat rasmi kepada SJKC Tai Sin, Pengerang untuk mengenai pengambilan tanah untuk tapak sekolah tersebut. Adakah pihak berkenaan memberi arahan supaya murid-murid dari SJKC Tai Sin memindah ke SJKC Yok Poon pada tahun depan. Sekian, terima kasih.

Y.B. Datuk Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Bentayan. Ahli-Ahli Yang Berhormat Persidangan ini saya tangguhkan hingga jam 2:30 petang, petang ini.

Persidangan ditangguhkan pada jam 1:00 tengah hari.

Persidangan disambung semula pada jam 2:30 petang.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.

Jurutulis : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Ahli-Ahli Yang Berhormat Persidangan disambung semula. Sila Y.B. Tanjung Surat.

Y.B. Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman (Tanjung Surat) : Bismillahirrahmannirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana memberi peluang untuk bersama-sama membahas Belanjawan 2014 dengan izin what a

coincidence kali ini saya berucap di depan Dato' Timbalan Speaker juga. Dato' Timbalan Speaker, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin yang telah berjaya membentang Bajet pertama beliau selaku EXCO Kewangan yang mencakupi semua aspek kehidupan rakyat dengan bertemakan pembangunan, Muafakat Pembangunan Dan Pengagihan. Bajet ini menggariskan 4 strategi iaitu mencorak ekonomi yang mampan, meningkatkan kesejahteraan rakyat memperkasakan dan merakyatkan Kerajaan serta melahirkan modal insan yang berketerampilan.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, saya mengalu-alukan pelaksanaan 11 buah projek di Pengerang pada tahun 2014 nanti dengan Belanjawan sebanyak RM559 juta dari Kerajaan. Ini adalah untuk memastikan Kerajaan akan dapat terus mendapat pulangan yang maksimum dari pembangunan, minyak dan gas dan kesejahteraan rakyat akan terus terpelihara. Projek-projek yang dimaksudkan ialah pembinaan sekolah rendah dan menengah, Tadika KEMAS, Balai Polis, jalan raya, Kompleks Nelayan Bersepadu, 2 buah Balai Bomba dan perumahan rakyat. Saya ingin menyentuh perumahan rakyat di kawasan Pengerang khususnya di kawasan berhampiran pembangunan RAPID. Saya harap pembinaan rumah-rumah khususnya Rumah Mampu Milik dapat dibina dengan segera dan penekanan hendaklah diberi kepada Rumah Mampu Milik. Ini untuk membolehkan mereka-mereka yang tiada rumah untuk memilik rumah menurut kemampuan masing-masing. Saya mengalukan penglibatan pemaju-pemaju dari agensi-agensi Kerajaan dan syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan, GLC dengan penuh komitmen. Saya mahukan rakyat di Pengerang akan terus tinggal di Pengerang dan mengambil peluang yang ada sama ada dalam pekerjaan, perniagaan dan perkhidmatan yang terbit dari pembangunan industri minyak dan gas. Saya bimbang kalau pemaju-pemaju yang hanya mementingkan keuntungan melabur di sana kebanyakan harga rumah yang dibina akan yang berharga tinggi sahaja. Dan yang tidak dapat dibeli oleh rakyat tempatan dan akhirnya nanti rakyat Pengerang akan meninggalkan Pengerang.

Berkaitan dengan pemindahan penduduk-penduduk yang terlibat yang akan bermula bulan depan, saya berharapkan agensi-agensi yang terlibat dengan penyediaan infrastruktur supaya melipat gandakan dengan usaha memastikan semua yang dirancang akan dibina ataupun sedang dibina dapat disiapkan dengan secepat mungkin supaya kehidupan mereka yang berpindah akan berjalan lancar. Saya masih dapat mengesan sekolah agama di sana yang saya pernah lawati telah terbengkalai dan saya harap perkara ini dapat diperbaiki dan disiapkan secepat mungkin. Selain daripada itu, kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan air, bekalan elektrik, bekalan talian telefon dan sebagainya hendaklah disiapkan juga supaya dapat memberi kesejahteraan kepada rakyat yang berpindah ke tempat yang baru ini. Saya harap bila mereka pindah semua kerja-kerja berkaitan khususnya jalan-jalan di dalam Plot A ini dipanggil Plot A ini siap sepenuhnya untuk keselesaan pengguna yang tinggal di sini.

Saya juga ingin merujuk kepada pencemaran yang dikatakan terbit dari projek RAPID dan projek Dialog ini. Setiap pembangunan pasti ada berlaku pencemaran, kalau *lobstar* berkurangan ataupun udang kara berkurangan di satu tempat tapi kalau pergi jauh sikit ada tempat baru tempat lain yang banyak, masih banyak lagi udang kara. Kalau nak dikatakan dengan pencemaran Dewan yang kita duduk ini pun dulu bekas ladang ataupun sebelum itu hutan. Untuk membina ini pun kita kena banyak menghalau kehidupan liar seperti babi dan monyet mungkin harimau juga. Jadi tiap-tiap pembangunan mesti ada pencemaran ataupun gangguan kepada kehidupan liar dan sebagainya. Kalau tuan-tuan dan puan-puan, Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat kalau datang Pengerang datanglah di waktu malam, boleh tengok kapal-kapal yang berbaris menunggu giliran untuk memunggah barang ke pelabuhan-pelabuhan khususnya Pelabuhan Singapura. Ini adalah pencemaran juga, belum ada projek RAPID pun memang laut di Pengerang sudah di cemar pun dengan kapal-kapal yang ada dan di antaranya membuang minyak dan tumpahan minyak berlaku dari masa ke semasa di pantai sepanjang di pantai Pengerang. Begitu juga ada kapal yang hampir ke pantai laluannya daripada biasa sehingga hampir melanggar bot nelayan dan juga ada yang melanggar pukat-pukat yang dipasang oleh nelayan. Begitu juga sauh kapal ini pun mengganggu pergerakan kaum nelayan. Jadi kalau hendak cakap pencemaran, di mana-mana pun pencemaran tapi kita punya projek RAPID ini dan juga projek Dialog ini semua telah dapat kelulusan dari Jabatan Alam Sekitar. Insya-Allah dengan berjalan projek RAPID ini akan memberi banyak memberi manfaat kepada penduduk-penduduk Pengerang khususnya dan penduduk atau rakyat Johor amnya.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, saya ingin menyentuh mengenai akses untuk kesejahteraan rakyat untuk akses kepada bekalan air, bekalan elektrik dan akses jalur lebar. Saya menyambut baik Kerajaan Negeri untuk menyediakan akses kepada Internet di luar bandar di seluruh Negeri Johor. Sudah semestinya jurang perbezaan akses maklumat antara penduduk-penduduk bandar dan luar bandar boleh dikurangkan melalui penyediaan akses jalur lebar di luar bandar dengan meningkatkan akses Internet kepada kelajuan yang optimum. Terima kasih kepada Kerajaan Negeri dalam Bajet ini yang akan membelanjakan RM10 juta di Pengerang untuk tujuan ini, iaitu penyediaan jalur lebar untuk menyokong pembangunan sektor minyak dan gas. Keazaman Kerajaan Negeri untuk memastikan 100% penduduk Johor mempunyai akses kepada bekalan elektrik menjelang tahun 2017 di sambut baik. Begitu juga sasaran Kerajaan untuk menyalurkan bekalan air bersih kepada 100% penduduk Johor juga menjelang tahun 2017. Dengan peningkatan akses jalur lebar, penyaluran bekalan elektrik dan bekalan air bersih sudah pasti dapat meningkat kesejahteraan rakyat dan membantu merancakkan industri pelancongan.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, saya ingin menyentuh mengenai jalan kampung. Kerajaan Negeri akan meningkat peruntukan penyelenggaraan jalan-jalan kampung, telah membelanjakan RM30 juta setahun sejak tahun 2009, sejak Julai 2009 hingga Jun 2013 untuk menyelenggara sepanjang 1,260 km jalan kampung. Bagi kerja

menaikkan taraf jalan kampung. RM150 juta untuk tempoh 3 tahun melibatkan jalan kampung sebanyak 1,074 km akan dibelanjakan oleh Kerajaan. Bercakap pasal jalan-jalan, kadang-kadang kita ini, jalan ini banyak taukenya maksud saya ada jalan dipanggil Jalan Persekutuan, ada jalan dipanggil Jalan Negeri, ada jalan dipanggil Jalan Kerajaan Tempatan, ada jalan dipanggil jalan di dalam kawasan pembangunan wilayah seperti KEJORA, ada jalan yang kita panggil lebuh raya, ada jalan yang kita panggil jalan kampung tapi pada rakyat itu semua jalan sahaja. Kalau rosak mereka menyalahkan Kerajaan. Jadi saya menyeru di sini agar agensi atau dari jabatan Kerajaan yang terlibat dengan membina dan menyelenggara jalan-jalan ini supaya lebih peka dalam kerja-kerja penyelenggaraan. Saya cadangkan supaya tiap-tiap agensi atau jabatan mengadakan seorang pegawai ataupun kakitangan yang khusus untuk menyelaras kerja-kerja penyelenggaraan. Yang sedih, kerja penyelenggaraan ini kadang-kadang lambat berlaku contohnya Jalan Persekutuan, rasa-rasa tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum Jalan Persekutuan ini diselenggarakan oleh Syarikat Konsesi Selia Senggara Sdn. Bhd. dan di bawah pemantauan ataupun penyelarasan Jabatan Kerja Raya. Apa yang berlaku di tempat saya, kalau ada kerosakan di jalan, saya rasa mereka mengambil masa begitu lama untuk datang bertindak.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Tanjung Surat sila gulung. Dulu masa Y.B. jadi Jurutera Daerah semua beres?

Y.B. Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman (Tanjung Surat): Alhamdulillah, beres Timbalan Dato' Speaker kerana saya ada *patrol man* kerana *patrol man* maksud saya, saya khaskan dah tukar kawasan dan ada satu orang yang akan melapor kepada saya tentang kerosakan jalan. [Dewan bertepuk]. Mereka terpaksa lebih cepat daripada saya, kalau saya lebih awal daripada mereka, mereka akan kena.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Dia pakai kereta besar. (Dewan ketawa).

Y.B. Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman (Tanjung Surat) : Dato' Timbalan Speaker, jadi ada satu pegawai supaya memastikan jalan-jalan ini dibaiki dengan segera dan memperbaiki dengan betul, masalahnya dibaiki 2, 3 hari berlubang balik dan bertakung air lagi. Jadi saya harap, saya tak tahu rasa saya perkhidmatan Selia Senggara ini harus dikaji semula ataupun diberi satu amaran yang keras kerana saya di Kota Tinggi ataupun di kawasan Pengerang, saya tidak berpuas hati langsung dengan perkhidmatan mereka kerana apa yang saya nampak macam-macam kesulitan timbul daripada kelemahan mereka. Ada pula jalan di *highway* bertemu dengan Jalan Kota Tinggi, Pengerang, kalau tuan-tuan sudah ke sana lepas bayar tol sampai satu *traffic light* simpang empat sebelah kiri menghala ke Kota Tinggi itu, seberang di sebelah jalannya ada kerosakan yang besar tapi di biar berminggu-minggu masuk ke bulan. Bila saya tanya kenapakah ini berlaku, dia kata, kata di JKR ini ialah *highway* punya maknanya masih dalam sempadan Senai-Desaru Ekspress Way. Tapi pihak Senai-Desaru Ekspress Way setelah diberitahu tidak juga mengambil tindakan

kononnya peruntukan tidak mencukupi ataupun tidak ada, tidak ataupun tidak membolehkan mereka untuk mengambil tindakan segera akhirnya Jabatan Kerja Raya kena membuat pembaikan itu. Pihak Selia Selenggara tak nak buat kerana dia kata bukan dalam...

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Ok, Tanjung Surat berhentikan perbahasan sekarang.

Y.B. Dato' Ir. Syed Sis bin Syed Abd. Rahman (Tanjung Surat): Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, ada sikit sahaja lagi. Cuma saya ingin menegur sikit cara pembangkang. Ahli-Ahli Pembangkang ini menegur Kerajaan ataupun menghentam Kerajaan Barisan Nasional seolah-olah 56 tahun merdeka, Kerajaan Barisan Nasional tidak buat satu apa pun yang baik untuk kepada rakyat Malaysia. Saya rasa ini tidak adil, benda yang baik ataupun perkara-perkara baik dilakukan sangat banyak. Mungkin ada kelemahan sana sini. Negara kita tidak menjadi sebuah Negara yang membangun yang begitu maju, yang dijadikan contoh rakyat Negara-negara lain. Kita top 10 dalam, paling kondusif dalam bidang perniagaan. Begitu juga KLIA, lapangan terbang nombor 5 paling selesa dalam dunia. Adakah Kerajaan Barisan Nasional teruk sangat?

Kalau boleh menghasilkan sesuatu lapangan terbang nombor 5 paling selesa dalam dunia ini, rasa saya Negara kita amat berjaya. Janganlah jadikan Barisan Nasional ataupun semua yang dilakukan tidak janganlah ikut sebagaimana di sebuah negeri itu semua yang berlaku tidak betul, semua Kerajaan BN, malah bukan disebut Kerajaan BN, dikatakan Kerajaan UMNO, semua UMNO. Disalahkan UMNO, semua benda, Kerajaan BN disalahkan, apa-apa kekurangan yang berlaku pada kerajaan yang mereka tadbir sekarang. Kalau kucing mereka mati pun saya rasa, UMNO atau Barisan Nasional juga yang punya pasal. Akhir kata, Dato' Timbalan Speaker dan Tanjung Surat menyokong dari Rengit. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Timbalan Dato' Speaker : Sila Machap.

Y.B. Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar (Machap): Bismillahirrahmannirrahim. Assalamualaikum warahmatullahilah wabarakatuh, dan salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk terus turut serta dalam pembahasan Negeri Johor Bajet 2014. Ia merupakan satu bentuk belanjawan yang bersifatkan komprehensif dalam menentukan perlongsungan Pembangunan Negeri Johor terutama pembangunan infrastruktur dan insaniah yang mensejahterakan rakyat. Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, Machap ingin membahas beberapa strategi dan fokus yang di bentang dalam Bajet Johor 2014. Strategi yang meningkatkan rakyat yang lebih fokus kepada perumahan yang kualiti untuk rakyat. Kita sedia maklum, setiap pasangan yang telah berkahwin memerlukan rumah untuk menjadi tempat kediaman dan berlindung dari hujan dan panas. Sebagai pasangan baru memulakan kehidupan, tentunya mereka, sangat memerlukan rumah untuk mereka kehidupan

berkeluarga. Pasangan yang pendapatan rendah tentunya mensasarkan rumah menjadikan rumah-rumah murah kediaman mereka. Suatu masa dahulu rumah murah berharga RM22,000.00 dengan 2 bilik. Individu yang ingin membeli rumah sekurang-kurangnya kena menyediakan 10% untuk pembelian rumah dan seterusnya meminjam dengan mana-mana bank untuk menyelesaikan baki pinjaman. Di samping itu juga dikenakan kos guaman untuk proses perjanjian pembelian. Keadaan ini tentunya membebankan pembeli sebagai golongan pendapatan rendah memerlukan sekurang-kurangnya 3 atau 4 tahun atau lebih untuk mereka mengumpul duit muka rumah dan duit guaman. Lantaran gaji mereka yang kecil. Pihak bank pula enggan memberi pinjaman pembeli rumah yang tiada penyata gaji ataupun pendapatannya kurang meyakinkan pihak bank. Untuk meminjam peminjam pembayaran balik hutang mereka. Justeru hasrat Kerajaan Negeri untuk memastikan keluarga yang mempunyai pendapatan isu rumah yang rendah yang berkualiti sangat dialu-alukan. Fokus meningkatkan kualiti dan penyediaan infrastruktur luar bandar, dialu-alukan usaha Kerajaan Negeri memperuntukkan RM 30 juta setahun untuk meningkatkan kerja-kerja penyelenggaraan jalan-jalan kampung, sama ada kerja menurap jalan baru, kerja-kerja penyelenggaraan jalan kampung, mahu pun kerja-kerja menaik taraf jalan.

Kita sedia maklum, jalan raya merupakan penghubung antara rumah penduduk ke destinasi tertentu termasuk membawa hasil pertanian yang diusahakan ke tempat-tempat jualan atau tempat pengumpulan. Menyedari penduduk-penduduk kampung merupakan aset terbesar dalam memastikan kemenangan Barisan Nasional dalam pilihan raya yang ke–13 maka sewajanya lah peruntukan yang lebih diberikan kepada mereka terutamanya dari segi menyediakan keselesaan pengguna dengan kemudahan jalan yang tidak berlubang dan tidak berjalur lebar. Sebagaimana tadi Tanjung Surat menjelaskan, sewajarnya pihak IDJ dan pihak bertanggungjawab memastikan sentiasa membuat pemantauan dan penyelenggaraan segera mana-mana jalan yang rosak agar tidak menyusahkan penduduk kampung berhubung dan seterusnya mengelakkan rakyat melepaskan rasa marah mereka kepada Wakil Rakyat. Sesungguhnya Dato' Timbalan Speaker, Machap bersyukur kerana baru-baru ini Pejabat Daerah Kluang telah meluluskan sebanyak 18 projek dengan jumlah RM 720,070.00 di DUN Machap untuk kerja-kerja menurap jalan dan penyelenggara jalan. Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, Machap mengalu-alukan Kerajaan Negeri untuk mempertingkatkan bekalan air luar Bandar. Untuk makluman, di DUN Machap di Kampung Sri Desa masih pendapatan sekurang-kurangnya 4 keluarga 4 buah rumah yang dipasang meter air tetapi air tidak keluar kerana dikatakan tekanan air yang rendah. Sehingga kini berlauton hampir 20 tahun mereka dibekalkan air oleh lori SAJ. Ada juga penduduk yang tidak mampu membayar untuk meter air sebanyak RM 350 maka gagallah mereka untuk mendapatkan pembekalan air paip dan masih menggunakan air kolam.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, Machap ingin membahas dalam fokus mempelbagai fasiliti sukan dan pusat rekreasi. Menyedari bahawa antara penganjuran sukan lasak sebagai mendapat tempat daripada golongan belia dikatakan Kerajaan

Negeri telah berusaha dalam membina sebuah litar lumba Motorcross di Pagoh, Muar dan akan dibangunkan pada 2014.

Untuk makluman, di Kampung Pisang, DUN Machap telah diwujudkan sebuah litar lumba motorcross seluas 3 ekar dengan mendapat kelulusan daripada Pejabat Daerah Kluang. Sehingga seramai lebih 100 orang penunggang motorcross dari Simpang Renggam dan Kluang telah menggunakan litar ini untuk, pada setiap hari Ahad. Machap sangat berharap agar Kerajaan Negeri dapat membantu menyalurkan peruntukan untuk membina trek yang lebih baik, membina prasarana seperti bilik air atau pentas untuk para penonton yang hadir ke sini.

Yang berhormat Dato' Timbalan Speaker, fokus memastikan tanggungjawab sosial mensejahterakan rakyat, sewajarnya tanggungjawab itu, tidaklah hanya diserahkan kepada pihak Kerajaan semata-semata. Pihak syarikat berkaitan dengan Kerajaan pihak Bank, syarikat swasta, dan badan-badan korporat yang lain turut memainkan peranan sesama membantu. Walaupun banyak bantuan disalurkan kepada tanggungjawab seperti membaiki rumah rakyat miskin, program bantuan pesakit hemodialisis Machap menyarankan pihak syarikat swasta juga wajar memperbanyakkan peruntukan seperti pembelian van jenazah kepada mukim-mukim tertentu untuk berurusan orang meninggal kadang kala berlaku kerumitan membawa jenazah ke kubur untuk dikebumikan kerana ketiadaan kenderaan untuk membawa jenazah.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, strategi memperkasa dan merakyatkan Kerajaan, fokus meningkatkan dan meneroka hasil baru serta memodenkan perkhidmatan tanah. Kerajaan Negeri melalui Pejabat Tanah dan Galian atau meningkatkan hasilnya melalui usaha-usaha seperti mencari punca-punca hasil baru termasuk menyemak semula kadar cukai yang telah lama tidak dikaji. Untuk menambahkan hasil pungutan cukai, Machap mencadangkan agar PTG atau Pejabat Tanah Daerah sewajarnya mempercepatkan proses mengeluarkan geran hak milik kepada para pemohon. Dengan pengeluaran hak milik ini tentunya cukai dapat dipungut melalui pembayaran cukai tanah. Dilaporkan banyak kes tertunggak sehingga memakan masa yang agak lama terhadap sesuatu permohonan geran tanah dengan keluasan yang besar tentunya hasil melalui cukai tanah ini kerana tidak dapat dipungut kerana tiada geran tanah sama ada tanah pertanian mahupun untuk lot kediaman. Sewajarnya dengan ada nya e-RMKJ pengurusan permohonan tanah dapat diproses dengan cepat dan berkesan kerana perakuan yang diterima dari daerah akan dihantar terus melalui sistem ini.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, Machap ingin menarik prihatian terhadap beberapa perkara yang perlu diberi prihatin dalam DUN Machap. Pertama, keperluan sebuah kolej. Machap memerlukan sebuah kolej selaras dengan hasrat Kerajaan Pusat menubuhkan sebuah untuk setiap kawasan parimen untuk dijayakan di seluruh Johor dengan kerjasama Kementerian Pendidikan. Terdapat 5 buah sekolah menengah di

Parlimen Simpang Renggam yang mengeluarkan seramai lebih kurang seribu orang pelajar setiap tahun pelepasan SPM. Pertubuhan Kolej Komuniti di Simpang Renggam tentunya akan menyediakan keperluan latihan dan kemahiran kepada semua peringkat dan memberi peluang pendidikan kepada lepasan menengah sebelum ke pasaran tenaga kerja atau melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Dengan adanya Kolej Simpang Renggam tentunya membawa limpahan ekonomi kepada penduduk Simpang Renggam kerana kehadiran pelajar-pelajar kolej. Imej Simpang Renggam selama ini dibayangi dengan penjara Simpang Renggam akan terhakis sedikit demi sedikit.

Kunjungan orang ramai ke Simpang Renggam biarlah bukan kerana hendak melawat anak-anak atau saudara yang dipenjarakan di Simpang Renggam tapi atas dasar kelebihan Simpang Renggam itu sendiri.

Yang kedua, Yang berhormat Dato' Timbalan Speaker, keperluan balai bomba dan Penyelamat. Balai Bomba yang berada di Parlimen Simpang Renggam yang terletak di Renggam lebih kurang 13km untuk ke Simpang Renggam. Desakan penduduk di Simpang Renggam untuk membina Balai Bomba baru untuk memindahkan pengurusan Balai Bomba Renggam ke Simpang Renggam makin kuat kerana penduduk Simpang Renggam lebih ramai, banyak kawasan perumahan dan dekat dengan lebuh raya. Kemalangan yang berlaku di lebuh raya memerlukan bantuan segera dari Balai Bomba Renggam. Begitu juga dengan hal pembakaran yang berlaku di Simpang Renggam. Bahawa pihak bomba Renggam menyatakan pergerakan mereka dari Renggam ke Simpang Renggam hanya memakan masa 18 minit, tetapi baru-baru ini semasa berlaku 2 kebakaran di Simpang Renggam, pergerakan mereka ke Simpang Renggam memakan masa hampir 45 minit dan sampai ke tempat kebakaran dan rumah terbakar musnah sama sekali. Lagipun sudah ada tanah yang telah digazetkan untuk pembinaan Balai Bomba di Simpang Renggam.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, permohonan ketiga, jalan pintas Kera moyang. Machap ke MPOB Renggam. Machap memohon satu jalan pintas Kera Moyang jalan MPOB Renggam dengan jarak 10.5km, mencadangkan jarak yang singkat memudahkan ibu mengandung yang akan melahirkan anak, ambulans membawa pesakit dapat cepat ke Hospital Kluang dalam masa keadaan biasa, pesakit yang tinggal di sekitar Kampung Keramoyang terpaksa di bawa ke Kluang melalui Simpang Renggam ke Jalan MPOB 26 KM ke hospital jarak yang jauh ini tentunya memudaratkan pesakit yang memerlukan rawatan segera.

Y.B Dato' Timbalan Speaker : Machap sila gulung.

Y.B. Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar (Machap) : Sikit lagi Dato' Timbalan, seterusnya masalah gangguan bekalan air sehingga bulan Oktober dilaporkan penduduk di DUN Machap telah mengalami 9 kali gangguan bekalan air, setiap kali hujan lebat akan ada gangguan bekalan air. Sepatutnya apabila hujan lebat air takungan banyak

tiada masalah air. Apabila disiasat, gangguan bekalan air, berpunca apabila hujan lebat paras air sungai naik sehingga sampai ke tempat pembuangan sampah dan masuk takungan air dan tempat pembuangan sampah. Ramunia air lecik dari kolam takungan buangan sampah bercampur air sungai ini menyebabkan berlaku pencemaran kepada paras yang tinggi sehingga masa berlaku gangguan bekalan air. sewajarnya pihak bertanggungjawab memastikan perkara ini tidak berulang. Akhirnya, sekian terima kasih. Saya dengan ini menyokong usul yang dibawa oleh Rengit. Sekian.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Pembahasan diteruskan. Sila Sungai Abong.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kerana member saya, sedikit ruang dan peluang untuk menyambung pembahasan Bajet 2014. Alhamdulillah, sekalung tahniah kepada...

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Kuat sedikit Sungai Abong. Lemah je. Tak makan vitamin ke? (Dewan ketawa).

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Sekalung tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah membentangkan satu bajet, kalau dulu disebut holistik tapi sekang tak dengar holistik lagi dah. Yang saya kira bajet yang bawa inspirasi rakyat, harapan rakyat atau pun suara rakyat dan kalau ia diuruskan dengan baik, dengan ikhlas, Insya-Allah apa yang hendak saya dikatakan, silalah kami akan sokong. Saya ibaratkan bahawa Menteri Besar sebagai kereta baru, jentera baru...

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Jenis kereta apa Yang Berhormat? Mercerdes ke, Camry ke...

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong): Cuma dia baru, jentera baru, penumpang-penumpang baru, kalau boleh kami pun nak masuk sekali sebagai penumpang.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Alhamdulillah.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Kalau boleh. Kalau tidak boleh kami duduk luar jadi tukang cuci je. Cuci cermin, lap kereta...

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Atas bumbung, atas bumbung kereta.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Atas bumbung. Kita ni sebagai pencuci sudahlah. Kalau tak di izinkanlah sebagai penumpang, itulah hasrat kami yang sebagai katanya pembangkang, tapi saya tetap, Sungai Abong tetap yakin bahawa kami juga adalah salah satu jentera-jentera Kerajaan yang ingin melihat pembangunan dan negeri ini berjalan dengan baik.

Dato' Speaker, tertarik saya tentang Bajet yang dibentangkan ialah berpaksikan kepada keadilan. Semua teras-teras yang empat itu hendak dipastikan kepada keadilan. Inilah suatu perkara yang saya yakin kalau betul-betul ditegakkan keadilan, maka hasrat perpaduan masyarakat yang berpadu, saya yakin ianya pasti berjaya kita capai. Untuk jadi negeri yang baik, ada 5 perkara yang mesti dilaksanakan, dengan izin :

1. *Freedom.*
2. *Security.*
3. *Order.*
4. *Justice.*
5. *Welfare.*

Inilah asas ciri-ciri untuk menjadikan bahawa negeri kita ni, negeri yang terbaik, mesti ada lima asas ini. Bila sebut *justice*, keadilan maka menjadi hak Kerajaan untuk memberi keadilan kepada semua rakyat. Beri hak kepada mereka yang patut menerima hak, tempat teduh adalah hak rakyat, semua rakyat berhak mendapat tempat teduh dalam negeri ini. Semua bangsa Johor mesti diberi tempat teduh, mesti diberi pelajaran, mesti diberi akses kesihatan, ya. Inilah hak rakyat dalam negeri ini. Rakyat negeri ini bila dibentangkan dengan laporan pembangunan Kota Iskandar, Wilayah Iskandar maka harapan rakyat ni tinggi sangat. Bila dengar data-data pelaburannya hampir RM100 bilion, yang telah direalisasikan RM50 bilion maka kami harap tempias-tempias itu sampai kepada rakyat di bawah. Ini aspirasi rakyat.

Contoh rakyat di kampung dengar Legoland, dengar saja Legoland, meleleh air liur anak-anak nak pegi Legaland. Ini kebanggaan kita. Tapi setakat itu je lah. Lihat, tapi tak boleh nak kecap. Tak boleh ke kurangkan sikit dia punya ni, bayaran masuk untuk anak-anak kita, khusus anak-anak kita, kita ni tak lah ghairah sangat. Tapi anak-anak hari-hari menanya ayah Legoland, Legoland. Kadang-kadang sekolah buat rombongan untuk pergi Legoland. Tak bagi duit kang, anak-anak kita rasa macam mana. Tak boleh ke kurangkan sikit ya? Itu contohnya. Bila sebut rumah perumahan, rumah, saya yakin dengan apa yang telah diputuskan untuk menaikkan harga minima rumah-rumah untuk dimiliki ataupun boleh dibeli oleh warga asing. Ni kita tak payah ramai lah Dato' Speaker, dulu beli kita tetapkan RM350,000 maka pemaju-pemaju akan membina rumah yang RM350,000.00 ke atas. Lalu dinaikkan RM500,000.00 begitu juga rumah-rumah yang harganya RM500,000.00. Bila dinaikkan RM1 juta, tak payah kita ramallah, itulah harga rumah yang akan datang. Ada baiknya, tetapi di situ kita kena fikir sikit, kita nak menyelesaikan masalah perumahan rakyat tapi kita mengadakan satu masalah baru pada rakyat. Bagaimana tentang rakyat-rakyat yang pertengahan ini? Bukan saya tak sokong harga RM1 juta tu, tapi kita kena fikir sama. Kalau dulu rakyat pertengahan mampu juga memiliki rumah RM500,000.00 kalau dinaikkan RM 1 juta, saya rasa seluruh rakyat pertengahan Negeri Johor ni tak mampu nak beli rumah berharga RM1 juta semua tak mampu. Kalau dulu mungkin boleh usaha, pagi petang, kais pagi kais petang untuk mendapatkan rumah RM500,000.00. Kalau RM1 juta saya rasa minta maaf. Ramai orang kita yang pertengahan ni tak boleh beli rumah langsung. Nak beli rumah mampu milik, nak beli rumah murah, mereka ini tidak layak. Jadi tolong fikirkan sama masalah-masalah ini.

Bila kita sebut rumah komuniti A RM42,000.00 luasnya 720 kaki persegi. Kategori B, RM80,000 luasnya 850 kaki persegi, harga RM80,000.00. Ini munasabah tapi bila kita

tambah hingga 1000 kaki persegi tambahannya sekitar 100 kaki persegi tapi harganya meningkat hingga RM150,000.00. Bagaimana sifirnya? Saya tak faham mungkin boleh dijelaskan.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Kemasan dia cantik Y.B.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Mungkin. Tapi, apakah salahnya ya, kurangkan harga dengan kita kurangkan lah sikit dia punya mekap dia kerana tak logik pada saya, saya fikir-fikir tak logik juga. Tambah 100 kaki persegi rumahnya naik dua kali ganda. Ini rumah mampu milik. Yang ini yang layaknya adalah rakyat yang berpendapatan RM3,000.00 ke bawah. Rakyat berpendapatan lebih RM3,000.00 ke bawah nak beli rumahnya RM 1 juta. Ini yang saya nampak masalah yang mungkin akan timbul apabila kita buat keputusan seumpama ini. Jadi saya harap kat pihak Kerajaan fikir sama perkara-perkara yang saya sebutkan tadi.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Sungai Abong sila gulung.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Ya?

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Sila gulung

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Belum buka macam mana nak gulung. [Dewan ketawa].

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Banyak sangat pasal rumah. Cakap pasal lain pula.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya tertarik lagi tentang ucapan Bajet tempoh hari yang menyebut kisah Nabi Yusof dengan tujuh lembu gemuk dan tujuh lembu kurus. Apa saya nak tekan di sini bahawa motif pengajaran daripada peristiwa tersebut adalah tujuh tahun bila kita mewah ini, adakah kita berjimat supaya tujuh tahun semasa kita susah, kita ada baki untuk kita pulihkan hidup seperti biasa. Itu dia punya pengajarannya. Lain daripada yang Yang Berhormat faham saya rasa. Jadi, asasnya kita berjimat cermat semasa kita berada, semasa kita senang, semasa kita mewah. Ini asasnya ya, supaya bila kita susah nanti, tujuh tahun kita mampu berdiri tak perlu kita nak naikkan cukai itu dan cukai ini. Tahniah, sini lebih baik daripada *federal*. *Federal* tak ada duit, fikir-fikir apa tarik subsidi naikkan cukai. Macam tak pandailah maknanya, tak ada idea.

Izinkan sikit lagi Dato' Speaker, saya nak sebut asas dalam Islam untuk menaikkan cukai. Ada tiga perkara Dato' Speaker, kalau tiga perkara ni baru boleh dinaikkan cukai. Pertama, ada keperluan munasabah, dah hampir bankrap ke negara nak berperang ke, perlu sangat ke kalau tak naikkan cukai hutu-hara negara, maka boleh kenaikan cukai. Yang kedua, mesti kita tutup segala perkara kemewahan ini, ketirisan, kebocoran, boros dan sebagainya kita tutup dulu. Itu dah buat yang tiga baru kita boleh kita boleh naikkan cukai. Walaupun begitu, tak boleh kita kenakan cukai kepada orang yang fakir dan miskin. Ni tak boleh. Dalam keadaan apa pun, tidak diizinkan. Seperti GST, GST pada asasnya baik tetapi dia tidak adil Dato' Speaker. Dato' Speaker kaya, belanja RM1,000 beli barang. Saya miskin, kedana, papa kedana. Saya belanja RM1,000 tapi cukai sama saya, Dato' Speaker...

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Y.B...

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Bayar cukainya sama dan saya miskin, bayar cukai yang sama. Ini tidak diizinkan dalam agama.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Tu doa tu.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) :Ya

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Tu doa tu.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Dia terbalik nanti Dato' Speaker. Mudah-mudahan.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Saya tak aminkan yang tadi tu, papa kedana. Eh, Sungai Abong, silo gulung.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Baiklah kerana saya dah 6 kali masuk ni bahas belanjawan. Jadi, apa yang pentingnya Dato' Speaker, kita buka balik Laporan Audit, Ketua Audit Negara tentang perjalanan Kerajaan kita yang lepas. Kaji balik ini penting. Saya lihat tiap-tiap tahun lagunya sama, mungkin senikatanya lain tetapi lagunya sama, begitulah. Di sana ada perkara yang tidak memuaskan disebabkan begini, begini, begini. Kelemahan dari segi pelaksana, penyelia, perancang memantau, ini dia punya penutupnya begitulah. Tiap-tiap tahun, sama. Baca laporannya pun sama masih ada lagi masalah-masalah kelemahan-kelemahan yang saya rasa sepatutnya tidak boleh lagi berlaku. Kerana apa? Kerana tiap-tiap tahun ditegur perkara ni, tiap-tiap tahun ditegur ada arahan, ada surat pekeliling. Contohnya Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 12 (2007) minta kita ni semua ni yang bertanggungjawab dalam merancang, melaksana, membeli, buat kajian tentang harga pasaran supaya apa, kita mendapat belian terbaik untuk menjimatkan duit-duit Kerajaan Negeri Johor ini. Walaupun itu telah diarah, kalau kita baca laporan masih lagi terdapat perkara yang seperti ini. Ini malang saya rasa. Tak boleh nak kata apa. Wallahualam. Tapi saya pesan pada diri saya dengan suatu kenyataan suatu kata-kata yang ditulis oleh Al-Ghazali Dato' Speaker, dia kata maksudnya beginilah, aku tak faham dia kata. Aku tak faham, adakah aku ni ada iman lagi tak dalam hati aku ni sekiranya aku ni sebagai pegawai Kerajaan yang memikul amanah Kerajaan, harta Kerajaan tapi aku tidak amanah dan sebagainya. Maknanya aku ni *unislamic*, tidak beriman ni mungkin. Aku ni tidak *islamic* katanya. Ni kata Al-Ghazali. Ni saya tuju kepada diri saya lah Dato' Speaker. Mudah-mudahan ia menjadi suatu iktibar bagi diri kita. Jadi Dato' Speaker, saya hormatlah ya, saya ada banyak nak cakap tapi dia saya menyokong rundingan dibawa oleh sahabat saya daripada Rengit. Jadi, sekian wassalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh. (Dewan bertepuk).

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Sila Yong Peng.

Y.B. Puan Chew Peck Choo (Yong Peng) : Selamat petang dan salam sejahtera. Yong Peng mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang mengambil bahagian untuk memberikan Ucapan Perbahasan Bajet 2014 yang di bentang oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, pertama, Yong

Peng ingin memaklumkan di Dewan yang mulia ini, bahawa di Yong Peng terdapat 2 laluan masuk dan keluar untuk ke Lebuhraya Utara Selatan. Suka Yong Peng menyeru agar kemudahan yang istimewa ini digunakan sepenuhnya, merujuk ke Ucapan Bajet 2014 strategi keempat Pengupayaan Modal Insan Berketerampilan, Yong Peng mencadang supaya sebuah kolej atau institusi pendidikan tinggi dapat dibina di kawasan Yong Peng dan sekitarnya.

Cadangan ini dilontarkan agar ianya setara dengan kemudahan yang ada sebab dimaklumkan bahawa sebuah stadium akan dibina di atas sebuah tanah seluas 32 ekar. Yong Peng bimbang stadium tersebut akan hanya menjadi satu projek gajah putih yang tidak digunakan sepenuhnya, lantaran kurangnya aktiviti dijalankan di situ. Penubuhan institusi pendidikan tinggi di kawasan Yong Peng diyakini dapat mengelakkan kemudahan di stadium yang akan dibina tidak sia-sia. Selain itu penubuhan institusi pendidikan tinggi juga akan dapat membawa peluang ekonomi yang baru di kawasan Yong Peng.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, sedia maklum bahawa ketika ini kos sara hidup semakin meningkat. Golongan pertengahan dan bawahan menerima kesan langsung di atas segala kos yang tinggi. Konsep berjimat cermat perlu dipupuk oleh rakyat sekalian dan tidak ketinggalan penjawat awam perlu juga mengamalkannya ketika meluluskan apa jua projek pembangunan. Yong Peng ingin meminta penjelasan berkenaan Ucapan Bajet 2014 Yang Amat Berhormat Menteri Besar strategi ketiga.

Memperkasa dan Merakyatkan Kerajaan. Fokus perbelanjaan berhemah berdasarkan kemampuan. Yong Peng ingin menarik perhatian di Dewan yang mulia ini. Di Yong Peng akan didirikan sebuah klinik kesihatan baru di mana ketika ini fasa pertama melibatkan kerja tanah telah siap pada Oktober 2013. Menurut jawapan Pengarah Kesihatan Negeri Johor fasa kedua akan dimulakan pada April 2014, namun apa yang menghairankan setelah pagar, pagar keselamatan zink yang cantik didirikan dan rumput telah ditanam, pihak kontraktor telah mencabut semua pagar-pagar tersebut, bukankah itu satu bentuk pembaziran. Soalan, apakah kos kerja tanah, tak adakah kos kerja tanah ini meliputi kos pagar dan kos rumput.

Apakah keluasan kawasan Klinik Kesihatan Yong Peng yang baru ini dan berapa ketebalan kerja tanah tersebut. Kepada siapakah projek itu dianugerahkan, siapa dan apakah kriteria yang memastikan kontraktor tersebut mempunyai kemahiran dan peralatan yang mencukupi dan dapatkah dipastikan kontraktor tersebut tidak menggunakan kontraktor pihak kedua dan ketiga atau lebih dikenali sebagai Ali Baba dengan izin, untuk menyiapkan projek tersebut.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, mengikut Penyata Kewangan Majlis Daerah Yong Peng bagi tahun berakhir 31 Disember 2012. Penyata Pendapatan muka surat 7 - Penyelenggaraan Pembaikan Nota 37 dalam tahun 2012, kemudahan penyelenggaraan yang mengambil lebih dari RM2 juta. Yong Peng ingin

mendapatkan penjelasan dan maklum balas tentang kos dan senarai kontraktor yang memenangi tender dalam setiap projek yang dijalankan. Selain itu saya ingin bertanya siapakah yang mempunyai kuasa muktamad menawarkan projek itu kepada kontraktor-kontraktor tertentu dan apakah unsur-unsur yang ditentukan harga yang ditawar dan dipilih adalah munasabah. Adakah pandangan dari kumpulan pakar dirujuk sebelum kontraktor itu dipilih.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, Yong Peng ingin penjelasan berkaitan sebutan pada Penyata Kewangan Majlis Daerah Yong Peng Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2012, Penyata Pendapatan muka surat 7, Pemberian dan Kenyataan Bayaran Tetap Nota 41 dalam tahun 2011. Tuntutan pampasan RM135,500.00 kepada siapakah dan kenapa pampasan tersebut diberi.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, menurut Laporan Ketua Audit Negara tahun 2012, Perkara 2, Jabatan Landskap Negeri Johor perenggan 2.4.1 prestasi pembangunan landskap taman awam, Taman Botani Sri Medan, Batu Pahat. Perenggan 2.4.1.3 perancangan jangka panjang pembangunan Taman Botani tidak disediakan. Yong Peng meminta penjelasan mengapa Taman Botani tersebut tidak mencapai matlamat. Adakah terdapatnya unsur kefirisan atau tiada kepakaran untuk melaksanakannya. Pandangan Yong Peng sepatutnya sebelum semua projek dijalankan, Kerajaan perlulah menubuhkan kumpulan pakar dalam membantu pelaksanaannya.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, Yong Peng ingin memberi maklum balas tentang Ucapan Bajet 2014, Yang Amat Berhormat Menteri Besar tentang strategi kedua, meningkatkan kesejahteraan rakyat fokus, meningkatkan kualiti dan penyediaan infrastruktur luar bandar. Sasaran Kerajaan ialah 100% penduduk Johor akan dapat menikmati bekalan air bersih menjelang tahun 2017. Di sini sekali lagi Yong Peng bawakan isu berkenaan kawasan takungan air di Empangan Bekok dan Manong.

Adalah dimaklumkan bahawa pencerobohan masih tetap berlaku. Perkara ini adalah sangat penting dan melibatkan rakyat dalam skala yang besar. Yong Peng merayu kepada Kerajaan supaya mengambil perhatian yang khusus dengan kadar yang segera. Jika penguatkuasaan masih tidak dapat dilakukan atas alasan pewartaan, maka segeralah diwartakan kawasan tersebut. Tidak bolehkah dilakukan penyelesaian jangka pendek agar dapat dilakukan penguatkuasaan. Adakah jika kita melihat rumah terbakar kita berpeluk tubuh sahaja dan berdiam diri, tidak memberi bantuan atas alasan kita bukan ahli Bomba. Seterusnya Yong Peng memaklumkan kepada Dewan ini, berkenaan Sungai Bekok di Yong Peng. Sungai Bekok ini tidak diselenggarakan dengan baik mengikut jadual. Sungai tersebut yang berpotensi mengakibatkan banjir hanya dikorek sekali sekala sahaja dan bukan setiap tahun.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, konsep Rakyat Didahulukan yang dilaungkan perlu diterapkan kepada semua penjawat awam termasuk di hospital dan klinik kesihatan. Satu kes telah berlaku di Klinik Kesihatan Yong Peng, seorang pesakit yang hanya ingin mendapatkan rawatan penyakit batuk telah jatuh dan mengalami kecederaan patah tangan serta cedera pada tulang belakang. Yong Peng menyeru supaya semua kemudahan tempat awam seperti di klinik kesihatan disemak semula an ditambahbaikan.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, Yong Peng menerima aduan daripada penduduk di sekitar Yong Peng bahawa mereka tidak berpuas hati terhadap pentadbiran Majlis Daerah Yong Peng, yang lambat mengambil tindakan membaik pulih jalan-jalan yang berlubang. Justeru itu Yong Peng mencadangkan agar pihak Kerajaan dapat mengwujudkan satu *task force* dengan izin, khas bagi menangani masalah berkaitan jalan berlubang. Pasukan khas itu diberikan kuasa bertindak serta merta menyelesaikan masalah yang timbul jika kos tersebut adalah rendah dan tak melalui tender, proses tender di mana dia akan memakan masa serta memungkinkan elemen kerenah birokrasi.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, berdirinya Yong Peng di sini saya juga ingin mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada anggota pihak Majlis Daerah Yong Peng, Balai Polis Yong Peng, Balai Bomba Yong Peng, Jabatan Kebajikan Yong Peng, SAJ Yong Peng, MPOB, TNB Yong Peng, JKR dan JPS Batu Pahat dan pihak-pihak tertentu yang lain, yang sentiasa memberikan kerjasama dalam menyelesaikan masalah rakyat. Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, dan akhirnya Yong Peng selaku seorang ADUN yang sah dan dipilih oleh rakyat terdapatnya soalan-soalan saya seperti berikut:-

- Bilakah Jalan Kampung Sungai Berlian, Yong Peng dapat ditarkan?
- Bilakah infrastruktur jalur lebar dapat diadakan di Kampung Haji Mian, Taman JPN di Yong Peng dan Taman Sri Permai, Sri Lalang?
- Bilakah lampu jalan di Persimpangan Jalan Labis dan Kampung Haji Mian, Jalan ke Empangan Bekok akan diadakan?
- Bilakah jalan Kampung Sri Semangat Kangkar Baru dan Jalan Kampung Manong ke Empangan Manong boleh diturap semula?
- Bilakah Bomba baru Yong Peng di PTD 24387, Stadium Majlis Daerah Yong Peng di PTD 24388 dan perumahan awam kos rendah di PTD 24689 akan dilaksanakan?
- Senaraikan nama peserta jawatan destinasi dan kos perbelanjaan rombongan sambil belajar anjuran Kerajaan Negeri dari tahun 2005 hingga 2012 dan apakah manfaat dan pelaburan diperolehi daripada lawatan tersebut?

Soalan-soalan tersebut adalah diminta oleh rakyat. Saya sebagai wakil mereka membawa soalan tersebut ke Dewan yang mulia ini sebagaimana yang sewajarnya. Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, sekian ucapan saya, terima kasih.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Kita teruskan, Yang Berhormat Tangkak.

Y.B. Encik Ee Chin Li (Tangkak) : Selamat petang dan salam sejahtera. Tangkak ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, kerana diberi peluang untuk berbahas berkenaan Bajet Negeri Johor 2014. Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, terlebih dahulu Tangkak juga mengucap tahniah kerana Negeri Johor dapat memperolehi sebanyak RM2.02 juta lebihan bagi bajet mengurus tahun 2014. Dengan ini Tangkak berharap Kerajaan Negeri Johor boleh menggunakan lebihan bajet ini untuk menambah baik dan meningkat taraf kehidupan anak bangsa Johor terutama kepada golongan miskin tegar dan golongan yang masih dalam kehidupan yang tegar yang sukar.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, menurut Ucapan Bajet Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Kerajaan Negeri Johor amat bersungguh untuk menjayakan Program Transformasi Luar Bandar selari dengan hasrat Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Johor akan meningkatkan peruntukan penyelenggaraan jalan-jalan kampung, meluaskan peluang rebet air dan program bekalan elektrik, mempertingkatkan perkhidmatan bekalan air dan juga memperluaskan dan menyelenggarakan akses jalur lebar di luar bandar.

Tangkak amat menghargai rancangan ini dan mengharap program-program yang tersebut di atas boleh dilaksanakan dengan sepenuhnya, bagi meningkat taraf kehidupan penduduk-penduduk di luar bandar dan berjaya merapatkan jurang perbezaan kawasan luar bandar dengan kawasan bandar. Tetapi, sesetengah penduduk-penduduk di kawasan luar bandar bukan sahaja menghadapi masalah jalan rosak, masalah bekalan air dan bekalan elektrik, masalah kekurangan pengangkutan awam atau pun masalah tidak dapat akses ke jalur lebar sahaja, kerana segolongan warga miskin tegar dan daif di luar bandar masih menghadapi masalah tempat tinggal, seperti mereka yang masih tinggal di dalam rumah uzur.

Walaupun mereka telah membuat permohonan ke projek Perumahan Rakyat Miskin Tegar (PPRT) tetapi, ada yang telah menunggu selama 3 sampai 4 tahun masih belum dapat bantuan membaiki rumah dan ada juga langsung tidak menerima sebarang maklum balas tentang keadaan permohonan mereka dari pihak yang berkenaan. Bagi golongan tersebut apa yang mereka mahu bukan sahaja jalan kampung yang cantik dan bekalan air serta elektrik, mereka memerlukan satu kediaman yang sempurna dan selamat. Kerajaan Negeri Johor harus mengambil perhatian tentang masalah mereka. Penduduk-penduduk di luar bandar juga menghadapi masalah kekurangan rumah mampu milik serta rumah kos rendah dan sederhana. Contohnya,

sudah lama kawasan Tangkak tidak dibina kos rendah. Kerajaan Negeri Johor mesti menangani masalah ini dengan segera.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, Tangkak mengalu-alukan Kerajaan Negeri Johor dalam penubuhan Yayasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi pembasmian kemiskinan dan memberikan bantuan-bantuan yang lain. Kerajaan Negeri Johor juga berhasrat menjadi sektor pelancongan sebagai sumber pertumbuhan ekonomi yang penting dan Tangkak percayai Ahli-Ahli Yang Berhormat yang berada di Dewan yang mulia ini tahu bahawa Negeri Johor memang mempunyai potensi berlebihan untuk mencapai hasrat tersebut. Tetapi, selain dari segi semula jadi dan keindahan yang dapat menarik pelancong, infrastruktur juga memainkan peranan yang penting dalam tarikan pelancong untuk datang ke Negeri Johor. Semakin ramai pelancong adalah *Back Packer*, dengan izin. Aspek-aspek yang diambil kira ketika mereka memilih destinasi pelancongan termasuklah kemudahan pengangkutan awam, kebersihan sekitar dan isu keselamatan. Jadi, adakah Negeri Johor telah menyediakan kemudahan pengangkutan awam yang memuaskan di seluruh negeri terutama dalam penyambungan antara lokasi-lokasi pelancongan dan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menyelesaikan masalah kebersihan dan keselamatan?

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, dua tempat di DUN Tangkak telah diumum sebagai wabak denggi pada minggu lalu iaitu Zon Tangkak Jaya dan Zon Kampung Bekok, Tangkak. Selepas menjalankan kempen gotong-royong di kedua-dua wabak bersama Pegawai Pejabat Kesihatan Daerah dan pihak PBT, kami mendapati bahawa punca utama yang mengakibatkan kes denggi meningkat terlampau di kawasan tersebut adalah kerana keadaan kebersihan di kawasan wabak tersebut terlalu teruk. Ini bukan sahaja tanggungjawab penduduk-penduduk di kawasan tersebut sahaja, tetapi pihak PBT mesti memikul tanggungjawab terbesar kerana terdapat banyak longkang telah lama disumbat oleh sampah-sarap dan juga batu pasir, tetapi tidak dibersihkan. Tangkak berharap pihak PBT boleh membuat pemantauan bagi kerja-kerja kebersihan yang telah dijalankan oleh kontraktor dan ambil tindakan yang keras sekiranya kontraktor gagal dalam memenuhi tanggungjawab mereka.

Begitu juga masalah banjir kilat di beberapa kawasan dalam Zon Tangkak seperti di Kampung Baru Tangkak No. 2 dan Kampung Bekok Tangkak. Perparitan yang lama, sumbat dan kecil sudah tidak mampu menampung air dari kawasan perumahan baru. Tetapi, pihak PBT dan juga JPS, Jabatan Pengairan dan Saliran tidak menyedari masalah ini sebelum meluluskan projek pembangunan baru dijalankan. Ini adalah punca utama penduduk-penduduk menderita dan mengalami kerugian, oleh kerana kesilapan dan tidak profesional pihak-pihak berkenaan.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, sektor pertanian adalah penyumbang penting bagi ekonomi Negeri Johor. Tetapi, sampai hari ini masih ramai petani tidak mempunyai tanah pertanian sendiri. Mereka juga selalu ditimpa bencana alam. Selain daripada itu, petani-petani juga menghadapi masalah pengangkutan hasilan. Di kawasan pertanian Kampung Solok Tangkak, tiada laluan akses bagi sesetengah petani untuk memasuki ke kebun mereka dan mereka terpaksa meminjam laluan

dengan kebun jiran. Masalah ini telah membawa kesusahan kepada petani-petani tersebut khususnya apabila petani hendak mengangkut hasilan-hasilan mereka ke pasaran. Pihak kerajaan telah lama berjanji akan membina satu jalan baru untuk petani-petani di situ, di Kampung Solok, Tangkak. Tetapi, sampai hari ini janji tersebut masih belum dikotakan. Tangkak berharap Kerajaan Negeri Johor boleh menyatakan bilakah jalan kebun baru tersebut akan dibina?

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, Yang Amat Berhormat Menteri Besar mewakili Kerajaan Negeri Johor berikrar pada 7 November yang lalu dalam Dewan yang mulia ini, bahawa pelaksanaannya kerap akan mengatasi kepentingan individu dan perbezaan idealogi politik sekalipun. Tangkak berharap beliau boleh menjalankan tugas dengan adil dan saksama dalam meluluskan projek pembangunan tempatan dan aliran peruntukan di 56 kawasan DUN Negeri Johor. Tidak kira kerusi itu dimenangi oleh Pakatan Rakyat ataupun Barisan Nasional. Tangkak juga ingin tahu, berapakah jumlah peruntukan yang telah diberi kepada pertubuhan-pertubuhan dan persatuan-persatuan di setiap kawasan DUN sejak tahun 2000 sehingga kini dan berapa jumlah peruntukan yang telah di janji oleh Kerajaan Negeri tetapi masih belum ditunaikan.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, Kerajaan Negeri Johor meminta semua pelaburan-pelaburan yang datang ke Negeri Johor mesti menyumbang kepada peningkatan peluang pekerjaan yang bermutu dan dapat mempertingkatkan kemahiran pekerja tempatan dan pelabur juga diminta haruslah mesra alam sekitar.

Tangkak ingin tahu bahawa setelah projek *Pengerang Indipendent Deep Water Terminal*, dengan izin, dilaksanakan. Dasar laut telah di musnah, habitat haiwan laut akan hilang. Apabila Projek Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang, PIPC dijalankan, pemandangan yang indah di Pengerang akan diroboh. Adakah ini dianggap mesra alam sekitar dan juga beropa peluang pekerjaan yang akan disediakan untuk orang tempatan?

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, mengenai khabar-khabar angin kebelakangan ini tentang cadangan untuk menukar cutian minggu kepada hari Jumaat dan Sabtu di Negeri Johor. Tangkak berharap Kerajaan Negeri Johor boleh mempertimbangkan dengan teliti dan meminta Kerajaan Negeri Johor mendengar pandangan rakyat dan juga pandangan-pandangan daripada para pelabur. Bagi tidak menjejaskan dalam pembangunan Iskandar Malaysia, Tangkak harap kerajaan akan mengadakan perbincangan dengan IRDA kerana Iskandar Malaysia sedang bersaing dengan Pulau Pinang dalam tarikan pelabur. Adakah pelabur akan memilih melabur di Pulau Pinang sekiranya hari cuti mingguan Negeri Johor ditukar kepada hari Jumaat dan Sabtu?

Akhirnya, Tangkak berharap Kerajaan Negeri Johor boleh mengelakkan pembaziran ketika mengurus Negeri. Sekian, terima kasih. [Dewan bertepuk].

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Sila Mengkibol.

Y. B. Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Salam sejahtera kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini dan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker kerana telah memberi peluang kepada Mengkibol untuk turut serta dalam Perbahasan Bajet Tahun 2014.

Mengkibol ingin merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana telah membentangkan Bajet Lebihan atau *Surplus Budget* untuk Bajet Tahun 2014. Bagaimanapun ingin juga Mengkibol menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa kita perlu sentiasa berhemah dalam mengurus bajet ini supaya bajet ini betul-betul membawa lebihan kepada dana Kerajaan dan memanfaatkan rakyat.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, Mengkibol berkata sedemikian kerana bajet hanyalah satu anggaran dan perlulah diikut dengan seberapa ketat yang boleh. Hakikatnya, Dewan yang mulia ini selalunya perlu meluluskan pembentangan perbekalan tambahan sebagai kesan sesetengah jabatan yang tidak berjimat cermat dalam menguruskan peruntukan bajet yang diberikan. Sebagai contoh, Kerajaan Negeri Johor juga telah membentangkan Bajet Lebihan pada tahun 2011 dan 2012. Akan tetapi, perbelanjaan yang sebenar pada tahun 2011 telah melebihi apa yang telah diperuntukkan dalam bajet sebanyak RM179.22 juta iaitu daripada RM811.35 juta dalam bajet. Perbelanjaan sebenar ialah RM990.57 juta. Memandangkan kita masih belum dibentangkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri untuk tahun 2012, maka keadaan kawal selia bajet tahun 2012 tidak diketahui.

Oleh yang demikian, adalah penting bagi Kerajaan sentiasa berhemah dan berhati-hati dalam menggunakan peruntukan dan Kerajaan Negeri haruslah mengawal selia atas bajet yang dibentangkan ini supaya kita dapat memastikan segala perbelanjaan yang berlaku adalah sentiasa terkawal dan mematuhi apa yang telah diperuntukkan dalam bajet.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, Mengkibol juga berasa bangga apabila salah satu teras utama bajet kali ini adalah mencorak ekonomi yang mampan. Antaranya, konsep teknologi hijau telah diberikan penekanan. Bagaimanapun, Mengkibol ingin menekankan di sini bahawa teknologi hijau ini bukanlah setakat mengecat bangunan atau premis dengan warna hijau sahaja. Konsep teknologi hijau ini tidak seharusnya dipandang dengan menggunakan minda lama iaitu dilihat sebagai peluang untuk mendapatkan ataupun menjalankan projek. Konsep ini adalah sesuatu yang berselarian dengan amalan harian kita. Ianya bukanlah sahaja melibatkan pihak korporat ataupun teknokrat tetapi juga memerlukan penglibatan semua lapisan masyarakat termasuklah rakyat jelata dan...

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Mengkibol, duduk. Bagi peluang pada Ahli-Ahli Dewan untuk berehat. Saya tangguhkan sehingga jam 4.00 petang.

Dewan ditangguhkan pada jam 3:45 petang.

Dewan disambung semula pada jam 4:00 petang.

Y.B. Datuk Speaker mengetuai Persidangan.

Y.B. Datuk Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan disambung semula. Kita meneruskan Perbahasan Bajet 2014 ini dengan meneruskan Yang Berhormat Mengkibol, ada lima minit lagi. Jemput.

Y. B. Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Yang Berhormat Datuk Speaker, konsep teknologi hijau ini sepatutnya juga melibatkan penglibatan semua lapisan masyarakat termasuklah rakyat jelata dan juga agensi-agensi Kerajaan. Konsep teknologi hijau sebenarnya wajib berteraskan semangat cintakan alam dan sikap mesra alam. Sehubungan itu, pemeliharaan ekosistem seharusnya sentiasa diberikan penekanan, khasnya dalam semua projek-projek pembangunan.

Apa yang mengagumkan ialah dalam bajet yang sama juga memberikan penekanan dalam pembangunan industri minyak dan gas yang selalunya, yang selama ini mengundang kritikan yang teruk terutamanya kesan industri ini terhadap ekosistem apabila industri ini mendatangkan pencemaran yang teruk. Bukankah ini merupakan sesuatu yang bercanggahan sesama sendiri? Kita perlu sedar bahawa di negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, pembinaan loji minyak dan gas yang baru telah diberhentikan sejak tahun 1980an. Hanya penaikan taraf loji sedia ada sahaja yang dibenarkan di sana. Mengapakah dasar seperti ini dilaksanakan? Tentu ada sebabnya negara-negara maju ini berbuat demikian. Antaranya, adalah untuk mengurangkan pencemaran yang akan berlaku ekoran daripada pengendalian loji-loji ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, memang kita semua sedia maklum bahawa setiap pembangunan yang dijalankan diwajibkan menjalankan Penilaian Impak Alam Sekitar ataupun EIA. Menurut Akta Kualiti Alam Sekitar Tahun 1974, EIA harus mendapatkan kelulusan sebelum sesuatu projek yang tersebut boleh dimulakan. Termasuklah Projek Kompleks Bersepadu Petroleum Pengerang ataupun PIPC. Bagaimanapun hakikat yang sebenarnya selalunya adalah berlainan daripada apa yang digambarkan, terutamanya pada peringkat pelaksanaan dasar. Sebagai contoh EIA bagi sesuatu projek mega selalu akan dipecah-pecahkan kepada bahagian-bahagian yang lebih kecil atau dijalankan secara berperingkat-peringkat ataupun fasa demi fasa. Sudah tentu apabila EIA untuk sesuatu projek mega ini apabila dipecahkan kepada bahagian-bahagian yang lebih kecil sudah tentu *impact* projek kecil kepada alam sekitar tidaklah terlalu ketara jika dibandingkan dengan *impact* yang dikaji secara menyeluruh untuk keseluruhan sesuatu projek mega. Sebagai contoh projek PIPC di Pengerang yang melibatkan tanah seluas 22650 ekar tanah telah pun memusnahkan ekosistem terutamanya habitat hidupan laut dan hutan paya yang menjadi habitat ribuan jenis flora dan fauna serta mendapat *impact* yang teruk ke atas alam sekitar. Tetapi Yang Berhormat Dato' Speaker, EIA untuk keseluruhan projek PIPC tidak pernah dijalankan tetapi hanya untuk projek-projek ataupun mengikut fasa-fasa kecil di bawahnya. Iaitu setakat ini telah 3 EIA dijalankan iaitu untuk Projek Dialog dan Projek Rapid yang telah diluluskan dan projek sebelum ini dikatakan Projek Kuo kang dari Taiwan. Dan saya jangka EIA yang ketiga ini juga akan diluluskan seperti yang telah saya sebutkan tadi.

Laporan-laporan EIA ini tidak seharusnya dianggap sebagai satu syarat pentadbiran yang perlu dipenuhi sahaja malah ia perlu dimanfaatkan sebagai ketahanan yang paling penting untuk memelihara kesejahteraan alam sekitar dan keseimbangan ekosistem. Pembangunan ekonomi yang mampan dan lestari seharusnya menjadi teras kepada semua kerajaan dengan dijadikan sebagai amalan tetapi bukan digunakan sebagai slogan yang tidak membawa erti. Mengkibol juga ingin mewakili seluruh warga Kluang merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada kerajaan sama ada Kerajaan Persekutuan ataupun Kerajaan Negeri atas keprihatinan kerajaan

ke atas masalah pembekalan air yang kian menghantui terutamanya kami sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Antara usaha yang dijalankan untuk mengatasi pembekalan air ini termasuklah pembinaan Empangan Kahang yang diumumkan oleh Perdana Menteri pada tahun 2011 dan dijangkakan akan bermula tidak lama lagi. Mengkibol ingin menarik perhatian Dewan Yang Mulia ini bahawa selaras dengan teras yang tersebut dalam bajet iaitu kemapanan dan kelestarian pembangunan Negeri Johor menurut laporan *Social Technical Environmental And Financial Consideration Side Ting of Kahang Then Assist* terdapat 2 tapak cadangan yang bakal menjadi tapak pembinaan Empangan Kahang ini. Masing-masing melibatkan penyelengaraman rizab hutan atau hidupan liar seluas 29.2KM persegi dan 37.1KM persegi, justeru Mengkibol menyeru supaya pihak kerajaan dapat berpegang tegas dan menerapkan konsep mesra alam apabila memilih tapak ini supaya dapat memilih dengan cermat dan pemusnahan hutan lipur ini dapat dikurangkan pada tahap yang paling *minimum*. Pada masa yang sama Mengkibol juga menarik perhatian Dewan Yang Mulia ini, bahawa konsesi pembalakan untuk membersihkan kawasan hutan yang terlibat dalam pembinaan Empangan Kahang ini haruslah diurus dengan cermat supaya kerajaan juga dapat mendapat hasil daripada pembersihan tapak tersebut.

Yang berhormat Dato' Speaker, apabila kita berasa bangga dengan pembangunan yang pesat di negeri kita, kita jangan lupa pula dengan pembangunan industri-industri sederhana dan kecil iaitu ataupun dengan izin *Small And Medium Industry* di mana setiap tahun berjuta-juta ringgit ataupun ada yang sampai ratusan juta ringgit hasil dikutip daripada kawasan-kawasan perindustrian ini oleh Pihak Berkuasa Tempatan namun keadaan dan pemeliharaan infrastruktur di kawasan-kawasan perindustrian ini adalah kurang memuaskan. Saya bagi satu contoh iaitu Kawasan Perindustrian Mengkibol di kawasan di Kluang, jalan berlubang di sana sini dan sampah longgok di sana sini. Bukankah ini merupakan tanggungjawab Kerajaan untuk menyediakan infrastruktur yang selesa, yang memuaskan untuk menampung keperluan industri-industri sederhana dan kecil ini supaya mereka ini dapat terus menyumbang kepada pembangunan ekonomi negeri kita yang mana mereka ini dianggap sebagai tulang belakang ekonomi di negara kita.

Yang Berhormat Dato' Speaker, salah satu teras bajet kali ini adalah 'Merakyatkan Kerajaan' apabila kita kata merakyatkan Kerajaan maka Kerajaan haruslah sentiasa berjiwa rakyat. Mengkibol telah mendapat aduan daripada penduduk-penduduk di Kampung India, Sungai Mengkibol yang terjejas dengan pembinaan ataupun projek Trek Berkembar Kemas ke Johor Bahru, mereka pernah cuba memohon tapak yang didiami sejak turun temurun kepada Pejabat Tanah tetapi permohonan mereka telah ditolak, sekarang apabila projek tersebut berjalan mereka terpaksa diusir daripada tempat yang didiami sekian lama ini. Mengkibol berharap pihak Kerajaan perlu memberikan perhatian dan prihatin kepada keperluan penduduk-penduduk di kampung ini supaya hak mereka masih terlindung dan tidak terhakis di bawah projek pembangunan ini.

Akhir kata, sesuatu Kerajaan yang prihatin dan betul-betul bersikap mesra alam haruslah mementingkan keseimbangan dalam melaksanakan segala pembangunan dan hak rakyat dan kepentingan rakyat haruslah menjadi keutamaan yang sentiasa didahului. Dengan itu, saya sudahi ucapan saya,sekian terima kasih.

Y. B. Dato' Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Mengkibol. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Semerah.

Y.B. Encik Mohd. Ismail bin Roslan (Semerah) : Bismillahirrahmannirrahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Maal Hijrah 1435, Selamat Sejahtera, Salam 1Malaysia. Yang Berhormat Dato' Speaker, Semerah memulakan dengan Allah Yang Maha Esa Amat Pengasih Lagi Penyayang. Segala puji dan syukur dipanjatkan bagi Allah SWT dan Selawat dan Salam Ke Atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW ahli keluarga, para sahabat dan pengikut-pengikutnya. Semerah juga mengucapkan rasa syukur kehadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya dapat Semerah bersama-sama membahaskan Bajet Johor 2013 yang dibentangkan buat julung-julung kalinya di Dewan Yang Mulia ini oleh YAB Menteri Besar dengan tema "Muafakat Membangun, Pembangunan dan Pengagihan". Dengan 4 teras utamanya iaitu Mencorakkan Ekonomi Yang Mampan, Meningkatkan Kesejahteraan Rakyat, Memperkasakan Dan Merakyatkan Kerajaan dan Melahirkan Modal Insan Yang Berketerampilan, sekalung tahniah kita ucapkan kepada YAB Menteri Besar atas pembentangan itu. 'Bajet di bentang amat sempurna walaupun pembangkang macam tak terima. BN memerintah kekal selamanya rakyatkan hidup lebih terbela'.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam sesi pembentangan Bajet Negara 2014 yang dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri kita pada 25 Oktober yang lalu, beliau telah menetapkan beberapa inti pati perbelanjaan yang antara lain menyentuh tentang hala tuju pembangunan negara melihat kesinambungan perbelanjaan dengan mengimbangi pendapatan dan perbelanjaan. Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan adalah bertujuan untuk mengurangkan deposit belanjawan juga menampakkan erti sebenar rasionalisasi subsidi oleh Kerajaan dan arah tuju negara. Ia bertemakan Memperteguh Ketahanan Ekonomi Memperkasa Transformasi dan Melaksanakan Janji. Rasionalisasi subsidi membolehkan Kerajaan mempunyai lebihan pendapatan untuk disalurkan kepada pembangunan negara. Yang antaranya menumpukan usaha meringankan golongan menengah bawah, akses pemilikan rumah khususnya mampu milik serta keperluan infrastruktur. Begitu juga dengan Pelaksanaan Cukai Barang Dan Perkhidmatan atau GST yang dimulai pada 1 April 2015 akan lebih memberikan keadilan kepada seluruh rakyat Malaysia dan ianya telah diterima oleh 160 buah negara tentang keadilannya termasuklah negara jiran kita. Walau bagaimanapun rakyat dimomokkan oleh pelbagai persepsi buruk GST oleh pihak pembangkang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ucapan tahniah dan syabas patut diberikan kepada YAB Menteri Besar yang amat kita kasihi, pembentangan bajet yang merangkumi semua aspek daripada rakyat marhaen hingga menarik pelabur dengan nilai berbilion ringgit. Kerajaan Negeri di bawah pimpinan YAB banyak melaksanakan penambah baik dan perubahan dalam usaha mentadbirmahkan lima bajet kali ini. Ini termasuklah bermula dengan Pelan Suara Hati Rakyat Johor, Penubuhan Jawarankuasa Pelaburan Johor, mewujudkan Pusat Sehenti Usahawan Negeri Johor, Semakan Semula Pemilikan Harta Tanah dan Perolehan Oleh Kepentingan Asing, Caj Pelepasan Kuota Bumiputra, meluaskan rebat air kepada 35m³, perubahan besar dalam keterampilan memberkasakan pembangunan baru, mempertabatkan kepentingan islam dan pelbagai lagi dan yang paling penting termasuk meningkatkan syar Islam. 'Hendak belayar ke Teluk Batung sambil mencuba melabuhkan pukat, buat air kerana pembelung, bulat manusia kerana muafakat'.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam strategi meningkatkan kesejahteraan rakyat, kita percaya bahawa Kerajaan Negeri akan dapat mencapai kejayaan terutamanya dalam membasmi kemiskinan kepada sifar menjelang tahun 2020. Usaha berterusan yang dibuat oleh Kerajaan melalui jabatan/ agensi yang berkaitan walaupun pelaksanaan program tidak hanya kepada bantuan harta benda tetapi hendaklah lebih kepada pembangunan minda, kerana golongan ini sebahagian besarnya juga adalah berada dalam kemiskinan minda sendiri. Contohnya Yang Berhormat Dato' Speaker bila diberi bantuan lembu, tidak beberapa hari lembu tersebut telah bertukar ke kandang yang lain untuk mendapatkan duit segera. Sempena sangat mengharapkan agar usaha kita membanteras kemiskinan ke akar umbi perlu dilaksanakan dengan begitu teliti, teratur dan tersusun. Golongan yang berdaftar dengan e-Kasih di Pejabat Daerah ini perlulah diberikan penerapan semula secara lebih teliti lagi. Sekiranya Kerajaan perlu memandang dan menerapkan rawatan yang paling mujarab untuk mengubati penyakit mereka yang menghidap sakit kemiskinan dan tiada kesungguhan berusaha, bukan maksud memberi untuk diberitu, tetapi diberi bak kata bidalan Melayu, Melayu tiada perlu berkerak nasi lesung berdedak' yang bermaksud jika kita inginkan kejayaan mestilah perlu berusaha hingga berjaya.

Yang Berhormat Baluk Speaker dalam strategi yang sama juga sempena ucapan tahniah kerajaan yang menyediakan sekurang-kurangnya 28,000 unit rumah kos rendah dan mampu milik Johor dari tahun 2013 hingga tahun 2018. Kepihakan kerajaan memperkenalkan segmen baru harga rumah mulai 1 januari 2014 iaitu dari harga RM42,000 sehingga RM150,000 juteru itu, apalah dikadangkan pembinaannya juga tidak hanya tertumpu atau dilaksanakan di bandar bandar tetapi juga perlu dibina di kawasan pinggir bandar agar kesitan tersebut dapat diberikan kepada mereka yang baru mula hidup berkeluarga dan golongan muda yang amat memerlukan tempat tinggal yang mampu dimiliki. Ramai di kalangan anak muda yang baru berkeluarga dan bekerja di sektor industri amat menanti pengumuman ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker dalam fokus menombah baik tahap perkhidmatan pengangkutan awam, dalam menambah baik 35 Pusat Hentian Bas mohon juga pihak Kerajaan tidak terlepas pandang juga mengenai Pusat Hentian Teksi yang perlu diberikan imej baru. Contohnya, di Bandar Batu Pahat Yang Berhormat Datuk Speaker oleh kerana tiadanya pusat hentian teksi yang tersedia seperti hentian bas walaupun dimaklumkan telah dijanjikan oleh kepimpinan negeri sebelum ini, maka ada 5 kelompok atau persatuan teksi yang berada di 5 lokasi yang berlainan. Ini menyukarkan pengguna dan juga menunjukkan imej dan pandangan yang tidak elok dan tersusun, apatah lagi ianya terletak dalam kawasan Majlis Perbandaran.

Semerah juga mengucapkan terima kasih di atas usaha Kerajaan Negeri secara berterusan untuk meningkatkan kualiti dan kuantiti jalan-jalan kampung. Dalam bajet kali ini, kerajaan memperuntukkan sebanyak RM210 juta ini termasuk menaik taraf, penyelenggaraan berkala pelebaran jalan-jalan yang dilaksanakan di seluruh kampung termasuk di DUN Semerah. Walau bagaimanapun, pelebaran jambatan-jambatan perlu juga diambil kira untuk mengelak sebarang kemungkinan kemalangan jambatan-jambatan ini yang di kebanyakan dibina oleh JPS termasuklah semasa di bawah rancangan pembangunan Johor Barat.

Yang Berhormat Datuk Speaker sudah sampai masanya jalan Batu Pahat ke Muar di naik taraf kerana ianya merupakan jalan utama yang menghubungkan Bandar Batu Pahat, Bandar Penggaram dan Bandar DiRaja Muar. Terutama jalan dari Batu Pahat ke Semerah yang jalan ini kerap rosak. Oleh itu pembaikan, dan penyelenggaraan secara menyeluruh dapatlah dilaksanakan untuk memastikan bahawa pengangkutan awam dapat bergerak dengan selesa.

Semerah juga mencadangkan iaitu sempadan Batu Pahat dan Muar ini di lihat dan dikaji semula untuk memudahkan urusan pentadbiran daerah. Adalah dicadangkan sempadan baru di Batu Pahat bermula dengan di kawasan Sungai Sarang Buaya. Ini memudahkan segala urusan yang kerap berlaku pertindihan pengurusan di antara jabatan-jabatan dan juga pihak-pihak yang terlibat dengan urusan kedua-dua daerah.

Yang Berhormat Datuk Speaker dalam pengurangan subsidi gula sebanyak RM0.34 sen, Kerajaan dapat menjimatkan RM344 juta setahun. Oleh itu Semerah memohon agar Kerajaan memastikan penduduk luar bandar lebih sihat, maka cadangan Pusat Kesihatan lebih besar di kawasan Lubuk yang telah dipohon dimajukan daripada Rancangan Malaysia ke- 9 dan Rancangan Malaysia ke 10 walaupun tanahnya telah disediakan lebih 15 tahun tapi tidak dapat dilaksanakan. Semerah mencadangkan supaya pembinaan Pusat Kesihatan besar di Lubuk ini dapat disempurnakan ataupun dilaksanakan dalam rancangan setidaknya dalam Rancangan Malaysia ke 11. Kawasan ini mempunyai penduduk yang padat iaitu lebih kurang 30,000 orang dan klinik kesihatan yang sedia ada ini tidak dapat menampung keperluan penduduk dan rakyat di kawasan berkenaan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Semerah juga mengucapkan tahniah di atas usaha berterusan syarikat-syarikat Kerajaan berkaitan Kerajaan Negeri iaitu Perbadanan Islam Johor, Kumpulan Prasarana Rakyat Johor, Yayasan Pelajaran Johor Holdings, Johor Corporation, JB Biotech, SAJ dan lain-lain yang telah memperuntukkan sejumlah RM 249.2 juta untuk rasa sama tanggungjawab membangunkan ekonomi negeri dan mensejahterakan seluruh rakyat Johor termasuklah mereka yang menyokong pembangkang. Terima kasih juga kepada seluruh anggota perkhidmatan awam Negeri dan Persekutuan yang berkhidmat di Negeri Johor yang terus menyokong usaha kerajaan bagi merealisasikan Bajet Johor 2014 dalam melaksana dan menterjemahkan dalam bentuk tindakan, seterusnya demi kejayaan, muafakat pembangunan dan pengagihan di Negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, akhirnya saya melihat bahawa inilah bajet yang merangkumi semua aspek kehidupan yang akan memberikan kekuatan untuk Kerajaan Negeri terus menjadikan Negeri Johor melaksanakan agenda muafakat Johor demi perpaduan dan kesejahteraan. Bak kata pepatah, serumpun bagai serai seikat bagai sirih. Mudah-mudahan usaha murni ini diberkati Allah SWT dan kita sentiasa mendapat rahmatnya. Dengan ini, Semerah menyokong usul yang di bawa oleh Rengit. Sekian wabilahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. [Dewan bertepuk].

Y.B. Datuk Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Semerah. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Gambir.

Y.B. Encik Asojan a/l Muniyandi (Gambir) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia. Terlebih dahulu Gambir ingin merakamkan ucapan terima kasih atas kesempatan yang diberikan untuk Gambir turut serta dalam perbahasan atas Rundingan Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan 2014 Tahun 2013 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Besar Johor pada 7 November 2013.

Yang Berhormat Datuk Speaker, terlebih dahulu saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah dan syabas bagi pihak masyarakat India Negeri Johor kepada Yang Berhormat Dato' Seri Menteri Besar Johor di atas ucapan Bajet 2014 yang boleh saya katakan bersifat holistik dengan tema Muafakat Pembangunan dan Pengagihan. Kenapa saya sebut sebagai holistik, kerana ianya merangkumi hampir keseluruhan aspek hidup rakyat Johor iaitu pembangunan ekonomi, sosial, agama, teknologi, pertanian, keusahawanan, perindustrian, pelancongan, perumahan pendidikan, pengangkutan awam dan lain-lain lagi.

Yang Berhormat Datuk Speaker seperti kata Semerah tadi, satu lagi perkara yang menarik perhatian dalam Bajet 2014 kali ini adalah usaha Kerajaan Negeri yang melibatkan syarikat berkaitan kerajaan dengan izin GLC bagi membantu

membangunkan ekonomi dan tersejahterakan rakyat melalui apa yang dipanggil CSR dengan izin, *Corporat Social Responsibility* atau tanggungjawab sosial korporat. Lebih RM250 juta akan diterima pada tahun 2014 yang akan memberi manfaat langsung kepada rakyat jelata melalui GLC-GLC ini. Kita dapat perhatikan pembahagiannya dalam muka surat 42, teks Ucapan Bajet di mana syarikat-syarikat-syarikat seperti Johor Corporation RM102 juta Yayasan Pelajaran RM72.4 juta, Kumpulan Prasarana Rakyat Johor RM 71.7 juta, Perbadanan Islam Johor RM 3.1 juta dan difahamkan SAJ, Biotech dan lain-lain syarikat juga akan memberi sumbangan sedemikian tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor yang dapat melibatkan GLC dalam Pembangunan Negeri dan terima kasih juga kepada GLC-GLC berkenaan pula yang sudi menyalurkan dana berkenaan kembali kepada manfaat rakyat. Jadi persoalan-persoalan tentang apakah sumbangan GLC Johor kepada Kerajaan Negeri terjawab melalui jumlah komitmen RM 250 juta itu. Terima kasih pihak GLC-GLC.

Yang Berhormat Datuk Speaker menyentuh seterusnya mengenai peningkatan peluang sosial ekonomi kaum India, saya mewakili MIC khususnya dan masyarakat India amat ingin merakamkan ucapan penghargaan atas kenyataan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor berhubung keprihatinannya terhadap masyarakat India dengan menekankan tentang tanggungjawab kerajaan yang ingin memastikan kaum India juga perlu disediakan dalam menghadapi persaingan dan cabaran hari muka.

Walau bagaimanapun, perincian mengenai perancangan serta strategi untuk tujuan itu tidak dinyatakan secara spesifik. Sehubungan dengan itu, saya memohon kepada pihak kerajaan agar dapat sekiranya menyatakan secara spesifik jenis program dan rancangan pihak Kerajaan Negeri dalam meningkatkan tahap sosio ekonomi masyarakat India Johor khususnya dalam bidang keusahawanan.

Untuk tujuan tersebut Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin membuat satu cadangan kepada Kerajaan Negeri agar dapat memberikan sebahagian daripada tanah terbiar 2,880 hektar yang tersebut yang telah dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor dalam ucapan Bajet yang dinyatakan tanah tersebut akan digunakan untuk tujuan pertanian dan penternakan supaya diberikan kepada usahawan-usahawan India yang berpotensi dan berdaya maju. Daripada maklumat yang saya perolehi daripada Jabatan Veterinar Negeri Johor lebih 70% daripada pengusaha lembu tenusu terdiri daripada masyarakat India. Sebahagian besar daripada mereka ini mengusahakan ternakan mereka di tanah yang mereka sewa ataupun di tanah ladang ataupun di kawasan pesisir sungai yang biasanya dimiliki oleh JPS. Dengan demikian, jika sekiranya tapak yang tanah terbiar itu dijadikan tapak padang ragut yang bersesuaian maka ia dapat mempertingkatkan pengeluaran susu lembu dan bekalan daging untuk kegunaan dalam negeri yang juga dapat meningkatkan secara langsung pendapatan masyarakat India termasuk juga masyarakat India yang terlibat dalam bidang lembu tenusu ini.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Gambir, sila duduk. Yang Berhormat saya benarkan menyambung pada esok hari. Ahli-ahli Yang Berhormat, persidangan ditangguhkan sehingga esok 13 November 2013 jam 9:30 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 4:30 petang.

HARI KEEMPAT
RABU, 13 NOVEMBER 2013

PENYATA RASMI

MESYUARAT KETIGA (BAJET 2014)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-13

HARI KEEMPAT	RABU, 13 NOVEMBER 2013	BIL. 3 TAHUN 13

HADIR

Y.B. Speaker,
Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN., PPN.

Y.A.B. Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan Perancangan Negeri, Johor.
Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, SPMJ., DSPN., SMJ., PIS.
(Permas)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri, Johor.
Puan Hajah Asiah binti Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan Negeri, Johor.
Datuk Tee Siew Kiong, DMSM
(Pulai Sebatang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Negeri, Johor.
Datuk Ir. Haji Hasni bin Haji Mohamad, PGDK., KMN., PIS., AMN.
(Benut)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia Negeri, Johor.
Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN.
(Kahang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Tuan Haji Abd. Mutalip bin Abd. Rahim
(Layang-Layang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan
Kerajaan Tempatan Negeri, Johor.
Datuk Abd. Latif bin Bandi, DPSM, PSM.
(Endau)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Tuan Haji Ismail bin Mohamed
(Bukit Serampang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri, Johor.
Datuk Haji Ayub bin Rahmat, DPSM., PPN.
(Kemelah)

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSK.
(Panti)

Y.B. Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

Y.B. Encik M. Asojan a/l Muniyandy, AMN.
(Gambir)

Y.B. Encik Lau Chin Haon
(Pemanis)

Y.B. Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba, DMSM.
(Pasir Raja)

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor.
(Penawar)

Y.B. Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh, P
(Jorak)

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain
(Sedili)

Y.B. Datuk Haji Adam bin Sumiru, DPSM., KMN.
(Tanjung Puteri)

Y.B. Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim
(Tenang)

Y.B. Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar, PIS.
(Machap)

Y.B. Encik Mohd. Ismail bin Roslan, PPN.
(Semerah)

Y.B. Encik Teoh Yap Kun
(Paloh)

Y.B. Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman, DSNS.
(Tanjung Surat)

Y.B. Puan Zaitan binti Ismail, PIS., PPN.
(Sungai Balang)

Y.B. Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy
(Tenggaroh)

Y.B. Tuan Haji A. Aziz bin Ismail, PIS.
(Senggarang)

Y.B. Dr. Zaini bin Abu Bakar
(Nusajaya)

Y.B. Puan Norshida binti Ibrahim
(Buloh Kasap)

Y.B. Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat
(Serom)

Y.B. Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Suib, DIMP., AMN., KMN., JMN.
(Bukit Naning)

Y.B. Tuan Haji Suhaimi bin Salleh
(Kukup)

Y.B. Encik Ali Mazat bin Salleh
(Bukit Permai)

Y.B. Datin Azizah binti Zakaria, PIS., PPN., AMN., KMN.
(Parit Raja)

Y.B. Datuk Tengku Putera Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat
(Kempas)

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau
(Skudai)

Y.B. Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan
(Parit Yaani)

Y.B. Encik Tan Chen Choon
(Jementah)

Y.B. Encik Abdullah bin Husin
(Puteri Wangsa)

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh
(Sungai Abong)

Y.B. Dr. Haji Mohamad bin Taslim
(Maharani)

Y.B. Encik Jimmy Puah Wee Tse
(Bukit Batu)

Y.B. Puan Gan Peck Cheng
(Penggaram)

Y.B. Encik Tan Hang Pin
(Mengkibol)

Y.B. Puan Chew Peck Choo
(Yong Peng)

Y.B. Encik Chen Kah Eng
(Stulang)

Y.B. Encik Lim Eng Guan
(Bekok)

Y.B. Encik Ee Chin Li
(Tangkak)

Y.B. Encik Chua Wee Beng
(Bentayan)

Y.B. Encik Yeo Tung Siang
(Pekan Nenas)

Y.B. Cik Liow Cai Tung
(Johor Jaya)

Y.B. Cik Wong Shu Qi
(Senai)

Y.B. Encik Cheo Yee How
(Pengkalan Rinting)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.
Datuk Abdul Rahman Putra bin Dato' Haji Taha, DMSM., DSM.

Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Johor.
Tuan Haji Marsan bin Kassim, SMJ., PIS.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan dan Warisan Negeri, Johor.
Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK.
(Sri Medan)

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

Y.B. Setiausaha Kerajaan Johor.
Dato' Haji Cbet bin Tawil, DPMJ., PIS.

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.

Y.B. Datuk Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Penolong Jurutulis membaca doa).

Y.B. Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Yang Berhormat Datuk Speaker, Peraturan 32, saya memohon Datuk Speaker dan Ahli-Ahli Dewan yang sekalian. Merujuk kepada *handsard* bertarikh 12 November 2013, muka surat 25 perenggan 3.

Y.B. Datuk Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Y.B. Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Iaitu ucapan Kukup yang mengatakan, izinkan.

Y.B. Datuk Speaker : Yang Berhormat, Dewan yang Mulia ini ada Peraturan-Peraturan tertentu. Saya tidak menghalang Yang Berhormat nak membuat apa juga masalah, perkara di dalam Dewan ini tetapi biarlah saya buka dulu Dewan ini. Belum bukak lagi...

Y.B. Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Ok, minta maaf, *sorry*.

Y.B. Datuk Speaker : Berilah saya membuka dulu Dewan ini, selepas itu perkara-perkara yang berkaitan bolehlah dibangkitkan. Kita nak pergi mana? Nak ke bulan ke nak segera sangat ni, sabarlah ikut peraturan. Saya tidak pernah menghalang sesiapa ke nak mengusul ke dan sebagainya. Biar saya bukak dulu Yang Berhormat ya. Sabar sikit Yang Berhormat ya.

PERMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT DATUK SPEAKER.

Y.B. Datuk Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahirrahmannirrahim. (Selawat). Salam sejahtera, selamat pagi. Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebelum saya meneruskan dalam sesi soal lisan pada pagi ini, saya telah menerima memberitahu daripada Yang Berhormat DUN Johor Jaya, pagi ini berkaitan dengan perkara yang dibangkitkan oleh beliau semasa Ucapan Perbahasan Bajet 2014 yang lalu, berkaitan dengan gambar yang berkaitan dengan gambar yang di mana menjadi kemusykilanlah. Beliau telah mengemukakan hujah-hujah dan saya kira Yang Berhormat Pengerusi telah pun mengambil perhatian tentang ucapan beliau kerana ucapan seorang Ahli Dewan Negeri dalam Dewan Negeri ini harus diberikan perhatian dan tindakan-tindakan susulan.

Oleh sebab usul ini di bawah Perkara 29(1), 3 perkara harus saya pertimbangkan:-

1. Perkara-perkara tertentu.
2. Berkehendakkan disegerakan.
3. Kepentingan orang ramai.

Dan, oleh sebab perkara ini perkara-perkara tertentu memang dia tertentu tetapi tidaklah perkara ini nak disegerakan kerana Yang Berhormat EXCO, yang mendengar telah pun faham dan akan membuat tindakan-tindakan selanjutnya. Maka itu, perkara ini saya tolaklah daripada usul untuk tergempar 29(1).

Y.B. Datuk Speaker : Yang Berhormat.

Y.B. Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya memohon maaf terlebih dahulu dan saya mengikut Peraturan Tetap 32, saya memohon Yang Berhormat Datuk Speaker dan Ahli-Ahli Dewan sekalian. Merujuk kepada *hand draft* yang dikeluarkan pada 12 November 2013, muka surat 25 perenggan 3. Dalam ucapan Kukup, menyatakan saya percaya mungkin Y.B. Pekan Nenas ingin bawah daripada 2 kalau boleh hampir kepada sifar. Tidakkah kita ingat, kalau sekiranya Indeks Gini ini, Indeks Gini itu, bawah daripada 2, ini adalah negara-negara blok komunis, saya berasa ucapan begitu telah melanggar dengan Peraturan 45(xiii) yang akan mendatangkan sangkaan-sangkaan yang tidak baik kepada seseorang Ahli lain dan ucapan-ucapan ini akan menimbulkan perasaan bahawa saya adalah seorang komunis sebab itu saya memohon Kukup untuk menarik balik ucapan tersebut kalau tidak di *refer*, dirujukkan kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan.

Y.B. Datuk Speaker : Yang Berhormat Pekan Nenas, Yang Berhormat pun baca sendiri, itulah sebagai, sebagai perbandingan antara negara-negara yang mengamalkan soal ekonomi dan sebagainya. Dia membandingkan kalau Negara Komunis di bawah 2 tu, Dia tidak menuduh langsung Yang Berhormat tu Komunis. Dia membuat perbandingan eh, Takkan dalam Ucapan Bajet, perbandingan...

Y.B. Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Yang Berhormat Datuk Speaker.

Y.B. Datuk Speaker : Pekan Nenas duduklah, saya bercakap you, duduklah dengarlah, Yang Berhormat duduklah, dengar. Dan, itu sebabnya apabila Yang Berhormat semalam membawa perkara itu, saya telah pun tolak bahawa tidak ada asas yang kukuh nak menuduh Kukup, menuduh Yang Berhormat, Komunis. Kalau dia menuduh Yang Berhormat Komunis, saya sendiri akan suruh dia tarik balik. Salah benda seperti menuduh seseorang eh, dengan tuduhan-tuduhan yang tak berasas, saya sendri boleh suruh dia tarik balik. Tapi dia tidak berniat dan menuduh Yang Berhormat, komunis, dan tidak ada perkataan pun yang menuduh sesiapa pun dalam Dewan ini komunis. Perbandingan memang ada blok barat, blok timur, blok komunis, blok sosial. Biasa orang tersebut tetapi dia tidak membangkitkan masalah moral seseorang dalam Dewan ini. Seolah-olah apabila disebut komunis aje, kita menuduh orang lain komunis. Jadi, saya harap perkara ini diselesaikanlah ye. Ya, jemput.

Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Datuk Speaker, Datuk Speaker, kalau kita baca dengan secara teliti di muka surat 25 *draf* tersebut dan saya *quote* sekarang ini. Saya percaya ini Kukup yang katakan, saya percaya mungkin Y.B. Pekan Nenas ingin bawah daripada 2. Bermaksud, Kukup menuduh ini dalam kepercayaan Kukup dia telah ada satu persepsi yang ingin bawah daripada 2 kalau boleh hampir kepada sifar. Tidakkah kita ingin kalau sekiranya Indeks Gini ini bawah daripada 2 ini adalah negara-negara blok komunis.

Y.B. Datuk Speaker : Yang Berhormat Jementah, Yang Berhormat Jementah, saya faham sekarang. You duduk, duduk. Yang Berhormat duduk. Saya faham, saya faham ye. Inilah perbandingan, soalannya dia tidak menuduh sesiapa.

Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Datuk Speaker, dia kata ingin. Ingin, dia buat sangkaan.

Y.B. Datuk Speaker : Yang Berhormat Jementah, saya bercakap ni, Yang Berhormat Jementah duduk. Peraturan kita, saya fahamlah, Yang Berhormat nak bangkitkan ini persepsi Yang Berhormat, andaian Yang Berhormat, tafsiran Yang Berhormat tapi tafsiran orang lain, lain eh. Jadi, bagi saya tafsiran ini yang saya buat, dia tidak menuduh Pekan Nenas, komunis. Sebab itu saya kata, kalau Yang Berhormat Kukup menuduh Yang Berhormat Pekan Nenas, komunis saya sendiri akan suruh dia tarik balik, salah. Tetapi tak ada, tiada.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Mungkin Datuk Speaker itu betul. Datuk Speaker Peraturan Tetap 45(xiii) sebab ini sudah membangkitkan satu syak-syak. Sama ada dihantar Yang Berhormat Pekan Nenas atau Yang Berhormat Kukup itu sendiri, mungkin Yang Berhormat Kukup itu setuju, Gini Indeks sepatutnya di bawah kurang daripada 2. Rapatkan jurang pendapatan, misi orang miskin dan orang kaya. Itu dia menuduh sendiri itu puak komunis. Dia sendiri, dia mengakui, dia anasir komunis tak? Saya rasa, ini satu persoalan yang besar, sepatutnya dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan di bawah Peraturan Tetap 32(vii) ...

Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Tarik balik sajalah.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Memperlihatkan..

Y.B. Datuk Speaker : 32(viii), 32(viii) bersabit.. Yang Berhormat, Yang Berhormat Skudai, duduk, duduk.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Untuk...

Y.B. Datuk Speaker : Duduk Yang Berhormat, duduk. Saya tahulah Yang Berhormat sengaja nak memanjang-manjangkan perbahasan ini. Duduk Yang Berhormat, duduk. Yang Berhormat duduk. Saya dah katakan, tidak ada kes yang menuduh Kukup, menuduh komunis sesiapa di sini, habislah perkara. Apa nak ditafsirkan dengan tafsir, andaian yang macam-macam. Tak ada.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Kukup mengakui dia anasir komunis. Dia kata itu baik, Gini Indeks bawah 2 itu baik, blok komunis, itu hari beliau sepatutnya dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Bukannya sekarang menuduh.

Y.B. Datuk Speaker : Yang Berhormat saya rasa, keputusan saya telah saya buat. Jadi, saya harap perkara ini ditutup di sini. [Dewan bertepuk].

Jurutulis : SOALAN-SOALAN LISAN.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat Datuk Speaker.

Y.B. Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Saya rasa yang penting adalah kesannya, niat.

Y.B. Datuk Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat Pekan Nenas, saya dah ulang bahawa tidak berbangkit Kukup menyatakan sesiapa komunis. Duduk Yang Berhormat, duduk. Saya telah menyatakan dengan tegas bahawa Kukup tidak menuduh sesiapa komunis, *fullstop*, habis. Saya dah buat keputusan perkara ini ditamatkan di sini. Dan, saya menggunakan kuasa 46(4), Keputusan Speaker muktamad. Sekian. Jemput.

Jurutulis : SOALAN-SOALAN LISAN.

Y.B. Datuk Speaker : Saya persilakan Yang Berhormat Rengit.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya nombor 1.

Minta penjelasan Kajian Indeks Sosial bagi mengukur pencapaian di Iskandar Malaysia. Nyatakan skop kajian dan bilakah dijangkakan Kajian Indeks Sosial dapat disiapkan dan dibentangkan kepada umum?

Y.A.B. Menteri Besar : Yang Berhormat Datuk Speaker, Indeks Sosial Iskandar Malaysia adalah merupakan instrumen yang akan digunakan bagi mengukur pencapaian Iskandar Malaysia di dalam aspek pembangunan sosial di mana petunjuk-petunjuk ataupun *indicators* dengan izin berkaitan yang dapat memberi gambaran sebenar mengenai tahap kualiti hidup penduduk dalam wilayah ini akan dipantau dan digunakan sebagai sebahagian alat membuat perancangan dan pelan tindakan.

Skop kajian ini termasuklah pemilihan petunjuk-petunjuk yang paling relevan bagi Iskandar Malaysia membangunkan mekanisme pengumpulan data, verifikasi data, penetapan sasaran dan asas pencapaian ataupun *base line* dengan izin. Carta alir kerja dan pembangunan formula dan pengiraan Indeks Sosial itu sendiri. Di dalam proses pemilihan petunjuk-petunjuk yang sesuai bagi Iskandar Malaysia, pendapat serta maklum balas penduduk tempatan akan diambil kira melalui proses *Focus Group Discussion* dan penggunaan data sekunder daripada soal selidik persepsi masyarakat yang pernah dijalankan sebelum ini bagi mengetahui aspek yang menjadi keutamaan masyarakat tempatan.

Sosial indeks ini akan turut memberi penekanan kepada perancangan pembangunan manusia dan modal insan dan bukan sebagai kajian kesan pembangunan fizikal kepada masyarakat semata-mata. Dan, untuk memastikan peningkatan kualiti hidup rakyat secara keseluruhan termasuklah aspek keselamatan dan kesejahteraan, kesihatan, kemudahan riadah serta kawalan kos hidup melalui kawalan kos perumahan, pengangkutan awam, kesihatan dan lain-lain. Hasil kajian dijangka akan dapat di kongsikan dengan umum selewat-lewatnya suku pertama tahun 2014.

Y.B. Datuk Speaker : Jemput, Rengit.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan tambahan saya. Pertama, nak ucap terima kasih di atas jawapan Yang Amat

Berhormat Menteri Besar dan keduanya, saya nak ucap tahniahlah atas kesungguhan Kerajaan Negeri di bawah pimpinan baru Yang Amat Berhormat, melihat sendiri kualiti hidup rakyat di kawasan Iskandar. Saya yakinlah sebab kita gunakan sendiri kajian kita, tidak menggunakan data-data ataupun kajian yang dibuat oleh orang lain. Kadang-kadang kajian ini, angka ini dia orang boleh pusing, dijadikan asas untuk menidakkan keupayaan dan kesungguhan kita dalam nak membuat kerja.

Jadi, Yang Berhormat, saya, Datuk Speaker, kalau kajian ini dah siap, tumpuan kita sekarang ini di Iskandar. Kalau Iskandar dah siap buat kajian, boleh tak dilakukan kajian ini, model kajian ini di seluruh daerah di Negeri Johor. Maknanya untuk mengukur pencapaian kualiti hidup rakyat di seluruh Johor. Itu soalan tambahan saya Yang Berhormat Datuk Speaker.

Y.B. Datuk Speaker : Jemput.

Y.A.B. Menteri Besar : Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Datuk Speaker, kajian ini adalah satu kajian yang akan dilakukan secara berterusan. Kajian indeks sosial Iskandar kerana kita sedia maklum pembangunan di Iskandar juga akan berlaku secara berterusan. Dan, tujuan untuk menentukan kajian ini dibuat ialah supaya kita dapat pastikan hasrat kita ataupun hasil sasaran utama pencapaian sosial dalam kawasan Iskandar Malaysia itu tercapai. Dan, 5 sasaran utama dalam kawasan Iskandar Malaysia yang kita nak tentukan tercapai dari segi sudut pencapaian sosial ialah :

1. Peningkatan sosio-ekonomi.
2. Pengagihan hasil ekonomi yang saksama.
3. Masyarakat penyayang.
4. Keharmonian kaum.
5. Kualiti hidup

Ini 5 perkara yang mesti dicapai dalam Iskandar Malaysia dan perlu diukur berterusan kerana pembangunan itu juga berlaku secara berterusan. Tapi, dalam kita lakukan itu di Iskandar, kita juga boleh lakukannya di daerah-daerah yang lain menggunakan panduan sebagaimana yang kita buat di sini.

Y.B. Datuk Speaker : Saya jemput Yang Berhormat Stulang.

Y.B. Encik Chen Kah Eng (Stulang) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan nombor 2.

Senaraikan maklumat secara terperinci mengenai cadangan projek jalan raya bertingkat yang mempengaruhi penduduk Taman Kebun Teh dan Taman Melodies terutamanya di Jalan Chengai, Jalan Kemunting dan Jalan Pedada supaya mereka yang dipengaruhi akan mengetahui selok-belok projek ini dengan jelas.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Yang Berhormat Datuk Speaker, cadangan menaik taraf dua persimpangan di Jalan Tun Abdul Razak dan Jalan Kebun Teh dengan keutamaan sistem transit adalah merupakan cadangan yang berdasarkan kepada kajian kemungkinan yang telah dijalankan oleh Unit Perancang Jalan *(Highway Plan Unit)* dengan izin, Kementerian

Kerja Raya yang dikenali sebagai *East West Link* yang akan menghubungkan bahagian barat dan timur Bandaraya Johor Bahru.

Cadangan projek ini merupakan sebahagian daripada jalan raya hubungan timur-barat di mana terletak di antara Jalan Lingkaran Dalam dan Jalan Lingkaran Tengah. Jalan ini menghubungkan Pasir Gudang di sebelah timur Johor Bahru ke pusat pentadbiran Nusajaya dan Pelabuhan Tanjung Pelepas di sebelah barat Johor Bahru. Cadangan projek ini akan melengkapkan jalan raya hubungan timur-barat. Tujuan projek ini dilaksanakan adalah untuk mempertingkatkan perhubungan dan rangkaian sistem jalan raya dalam bandar dan seterusnya melengkapkan sistem pengangkutan bandar dengan memberi keutamaan kepada sistem BRT, Bas Rapid Transit. Selain itu ia juga akan mengurangkan kesesakan lalu lintas dari arah timur ke barat Bandaraya Johor Bahru.

Pelaksanaan BRT adalah satu usaha kerajaan untuk menambah baik sistem pengangkutan awam berdasarkan kepada NKRA Memperbaiki Pengangkutan Awam. Sebagai langkah jangka pendek dan jangka panjang bagi mengatasi masalah kesesakan lalu lintas dan penguraian trafik sebelah barat, kawasan Nusajaya dan Johor Bahru menuju ke sebelah timur, Pasir Gudang dan Kota Tinggi, maka sistem pengangkutan awam perlu ditambah baik.

Oleh yang demikian, pelaksanaan BRT diberi keutamaan oleh Kerajaan Negeri di mana ianya memerlukan sistem jajaran yang lebih sesuai untuk memenuhi keperluan perlaksanaan BRT. Projek ini adalah masih di peringkat kajian dan ianya dijangka akan dimuktamadkan pada penghujung bulan Disember 2013. Berdasarkan kajian kemungkinan yang telah dijalankan oleh *Highway Planning Unit*, Kementerian Kerja Raya, maka jajaran jalan yang telah dipilih ialah melalui Jalan Kemunting dan Jalan Pedada, Taman Melodies Garden yang melibatkan pengambilan balik tanah sekiranya dilaksanakan sebanyak 36 lot rumah kediaman.

Justeru itu, pihak perunding telah pun menggunakan jajaran ini sebagai asas untuk membuat kajian terperinci dan ianya telah dibentangkan kepada Jabatan Kerja Raya Johor pada 5 September 2013 untuk tujuan sekiranya diterima, reka bentuk terperinci. Skop kajian jajaran adalah sepanjang 3km bermula daripada persimpangan Jalan Tun Razak, Jalan Kebun Teh sehingga ke Jalan Bakar Batu bersebelahan Wisma Daiman dengan anggaran kos pembangunan sebanyak RM500 juta iaitu anggaran RM350 juta untuk kos pembinaan dan RM150 juta untuk tujuan pengambilan balik. Terima kasih.

Y.B. Datuk Speaker : Yang Berhormat Stulang, jemput.

Y.B. Encik Chen Kah Eng (Stulang) : Terima kasih atas jawapan yang diberikan. Berkenaan dengan pengambilan tanah, ada satu isu yang saya nak tanya di sini. Biasanya apabila satu jalan raya atau lebuh raya dibina, pengambilan tanah akan melibatkan mereka yang berada pada jalan tersebut. Apa yang merunsingkan para penduduk adalah mereka-mereka yang duduk berdekatan tetapi juga yang duduk berdekatan, tetapi mereka tidak layak untuk diberi tawaran pampasan. Apa yang berlaku ialah apabila jalan tersebut dibina tetapi tidak melalui jalan rumah mereka, mereka juga agak dekat tetapi tidak juga diberi tawaran pampasan. Jadi, adakah Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan sekiranya jalan ini hendak dibina, tawaran pampasan ataupun *buffer* kawasan pampasan yang akan ditawarkan itu

dipanjangkan ataupun dilebarkan supaya mereka yang duduk berdekatan tidak akan berasa ditindas kerana mereka juga diberi tawaran untuk berpindah kerana mereka tidak akan akhirnya terpaksa duduk juga di sana dan lebuh raya juga dekat di sana. Terima kasih.

Y.B. Datuk Speaker : Jemput.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Terima kasih Yang Berhormat Stulang. Yang Berhormat Datuk Speaker, kajian antara lain yang dijalankan berkaitan dengan kerja menaik taraf dua persimpangan di Jalan Kebun Teh dan Jalan Tun Razak ini antara lainnya ialah kajian sosial *impact assessment* yang dijalankan secara kaedah borang kaji selidik yang setakat ini telah mendapat maklum balas daripada 60 responden.

Langkah seterusnya ialah *stakeholder engagement*, dengan izin yang akan dijalankan bersama wakil-wakil penduduk di kawasan jajaran yang terlibat. Selain daripada itu, kajian *trafic impact assessment* juga dijalankan, yang sedang dijalankan dan hampir siap. Selain daripada kajian-kajian seperti *soil investigation* dan juga *utility mapping*, dengan izin yang telah dijalankan. Jadi, ini bererti kebimbangan Yang Berhormat Stulang tentunya terdapat di dalam kajian-kajian yang dijalankan sebelum keputusan dibuat.

Y.B. Encik Chen Kah Eng (Stulang) : Yang Berhormat Speaker, satu lagi soalan, boleh?

Y.B. Datuk Speaker : Tadi dah soal apa lagi nak tanya.

Y.B. Encik Chen Kah Eng (Stulang) : Er, dua soalan, boleh ke?

Y.B. Datuk Speaker : Cukuplah, tadi Yang Berhormat telah diberi peluang. Takkan nak bersoal jawab lagi.

Y.B. Encik Chen Kah Eng (Stulang) : Kerana, boleh tak...

Y.B. Datuk Speaker : Tak, tak, tak dibenarkan. Saya persilakan Yang Berhormat Kukup.

Y.B. Tuan Haji Suhaimi bin Salleh (Kukup) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya soalan nombor 3.

Berapakah kekerapan pihak JAIJ membuat lawatan mengejut ke pusat-pusat penyembelihan dan apakah tindakan ke atas pengusaha yang dengan sengaja melanggar garis panduan halal.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Bismillahirrahmannirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat Kukup, pensijilan halal Malaysia adalah pensijilan yang tidak dimestikan bagi mana-mana industri termasuk Rumah Sembelihan. Ia merupakan pilihan dan sukarela. Pensijilan ini adalah sebagai nilai tambah bagi produk untuk menuju pemasaran bagi meyakinkan pengguna Muslim. Pensijilan halal Malaysia hanya diluluskan kepada Rumah Sembelihan yang memenuhi kriteria manual dan standard pensijilan halal Malaysia.

Pemantauan akan dilakukan terhadap Rumah Sembelihan yang telah diluluskan pensijilan halal Malaysia. Jabatan Agama Johor melalui Bahagian Penyelidikan, Unit Halal membuat pemantauan ke pusat-pusat penyembelihan melalui dua kaedah iaitu:

1. Pemantauan berkala.
2. Pemantauan berdasarkan aduan.

Untuk maklumon Ahli-Ahli Yang Berhormat, pemantauan ini dilakukan secara kerap sekurang-kurangnya dua kali setahun bagi sesebuah rumah sembelih. Pemantauan secara bersepadu secara mengejut juga diaturkan bersama beberapa agensi kerajaan yang lain seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Jabatan Veterinar, Jabatan Kesihatan, Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Alam Sekitar dan juga Jabatan Imigresen. Jabatan ini akan bertindak mengikut bidang kuasa masing-masing.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sekalian, sehingga September 2013 sebanyak 15 buah pusat penyembelihan yang memiliki pensijilan Halal Malaysia di Negeri Johor manakala Juru sembelih yang telah mempunyai tauliah sebagai Juru sembelih di pusat atau di premis-premis penyembelihan adalah seramai 185 orang. Bagi pusat penyembelihan yang telah memiliki sijil Halal Malaysia perlu mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan dan sekiranya didapati pusat penyembelihan tidak mematuhi manual prosedur dan standard yang telah ditetapkan, mereka boleh diambil tindakan di bawah Akta Perihal Dagangan 2011 (APD 2011) dan jika sabit kesalahan mereka boleh didenda maksimum sebanyak RM5 juta. Sekian, terima kasih Datuk Speaker.

Y.B. Datuk Speaker : Jemput, Kukup.

Y.B. Tuan Haji Suhaimi bin Salleh (Kukup) : Soalan tambahan saya Yang Berhormat Datuk Speaker, mohon diberikan perangkaan tentang tangkapan dan juga denda yang telah dikenakan kepada pengusaha-pengusaha pusat sembelihan dan apakah bentuk kesalahan yang membolehkan pusat penyembelihan ini ditutup serta-merta kerana saya percaya dalam tempoh beberapa tahun ini banyak aduan kita dengar tentang kaedah penyembelihan yang salah dan sebagainya. Jadi, tolong diberikan maklumat yang terperinci. Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Datuk Speaker, sehingga kini hanya pemantauan yang dilakukan namun belum ada kita mengambil tindakan yang membabitkan tindakan undang-undang dan sebagainya. Namun nasihat yang telah diberikan kepada pengusaha-pengusaha yang biasanya yang kita lihat dari segi sudut kebersihan premis-premis di mana pihak Kesihatan telah memberikan amaran supaya mereka menjaga kebersihan. Di samping itu juga berkaitan dengan Juru sembelih dan kita minta supaya mereka ini memohon tauliah kepada Jabatan Agama untuk diberikan tauliah menyembelih. Sehingga kini belum ada tindakan yang di bawa ke mahkamah pada premis-premis rumah sembelih pada hari ini, cuma ada beberapa perkara yang kita ambil tindakan seperti rampasan sekiranya kita mendapati penyembelihan itu tadi tidak mengikut kaedah ataupun ada perkara-perkara shubahah yang mungkin menyebabkan pihak Bahagian Penyelidikan, Unit Halal ini akan merampas barang-barang daripada premis penyembelihan. Terima kasih.

Y.B. Datuk Speaker : Yang Berhormat Parit Yaani.

Y.B. Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) : Terima kasih Datuk Speaker. Soalan tambahan. Kerana kita tahu bahawa makanan halal ini penting khususnya kepada umat Islam bukan sekadar di Malaysia bahkan di seluruh dunia. Hab halal ini sepatutnya boleh menjadi satu cadangan pada saya, jadi satu sumber pada Kerajaan Negeri. Mengapa tidak ditempatkan Pegawai Majlis Agama yang bekerja sepenuh masa memastikan kehalalan di tempat-tempat penyembelihan seperti mana kalau kita lihat di Europe, Pegawai Meriyu Kesihatan ditempatkan untuk memastikan kebersihan sepanjang masa bukan dia datang melawat tapi dia duduk di situ bersama bekerja. Gaji dibayar oleh Kerajaan. Jadi, ini pada pandangan saya adalah satu perkara penting. Dan, sepertimana yang berlaku satu masalah penduduk di Taman Megah, warga asing sembelih lembu di tengah jalan raya waktu-waktu tertentu. Jadi, saya harap sedia maklum. Terima kasih.

Y.B. Datuk Speaker : Jemput.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya rasa ini bukan soalan. Ini cuma cadangan. Terima kasih kepada Yang Berhormat Parit Yaani. Pihak kami iaitu khususnya Jabatan Agama Islam Johor yang berkaitan dengan hab halal ini. Ini adalah salah satu agenda kami di Majlis Agama Islam iaitu untuk membangunkan tanah-tanah wakaf di Negeri Johor ini selain daripada tujuan-tujuan yang lain, salah satu di antara tujuan yang kami ingin bangunkan iaitu membangunkan pusat-pusat penyembelihan bagi menjaga makanan-makanan yakni barang ataupun binatang-binatang yang disembelih itu mengikut kehendak syariat. Dan begitu juga, kami juga memantau semasa program korban yang lepas sekiranya terdapat tempat-tempat yang melaksanakan sembelihan yang mana penyembelih itu bukan daripada kalangan mereka yang diberikan tauliah. Namun buat masa ini, kita tidak ada menerima aduan secara *direct*, secara terus kepada kami, maka dengan sebab itu saya memohon kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat supaya sentiasa memaklumkan kepada Unit Halal Bahagian Penyelidikan Jabatan Agama Johor untuk kita mengambil tindakan. Terima kasih Yang Berhormat.

Y.B. Datuk Speaker : Yang Berhormat Bukit Naning.

Y.B. Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Suib (Bukit Naning) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya nombor 4.

Apakah langkah positif yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam menangani masalah kaum nelayan yang terpaksa menjualkan ikan tangkapan mereka kepada orang tengah dengan harga yang terlalu murah?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Naning. Kerajaan sentiasa mengambil berat terhadap kaum nelayan dan pelbagai insentif telah disalurkan. Bagi menjawab soalan ini, Kerajaan Negeri sentiasa menggalakkan dan membantu pembukaan pasar nelayan ini. Ini adalah antara langkah positif untuk membantu para nelayan ataupun pengusaha tangkapan ikan. Kerajaan Negeri melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, LKIM menggalakkan pembukaan pasar-pasar nelayan yang baru yang berdekatan dengan pengkalan-pengkalan ikan bagi membolehkan para nelayan menjual terus kepada masyarakat.

LKIM akan menyediakan kemudahan infrastruktur dan nelayan sendiri akan menjual hasil tangkapan mereka di pasar tertentu tanpa melalui orang tengah. Oleh itu, harga jualan akan ditentukan oleh nelayan manakala LKIM akan memantau operasi pasar nelayan tersebut. Setakat ini ada empat buah pasar nelayan yang sedia ada iaitu Pasar Nelayan Kesang, Pasar Nelayan Batu Pahat, Pasar Nelayan Pontian dan Pasar Nelayan Mersing dan setiap tempat ini telah kita berikan peruntukan yang berjumlah RM140,000.00. Cadangan tapak lokasi pembinaan pasar nelayan bagi 2014 dan 2015, terdapat 12 tempat yang telah kita kenal pasti bagi Negeri Johor antaranya di yang pertama, Taman Tampoi Utama, Johor Bahru; Jeti Nelayan Kampung Pendas Laut, Gelang Patah; Jeti Nelayan Pasir Gudang Baru, Johor Bahru; Jeti Nelayan Parit Botak, Batu Pahat; Jeti Nelayan Teluk Wawasan, Batu Pahat; Jeti Nelayan Air Baloi, Pontian; Jeti Nelayan Rembah, Pontian; Kompleks Sedili, Kota Tinggi; Kompleks KLIM Sungai Musuh, Pengerang; Jeti Nelayan P&K Pengerang, Sungai Rengit, Pengerang, Jeti Nelayan Sarang Buaya, Muar; Jeti Teluk Buih, Air Papan, Mersing. Dan jumlah yang kita anggarkan kos untuk membiayai tapak baru ini berjumlah RM600,000.00. Sekian.

Y.B. Datuk Speaker : Jemput Bukit Naning.

Y.B. Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Suib (Bukit Naning) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan tambahan saya. Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Adakah keperluan ikan pada masa hadapan mencukupi dalam Negeri Johor?. Terima kasih.

Y.B. Datuk Speaker : Jemput.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Datuk Speaker.

Y.B. Datuk Speaker : Tak cukup ikan masa depan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Speaker dan Ahli Dewan sekalian, anggaran penangkapan ikan bagi Negeri Johor, penggunaan ikan bagi Negeri Johor adalah 130,000 metrik tan setahun. Jadi kita mempunyai jumlah anggaran pendaratan sebanyak 60,000 metrik tan setahun dan juga melalui ladang-ladang *eco culture* kita sebanyak 30,000 metrik tan setahun. Oleh kerana ada sedikit jenis-jenis ikan yang kita mengalami kekurangan, kita perlu mengimport bekalan ikan ini dari negeri lain lebih kurang 30,000 metrik tan. Jadi ada sebahagian besar ikan yang dikeluarkan daripada hasil tangkapan nelayan kita dapat kita eksport khususnya ke negara jiran. Jadi untuk setakat hari ini, kita menjamin dengan adanya pusat-pusat pendaratan ikan yang baru yang ingin kita perluaskan lagi, kita pun yakin kita bersedia untuk menambahkan lagi pengeluaran ikan ataupun tangkapan ikan ini untuk tahun-tahun mendatang. Terima kasih.

Y.B. Datuk Speaker : Jemput Kukup.

Y.B. Tuan Haji Suhaimi bin Salleh (Kukup) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan tambahan saya ialah kita dimaklumkan bahawa kita import lebih kurang 30 tan ikan setahun. Tapi sedarkah kita untuk makluman, pasal saya pernah terlibat dekat Senai Airport di mana sebenarnya setiap hari ribuan kilo ikan daripada Sabah dan Sarawak di naikkan kapal terbang Air Asia ataupun MAS landing dekat Senai Airport

kemudian ikan ini diambil oleh satu atau dua biji buah lori dibawa ke pasar di Singapura kemudian ikan ini akan dipilih di sana kemudian dah di *reject* ataupun tak nak diguna di Singapura baru hantar ke Pasar Borong Pandan. Jadi ini satu perkara yang kita kena mungkin perhatikan. Jadi soalan saya apakah ikan-ikan yang kita benarkan untuk dieksport keluar, kalau kita lihat tadi kita ada kekurangan dari sudut jumlah ikan tapi apakah juga jenis ikan yang kita benarkan untuk eksport keluar daripada Malaysia, dan kalau ada, adakah bentuk-bentuk kawalan atas jenis-jenis ikan tadi. Sekian, terima kasih.

Y.B. Datuk Speaker : Dah lari soalan ini. Ini soal harga sebenarnya.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Datuk Speaker, untuk makluman bolehlah saya menjawab serba sedikit. Antara jenis-jenis ikan yang pertamanya yang kita eksport, ada sesetengah ikan yang kita keluarkan khususnya ikan, kita menggunakan teknologi *eco culture* terdapat lebihan ikan yang perlu kita eksport antaranya ikan merah, ikan kerapu rimau, ikan pari, ikan tenggiri, ikan kembung besar, ikan parang. Ini antara ikan-ikan yang kita eksport ke Singapuralah kerana terdapat lebihan tangkapan dalam kawasan kita. Walau bagaimanapun, pandangan daripada Yang Berhormat Kukup mengenai perkara-perkara yang dibangkitkan kita akan terus membuat pemantauan supaya ikan yang dipasarkan di kawasan kita bukanlah ikan yang, yang tidak sepatutnya. Terima kasih.

Y.B. Datuk Speaker : Saya jemput Yang Berhormat Gambir.

Y.B. Encik M. Asojan a/l Muniyandy (Gambir) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya, soalan nombor 5.

Sebagai mempromosikan Negeri Johor, apakah tindakan yang diambil oleh Jabatan Pelancongan dalam meningkatkan perkhidmatan penerbangan antarabangsa ke Lapangan Terbang Antarabangsa Senai?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan: Yang Berhormat Datuk Speaker, salah satu langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri Johor dalam meningkatkan kemasukan pelancong ke Negeri Johor adalah dengan menggalakkan perkhidmatan penerbangan terus domestik dan antarabangsa ke Lapangan Terbang Antarabangsa Senai. Hasil kejayaan misi promosi pelancongan Negeri Johor secara agresif di peringkat nasional dan beberapa negara ASEAN dalam tempoh dua tahun ini. Dalam menerokai pasaran baru dan utama seperti Hong Kong, China, Korea dan Indonesia telah memperlihatkan keyakinan baru syarikat-syarikat penerbangan antarabangsa tersebut, untuk mengadakan *chartered flight*, dengan izin ke Negeri Johor dan secara tidak langsung telah mewujudkan minat yang mendalam kepada syarikat penerbangan tempatan seperti Firefly dan Air Asia untuk menjadikan Johor Bahru sebagai hab penerbangan utama di Selatan Malaysia. Perancangan kerjasama strategik dengan syarikat-syarikat penerbangan nasional ini dijangka akan memperkukuhkan pengenalan produk-produk pelancongan bagi pasaran domestik dan antarabangsa. Komitmen yang diberikan oleh syarikat penerbangan nasional Firefly meletakkan Johor Bahru sebagai hab penerbangan utama di Selatan Malaysia wajar diberikan pujian dan penghargaan atas kapasiti membantu meningkatkan perkembangan industri pelancongan Negeri Johor.

Selain syarikat penerbangan Firefly, Kerajaan Negeri juga telah mengadakan perbincangan dengan syarikat penerbangan Air Asia Indonesia untuk beroperasi di Lapangan Terbang Senai, dan pihak Kerajaan Negeri kini sedang menunggu maklum balas daripada pihak berkenaan. Kerajaan Negeri menerusi Jabatan Pelancongan juga melihat Perkhidmatan Penerbangan Sewa Khas atau *chartered flight*, dengan izin adalah kaedah terbaik untuk menggalakkan kedatangan pelancong luar negara ke Negeri Johor. Langkah awal telah pun diambil oleh Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pelancongan dengan mengadakan perjumpaan dengan beberapa syarikat penerbangan luar negara seperti Airlines dari Korea, Cebu Airlines dari Filipina, Hongkong dan China. Mereka telah menyatakan minat untuk mengadakan perkhidmatan berkenaan ke Negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, terbaru Kerajaan Negeri juga telah menerima permohonan daripada syarikat penerbangan City Link Indonesia, yang memohon untuk mengadakan penerbangan daripada Indonesia ke Malaysia khususnya ke Negeri Johor dengan dua penerbangan seperti berikut, Bandung- Johor Bahru, 2 ways; Surabaya-Johor Bahru, 2 ways. Denpasar-Johor Bahru, 2 ways; Medan-Johor Bahru, 2 ways. Justeru itu, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pelancongan telah mengambil langkah susulan dengan mengadakan perjumpaan dan perbincangan dengan pihak Kementerian Pengangkutan Malaysia, Jabatan Penerbangan Awam Malaysia, Senai Airport Terminal Service, MAS dan MATTA Johor bagi mencari kaedah terbaik untuk merealisasikan perkara ini. Usaha-usaha ini bukan sahaja untuk menarik lebih ramai pelancong ke Negeri Johor tetapi juga merupakan usaha Kerajaan Negeri dengan pelbagai pihak untuk menjadikan Lapangan Terbang Senai sebagai pintu masuk utama pelancong luar negara ke Negeri Johor.

Y.B. Datuk Speaker : Jemput.

Y.B. Encik M. Asojan a/l Muniyandy (Gambir) : Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih atas jawapan YB EXCO. Nampaknya promosi ini telah berjaya apabila kita telah dapat melihat banyaknya pesawat-pesawat daripada luar negara terbang ke Lapangan Terbang Senai. Tapi Yang Berhormat Datuk Speaker, saya nak tanya kepada YB EXCO, setakat ini setelah Lapangan Terbang Senai ini, saya dilanamkan antara lapangan terbang yang canggih luar daripada KLIA. Jadi sejak siap tempoh hari berapakah jumlah penumpang antarabangsa yang telah menggunakan lapangan terbang ini dan apakah kapasiti maksimum penumpang yang mampu ditampung oleh Lapangan Terbang Antarabangsa Senai ini pada satu-satu masa ini.

Y.B. Datuk Speaker : Yang Berhormat boleh jawab bertulis soalan ini, kalau hendaklah. Kalau Yang Berhormat tak ada jawapan boleh jawab bertulis.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih juga kepada Yang Berhormat Gambir. Saya ada carta di sini, pada tahun 2010, jumlah penumpang yang menggunakan perkhidmatan penerbangan antarabangsa Lapangan Terbang Antarabangsa Senai ialah seramai 15,008 orang diikuti 20,514 orang pada tahun 2011. Pada tahun 2012 pula, data menunjukkan seramai 17,471 orang penumpang dan angka ini meningkat kepada 101,927 orang pada tahun 2013 sehingga bulan Oktober, iaitu kira-kira 5.8 kali ganda atau 483%. Jumlah ini menunjukkan usaha bersama

Kerajaan Negeri yang meningkatkan perkhidmatan penerbangan antarabangsa ke Johor.

Y.B. Encik Chen Kah Eng (Stulang) : Datuk Speaker,

Y.B. Datuk Speaker : Jemput.

Y.B. Encik Chen Kah Eng (Stulang) : Di sini saya ingin bertanya kepada Kerajaan Negeri sama ada Kerajaan Negeri akan memberi cadangan kepada Kementerian Pengangkutan agar menambahkan frekuensi penerbangan daripada Johor Bahru ke Subang. Kerana Subang-JB, JB-Subang merupakan satu laluan yang sangat penting untuk meningkatkan pelancongan. Kerana buat masa ini hanya sebuah, ada banyak lagi syarikat penerbangan yang tidak ada terbang dari Johor Bahru ke Subang dan Subang ke Johor Bahru. Kerana ramai pelancong dari Kuala Lumpur yang singgah di Kuala Lumpur, kalau dari Subang ke Johor Bahru ada frekuensi penerbangan yang kerap, maka ini boleh meningkatkan pelancong ke Negeri Johor. Jadi adakah Kerajaan Negeri akan bercadang kepada Kementerian Pengangkutan untuk meningkatkan frekuensi tersebut dan membuka laluan tersebut kepada penerbangan yang lebih? Terima kasih.

Y.B. Datuk Speaker : OK. Jemput YB.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Yang Berhormat Datuk Speaker. Terima kasih kepada Stulang. Walaupun dia berlari dengan soalan asas tapi seberapa saya boleh jawab, saya sampaikan jawapan saya. Memang kita usaha juga dalam negeri. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, pada masa sekarang kalau ada banyak pilihan orang Johor Bahru nak pergi Kuala Lumpur ke. Kuala Lumpur nak ke Johor Bahru, mempunyai 4 Airlines yang memberikan perkhidmatannya. Jika menggunakan MAS boleh terus ke KLIA. Kita juga melalui Air Asia boleh ke LCCT. Lagipun Firefly boleh terus ke Subang. Malindo Airlines juga boleh ke Subang juga dengan KLIA. Itu ada 4 pilihan yang membolehkan pelancong, pilihan dengan sesiapa menggunakan Lapangan Terbang Senai. Terima kasih.

Y.B. Datuk Speaker : Yang Berhormat Tenggaroh.

Y.B. Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy (Tenggaroh) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya nombor 6 dan 7.

Kerap kalinya paras air di Kuala Sungai Mersing menjadi cetek. Dengan itu bot-bot yang hendak pergi ke pulau selalu tergendala dan mengharapkan air pasang untuk keluar dan masuk. Justeru itu, adakah Kerajaan mempunyai rancangan bagi menggali untuk mendalamkan Kuala Sungai Mersing?

Adakah Kerajaan bercadang untuk membina penahan ombak di Kuala Sungai Mersing bagi membantu keselamatan bot-bot para nelayan?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Bismillahirrahmannirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menjawab sekali soalan nombor 6 dan nombor 7 yang dibangkitkan oleh ADUN Tenggaroh.

Jabatan Pengairan dan Saliran mengambil maklum akan keadaan Muara Sungai Mersing. Jabatan telah pun membuat permohonan untuk melaksanakan kerja-kerja membina struktur pemecah ombak di Muara Sungai Mersing dan kerja-kerja menggali muara tersebut. Kos projek bagi kedua-dua kerja ini dianggarkan RM500 juta dan permohonan ini telah pun dimajukan kepada pihak Kementerian untuk pertimbangan yang sewajarnya. Terima kasih.

Y.B. Datuk Speaker : Jemput Mengkibol.

Y.B. Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya adalah adakah Kerajaan ataupun JPS menjalankan penggalian atau pembersihan sungai secara berkala ataupun berdasarkan aduan sahaja?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Datuk Speaker, sebenarnya soalan itu lari daripada soalan asal. Tetapi ingin saya jelaskan bahawa memang menjadi tanggungjawab daripada pihak Jabatan Pengairan dan Saliran untuk sentiasa sahaja memberikan perkhidmatan dan juga memastikan bahawa muara-muara sungai ini akan diberikan ataupun dibuat penggalian dan sebagainya. Cuma, ada beberapa perkara Yang Berhormat Datuk Speaker yang harus kita fikirkan kerana kita juga mengambil kira tentang pandangan, teguran daripada Ketua Audit. Itulah sebabnya apabila kita ingin melaksanakan sesuatu projek, maka kita memerlukan satu jumlah peruntukan yang cukup besar. Dan, apabila kita tidak mempunyai kekangan dari segi peruntukan dan sebagainya, maka apabila kita melakukan sesuatu kerja dan dianggap bahawa ianya tidak mencapai spesifikasi tertentu, maka timbullah masalah-masalah yang lain.

Y.B. Datuk Speaker : Yang Berhormat Pasir Raja.

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan nombor 8.

Berapa peratuskah penembusan program jalur lebar dalam Negeri Johor setakat ini dan mengapakah terdapat kelemahan dalam penyelenggaraan wifi kampung yang dipasang oleh SKMM?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Yang Berhormat Datuk Speaker, kadar penembusan jalur lebar isi rumah di dalam Negeri Johor sehingga Oktober 2013, kini berada pada tahap 64.7%, berbanding purata kadar penembusan negara iaitu 67.2%. Namun begitu, dari segi jumlah penembusan isi rumah, Negeri Johor merupakan negeri yang kedua tertinggi dengan jumlah sebanyak 541,000 isi rumah.

Berhubung isu penyelenggaraan projek Kampung Tanpa Wayar (KTW) pula, pihak SKMM sudah pun sedia maklum tentang perkara-perkara tersebut. Beberapa langkah telah diambil termasuk – menjalankan pemeriksaan di tapak secara rawak setiap minggu; menasihatkan pengguna untuk menyalurkan aduan gangguan terus kepada pihak penyelenggara menerusi nombor aduan yang dipaparkan di setiap lokasi; memastikan pihak penyelenggara menyelesaikan setiap aduan di dalam tempoh 3 hari; mengadakan perbincangan operasi dengan pihak-pihak penyelenggara

program Kampung Tanpa Wayar secara bulanan; serta meminta wakil-wakil masyarakat di lokasi-lokasi KTW untuk memaklumkan kepada SKMM secepat mungkin sebarang masalah yang dihadapi. Terima kasih.

Y.B. Datuk Speaker : Jemput Pasir Raja.

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Datuk Speaker. Terima kasih di atas jawapan. Datuk Speaker, dasar yang kita buat untuk KTW ini memang baik. Dan, saya ucap terima kasih kerana Y.B. EXCO ada menjawab yang pemantauan dibuat setiap minggu dan rawak. Masalahnya ialah adakah dasar yang kita nak buat ini mengambil kira kapasiti yang berkurangan setiap kali bila diguna serentak, satu kampung guna. Bila satu kampung guna, maka dia punya kuasa itu dah, pada internet tu dah kurang. Adakah langkah-langkah yang boleh diambil oleh Kerajaan ataupun Kementerian supoya setiap kali ada aduan, penambahbaik... saya tak faham apa ni megabyte ke apa ni, kapasiti tu, internet tu boleh ditambahkan setiap masa. Kerana kalau ini tak diselesaikan, bermakna kemerosotan perkhidmatan itu akan berlaku. Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Terima kasih Yang Berhormat Pasir Raja. Yang Berhormat Datuk Speaker, pihak SKMM mendapati jumlah aduan yang diterima telah pun menurun. Sepanjang tahun 2012, SKMM menerima 108 aduan berkaitan program Kampung Tanpa Wayar termasuklah kelajuan sistem yang dibekalkan. Namun sepanjang tahun 2013, hanya 37 aduan sahaja telah diterima. Sebagaimana bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat, fokus meningkatkan kualiti dan penyediaan infrastruktur luar bandar termasuk memperluaskan dan menyelenggara akses jalur lebar di luar bandar, ini bererti bahawa adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk menyediakan akses jalur lebar di luar bandar dengan meningkatkan keupayaan kelajuan kalau kawasan di bandar kepada 8 megabyte sesaat, manakala di luar bandar ditingkatkan kepada 1 megabait sesaat. Dan akses jalur lebar ini akan diletakkan di pusat-pusat komuniti. Ini adalah merupakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan, yang akan diambil oleh Kerajaan sebagaimana mengambil kira pandangan Yang Berhormat sebentar tadi. Terima kasih.

Y.B. Datuk Speaker : Yang Berhormat Sungai Abong jemput.

Y.B. Dr. Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya soalan nombor 9.

Memandangkan kebanyakan sekolah-sekolah menengah agama dan SRAB milik Kerajaan Negeri Johor telah diserap di bawah SABK, adakah Kerajaan bercadang untuk memberi bantuan kepada sekolah-sekolah agama bukan di bawah SABK oleh kerana terdapat lebihan peruntukan?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Berkaitan dengan Sekolah Menengah Agama dan juga Sekolah Rendah Agama (SRAB) yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri yang telah diserapkan bawah Sekolah Agama Bantuan Kerajaan, namun terdapat juga sekolah-sekolah Agama Rakyat yang lain yang masih lagi belum diambil alih oleh pihak Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Negeri sentiasa mengambil berat terhadap Sekolah Agama Rakyat dengan memberikan geran pengurusan, peruntukan geran pengurusan, begitu juga bantuan pembangunan, bekalan kerusi meja dan manakala

murid-murid juga menerima skim pinjaman buku teks sebagaimana kemudahan yang telah diberikan Kementerian Pelajaran Malaysia. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker.

Y.B. Datuk Speaker : Jemput Sungai Abong.

Y.B. Dr. Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih untuk jawapan tadi. Oleh kerana banyak sekolah di bawah Jabatan Agama telah diambil alih oleh Kementerian, Kerajaan Pusat, jadi setengah-setengah tanggungan sekolah itu telah berpindah daripada Jabatan Agama kepada Kementerian Pelajaran. Jadi bermakna Jabatan Agama Johor ini ada lebihan, lebih duit ya. Jadi, adakah pihak Jabatan Agama dengan adanya lebihan duit setelah tanggungan itu diambil alih oleh Kementerian Pelajaran, lebihan duit itu diserapkan balik kepada sekolah-sekolah yang belum lagi termasuk di bawah SABK. Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Datuk Speaker dan juga Yang Berhormat Sungai Abong. Kerajaan Negeri Johor pada kali ini dalam program memperkasakan pendidikan agama Negeri Johor, yang pertama sekali selain daripada tanggungan yang berkaitan dengan Sekolah Agama, Sekolah Rendah Agama Bersepadu (SRAB) dan juga Sekolah Menengah Agama yang telah pun diserapkan di bawah Kementerian Pendidikan, kita juga mempunyai Sekolah Agama Kerajaan Negeri Johor yang mana pada hari ini kita perkasakan dari segi sudut perjawatan. Peruntukan kalau disebutkan itu tadi Yang Berhormat bahawa peruntukan tadi mungkin kita kata terdapat lebihan kerana sekolah tanggungan sekolah menengah agama telah pun diambil oleh pihak Kementerian Pendidikan dan juga Sekolah Rendah Agama Bersepadu telah diambil oleh Kementerian Pendidikan, namun usaha kita bagi memperkasakan Sekolah Agama Kerajaan Negeri Johor ini perlu juga diambil kira. Bukan setakat peruntukan itu kita boleh berikan kepada Sekolah Agama Rakyat yang belum lagi ditanggung sepenuhnya oleh pihak Kementerian Pendidikan. Namun, tujuan lebihan itu tadi, kita juga akan gunakan untuk memperkasakan tentang perjawatan dan begitu juga keperluan-keperluan di Sekolah Agama Kerajaan Negeri Johor pada tahun ini. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker.

Y.B. Datuk Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekianlah sahaja sesi soal jawab mulut pada pagi ini. Jurutulis.

Jurutulis: SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2014) TAHUN 2013.

Y.B. Datuk Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat menyambung semula perbahasan atas Rundingan Bagi Bacaan Kali Kedua Enakmen Perbekalan (2014) Tahun 2013 disambung semula sekarang. Saya jemput Gambir yang berbaki sambungan ucapan petang semalam.

Y.B. Encik M. Asojan a/l Muniyandy (Gambir): Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Saya sambung perbahasan Yang Berhormat Datuk Speaker. Perkara kedua yang saya nak bawa untuk perhatian Dewan adalah berhubung dengan aktiviti pelaburan Negeri Johor. Yang Berhormat Datuk Speaker, saya amat mengalu-alukan cadangan penubuhan

Jawatankuasa Pelaburan Johor (JSIC) untuk menyelaras keputusan berhubung permohonan pelaburan Negeri Johor. Gambir ingin cadangkan kepada JSIC ini supaya di samping melihat kepada pelaburan-pelaburan baru, cadangan-cadangan pelaburan yang terdahulu juga perlu diberi perhatian. Saya ingin merujuk kepada cadangan Pusat Perabot Antarabangsa yang telah dicadangkan di Daerah Ledang, di mana tapak untuk tujuan berkenaan telah pun di PBT oleh Kerajaan. Kini tiada maklumat mengenai pembangunan berkenaan, jadi saya ingin mengetahui kedudukan terkini berhubung dengan perkara tersebut. Jadi, untuk memastikan perkara seperti Pusat Perabot Antarabangsa ini tidak berulang, saya ingin cadangkan supaya JSIC di peringkat daerah juga diwujudkan bagi melihat projek-projek yang dicadangkan, yang tidak dijayakan dan projek-projek pelaburan baru yang berpotensi dan yang berdaya maju, di samping juga yang bertujuan untuk menyelaraskan peluang-peluang pelaburan di sesuatu daerah berkenaan di kesemua sepuluh daerah di Negeri Johor termasuk Daerah Ledang.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kewujudan Jawatankuasa ini amat penting. Kewujudan Jawatankuasa peringkat daerah ini amat penting untuk menentukan hala tuju pelaburan dan sesuai juga dengan tujuan murni Kerajaan Negeri untuk memastikan limpahan kemakmuran Negeri Johor, limpah ruah juga ke kawasan luar dari Iskandar Malaysia. Melalui usaha ini, rintihan dan harapan rakyat luar bandar bahawa hanya Iskandar Malaysia sahaja menjadi tumpuan dapat disanggah. Kalau JIC memainkan peranannya dengan lebih baik, maka dengan bersandarkan, terutamanya jaringan jalan raya yang baik di Negeri Johor terutamanya Lebuhraya Utara Selatan, bandar-bandar kecil sepanjang lebuh raya seperti Simpang Renggam, Machap, Ayer Hitam, Yong Peng, Pagoh, Tangkak dapat dibangunkan. Kemungkinan Bukit Gambir dengan plaza tolnya yang baru bakal beroperasi awal tahun depan juga berpotensi untuk menjadi bandar perindustrian atau pusat perdagangan suatu masa nanti, jika Jawatankuasa Pelaburan ini dapat membawa pelaburan ke Bukit Gambir.

Yang Berhormat Datuk Speaker, seterusnya saya ingin menyentuh mengenai pembangunan belia dan sukan. Saya ingin merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri di mana peruntukan sebanyak RM18 juta bagi pelbagai aktiviti belia dan sukan di Negeri Johor telah diperuntukkan. Ini menunjukkan betapa Kerajaan Negeri prihatin kepada pembangunan belia dan sukan. Yang Berhormat Datuk Speaker, sehubungan dengan itu saya ingin menyeru kepada Jabatan Belia dan Sukan agar penggunaan dana ini dikaji kembali dan disalurkan mengikut keperluan dan minat belia terkini, kerana belia merupakan golongan yang sentiasa *flexible* mengikut peredaran masa. Aktiviti dan jenis program harus dipelbagaikan mengikut keperluan belia, yang kadang-kadang minat belia ini berbeza-beza mengikut masa dan kadang-kadang Yang Berhormat Datuk Speaker, minat mereka ini juga berbeza-beza mengikut kaum. Jikalau sesuatu kawasan Kampung Baru Cina sebagai contoh, mungkin pembinaan padang futsal sahaja tak sesuai, sebaliknya gelanggang bola keranjang mungkin lebih *ideal*, maka gelanggang bola keranjanglah perlu dibina oleh Jabatan Belia dan Sukan. Kalau kawasan kampung, kawasan kampung, Kampung-kampung Tradisional Melayu sebagai contoh, belia di situ mungkin minat dengan sepak takraw, maka gelanggang sepak takrawlah perlu dibina.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam memperkatakan tentang dana ini juga, saya ingin mengetahui bagaimana atau pun apakah strategi yang digunakan oleh Jabatan Belia dan Sukan bagi mendekati belia-belia yang tidak berpersatuan dan juga para

belia di Institusi Pengajian Tinggi. Apakah aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Belia dan Sukan? Sebagai contoh di UTHM atau di UiTM atau di Institusi-institusi Pengajian Tinggi di Negeri Johor pada tahun 2011, 2012 dan 2013. Apa pula perancangannya untuk bajet 2014? Saya juga ingin bertanya sejauh mana persatuan-persatuan atau kelab-kelab belia dilibatkan apabila Jabatan Belia dan Sukan merangka Pelan Tindakan Aktiviti Belia untuk sesuatu bajet sebelum ianya dicadangkan kepada Kerajaan Negeri. Adakah pandangan-pandangan dan juga cadangan-cadangan daripada persatuan-persatuan dan kelab-kelab belia ini diambil kira sebelum bajet ini ditentukan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, seterusnya saya ingin menyentuh mengenai perkara memperkukuhkan Perkhidmatan Awam. Saya menyambut baik penegasan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar Johor mengenai Perkhidmatan Awam Johor yang perlu demokratik, cekap dan beramanah. Buka muka surat 45 Ucapan Bajet. Saya tertarik dengan strategi ketiga yang diungkapkan oleh beliau iaitu mengenal pasti bakat-bakat terbaik dibawa masuk ke dalam Perkhidmatan Kerajaan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, berhubung dengan perkara itu, saya ingin menggesa agar dalam, Kerajaan mengenal pasti bakat-bakat baru ini, pencari-pencari kerja dari kalangan belia-belia India perlu diberi ruang oleh pihak Kerajaan Negeri Johor. Saya telah mendapat banyak aduan dan rungutan bahawa walau pun kelayakan ada dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor memanggil untuk hadir temu duga, tetapi amnya keputusannya gagal.

Kini daripada lebih 8,000 pekerja di sektor awam Negeri Johor, terdapat lebih kurang 4% dari kalangan mereka adalah dari kalangan masyarakat India. Walau pun angka ini meningkat berbanding dengan, cuma pada tahun 2010 Jun, 118 orang, kini pada Jun 2013 angkanya melebihi daripada 320 tetapi Yang Berhormat Datuk Speaker, mereka yang terlibat dalam bidang profesional dan pengurusan di sektor awam Negeri Johor adalah kurang daripada 10 orang.

Jadi, saya ingin cadangkan agar peningkatan penyertaan masyarakat India yang biasanya amat berminat menyertai sektor awam. Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Speaker, saya tak tahulah mengenai kaum lain, tapi bagi masyarakat India ini dia sangat berminat hendak menyertai sektor awam. Jadi saya mohonlah kepada pihak Kerajaan Negeri untuk menyediakan satu kuota khas, mungkin dalam satu, dua jawatan atau pun lima, enam jawatan, tak dapat tentukan kuota khas. Tapi kalau pengambilan beramai-ramai dibuat, maka mungkin 10% kuota seperti mana yang dicadangkan oleh Y.B. Tenggaroh, boleh difikirkan oleh pihak SPAJ atau pun Unit SUK Sumber Manusia, atau pun Majlis-majlis Bandaraya Johor Bahru, Majlis Perbandaran-Perbandaran, Majlis-majlis Daerah perlu juga melihat kepada perkara ini.

Untuk makluman Dewan dan juga Yang Berhormat Datuk Speaker, perkara ini menjadi salah satu, macam usul wajib Yang Berhormat Datuk Speaker. Usul wajib yang menjadi rungutan perwakilan MIC setiap kali konvensyen Negeri Johor diadakan. Yang Berhormat Datuk Speaker, walau pun sebelum ini ada keputusan dibuat oleh Kerajaan Negeri berhubung dengan perkara ini, memandangkan arahan, ada keputusan itu tidak bersifat arahan bertulis maka ianya tidak dituruti secara setara di antara jabatan-jabatan dan juga di antara Majlis-majlis Daerah. Oleh yang demikian,

saya ingin merayu kepada pihak Kerajaan Negeri supaya dapat membuat satu keputusan rasmi dan ianya perlulah dibuat secara hitam putih kepada semua agensi-agensi Kerajaan yang wajib mematuhinya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, untuk makluman Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia sebenarnya telah berjaya melaksanakan perkara ini dan hasilnya saya difahamkan telah ada peningkatan yang mendadak dalam penyertaan pegawai-pegawai dari kalangan pemohon Cina dan juga India dalam tempoh masa satu, dua tahun ke belakangan ini. Saya lihat...

Y.B. Datuk Speaker : Sila gulung Yang Berhormat, sila gulung.

Y.B. Encik M. Asojan a/l Muniyandy (Gambir) : Saya, terima kasih Datuk Speaker. Saya berharap Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor mencontohi langkah mereka dan melakukan transformasi sesuai dengan suasana dan keperluan masyarakat pelbagai kaum di Negeri Johor. Perkara yang sama juga Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin memohon kepada Kerajaan Negeri menuruti cara Kerajaan Pusat, yang mana telah mengambil langkah awal dalam pemberian peluang kontrak kepada kontraktor-kontraktor India bagi pembinaan Sekolah-sekolah Tamil di seluruh Malaysia, di mana lebih RM100 juta peluang kontrak telah diberikan. Maka peluang yang sama saya pohon juga kepada pihak Kerajaan Negeri untuk melihat kepada kontraktor-kontrak India Negeri Johor. Mungkin Yang Berhormat Datuk Speaker, kontrak-kontrak kecil di bawah RM100,000.00, RM20,000.00, RM30,000.00 berdasarkan kepada kelulusan CIDB. Kadang-kadang kontrak ini tak ada Kelas F tapi dia ada kelulusan CIDB, maka dia boleh dipertimbangkan bukan sahaja di Pejabat-pejabat Daerah, mungkin Majlis-majlis Daerah, mungkin Infra Desa Johor dan sebagainya.

Seterusnya Yang Berhormat Datuk Speaker, terakhir, saya sebelum ini telah membuat, membawa aduan di mana rumah-rumah mewah dan kedai-kedai yang dibina di Iskandar Malaysia ini tidak dibuka kepada mereka yang berminat dan berkemampuan, dengan alasan ianya sudah ditempah lebih awal oleh golongan-golongan tertentu, yang mana juga telah dibangkitkan oleh, dari Y.B. Rengit sebelum ini. Jadi saya ingin tahulah daripada Unit Perumahan bahawa sejauh mana perkara ini telah mendapat perhatian pihak Kerajaan Negeri dalam menentukan kuota kaum India untuk tempoh tertentu. Yang Berhormat Datuk Speaker, mungkin kuota Bumiputera yang mana tidak dipenuhi, bolehlah dibuka kepada peminat-peminat hartanah India terlebih dahulu sebelumnya ianya dibuka kepada yang lain. Ini permohonan saya letakkan kepada pihak Kerajaan Negeri.

Yang Berhormat Datuk Speaker, akhir kata Gambir mengharapkan semoga perancangan Bajet 2014 ini dapat dilaksanakan sepenuhnya oleh pihak Kerajaan Negeri di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar Johor, di mana ini merupakan Bajet Negeri pertama yang dirangka oleh beliau sejak beliau memimpin tampuk kepimpinan Negeri Johor pada bulan Mei lalu. Harapan saya juga agar semua perkara yang dibangkitkan mendapat perhatian dan tindakan daripada pihak-pihak yang bertanggungjawab demi memastikan kepentingan rakyat sentiasa didahulukan, dan jangan sampai kita bangkit lagi dalam Persidangan-Persidangan seterusnya. Jadi seterusnya, Y.B., Yang Berhormat Datuk Speaker, dengan ini Gambir juga menyokong usul yang dibawa oleh Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Rengit. Sekian, terima kasih.

Y.B. Datuk Speaker : Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat Gambir. Saya persilakan Yang Berhormat Tiram.

Y.B. Datuk Haji Maulizan bin Bujang (Tiram) : Bismillahirrahmannirrahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih d atas peluang yang diberikan kepada saya untuk turut serta perbahasan atas Rundingan Bacaan Kali Yang Kedua Bagi Rang Undang-undang Enakmen Perbekalan (2014) Tahun 2013.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor di atas pembentangan bajet yang berpaksikan kepada keadilan. Saya melihat ada bahawa keikhlasan pihak Kerajaan Negeri untuk menentukan bahawa pengagihan kekayaan di Negeri Johor ini berlaku secara adil dan menetapi sasarannya. Saya ambil contoh Yang Berhormat Datuk Speaker, tentang cadangan Kerajaan untuk menaikkan kadar air percuma kepada golongan miskin, daripada 20 meter padu kepada 35 meter padu. Walau pun ada yang sinis, ada yang mungkin kata tak cukup dan sebagainya, tapi saya rasa langkah yang dibuat oleh pihak Kerajaan Negeri adalah satu langkah yang bertepatan, yang berpaksikan kepada keadilan, bukan kesamarataan. Adalah tidak wajar bagi kita mencontohi langkah yang diambil oleh mungkin sesetengah pihak atau pun sesetengah negeri, yang mungkin mereka merasakan bahawa itu satu tindakan yang popilis tetapi sebenarnya ianya tidak adil Yang Berhormat Datuk Speaker.

Saya ambil contoh, mungkinlah Senai membandingkan Johor dengan Selangor. Dia kata Johor bagi cuma 880 lebih sahaja golongan miskin yang dapat air percuma. Sedangkan rakyat Selangor dia kata semuanya dapat. Sehinggakan orang yang kaya pun dapat Yang Berhormat Datuk Speaker. Jadi adakah itu adil? Sama rata tak semestinya adil, Yang Berhormat Datuk Speaker. Kerana saya ambil contohlah kita ada anak 3 orang, seorang belajar di universiti, seorang belajar di sekolah menengah dan seorang di tadika. Jadi, kalau kita sama rata, mungkin setiap orang kita bagi RM10.00 satu hari. Adakah adil budak Tadika belanja RM10.00 satu hari Yang Berhormat Datuk Speaker. (Dewan bertepuk). Jadi saya rasa Yang Berhormat Datuk Speaker, cara Johor ni adalah cara yang adil untuk rakyat, di mana hanya golongan sasar sahaja yang dapat manfaatnya Yang Berhormat Datuk Speaker dan saya harap lepas ni mungkinlah Ahli daripada Senai ke, Bukit Batu ke, boleh jelaskan kepada Dewan ni, di masa akan datang kenapa Pulau Pinang tak bagi air percuma. Kenapa Kelantan juga tak bagi air percuma kepada rakyatnya. Jadi, jangan bandingkan Johor dengan Selangor aje tapi kena bandingkan juga Johor dengan negeri-negeri yang diperintah oleh pihak pembangkang, Yang Berhormat Datuk Speaker. (Dewan bertepuk).

Di Kelantan dah 20 tahun lebih, 25 tahun perintah, bukannya satu dua hari atau pun satu dua penggal Yang Berhormat Datuk Speaker. Yang Berhormat Datuk Speaker, bab air ni saya cuma nak mencadangkan kepada Kerajaan Negeri, kita biasanya pembangunan pangsapuri ataupun flat-flat PPR dia menggunakan meter pukal Yang Berhormat Datuk Speaker. Termasuklah di PPR apa tu, Desa Mutiara dan juga PPR-PPR lain. Tetapi kadar takrif air jika menggunakan meter pukal ni biasanya lebih tinggi daripada meter individu. Jadi, saya harap Kerajaan Negeri dapat kaji supaya takrif air

bagi meter pukal di Perumahan-perumahan Rakyat untuk orang susah sahaja di kaji semula supaya kadarnya dapat diturun pada kadar yang lebih munasabah. Di pangsa-pangsapuri saya rasa tak perlu kerana di sana mungkin golongan yang lebih berkemampuan berada di sana. Jadi meter pukal kadar takrif air meter pukal, di PPR minta dikaji kerana di sana memang terdapat ramai orang yang masih memerlukan bantuan daripada Kerajaan Yang Berhormat Datuk Speaker.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya nak terus bawak perkara-perkara yang berkaitan dengan kawasan saya Yang Berhormat Datuk Speaker di Tiram. Bulan lepas saya menerima aduan daripada masyarakat di Tiram ada 2, 3 orang telefon, dia kata ada tanah runtuh, berlaku kejadian tanah runtuh ialah ni sungai, di bawah JPS. Jadi, saya biasa Yang Berhormat Datuk Speaker, kalau ada aduan sebegitu saya akan pergi menjengah untuk melihat apa tu kesahihan dan juga apa saluran yang boleh kita gunakan untuk mengatasi masalah tersebut. Tapi oleh kerana masalah tersebut agak besar juga, jadi saya turun bersama-sama dengan pemimpin masyarakat. Jadi biasanya kalau saya turun ke kawasan Yang Berhormat Datuk Speaker, saya turun pagi-pagilah kalau tak ada kerja. Jadi kebetulan saya nak cerita sikit Yang Berhormat Datuk Speaker. Saya turun pagi-pagi, orang belum pergi kerja lagi, kerana kadang-kadang saya bersarapan dengan pemandu-pemandu teksi di Sungai Tiram. Jadi, saya turun di Bandar Tiram, saya sampai Pekan Tiram tersebut, saya tengok ramai orang beratur Yang Berhormat Datuk Speaker, ramai orang beratur tepi jalan. Jadi, saya kebetulan nak berhenti dekat situ juga. Bunyinya dia bercakap bising jugalah. Bila saya berhenti dengan kereta ADUN, ada lambang ADUN, saya turun, saya tengok yang beratur bukan orang kitalah, senang cerita. Yang beratur tu saya tengok-tengok wajahnya gelap sedikit. Jadi, bila saya dekat, saya rasa ni orang daripada Bangladesh Yang Berhormat Datuk Speaker. Jadi dia beratur panjang. Bila saya dekat aja, dia diam semua. Daripada dia bising tu, dia diam. Jadi, saya tanya dia, ini beratur yelah kita ni Wakil Rakyat, kononnya tak kiranya orang luar negara ke, dalam negara ke, kita tegurlah. Saya cakap "beratur ni panjang-panjang ni ada apa?" Dia tak jawab Yang Berhormat Datuk Speaker, mungkin dia tak faham ke apa. Saya tak tahu. Tapi saya tanya dua tiga kali, "ni beratur ni beratur panjang-panjang ada apa?" Tiba-tiba, salah seorang jawab, dia kata "you siapa"? Saya cakap "saya Wakil Rakyat'. Dia pun tak tahu sebenarnya Wakil Rakyat ni apa. Tiba-tiba seorang tu dah macam marah Yang Berhormat Datuk Speaker, dia kata "encik, kami beratur mahu pergi kerja, bukan mahu pergi undi" dia cakap. Dia cakap "kami beratur mahu pergi kerja, bukan mahu pergi undi" Rupanya Yang Berhormat Datuk Speaker, ini orang Bangla ni pun dah trauma sebenarnya. Bila kena tuduh dia pergi undi dia kata, pilihan raya lepas Yang Berhormat Datuk Speaker. Jadi, dia kata "encik, ini orang Bangladesh dia kata 10 tahun baru 12 orang jadi warga negara. Dia cakap mana ada, kita mana ada IC mahu pergi undi, jadi itu orang tuduh semua tarak betul, dia kata, tarak betul, dia cakap.

Jadi Yang Berhormat Datuk Speaker, jadi, kita haraplah kalau nak buat tuduhan biar ada integritilah. Biar ada kata orang ada asas baru boleh buat tuduhan, Yang Berhormat Datuk Speaker. Itu satu bab Yang Berhormat Datuk Speaker. Lepas saya jumpa orang Bangladesh ni, saya pergi lagi ke depan jalan kaki ni. Saya jumpa satu kumpulan ni pulak dia tak beratur Yang Berhormat Datuk Speaker. Dia berkumpul ramai-ramai bercakap apa semua, dia tak beratur. Jadi, saya pun lah pergi dekat dengan kumpulan tersebut. Saya tengok memang bukan orang negara kita juga. Saya tengok-tengok eh, macam cerah sikit, rupanya orang Nepal Yang Berhormat

Datuk Speaker. Orang Nepal ni cara cakap, jadi saya pun pergi orang Nepal ni. Saya cakap "sana beratur you apa pasal tak mahu beratur? "Kenapa bising-bising di sini. Dia diam aja. Lepas tu saya tanya " Eh! Beraturlah" saya cakap. "You mahu tunggu bas ke?" dia kata apa tu dia diam juga Yang Berhormat Datuk Speaker. Jadi, ada satu orang jumpa saya. Dia cakap "encik, kami bukan tak mahu beratur, nanti kalau kami beratur, orang kata kami mahu pergi undi".

Jadi Yang Berhormat Datuk Speaker, ruparya orang Nepal ni pun dah takut. Takut pilihan raya akan datang Yang Berhormat Datuk Speaker, bukan orang Bangla dituduh pergi undi, orang Nepal pun dituduh pergi undi, Yang Berhormat Datuk Speaker. Jadi, Yang Berhormat Datuk Speaker, itu cerita dialah. Jadi, saya pun pergi ke apa tu, ke Sungai Tiram. Jadi saya haraplah kepada JPS, JPS ni supaya dapat cari peruntukan segeralah kerana masalah-masalah tanah runtuh, apa tu, tebing runtuh di Pekan Tiram tu agak serius Yang Berhormat Datuk Speaker. Agak serius dan memerlukan tindakan segeralah Yang Berhormat Datuk Speaker. Tu, tentang tebing runtuh. Jadi, lepas saya melawat Pekan Tiram tu, apa tu Sungai Tiram tu, Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ke Pasar Tiram. Jadi, dalam perjalanan ke Pasar Tiram tu Yang Berhormat Datuk Speaker, saya pun tiba-tiba ada motor berhenti. Berhenti tepi saya, dia kenal saya. Dia pun brek, "Y.B., Y.B.", dia kata. Dia tahan saya. Orang yang berhenti ni Yang Berhormat Datuk Speaker, memang saya tahu, orang kitalah, orang sinilah. Tapi wajah dia, tak macam orang sini. Wajah dia macam orang-orang luar Yang Berhormat Datuk Speaker. Macam ada rupa-rupa orang Pakistan sikitlah Yang Berhormat Datuk Speaker. Jadi dia tanya "Y.B., pilihan raya lepas Y.B. dapat berapa majoriti?. Saya kata saya dapat 7,443 kurang sikit daripada pilihan raya dulu. Y.B., saya minta maaf, saya tak dapat bantu Y.B. kali ni. Eh kenapa pulak? Saya, dia kata satu keluarga 7 orang tak keluar mengundi. Kenapa awak tak keluar mengundi? Dia kata tak nak Y.B., takut". Kalau saya mengeluar mengundi dia kata, orang Pakistan pulak pergi mengundi Y.B. Jadi susah juga. Jadi akan datang saya haraplah ya kepada pihak-pihak tertentu jangan sebarang-sebarang tuduh takkanlah, apa tu, SPR boleh menipu. Takkanlah, sampai ke tahap itu, apa itu kita menipu nak menang pilihan raya Yang Berhormat Datuk Speaker.

Jadi, Yang Berhormat Datuk Speaker, satu lagi yang saya nak bangkitkan ialah mengenai dengan Pasar Tiram Yang Berhormat Datuk Speaker. Jadi saya pergi pasar tadi ada juga aduan daripada pihak peniaga-peniaga Pasar Tiram tu, usianya pun agak lanjut juga. Dah lama juga. Jadi saya mintalah supaya pihak Majlis ambil perhatian supaya dapat di naik taraf Pasar Tiram tersebut.

Yang Berhormat Datuk Speaker, baru-baru ni satu lagi perkara. Baru-baru ni ada satu lawatan yang saya aturkan bersama dengan Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengenai dengan apa tu, masalah di PPR Desa Mutiara. PPR Desa Mutiara ni merupakan antara PPR agak telah pun berusia lebih daripada 10 tahun Yang Berhormat Datuk Speaker. Jadi keadaannya agak daif dan dulu pernah juga Kerajaan Negeri bantu, tapi mungkin apa tu, tak mencukupi dari segi peruntukan. Jadi saya harap supaya dapat, satu peruntukan khas daripada Kerajaan Negeri, kerana PPR ni saya tengok bila saya pergi lawatan bersama Pengerusi tu, banyak berlaku kebocoran dari segi *piping*, paip airnya, kemudian ada juga mungkin kabel elektrik yang tak dibuat dengan sempurna dan juga *maintenancenya* tidak di selenggara, yang tidak dibuat dengan sempurna, maka akhirnya penduduk ni duduk dalam keadaan tak berapa selesa Yang Berhormat Datuk Speaker. Jadi, apa tu, saya

mintak sangatlah kepada Kerajaan Negeri supaya beri perhatian yang khusus kepada PPR Desa Mutiara di samping kata orang tu membina kawasan perumahan, perumahan yang baru.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya rasa itu sajalah saya beri peluanglah kepada rakan-rakan lain untuk meneruskan perbahasan ini. Saya turut menyokong usul yang dibawa oleh Rengit. Sekian, wabillahi taufik walhidayah, wassalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Datuk Speaker : Terima kasih, Yang Berhormat Tiram. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Sungai Balang.

Y.B. Puan Zaiton binti Ismail (Sungai Balang) : Bismillahirrahmannirrahim, Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Speaker kerana memberi peluang kepada saya dalam sesi Dewan kali ini. Pertamanya, tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar Johor dalam pembentangan Bajet 2014 yang akan memberi faedah kepada semua rakyat Johor, Insya-Allah. Dalam Bajet 2014, Kerajaan Negeri berhasrat menjadikan sektor pelancongan sebagai sumber pertumbuhan ekonomi yang penting kerana Johor mempunyai produk pelancongan yang unik, bermutu dan mempunyai kelainan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, bagi menjadikan Johor sebagai destinasi pelancongan yang menarik, keperluan meningkatkan kemudahan prasarana dan kemudahan asas perlu diambil kira. Parit Jawa yang berkeluasan 7,129.76 hektar dan penduduk anggaran 11,320 sejak lebih satu dekad. Pantai Leka di Parit Jawa telah dibangunkan untuk tujuan riadah serta tarikan pelancongan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, selain daripada masakan asam pedas, Parit Jawa juga terkenal kerana merupakan kawasan persinggahan burung-burung migrasi dari seluruh dunia dalam perjalanan musim penghijrahan mereka. Sekurang-kurangnya 44 daripadanya akan singgah di Parit Jawa, termasuk spesies Burung Botak yang amat terkenal. Kerajaan telah membina prasarana seperti Menara Tinjau dan laluan pejalan kaki untuk menarik kehadiran pelancong. Sungai Balang ingin mencadangkan agar prasarana yang telah ada ditambah dengan membina dewan atau kemudahan yang lengkap dengan teknologi komunikasi untuk seminar atau mesyuarat bagi memberi kemudahan kepada saintis, pakar dan pencinta burung untuk mengadakan perbincangan, berkongsi maklumat tentang pemerhatian dan kajian mereka terhadap spesies burung migrasi ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kita boleh mengekalkan elemen budaya kita dengan bentuk bangunan tradisional serta menaik taraf inapdesa yang dikendalikan oleh penduduk tempatan. Walau pun fenomena ini bermusim, tapi sekiranya diuruskan dengan cara efektif, Pantai Leka, Parit Jawa boleh jadikan salah satu destinasi eko pelancongan. Sekurang-kurangnya bagi pencinta dan pengkaji spesies burung.

Yang Berhormat Datuk Speaker, strategi keempat dalam Bajet 2014, adalah melahirkan modal insan berketerampilan. Falsafah pendidikan negara memberi penekanan kepada usaha melahirkan ramai lagi individu kreatif dan inovatif. Dalam Pelan Pembangunan Pendidikan 2013 hingga 2025, dinyatakan kepentingan

pemikiran kreatif dalam membangunkan potensi individu secara holistik untuk menghasilkan individu yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, selaras dengan hasrat falsafah pendidikan kebangsaan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kanak-kanak dilahirkan dengan kebolehan dan keupayaan yang berbeza. Aktiviti kreatif dapat menyediakan ruang untuk anak-anak mengeluarkan dan melahirkan perasaan cara berkomunikasi tanpa bahasa. Tahap kreativiti dapat dipertingkatkan selain mewujudkan rasa sensitiviti kanak-kanak terhadap sekelilingnya. Di samping menambah Perpustakaan Desa sedia ada dengan bahan-bahan bacaan dan media sokongan, dicadangkan pembangunan Perpustakaan Permainan atau *Toy Library*, dengan izin, yang telah lama diperkenalkan di negara barat. Malah juga di berapa pusat kanak-kanak seperti di Pusat Aktiviti Kanak-Kanak Nur Salam. Kanak-kanak mula meneroka dunia mereka dengan imaginasi dan permainan. Justeru itu, kita boleh membantu mereka termasuk kanak-kanak yang berkeperluan khas mengembangkan minda dan potensi diri. Dengan kerjasama kepakaran institusi pengajian tinggi dan tajaan badan-badan korporat, kita akan dapat meningkat kualiti modal insan dalam kanak-kanak dengan membangunkan *toy library*, dengan izin, dan melatih anak-anak muda mengendalikan terapi permainan sama ada secara sambilan atau pun kerja tetap.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam aspek pembangunan keluarga dan warga tua dapatan kajian Kementerian Pembangunan Keluarga Dan Masyarakat khususnya Lembaga Populasi Malaysia (KPSK) 4 2010, dengan peningkatan kualiti penjagaan kesihatan jangka hayat meningkat kepada 71.7 tahun untuk lelaki dan 76.6 tahun untuk perempuan pada tahun 2010. Berbanding tahun 2000, 70.2 tahun lelaki dan 75 tahun perempuan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dengan peningkatan ini dijangka warga emas berusia 60 tahun ke atas meningkat daripada 1.4 juta pada tahun 2000 kepada 2.3 juta pada tahun 2010. Apa yang penting, kajian mendapati warga tua ini kesunyian dan mengalami sindrom sarang kosong atau *empliness syndrome*, dengan izin dan tambahan pula ramai anak-anak yang tidak dapat memberi ibu bapa mereka dengan bantuan kewangan kerana pada masa yang sama mereka perlu menyara keluarga sendiri.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kajian juga mendapati 64.5% warga tua mengharapkan anak-anak menjaga mereka apabila mereka sakit. Justeru itu, kita perlu menjalankan Program Pembangunan Keluarga Antara Generasi atau *Intergeneration Family Development Programme*, dengan izin untuk mengukuhkan kembali sikap kebertanggungjawaban anak-anak kepada ibu bapa mereka.

Yang Berhormat Datuk Speaker, akhirnya marilah kita sama-sama menyahut seruan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar Johor agar dapat terus memberi sokongan yang tidak berbelah bagi kepada Kerajaan supaya segala perancangan yang telah dirancang dapat diterjemahkan. Semoga Johor mampu menjadi simbol dan peneraju pembangunan yang maju, adil lagi saksama akan menjadi kenyataan. Yang Berhormat Datuk Speaker, bunga dedap di atas para, anak dusun pasang pelita, kalau tersilap tutur bicara, jemari dsusun maaf dipinta.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Sungai Balang menyokong usul daripada Yang Berhormat Rengit. Sekian, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Datuk Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Sungai Balang. Sekarang saya persilakan Bukit Permai.

Y.B. Encik Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speraker. Bismillahirrahmannirrahim. (Berselawat).

Pada kesempatan yang awal ini, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas pada Yang Amat Berhormat Menteri Besar di atas pembentangan Bajet 2014. Banyak perkara telah disampaikan oleh rakan-rakan Yang Berhormat terutamanya dari sudut perumahan rakyat dan sebagainya. Namun, ada suatu perkara yang amat penting yang saya rasa kita patut bersyukur yang mana hasil daripada pembentangan itu menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri Johor benar-benar sebuah Kerajaan Negeri yang menegakkan agama Islam, yang memartabatkan agama Islam dan mendengar denyut nadi rakyat iaitu pengumuman tentang Skim Pinjaman Kitab kepada semua murid sekolah agama tanpa had kelayakan.

Sebenarnya, isu ini patut kita war-warkan kepada rakyat di luar sana kerana masalah pendaftaran awal murid-murid Sekolah Agama Johor ini telah menjadi isu kebelakangan ini kerana pembelian kitab kerana pendaftarannya mencecah ke angka RM200.00 lebih. Ia menjadi isu, sehinggakan di taman-taman perumahan di mana keluarga-keluarga muda yang anaknya ramai bersekolah tidak dapat menghantar kesemua anaknya ke Sekolah Agama Johor kerana gagal untuk membayar yuran pendaftaran awal sekolah agama yang begitu tinggi. Tetapi pengumuman Yang Amat Berhormat Menteri Besar tentang Skim Pinjaman Kitab ini adalah suatu bonus kepada rakyat kepada orang Melayu kepada orang Islam Negeri Johor bahawa kita nak memberikan akses tentang agama Islam kalau boleh secara percuma kepada seluruh rakyat Negeri Johor. Syabas dan tahniah atas pengumuman ini. (Dewan bertepuk).

Yang kedua, saya nak bercakap iaitu tentang belanjawan kita ini berkenaan dengan saranan Yang Amat Berhormat Menteri Besar mengenai perlunya kita mencari sumber ataupun punca hasil baru bagi meningkatkan hasil Negeri Johor ini. Kerana apabila kita melihat kepada jumlah belanjawan sejumlah RM1 bilion ini, kita cuma ada lebihan lebih kurang RM2 juta. Emolumen, hampir separuh daripada jumlah belanjawan kita habis kepada emolumen. Bukan kerana kita tidak cekap menguruskan belanjawan tetapi kerana keperluan, perkembangan semasa, pertambahan berbagai-bagai keperluan yang terpaksa kita letakkan untuk menanggung bagi menjalankan urusan Kerajaan Negeri.

Tetapi, hari ini kalau kita lihat kod hasil 75000 iaitu Faedah Dan Perolehan Dari Pelaburan, kadang-kadang kita pun jadi pelik Datuk Speaker. Kita punya cukai hiburan boleh mencecah sehingga RM14 juta, tetapi di bawah kod 75431 iaitu Pendapatan Dari Projek Penswastaan, kita cuma dapat RM12 juta. Cukai hiburan, kita dapat RM14 juta, hasil dari projek penswastaan RM12 juta sedangkan kita lihat begitu banya projek penswastaan yang berlaku di Negeri Johor. Jadi, saya harap agensi-agensi terbabit terutamanya UPEN kena melihat perkara ini secara serius. Perlu ada kajian semula, semak semula bagaimana kita nak melihat supaya GLC-GLC ini menyumbang secara

terus hasilnya kepada Kerajaan Negeri. Kita tak nak GLC-GLC ini nanti menjadi seperti si Tenggang. Cerita si Tenggang ini dulu Tenggang kahwin balik rumah terus jumpa mak. Patutnya cerita itu panjang lagi Datuk Speaker, Tenggang kahwin dia ada anak. Anak dia ramai...

Y.B. Datuk Speaker : Tenggang ke Tanggang?

Y.B. Encik Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai) : Tanggang, ikutlah mana mana longat pun boleh Datuk Speaker. Jadi yang sebut Tenggang pun Tenggang, kalau sebut Tanggang pun Tangganglah. Tanggang ini kahwin anak dia ramai, macam kitalah kita ada *Johor Corporation*, ada apa. *Johor Corporation* macam tak berapa nak banyak sumbang. Kononnya tak untung, tapi ada anak syarikatnya ada yang untung beratus ratus juta. Damansara Asset, KPJ, kita bercerita untung, buat pengumuman, tetapi hasil langsung yang balik kepada Kerajaan Negeri ini mana? Takkan lah kita kutip penswastaan ni cuma RM12 juta? Sikit sangat. Berbanding dengan nilai pelaburan yang dibuat oleh syarikat-syarikat GLC.

Jadi Datuk Speaker, yang ini saya nak kita perhalusi. Kalau boleh saranan yang dibuat oleh Menteri Besar untuk mencari hasil baru, semak semula cukai. Kita buatkan konvensyen, kita buat seminar, bukan sahaja agensi-agensi Kerajaan, pegawai-pegawai Kerajaan tetapi libatkan Wakil-Wakil Rakyat ini. Dewan ini tak cukup masa untuk kita bincang bagaimana untuk menambah hasil kerajaan. Kita adakan satu seminar, kalau Malaysia ini panas kita cari tempat sejuk supaya kita seminar ini lebih selesa. Kita jemput pembangkang pun tak apa. Jemput sekali, yang penting kita ingin memakmurkan Negeri Johor. Kita nak tingkatkan hasil langsung yang Kerajaan terima. Kita tahu GLC ada CSR dan sebagainya tetapi itu tidak menggambarkan sejauh mana dia pulangkan balik untung itu kepada Kerajaan Negeri, yang ini yang kita nak tekankan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, mengenai dengan pemilikan rumah, saya juga nak mencadangkan sesuatu perkara yang penting iaitu tentang *trick* ataupun helah yang dibuat oleh pemaju-pemaju perumahan. Saya nak bercerita hari ini kerana apa, kerana dulu helah ini saya yang buat. Saya 12 tahun bekerja dengan *property development*, dengan *property agency*, saya tahu. Sebahagian daripada rakan-rakan saya yang duduk di SUK Perumahan itu ada yang dah pencen. Dekat mana kelompangan yang berlaku. Yang ini kita kena lihat secara serius, iaitu peranan SUK Perumahan tentang mengawal perangai-perangai *developer* ni.

Yang pertama, berkenaan dengan *layout*. Apabila dia nak mohon sesuatu projek perumahan, nak majukan suatu tanah, mereka akan hantar *master plan*. Dalam *master plan* ini cukup lengkap, rumah murahnya dekat sini, rumah mahal dekat sebelah kanan, rumah yang murah sikit dekat belakang, yang tu kat depan, tetapi dipertengahan perjalanan mereka tidak *develop* semua, mereka majukan *parcel by parcel*. Kemudian, selepas 3 tahun dia kata kita nak ubah *layout* yang dekat belah kiri ini, yang rumah murah ni kita letak kat belakang sebab permintaan pasaran, dia pun ubah. Besok ada lagi 1, 2, 3 tahun, dia ubah lagi dia kata kawasan rumah pangsa ini tak boleh kita nak buat kondo rumah pangsa ni kita tolak dekat belakang. Akhirnya, di hujung pembangunan semua rumah sederhana, rumah kos rendah, rumah rakyat dia longgokkan dekat belakang. Tanahnya sekangkang kera, akhirnya demi nak memenuhi keperluan angka syarat, buat rumah pangsa.

Yang penting ada bilangan, cukup bilangan. Yang ini kita kena kawal Datuk Speaker, yang ini kerja SUK Perumahan. Kerana, permohonan ini selalu ditujukan kepada SUK Perumahan kemudian dengan berbekalkan sekeping surat, pihak pemaju pergi mesyuarat OAC di PBT, lulus, yang penting angka cukup tak lari. Rupanya di hujung pembangunan apa benda pun tak boleh buat. Yang ini kita nak tengok balik. Saya minta keanggotaan dalam OAC di setiap PBT kita kena tengok balik supaya kalau boleh ada Wakil Rakyat dijemput ada wakil SUK Perumahan wajib duduk dalam mesyuarat OAC di setiap Majlis Perbandaran. Kerana apabila kuasa itu diturunkan kepada OAC di Majlis Perbandaran banyak kelompangan-lompangan *look hole* yang akan terlepas pandang dan sebagainya. Sebab itu, walaupun macam mana cantik dasar yang kita buat tetapi dari segi pengawasan kalau kita tidak melihat secara teliti, secara halus, maka dasar-dasar perumahan ini takkan berjaya Datuk Speaker. Yang ini kita kena tengok. Sebelum saya pergi jauh, yang ini penting iaitu...

Y.B. Datuk Speaker : Tak boleh pergi jauh, 3 minit lagi.

Y.B. Encik Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai) : Terima kasih Datuk Speaker, iaitu berkenaan dengan kawasan sayalah. Baru-baru ini saya dengar Kulaijaya ini suatu daerah baru, ada cadangan untuk mewujudkan Pusat Pentadbiran Daerah Kulaijaya yang baru. Perkara ini telah saya bangkitkan dalam Mesyuarat Tindakan Daerah. Walau bagaimanapun, saya rasa sangat perlu untuk saya maklumkan di sini bahawa peluang pembinaan Pusat Pentadbiran Daerah baru ini adalah peluang sekali dalam seumur hidup. Kalau orang jawa kata *once in a lifetime*. Dan, saya harap perkara ini dapat diteliti supaya diletakkan di koridor yang baru. Janganlah kita letak di Senai, di Bandar Kulai kerana kawasan-kawasan ini telah maju. Kawasan-kawasan ini telah dimajukan oleh pihak swasta, kita perlu letakkan Pusat Pentadbiran Daerah Kulaijaya ini di koridor yang baru, supaya kita dapat mewujudkan pengagihan pembangunan. Pembangunan yang sama rata di Daerah Kulaijaya.

Kemajuan yang berlaku ini tidak boleh tertumpu di sesuatu tempat sahaja. Jadi, saya mencadangkan supaya pihak KULIM Berhad atau pun pihak FELDA, KULIM ini kita tahu, KULIM ini anak syarikat Kerajaan Negeri, anak Si Tanggang. Jadi, dia majukanlah kawasan-kawasan lain di Kulai itu yang kalau boleh memberi nilai tambah kepada masyarakat terbanyak di sana. Janganlah kita bertumpu kepada satu kawasan, di FELDA pun ada 150 ekar tanah milik FELDA di FELDA Taib Andak yang boleh kita bangunkan untuk dijadikan bandar baru seperti mana Bandar Seri Jempol dan Bandar Jengka. Tanah 150 ekar di FELDA Taib Andak ini berhampiran dengan FELDA Inas dan Ladang Sedenak milik KULIM, saya rasa sangat berpotensi untuk kita wujudkan sebagai koridor baru untuk pengagihan ekonomi yang lebih seimbang di Daerah Kulaijaya.

Datuk Speaker yang saya hormati, berbagai perkara dibangkitkan oleh rakan-rakan kita terutamanya daripada pembangkang, berkenaan dengan berbagai isu apabila menyentuh kepada soal Bajet yang dibentangkan pada kali ini. Antaranya saya suka dengar isu yang dibawa oleh sahabat saya daripada Senai, iaitu berkenaan dengan pemilikan motosikal. Alasan ramainya orang milik motosikal di Johor ini kerana sistem pengangkutan awam kita tak baik kononnya, jadi meningkatkan beban kepada rakyat terpaksa walau dah ada kereta, beli motor.

Tapi, saya nak beritahu Datuk Speaker dan sidang Dewan, yang pengangkutan awam tak baik bukan negara kita, bukan negeri kita, tapi jiran kita. Kalau mereka ni tak beli

motor Datuk Speaker, mereka tak boleh sampai tempat kerja *on time*. Mereka tak boleh sampai tempat kerja dalam masa yang tepat, kerana motor-motor yang dibeli ini bukan guna kat tempat kita. Motor-motor yang orang Johor Bahru beli ini sebab pagi-pagi nak masuk negara sebelah pergi kerja.

Sebab itu kalau tak percaya, kita duduk Tambak kita tengok, tiap-tiap hari pagi petang, berapa puluh ribu motor keluar masuk, keluar masuk. Kerana apa mereka beli motor, kerana pengangkutan awam negara sebelah tu tak menampung. Kalau betul bagus, orang tak naik motor pergi sebelah tu. Naik bas dah boleh sampai tempat kerja, tapi sebab tak boleh sampai mereka terpaksa beli motor. Tetapi janganlah kita kaitkan motor tu dengan negeri kita. Orang beli motor sebab pengangkutan awam kita tak baik, tak payah, orang Johor ini tak payah motor, orang jalan kaki pun tak apa. Motor ini sebab nak pergi kerja, nak cari makan dekat sebelah tu, itu sebab banyak motor.

Yang kedua, GST. Apabila sebut GST kita cakap kepada rakyat, GST ini menyusahkan rakyat. Orang miskin kena bayar cukai, orang miskin kena itu, kena ini, tapi kenapa kita tak cakap rakyat, orang kaya tak bayar cukai. Macam mana kita nak kutip cukai dekat orang kaya. Contoh, yang meniaga judi haram, yang meniaga ekor haram, yang meniaga pelacur, yang meniaga judi bola, keuntungan mereka berjuta-juta, meniaga dia orang ini tak ada *sign board*, tak *declare*. Kat mana kita nak kutip cukai orang meniaga macam ini, tak ada tempat. Tapi orang berniaga ini dia nak beli barang, dia nak pakai baju cantik, dia nak beli kereta, dia nak beli itu, nak beli ini, untung berjuta-juta, barang dia beli pun banyak. Jadi dengan GST inilah kita dapat kutip cukai daripada orang. Kalau tak ada GST orang ini lepas bebas, kita tak dapat hasil. Tapi yang ini kita tak cakap dekat rakyat, kita kata nanti rakyat susah, rakyat kena bayar itu, bayar ini. Yang orang kaya tak bayar cukai ni, kita tak nak cerita.

Y.B. Datuk Speaker : Lama lagi?

Y.B. Encik Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai) : Terima kasih Tuan Speaker, Datuk Speaker. Perkara yang akhir sekali yang saya nak cakap iaitu berkenaan dengan bantuan sosio-ekonomi, yakni berkenaan dengan bantuan yang kita berikan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Majlis Agama Islam kepada golongan miskin tegar dan miskin. Adakah nilai RM300.00 sebulan ini masih relevan, dengan keadaan semasa sekarang. Saya minta kadar betul kita bantu, memang kita bantu. Kita bagi senarai JKM orang miskin tegar, miskin, JKM datang buat laporan, bagi, tapi nilai dia RM300.00. Adakah nilai RM300.00 ini masih bersesuaian dengan zaman sekarang, dengan persekitaran sekarang.

Jadi, maksudnya kalau kita nak bantu ni, kita bantu betul-betul. Bantu betul-betul, jangan kita bantu tapi orang itu tahu kita dibantu, kita ni membantu dan dia tahu dia dibantu, tetapi bantuan tu tak boleh nak ke mana, dengan nilai RM300.00 sebulan. Jadi saya mintak Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat berbincang elok-elok supaya masalah ini dapat diselesaikan dan dikaji balik kadar yang kita bagi kepada golongan miskin tegar, miskin. Adakah dia benar-benar membantu atau pun boleh ditambah kepada nilai yang lebih.

Dan yang akhir sekali saya juga ingin mencadangkan kepada Majlis Agama Islam Johor untuk kita sekali lagi mengangkat martabat Islam ini dengan kita jabatankan

Institusi Masjid. Kita hari ini ada modal insan yang cukup baik, kita ada pelajar-pelajar Agama Darjah Khas, kita ada MAAHAD, kemudian dah lepas MAAHAD kita hantar ke luar Negara Jordan dan sebagainya, balik dengan Degree, kat mana kita nak letak dia orang.

Jadi, saya mintak jabatankan masjid. Kita jabatankan masjid, setiap masjid Negeri Johor ini ada satu Pengurus yang balik daripada Jordan dengan Degree ini kita jadikan Pengurus. Yang keluar MAAHAD yang setakat Sijil Diploma dan sebagainya ni kita jadikan Penyelia. Yang budak-budak Darjah Khas ini kita jadikan kerani dan sebagainya. Jadi kita jabatankan Masjid ini. Tujuannya, program tahunan kariah masjid tu, jawatankuasa ini, *manager* ni uruskan, penyelia ni yang uruskan.

Kelas-kelas Al-Quran dibuat secara berterusan supaya anak-anak kecil dapat mengaji. Hari ini bandar-bandar, taman-taman bila pindah aje, kita dah tak tahu mana nak hantar anak kita mengaji. Budak-budak sekolah tak khatam Al-Quran, ramai hari ini kerana tidak ada guru mengaji di taman-taman. Jadi masjid, tugas *manager* ini, menyelia ini menyediakan kelas-kelas al-Quran sepanjang tahun supaya kariah di situ boleh anak-anaknya khatam al-Quran. Kemudian kelas-kelas fardu Ain, menjalankan kelas-kelas fardu Ain daripada semua peringkat umur, kerana Datuk Speaker masa dia umur kecil 7 tahun sampai 13 tahun dia belajar fardu Ain. Kemudian dia lupa, dah tua, kahwin, beranak pinak, ada orang tua pun kadang-kadang fardu Ain pun tak berapa ngam, jadi kena bilas-bilas, kena ulang kaji. Jadi kalau boleh kita jabatankan masjid, ada pengurus, ada penyelia, ada kerani, maka kita boleh mengimarahkan masjid.

Y.B. Datuk Speaker : Ok.

Y.B. Encik Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai) : Datuk Speaker, yang akhirnya saya mengucapkan syabas kerana hari ini kita lihat Kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar begitu serius dalam menangani berbagai isu rakyat. Semoga idea baru ini, kereta baru ini akan diikuti dengan tayar baru dan enjin baru, minyak baru supaya semangat baru ini dapat bergerak laju demi memenuhi aspirasi dan tujuan yang dihasratkan. Saya tak nak Yang Amat Berhormat Menteri Besar penuh berbagai cadangan baru dan sebagainya tetapi agensi yang melaksanakan masih dengan perangai lama, dengan cara kerja lama, maka kita takut hasrat ini tak tercapai. Jadi, akhir kata Bukit Permai menyokong usul yang dibawa oleh Rengit.

Y.B. Datuk Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Bukit Permai. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Bukit Naning.

Y.B. Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Suib (Bukit Naning) : Bismillahirrahmannirrahim. Segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Junjungan Nabi Muhammad S.A.W. dan para sahabat-sahabatnya. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, salam Muafakat Johor dan salam 1Malaysia. Terlebih dahulu Bukit Naning ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Speaker, kerana memberi Bukit Naning ruang dan peluang untuk menyertai sesi perbahasan Bajet 2014 yang bertemakan Muafakat, Pembangunan dan Pengagihan yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar pada hari Khamis 7 November yang lalu di Dewan yang mulia ini.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dan Kerajaan Negeri di atas pembentangan Bajet 2014, yang sekali lagi menjadi penanda aras untuk menunjukkan ekonomi Negeri Johor, berada pada landasan yang betul dengan Bajet Lebihan Mengurus bagi tahun 2014 sebanyak RM2.02 juta dan berjaya membawa kesinambungan Kerajaan Negeri Johor yang lalu ke arah masa hadapan yang lebih baik, insya-Allah. Bajet kali ini juga dengan kadar pertumbuhan ekonominya diunjurkan berkembang pada kadar 6.1% pada tahun 2013 adalah jelas mencerminkan kekukuhan asas ekonomi Negeri Johor walaupun pada ketidak ketentuan ekonomi dunia.

Yang Berhormat Datuk Speaker, di Dewan yang mulia ini Bukit Naning ingin menyentuh soal pemantapan ekonomi Negeri Johor. Pemantapan ekonomi Negeri Johor perlu dilihat dari perspektif pemantapan ekonomi rakyatnya secara menyeluruh. Adalah perlu menjadi keutamaan Kerajaan Negeri Johor untuk memastikan segala sumber ekonominya dimanfaatkan sepenuhnya oleh rakyatnya, kerana dengan mantapnya ekonomi rakyatnya secara menyeluruh, maka secara tidak langsung ekonomi Negeri Johor juga akan menjadi kukuh.

Oleh yang demikian Bukit Naning berpendapat apa-apa jua aktiviti yang bertujuan untuk memantapkan ekonomi Negeri hendaklah keutamaan hasilnya adalah kemantapan ekonomi rakyat Johor itu sendiri. Sebagai contoh pelaburan yang berjaya dibawa ke dalam Negeri Johor hendaklah memberi keuntungan kepada rakyat Johor bermula dari peringkat awal sehingga pengeluaran hasil produk. Maksudnya apabila pelabur luar membawa masuk pelaburan, maka dari peringkat pembuat keputusan dalam pelaburan itu sehingga kepada peringkat pengguna pelaburan itu perlu dinikmati oleh rakyat secara total.

Janganlah pelaburan berjuta ringgit tetapi rakyat hanya mendapat peluang pekerjaan di peringkat bawahan sahaja manakala peringkat atasan dipelopori secara total oleh pelabur asing dan hasil pelaburan tersebut tidak dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh rakyat berbanding dengan orang luar. Sebagai contoh Yang Berhormat Datuk Speaker, Legoland yang mana benar ia memberi peluang pekerjaan tetapi di peringkat apakah peluang pekerjaan itu ditawarkan. Manakala tiket untuk masuk ke Taman Tema Legoland itu sendiri adalah terlalu mahal, sehingga agak mustahil bagi rakyat kebanyakan menikmati hasil pelaburan Legoland ini. Iklan promosi Legoland ini sendiri pun banyak dikeluarkan di siaran media negara jiran berbanding dalam negara kita.

Yang Berhormat Datuk Speaker, atas kesedaran ini Bukit Naning mencadangkan agar Kerajaan Negeri khususnya dan Pusat amnya mengkaji semula adakah setiap pelaburan itu benar-benar memberi manfaat secara menyeluruh kepada rakyat Johor terutamanya. Yang Berhormat Datuk Speaker, Bukit Naning amat tertarik dengan fokus perumahan yang berkualiti untuk rakyat digariskan dalam strategi kedua. Bukit Naning amat tertarik dengan pelaksanaan Dasar Perumahan Rakyat Johor yang akan diperluaskan di kawasan Iskandar Malaysia yang mana pastinya Kawasan Bukit Naning juga akan menerima tempiasnya. Perkara ini amat disambut baik memandangkan kos sara hidup yang semakin tinggi bukan sahaja di bandar-bandar besar tetapi turut dirasai oleh semua kawasan luar bandar. Kerana rumah adalah keperluan asasi semua rakyat.

Namun begitu dengan keadaan yang tidak menentu ini, isu harga rumah semata-mata bukanlah yang menjadi penyebab kepada kesukaran kepada rakyat untuk memiliki rumah. Antara faktor yang menyebabkan kesukaran rakyat untuk memiliki rumah adalah kerana kesukaran untuk mendapatkan pinjaman daripada bank-bank komersial. Bukit Naning difahamkan baru-baru ini Bank Negara Malaysia telah mengetatkan syarat-syarat pinjaman bank, yang mana termasuk juga pinjaman untuk perumahan. Keadaan ini telah menyebabkan ramai yang di kalangan berpendapatan rendah dan sederhana gagal dalam membuat pinjaman perumahan dan keadaan ini pasti boleh mengagalkan usaha Kerajaan Negeri dalam memastikan semua rakyat mendapat perumahan yang berkualiti.

Di Dewan yang mulia ini, Bukit Naning ingin mencadangkan agar Kerajaan mencari satu alternatif baru, dalam menyediakan peruntukan kewangan yang sewajarnya kepada golongan ini agar dapat membeli rumah yang ditawarkan oleh pemaju-pemaju yang mempunyai kepentingan Kerajaan Negeri. Sebagai contoh, mungkin Kerajaan boleh memperkenalkan konsep sewa beli rumah yang lebih praktikal kepada golongan ini dengan bersyarat, bahawa mereka yang memohon ini mesti mempunyai kerjaya yang berpendapatan tetap.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sekian lama peranan orang tengah memainkan peranan yang berleluasa di dalam kehidupan seharian kita, sama ada di bidang perkhidmatan, perniagaan dan sebagainya yang mengaut keuntungan yang berlebihan yang menjejaskan ekonomi rakyat dan Kerajaan Negeri Johor, sebagaimana yang diutarakan oleh Yang Berhormat Permai tadi. Jadi, untuk mencorak ekonomi yang mampan untuk rakyat Johor, Bukit Naning mencadangkan jihad menghapuskan orang tengah wajib dilaksanakan oleh Kerajaan Johor dalam apa juga urusan sama ada pentadbiran, perniagaan dan sebagainya. Insya-Allah ekonomi rakyat Johor dalam semua sektor akan meningkat tinggi dan insya-Allah masalah-masalah yang berbangkit dapat diatasi.

Yang Berhormat Datuk Speaker, strategi kedua teras utama Bajet 2014 ini ada menggariskan tentang fokus untuk menambah baik tahap perkhidmatan pengangkutan awam. Bukit Naning amat bersetuju dengan pendekatan ini memandangkan bekalan minyak petrol dan diesel yang semakin tinggi. Apabila harga pasaran dunia bagi sumber mineral utama ini menjadi tidak stabil, dan ditambah lagi dengan dasar rasionalisasi subsidi petrol dan diesel yang diperkenalkan oleh Kerajaan telah menyebabkan penyediaan perkhidmatan pengangkutan awam yang efektif dan efisien menjadi satu keperluan yang amat kritikal.

Yang Berhormat Datuk Speaker, untuk menjadikan perkhidmatan awam satu yang efektif dan efisien ia hendaklah menepati beberapa konsep seperti ketepatan masa dan memendekkan masa perjalanan dari satu tempat ke satu tempat yang lain. Pengangkutan awam ini hendaklah tidak terputus dan bersambung antara satu sama lain. Sebagai contoh pada ketika ini sekiranya rakyat yang tinggal di kawasan Tebrau hendak berurusan di Nusajaya, maka mereka perlu menaiki bas ke pusat bandar, Terminal Bas Larkin dan kemudian menunggu bas yang lain untuk ke Nusajaya. Ini amatlah tidak praktikal dan pembaziran masa perjalanan adalah begitu merugikan. Pengangkutan awam juga perlu bersifat mesra semua golongan rakyat. Contohnya bas awam perlu menyediakan kelengkapan dan kemudahan golongan OKU terutamanya yang menggunakan kerusi roda. Dan, di sesetengah negara luar mereka

menyediakan lif untuk membolehkan pengguna kerusi roda dinaikkan ke dalam bas. Serta terdapat juga bas di luar negara yang menyediakan rak letak basikal sama ada di bahagian hadapan atau pun di belakang bas bagi memudahkan pengguna basikal menggunakan perkhidmatan bas tersebut. Ini penting Yang Berhormat Datuk Speaker, memandangkan komuniti berbasikal di Malaysia amnya dan di Johor khususnya semakin berkembang pesat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, perkhidmatan pengangkutan awam bukanlah semata-mata pengangkutan awam sahaja, ia boleh meliputi pengangkutan udara, mahu pun pengangkutan air dan Johor merupakan sebuah negeri yang bertuah terutamanya Bandaraya Johor yang mempunyai laut Selat Tebrau. Maka di Dewan yang mulia ini, Bukit Naning ingin mencadangkan agar Kerajaan Negeri melakukan kajian untuk mewujudkan sistem *water taxi* dengan izin, sebagai permulaan mungkin boleh diadakan dari Bandaraya ke Nusajaya atau pun dari Bandar Di Raja Muar ke Hub Pendidikan Pagoh. Kita sedia maklum, bahawa jarak perjalanan dengan menggunakan pengangkutan air adalah lebih pendek dan menjimatkan masa. *Water taxi* ini dengan izin, sekiranya disediakan akan menambah lagi pilihan perkhidmatan pengangkutan awam kepada rakyat. Dan ini boleh menggalakkan agar rakyat mengurangkan penggunaan kenderaan peribadi untuk sesuatu tempat. Maka ia boleh menyebabkan kadar penggunaan petrol menurun dan mengelakkan kesesakan lalu lintas yang teruk. Ia secara tidak langsung dapat meningkatkan kesejahteraan rakyat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, isu-isu tempatan khususnya di kawasan Bukit Naning ingin saya memohon di sini supaya masalah-masalah berkaitan dengan jalan yang tidak rata antara Batu 13 hingga Batu 18 dapat diperbaiki kerana dalam tempoh masa-masa terkini, banyak kemalangan berlaku, kemalangan maut yang menyebabkan masyarakat di situ dan saya mengharapkan supaya janganlah isu-isu kemalangan maut itu dijadikan ukuran untuk memperbaiki sesuatu masalah yang berkaitan dengan jalan. Begitu juga dengan hari ini, suasana yang berlaku di mana musim hujan kerap berlaku dan parit JKR dan juga JPS perlu dibersihkan supaya pada hari ini masalah banjir bertakung yang melanda di kawasan Bukit Naning dapat di atasi.

Selain daripada itu Yang Berhormat Datuk Speaker, pembinaan masjid di Kampung Parit Tengah yang terbengkalai di mohon dapat diselesaikan dengan segera dan juga dewan orang ramai di Kampung Parit Tengah dapat juga dilaksanakan dengan segera supaya ianya dapat dimanfaatkan oleh rakyat di kawasan Bukit Naning.

Yang Berhormat Datuk Speaker, di Dewan yang mulia ini, Bukit Naning berharap agar cadangan-cadangan yang diberikan mendapat perhatian dan pertimbangan sewajarnya oleh pihak kerajaan. Dan selaras dengan tema Bajet 2014 iaitu Muafakat Pembangunan dan Pengagihan, Bukit Naning menyokong rundingan usul yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat daripada Rengit. Sekian, terima kasih wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. (Dewan bertepuk).

Y.B. Datuk Speaker : Ahli-Ahli Yang Bernormat, persidangan saya tangguhkan sehingga jam 12:00 tengah hari ini.

Persidangan ditangguhkan pada jam 11:35 pagi.

Persidangan disambung semula pada jam 12:00 tengahari.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan kita disambung semula. Sila Yang Berhormat. Semarang dah bersedia? Yang Berhormat dari Buloh Kasap, sila.

Y.B. Puan Norshida binti Ibrahim (Buloh Kasap) : Bismillahirrahmannirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, saya mula ucapan saya ini dengan kata Ahli Falsafah Greek. Bercakap-cakap adalah bertukar fikiran, bertukar pendapat dan bertukar pengalaman. Rahsia bercakap ialah pandai bicara, pandai bertanya dan pandai mendengar. Pertamanya ucapan tahniah saya tujukan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang telah berjaya membentangkan Bajet 2014 pada Khamis yang lalu. Menurut pandang dan hemah saya, Bajet ini merupakan Bajet yang terbaik yang menyentuh hampir keseluruhan aspek rakyat sementelah menunaikan segala janji Kerajaan Barisan Nasional pada pilihan raya yang lalu kerana kita ini Kerajaan yang sentiasa mengotakan apa yang dikata. Namun begitu terdapat beberapa perkara yang saya kira perlu diberi penceraban agar sekalian kita di dewan ini mahu pun rakyat di luar sana jelas akan segala usaha usaha baik dan murni yang dibentangkan oleh pemerintah negeri.

Jalan Muar-Tangkak-Segamat. Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, saya selaku Wakil Rakyat dari Segamat ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Kerajaan kerana memberi tumpuan kepada kebajikan orang Segamat dengan melaksanakan program naik taraf Jalan Muar-Tangkak-Segamat. Insya-Allah dengan adanya projek ini maka makin mudahlah orang-orang di Segamat. Secara tidak langsung ia memberikan kesan yang positif dan memberi kemudahan pelaburan yang lebih luas lagi untuk masuk ke dalam Daerah Segamat dan yang paling penting ia turut memberi peluang pekerjaan yang lebih banyak. Kerja naik taraf jalan Segamat-Tangkak-Muar ini memberi manfaat bukan sahaja kepada pengguna laluan itu sahaja. Malah pembangunan kawasan Johor Utara. Projek ini juga akan memendekkan masa perjalanan dari Pantai Timur ke Pantai Barat melalui Segamat. Selain laluan lebih selesa dan selamat ia dihubungkan dengan Lebuh Raya Utara- Selatan maka saya ingin memohon penceraban tarikh sebenar projek ini akan siap, berapa peratus projek ini telah siap? Adakah ia menepati jadual perlaksanaan dan jika tidak apakah puncanya? Sama ada berpunca dari kontraktor atau lain-lain. Juga berapa kos sebenarnya keseluruhan menaik taraf jalan ini?

Program Keusahawanan Belia. Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, projek Program Printis Muda Johor yang dicadangkan amat baik. Malah saranannya dilihat amat berkesesuaian namun begitu terdapat beberapa perkara yang ingin saya sentuh. Pertamanya apakah bentuk mekanisme perlaksanaan, betuk bantuan dan berapakah jumlah peruntukan untuk program ini? Persoalan saya timbul kerana kita tidak mahu program-program seperti ini tidak sampai kepada golongan yang sepatutnya. Kita tidak mahu program yang hanya baik diterima oleh masyarakat segelintir masyarakat dan pastilah manfaatnya tidak dirasai menyeluruh. Biarlah program yang baik untuk golongan belia ini diterima oleh golongan belia di setiap ceruk dan pelosok di Negeri Johor. Tidak kira di bandar mahu pun di kampung. Biar

semua belia menikmati inisiatif yang cukup baik dari Kerajaan. Saya amat berharap maklumat mengenai program ini disebar luas untuk belia agar mereka tahu Kerajaan kita ini menyediakan platform yang cukup baik untuk mereka dan Kerajaan Barisan Nasional ini cukup peka terhadap kebajikan dan masa depan mereka.

Kebajikan Tenaga Pengajar Sekolah Agama. Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, dalam Bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah diperuntukkan sejumlah RM28 juta khusus untuk pembangunan dan pendidikan agama. Antara usaha yang dilaksanakan adalah memperluaskan skim pinjaman kitab kepada semua pelajar tanpa had kelayakan. Memperkasa Pendidikan Islam di peringkat awal di Tadika KEMAS dan perluasan Sekolah Agama Tahfiz. Segala usaha ini baik dan merupakan usaha murni Kerajaan. Namun begitu dalam usaha kita memperhebatkan syiar Islam perkara penting yang perlu kita ambil kira ialah soal kebajikan sekolah agama serta memperkasakan badan kebajikan sekolah agama. Pada hemah saya kebajikan tenaga pengajar sekolah agama ini kurang diberi perhatian dan kerap juga kita terlepas pandang. Saya tidak mahu menyalahkan mana-mana pihak tetapi ianya menjadi tanggungjawab kita semua. Atas sebab itulah saya utarakan di dalam Dewan yang mulia ini.

Saya mengambil contoh di kawasan saya sendiri, kebajikan tenaga pengajar ini kurang dijaga. Apalah kiranya mereka ini diberi hak untuk menikmati kelebihan seperti guru di sekolah kebangsaan. Adalah penting dalam usaha kita memastikan anak-anak kita menuntut ilmu agama sebaik-baiknya. Maka perlu kebajikan tenaga pengajar ini kita jaga juga kerana merekalah mualim yang memberi ilmu dan membantu kita mendidik anak-anak kita dalam ilmu agama.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, kebajikan petugas atau sukarelawan PDK. Dalam negara yang menuju maju negara yang berpendapatan tinggi tetapi masih ramai pekerja kontrak dipinggirkan. Salah satunya penyelia dan petugas PDK di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat. Tugas mereka mendidik dan melatih kanak-kanak kelainan upaya yang terdiri daripada kanak-kanak Sindrom Down, Autisme, Calabstri dan sebagainya untuk berdikari tidak dihargai. Hal ini jauh berbeza dengan guru pendidikan khas yang telah banyak diberi kemudahan dan inisiatif oleh Kerajaan. Mereka diberi taraf sukarelawan kontrak dengan diberi elaun RM800.00 untuk petugas atau guru dan RM1,200.00 untuk Penyelia. Perkara ini saya kira sukar diterima kerana beban kerja dan keadaan ekonomi semasa. Mereka yang dipilih bukan sahaja memiliki pencapaian ujian, Ujian Pencapaian Sekolah Rendah tetapi mereka mempunyai SPM dan juga ada yang Diploma dan ramai di kalangan mereka berijazah. Ada dalam mereka sudah berkhidmat selama belasan tahun tetapi tidak mendapat pembelaan sewajarnya. Mereka tidak diberi pengkhususan seperti mereka berkhidmat di Tadika KEMAS yang diberi kursus pendidikan awal kanak-kanak. Dengan ini, dengan tidak diberi kursus mereka mudah dinafikan untuk kenaikan gaji dan pelbagai kemudahan lain. Oleh itu, ada antara mereka yang sudah berkhidmat dua atau tiga tahun berhenti apabila mendapat tawaran kerja yang lain. Sedangkan kanak-kanak OKU di PDK memerlukan kepakaran mereka untuk membentuk pelatih OKU berdikari bukan semata-mata menjaga makan dan minum mereka juga, jika tugas atau pun petugas atau guru berselisih ganti di mana kita mahu mendapatkan kepakaran anak-anak kita dan kemahiran mereka sedangkan mereka guru atau pun petugas sudah tahu selok- belok OKU itu berhenti mencari pekerjaan yang lain. Dalam melatih tugas atau guru dan penyelia PDK yang baru, saya kira kita terlepas pandang

mengenai perkara ini. Jika keadaan ini berterusan sampai bila-bila pun nasib OKU di Malaysia tidak akan terbela, sedangkan mereka terdiri daripada pekerja dan OKU memerlukan pembelaan sebaik-baiknya. Saya amat berharap apalah kiranya petugas PDK ini, diberi penetapan perjawatan serta latihan yang secukupnya seperti petugas KEMAS, kerana tugas mereka lebih mencabar iaitu berhadapan dengan golongan kelainan upaya.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, segala yang saya utarakan di dalam Dewan yang mulia ini adalah cernaan suara hati rakyat. Dan perkara, pada hemah saya, kita perlu beri perhatian untuk semua dan bersama. Saya yakin dan penuh percaya Bajet 2014 yang dibentangkan adalah bajet yang memenuhi hampir segala keperluan rakyat di negeri kita. Oleh itu, saya menyokong usul yang dibawa oleh Rengit. Sekian wabilahitaufik walhidayah wasalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Terima kasih Buluh Kasap, kita terus ke Sedili. Jemput Y.B. Sedili.

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : Bismillahirrahmannirrahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, Salam Muafakat Johor, Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker terima kasih memberi saya ruang dan peluang dalam perbahasan Bajet 2014 pada kali ini. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar yang saya rasakan ianya mencakupi pelbagai aspek. Sedili rasakan ianya sebagai titik permulaan untuk menjadikan Johor lebih maju dan terus maju, insya-Allah. Johor akan mengungguli daripada negeri-negeri pembangkang. Kuih keria atas para, dimakan oleh si anak dara, kalau suka elok bicara, jika tidak jangan mengata. (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, Sedili amat tertarik dengan dasar Kerajaan Johor dalam strategi kedua iaitu kesejahteraan rakyat yang mana setiap pelepasan kuota Bumiputera yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri telah menetapkan cas sebanyak 7.5%. Di kesempatan ini Sedili mencadangkan agar ia dinaikkan kepada 15%. Dan duit tersebut akan digunakan untuk membeli tanah-tanah di kawasan bandar dan dibina untuk rumah-rumah Mampu Milik. Dan cas yang dikenakan sebanyak 7.5%, pihak pemaju masih lagi mendapat keuntungan jika dibandingkan menjual kepada Bumiputera. Tidak seperti pembangkang seperti Kerajaan Pulau Pinang tidak membina rumah murah langsung.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, Sedili ingin mengulas berkaitan dengan soal persepsi yang dibangkitkan oleh Skudai. Sedili setuju bahawa sekiranya 10 orang terkaya di Malaysia terdiri daripada satu kaum tidak menunjukkan bahawa keseluruhan kaum tersebut adalah dari golongan yang kaya. Sedili membangkitkan isu ini adalah berdasarkan kepada apa yang berlaku di Pulau Pinang oleh kerana majoriti penduduk di Pulau Pinang adalah dari satu kaum yang kaya, maka Kerajaan Pulau Pinang tidak membina walau sebuah pun rumah kos rendah. Ini menunjukkan bahawa kaum majoriti di Pulau Pinang adalah terdiri dari golongan kaya dan tidak memerlukan rumah kos rendah. Sedangkan masih terdapat penduduk di Pulau Pinang dari kaum Melayu yang masih miskin dan memerlukan rumah kos rendah, ianya jauh berbeza daripada dasar Kerajaan Negeri Johor. Dua, tiga kucing berlari, mana sama

si kucing belang, pembangkang asyik tercari-cari, pembangkang tak nampak dalam terang.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, Sedili ingin menyuarakan beberapa isu yang berkaitan dengan daerah Kota Tinggi khasnya di kawasan Sedili khasnya berkaitan *waterfall* ataupun air terjun. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Timbalan Dato' Speaker, pada tahun 80-an Kota Tinggi ataupun di *waterfall* ataupun Desaru, bila mana sedara-sedara daripada daerah-daerah lain nak datang ke Kota Tinggi, waktu itu tak de *handphone*, bekalan telefon pun kurang khasnya di kawasan-kawasan FELDA. Sedara-sedara yang nak pergi rombongan ke kawasan Desaru ataupun *waterfall*, dia utus surat dah dekat sebulan, jadi kita pun dah siapkan dah, kita jumpa sedara kita nak datang berpuluh bas ada di Desaru dan ada di *Waterfall*. Tapi bila dasar Kerajaan penswastaan hari ini, untuk pengetahuan Timbalan Dato' Speaker cas untuk nak masuk ke *waterfall*, satu kenderaan, orang dewasa, satu kenderaan dibayar satu kereta RM3.00, bas RM5.00, motor RM1.00. Dan dalam jumlah kereta itu, katalah orang dewasa dikenakan cas lagi RM7.50 dan kanak-kanak RM3.50 satu kereta kalau kita...

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Y.B. Sedili, perkara ini telah dibangkitkan oleh Y.B. Pasir Raja nak di, nak diulang semula?

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : Tuan Pengerusi saya nak mengulas balik berkenaan kos yang perlu dibayar. Yang mana kalau satu kereta, 2 orang dewasa dah kena bayar RM15.00 ada 2 anak dah kena bayar RM14.00 termasuk kereta RM3.00 dah jadi RM32.00. Malahan, yang nak datang ini tak boleh bawa bekal jadi kena beli dekat dalam tu, kos yang mahal. Hari ini Yang Berhormat Timbalan Dato' Timbalan Speaker, nak jumpa ada 10 bas setiap hari Sabtu ataupun hari Ahad tak jumpa lagi tuan pengerusi. Begitu juga di Desaru, jadi kita minta supaya Kerajaan menarik balik penswastaan dan hari ini saya difahamkan malahan Majlis Daerah tidak dapat apa-apa hasil pun. Jadi saya minta, tuan pengerusi supaya perkara ini dapat dibangkitkan. Yang kedua tuan pengerusi, berkenaan dengan isu gajah. Ini gajah...

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : .... Dato' Timbalan Speaker bukan pengerusi.

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : Bukan pengerusi, Timbalan Dato' Speaker, berkenaan dengan soal gajah, setiap Dewan Negeri selalu saya bangkitkan tentang isu gajah. Gajah di kawasan Sedili tuan pengerusi, melibatkan beberapa kampung di kawasan Sedili ada 37 kampung. Yang jadi masalahnya, kebanyakannya mereka-mereka ini di kalangan orang-orang susah. Dia baru kerjakan, belum dapat hasil lagi tuan pengerusi, Timbalan Dato' Speaker, saya ingat dalam Mesyuarat Tindakan Daerah sahaja.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Hari ini, suara Y.B. macam penyanyi, serak-serak basah. (Dewan ketawa).

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : Sebab pembangkang...

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Tak berapa terang.

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : Pembangkang tak ramai, kalau pembangkang ramai sedap sikit nak cakap. Dia mungkin takut saya nak cakap agaknya. Jadi tuan pengerusi, berkenaan dengan gajah ini, gajah ini setiap kali Dewan Negeri saya bawa, dan setiap kali melibatkan ratusan ekar yang nak keluar hasil lagi tuan pengerusi. Jadi saya mintak supaya berkenaan dengan gajah ini diatasi. Kerana tuan pengerusi kalau gajah ini selesai, saya rasa kalau pilihan raya lepas jangankan daripada 24,672 pengundi pembangkang cuma dapat 1,700 kalau gajah ini selesai, pembangkang tak de satu orang pun pengerusi, di Sedililah.

Berkenaan yang kedua pengerusi, berkenaan dengan jalan di kawasan Daerah Kota Tinggi khasnya di kawasan Mawai ke gugusan Lok Heng. Perkara ini, saya rasa perlu diambil tindakan dengan segera dan saya nak sebut juga tuan pengerusi, Timbalan Dato' Speaker, berkenaan dengan daerah Kota Tinggi saya difahamkan satu bulan Kerajaan bayar kepada selia senggara lebih kurang 1.2 juta, tapi saya menampakkan dari segi keselenggaraan jalan itu tidak kesesuaian dengan 1.2 juta. Jadi minta supaya Jabatan JKR supaya memantau kerja-kerja tersebut.

Tuan pengerusi, saya nak Timbalan Dato' Speaker, yang keempatnya berkenaan dengan perkhidmatan bas. Perkhidmatan bas ini pada saya, Timbalan Dato' Speaker, keadaan pengangkutan daripada bandar Kota Tinggi ke Sedili terlampau uzur dan saya dah bangkitkan dalam Dewan Negeri yang lepas sehingga ke hari ini tidak ada lagi tindakan-tindakan yang dibuat. Timbalan Dato' Speaker saya rasa tidak ada benda saya nak cakap, cukuplah 4 perkara yang saya bawa dan Sedili menyokong usul yang dibawa oleh Rengit. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Hai, bagi *chance* panjang, ini pendek pulak. Sila Pemanis.

Y.B. Encik Lau Chin Hoon (Pemanis) : Terima kasih yang saya hormati Dato' Speaker, terlebih dahulu izinkan saya ucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor dan Kerajaan Negeri Johor yang telah membentangkan satu Bajet 2014 Negeri Johor dengan tema 'Muafakat Pembangunan dan Pengagihan'. Bajet 2014 ini dengan 4 strategi utama sebagaimana yang digariskan oleh Menteri Besar pada khidmat saya, menekankan kesepaduan di antara pembangunan bercorak fizikal dengan keperluan insani rakyat. Apa yang menarik perhatian saya, untuk dikongsi pada hari ini di Dewan yang mulia ini menjurus kepada strategi ketiga itu memperkasa dan merakyatkan Kerajaan. Ini saya petik dari ucapan bajet, strategi itu merupakan proses mendemokratikkan, proses mendemokrasikan lagi sistem pemerintahan Kerajaan Negeri. Ia bertujuan untuk melebarkan lagi penglibatan rakyat dalam setiap aspek pemerintahan Kerajaan Negeri dan transformasi yang diharapkan ialah agar Johor lebih dilihat sebagai sebuah institusi kemasyarakatan berbanding hanya sebuah pemerintahan. Matlamat ini adalah begitu murni dan mengujakan sekali.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sokongan rakyat terhadap Kerajaan boleh diperbaiki menerusi 3 bidang utama. Pertamanya polisi, keduanya pelaksanaan atau penyampaian dan ketiganya perhubungan. Di antaranya bidang polisi dan pelaksanaan biasanya dititik beratkan dalam usaha memperkasakan Kerajaan. Namun tidak kurang pentingnya dalam hal perhubungan dan juga merangkumi aspek komunikasi dan penerangan. Kekurangan Kerajaan dalam bidang ini amatlah ketara

dengan contoh dalam hal menjelaskan usaha transformasi Kerajaan pada peringkat daerah dan akar umbi. Dan juga dengan izin *entry and engagement* dalam media sosial yang begitu lewat dan masih terbatuk-batuk di sana sini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, rangkaian perhubungan yang wajar Kerajaan jalinkan memang tidak terhingga lapisannya. Dan di sini suka saya sentuh satu lapisan berkenaan masyarakat Cina. Dalam 10 tahun saya berkhidmat makin hari sering saya bertanya, saya dengan pasukan saya ditanya dalam masyarakat Cina pun di mana pergilah pengerak. Kalau oleh pihak agensi Kerajaan banyak program kita nampak seolah-olah penglibatan masyarakat Cina tidak kelihatan. Juga tanya saya sering kali ditanya manalah pergi orang Cina, tak kan sibuk dengan perniagaan sahaja. Jadi sebagai wakil daripada Parti Gerakan yang berpegang teguh kepada prinsip bukan perkauman, tetapi memandangkan isu ini isu berkenaan khasnya memandangkan trend PRU 2008 dan 2013 yang dibangkitkan begitu banyak interpretasi yang mengelirukan. Saya rasa terpanggil untuk memberi pandangan saya, walaupun saya bukan pakar sosiologi dalam bidang berkenaan. Walaupun dalam masa 5 sampai 10 minit adalah amat terhad untuk saya menjelaskan memberikan satu gambaran tapi usaha ini saya harap jadi pemangkin untuk usaha akan datang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan dan isu antara kaum sering dibangkitkan melalui institusi politik dan media. Sewajarnya dia dimasukkan ia seharusnya dimasukkan ke dalam ke rangka dan agenda Kerajaan supaya tenaga dan sumber berkaitan dengan cabaran berasaskan kaum ditujukan ke arah yang membina, produktif dan diversiti barulah boleh ditambah nilai, diupayakan lantas menjana sumber negara untuk masa kini dan masa akan datang. Dalam bab ini Kerajaan dan penjawatnya harus memainkan peranan yang lebih dominan dan bukan hidup di bawah bayangan politik atau media dalam mengekal kemuafakatan yang kita sama-sama perlukan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, secara perbandingan, masyarakat Melayu hidup dalam jaringan sosial yang lebih tersusun dan sistematik sekali. Mereka dilapisi oleh empat lapisan sosial yang lebih kukuh iaitu;

1. Lapisan politik yang berangkaian dinamik.

2. Lapisan institusi agama kalau di banding dengan masyarakat Cina, kumpulan agama begitu banyak sampai tahap yang mengelirukan.

3. Lapisan JKKK yang sentiasa berfungsi dan berkhidmat.

4. Lapisan Kerajaan, jabatan dan agensi Kerajaan.

5. Jadi bagi peneroka pula, terdapat lapisan perlindungan kelima iaitu FELDA.

Lapisan-lapisan ini berhubung terus dengan Kerajaan dan membawa terus agenda Kerajaan kepada akar umbi. Justeru, ia membuatkan masyarakat Melayu lebih dekat dengan Kerajaan, seterusnya lebih memahami aspirasi agenda dan hala tuju Kerajaan. Jadi ada dua keadaan yang saya cuba fahamkan kenapa masyarakat Cina kurang dekat dengan Kerajaan. Pertama, khasnya di kalangan akar umbi di Johor.

Pertama, kurangnya dan tidak mudah untuk mendapat pemimpin masyarakat Cina akar umbi yang boleh berinteraksi dengan Kerajaan pada peringkat polisi dan teknikal. Antara faktor utama yang menghakis kualiti kemasyarakatan komuniti setempat Cina hari ini dan amnya masyarakat ialah penghijrahan golongan berpendidikan tinggi dan berkemahiran atau golongan profesional, keluar utamanya Singapura dan Kuala Lumpur, memang mereka ada balik tapi yang bermastautin dan aktif bergerak itu biasanya kurang daripada golongan ini.

Bagi kumpulan muda yang juga yang aktif khususnya di luar bandar dan pinggir bandar juga amat terhad kerana juga keperluan bekerja di luar. Jadi berbanding masyarakat Melayu, mereka disokong oleh golongan yang mempunyai keupayaan berbincang pada peringkat polisi dan teknikal. Ini meliputi mereka yang menjawat pelbagai jawatan di dalam sektor awam pada peringkat akar umbi iaitu daerah-daerah dan kampung. Orang Melayu juga disokong oleh kakitangan Kerajaan, pesara Kerajaan atau ahli keluarga mereka yang berkhidmat di dalam sektor awam.

Kedua, rangkaian sosial yang lemah. Tidak dinafikan bahawa biasanya golongan berinteraksi dengan pihak Kerajaan ialah mereka yang menceburi bidang perniagaan. Tetapi saya pernah ditanya selain daripada perniagaan ada apa yang dibuat lagi? Pada hakikatnya selain daripada institusi perniagaan, institusi agama dan kemasyarakatan memang makin merosot. Ia bukan disebabkan oleh PRU 2008 atau 2013 dia memang kian merosot sejak dulu selaras dengan perubahan dan pergolakan ekonomi dan zaman. Tiada satu rangkaian dari akar umbi masyarakat Cina yang dilapisi oleh lapisan sosial, agama dan politik yang sepadu dan kukuh. Walaupun bilangan pemimpin atau wakil masyarakat makin banyak tetapi pada masa yang sama ia tidak diikat secara sistematik, yang membolehkan bergerak dari bawah akar umbi hingga ke atas termasuk pihak Kerajaan. Ia menjadikan mereka satu masyarakat yang tidak *cohesive*, tidak dirangkaikan dengan sistematik atau dengan kata lain, dengan *weak tie* sahaja, yang tidak kukuh. Perwakilan masyarakat Cina menerusi NGO atau parti politik biasanya menumpu kepada kaedah memorandum berkaitan ekonomi dan pendidikan Cina. Keadaan ini dirumitkan lagi dengan tiadanya pembaharuan corak kepimpinan yang sekian lama berpaksikan atau menyebelahi bidang perniagaan dan ruang untuk kumpulan pimpinan baru dan ruang untuk pimpinan baru.

Keuzuran pimpinan juga melebarkan jurang hubungan dengan majoriti akar umbi. Justeru, saya cadangkan inisiatif yang boleh kita ambil untuk mengukuhkan hubungan dan komunikasi antara Kerajaan dan masyarakat Cina, antaranya; pertama, mencari langkah untuk memanjangkan bantuan kepada mereka yang perlukan, khasnya golongan muda dan lapisan ekonomi rendah atau bawah yang kurang pendidikan dan kurang kemahiran dan juga paduan yang tidak seharusnya terus hanyut dalam lautan dengan izin, *free market* atau *kapitalisme* yang menjadi corak kemasyarakatan Cina sejak dulu. Zaman yang mengagungkan perjuangan diri sendiri, tidak lagi praktikal, mempunyai daya saing dan juga tidak lagi berhasil dalam era ini.

Kedua, kerajaan harus menambah penglibatan masyarakat Cina pada peringkat penggubalan dan pembuatan keputusan dan dasar-dasar Kerajaan. Ia boleh dilaksanakan menerusi penglibatan NGO, pemimpin atau memberi tempat jawatan Kerajaan kepada mereka yang berupaya, yang berkaliber dari masyarakat Cina.

Kerajaan juga perlu memperbaiki kemudahan penglibatan peringkat pemimpin seperti JKKK, jawatankuasa penduduk dan sebagainya yang dilaksanakan secara inklusif dan pastikan mereka merangkumi keseluruhan masyarakat dan bukan puak-puak tersendiri. Seterusnya, Kerajaan harus memberi kemudahan yang meliputi sokongan termasuk penyelarasan, merancang dan menggerakkan pembangunan budaya dan pendidikan agama masyarakat Cina. Elemen budaya termasuk sosial dan keagamaan merupakan elemen yang rapat dengan akar umbi dan dapat terus menyentuh ke dalam hati dan jiwa rakyat majariti.

Keempat, Kerajaan juga perlu untuk memperkuatkan peranan dan penerangan hal-hal berkaitan Kerajaan di dalam media-media sama ada media *online* ataupun media cetak. Diharuskan juga memperbanyakkan lagi pegawai penerangan atau petugas yang menjalankan fungsi tersebut yang aktif dalam masyakat Cina khasnya pada peringkat akar umbi sama dilantik menerusi perjawatan Kerajaan mahupun secara politik dan NGO.

Yang Berhormat Dato' Speaker, idea-idea yang saya lontarkan di atas adalah bertujuan agar Kerajaan dapat merumuskan strategi perhubungan dalam perkhidmatannya kepada rakyat dengan pelbagai kumpulan sasar dan kaum. Mana-mana agenda yang memerlukan bantuan demi kebaikan rakyat negeri ini saya bersedia untuk bersama-sama. Yang Berhormat Dato' Speaker, dengan ini Pemanis menyokong usul yang dibawa oleh Rengit. Terima kasih. (Dewan bertepuk).

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Terima kasih Pemanis. Kita teruskan. Parit Raja.

Y. B. Datin Hajah Azizah binti Zakaria (Parit Raja) : Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi kesempatan untuk sama-sama berucap di dalam Dewan yang mulia ini, bagi membahaskan Ucapan Bajet 2014 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada 7 haribulan yang lalu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita yang telah membentangkan Bajet dengan baik. Bajet yang membawa Negeri Johor bertambah makmur dan maju dan Bajet yang utamakan rakyat. Lebih-lebih lagi saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam lawatannya ke Negeri Johor pada Majlis Deepavali yang lalu, telah menyatakan Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita, Dato' Seri Khaled Nordin telah berjaya melaksanakan tugasnya sebagai Menteri Besar walaupun belum setahun. Jadi, saya mengucapkan (Dewan bertepuk) tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, salah satu strategi atau pendekatan yang diambil oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar ialah memperkasakan dan merakyatkan Kerajaan. Untuk mencapaikan slogan dan hasrat Yang Amat Berhormat ini, kita sebagai Wakil Rakyat semua dan juga pegawai-pegawai Kerajaan dan penjawat awam agar dapat sama-sama menjalankan tugas ini dengan rasa, perasaan menjiwai, membantu rakyat yang sebenarnya. Kerana kalau slogan-slogan sahaja tetapi antara Wakil Rakyat dan semua kakitangan Kerajaan tidak bekerjasama di antara satu sama lain, hasrat Yang Amat Berhormat itu tidak akan tercapai. Jadi,

sebagai Wakil Rakyat yang mewakili rakyat daripada tiap-tiap kawasan, saya mengharapkan kepada semua kakitangan Kerajaan, pegawai-pegawai Kerajaan akan dapat bekerjasama dan menerima pandangan-pandangan, hasrat daripada Wakil-Wakil Rakyat. Janganlah ada pegawai-pegawai, saya minta maaf, di depan kita, di belakang lain. Kerana kita bekerja Wakil-Wakil Rakyat ini, mewakili rakyat untuk melaksanakan hasrat rakyat di kawasan kita masing-masing. Saya semua sebagai Wakil-Wakil Rakyat, ingin memberikan pandangan-pandangan yang baik ini kepada Yang Amat Berhormat dan barisan EXCO dan pegawai-pegawai Kerajaan. Dan kita juga pulak sebagai Wakil Rakyat biarlah bercakap dengan hati yang bersih, ikhlas, jangan ada udang di sebalik batu, jangan ada perkara –perkara yang hanya mencari salah sahaja pegawai Kerajaan. Jadi kita ni yang Berhormat Dato' Speaker, kalau bercakap dengan hati yang bersih, ikhlas, insya-Allah kita panjang umur. Bila kita panjang umur, insya-Allah kita jadi Wakil Rakyat pun lama. Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, saya bersama-sama Wakil Rakyat akan memberikan pandangan, teguran, pembetulan dan maklumat-maklumat di kawasan kita untuk kebaikan negara dan rakyat kita.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ni Wakil Rakyat kampung, kampung yang mula pesat membangun di DUN saya Parit Raja , ada 55 buah kampung. Ketua Kampungnya 16 orang. Kebanyakan kampung-kampung saya ni, paritnya parit tanah. Apabila saya membuat lawatan di kawasan saya, kebanyakan parit-parit ini ditumbuhi oleh rumput lalang atau rumpai yang tinggi yang menyebabkan parit-parit ni tersumbat, yang lebih menyedihkan, parit-parit ni, diracun-racun untuk matikan pokok lalang itu. Bila lalang itu mati tidak dipunggah ke atas, itu yang menyebabkan parit-parit itu tersumbat. Bila tersumbat dan sempit, yang menyebabkan banjir. Saya nak tanyalah kepada JPS ataupun jabatan yang berkaitan, ada tak pengawasan untuk membersihkan parit-parit ini? Ataupun kerja-kerja ini diberi kepada orang yang tidak tahu kerja ataupun malas, hanya nak racun-racun dah habis, pungut hasil. Yang Berhormat jangan ketawa, ini kita cerita yang betul. Jadi Dato' Timbalan Speaker, saya harap pihak JPS ataupun jabatan-jabatan yang lain memantaulah ini, kerja-kerja ini kerana bulan 11 dan bulan 12 ini, musim hujan lebat yang berpanjangan. Kata orang tu, musim tengkujuh, ya, betul. Betul ke tak kata saya. Dan jiran-jiran Negara kita dia dah mula banjir. Takut air tu dan hujan di tempat kita yang lebat ni menjadi banjir yang besar.

2006, kita mengalami banjir yang besar. Saya bimbang keadaan parit yang tak terurus ini menyebabkan kawasan kita menghadapi banjir yang besar, terutamanya di daerah Batu Pahat. Dahlah banjir besar, air termenung pulak. Air termenung ni maknanya tak mengalir dengan betul, kerana parit inilah, mungkin air dia mengalir tak betul. Jadi, Yang Berhormat Dato' Pengerusi, kalau lah misalannya bajet kurang, saya harap dapat ditambahkan bajet ini, supaya parit-parit di kampung-kampung dapat diurus dengan baik dan tidak berlaku banjir.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Pengerusi, dalam soal banjir ni, saya juga mengharapkan pihak Kerajaan menambahkan peruntukan untuk menyelesaikan masalah selain daripada masalah banjir ini, peruntukan untuk membantu mangsa mangsa banjir. Mungkin terlepas pandang. Makanan memang cukup, perubatan kesihatan memang cukup, tapi kadang-kadang Yang Berhormat Dato' Timbalan Pengerusi, mangsa-mangsa banjir ni tidur kat simen. Memang dikasi tikar, tilam kadang-kadang tak cukup, pasal jumlah yang terlibat kadang-kadang kita tak dapat

tahu. Anak 5, suami isteri, tilam cuma satu. Jadi, tak cukup. Emak terpaksa mengalah kasi anak dan tidur di simen dengan tikar. Kalau boleh, bajet yang ditambah ni, untuk pasang kayu *plywood* supaya apabila letak, simen tu letak kayu *plywood*, ditambah pulak tikar, kalau tidak ada tilam, tidaklah sejuk sangat. Dan bila sejuk ni, simen ni menyebabkan sakit sengal-sengal, betul ya? Betul, pembangkang pun kata betul, lyalah, awak tu benda yang baik, betul aje ya. Jadi, Tuan Pengerusi, Dato' Timbalan Speaker, saya harap benda-benda yang kecil ini akan dapat dipertimbangkan.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Ada orang kata tak payah tilam dan tak payah papan pun boleh kata dia. (Dewan ketawa)

Y.B. Datin Hajah Azizah binti Zakaria (Parit Raja) : Tak boleh nak komen Dato' Timbalan Pengerusi cakap. Timbalan Dato' Pengerusi, saya salah satu daripadanyalah juga, saya bersetujulah jabatan-jabatan ni, saya bukan nakkan apa, jabatan-jabatan yang berkaitan untuk orang ramai, rakyat ni akan ditambahkan peruntukan. Contohnyalah, masa musim ni kan hujan, sikap orang kita ni kadang-kadang lalai. Makan chickedees ke, minum apa air apa, air kotak ke, ataupun apa *polisterine*, makan-makan, bersepah merata-rata tempat. Bila hujan menjadi takung air ni. Rupanya nyamuk aedes ni hendakkan air yang bersih ni, bukan kat longkang tau. Tadi macam sahabat saya cakap dari mana tadi, bukan kat longkang dia menetas ni. Dia menetas tempat air yang jernih, yang bersih dan apabila di kawasan saya ni berlaku wabak apa, denggi ni, aids, denggi ni, aids pulak, denggi ni, Tuan Pengerusi, boleh saya cakap, boleh tak sembur lebih-lebih sikit? Boleh tak kita buat kempen lebih-lebih sikit?

Hai Yang Berhormat Datin, peruntukan tak cukup. Hai, Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, untuk kebaikan rakyat, takkanlah bajet untuk kesihatan rakyat dan untuk mendisiplinkan rakyat ini dihadkan? Jadi, saya harap bajet untuk Jabatan Kesihatan, BOMBA yang tolong bersihkan longkang-longkang dekat taman-taman, juga PBT ni, Kerajaan Tempatan ni akan dapat ditambahkan. Yang Berhormat Dato' Timbalan Pengerusi...

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Dia, bajet yang tak bajet tak cukup tu bajet makan.

Y.B. Datin Hajah Azizah binti Zakaria (Parit Raja) : Ha?

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Bajet gotong-royong cukup.

Y.B. Datin Hajah Azizah binti Zakaria (Parit Raja) : Gotong-royong tu gotong-royong juga Dato' Timbalan Pengerusi, tapi sikit dapatnya. Timbalan Dato' Pengerusi, perkara yang selain ingin saya sebutkan, saya bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat Rengit dan Yang Berhormat kawan-kawan saya yang lain iaitu tentang lampu jalan kampung. Saya harap, Yang Amat Berhormat dapat menambahkan bajet ni bagi tahun 2014, supaya jalan-jalan, lampu jalan-jalan kampung dapat diterangkan, supaya rakyat kita, pengundi kita yang nak , waktu pagi atau malam tu dapat terang. Bukan nak bandar je terang, kampung pun nak terang juga, pasal orang kampung ni undi kita. Bukan orang bandar je undi kita, banyak orang bandar undi pembangkang, terang-merang, kita orang kampung, tak terang. Jadi, saya harap, tumpuan bajet untuk menerangkan jalan-jalan kampung ni ataupun jalan-jalan yang difikirkan baik dapat ditambah. Jangan lokeklah Yang Berhormat Dato' Pengerusi. Orang kampung ni orang alim. Dia selain mengundi ni, dia mendoakan untuk Kerajaan. Jadi, Insya-

Allah, Kerajaan kita akan menang dan memerintah selama-lamanya. Mintak maaf Dato' Pengerusi. (Dewan bertepuk).

Datuk Pengerusi, Timbalan Pengerusi, saya takde cakap panjang, cuma satu je harapan saya kepada EXCO Pendidikan supaya sekolah-sekolah yang ada di kawasan saya, kalau bolehlah, kawasan saya terutamanya, dewan-dewan yang besar ni, perlu didirikan, diadakan kerana salah satu daripada sekolah-sekolah yang saya pergi ni, dijemput untuk menyampaikan anugerah kecemerlangan-kecemerlangan, salah satu sekolah yang saya pergi, banyak yang saya pergi, tapi salah satunya Sekolah Menengah Seri Gading. Budak-budaknya pandai, dapat mempersembahkan, apa persembahan-persembahan yang baik-baik, ibu bapanya ramai datang, tapi takde dewan yang besar. Terpaksa duduk di tanah lapang, panas. Saya Wakil Rakyat adalah khemah. Anak-anak murid lain duduk tempat yang panas-panas.

Jadi, Dato' Timbalan Pengerusi, macam mana kita nak melahirkan generasi yang pandai, berjaya dan cerdik untuk menganti kita. Kita ni dah tua, akan datang dialah yang menjadi. Jadi, saya harap, bajet untuk menyediakan dewan-dewan yang besar di sekolah-sekolah yang perlu diadakan ni, dapat diadakan. Jadi, itulah sedikit sebanyak yang saya nak sampaikan. Kawan-kawan lain dah cakap banyak macam-macam, jadi saya menyokonglah usul yang dibawa oleh Y.B. Rengit pada hari tu. Sekian, wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Persidangan disambung terus. Sila, Serom.

Y.B. Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat (Serom) : Bismillahirrahmannirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam 1Malaysia dan salam muafakat Johor. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Dato' Speaker kerana memberi peluang kepada Serom di Dewan yang mulia ini, turut serta dalam Perbahasan Pembentangan Bajet Negeri Tahun 2014. Serom juga ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor yang telah berjaya membentangkan bajet yang komprehensif pada tanggal 7 November 2013 yang disifatkan sebagai adil dan saksama.

Yang Berhormat Timbalan Dato' Speaker, merujuk kepada tema Bajet 2014 iaitu, 'Muafakat Pembangunan dan Pengagihan', yang bersandar kepada konsep rundingan dan kemajmukan. Manakala rangka dan asas bajet yang meliputi semua pihak melalui kajian suara hati Johor yang menyentuh hal kecukupan dan kos perumahan, kebimbangan terhadap insiden jenayah dan tahap keselamatan serta kemudahan dan perkhidmatan kesihatan dan pembangunan infrastruktur yang baik. Yang Berhormat Timbalan Dato' Speaker, Serom juga turut prihatin dalam pengagihan ekonomi yang adil dan pendekatan kos sara hidup dan dasar menyokong aktiviti keusahawanan untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat.

Yang Berhormat Timbalan Dato' Speaker, Serom bangga dan sangat yakin dengan strategi Bajet 2014 ini, iaitu melalui pendekatan strategi-strategi yang mencakupi strategi mencorakkan ekonomi yang mantap, meningkatkan kesejahteraan rakyat, memperkasa dan merakyatkan Kerajaan dan melahirkan modal insan yang berketerampilan. Yang Berhormat Timbalan Dato' Speaker, Serom ingin membawa perhatian terhadap penyertaan dan penglibatan terhadap suara hati dan strategi yang disebut tadi.

Serom sebagai contohnya, penduduk sekitar Tanjung Agas hingga Parit Bunga, terdapat 24 taman perumahan dengan kepadatan penduduk yang berjumlah melebihi 15,000 orang yang mana akan tiba pada masanya nanti, tidak akan dapat menampung keperluan perumahan. Justeru itu, Serom juga akan terlibat dalam perancangan yang tersusun untuk memastikan kawasan rumah mampu milik yang dibina untuk keperluan rakyat.

Yang Berhormat Timbalan Dato' Speaker, seterusnya, Serom juga ingin menyumbang dalam hal perkara pelaburan daripada dalam dan luar negara. Di mana, di Serom terdapat lebih daripada 30 buah kilang merangkumi sektor pembuatan, elektronik, makanan, asas getah dan lain-lain, di mana ia telah dan sedang menyumbang peluang-peluang pekerjaan dan pendapatan kepada bukan sahaja penduduk tempatan malah penduduk luar dan warga pekerja asing. Peniaga-peniaga pasar raya, restoran dan gerai turut menikmati limpahan ekonomi ini, iaitu Serom akan terus menerima corak ekonomi yang mampan.

Yang Berhormat Timbalan Dato' Speaker, mengambil, bagi memperkatakan kesejahteraan, mengambil kira populasi penduduk sedia ada dan jumlah rakyat Serom, juga menarik perhatian, di mana pekerja seramai lebih 10,000 orang dalam satu-satu masa. Sudah pastilah pelbagai isu berkaitan dengan kesejahteraan, keselesaan dan keselamatan rakyat. Saya merujuk kepada bilangan anggota Polis yang ditempatkan di kawasan perumahan dan perindustrian yang saya sebutkan tadi. Serom menggesa agar kekuatan anggota Polis ini ditambah ke bilangan yang munasabah serta dilengkapi dengan kelengkapan yang secukupnya bagi memasti isu-isu keselamatan, kesejahteraan rakyat yang terjamin.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sehingga kini saya dimaklumkan, hanya terdapat dua orang anggota Polis ditempatkan di Pondok Polis Parit Bunga, yang mengawal keselamatan selama 24 jam sehari, manakala dua orang anggota Polis yang ditempatkan di Pondok Polis Kesang. Kepada mereka inilah harapan jaminan keselamatan rakyat yang dipertanggungjawabkan. Jadi, Serom menggesa agar tambahan anggota ini diambil perhatian.

Yang Berhormat Timbalan Dato' Speaker, mengenai isu kemudahan kesejahteraan pula, sehingga kini, tidak terdapat satu pun klinik kesihatan kerajaan yang beroperasi di kawasan ini. Buat masa kini, penduduk setempat akan pergi ke Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar dan Pusat Kesihatan Sungai Mati, yang mana kedua-duanya tidak berdekatan dengan penduduk yang memerlukan dan ini akan merumitkan rakyat. Dengan ini, Serom mencadangkan agar sebuah Klinik 1Malaysia diwujudkan di kawasan Tanjung Agas ini.

Bagi memberikan keselesaan dan kemudahan rakyat, Serom juga ingin mencadangkan dan mempelawa agar agensi-agensi yang melibatkan utiliti seperti Telekom, TNB, SAJ, perkhidmatan perbankan diwujudkan di kawasan Tanjung Agas ini. Kerana dengan populasi yang ada sekarang ini melebihi lebih 50,000 orang, dan kita terdapat di situ dua buah sekolah menengah, satu Sekolah Rendah Sains MARA dan juga lebih 30 buah kilang yang pada satu-satu masa mempunyai lebih 15,000 orang dan penduduk taman yang lebih daripada 20 buah taman. Sewajarnya,

sewajarnyalah perkhidmatan, memberikan perkhidmatan dan kemudahan rakyat, sepatutnya ada di sana.

Yang Berhormat Timbalan Dato' Speaker, saya mencadangkan agar agensi-agensi yang saya sebutkan tadi, sebelum menunggu masa untuk mengambil pertimbangan untuk meletakkan ataupun berpindah ke tempat di Tanjung Agas ini, saya menyeru dan merayu agar, umpamanya, agensi-agensi bergerak seperti pejabat pos, seperti TNB dapat membantu rakyat, sekurang-kurangnya untuk memudahkan rakyat. Tidak perlu menyeberangi Jambatan Muar yang sekarang ni menghadapi kesesakan pada masa-masa tertentu.

Yang Berhormat Timbalan Dato' Speaker, dalam hal memastikan hasil masul pula seperti hasil-hasil dusun termasuk kelapa, duku, duku Tanjung Gading Yang Berhormat Timbalan Dato' Speaker, durian dan juga.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Tak bawa juga.

Y.B. Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat (Serom) : Besok, insya-Allah hasil-hasil tanaman kelapa sawit serta tanam padi sewajarnya jalan-jalan kedua ini terus di bina dan di selenggara dengan baik. Serom ingin merakamkan terima kasih kepada agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan yang telah sekian lama mengambil berat dan melaksanakan peranan yang mulia ini. Serom mengharapkan agar lebih banyak jalan-jalan baru yang dibina dan Serom memohon agar sepanjang Jalan Sungai Muar bermula daripada Parit Bunga hingga ke Kampung Meranti Sundai, Bukit Gambir untuk merealisasikan ekonomi yang mampan dan kesejahteraan rakyat.

Yang Berhormat Timbalan Dato' Speaker, seperti yang telah saya bawa di Dewan yang mulia ini, pada perbahasan yang lalu, berkaitan dengan nelayan pantai dan sungai, Serom ingin menarik perhatian Dewan sekali lagi, di mana Selat Melaka iaitu kawasan nelayan Kesang Laut, Parit Karang Laut, Parit Haji Osman, merupakan kawasan tangkapan hasil laut yang segar dan terkenal seperti kerang yang terkenal dan terbaik di seluruh Malaysia, Udang pengantin, ikan mayong, siput sedut, lokan dan kepah. Untuk makluman Timbalan Dato' Speaker dan Yang Berhormat, permintaan ini, telah pun pergi hingga ke Negeri Sarawak, Pahang dan Selangor berkaitan tentang kerang. Kerang ni kerang yang terbaik di Malaysia dan dia agak bersih kerana kedudukan ekosistemnya yang mudah dibasuh dan enak dimakan dengan masak hanya di campur sebatang serai. Seterusnya terdapat kawasan sungai bermula di kawasan Sungai Keladi, Pulai Penarik, Pulau Panggong, Belemang dan Kampung Kolam yang kaya dengan ikan baung, ikan tapah, ikan laih dan udang galah. Kesemua yang disebut ini meliputi sumber ekonomi laut dan sungai yang memberikan punca rezeki daripada sumber pendapatan kepada golongan nelayan yang berbahagia ini. Dalam hal keselamatan dan kesejahteraan rasa Serom ingin menarik perhatian Dewan ini sekali lagi, ingin menggesa jabatan agar jabatan dan agensi yang berkenaan mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap isu pencerobohan dan kecurian sampan-sampan dan bot-bot, enjin bot nelayan yang berleluasa berlaku ketika ini. Dalam tempoh tahun ini sahaja, lima buah bot dilaporkan hilang bersama enjin dan peralatan-peralatan tangkapan nelayan. Mereka hilang mata pencarian mengambil masa dan ianya memerlukan peruntukan dan perbelanjaan yang tinggi. Bagi memulihkan untuk terus turun mencari rezeki di laut.

Yang Berhormat Timbalan Dato' Speaker, dengan perasaan kasih kita kepada rakyat, khususnya golongan nelayan ini, Serom juga agak berharap agar hakisan tebing persisiran pantai di Parit Kerang Laut diambil perhatian dan tindakan bagi mengelakkan hakisan yang berterusan yang mana boleh menjejaskan ekosistem di kawasan tersebut. Dari pengamatan saya dan merujuk pandangan pakar agar sangkar batu dibina dalam keadaan segera di mana dapat mengurangkan hakisan yang sedia ada.

Yang Berhormat Timbalan Dato' Speaker, seperkara lagi yang ingin dikongsi di Dewan yang mulia ini, iaitu penglibatan isteri-isteri dan anak-anak nelayan dalam penghasilan dan pemprosesan hasil-hasil produk hiliran yang segar iaitu ikan kering gelama dan duri, serunding ikan bilis, kerang, sejuk beku, satay kerang, kerepek, otak-otak, satar dan kuih tradisional yang dapat memapankan lagi ekonomi dan pendapatan nelayan di DUN Serom. Saya ingin merujuk sebelum ini, Timbalan Speaker, sebelum terlupa saya ingin merujuk kepada satu kegiatan pencerobohan kayu bakau, penebangan kayu bakau di pinggir pesisir di Parit Fajar Laut di Kesang. Saya mengharapkan agar tindakan serta merta diambil untuk memastikan bahawa aktiviti-aktiviti pencerobohan ini diberhentikan serta merta. DUN Serom merakamkan terima kasih kepada agensi Kerajaan iaitu Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia...

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : YB Serom sila duduk.

Y.B. Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat (Serom) : Terima kasih.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Bagi membolehkan YB Serom menyambung perbahasan di sebelah petang saya tangguhkan Persidangan Dewan hingga ke 2:30 petang.

Persidangan ditangguhkan pada jam 1:00 tengah hari.

Persidangan disambung semula pada jam 2:30 petang.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh Ahli-Ahli Yang Berhormat Persidangan disambung semula, sila Serom.

Y.B. Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat (Serom) : Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Dato' Speaker. Serom ingin menyambung rundingan perbahasan ini sebelum terlupa untuk mencadangkan agar semua nelayan-nelayan air tawar dan air payau, diletakkan di bawah Persatuan Nelayan didaftarkan di bawah Persatuan Nelayan agar golongan ini terus terbela dan menyertai kemampanan ekonomi Negeri Johor. Kalau sebelum ini, nelayan-nelayan laut dan pesisir laut sahaja yang didaftarkan sebagai nelayan dan mereka ini menikmati kemudahan-kemudahan yang diberikan oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia melalui Persatuan Nelayan iaitu Serom sekali lagi menggesa agar nelayan-nelayan sungai ini akan didaftarkan terus supaya mereka mendapat faedah seperti mendapat bantuan membaiki rumah, insurans, kemalangan dan sebagainya.

Yang Berhormat Timbalan Dato' Speaker, dari sudut pelancongan pula, Serom melihat penglibatan nelayan dalam pembangunan kawasan Serom amat memberangsangkan kerana faktor geografi di kawasan nelayan sangat strategik yang boleh menjadikan tempat pelancongan yang menarik, yang kaya dengan flora iaitu

pokok nipah, pokok berembang dan pokok bakau yang terdapat di persisiran sungai dan laut dan bagi fauna pula seperti kunang-kunang dengan izin *firefly*, tempat persinggahan burung-burung mengikut musim seperti burung enggang dan burung bangau. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, di kawasan Serom ini juga terdapat spesies monyet berjambul merah yang unik yang monyet ini hanya makan ikan sahaja.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : *Special* monyet Serom makan ikan.

Y.B. Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat (Serom) : Yang Berhormat Timbalan Dato' Speaker, kami menjemput semua datang ke Serom melihat. Yang Berhormat Timbalan Dato' Speaker, justeru itu Serom sangat berharap agar kehidupan flora dan fauna ini dikekalkan dan dipelihara sebaik mungkin. Serom ingin menarik perhatian kepada agensi yang berkaitan khususnya di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dan Jabatan Hutan agar mengambil perhatian serius terhadap pencerobohan yang kini sering berlaku di Parit Fajar Laut di Kesang sebelum kita berehat tadi.

Yang Berhormat Timbalan Dato' Speaker, Serom juga melihat satu peluang keemasan bagi menambah sumber pendapatan negeri dan memberi peluang pekerjaan kepada penduduk setempat melalui cadangan pembinaan pusat dengan izin *barter trade* di kawasan Kesang Laut kerana pusat Barter Trade Sungai Rambai Melaka telah berpindah ke Pelabuhan Sungai Linggi pada bulan Julai 2012. Bagi merealisasikan cadangan ini kawasan Kuala Sungai Kesang hendaklah dibangunkan dengan segera bagi merebut peluang perniagaan antara Negara Malaysia dan Negara Indonesia yang secara langsung dan tidak langsung akan merancakkan kegiatan ekonomi di Serom.

Yang Berhormat Timbalan Dato' Speaker, ia juga akan meningkatkan hasil-hasil cukai dan aktiviti-aktiviti perniagaan dan menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada penduduk setempat. Serom juga ingin mencadangkan Yang Berhormat Timbalan Dato' Speaker mencadangkan agar sebuah jambatan melintasi Sungai Muar dibina di antara Kampung Kolam DUN Serom, ke Kampung Jorak, DUN Jorak bagi memberi kemudahan kepada rakyat yang mana sehingga kini bukan sahaja melibatkan kemudahan-kemudahan rakyat untuk yang rakyat setempat tapi rakyat menyeluruh termasuklah penduduk-penduduk sekitar Tangkak, Bukit Gambir dan sudah pastilah ia akan dapat mensejahterakan dan memampankan lagi ekonomi Parlimen Ledang dan Parlimen Pagoh.

Yang Berhormat Timbalan Dato' Speaker, sedih saya bila melihat pengalaman di pagi hari, saban hari anak-anak dari Kampung Kolam ini melintasi sungai bersekolah di kampung Jorak. Terlihat keadaan ini, terfikirlah saya bahawa tibalah masanya kita membina jambatan melintasi Kampung Jorak dan Kampung Kolam ini. Walaupun kita telah mempunyai jambatan yang pertama dan jambatan yang kedua dan juga jambatan menghubungkan antara Pagoh dan Gersik, tibalah masanya kita dapat menembusi jarak perhubungan Jorak dan Kampung Kolam. Sewajarnya dengan kedudukan pembukaan *highway* nanti, pembukaan laluan masuk dari pada lebuh raya di Gambir. Mudah-mudahan ia akan menyemarakkan lagi dan memberi peluang kesejahteraan kepada penduduk-penduduk setempat.

Yang Berhormat Timbalan Dato' Speaker, melalui pengamatan saya dan melalui makluman Dewan oleh Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan,

Perdagangan dan Penggunaan, pada 12 November 2013, kita lihat bahawa DUN Serom tidak mempunyai *homestay* dalam senarai *homestay*. Jadi, diharapkan dengan maklumon dan perkongsian cerita itu tadi, DUN Serom dapat menikmati dan dapat menarik perhatian bahawa pelancongan dan sektor pelancongan juga dapat di beri kemudahan keutamaan DUN Serom.

Yang Berhormat Timbalan Dato' Speaker, sekali lagi dalam menyokong strategi dan perhatian rakyat keusahawanan terutama golongan belia. Yang Berhormat Timbalan Dato' Speaker, Serom juga terdapat peniaga-peniaga gerai yang berada di sepanjang jalan dengan izin, kalau boleh daripada Sungai Mati hingga ke Tanjung Agas. Mereka ini meniaga sebagai peniaga-peniaga kecil yang menjual hasil-hasil dusun juga menjaga menjual hasil-hasil daripada sungai dan laut. Terkenal di kawasan itu perniagaan kerang dan kupang. Terkenal juga kawasan itu menjual buah-buahan duku Tanjung Gading tetapi sedih saya bila saya memberhentikan kenderaan saya di hadapan gerai mereka ini, mereka menggigil melihat kehadiran saya. Bila saya tanya kenapa menggigil? Dia kata saya ingat dia kata tuan datang nak angkut gerai saya ni. Saya kata mengapa menjadi begini? Mana mungkin kita nak meniaga apabila pelanggan berhenti sepatutnya dengan wajah yang ceria menanti pelanggan tetapi inilah yang berlaku di DUN Serom di mana peniaga-peniaga ni menggigil melihat kehadiran saya, seolah-olah daripada pihak Majlis, Majlis Daerah tapi saya ingin menarik perhatian juga, saya mengucapkan syabas dan tahniah pada Majlis Daerah Tangkak yang sudi yang bersedia berkongsi dan bertukar-tukar fikiran dan pandangan daripada peniaga ini. Dan, ini telah pun kedua-dua pihak telah memahami apakah perkara-perkara yang sebenarnya berlaku. Peniaga-peniaga ingin melariskan perniagaan-perniagannya hinggakan ke tepi jalan, Manakala pihak berkuasa untuk memastikan keselamatan jalan pengguna-pengguna jalan raya tapi perkara yang paling penting bukanlah penyelesaian persoalan yang saya anggap, persoalan jangka pendek serta penyelesaian adalah pada pandangan Serom dan tibalah masanya kita memikirkan status justifikasi seumpamanya. Gerai rakyat yang dibina secara tersusun dan mengikut spesifikasi yang meliputi hal-hal keselamatan dan kebersihan kita boleh kita bina gerai kekal rakyat, gerak bergerak rakyat, berikan kemudahan asas seperti bekalan elektrik dan air yang bagi memastikan bahawa mereka ini boleh meniaga dan mendatangkan nasib pendapatan. Mereka ini hanya meniaga pada satu hari, dalam sekitar ke RM30.00 ke RM50.00 tapi mereka ini menghadapi tekanan dari segi psikologinya mereka menghadapi tekanan bahawa akan sentiasa diangkut oleh pihak Majlis gerai-gerai mereka ini. Inilah yang menarik perhatian saya bahawa mereka ini terus wajarnya diambil perhatian.

Yang Berhormat Timbalan Dato' Speaker, sebelum ini, DUN Serom ia dilihat seolah-olah hanya menumpukan golongan tertentu sahaja iaitu nelayan, peniaga gerai, peniaga gerai Melayu, agensi-agensi Kerajaan dan Swasta. Sebenarnya Serom memahami arah tuju Bajet 2014 yang berpaksikan keadilan dan kemajmukan, umpamanya jalan-jalan kebun, hasil pertanian dan memastikan kemudahan-kemudahan keperluan asas yang terbaik dan komposit terhadap pengusaha-pengusaha kilang, pembuatan dan perabot yang dipelopori oleh golongan-golongan peniaga tertentu.

Saya mengamati rintihan melalui usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Pemanis tadi sebagaimana kita semua di Dewan yang mulia ini, saya menarik perhatian bagaimana ucapan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar di dalam pembentangan bajet pada tanggal 7 hari bulan November yang lalu iaitu kaum di

Malaysia menikmati pencapaian yang berbeza-beza, masalah dan cabaran masing-masing. Bagi mewujudkan keadilan sosial ini, Serom mengambil pilihan menumpukan kepada golongan miskin dan rakyat kampung-kampung, rakyat di kampung-kampung di pendalaman tanpa mengabaikan tanggungjawab kepada keseluruhan rakyat di DUN Serom.

Itulah tadi keseluruhannya, Serom mempunyai harapan yang besar bahawa nelayan-nelayan diambil perhatian, peniaga-peniaga diberi pendekatan yang mesra dan juga seluruh hasil-hasil petani dapat dipasarkan dan alam-alam flora dan penyertaan dari segi pelancongan yakni peluang-peluang perniagaan *barter trade* yang disebutkan tadi. Serom akan dapat menyertai ke empat-empat strategi yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebelum ini.

Akhirnya, Serom menyokong dengan usul yang dibawa oleh Yang Berhormat daripada Rengit. Sekian, wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Terima kasih Serom. Kita terus, Penawar.

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor (Penawar) : (Doa) Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam 1Malaysia. Yang Berhormat Dato' Speaker, Dato' Timbalan Speaker, setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas keizinan yang diberi kepada Penawar untuk turut serta dalam bahasan Bajet 2014 Negeri Johor pada kali ini. Penawar merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar atas bentangan bajet sulung negeri di era kepimpinan yang baru berusia 6 bulan ini. Insya-Allah dengan niat baik, usaha murni akan ada keberkatan.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, memperteguh ketahanan ekonomi, memperkasa transformasi dan melaksana janji oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, disambut muafakat pembangunan dan pengagihan, maka Penawar yakin dan percaya susun atur Bajet 2014 untuk rakyat merangkumi semua aspek dan lapisan masyarakat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Bagaikan biduk lalu kiambang bertaut, maka marilah kita terus menyambut, merencana lima teras yang di bentang oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan disambut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dengan empat teras strategi utama bagi memastikan rakyat Negeri Johor terus makmur.

Secara kasarnya hampir kesemua rakyat memahami bentangan bajet yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Besar. Sekarang ini, yang menjadi tanggungjawab kita bersama memastikan kita dan ejen pelaksana bertindak dengan jujur terhadap perkara-perkara utama yang diberi perhatian dalam bajet yang dibuat. Syabas dan tahniah. Selepas ini setiap program yang kita laksanakan, catatlah kerana ia adalah salah satu daripada perkara yang kita sebut dalam bentangan bajet kita bagaikan kata orang tua, orang-orang tua janji di kota, kata di kota, janji ditepati supaya kita jalan seiring dengan janji Barisan Nasional dalam pilihan raya yang lalu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, jangan hanya mencari *ranking* untuk perkara-perkara negatif tanpa melihat keseluruhan, contohnya kejayaan dan kemajuan Negeri Johor, kejayaan dan kebersihan Negeri Johor, kejayaan ekonomi Negeri Johor, kejayaan

keselamatan Negeri Johor. Setelah 56 tahun kita merdeka hanya negatif saja yang dibentangkan. Apalah salahnya kita ucapkan tahniah dan terima kasih kepada pasukan keselamatan Negeri Johor yang telah memberikan komitmen yang cukup hebat sehingga tertangkapnya penjenayah dan pembunuh dan kemudiannya tertangkapnya pendatang-pendatang tanpa izin yang masuk melalui lorong-lorong tikus di sekitar perairan Johor (Dewan bertepuk). Komitmen baik pasukan RELA dalam membantu menjaga keselamatan negeri dan negara. Kalau ingin membuat perbandingan, Malaysia dengan Korea, Johor dengan Korea atau mana-mana negara sekalipun dalam kejayaan mengurus tadbir ekonomi negara, kita lihatlah keseluruhannya, masyarakatnya, sumber alamnya, jumlah penduduknya, keluasan negaranya, kemahiran penduduknya, tahap pendidikan, kemudahan pendidikan dan bukan hanya sekadar menyebut perbezaan lantas menyalahkan dan menidakkan usaha dan jasa Barisan Nasional setelah 13 kali pilihan raya diadakan dan pembangkang juga menikmati semua perkara yang dikecam hebat oleh mereka sendiri. (Dewan bertepuk).

Biar apa pun, Kerajaan Barisan Nasional terus memastikan rakyat berada di dalam keadaan yang sejahtera. Perkara dua strategi keempat, bajet muafakat dan pengagihan seiring dengan strategi kelima bajet memperteguh kerajaan, memperteguh ketahanan ekonomi, memperkasa transformasi dan melaksana janji oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Jangan hanya menyebut peratus atau angka untuk bercakap dan menyalahkan Kerajaan. Tak tolong orang miskin, tak tolong orang muda, tak tahu orang susah nak beli susu, bayar kereta, bayar rumah. Selama kita memerintah, kita buat dasar ekonomi baru, kita buat buku hijau, kita buat dasar pandang ke Timur dan segala-galanya untuk memastikan jurang perbezaan ekonomi dan rakyat berada di dalam keadaan yang cukup selesa. Mereka bagaikan tak nampak usaha Kerajaan Barisan Nasional yang menyusun atur pembangunan dan pemerintahan negara selama 56 tahun dan kali ini disambut dengan pemberian BRIM 1 dan 2 jenis, Kedai Rakyat 1 Malaysia, Klinik 1 Malaysia dan kita bina, kita bangunkan negara kita mengikut acuan kita dengan melihat dan berfikir macam mana orang-orang lain boleh berjaya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, contohnyalah Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, kita ni kalau nak masak, nak buat lempenglah paling mudah. Jiran saya buat lempeng, saya buat lempeng, jiran sebelah pun buat lempeng. Jiran yang sebelah pakai kuali besi. Saya pakai kuali keluli yang biasa dan yang sebelah ni pakai kuali elektrik. Begitulah Yang Berhormat Dato' Speaker, hasilnya. Jadi semuanya pakai kuali, jadi kita tidak kata orang hanya bercakap ikut sedap saja tanpa memikirkan semua perkara-perkara yang telah disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam strategi, dalam perkara keempat strategi yang mencakupi semua bidang. Jadi mohonlah pihak pembangkang untuk membaca kembali semua strategi-strategi yang telah disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita dalam bentangan yang lalu.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, Kerajaan Barisan Nasional memastikan fokus terhadap kesejahteraan rakyat. Janganlah diputarbelitkan RAPID Petronas, projek ekonomi dengan Lestari Alam. Di Pengerang, ketam bangkang ni banyak di Kampung Pasir Gogok dan Tanjung Surat. Udang kara, ikan parang, ikan tenggiri banyak di Teluk Ramunia dan Punggai. Kunang-kunang banyak di Belungkur , agak jauh daripada kawasan RAPID. Pejabat Petronas didirikan di bukit di kawasan Kampung Lepau.

Tangki minyak di Kampung Jawa di Teluk Empang dan di Sungai Kapal. Tak ada ketam bangkang pun dekat situ, Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker. (Dewan Bertepuk). Banyaknya dekat pulau sana. Ada sedikit sahaja di Lepau. Jadi nelayan-nelayan ni pergi jauh dan tidak melibatkan kawasan pembangunan RAPID Petronas. Masyarakat di sana gembira dengan apa yang mereka terima. Kenapa kita nak memanaskan suasana.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sempena Maal Hijrah ni, Sungai Abong ni macam nak berhijrah. Apa pun lah Yang Dato' Timbalan Speaker untuk akhirnyalah, kalau roboh Kota Melaka, papan di Jawa kita didirikan, kalau sungguh bagai dikata, peruntukan Barisan Nasional boleh berikan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Penawar menyokong usul yang dibawa oleh Rengit. Sekian wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Dia punya penutupnya mendadak je eh? Perempuan, Jemput Semarang. (Dewan ketawa)

Y.B. Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Salam sejahtera, salam muafakat Johor Darul Takzim.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, Semarang ucapkan jutaan terima kasih di atas kesempatan untuk sama-sama terlibat dalam perbahasan atas Rundingan Bacaan Kali Yang Kedua bagi Rang Undang-Undang Enakmen Pembekalan 2013 ini. Sebagai pembicara yang ke-43, saya dapat merasakan bahawa terlalu banyak perkara telah dibawa oleh rakan-rakan Ahli Dewan, sama ada sebagai pembangkang mahu pun sebagai penyokong Kerajaan. Walau bagaimanapun, saya ucapkan terima kasih kepada semua pihak dan saya ucapkan terima kasih dan juga tahniah serta penghargaan kepada Yang Berhormat Speaker dan Timbalan Speaker yang telah dapat menjaga ketenteraman dan perjalanan Dewan dengan baik dan licin sekali. Insya-Allah, mudah-mudahan dipanjangkan umur, dipanjangkan rezeki, dibanyakkan rezeki dan mudah-mudahan akan terus berada di kerusi yang sama dalam penggal yang akan datang, insya-Allah.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, ucapan terima kasih dan penghargaan juga kita panjangkan kepada Kerajaan Negeri Johor di bawah kepimpinan Yang Berhormat Menteri Besar yang ada sekarang yang menjadikan ianya sebagai suatu kesinambungan Kerajaan yang ada. Walaupun ia dilihat sebagai kereta yang sama, ia memang kereta tetapi pastinya ianya jenis yang lain, Cc-nya yang lain dan ianya juga adalah *tune car*, dengan izin. Dan saya yakin dengan aspirasi, pengalaman dan juga pengetahuan yang ada sudah pasti ianya akan dapat kita lihat sebagai suatu mekanisme ataupun kenderaan yang lebih efektif untuk masa yang ke depan ini.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, merujuk kepada Dato' Timbalan Speaker, merujuk kepada Ucapan Bajet untuk tahun ini, buat pertama kalinya 14 muka, 54 muka surat Ucapan Belanjawan oleh Yang Amat berhormat Menteri Besar ini yang saya tidak berhasrat untuk menceritakan satu persatu, tercatat ianya perkataan ikrar, eh minta maaf, dimulakan dengan fokus. Tak pernah selama ini ada perkataan fokus. Apatah lagi dengan yang diperkatakan dengan *executive summary*. *Touch point* dia, apa dia? Supaya kita lebih faham. Kalau malas nak membaca, boleh tengok *point-point*

yang ada. Dimulakan dengan fokus. Kenapa gunakan perkataan fokus? Kerana Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebagai pemimpin ingin mengajak kita dan semua rakyat keseluruhannya untuk fokus tentang perkara-perkara yang diketengahkan dalam tema apa yang telah dinyatakan sebagai "Muafakat Dalam Pembangunan Dan Juga Pengagihan". Ciri-ciri muafakat tetap ada. Muafakat dalam pembangunan. Muafakat dalam pengagihan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ini bukan karangan biasa. Ini bukan nukilan sekadar untuk ditulis dan untuk dibaca, untuk sesedap rasa. Tetapi ini adalah seperti mana yang telah dinyatakan, rakan-rakan nyatakan. Ia adalah satu janji oleh pihak Kerajaan Negeri yang dibuat bukan sahaja oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, tetapi juga adalah penjawat-penjawat awam khususnya ketua-ketua jabatan dalam Negeri Johor Darul Takzim ini. Saya tidak akan bosan dan jemu untuk menyatakan ini walaupun saya telah kerap kali untuk menyatakan dalam Dewan ini berkali-kali, setiap bajet, Ucapan Bajet bahawa ia adalah janji. Janji yang didokumentasikan dalam bentuk ucapan yang akan menjadi pegangan bukan sahaja Ahli Dewan Undangan Negeri tetapi keseluruhan rakyat Negeri Johor Darul Ta'zim ini.

Justeru itu, Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, ia memerlukan komitmen yang besar. Ia menagih kepada komitmen daripada semua pihak agar ianya dapat direalisasikan seperti mana yang dirancang. Justeru itu, saya ingin menekankan bahawa ucapan yang dimulakan dengan fokus dan apatah lagi diperkuatkan penghujungnya dengan ikrar, Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita dengan ikrar, berikrar untuk menjalankannya dengan baik melangkaui tanpa diskriminasi, transparensi dan sebagainya. Ini adalah satu perkara yang baru untuk Negeri Johor Darul Ta'zim. Saya tidak gembira kalau ada orang mengambil enteng tentang perkara ini apatah lagi kalau memperlekehkan kerana ini adalah janji, komitmen dan untuk makluman Dewan undangan Negeri yang penuh mulia ini, kemuliaan ini, ini adalah penggal pertama kepimpinan Yang Amat Berhormat tetapi kita dapat merasakan bahawa beliau adalah seorang yang bekerja dan kita bersedia untuk bekerja dengan orang-orang yang bekerja seperti beliau, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Yang Berhormat Timbalan Dato' Speaker, saya nyatakan tadi jangan diperlekeh. Ini adalah kepimpinan yang bekerja yang kurang cakap tapi banyak bekerja, tak banyak cakap tapi banyak bekerja, ini yang kita mahu. Sebab itu Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, saya ingin menyarankan sebagai ketelusan kita, sebagai komitmen kita, saya setuju ada cadangan agar kita istiqamah dengan nawaitu kita ini dan niat kita ini harus ada dan nak ditambah lagi Yang Berhormat Timbalan Speaker, agar diadakan satu usaha untuk membuat satu program melihat kembali perjalanan, *review* dengan izin, setiap suku tahun, suku tahun kedua, suku tahun ketiga dan akhirnya yang keempat. Untuk melihat bukan sahaja Menteri Besar yang dijanjikan tetapi kita mahu agar jabatan-jabatan dan pihak-pihak berkenaan ada rekod sama ada telah diusahakan, di mana kedudukannya dan apakah hasilnya pada peringkat-peringkat yang berkenaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya nyatakan tadi Kerajaan ini adalah Kerajaan bekerja, komited untuk bekerja, tak banyak cakap. Kita bukannya pihak yang asik berceramah sahaja, belum dapat Kerajaan berceramah, dah dapat Kerajaan pun berceramah, tak boleh selesai kita dengan berceramah, tetapi kita nak bekerja dan

untuk menjayakan apa yang ada ini Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, sudah pastilah ia menagih kepada pengurusan kewangan yang terbaik. Kawalan dalaman yang baik, auditnya dan pentadbirannya yang baik dan berintegriti. Justeru itu, saya mengajak diri saya dan para Ahli Dewan yang mulia ini agar sama-sama membantu, kurangkanlah kritik-kritik tentang perkara ini. Kita menerima kritikan, tetapi berilah peluang untuk kita menunjukkan apa yang kita akan buat. Jangan sekadar membaca Buku Ucapan Bajet ini untuk mencari ejaan-ejaan yang salah sahaja, tetapi seharusnya kita melihat mendalam tentang apa perancangannya dan bagaimana kalau ada cadangan yang lebih baik agar ianya boleh ditambah baik daripada masa ke semasa.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, saya setuju dengan saranan ada setengah rakan daripada pihak pembangkang yang masalah dengan prasangka. Masalah berprasangka ini memang sangat besar kesannya, besar dan buruk kesannya. Prasangka kerana prasangka inilah juga membawa persepsi yang berbeza dalam satu-satu perkara. Prasangka, dan kalau boleh nak dikatakan lagi selain daripada prasangka kita nyatakan ini sebagai satu apa yang dikatakan buruk sangka, berburuk sangka sesama kita. Dalam kehidupan kita seharian kalau kita ada piil, perangai berburuk sangka ini, kita tidak akan hidup aman apatah lagi duduk sejahtera dan harmoni Yang Berhormat Timbalan Speaker. Apa tidaknya, kerana kita berburuk sangka inilah akan menimbulkan fitnah, banyak. Sejarah telah menunjukkan sama ada yang lama ataupun yang baru bagaimana berburuk sangka ini, berprasangka ini telah membawa perkara-perkara yang negatif baik dalam masyarakat, negeri mahu pun negara.

Yang Berhormat Dato' Speaker, tetapi realitinya sekarang ini ianya digunakan dalam politik. Mereka menggunakan buruk sangka ini, *hit and run*, dengan izin, cakap dulu maaf kemudian. Kebinasaan telah terjadi, luka telah terjadi, calarnya, parutnya tetap ada. Inilah perkara-perkara yang mendalam yang kita harus faham betapa buruknya prasangka ini. Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, jangan fikir negatif, kalau fikir negatif dapatnya negatif. Sebab itulah kita wajar, sewajarnya kita berfikiran positif dan kita akan mendapat keputusan yang positif dan saya nyatakan tadi berburuk sangka boleh menjadi kepada fitnah, yang lebih buruk lagi adalah fitnah. Kita menyampaikan, kita berburuk sangka, kita menyatakan kepada orang, orang sebarkan kepada lain, jadi fitnah. Kadang kala kita dah minta maaf, orang yang kita cakap masih lagi menceritakan tentang apa yang kita cakap. Inilah buruknya. Sebab itulah untuk memberhentikan prasangka ini, mulakan dengan diri masing-masing, tidak bolehkan kalau kita berfikiran baik? Kita jangan harap kita jangan buat apa yang orang tidak suka kepada kita. Kalau kita buat juga apa yang orang tak suka buat kepada kita, kita tak suka orang buat kepada kita, sama jelah. Sebab itu semuanya bermula daripada diri. Saya sering nyatakan, setiap tindakan, setiap kejadian ada reaksi. Kita tidak mahu ada reaksi yang tidak baik dan kadangkala reaksinya lebih buruk daripada yang dilakukan. Lihat sahajalah apa yang berlaku sekarang ini, kerana berburuk sangka tadi kita nyatakan, Tiram tadi menyatakan tentang masalah orang Banglanya, apa cerita sekarang, yang dikatakan 40,000 Bangla itu mana? Tak ada. Apa cerita *blackout*? Sekarang dah tak ada. Orang tak akan lupa, tetapi perkara-perkara inilah sebenarnya mengajar masyarakat dan rakyat Negeri Johor khususnya tentang warna sebenar, belang sebenar pihak-pihak yang berkenaan ini Yang Berhormat Timbalan Speaker.

Justeru itu Yang Berhormat Timbalan Dato' Speaker, jangan gunakan konsep atau pun prinsip belasah dahulu minta maaf kemudian, tak boleh begitu. Kalau semua orang melakukan sedemikian rupa atas nama hak masing-masing, jangan fikir kita akan mendapat keamanan sepertimana yang kita war-warkan. Yang Berhormat Timbalan Speaker, saya hairan, masih lagi digunakan perkataan Kerajaan mengkudakan rakyat, masih lagi digunakan perkataan Kerajaan memeras rakyat. Ini siapa kuda siapa ni? Siapa perah siapa ni? Sewenang-wenangnya menggunakan perkataan ini, tidakkah ini menggambarkan isi hati orang yang berkenaan? Kerajaan mana yang tidak sayangkan rakyatnya? Kerajaan mana yang nak mengkudakan orang lain? Apatah lagi rakyatnya dikudakan, dibodoh-bodohkan? Yang jelas kita telah melihat dalam pilihan raya yang lepas, pihak bagaimana pihak pembangkang telah mengkudakan, membodohkan rakyat semuanya. Ini dia, tetapi pada masa yang sama Yang Berhormat Dato' Speaker sekali lagi saya nyatakan, ini semua membawa pengajaran yang besar dan banyak hikmahnya kepada rakyat keseluruhan yang ada dalam Kerajaan Negeri Johor Darul Ta'zim ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya berharap, ayuh! Imbangilah antara emosi dan kewajaran, jangan bergerak, bertindak mengikut emosi. Memang mudah untuk membakar emosi orang di sana. Saya, Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau apa pun nak nyatakan kat dalam Dewan yang mulia ini, tak ada masalah, kerana itu adalah kebebasan untuk bercakap tetapi saya boleh bayangkan bagaimana kebinasaan yang berlaku di luar sana, dengan bahasa-bahasa yang muluk-muluk, dengan bahasa yang cantik-cantik, dengan fakta yang belum tahu betul, setengah masak, ianya boleh diputarbelitkan dan membawa pandangan dan persepsi yang berbeza antara masyarakat kepada Kerajaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita harus tahu bahawa sekarang ini sekarang ini kita berada, Insya-Allah berada di ambang kejayaan dan kita berada dalam trek atau laluan yang betul dan kita juga sedang menangani apa yang dikatakan kos pembangunan yang ada sekarang ini. Ini adalah apa yang dikatakan kos-kos yang kita harus bayar dalam pembangunan yang kita sedang nikmati. Kesesakan di Nusajaya, Senai dan Kulai, ini semua adalah antara indicator-indicator kemajuan yang ada dalam Negeri Johor ini. Boleh ke kita percaya bahawa kesesakan di Johor Bahru ini, baik di Senai, baik di Gelang Patah, baik dalam Johor Bahru itu sendiri adakah kerana rakyat Negeri Johor Darul Ta'zim semata-mata? Barang diingat, ini semua adalah kerana migrasi ataupun pemindahan orang-orang luar daripada Negeri Johor datang ke Negeri Johor datang ke Negeri Johor kerana melihat Johor ini adalah sebagai tempat yang lebih baik rezeki untuk didapati. Ini dia, dan ini juga adalah kalau bertanya apakah dia kesan daripada IRDA, daripada Wilayah Iskandar, inilah dia tetapi kita jangan harapkan orang untuk berterima kasih dengan kita, Yang Berhormat Timbalan Speaker. Kalau dia tak kutuk pun saya rasa cukuplah kerana kadangkala kita pun harus menelan ego yang besar untuk bercakap terima kasih kepada orang yang kita tidak suka.

Yang Berhormat Timbalan Dato' Speaker, saya melihat bahawa masih ada di kalangan kita yang begitu fobia dengan GST. Apa masalahnya dengan GST ini? GST ini telah dibacakan bajet, diluluskan di peringkat pusat. Apa buruknya dengan GST ini? Dalam rantau kita ini cuma kita, Brunei dengan Myanmar yang belum. Dalam pada 160 negara yang telah dah pakai pun tetapi janganlah pula persepsinya pula apabila cerita GST 6% dikenakan itu bermakna harga barang akan naik 6%, jangan. Saya tidak

berhasrat untuk cerita *detail* ataupun cerita lebih mendalam tentang GST ini tetapi sekadarkan bahawa GST itu menggantikan service tax yang ada, yang 5% dengan 10% itu tukar dengan 6%, bukannya tambahan. Ini adalah satu reformasi dalam sistem percukaian, kan baik tu. Kenapa disalah tafsirkan? *Google* aje lah cerita nak GST ini, negeri mana pun dalam dunia boleh tengok. 6%, kita mulakan dengan 6%, apa salahnya? Ok, tidak semestinya menambahkan harga, tidak. Ada dengan izin, zero rated item, *zero rated*, tak ada pun, tak ada kena GST pun, belacan tak kena, minyak makan tak kena, beras tak kena, sayur tak kena, daging kambing tak kena, daging lembu tak kena, daging babi tak kena, tak kena. Beli rumah tak kena, tak kena. Apa masalahnya ini? Dia adalah dengan izin, *broad base* untuk kebaikan Kerajaan dan jangan lupa pihak pembangkang nak cerita banyak pasal GST, jangan lupa tentang manifesto yang telah dipersetujui oleh tuan-tuan dan puan-puan dengan tuan-tuan sekalian. Manifesto pembangkang, dengan izin, pemimpin pembangkang sendiri menyatakan, mengaku GST sebagai mekanisme terbaik menghalang kebocoran dan penyelewengan bahkan akan dilaksanakan GST, kalau menang PRU 14, kalau, Nauzubillah. Kita dah kalah dah awal-awal. Nak apa benda lagi? Janganlah diselewengkan benda yang baik. Tak ada halnya, tak ada masalah ini adalah satu percukaian sistem percukaian yang adil kerana ia bukan dikenakan fakta atas pendapatan tetapi dikenakan di atas perbelanjaan. Ini dia, jangan sembrono, asal bangkang saja, pembangkang tak semestinya membangkang sahaja. Saya respek pada kawan-kawan yang ada cadangan.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Yang Berhormat, sila duduk.

Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Yang Berhormat Dato' Timbalan, boleh minta sedikit penjelasan tidak...

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Tak ada menyalahi peraturan, tak perlu disampuk.

Y. B. Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Apa nak dijelaskan?

Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Nak minta pandangan boleh berkenaan dengan GST.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Tak boleh. Ia tidak menyalahi peraturan, kalau menyalahi peraturan baru boleh tegur.

Y. B. Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, perkara ini telah dibuat kajian begitu lama. Dah lama dah, dan jangan dilihat pula dalam Ucapan Bajet, kalau nak cerita pasal Federal *Budget*, jangan cerita berkenaan tambahan cukai semata-mata. Bagaimana dengan imbuhan-imbuhan yang kita dapat? Tidak ada dalam dunia kita. Ada pula iBR1M sekarang ini, coverage untuk RM30,000.00 untuk pemberi BR1M, yang bujang tak dapat, yang ada berkeluarga dapat, kalau mati dia dapat RM30,000.00. Jangan lihat yang tambah saja, saya nak cakap lagi kalau nak cerita yang nak tambah, jangan takutkan rakyat tentang perkara-perkara ini.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, saya nyatakan tadi perkara asas tak ada. Tak dikenakan pun *zero rated*. Dan pada masa yang sama Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, janganlah bandingkan kita dengan Dollar Singapura, Ringgit

dengan Malaysia Singapura. Kita berniaga pakai Dollar Amerika, kalau naik pun tak akanlah kita nak bernostalgia dengan beli longan dan juga laici dekat Woodlands macam zaman dulu-dulu. Kita nak beli limau dan *towel* pergi kat Woodlands. Dah tak ada dah. Zaman tu telah berlalu. Jangan bernostalgia sangat. Apa masalah apa, kerana pakcik makcik kita berniaga kat sana ke? Sekarang mereka akan datang ke mari. Mereka berbelanja ke mari. Nilai eksport kita boleh bertambah. Apa masalahnya? Kalau ada pun adik beradik kita, saudara mara kita yang duduk kat Johor, yang daripada Ipoh mari ke, daripada Penang mari ke, daripada Kelantan mari ke, mereka duduk kat sini dan kerja kat Singapore ke tak apalah. Tadi menyatakan bahawa kesesakan adalah kerana motosikal itu adalah kerana orang-orang kita pergi ke sana. Cari rezekilah tu. Tak ada masalah. Sebenarnya mereka pun bukannya suka sangat kita pergi ke sana. Malahan negara jiran kita ini sedaya upaya bimbang menahan kalau boleh orang dia tak keluar. Tapi manakan tahan kerana mereka juga berhak untuk datang. Biarkanlah dia, tak ada masalah, tak mati kita tak pergi sana. Tapi mungkin dia mati kalau tak pergi sini. Jadi Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, usahlah diperbesar-besarkan tentang perkara ini. Yang penting perbandingkan US Dollar kita bertambah. Insya-Allah, stabil untuk kita bergerak terus sebagai sebuah negara yang maju.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, nak cerita pasal *tax*, cerita pasal *tax* ini membebankan rakyat. Membebankan rakyat. Membebankan rakyat. Jangan lupa kalau kita nak *refer* kepada Selangor. Dinaikkan cukai harta 120%, senyap je. Tak ada masalah. Nak cerita pasal harga air, Penang menaikkan surcaj 100% daripada RM0.24sen kepada RM0.48sen, senyap je kerana alasannya sengaja untuk mengajar untuk rakyat berjimat. Boleh pulak. Kalau kita buat, salah. Janganlah begitu. Janganlah begitu. AKSB Kelantan, naikkan 34% harga air, dinaikkan 34% lagi tak ada, Ahli-Ahli Yang Berhormat, dia tak ada notis tau. Tiba-tiba je naik bil 34%. Amacam? Alasannya kerana tarif elektrik naik, samalah tu. Kita tak salahkan dia naik. Dah berniaga kalau rugi macam mana. Naiklah juga, tetapi taklah sampai kita nak tumbangkan Kerajaan. Jadi perkara-perkara ini, Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, sewajarnyalah saya nyatakan tadi, tanpa *announcement* jauh lagi kalau nak buat rundingan-rundingan dulu, runding-runding baik-baik macam berkeluarga. *Announcement* pun tak ada. Jadi sebelum kita nak cakap tu, tengok-tengoklah dulu. Kalau nak *refer* pun, *refer* lah benda tempat yang baik. Tuan-tuan, puan-puan, minta maaf. Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker,

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Nak mesyuarat cawangan. (Dewan ketawa).

Y. B. Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Ni soal pakatan. Bertahlusiasi, alhamdulillah bagus. Teruskan untuk yang baik. Pakat-pakatlah, pakatlah untuk benda yang baik-baik. Kalau pakat yang baik-baik ini teruskanlah. Istiqamahlah dengan niat yang ada. Kita pun sokong untuk benda yang baik-baik. Dan kita perlu kenal juga dengan siapa kita berpakat. Apa fikirannya, apa niatnya, apa aspirasinya, apa ideologinya? Kalau untuk ia kebaikan Ummah, ayuh teruskanlah. Berpakatlah tapi biarlah untuk kebaikan. Dan janganlah hanya berpakat untuk merobohkan. Ini pakat-pakat untuk merobohkan, pakat-pakat untuk meruntuhkan, pakat-pakat untuk merosakkan. Sekali-sekali cubalah berpakat pula untuk kebaikan. Dah dirobohkan macam mana nak bangunkan. Kalau setakat pakat, cuma pakatannya untuk merobohkan, esok nak bangunkan macam mana pula. Jadinya tuan-tuan, pakat-

pakat ini, lebih baiklah dilihat kembalilah agar ianya benar-benar baik membawa kebaikan kepada Ummah keseluruhannya.

Yang berhormat timbalan speaker, kalaulah tak boleh memenuhi aspirasi kedua belah pihak, harus difikirkan tentang perkara ini. Dan pada masa yang sama, saya juga nak mengajak kalau ada pihak yang membawa tentang perkara2 yang luar, kita tengoklah aja lah bagaimana dengan soalan COMANGO, Collection of Malaysian NGO ini, yang telah membawa perkara yang berlaku dalam negara ini pergi ke UNHRC, *United Nation Human Right Counsel*. Kita nak tengoklah *this is best case*, dengan izin, saya nak tengok bagaimana dan kalau kita selusuri, kalau berani kita menyelusuri tentang COMANGO ini. Saya tidak mahu bercakap lebih panjang kerana saya lebih berminat untuk cakap dengan orang kampung saya. Untuk mereka kenal dan juga faham apakah akibat COMANGO untuk Malaysia yang kita cintai ini. Saya tidak berminat untuk bercakap di sini tentang. COMANGO kerana saya cakap hanya akan seperti mencurah air di daun keladi.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Semarang, sila gulung.

Y. B. Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, untuk itu ayuh saya ingin menyeru, para Mujahid tidak seharusnya terlibat dengan COMANGO. Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, berkenaan dengan audit. Ramai pihak nampaknya mengambil kesempatan menjadikan ia sebagai bahan untuk diketengahkan daripada Laporan Audit Negara. Tidakkah kita sedar bahawa ini adalah manifestasi tentang ketelusan Kerajaan yang sedia ada. Keberanian kita untuk mengenal pasti masalah, keberanian kita untuk menanganinya dan mengetengahkan kepada umum, dan mengetengahkan juga apa yang kita akan buat untuk mengatasinya dan diikuti dengan komitmen kita untuk memperbaiki dengan satu semasa harus dihargai dengan semua pihak. Janganlah pula ianya pula digunakan kesempatan bantai dan perkara pun bukannya dia tahu, kita yang bagi tahu, kita yang bagi tahu kita pula kena bantai. Kurang betullah tu. Jadinya, panggilan maut mana tu. Jadinya, Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, saya harapkan perkara ini harus dilihat sebagai positif dan kita juga meminta kepada semua yang terlibat. Baik daripada atas mahupun sampai ke bawah untuk melihat tentang laporan audit ini dan memastikan ianya diperbaiki dan tidak berlaku lagi di masa yang akan datang. Dan pada masa yang sama, pihak yang berkenaan juga harus diambil tindakan. Sekurang-kurangnya diberi peringatan agar ia dapat pengajaran daripada laporan audit yang ada.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, bercerita tentang orang muda, masalah orang muda, susah nak beli kereta dan sebagainya. Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, di Malaysia ini soal orang muda apa lagi yang tidak bagi? Mobiliti sosial dalam Malaysia ini amat hebat. Anak petani boleh jadi doktor, anak nelayan boleh pergi ke menara gading, boleh dapat PHD, boleh buat Master, tak ada masalah. Itulah hebatnya mobiliti sosial tanpa diskriminasi. Kerajaan bukan sekadar nak bagi subsidi, Kerajaan bukan sekadar nak bagi bantuan. Kerajaan yang lebih penting pada masa yang sama adalah untuk memberi peluang. Peluang apa? Peluang untuk membina karier. Peluang apa? Peluang untuk mendapat rezeki yang halal dan banyak. Peluang apa? Peluang untuk membetulkan keadaan dan juga menikmati kemewahan yang mereka dapat. Peluang apa? Peluang untuk mendapatkan ilmu lagi. Kerajaan telah menyediakan peluang yang cukup banyak. Tak akanlah masalah

kerana nak beli kereta, harga mahal menjadikan terpaksa Kerajaan harus dibubarkan kerana kita merasakan bahawa peluang yang diberikan oleh Kerajaan kepada orang-orang muda tak kira apa bangsa dalam negara ini sudah cukup baik dan sewajarnya dia juga menggunakan inisiatif dan kecerdikannya untuk membina kehidupan di masa yang akan datang. Kita dapat melihat dari satu karnival ke karnival, dah belajar dah habis, buat karnival pula, karnival karier, carikan sediakan tempat untuk orang yang cari kerja, sekali datang ramai beribu orang datang mencari kerja. Dapat, beribu orang juga dapat kerja. Tak ramai yang menghargainya. Tak ramai kerana mereka sibuk berada di pentas-pentas bercerita dan menyalak dengan retorik masing-masing.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, sebab itulah dalam hal ini, saya nyatakan tadi jangan berprasangka. Nak cerita orang muda kenapa tidak *explore* dengan izin, tengok apa yang ada dekat Jabatan Belia Dan Sukan kita ini. Apa program-program yang ada, gunakan sepenuhnya. Saya yakin, kita Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri, Barisan Nasional yang cerita berkenaan dengan kemudahan, kita dah cukup banyak dah gunakan, gunakan sahaja. Tanya diri kita sendiri sejauh mana kita menggunakan kemudahan-kemudahan dan fasiliti yang ada dalam jabatan-jabatan untuk kumpulan-kumpulan sasaran yang kita fikirkan perlu ini.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, saya juga nak ambil kesempatan di sini, Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker. Tentang perkara-perkara yang menyentuh berkenaan dengan pendatang asing. Saya ingin menyentuh berkenaan dengan soal kesihatan dan hubung kaitnya dengan pekerja asing. Sekarang ini kita dapat melihat bahawa dalam negeri-negeri Johor mahupun dalam Malaysia ini dan kalau boleh insya-Allah nanti pihak Kerajaan akan mengenal pasti kes-kes yang terlibat. Banyak kes-kes ataupun penyakit-penyakit yang selama ini yang dulu dah tak ada dah, tetapi datang kembali.

Contohnya, Tibi, *tuberculosis* dengan izin. Kusta, Hipertitis B. Kerajaan Malaysia telah memberi kesihatan dengan kadar yang cukup murah. Sampaikan hampir sifar kos untuk kesihatan kita. Cukup besar subsidi yang kita bagi. Tetapi malangnya penyakit-penyakit ini nampaknya timbul balik dalam negeri dan negara kita ini. Dan, antara faktornya adalah kerana saringan yang lemah dan juga ketiadaan saringan langsung. Saringan yang lemah di kalangan pekerja-pekerja asing yang datang dan juga tiada saringan langsung kepada pendatang-pendatang ataupun pekerja asing tanpa izin yang masuk ke Negeri Johor dan Malaysia melalui jalan-jalan tikus seperti yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat sebelum ini.

Jadi Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, sewajarnyalah kita melihat bahawa kita ambil tahu 3% daripada, 3% daripada pekerja-pekerja asing yang berdaftar di Malaysia ini, terpaksa dihantar pulang ke negara masing-masing kerana tidak lulus soal taraf kesihatan mereka. Jadi, perkara ini sewajarnya menjadi satu *priority* kepada kita. Apa gunanya kalau kita kaya tapi kita tak sihat. Apa gunanya kalau kita berusaha seperti mana yang Parit Raja nyatakan tadi, nak buat program untuk kesihatan, tetapi pada masa yang sama rupanya kita mengimport dan membawa penyakit ke dalam komuniti kita.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, justeru itu saya minta pihak-pihak yang berkaitan, Imigresen baik, pihak Kesihatan baik, agar membuat tindakan yang lebih ketat kepada mereka yang terlibat ini. Dan mudah-mudahan dengan apa yang terlibat ini, ia juga

akan memberi kesejahteraan kepada bukan sahaja kita, tetapi kepada anak cucu kita di masa yang akan datang.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, saya juga ingin menyentuh tentang perkara yang telah diketengahkan oleh Yang Berhormat daripada Maharani, yang mencadangkan untuk kemudahan dan juga apa yang dikatakan, kemudahan kepada pihak Ketua Pembangkang. Saya rasa ini adalah cadangan yang cukup murni daripada rakan kongsi kepada kongsi yang lain. Alhamdulillah, bagus. Mudah-mudahan inilah kita dapat diteruskan.

Tapi Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, saya saja nak merujuklah, kalau nak ditunjukkan oleh kerana Maharani juga adalah daripada PAS, kebetulan PAS pula memerintah pula dekat Kelantan. Pada tahun 2010, ada satu cadangan untuk EXCO, kononnya untuk memberi kemudahan kepada Ketua Pembangkang. Dan ia dibuat dalam pindaan pada 2010, tetapi dan pindaan itu meliputi tentang gaji dan sebagainya. Buat 2010, *back dated* 2004. Bukan 2008 lagi. 2004. *Back dated* pada 2004 dengan izin. Bermakna orang di 2004, siapa jadi Wakil Rakyat masa tu boleh naik gaji sekalilah pencennya. Ha, ini hebatnya orang Kelantan, setelah 23 tahun memerintah. Dan, pada yang sama dalam tersebut adalah kenaikan elaun dan bagi elaun pada pembangkang, tak ada luluskannya. Tak diluluskannya.

Dan lebih lagi menyedihkan, Yang Berhormat Tuan Speaker, apabila ianya ditanyakan kepada salah seorang daripada Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kelantan Darul Naim ni, apa dia kata? Cukuplah tu kata dia. Dapat kerusi dekat Dewan satu. Kalau nak pejabat, adalah tu pejabat bawah tangga. Ini dia. Jadi, bersyukurlah kita apa yang ada. Alhamdulillah dan ini saya nyatakan kerana kita harus berterima kasih dan mudah-mudahan apa yang ada ini dapat diteruskan dengan baik. Yang penting kita masing-masing kalau dulu waktu pilihan raya, kita berani berjanji langit dan bulan, sekarang ayuh. Kita terbuka untuk melaksanakan di peringkat akar umbi mengikut kekuatan masing-masing. Kalau dulu berani berjanji, sekarang ini mereka kita tidak boleh tahan dan kita tegah untuk datang kepada kita menagih janji kepada kita.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, sesungguhnya saya percaya kita akan dapat lebih maju lagi kalau kita dapat melihat. Dahlah, yang lepas lepaslah. Kita tengok ke hadapan. Menteri Besar kita pun baru, kepimpinan kita pun baru. Ucapan Belanjawan diakhiri dengan ikrar. Ayuh kita sama-sama merealisasikan ikrar yang dibawa oleh Menteri Besar itu. (Dewan bertepuk). Dan Insya-Allah mudah-mudahan jangan saja yang tengok yang buruk, yang baiknya juga harus dikatakan baik. Dan pada masa yang sama Yang Berhormat Timbalan Speaker, saya menyeru kepada diri saya dan kepada semua pihak, agar permuafakatan ini akan kita dapat realisasikan dan Muafakat Pembangunan Pengagihan ini dapat di kecapi untuk rakyat Negeri Johor Darul Takzim. Terima kasih saya menyokong usul yang dibawa oleh Rengit. Sekian, wabillahi taufik walhidayah. Wassalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh. (Dewan bertepuk).

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Terima kasih Semarang. Dengan berakhirnya perbahasan daripada Semarang tadi, kita telah, Dewan telah pun memberikan peluang kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk membahaskan Ucapan Belanjawan. Dan pada hari esok pihak Kerajaan, Pengerusi-Pengerusi Jawatankuasa akan menjawab soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat. Untuk itu, saya

menangguhkan Dewan ini ke jam 9:30 pagi, 15, 14 November. Minta maaf, 14 November 2013.

Dewan ditangguhkan pada jam 3.30 petang.

HARI KELIMA
KHAMIS, 14 NOVEMBER 2013

Y.B. Speaker,
Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN., PPN.

Y.A.B. Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan Perancangan Negeri, Johor.
Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, SPMJ., DSPN., SMJ., PIS.
(Permas)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri, Johor.
Puan Hajah Asiah binti Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan Negeri, Johor.
Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Negeri, Johor.
Datuk Ir. Haji Hasni bin Haji Mohamad, PGDK., KMN., PIS., AMN.
(Benut)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia Negeri, Johor.
Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN.
(Kahang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Tuan Haji Abd. Mutalip bin Abd. Rahim
(Layang-Layang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri, Johor.
Datuk Abd. Latif bin Bandi, DPSM, PSM.
(Endau)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor,
Tuan Haji Ismail bin Mohamed
(Bukit Serampang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan
dan Warisan Negeri, Johor,
Datuk Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK.
(Sri Medan)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri, Johor,
Datuk Haji Ayub bin Rahmat, DPSM., PPN.
(Kemelah)

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BS.
(Panti)

Y.B. Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., PJK.
(Tiram)

Y.B. Encik M. Asojan a/l Muniyandy, AMN.
(Gambir)

Y.B. Encik Lau Chin Hoon
(Pemanis)

Y.B. Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali DMSM., KMN., PJK.
(Semarang)

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba, DMSM.
(Pasir Raja)

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor,
(Penawar)

Y.B. Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh, PJK.
(Jorak)

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain
(Sedili)

Y.B. Datuk Haji Adam bin Sumiru, DPSM., KMN., PJK., PIS.
(Tanjung Puteri)

Y.B. Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim
(Tenang)

Y.B. Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar, PIS.
(Machap)

Y.B. Encik Mohd. Ismail bin Roslan, PPN.
(Semerah)

Y.B. Encik Teoh Yap Kun
(Paloh)

Y.B. Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman, DSNS.
(Tanjung Surat)

Y.B. Puan Zaiton binti Ismail, PIS., PPN.
(Sungai Balang)

Y.B. Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy
(Tenggaroh)

Y.B. Tuan Haji A. Aziz bin Ismail, PIS.
(Senggarang)

Y.B. Dr. Zaini bin Abu Bakar
(Nusajaya)

Y.B. Puan Norshida binti Ibrahim
(Buloh Kasap)

Y.B. Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat
(Serom)

Y.B. Dato' Haji Salpolbahari bin Haji Suib, DIMP., AMN., KMN., JMN.
(Bukit Naning)

Y.B. Tuan Haji Suhaimi bin Salleh
(Kukup)

Y.B. Encik Ali Mazat bin Salleh
(Bukit Permai)

Y.B. Datin Azizah binti Zakaria, PIS., PPN., AMN., KMN.
(Parit Raja)

Y.B. Datuk Tengku Putera Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat
(Kempas)

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau
(Skudai)

Y.B. Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan
(Parit Yaani)

Y.B. Encik Tan Chen Choon
(Jementah)

Y.B. Encik Abdullah bin Husin
(Puteri Wangsa)

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh
(Sungai Abong)

Y.B. Dr. Haji Mohamad bin Taslim
(Maharani)

Y.B. Encik Jimmy Puah Wee Tse
(Bukit Batu)

Y.B. Puan Gan Peck Cheng
(Penggaram)

Y.B. Encik Tan Hong Pin
(Mengkibol)

Y.B. Puan Chew Peck Choo
(Yong Peng)

Y.B. Encik Chen Kah Eng
(Stulang)

Y.B. Encik Lim Eng Guan
(Bekok)

Y.B. Encik Ee Chin Li
(Tangkak)

Y.B. Encik Chua Wee Beng
(Bentayan)

Y.B. Encik Yeo Tung Siong
(Pekan Nenas)

Y.B. Cik Liow Cai Tung
(Johor Jaya)

Y.B. Cik Wong Shu Qi
(Senai)

Y.B. Encik Cheo Yee How
(Pengkalan Rinting)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

Y.B. Setiausaha Kerajaan Johor.
Dato' Haji Obet bin Tawil, DPMJ., PLP., PIS.

Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.
Datuk Abdul Rahman Putra bin Dato' Haji Taha, DMSM., DSM.

Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Johor.
Tuan Haji Marsan bin Kassim, SMJ., PIS.

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.

Y.B. Datuk Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Penolong Jurutulis membaca doa).

Y.B. Datuk Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Bismillahirrahmannirrahim. (Selawat). Salam sejahtera, selamat pagi. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan disambung semula.

Jurutulis : SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2014) TAHUN 2013.

Y.B. Datuk Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Perbahasan atas rundingan bagi Bacaan kali yang kedua Enakmen Perbekalan (2014) Tahun 2013. Kita sambung semula dengan jawapan setelah kita berbahas tiga hari, Isnin, Selasa, Rabu tibalah masa Yang Berhormat Pengerusi-Pengerusi Jawatankuasa akan membuat jawapan kepada apa yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat sepanjang tiga hari kita membahaskan Enakmen Perbekalan (2014) ini. Dengan ini saya persilakan Ahli Yang Berhormat yang berkenaan. Jemput.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Bismillahirrahmannirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam sejahtera. Yang Berhormat Datuk Speaker. Alhamdulillah terlebih dahulu izinkan saya memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah yang masih memberikan saya kekuatan dan keupayaan untuk turut sama dalam Perbahasan Rundingan Bajet 2014 bagi Penggal Persidangan Pertama Dewan Negeri Johor Yang Ke-13. Sesungguhnya pembentangan bajet ini oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, pada 7 November 2013 yang bertemakan "Muafakat Pembangunan dan Pengagihan" mencerminkan hasrat dan cita-cita Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk meneruskan kecemerlangan Johor bagi meningkatkan kejayaan dan kemakmuran negeri.

Ucapan sulung Bajet sebagai Menteri Besar, memperlihatkan iltizam dan komitmen untuk meneruskan kejayaan bersandarkan konsep rundingan dan kekuatan kemakmuran. Pembentangan bajet ini tentunya mampu mendorong kita untuk muhasabah menilai kekuatan dan kelemahan serta melakar strategi masa depan di samping merapatkan ukhuwah, menjalin persahabatan, mengukuh silaturahim antara kaum untuk menjadikan Johor Darul Ta'zim sebuah negeri yang penuh kesejahteraan dan mendapat keampunan Allah.

Yang Berhormat Datuk Speaker, keadilan bukanlah bermaksud sama rata. Keadilan memberi erti meletakkan sesuatu kepada tempatnya, keadilan juga tidak bermaksud untuk kita berkongsi atau pun memberikan hak yang adil kepada kita kepada orang lain. Keadilan ini sepatutnya dilihat dari perspektif yang lebih luas sebagaimana yang termaktub di dalam Perlembagaan Negara dan keadilan ini harus kita pertahankan agar kejayaan yang telah pun kita kecapi sejak merdeka lagi membuktikan bahawa apa yang telah pun dilakukan oleh Kerajaan menepati akan aspek keadilan ini. Adakah apabila kita bercakap tentang keadilan maka kita harus memberikan apa

sahaja kepada mereka yang tidak berhak, hatta berkaitan tentang hak istimewa agama, iman dan takwa, Allah. Maka perkongsian keadilan haruslah diselarikan dengan sosial kontrak yang termaktub dalam Perlembagaan Negara.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam pembentangan bajet kali ini, memperlihatkan kesungguhan Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar bagi memperkukuhkan dan melebar luaskan perkhidmatan kesihatan dan pengurusan alam sekitar yang lestari. Pertama kalinya saya lihat persoalan kesihatan dan alam sekitar dihuraikan dengan agak terperinci. Di bawah strategi utama Bajet 2014 kedua, iaitu meningkatkan kesejahteraan rakyat Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah meletakkan dua fokus utama yang melibatkan portfolio di bawah jagaan saya iaitu fokus akses kepada kemudahan kesihatan yang bermutu dan cekap diterjemahkan melalui 2 langkah penting.

1. Meningkatkan tahap penyediaan kesihatan.
2. Mempergiatkan program peningkatan kesihatan awam.

Fokus kedua, menjurus kepada Pengurusan Alam Sekitar yang lestari iaitu diasaskan kepada konsep *sustainable development* iaitu proses pembangunan yang tidak mengabaikan faktor kepentingan dan kelestarian alam sekitar. Beberapa inisiatif bagi menterjemahkan fokus ini menjadi kenyataan dengan melaksanakan beberapa cadangan.

1. Penubuhan Majlis Perubahan Iklim dan Teknologi Hijau Johor.
2. Cadangan Laman Rasmi Hijau.
3. Menyediakan Pelan Strategik Alam Sekitar Negeri Johor.
4. Mengkaji pembinaan laluan khas basikal di jalan-jalan raya Negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga tertarik dengan pembentangan Bajet 2014 kali ini kerana ia menekankan aspek keperluan untuk masyarakat sedar tentang ancaman dadah yang merupakan ancaman keselamatan bukan tradisional yang perlu ditangani dengan berkesan. Sebagai orang yang dipertanggungjawabkan dan dilantik oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, sebagai Pengerusi Penyelaras PEMADAM Negeri Johor, komitmen Yang Amat Berhormat Menteri Besar amatlah dipuji dalam usaha untuk menangani permasalahan dan ancaman dadah di dalam komuniti masyarakat di negeri ini terutamanya usaha untuk memperkasa pusat pemulihan dadah dalam masyarakat dan menggerakkan komuniti melalui pertubuhan bukan Kerajaan untuk dilibatkan secara bersama bagi menangani ancaman ini dan saya menyeru rakan-rakan Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk turut sama bagi memperkukuhkan PEMADAM dan AADK di kawasan masing-masing bagi menyahut komitmen Yang Amat Berhormat Menteri Besar ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang membangkitkan pelbagai isu dan permasalahan yang melibatkan portfolio di bawah jagaan saya. Yang Berhormat Rengit telah memaklumkan yang keadaan Klinik Kesihatan Rengit sangat daif dan memohon klinik tersebut di naik taraf. Untuk pengetahuan Ahli-Ahli Yang Berhormat, Klinik Kesihatan Rengit telah memulakan operasi semenjak tahun 1956. Klinik tersebut telah pun berusia lebih 50 tahun dan pihak Jabatan Kesihatan Negeri Johor sedar tentang keadaan klinik

tersebut. Klinik sedia ada ini terletak di tapak seluas 2 ekar di mana projek naik taraf klinik yang lebih besar adalah tidak mungkin.

Oleh itu, satu tapak baru perlu dikenal pasti bagi tujuan tersebut. Pihak Pejabat Kesihatan Daerah Batu Pahat telah berusaha mencari lokasi yang sesuai. Terkini, satu lot telah dikenal pasti dan dihantar permohonan ke Kementerian Kesihatan Malaysia untuk mencadangkan pengambil balik tanah. Permohonan PBT telah dikemukakan di dalam RMK-10 Rolling Plan 4 yang akan bermula pada 2015 dan perkara ini juga telah dibawa ke peringkat Kementerian untuk makluman. Setelah proses PBT selesai, permohonan untuk membina balik bangunan akan dikemukakan. Sementara menunggu pembinaan klinik baru yang lebih selesa menjadi kenyataan, Pejabat Kesihatan Daerah Batu Pahat sentiasa membuat penambahbaikan di klinik dan kuarters, Klinik Kesihatan Rengit bagi keselesaan pesakit dan petugas.

Yang Berhormat Datuk Speaker, ADUN Semerah membangkitkan mengenai status cadangan pembinaan Pusat Kesihatan Besar di Kampung Lubok, Mukim 1, Batu Pahat yang mana Pengambilan Balik Tanah telah dibuat lebih 15 tahun yang lalu. Untuk makluman Dewan yang Mulia, tanah yang dimaksudkan masih lagi berstatus tanah milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan di mana Kementerian Kesihatan Malaysia sebagai Kementerian Pengawal ke atas tapak tersebut. Bagi cadangan pembinaan Pusat Kesihatan Besar di Kampung Lubok telah di mohon melalui Rancangan Malaysia Ke-9 dan juga Rancangan Malaysia Ke-10. Walau bagaimanapun, permohonan tersebut tidak dapat kelulusan pihak EPU, Jabatan Perdana Menteri dan insya-Allah kita akan memanjangkan lagi permohonan ini untuk Rancangan Malaysia Ke-11.

Yang Berhormat Datuk Speaker, ADUN Stulang menanyakan status Klinik Kesihatan Pekan Nenas dan yang berkaitan tentangnya. Untuk perhatian Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Klinik Kesihatan Pekan Nenas telah diluluskan pembinaannya di dalam Rancangan Malaysia Yang Ke-10 Rolling Plan 2 pada 2013 dan ingin saya nyatakan bahawa ini adalah merupakan usaha yang telah pun dilakukan oleh Ahli-Ahli Wakil Rakyat daripada Barisan Nasional. Pembinaan Klinik Kesihatan ini diurus oleh pihak Cawangan Kerja Kesihatan, JKR. Semakan mendapati JKR sedang dalam peringkat akhir penyediaan dokumen tender dan dijangka mengiklan tender pembinaan klinik ini pada 5 Disember 2013. Oleh itu, kontraktor yang mendapat tender pembinaan klinik tersebut akan diketahui pada awal tahun 2014.

Yang Berhormat Datuk Speaker, ADUN Maharani membangkitkan tentang Klinik 1Malaysia beliau meminta Klinik 1Malaysia diletakkan di tempat di mana penduduk tiada akses kepada perkhidmatan perubatan. Minta Klinik 1Malaysia tidak diletak berhampiran dengan Klinik Kesihatan atau Hospital.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Klinik 1Malaysia diwujudkan bagi tujuan memudahkan masyarakat mendapat akses perkhidmatan kesihatan. Kriteria perubahan Klinik 1Malaysia ini adalah :

1. Di kawasan bandar.
2. Kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi seperti di kawasan perumahan.

3. Masyarakat atau penduduk dari golongan yang kurang berkemampuan dan berpendapatan rendah.

Pemilihan lokasi Klinik 1Malaysia ini diharap dapat:

1. Mengurangkan beban kerja di klinik sedia ada dalam kawasan bandar.

2. Mengurangkan masa menunggu bagi pesakit mendapatkan keperluan rawatan untuk penyakit yang ringan.

3. Mempertingkatkan akses masyarakat untuk mendapatkan rawatan ringan seperti demam, batuk, selesema dan penyakit-penyakit ringan yang lain terutamanya di kawasan bandar kerana masa perkhidmatan Klinik 1Malaysia adalah dari jam 10:00 pagi hingga pukul 10:00 malam, setiap hari.

Di kawasan bandar, penduduk mempunyai pilihan untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan sama ada di fasiliti kerajaan atau swasta. Kawasan pendalaman pula telah disediakan fasiliti kesihatan seperti Klinik Kesihatan dan Klinik Desa yang juga menerima rawatan ringan dan memberi rawatan awal bagi kes-kes kecemasan yang memerlukan. Walau bagaimanapun, perkembangan terkini menunjukkan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia bercadang memperluaskan kewujudan Klinik 1Malaysia di kawasan luar bandar yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi dan terletak jauh dari fasiliti-fasiliti kesihatan. Prinsip asas pembinaan Klinik 1Malaysia masih dikekalkan iaitu terdapat keperluan kepada perkhidmatan kesihatan yang tinggi. Kesimpulannya dengan wujudnya klinik 1Malaysia ini, ia dapat membantu meningkatkan akses masyarakat yang mempunyai keperluan setempat yang tinggi. Justeru itu, pelaburan yang dilakukan dapat memberikan pulangan yang tinggi kepada negara, dengan kos pembinaan dan kos operasi yang rendah dalam dapat memberikan perkhidmatan perawatan ringan yang optimum kepada bilangan pelanggan yang tinggi.

Yang Berhormat Datuk Speaker, beberapa hari yang lepas, ADUN Pasir Raja ada mengajukan soalan. Apakah langkah-langkah penguatkuasaan yang dijalankan untuk mengatasi masalah minyak masak yang di kitar semula yang berada di pasaran? Minyak masak sememangnya sering kali kita gunakan untuk memasak. Justeru itu, kadang kala ada yang menggunakannya berulang-ulang kali. Arahan telah dikeluarkan kepada semua Pejabat Kesihatan Daerah Negeri Johor untuk menjalankan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan termasuk pemeriksaan di premis-premis yang terlibat. Verifikasi akan di jalan terhadap premis pembungkusan semula repacker mengikut senarai yang telah diberi oleh pihak Lembaga Minya Sawit Malaysia atau pun MPOB untuk mengenal pasti premis yang mengumpul dan memproses semula minyak masak terpakai. Untuk makluman, kilang-kilang memproses minyak di Negeri Johor tidak memproses minyak masak terpakai.

Perkara ini akan disusuli dengan tindakan pemantauan di pasaran, menjalankan aktiviti pensampelan secara formal bagi mengenal pasti ketulenan serta tindakan penyitaan ke atas bahan mentah, produk akhir dan peralatan yang digunakan sekiranya premis terbabit memproses minyak masak terpakai di bawah Akta Makanan 1983. Aktiviti berkaitan dengan perkara ini akan dijalankan secara rutin mulai bulan November 2013

di mana laporan aktiviti akan dipantau dan tindakan sewajarnya akan diambil berdasarkan kepada hasil aktiviti-aktiviti tersebut.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Nusajaya membangkitkan berkaitan tentang petikan etika surat khabar Utusan Online yang bertarikh pada 4 April 2012 yang bertajuk Tinjauan Kesihatan. Mobiliti Bidang Kesihatan 2011 menunjukkan 12% rakyat Malaysia berusia antara 16 hingga 60 tahun berhadapan dengan pelbagai jenis penyakit mental. Oleh itu, tindakan dan langkah-langkah drastik yang preventif perlu diambil bagi mengatasi masalah ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, penyakit mental dan kesihatan mental adalah dua perkara yang berbeza. Pesakit mental terdiri daripada mereka yang menghidap masalah psikosis, tiada hubungan dengan realiti atau masalah neurosis, gangguan emosi dan perlakuan yang tidak rasional. Majoriti dari golongan ini mempunyai sejarah keluarga. Masalah psikosis mereka diburukkan oleh tekanan yang mereka hadapi. Individu yang mengalami gangguan kesihatan mental pula adalah mereka yang waras tetapi tidak dapat menghadapi dan menangani tekanan yang dihadapi dengan baik. Kadang-kadang mungkin dalam Dewan ini pun lebih kurang sama agaknya mendapat tekanan mental, (ketawa). Kerana kita tidak faham apa yang dinyatakan oleh Kerajaan kepada mereka.

Golongan kedua ini kadang kala melakukan tindakan yang membahayakan diri sendiri atau orang lain. Faktor persekitaran seperti masalah ekonomi, perhubungan dan sosial adalah antara punca utama mencetusnya gangguan kesihatan mental. Kajian Kesihatan dan Mobiliti Kebangsaan mengukur prevalens penyakit mental. Kajian yang dijalankan dalam tahun 1996 oleh NHMS, masalah penyakit mental, *developmental disorder, emotional* dan *behaviour disorder* di kalangan kanak-kanak dan remaja, 5 tahun hingga 16 tahun adalah 13%. Pada tahun 2006, NHMS3 kadarnya telah meningkat kepada 20.5%, sedikit penurunan dilihat lima tahun kemudian di dalam kajian pada tahun 2011 iaitu 20%.

Bagi orang dewasa, 16 tahun ke atas, masalah penyakit mental adalah pada kadar 11.2% pada tahun 2006. Pada tahun 2011 pula, parameter kajian telah diubah. Parameter yang dikaji adalah *generalised anxiety disorder* iaitu 1.7%, *depresion* 1.8%, terfikir membunuh diri 1.7% dan cubaan membunuh diri 1.1%. Sistem penjagaan sedia ada ketika ini membolehkan pesakit mental yang dikesan di dalam komuniti dirujuk dan dirawat oleh Pakar Psikiatri. Ketika ini, terdapat 6 buah hospital kerajaan di Johor yang menawarkan rawatan kepakaran Psikiatri iaitu Hospital Permai, Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru, Hospital Sultan Ismail, Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Hospital Segamat dan Hospital Enche Besar Hajjah Khalsom, Kluang. Pesakit-pesakit mental yang stabil, menerima rawatan susulan di klinik-klinik kesihatan. Kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat kalau nak *check*, bolehlah datang ke hospital-hospital ini.

Tahap kesihatan mental yang lemah boleh menjurus kan seseorang individu ke kancah penyakit mental. Contohnya, seseorang yang tidak dapat menangani masalah keluarga yang dialami, tergamak mengambil nyawa ahli keluarga atau nyawa sendiri. Dalam hubungan ini, pendekatan yang diambil oleh Kementerian Kesihatan adalah dengan meningkatkan Saringan DASS (*depressive, anxiety and stress score*) terhadap orang ramai melalui borang soal selidik DASS. Tindakan susulan diambil terhadap individu bergantung kepada skor yang diperolehi :

1. Teruk dan sangat teruk – rujukan terus kepada pakar untuk penilaian lanjut.

2. Sederhana dan ringan – diberikan kemahiran minda sihat.

3. Normal – tiada tindakan.

Kemahiran Minda Sihat adalah satu kemahiran untuk menenangkan diri, mengawal kemarahan, kemahiran mengatasi konflik, membuat keputusan dan pengurusan masa. Anggota kesihatan seperti Pegawai Perubatan dan Paramedik di klinik-klinik kesihatan telah dilatih untuk melakukan saringan dan membimbing pelanggan mengamalkan Kemahiran Minda Sihat. Dengan kemahiran sedemikian mereka yang berisiko, berkebolehan untuk menjalankan terapi relaksasi untuk diri sendiri bagi mengurangkan tahap tekanan yang dialami.

Untuk golongan kanak-kanak dan remaja, anggota kesihatan bekerjasama dengan guru-guru sekolah melaksanakan program Saringan DASS dan Kemahiran Minda Sihat di sekolah-sekolah. Guru dilatih sebagai fasilitator untuk modul Harga Diri, Tegas Diri dan Pemikiran Positif. Bagi khalayak ramai, aktiviti Saringan DASS dan Kemahiran Minda Sihat dilakukan di tempat-tempat kerja dan di dalam komuniti.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Kukup membangkitkan mengenai ketiadaan bekalan elektrik di Taman Negara Johor, Tanjung Piai. Saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan yang ditunjukkan oleh Yang Berhormat Kukup tentang hal ini. Taman Negara Johor Tanjung Piai telah mengalami gangguan bekalan elektrik pada 22 Oktober 2013. Gangguan bekalan elektrik ini juga turut menyebabkan bekalan air terputus. Ini disebabkan pam air yang menggunakan tenaga elektrik terputus.

Pihak Perbadanan Taman Negara Johor telah membuat aduan dan menghantar surat kepada Pejabat Tenaga Nasional Berhad cawangan Pontian. Sehubungan dengan itu, pihak TNB telah hadir membuat pemeriksaan punca gangguan bekalan elektrik di Taman Negara Johor Tanjung Piai. Pihak TNB telah mendapati bahawa punca gangguan bekalan elektrik adalah masalah kerosakan kabel elektrik utama bawah tanah di kawasan Taman Negara Johor Tanjung Piai. Pihak TNB telah memaklumkan masalah ini bukan di bawah tanggungjawab TNB, tetapi Perbadanan Taman Negara Johor sendiri.

Pihak pengurusan Taman Negara telah mengambil inisiatif untuk menyediakan bekalan air mencukupi di semua tandas awam. Oleh itu, Perbadanan telah menyediakan generator sementara bagi menangani masalah tersebut. Perbadanan Taman Negara Johor juga turut mendapat khidmat juruteknik elektrik swasta untuk mengesahkan punca dan sebab kerosakan kabel berlaku sebelum kontraktor dilantik menangani masalah tersebut. Seterusnya, Perbadanan Taman Negara Johor telah melantik kontraktor melalui perolehan sebut harga bagi kerja-kerja penyelenggaraan serta menggantikan kabel yang rosak. Kerja-kerja penyelenggaraan sedang dijalankan dan dijangka siap pada minggu hadapan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Bentayan menanyakan berkaitan tentang yuran menyelam yang dikenakan di Taman Laut Sultan Iskandar. Berdasarkan keputusan

Mesyuarat Lembaga Pengarah Perbadanan Taman Negara Johor, kita akan melaksanakan bayaran yang sedia ada dan kita akan mengkaji kesesuaian untuk diubah ataupun tidak pada tahun hadapan.

Berkenaan tentang rondaan Taman Laut Sultan Iskandar, Pegawai Daerah Mersing telah mengarahkan semua agensi terlibat mengadakan rondaan bersepadu di Taman Laut Sultan Iskandar di mana Pulau Aur akan dijadikan sebagai *base-station*. Perbadanan Taman Negara Johor telah mengadakan rondaan dan pemantauan ke seluruh pulau pada setiap minggu berkuatkuasa 1 September 2013.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Mengkibol membangkitkan soal empangan Kahang. Projek yang tertakluk kepada EIA akan dilaksanakan selepas pihak pemaju projek telah mendapat kelulusan laporan EIA dan juga kelulusan pelaksanaan projek tersebut untuk dilaksanakan. Cadangan tarikh pembinaan empangan pada bulan November adalah sebagaimana yang dinyatakan bagi cadangan projek ini, namun ianya juga akan bergantung kepada kelulusan laporan EIA yang dikeluarkan terhadap projek ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, cadangan lokasi empangan dan kawasan tadahan tidak melibatkan kawasan kediaman penduduk dan pengambilan tanah, namun sekiranya hasil dari kajian EIA nanti akan mengenal pasti laluan jalan masuk yang paling sesuai bagi projek ini dan melibatkan pengambilan balik tanah, pihak tuan tanah yang terlibat akan dimaklumkan mengenai perkara ini oleh pihak Pejabat Tanah Daerah Kluang dan proses selanjutnya serta pampasan yang sewajarnya akan dibayar oleh Kerajaan.

Mana-mana pihak dan orang awam boleh menyemak langkah tebatan banjir yang dicadangkan berkaitan tentang pelaksanaan projek Empangan Sungai Kahang ini sebagaimana yang dinyatakan di dalam laporan EIA projek berkenaan. Dan, mereka yang mempunyai apa-apa ulasan termasuk juga ulasan berkaitan tentang perkara teknikal boleh mengemukakan maklumat atau pandangan tersebut secara bertulis kepada Jabatan Alam Sekitar bagi memastikan langkah kawalan yang dicadangkan dalam laporan EIA tersebut adalah memadai dan mencukupi. Dan, kita mohon supaya ianya jangan dipolitikkan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada ADUN Penawar yang telah pun menjawab beberapa persoalan yang dibangkitkan oleh Mengkibol yang berkaitan tentang udang galah, yang berkaitan tentang ketam bangkang. Kadang-kadang orang luar lebih tahu udang galah yang ada dekat Pengerang. Tetapi apabila orang tempatan sendiri menerangkan tentang udang galah, berkaitan tentang ketam, saya lebih percaya dengan ADUN Penawar daripada orang yang membangkitkan tentang soalan tersebut. (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat Mengkibol dalam perbahasannya mengatakan bahawa projek PIPC yang merupakan projek mega di Pengerang adalah tidak mempunyai EIA. Sebaliknya EIA hanya dibuat mengikut fasa seperti Projek RAPID dan Dialog. Beliau berharap bahawa EIA bukanlah semata-mata prosedur yang perlu dipatuhi secara *administrative*.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Pengerang Integrated Petroleum Complex (PIPC) merupakan pembangunan kawasan petroleum bersepadu yang menempatkan

semua aktiviti berkaitan petroleum dalam satu kawasan industri berat, lanya bertujuan bagi mewujudkan satu kawasan industri setempat bagi aktiviti ini dan akan melibatkan pembangunan oleh Petronas (RAPID), Kuo Kang Petrochemical Technology Company (KPTC) dan beberapa pelabur lain.

Walaupun pembangunan kompleks tersebut dikatakan bersepadu, pembangunan fizikalnya tidak dijalankan oleh satu pemaju, sebaliknya kawasan PIPC dipecahkan kepada beberapa Penggerak Projek untuk dibangunkan secara berasingan dan bukannya dibangunkan secara berfasa. Dalam hubungan ini, keperluan Laporan Kajian Terperinci Penilaian Kesan Terhadap Alam Sekitar (DEIA) dikenakan kepada penggerak-penggerak projek secara berasingan mengikut cadangan pembangunan.

Oleh kerana PIPC tidak dibangunkan oleh satu penggerak projek, maka tiada keperluan untuk mengenakan DEIA bagi keseluruhan pembangunan PIPC.

Yang Berhormat Datuk Speaker, semalam ADUN Tiram telah pun membangkitkan berkaitan tentang tebing runtuh di Sungai Tiram. Cumanya Yang Berhormat Datuk Speaker, ini menunjukkan bagaimana prihatinnya ADUN Tiram nak pergi tengok tebing runtuh, dia telah berjumpa dengan orang Bangla, berjumpa dengan orang Nepal, berjumpa dengan orang Malaysia berketurunan Pakistan. Ini menunjukkan hanya kerana petunjuk tebing runtuh, dapat kita huraikan beberapa masalah yang berkaitan tentang minda yang telah pun tersekat di dalam sebahagian daripada pemikiran kita. Tapi, kita harapkan sebagai manusia yang rasional dan juga mempunyai daya fikir yang baik, kita tidak mahu menjadikan tebing runtuh ini sebagai cara penyelesaiannya untuk menyelesaikan masalah manusia.

Menurut ADUN Tiram yang berkaitan tentang tebing runtuh ini, masalah di Sungai Tiram sebenarnya dalam perhatian jabatan. Jabatan telah membuat permohonan dalam Rancangan Malaysia Ke-10, Rolling Plan Ke-5 sebanyak RM33 juta bagi kerja-kerja menaik taraf Sungai Tiram. Kerja-kerja tersebut akan dilaksanakan apabila peruntukan diluluskan. Selain itu, sebagai langkah jangka pendek kerja-kerja pembaikan tebing di kawasan yang kritikal akan dimasukkan di bawah program 2014.

Yang Berhormat Datuk Speaker, akhirnya saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang membangkitkan pelbagai permasalahan, pendapat dan cadangan di bawah portfolio saya. Saya amat menghargai dan saya memohon maaf jika terdapat keciciran jawapan terhadap persoalan yang memerlukan jawapan yang mungkin saya tidak dapat nyatakan pada hari ini. Insya-Allah, saya akan melihat kembali ucapan-ucapan perbahasan yang melibatkan jabatan-jabatan di bawah portfolio saya dan saya akan mengambil tindakan yang sepatutnya dan saya berdoa moga Allah memberkati apa yang kita lakukan pada hari ini dan Insya-Allah hari-hari yang seterusnya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon menyokong.

Y.B. Datuk Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat saya telah menerima rundingan daripada ADUN Pekan Nenas berkaitan perkara nak merujuk Ahli Yang Berhormat Kukup atas andaian beliau bahawa Kukup menuduh beliau komunis. Perkara ini telah pun kita bincangkan semalam dan saya telah mengambil keputusan menolak usul

tersebut kerana tidak ada asas yang kukuh nak menuduh, Yang Berhormat Kukup menuduh Pekan Nenas komunis dan saya telah menggunakan Peraturan 46(IV) Keputusan Speaker adalah muktamad. Jadi, saya ingin memberitahu Pekan Nenas janganlah diulang-ulang lagi. Yang Berhormat kalau mengulang-ulang lagi, sengaja nak mengganggu perjalanan Persidangan ini, saya akan menggunakan peraturan-peraturan yang lain, yang boleh dikenakan kepada Yang Berhormat. Jadi, cukuplah. Dewan Negeri ini dia bukan boleh kita andaikan mengikut fikiran kita, kita ikut peraturan, jadi kita nak menuduh seseorang bukan mudah dan kita menghukum pun bukan mudah, jadi saya nasihatkan Yang Berhormat Pekan Nenas cukuplah, perkara semalam telah diputuskan kita putuskan, jadi saya rasa perkara ini tidak berbangkit lagi. Saya jemput Pengerusi yang berkenaan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Kebudayaan dan Warisan : Bismillahirrahmannirrahim. (Selawat). Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, salam 1Malaysia dan salam muafakat Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kerana diberi kesempatan sekali lagi di Dewan yang mulia ini, untuk membuat penggulungan atas isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat sepanjang berlangsungnya Persidangan ini. Saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Haji Mohamed Khaled bin Nordin kerana telah membentangkan Bajet 2014 yang bertemakan 'Muafakat Pembangunan Dan Pengagihan'.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Bajet 2014 bajet terbilang, belia dibela sukan di perkasa, budaya dan warisan tak akan hilang tetap di martabat untuk semua bangsa. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya amat bersyukur apabila dalam Ucapan Bajet Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah banyak memberi penekanan terhadap pembangunan belia, dari soal pendidikan, soal kerjaya dan juga soal untuk melahirkan modal insan terbaik di kalangan belia-belia. Seperti mana yang telah diketahui oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita sedia maklum di dalam Ucapan Bajet 2014 ini, Kerajaan Negeri Johor telah menggariskan 4 strategi utama dan di dalam setiap strategi-strategi ini jika kita lihat setiap satu kesemuanya ada menyentuh dan melibatkan kepentingan belia di mana Kerajaan memfokuskan untuk memperkasakan dan membantu setiap belia dalam Negeri Johor. Yang menjadi uniknya, Kerajaan bukan saja memberi tetapi Kerajaan menyediakan jalan bagaimana dan arah mana akhirnya belia-belia ini hendak dibawa. Saya cukup yakin bahawa Yang Amat Berhormat Menteri Besar amat memahami kata-kata Profesor Doktor Yusof Alkarzawi iaitu apabila kita ingin wajah negara pada masa hadapan lihatlah generasi muda pada hari ini, sebab itulah Kerajaan sedar setiap belia ini perlu diberi perhatian yang cukup serius agar mereka mampu menjadi pelapis terbaik kepada generasi yang ada pada hari ini dan kita berharap mereka akan bersedia menggalas tanggungjawab yang lebih besar di masa akan datang.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, tanggungjawab ke atas mereka pada hari ini terletak di bahu kita semua, kita adalah pemimpin yang telah diamanahkan untuk merencana dan membentuk golongan belia ini. Kita mahu melihat mereka akhirnya menjadi belia yang berwawasan, berdaya saing, yakin kepada kemampuan diri sendiri, progresif dan yang paling utama belia yang beriman dan bertakwa kepada Allah SWT.

Yang Berhormat Dato' Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita wajib mengingatkan belia tentang perkara ini dan belia juga harus sedar betapa pentingnya perkara ini, bahawa belia ini bukan dilahirkan untuk hidup bersendirian tetapi mereka perlu tahu dan memahami denyut nadi orang lain yang di sekeliling mereka dan golongan belia juga perlu sentiasa bersikap prihatin kepada orang lain.

Justeru itu, Yang Berhormat Datuk Speaker, berpaksikan kepada program memperkasakan pembangunan belia dan sukan Kerajaan Negeri mengambil inisiatif dengan mengadakan pelbagai program pada tahun 2014 yang berkaitan dalam aktiviti kesukarelaan dan juga kemanusiaan. Insya-Allah, dengan izin Allah S.W.T. dalam masa terdekat ini kita akan melancarkan program yang cukup signifikan kepada belia di seluruh Negeri Johor, moga-moga ianya akan membangkitkan semangat baru kepada belia-belia di Negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat, yang telah membangkitkan beberapa perkara yang berkaitan dengan portfolio belia, sukan, kebudayaan dan juga warisan. Dengan izin Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri Machap iaitu berkenaan permohonan kemudahan prasarana di litar motor Machap seperti bilik air dan sebagainya. Ianya telah dalam perhatian Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor, dalam siasatan awal, pihak Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor memaklumkan ianya adalah milik persendirian, tetapi ianya telah digunakan secara bersama oleh peminat-peminat motor di sekitar kawasan Yang Berhormat Machap. Namun, jika ianya memenuhi syarat dan mengikut prosedur permohonan yang ditetapkan oleh jabatan atau Kementerian, insya-Allah, kita tidak akan keberatan untuk membantu sebaik mungkin melalui saluran peruntukan yang ada. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Machap dan juga Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri sedar dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri pun telah menyatakan dalam pembentangan bajet untuk menjadikan golongan belia lebih aktif, berani bersaing serta mempunyai tempat bagi mengasah bakat dalam aktiviti mencabar dan menghindarkan belia dalam aktiviti negatif. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dengan kerjasama Kerajaan Negeri Johor telah meluluskan peruntukan sebanyak 5 juta bagi membina Kompleks Sukan Pemotoran di Pagoh yang lengkap dengan kemudahan sukan *motorcross* dan *sprint*, mudah-mudahan ianya akan jadi pemangkin kepada pembangunan sukan permotoran bukan sahaja di Negeri Johor tetapi untuk negara kita.

Yang Berhormat Datuk Speaker, untuk menjawab soalan yang kedua mengenai status permohonan Kompleks Belia dan Sukan Bukit Mambai yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tenang, saya sendiri sempat bertanya secara peribadi dengan Yang Berhormat Tenang. Perkara ini, difahamkan permohonan ini dibuat secara terus kepada Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan Malaysia. Untuk maklumat Yang Berhormat Tenang, semakan telah dibuat oleh Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor bersama Bahagian Pembangunan di Kementerian Belia dan Sukan Malaysia berkenaan permohonan ini. Hasil semakan daripada semakan tersebut, pihak jabatan mendapati masih tiada rekod permohonan dibuat berkenaan pembinaan kompleks tersebut. Pihak Jabatan Belia dan Sukan mencadangkan agar Yang Berhormat Tenang dapat mengemukakan semula permohonan secara bertulis ke Pejabat Menteri Belia dan Sukan Malaysia dalam masa terdekat dan kita berharap permohonan ini dapat disenaraikan dalam senarai-senarai projek pembangunan Kementerian Belia

dan Sukan Malaysia bagi tahun 2014. Insya-Allah, dengan adanya peruntukan dan sekiranya diluluskan oleh Menteri Belia dan Sukan Malaysia, tidak mustahil kewujudan Kompleks Belia dan Sukan di kawasan Bukit Mambai akan menjadi kenyataan dalam masa yang terdekat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, bagi menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri Buluh Kasap iaitu tentang kaedah penyampaian maklumat, tentang program agar lebih meluas. Untuk makluman Yang Berhormat, pihak Jabatan Belia dan Sukan telah pun merangka dan melaksanakan pelbagai program yang sesuai untuk lapisan masyarakat di Negeri Johor ini. Program-program tersebut merangkumi program belia dan sukan yang dilaksanakan sama ada di peringkat daerah ataupun di peringkat negeri, manakala bagi program sukan, pelaksanaannya merangkumi semua peringkat umur dan setiap lapisan masyarakat yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan juga kaum. Pihak Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor sehingga hari ini masih menggunakan kaedah penghebahan program melalui media cetak dan elektronik seperti melalui brosur, banting dan juga temu bual di RTM. Selain itu, kita juga menyedari bahawa pengaruh laman sosial pada hari ini amat meluas, pihak Jabatan Belia dan Sukan turut menyalurkan maklumat melalui laman *facebook* dan juga laman *web* jabatan untuk hebahan setiap program terkini yang akan dilaksanakan oleh pihak jabatan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, pada dasarnya Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor tidak hanya menetapkan kaedah-kaedah ini sahaja yang boleh digunakan untuk tujuan hebahan, publisiti atau promosi. Jabatan juga sentiasa memberi ruang kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat, pemimpin-pemimpin atau ketua-ketua masyarakat, jika terdapat apa-apa cadangan yang lebih baik untuk digunakan bagi memperluaskan penyampaian maklumat ke peringkat akar umbi.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya berani menyatakan demikian kerana saya sentiasa mengingati kata-kata Yang Amat Berhormat Menteri Besar iaitu zaman Kerajaan mengetahui semua perkara sudah berlalu, oleh itu, saya menyeru rakan-rakan Ahli Yang Berhormat untuk bersama-sama memberi idea serta pandangan yang positif dan ikhlas untuk memastikan golongan belia memperolehi yang lebih baik dari apa yang kita nikmati pada hari ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, bagi menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Gambir, untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan Malaysia menyedari akan kekurangan dan kepentingan kemudahan sukan untuk masyarakat akan tetapi disebabkan kekangan peruntukan maka tidak semua perancangan pembinaan prasarana yang dapat dilaksanakan secara serentak. Sebagai EXCO Belia, Sukan, Kebudayaan dan Warisan, saya amat berbangga dengan pendekatan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam mencari penyelesaian ke atas masalah-masalah seperti ini. Dalam pembentangan Bajet 2014 tempoh hari , Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah mengumumkan bahawa setiap Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Johor akan bersama-sama untuk menyediakan 34 buah pusat rekreasi dan 50 buah gelanggang futsal di seluruh Negeri Johor dan akan melibatkan perbelanjaan sebanyak 19.5 juta.

Yang Berhormat Gambir, dengan penglibatan Pihak Berkuasa Tempatan ini ianya bukan sahaja dapat meringankan beban Kerajaan tetapi sedikit sebanyak ianya

dapat menyelesaikan masalah yang sentiasa dibangkitkan oleh masyarakat tentang masalah kekurangan kemudahan sukan. Yang Berhormat juga ada membangkitkan tentang penyediaan gelanggang sepak takraw di kampung-kampung tradisional dan juga gelanggang bola keranjang untuk kaum Cina. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, sebenarnya ia merupakan komitmen yang berterusan Kementerian Belia dan Sukan dan juga Kerajaan Negeri Johor bagi menyediakan *facilities* sukan untuk rakyat pada setiap tahun. Dari masa ke semasa kita akan melakukan yang terbaik bagi memenuhi keperluan masyarakat setempat dan juga kesesuaian satu-satu kawasan mengikut komposisi kaum dan juga jenis sukan tradisi masing-masing.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat Gambir juga ada membangkitkan persoalan mengenai belia yang tidak berpersatuan, mereka sebenarnya tidak pernah dihalang untuk mengikuti sebarang program yang dianjurkan oleh Jabatan Belia dan Sukan dan juga Kerajaan Negeri Johor dan mereka juga tidak pernah sesekali dianaktirikan oleh pihak Kerajaan Negeri ataupun Jabatan. Kita menggalakkan mereka untuk menyertai persatuan atas sebab supaya aktiviti-aktiviti yang terancang dapat dilaksanakan untuk mereka secara tidak langsung ianya akan menjadi medium terbaik untuk Kerajaan mendekati mereka secara terus dan Kerajaan dapat menjiwai kehendak mereka dan naluri hati mereka dapat difahami.

Yang Berhormat Datuk Speaker, bagi isu mengenai adakah perancangan bajet mengikut kehendak dan pandangan belia pula seperti mana yang dibangkitkan oleh ADUN Gambir, percayalah setiap rancangan yang dirangka dan akan dilaksanakan bukan dibuat secara syok sendiri, ianya telah mengambil kira suara dan pandangan serta menepati kehendak belia di Negeri Johor pada hari ini. Sebagai EXCO Belia Sukan, saya bertanggungjawab untuk mendengar suara dan juga pandangan melalui mesyuarat-mesyuarat bersama jabatan-jabatan Kerajaan dan juga melalui Majlis Perundingan Belia Peringkat Negeri yang dianggotai oleh Majlis Belia Daerah-Daerah, NGO-NGO dan yang paling penting ianya juga melibatkan belia-belia dari kaum Cina dan juga kaum India dan suara mereka kita dengari. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Gambir, sebagai tambahan, Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor juga ada memberi peruntukan bantuan kewangan secara terus kepada NGO-NGO belia untuk mereka merancang dan melaksanakan program sendiri mengikut cita rasa dan juga minat mereka.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin menjawab isu telah dibangkitkan oleh ADUN Tanjung Puteri mengenai padang bola yang tidak di selenggara dengan baik.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor di mesyuaratnya pada 7 Disember tahun 2011 sebagaimana Ringkasan Mesyuarat Bilangan 2348/2011, antara lain bersetuju pengurusan dan penyelenggaraan padang bola Flat Larkin, Johor Bahru ini diserahkan kepada Perbadanan Stadium Negeri Johor dan diletakkan di bawah jagaan Setiausaha Kerajaan Johor. Memandangkan padang bola sepak ini akan digunakan sebagai padang latihan dan seterusnya di selenggara dan diurus oleh Perbadanan Stadium sebelum penyelenggaraan dibuat kepada Perbadanan Stadium, walau bagaimanapun pihak Perbadanan Stadium memohon agar semua kerosakan di padang tersebut diperbaiki sebelum penyerahan tersebut dibuat. Kerajaan Negeri telah mengambil pendekatan yang amat serius bagi menyelesaikan perkara ini. Justeru itu, mesyuarat penyelarasan yang telah diadakan pada 25 Januari tahun 2013, antara lain telah bersetuju supaya pihak Majlis Sukan

Negeri Johor ataupun Perbadanan Stadium untuk menyediakan spesifikasi bagi kerja-kerja baik pulih tersebut serta mengemukakan anggaran kos membaik pulih tersebut kepada Unit Perancangan Ekonomi Negeri Johor untuk semakan dan dibawa kepada Kerajaan Negeri untuk pertimbangan. Mesyuarat mencadangkan agar kos ini ditampung menggunakan baki pulangan daripada projek Total Merit Sdn. Bhd. sekiranya tidak melebihi jumlah baki pulangan yang ada. Dan pada 17 September tahun 2013, Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor telah menerima cadangan membaik pulih padang bola sepak di Jalan Langkasuka, Larkin daripada Perbadanan Stadium dengan kos ditanggung oleh Kerajaan Negeri berjumlah RM360,020.00. Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor telah membawa satu kertas perakuan kepada Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran dan Kewangan dan Perancangan pada 2 Oktober tahun 2013 dan kita doa bersama-sama insya-Allah dalam masa terdekat perkara ini akan dapat kita selesaikan dengan sebaik yang mungkin.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Lemah lembut si penari asli, Berhati waja menegak warisan, Harta yang bernilai tak dapat dijual beli, Untuk tatapan generasi masa hadapan.

Dalam soalan kita untuk merancakkan pembangunan jasmani, Kerajaan Negeri tidak sesekali melupakan pembangunan rohani masyarakat Negeri Johor. Di sini saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan setinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang telah memberi komitmen bagi memfokuskan untuk memelihara kebudayaan warisan dan juga kesenian. Dengan menggariskan 2 perkara iaitu yang pertama, memperkasa dan memartabatkan kesenian Islam; dan yang kedua, memelihara warisan dan mengukuh jati diri.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pihak Yayasan Warisan Johor sebagai badan yang bertanggungjawab telah berusaha menyusun strategi dan mencadangkan beberapa program untuk dilaksanakan. Antaranya seperti pertama, Penganjuran Festival Antarabangsa Kesenian Islam Johor di mana pengisian seperti qasidah purdah, teater berkonsepkan fitrah, showcase busana Islam Johor dan seni khat 17 Johor yang akan di perkenalkan. Yang kedua, program seni taranum dan berzanji di peringkat sekolah dan institusi pengajian tinggi melalui penganjuran pelbagai pertandingan berkonsepkan kesenian Islam. Dan yang ketiga, galeri kesenian dan warisan Islam di Galeria juga akan diwujudkan. Kita amat berharap dengan beberapa strategi yang menjadi teras utama dalam Bajet 2014, ianya bukan sahaja akan memberi keadilan dan kesaksamaan kepada semua lapisan masyarakat tanpa mengira kaum, tetapi yang paling utama ianya akan memberi kemakmuran dan kestabilan dalam Negara kita yang kita cintai.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Di laut kita berenang bersama, Di darat kita berjalan seiring, Hidup bersama terlalu lama, Moga kita terus berganding. Sekian, saya memohon menyokong ucapan Bajet 2014 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor.

Y.B. Datuk Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan dan Kebudayaan serta Warisan Negeri Johor. Sekarang saya persilakan, Ahli Yang Berhormat, Pengerusi Yang Berhormat yang lain.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Bismillahirrahmannirrahim. (Bacaan Selawat). Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, Salam Muafakat Johor. Yang Berhormat Datuk Speaker, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kerana diberi ruang dan kesempatan untuk sama-sama mengambil bahagian dalam sesi penggulungan perbahasan Persidangan Dewan Negeri Johor di Dewan yang mulia ini.

Saya hendak merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, Dato' Seri Mohamed Khaled bin Haji Nordin di atas pembentangan Bajet Negeri Johor yang sulung di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Johor yang baru, bertemakan Muafakat Pembangunan dan Pengagihan. Warga kerja dan pengusaha pertanian mengucapkan jutaan terima kasih di atas keprihatinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor terus membantu dan mengiktiraf sektor ini menjadi salah satu penyumbang utama dalam negeri dan Negara kita. Saya juga merakamkan ucapan terima kasih atas keprihatinan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah dapat bersama-sama memberikan idea, cadangan dan mengemukakan permasalahan serta isu-isu yang berbangkit dengan pertanian dan industri asas tani Negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, untuk maklumat sidang Dewan, Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah RM42.41 juta untuk program pembangunan pertanian dan industri asas tani yang akan dilaksanakan oleh jabatan dan juga agensi yang berkaitan. Program-program tersebut merangkumi program-program sedia ada yang telah dilaksanakan oleh jabatan dan agensi serta program-program baru yang dijangka mampu untuk merangsangkan lagi sektor tersebut. Sebagai contoh di bawah Jabatan Pertanian, tumpuan akan diberikan kepada program-program pertama, Pembangunan Industri Tanaman Makanan; kedua, Pembangunan Tanaman Industri, Florikultur dan Komoditi Berpotensi; ketiga, Pembangunan Usahawan Industri Asas Tani; keempat, Pembangunan Sumber Manusia; kelima, Pengukuhan Kemudahan Kompleks Pertanian; keenam, Kemudahan Sokongan Teknikal; ketujuh, Perkhidmatan Pengembangan dan Perundingan; kelapan, Pembangunan Makro Berfaedah; kesembilan, Pembangunan Kebun Integrasi; kesepuluh Perkhidmatan Perundingan dan Kajian Penilaian.

Manakala program-program di bawah Jabatan Veterinar pula adalah sepertimana berikut;

1. Pembangunan industri lembu/kerbau pedaging;
2. Pembangunan industri kambing/biri-biri pedaging;
3. Pembangunan industri lembu/kambing tenusu;
4. Pembangunan industri aneka haiwan;
5. Pembangunan industri asas ternakan;
6. Pembangunan ayam/itik/puyuh;
7. Kawalan pencegahan dan kesihatan ternakan;
8. Program pencemaran industri ternakan;
9. infrastruktur perkhidmatan dan perumahan kakitangan;
10. Peningkatan pengeluaran makanan ternakan TKPM;
11. Pembangunan sumber manusia dan kemajuan kerjaya;
12. Pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi.

Manakala program-program di bawah Jabatan Perikanan – program pemusatan akuakultur, latihan, pemuliharaan penyu, pembinaan jeti, pembinaan unjam dan tukun.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sektor pertanian masih menjadi penyumbang utama ekonomi negeri di mana Johor menjadi pengeluar, menjadi pengeluar utama di Negara ini bagi tanaman seperti kelapa sawit, nanas, kelapa, buah-buahan, sayur-sayuran dan bunga-bungaan. Bagi ternakan seperti lembu, kambing, ayam dan telur. Dan perikanan seperti ikan hiasan.

Bagi memastikan sektor pertanian ini terus berkembang dan berdaya saing, Hala tuju Pembangunan Pertanian telah diperkenalkan. Hala tuju Pembangunan Pertanian ini merupakan program-program utama pembangunan pertanian Negeri Johor secara keseluruhannya. Selaras dengan Dasar Agro makanan Negara bagi mencapai objektif seperti berikut:

1. Memastikan Negeri Johor terus kekal menjadi pengeluar makanan utama dan selamat untuk dimakan;
2. Menjadikan industri agro makanan sebagai industri yang berdaya saing dan mampan;
3. Meningkatkan pengeluaran dan pendapatan usahawan tani; dan
4. Memastikan bekalan mencukupi, harga makanan asas terjamin dan tidak membebankan pengguna.

Bagi memastikan hala tuju pembangunan pertanian ini dapat dicapai, kita menampilkan 10 perkara yang perlu disasarkan:

1. Mempertingkatkan Program Pengeluaran Makanan

   - Menambahkan lagi Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM)
   - Menggalakkan pengusaha melaksanakan kebun integrasi
   - Pelaksanaan ladang ternakan menggunakan konsep integrasi
   - Penerusan program ternakan ikan dalam sangkar
   - Program tanaman ladang integrasi di bawah agensi Luar Bandar dan Agensi Pertanian yang melibatkan peserta RISDA, FELDA bersama Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia menerusi skim tanaman semula secara selingan.

2. Pembangunan Tanah Terbiar

   - Program yang mendapat sokongan dari Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. Bagi Negeri Johor kita telah diberi peruntukan sebanyak RM1 juta untuk pelaksanaan program tanah ini.
   - Pembangunan tanah terbiar yang berhak milik dan tanah Kerajaan akan dibangunkan mengikut kesesuaian sama ada untuk aktiviti tanaman, ternakan atau akuakultur. Pembangunan ini akan melibatkan agensi seperti Lembaga Perindustrian Nanas, Pertubuhan Peladang Kawasan dan agensi pertanian yang berkaitan.

Program ini juga memberi peluang kepada usahawan-usahawan termasuk usahawan India yang berpotensi dan berdaya maju sepertimana yang dicadangkan oleh Yang

Berhormat Gambir untuk dilibatkan dalam program pembangunan tanah terbiar melalui aktiviti-aktiviti pertanian dan penternakan. Kita amat mengalu-alukan cadangan tersebut dan akan menimbangkannya setelah proses mengenal pasti kesesuaian tanah sama ada untuk aktiviti tanaman, ternakan atau akuakultur dilaksanakan. Sementara itu, pengusaha-pengusaha pertanian atau penternakan yang berminat bolehlah menghantar kertas kerja dan profil syarikat supaya dapat dinilai potensi projek mereka oleh Jabatan yang berkaitan.

3. Menggalakkan Penyertaan Rakyat Dalam Sektor Pertanian

- Rakyat digalakkan untuk terus bergiat dalam sektor ini dalam kehidupan seharian dengan bercucuk tanam di kawasan kebun, kawasan kampung dan menjadikan tanaman landskap di halaman rumah.
- Golongan belia digalakkan menyertai Skim Ternakan Lebah Madu yang baru dilancarkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani serta diberi latihan di Pusat Apiari Lebah, Batu Pahat.

4. Program Pemasaran dan Promosi Pertanian

- Pelbagai usaha dijalankan bagi memastikan sektor ini dapat menarik minat pengusaha dan masyarakat termasuk mengadakan jualan terus kepada masyarakat seperti kita mengadakan Mini Agro Johor, Ekspo Agro Johor, Pasar Tani dan sebagainya.
- Peniaga IKS dan buah-buahan boleh mendapat khidmat nasihat dan skim-skim insentif dari pihak FAMA bantuan-bantuan yang boleh dinikmati sepertimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Serom mengikut kesesuaian kawasan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian.

5. Kecekapan, Keberkesanan Penyampaian Perkhidmatan Awam dan Pembangunan Teknologi Maklumat.

- Menjadikan Pertubuhan Peladang Kawasan dan Unit sebagai pusat informasi berpusat untuk agensi pertanian;
- Taklimat dan penerangan secara berterusan kepada kepimpinan dan masyarakat setempat;
- Memperkasa peranan Agen Pengembang Pertanian di Mukim-Mukim; dan
- informasi terkini melalui teknologi terkini akan terus dilaksanakan.

6. Penjenamaan Semula Program Industri Asas Tani

- Skim Program Galakan Usahawan diberi penambahbaikan termasuk memberi bantuan untuk membangunkan pembungkusan dan pelabelan produk.

7. Program Pembiayaan dan Geran Pertanian

- Skim pembiayaan melalui Tekun, Agro Bank dan Lembaga Pertubuhan Peladang diperluaskan dalam sektor pertanian;
- bantuan/insentif berbentuk R & D dan bantuan penambahbaikan produk melalui MARDI dan J-Biotek serta institusi pengajian tinggi yang sedia ada yang sedia membantu.

8. Program Keselamatan Makanan

- Kepentingan pengeluaran makanan seperti kualiti, halal dan kebersihan amat dititikberatkan
- Amalan pertanian yang baik sangat digalakkan pengambilan sijil-sijil mengikut jenis produk.

Yang Berhormat dari Skudai ada mencadangkan agar Jabatan Veterinar bukan sahaja menguatkuasakan peraturan dan undang-undang tetapi memberi panduan teknikal dan juga maklumat yang berkesan untuk mereka menangani masalah pembiakan lalat. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor telah mengadakan Program Eliminasi lalat sebanyak 8 sesi operasi di seluruh Negeri Johor bagi tujuan Eliminasi lalat dan menerapkan teknologi pembasmi lalat kepada penternak. Tambahan pula daripada menjalankan *road show*, dengan izin, penggredan ladang pada tahun 2010, buku panduan piawaian ladang ternakan unggas mengikut gred telah diedarkan pada tahun 2012 untuk penternak mendalami isi maksud yang terkandung segala Amalan Yang Baik. Peraturan Jabatan bagi mengoptimumkan kawalan pencemaran dan mengelakkan pembiakan lalat di peringkat ladang menerusi sistem pengurusan yang baik. Sekiranya penternak tidak dapat mengawal pencemaran lalat di ladang, menerusi garis panduan dan tunjuk ajar yang diberikan oleh Jabatan, maka penternak wajarlah memikul tanggungjawab untuk menyelesaikan masalah kacau ganggu lalat yang disebabkan oleh pengurusan mereka itu sendiri. Kita sangat mengalu-alukan pengeluaran industri ini tetapi kita harap setiap pengusaha menitik beratkan soal kebajikan masyarakat sekitar dari terus dibelenggu masalah kacau ganggu lalat seperti ini.

9. Penerokaan bidang industri makanan ternakan. Agensi di bawah Kerajaan memainkan peranan untuk menerokai bidang ini dan kita mengalu-alukan penubuhan Peladang Negeri Johor menerokai bidang ini supaya pengawalan harga makanan ternakan dapat dikawal.

10. Memantapkan peranan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP)/Koperasi yang berkaitan dengan berorientasikan pertanian. Pertubuhan yang berorientasikan pertanian digalakkan terus memainkan peranan menggerakkan sektor ini bagi memastikan pengeluaran makanan berterusan dan selamat.

Hala tuju pembangunan pertanian yang digariskan ini adalah antara gerak kerja dalam Pelan Pembangunan Pertanian Negeri Johor dan kita mengalu-alukan pandangan seperti mana yang diutarakan oleh Yang Berhormat dari Paloh.

Yang Berhormat Datuk Speaker, memantapkan dan memperkasakan Agen Pengembang Kawasan (APK) Jabatan Pertanian Negeri Johor. APK ini merupakan agen penyampai maklumat dan pemindahan pengamalan teknologi pertanian kepada golongan sasar. Bilangan agen pengembangan kawasan Jabatan Pertanian Negeri Johor adalah seramai 147 orang yang terdiri daripada Pembantu Pertanian. APK berperanan melaksanakan tugas sepertimana berikut :-

1. Memperkasakan sistem penyampaian Jabatan

2. Memperkasakan petani dalam proses membuat keputusan
3. Meningkatkan keberkesanan pelaksanaan projek dengan penerapan teknologi
4. Meningkatkan produktiviti ladang, kilang, pendapatan dan kualiti kumpulan sasar.

Konsep penyampaian maklumat berteraskan konsep memperkasakan petani melalui penyampaian maklumat dan teknologi yang bersesuaian secara berstruktur berpandukan kalendar tanaman bagi menerapkan Amalan Pertanian Baik untuk meningkatkan pendapatan petani. Antara aktiviti yang dijalankan dengan mengadakan lawatan ke kawasan kumpulan sasar secara berstruktur dan berjadual, terancang berpandukan kepada kalendar tanaman serta berperingkat pelaksanaan projek. Kumpulan sasar terdiri daripada petani individu, kumpulan tani, usahawan dan kumpulan usahawan. Lawatan pengembangan ini merangkumi aktiviti latihan, lawatan ke projek kilang, sekolah ladang petani dan petak promosi dan demonstrasi. Latihan petani meliputi aspek-aspek penyampaian teknologi, penyampaian maklumat pertanian, pelaksanaan projek, analisa jurang projek dan lain-lain dalam bentuk dorongan, ceramah, perbincangan dan latihan *hands-on*, dengan izin.

Apa yang cuba saya nyatakan di sini betapa pentingnya peranan APK ini di peringkat akar umbi. Mereka merupakan tenaga kerja pertanian yang menjadi pengumpul data, bahkan khidmat nasihat kepada masyarakat tani, penghubung penyelesaian masalah dan sebagainya. APK ini merupakan tenaga utama untuk menggerakkan akar umbi dalam sektor pertanian dan sebagai agen pengubah kepada sektor ini. Kerajaan Negeri akan terus memperkasakan peranan mereka ini melalui latihan-latihan dan skim-skim yang berkaitan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, untuk makluman Yang Berhormat dari Nusajaya, melalui program-program LKIM masyarakat nelayan keseluruhannya, termasuk juga nelayan dan kaum nelayan Orang Asli di DUN Nusajaya telah menikmati berbagai bantuan dan kemudahan sepertimana berikut :-

1. Pemberian elaun bantuan sara hidup nelayan sebanyak RM200.00 sebulan.
2. Bayaran insentif tangkapan ikan sebanyak 0.10 sen per kilo untuk setiap tangkapan yang diperolehi setiap *trip*, dengan izin.
3. Skim bantuan perumahan nelayan, membaik pulih rumah maksimum RM10,000.00 dan membina rumah baru maksimum RM40,000.00.
4. Skim subsidi minyak diesel dan petrol.
5. Kemudahan pinjaman dana nelayan tanpa faedah iaitu untuk peningkatan bot dan peralatan tangkapan ikan.
6. Tabung pelajaran anak-anak nelayan.
7. Skim Insurans Nelayan.

Selain itu juga, golongan ini mendapat Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) dan bantuan-bantuan lain yang dilaksanakan oleh pihak Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. Jika kita, kita juga sentiasa mengambil berat terhadap isu-isu nelayan di tempat lain seperti di Pengerang yang terlibat dengan pembangunan RAPID dan juga kawasan-kawasan yang masih mempunyai nelayan termasuk di pengairan pantai daerah Muar dan Kesang. Ini termasuklah pembukaan Kedai Ikan Rakyat melalui LKIM. Manakala berkenaan saranan Yang Berhormat dari Serom, agar nelayan sungai disatukan dengan Persatuan Nelayan sedia ada. Apa yang saya difahamkan, nelayan sungai layak untuk mendapatkan insentif baiki rumah maksimum RM10,000.00 dan membina

rumah baru sebanyak RM40,000.00. Cuma nelayan sungai tidak layak untuk mendapat elaun sara hidup RM200.00 serta subsidi minyak.

Berkenaan kecurian bot dan enjin di Sungai Kesang, hanya kes-kes yang melibatkan bencana alam akan mendapat bantuan daripada Jabatan. Dalam menangani isu kecurian ini , pihak persatuan juga meminta bantuan Polis Laut dan Jabatan Laut untuk tingkatkan kawalan di kawasan tersebut.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Belia generasi pelapis sektor pertanian. Bagi memastikan kesinambungan sektor pertanian terus diminati dan disertai oleh golongan belia, di antara langkah-langkah yang diambil, termasuklah penyediaan kursus-kursus yang dijalankan di Pusat Pertanian Ayer Hitam kepada lepasan SPM menerusi Kursus Asas Kemahiran Pertanian selama 3 bulan yang melibatkan seramai 70 orang belia setiap tahun. Melalui program Inkubator Usahawan Belia Tani di bidang tanaman yang dijalankan di 5 Pusat Inkubator di seluruh negara, seramai 33 orang belia tani dari Negeri Johor telah dilatih di sepanjang tahun 2008 hingga 2010. Manakala bagi Sijil Pertanian dari Institusi Pertanian Ayer Hitam pula telah melahirkan seramai 160 orang belia setiap 2 tahun dalam enam bidang pengkhususan termasuk pengurusan ladang, landskap, mekanisasi ladang dan ternakan.

Di Kompleks Bimbingan Usahawan Pagoh pula seramai 26 orang belia tani telah menjalani latihan dalam bidang Pemprosesan Industri Makanan untuk tahun 2011hingga 2013.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri sentiasa memberi galakan kepada golongan belia menceburi sektor pertanian, bagi menjadikan sektor ini lebih dinamik dan mempunyai kadar pengeluaran yang lebih tinggi. Adalah menjadi hasrat Kerajaan Negeri, untuk menjadikan golongan belia sebagai pelapis yang akan mengambil alih tugas ini sepenuhnya pada masa-masa mendatang.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Mini Agro Johor, Kerajaan Negeri amat mengambil berat terhadap usahawan-usahawan kecil khususnya berorientasikan sektor pertanian. Bagi memberi peluang kepada usahawan-usahawan ini memasarkan, mewujudkan rangkaian perniagaan untuk peringkat daerah-daerah, maka kita telah memperkenalkan dan menganjurkan Mini Agro Johor. Untuk tahun permulaan ini, program ini telah dilaksanakan di 5 lokasi iaitu Pasir Gudang, Kota Tinggi, Mersing, Pontian dan juga Muar. Matlamat utama program ini dilaksanakan adalah untuk memberi ruang kepada usahawan-usahawan IKS untuk mempromosikan produk serta mencari jaringan perniagaan.

Di samping itu, melalui program ini juga masyarakat setempat boleh mendapatkan informasi mengenai perkembangan teknologi dan juga peluang-peluang serta bantuan yang disediakan dalam sektor pertanian melalui pameran-pameran dan juga khidmat nasihat yang disediakan oleh jabatan/agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Data bilangan pengunjung dan juga usahawan yang terlibat di Program Mini Agro Johor adalah sepertimana berikut :-

Bagi daerah Pasir Gudang kita anggarkan 10,000 pengunjung yang hadir, bilangan usahawan yang terlibat sebanyak 20 buah. Bagi daerah Kota Tinggi kita anggarkan 5,000 pengunjung yang hadir dan melibatkan 25 orang usahawan. Bagi daerah Mersing 10,000 orang pengunjungan dan bilangan usahawan sebanyak 130 buah. Usahawan. Bagi daerah Pontian 6,000 orang pengunjung dan melibatkan 38 orang usahawan. Bagi daerah Muar 10,000 pengunjung yang melibatkan 60 usahawan. Dan kita mencatatkan kehadiran seramai 41,000 orang pengunjung yang melibatkan 273 orang usahawan. Kerajaan Negeri Johor telah bersetuju untuk penganjuran program Mini Agro Johor ini diadakan setiap tahun bagi 5 daerah terpilih.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Ekspo Agro Johor 2013. Untuk makluman sidang Dewan juga, lanjutan daripada program Mini Agro Johor ini, Kerajaan Negeri akan menganjurkan Ekspo Agro Johor 2013 yang akan diadakan pada 27 November 2013 hingga 1 Disember 2013 bertempat di Pusat Pertanian Moden, Ayer Hitam, Kluang. Program dwi tahunan ini adalah merupakan acara kemuncak di mana kita akan menghimpunkan semua produk-produk yang berkaitan dengan pertanian dan juga industri IKS dari seluruh Negeri Johor. Majlis perasmian akan disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Mohd. Khaled bin Nordin, Menteri Besar Johor pada 29 November 2013 jam 9.00 pagi.

Sebanyak 218 unit gerai telah ditawarkan kepada pengusaha-pengusaha pertanian dan industri asas tani untuk memperkenalkan serta mempromosikan produk-produk keluaran mereka dan pecahan mengikut sektor seperti berikut :-

1. Jualan/pameran anak benih & semaian – 8 unit
2. Tapak Bazar Karat – 16 unit
3. Tapak Gerai Makanan – 12 unit
4. Khemah Pasar Basah – 6 unit
5. Khemah mekanisasi dan mesin pertanian – 7 unit
6. Khemah Jualan buah-buah bunga-bungaan orkid – 8 unit
7. Khemah jualan IKS – 72 unit
8. Khemah pameran premier 3 dan teknologi pertanian berskala besar – 12 unit
9. Khemah pameran premier 3 dan teknologi pertanian berskala kecil – 45 unit
10. Tapak pusat Jualan Mobil – 2 unit
11. Khemah pameran Haiwan termasuk Mini Zoo – 18 unit

Pameran jabatan/agensi terbahagi kepada 5 sektor utama berasaskan tema 'Johor Gedung Makanan Negara'.

1. Sektor Pertanian
2. Sektor Penternakan
3. Sektor Perikanan
4. Sektor Produk Industri Asas kecil
5. Sektor Pemasaran & Kewangan

Kita juga dimaklumkan bahawa gerai-gerai ini telah habis dijual kepada para penyewa. Di mana pada pengalaman 2 tahun yang lalu, para penyewa telah berpuashati di atas sambutan semasa ekspo agro dan makanan diadakan pada tahun 2011 dan hasil pendapatan dari produk jualan yang diperolehi.

Penganjuran program sebegini boleh menimbulkan minat dan perhatian pengunjung. Kita bercadang hendak lahirkan lebih ramai lagi pengusaha-pengusaha IKS sepertimana Azhar Food.

Di kesempatan ini juga, Kerajaan Negeri ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Puan Maryam binti Bon iaitu pemilik Azhar Food Manufacturing Sdn. Bhd. kerana telah memenangi beberapa anugerah sempena dengan Sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Peringkat Kebangsaan Tahun 2013 di Pekan, Pahang iaitu memenangi Anugerah Industri Asas Tani, Anugerah Khas Perdana Menteri dan Anugerah Kumpulan Wanita Jaya.

Kita juga telah memenangi beberapa anugerah, iaitu kategori tanaman ubi kayu iaitu dimenangi oleh Encik Khairul Anuar bin Wahyudi dari Kampung Cahaya Baru, Masai menjadi johan kategori tanaman cili. Encik Said bin Md Nor menjadi johan. Kategori nangka, Pertubuhan Peladang Negeri Johor menjadi naib johan. Saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang menjayakan Mini Agro Johor dan Agro Johor. Terima kasih juga kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan juga Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor yang memberikan peruntukan atas penganjuran ini. Begitu juga kepada warga kerja pertanian, media masa, penaja-penaja, Ketua-Ketua Jabatan Peringkat Negeri dan daerah dan semua pihak yang terlibat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya amat menghargai warga kerja agensi pertanian yang telah menyumbang tenaga bagi menggerakkan sektor pertanian Negeri Johor yang menjadi menyumbang dalam sektor pertanian negara. Kita perlu terus lipat gandakan usaha untuk memastikan tiada kumpulan sasaran yang berkelayakan ketinggalan menikmati insentif-insentif yang ditawarkan. Ada baiknya kita membangunkan kumpulan-kumpulan ini dengan terus turun ke bawah dan beri khidmat nasihat serta bantuan-bantuan yang sewajarnya. Menjadi tanggungjawab dan tugas kita pikul amanah ini untuk memastikan industri pengeluaran makanan ini sentiasa di bawah pengawasan dan memenuhi spesifikasi di dalam menjamin mutu dan keselamatan makanan tersebut.

Yang Berhormat Datuk Speaker, demikianlah tadi penjelasan saya di atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan Negeri di Dewan yang mulia ini, di sepanjang segmen perbahasan. Saya mohon maaf sekiranya ada perkara-perkara yang terlepas pandang di dalam penjelasan saya. Sekian, akhir kata saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas keprihatinan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya mohon menyokong. Terima Kasih.

Y.B. Datuk Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Pengerusi yang lain.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Bismillahirrahmannirrahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam 1Malaysia, salam muafakat Johor, Alhamdulillahirabbilalamin (selawat). Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Datuk Speaker, semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan memberi pandangan serta saranan yang menyentuh bidang tugas dan portfolio Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan

Tempatan Negeri, Johor sepanjang Mesyuarat Ketiga Bajet 2014 bagi Penggal Persidangan Pertama Dewan Negeri Johor Kali ke-13 yang berkaitan dengan portfolio saya.

Pertama, izinkan saya Datuk Speaker, menjawab isu yang dibangkitkan berkaitan dengan perumahan. Yang Berhormat Datuk Speaker, Johor adalah sebuah negeri yang unik kerana kedudukan dan lokasinya terletak di selatan semenanjung Malaysia dan bersebelahan pula dengan jirannya, Singapura. Memandangkan pemilikan harga tanah dan perumahan di seberang tambak Johor melambung tinggi, maka Negeri Johor sebagai jiran terdekat tidak terkecuali daripada tempiasnya khususnya di Daerah Johor Bahru dan kawasan Iskandar. Oleh yang demikian, pasaran harga tanah dan perumahan di Negeri Johor amat kompetatif dan menarik minat pembeli dan pelabur sama ada daripada warga tempatan rakyat Johor sendiri mahu pun daripada rakyat negeri lain daripada warga asing, khususnya daripada Singapura. Ditambah pula dengan kenaikan bahan-bahan asas perumahan seperti batu, simen, kayu dan bahan keluli serta kesukaran untuk mendapatkan pekerja asing. Maka, sudah tentulah harga hartanah dan perumahan di Negeri Johor khususnya di dalam Bandar Johor Bahru dan Wilayah Iskandar serta kawasan-kawasan sekitarnya melambung tinggi.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Kerajaan amat prihatin di dalam menangani masalah kenaikan harga harta tanah Negeri Johor khususnya di Daerah Johor Bahru yang rata-ratanya berpunca daripada masalah spekulasi . Beberapa langkah proaktif telah diambil oleh Kerajaan dalam usaha menangani kenaikan ini. Antara langkah awal yang telah diambil oleh Kerajaan Persekutuan melalui Bajet 2014 ialah dengan menaikkan kadar cukai keuntungan harga tanah dengan kenaikan daripada 15% kepada 30% daripada perjanjian jual beli bagi harga tanah yang dipindah milik di dalam tempoh 5 tahun dari tarikh pemilikan.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga akan mengawal urusan pindah milik kuota warga negara kepada bukan warga negara yang mempunyai kuasa beli yang lebih tinggi. Namun begitu Kerajaan Negeri akan menjalankan kajian terhadap kemungkinan untuk memperkenalkan dasar kawalan harga bagi menangani masalah kenaikkan harga-harga tanah yang mendadak. Kerajaan Negeri juga maklum mengenai isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kempas bahawa rumah yang dibangunkan oleh syarikat berkaitan Kerajaan GLC seperti UEM dijual dengan harga terlalu tinggi sebagaimana harga pasaran semasa.

Satu sesi dialog akan diadakan bersama-sama syarikat-syarikat GLC ini untuk membincangkan faktor-faktor dan kaedah di dalam penetapan harga hartanah yang lebih berpatutan kepada rakyat. Pihak GLC berkaitan juga telah memberikan komitmen bagi meneraju usaha Kerajaan Negeri untuk memperbanyakkan unit rumah mampu milik termasuk rumah kos rendah di Negeri Johor di dalam tempoh 5 tahun akan datang. Salah satu sebab penyebab harga pasaran harga tanah dan perumahan di Negeri Johor mengkhususnya di dalam Iskandar Malaysia ini begitu tinggi adalah atas faktor permintaan yang tinggi oleh warga asing, kebanyakannya warga Singapura ini adalah kerana walaupun kita merasakan bahawa harga perumahan di sini agak tinggi tetapi bagi warga Singapura dengan kekuatan nilai mata wangnya telah membuatkan harga perumahan di Negeri Johor ini jauh lebih murah jika dibandingkan dengan negara mereka.

Oleh itu, bagi membendung warga asing daripada memonopoli pasaran harta tanah dan perumahan di Negeri Johor ini. Beberapa langkah telah pun diambil oleh Kerajaan sama ada oleh Kerajaan Negeri mahu pun Kerajaan Persekutuan antaranya adalah: 1. Menaikkan hak milik pemilikan rumah oleh warga asing daripada 500,000 kepada 1 juta seperti yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar semasa pembentangan Bajet 2014 yang lalu.

2. Menaikkan kadar cukai keuntungan hasil tanah RPGT sama ada oleh warga tempatan ataupun warga asing hampir sekali ganda.

3. Mengadakan sistem kuota pemilikan oleh warga asing *implant* jenis harta tanah diguna pakai untuk mengimbangi harga minimum jualan hartanah kepada warga asing. Sebagai contohnya, harga pembangunan serata seperti kondominium bertingkat atau servis *apartment* maksimumnya 50% sahaja dibenarkan untuk warga asing memilikinya. Dan bagi jenis teres bertingkat pula harga maksimum 20% pegangan asing yang dibenarkan oleh Kerajaan Negeri.

4. Menaikkan bayaran kelulusan bagi setiap perolehan harta tanah oleh kepentingan asing daripada 10,000 seunit kepada 1 kadar baru iaitu 2% daripada harga jualan yang dinyatakan dalam surat perjanjian jual beli atau 20,000 mana yang lebih tinggi.

Yang Berhormat Datuk Speaker, izinkan saya membetulkan kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Senggarang mengenai keluasan tanah di bawah 5 ekar kuota bumiputera tidak perlu dilaksanakan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, walaupun sebesar mana keluasan tanah untuk projek perumahan kuota bumiputera masih perlu dilaksanakan oleh pemaju perumahan, cuma pembangunan di bawah kawasan 3 ekar perumahan kos rendah tidak perlu dilaksanakan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, untuk makluman Yang Berhormat Jementah, terdapat projek-projek rumah kos rendah, sederhana rendah yang telah dan akan dibina dalam kawasan Parlimen Segamat, untuk rumah kos rendah, di antara projek-projek yang telah dan sedang dilaksanakan adalah Taman Permai 3, Mukim Sungai Segamat, 15 unit, Taman Bukit Indah, Mukim Pagoh, 14 unit, Taman Sri Mewah, Mukim Jementah, 16 unit, Taman Lot 989, Mukim Chaah, 11 unit, Taman Astakajaya, Mukim Buloh Kasap, 19 unit, Taman Wawasan, Mukim Labis, 5 unit, Taman Desa, Mukim Pagoh, 43 unit dan Taman Astakajaya, Mukim Ulu Kasap, 2 unit.

Untuk rumah kos sederhana rendah di antara projek-projek di kawasan Jementah adalah tanah Lot 3331, Mukim Jementah, 22 unit dan Taman Kristal Lot 3633, Mukim Jementah, 17 unit. Secara keseluruhannya untuk Parlimen Segamat rumah kos sederhana rendah yang telah dan sedang dalam perlaksanaan adalah sebanyak 373 unit. Kerajaan juga melalui jawatankuasa *taskforce* perumahan peringkat daerah akan mencari tapak-tapak yang sesuai dalam Daerah Segamat untuk membangunkan lebih banyak rumah mampu milik dalam daerah tersebut.

Yang Berhormat Datuk Speaker, untuk makluman Yang Berhormat Sungai Abong, Dasar Perumahan Rakyat di Iskandar Malaysia ini diperkenalkan bagi memfokuskan kepada golongan berpendapatan sederhana dan sederhana rendah selain

menyediakan perumahan yang selesa, kondusif dan mampu milik dengan memperkenalkan pembangunan yang baru iaitu Perumahan Komuniti Johor PKJ A RM42,000.00 dengan keluasan 720 kaki persegi. PKJ B berharga RM80,000.00 dengan keluasan 850 kaki persegi dan rumah mampu milik dengan harga RM150,000.00 keluasan 1,000 kaki persegi dan Kerajaan Negeri juga telah menetapkan supaya pembinaan rumah mampu milik di Johor di luar kawasan *flagship* Iskandar Malaysia hendaklah diguna secara bertanah dengan izin *landed property*.

Selain daripada itu, dasar ini akan diperluaskan ke seluruh Iskandar Malaysia di mana 10% daripada bilangan unit keseluruhan rumah kediaman dibenarkan dibina rumah mampu milik Johor dengan keluasan tanah 1,400 kaki dan luas binaan 1,000 kaki persegi dengan harga di dalam kawasan PBT berstatus daerah ditetapkan dengan harga maksimum RM140,000.00 dan di kawasan PBT berstatus perbandaran ditetapkan dengan harga maksimum RM150,000.00 dan keluasan tanahnya agak luas dan keluasan tapak bangunan adalah 1,000 kaki. Ini bermakna terdapat kenaikan luas tanah daripada 850 kaki persegi pada harga RM80,000.00 kepada luas tanah 1,400 kaki persegi pada harga RM140,000.00 hingga RM150,000.00. Ianya satu pakej yang menarik di mana jika dilihat dasar yang lama pembinaan rumah kos rendah menyebabkan subsidi bagi pembinaan rumah kos rendah dipindahkan kepada pembeli tanah yang lain. Oleh itu, dasar ini telah mengkaji semula kesesuaian pasaran mengikut pasaran semasa bagi mengurangkan kadar subsidi tersebut.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin juga membetulkan fakta yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Skudai, yang telah menyatakan bahawa usaha Kerajaan Negeri memperbanyakkan rumah mampu milik dan rumah kos rendah melalui kerjasama dengan syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan Negeri adalah atas nasihat pihak pembangkang. Untuk makluman Dewan yang mulia, usaha ini pembinaan rumah kos rendah dan rumah mampu milik oleh pihak GLC telah mula dilaksanakan sejak lebih 20 tahun yang lalu, namun usaha ini ditambah baik dari semasa ke semasa. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri pada Disember 2011 telah pun bersetuju untuk menubuhkan Lembaga Perumahan Harta Tanah Negeri Johor untuk makluman enakmen tersebut telah berada di peringkat akhir penyediaan dan dijangka akan dibentangkan dalam Persidangan Dewan yang akan datang.

Sebagaimana yang telah dinyatakan caj 7.5% yang ditetapkan bagi setiap pelepasan kuota bumiputera adalah antara usaha Kerajaan Negeri untuk mengurangkan aktiviti spekulasi selain meningkatkan hasil Kerajaan Negeri. Di sini saya ingin menjelaskan bayaran caj ini akan dimasukkan ke dalam Akaun Amanah Tabung Perumahan Bumiputera. Dana ini akan digunakan untuk kepentingan bumiputera di dalam sektor harta tanah seperti pembelian semula unit-unit bumiputera yang tidak terjual dan pembangunan harta tanah milik ini adalah bagi milik golongan bumiputera.

Yang Berhormat Datuk Speaker, untuk makluman Yang Berhormat Bukit Gambir, bagi pemaju rumah sederhana terdapat kuota bumiputera berdasarkan kepada Pekeliling PTG iaitu 2,000 sebanyak 40%, RM200,001.00 hingga RM299,000.00 sebanyak 30% dan RM300,000.00 ke atas sebanyak 20%. Baki selebihnya tidak tertakluk kepada kuota kaum India dan Cina. Pemaju berhak untuk menjual kepada mana-mana kaum berdasarkan unit yang masih belum terjual kerana lot-lot bukan bumiputera di bawah pemaju. Bagi unit bumiputera yang telah diberi pelepasan tiada halangan bagi pemaju untuk menjual kepada mana-mana kaum yang ingin membeli.

Yang Berhormat Datuk Speaker, untuk makluman Yang Berhormat Pekan Nenas. Mula 1 September 2013, pihak Setiausaha Kerajaan Perumahan telah menghentikan penggunaan borang permohonan Rumah Kos Rendah yang boleh dimuat turun dari laman sesawang ini. Ini adalah kerana terdapat individu atau pihak yang tidak bertanggungjawab telah menyalah guna borang tersebut dan sebagai agen perumahan dengan mengenakan bayaran tertentu serta memberikan janji kepastian akan memiliki rumah tersebut. Pihak SUK ingin mengelakkan pihak pembeli tidak tertipu dengan janji manis pihak agen-agen tersebut. Namun demikian, borang-borang tersebut boleh didapati di Pejabat Nusajaya, Cawangan Plaza Angsana dan pejabat-pejabat cawangan di beberapa daerah. Pihak SUK juga bercadang untuk menempatkan borang tersebut di Pihak Berkuasa Tempatan bagi daerah yang tidak terdapat cawangan Perumahan bagi memudahkan orang awam mendapatkan borang tersebut. Dan, saya menasihatkan mana-mana mereka yang ingin membeli atau ingin memiliki rumah janganlah melalui agen-agen kerana kita tidak melantik sebarang agen bagi pihak Kerajaan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, untuk makluman Yang Berhormat Tiram, kadar tarif air bagi PPR yang menggunakan meter pukal ini berbeza kadarnya dengan meter-meter individu. Pihak SUK Perumahan akan mengadakan perundingan lanjut bersama Pihak SAJ untuk mengkaji semula mekanisme kadar harga yang akan dikenakan kepada penduduk di PPR supaya penduduk PPR dapat menikmati rebet seperti yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar semasa pembentangan Bajet Negeri 2014 yang lalu. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tiram, kerana dapat bersama dengan saya dalam kunjungan dan kita dapat melihat seberapa sedikit tentang permasalahan yang dihadapi oleh penduduk-penduduk di bawah PPR untuk DUN Tiram.

Yang Berhormat Datuk Speaker, mengenai isu PPR Desa Mutiara yang memerlukan penyelenggaraan yang sempurna. Pihak SUK Perumahan akan memohon sebahagian peruntukan daripada KPKT dan sebahagiannya ditanggung oleh Kerajaan Negeri melalui Tabung Perumahan Infrastruktur dan Sosial. Walaupun Bahagian Teknikal daripada SUK Perumahan dan MBJB akan membuat songsangan untuk menilai kos kerja yang dibuat sebelum permohonan dihantar oleh pihak-pihak yang berkaitan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Kerajaan Negeri melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor dan Pejabat SUK Perumahan dengan kerjasama dengan pihak Bank Negara Malaysia telah mengadakan sesi penerangan dan dialog pembiaya-pembiaya kewangan swasta pada bulan September 2013 bagi memberikan kemudahan pinjaman kepada pembeli-pembeli Rumah Mampu Milik dan Rumah Kos Rendah dari aspek margin pembayaran dan kriteria piawaian bagi kelulusan.

Seterusnya kepada isu-isu Kerajaan Tempatan. Yang Berhormat Datuk Speaker, ingin saya menjawab isu yang dibukakan oleh ADUN Paloh mengenai tahap kebersihan Negeri Johor yang masih perlu diperbaiki bagi menjadikan seluruh Negeri Johor bersih dan indah. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, seluruh pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor dalam proses melaksanakan Program Penswastaan Penuh bagi pengurusan sistem pepejal dan pengurusan awam yang dilaksanakan bagi peringkat mengikut daerah. Majlis Perbandaran Kluang adalah PBT Fasa ke-3 bermula penswastaan penuh pada September 2014 di mana pengurusan sistem pepejal dan

pengurusan akan diambil alih sepenuhnya oleh Perbadanan Pengurusan Sistem Pepejal dan Pengurusan Awam. Menjelang penswastaan penuh beberapa tindakan awal telah diambil pengedaran tong sampah di setiap premis dalam kawasan MPK bermula 22 Oktober 2013 hingga kini, 6222 tong sampah telah diedarkan. Jadual pengurusan sistem pepejal bagi premis perniagaan adalah setiap hari manakala premis kediaman 3 kali seminggu. Jadual pemotongan rumput secara berkala iaitu 2 kali sebulan manakala pembersihan longkang dilaksanakan sekali sebulan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, jalan Protokol banyak melibatkan Jalan Persekutuan dan Jalan Negeri di mana penyeliaan yang melibatkan pemotongan rumput adalah di bawah seliaan pihak Selia Senggara yang diletakkan di bawah Jabatan Kerja Raya. Jadual pemotongan rumput adalah satu bulan satu kali dari tarikh 1 hingga 15 hari bulan setiap bulan. Untuk kawasan MPK, peruntukan pemotongan rumput bagi setiap bulan adalah RM410,931.36 sen dengan jumlah panjang keseluruhan jalan adalah 240 kilometer. Kerja-kerja berkala seperti menurap semula jalan, naik taraf longkang, pemasangan papan tanda, cat barisan jalan, projek penyelenggaraan adalah mengikut peruntukan yang diluluskan di bawah kelolaan JKR.

Mengenai isu kebersihan di tempat makan, PBT telah mengadakan pemeriksaan pengredan premis makanan secara berkala dan berjadual pada setiap bulan. Bagi memastikan premis makanan yang melibatkan keseluruhan aspek kebersihan tercapai. Laporan pengredan premis makanan sehingga bulan Oktober 2013 adalah berjumlah 171 dengan 16 unit mendapat gred A, 140 unit mendapat gred B, 15 unit mendapat gred C. Pemeriksaan ini melibatkan Jabatan Kesihatan Daerah. Jika didapati sesuatu premis melanggar peraturan dan tidak berhigenik premis juga akan dikeluarkan notis amaran kompaun kemungkinan diarah tutup.

Yang Berhormat Datuk Speaker, untuk menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Majlis Yang Berhormat dari ADUN Skudai mengenai masalah banjir berlaku di Taman Bukit Mewah dan Taman Johor di Tampoi. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kawasan tadahan lembangan Sungai Taman Johor merangkumi kawasan Taman Bukit Mewah, Taman Johor, Taman Kenanga, Taman Dahlia, Taman Mursyid Ibrahim di mana air larian permukaan merentasi saluran di bawah Jalan Skudai. Pihak MPJBT sentiasa memastikan sistem perparitan di tepi jalan dan sistem saliran bandar di taman-taman berkenaan di selenggara dan dibaiki dengan peruntukan sejumlah RM400,000.00.

Selain daripada itu, pihak MPJBT telah menaik taraf sistem perparitan di Jalan Bekok, Taman Johor sejumlah RM254,000.00 pada tahun 2011 bagi memastikan masalah banjir di Jalan Bekok serta melaksanakan kerja-kerja menggali, mendakan sungai Taman Johor di Jalan Belumut yang mana telah disiapkan pada September 2013. Untuk memastikan masalah banjir di Taman Johor pihak IRDA telah menyiapkan 2 buah kolam tokungan di kawasan tadahan Sungai Taman Johor iaitu di Jalan Ledang, Jalan Bekok. Kedua-dua kolam tersebut adalah di bawah penyelenggaraan pihak Jabatan Pengaliran dan Saliran. Pihak JPS telah menjalankan kerja-kerja penggalian mendakan kolam tadahan di Jalan Bekok pada Oktober 2013.

Dengan melaksanakan penyelenggaraan berkala projek menaik taraf sistem perparitan serta projek tambatan banjir di Taman Johor, tanya dapat mengatasi masalah banjir di kawasan Lembangan Sungai Taman Johor. Manakala masalah

banjir di Taman Damai Jaya telah lama berlaku sejak sekian lama. Punca utama berlaku banjir adalah kerana aras permukaan ataupun *platform level* di sekitar Jalan Makmur 19 hingga Makmur 24 adalah di bawah aras banjir. Oleh itu, apabila paras Sungai Melana meningkat ketika hujan lebat ia akan melimpah di kawasan Jalan Makmur yang lebih rendah di aras sungai. Keadaan ini akan menjadikan lebih buruk bila hujan bertembung dengan air pasang sebagaimana yang telah berlaku pada 26 Oktober 2013 yang lepas, di mana paras air sungai meningkat dengan cepat dan membanjiri di kawasan-kawasan rendah. Masalah banjir ini tiada kaitan dengan kewujudan kolam kawalan dengan izin kelodak *silt trap* di kawasan yang sedang dibangunkan di mana kerja-kerja sedang dilakukan kerana siasatan mendapati langkah pengawalan air kelodak telah diambil oleh pihak pemaju. Bagi langkah-langkah jangka panjang, bagi mengatasi masalah banjir di Taman Damai Jaya ini, pihak MPJBT sedang mengkaji untuk membina kolam tangkungan air di *detention pond* dengan izin, di mana pelaksanaannya bergantung pada kajian yang sedang dijalankan dari segi kesesuaian tapak kolam takungan dengan kaedah yang digunakan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, masalah CFO rumah berkembar di Taman Bandar Putera Indah masih bertaraf sementara adalah disebabkan kegagalan pemaju iaitu Jasa Vista Sdn. Bhd. menyediakan kemudahan loji rawatan kumbahan iaitu loji tidak berfungsi sepenuhnya. Kegagalan paip-paip pembetung menyebabkan sokongan CF tidak disokong oleh pihak IWK. Status terkini pihak Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah melantik pemaju penyelamat untuk memulihkan projek-projek perumahan terbengkalai termasuklah penggunaan sistem pembetungan dan loji rawatan kumbahan bagi memastikan CFO kekal aktif/ditarik. Pada masa ini, kerja-kerja pemulihan sedang dilakukan.

Pihak Majlis Perbandaran Batu Pahat mengambil maklum berhubung isu saluran kumbahan taman perumahan Taman Bandar Putera Indah yang disalirkan ke Kampung Parit Jorak Senawi sehingga menimbulkan kacau ganggu bau kepada penduduk kampung. Untuk makluman pada asalnya pelan susun atur telah diluluskan di dalam kelulusan asal pelan ini pada tahun 2007. Disebabkan loji rawatan tersebut dibiaki sepenuhnya berlaku keadaan yang menyebabkan pencemaran bau kumbahan. Dan sekiranya loji rawatan kumbahan siap dibaik pulih. Perkara ini boleh diatasi sepenuhnya dan masalah pencemaran bau boleh diatasi. Selain dari itu dalam masa kerja-kerja pembaikan dibuat pihak pemaju telah melantik kontraktor untuk melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan kumbahan secara berkala bagi mengelakkan pencemaran.

Yang Berhormat Datuk Speaker, mengenai masalah banjir kilat di Kampung Melayu Lima Kedai sebagaimana yang dibangkitkan oleh ADUN Nusajaya. Untuk makluman terdapat aduan daripada penduduk Kampung Melayu Lima Kedai berkenaan dengan masalah perbezaan aras *platform* yang sangat ketara antara aras jalan di Kampung Melayu dengan aras *platform* yang sedang dilaksanakan kerja Pembangunan Taman Mutiara Rini yang bersebelahan dengan kampung tersebut yang menjadikan kekhuatiran penduduk dan punca berlakunya banjir kilat. Untuk makluman pihak Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS) dan pemaju sedang mengkaji langkah-langkah terbaik untuk mengatasi perkara ini.

banjir di Taman Damai Jaya telah lama berlaku sejak sekian lama. Punca utama berlaku banjir adalah kerana aras permukaan ataupun *platform level* di sekitar Jalan Makmur 19 hingga Makmur 24 adalah di bawah aras banjir. Oleh itu, apabila paras Sungai Melana meningkat ketika hujan lebat ia akan melimpah di kawasan Jalan Makmur yang lebih rendah di aras sungai. Keadaan ini akan menjadikan lebih buruk bila hujan bertembung dengan air pasang sebagaimana yang telah berlaku pada 26 Oktober 2013 yang lepas, di mana paras air sungai meningkat dengan cepat dan membanjiri di kawasan-kawasan rendah. Masalah banjir ini tiada kaitan dengan kewujudan kolam kawalan dengan izin kelodak *silt trap* di kawasan yang sedang dibangunkan di mana kerja-kerja sedang dilakukan kerana siasatan mendapati langkah pengawalan air kelodak telah diambil oleh pihak pemaju. Bagi langkah-langkah jangka panjang, bagi mengatasi masalah banjir di Taman Damai Jaya ini, pihak MPJBT sedang mengkaji untuk membina kolam tangkungan air di *detention pond* dengan izin, di mana pelaksanaannya bergantung pada kajian yang sedang dijalankan dari segi kesesuaian tapak kolam takungan dengan kaedah yang digunakan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, masalah CFO rumah berkembar di Taman Bandar Putera Indah masih bertaraf sementara adalah disebabkan kegagalan pemaju iaitu Jasa Vista Sdn. Bhd. menyediakan kemudahan loji rawatan kumbahan iaitu loji tidak berfungsi sepenuhnya. Kegagalan paip-paip pembetung menyebabkan sokongan CF tidak disokong oleh pihak IWK. Status terkini pihak Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah melantik pemaju penyelamat untuk memulihkan projek-projek perumahan terbengkalai termasuklah penggunaan sistem pembetungan dan loji rawatan kumbahan bagi memastikan CFO kekal dikeluarkan. Pada masa ini, kerja-kerja pemulihan sedang dilakukan.

Pihak Majlis Perbandaran Batu Pahat mengambil maklum berhubung isu saluran kumbahan taman perumahan Taman Bandar Putera Indah yang disalirkan kepada Kampung Parit Jorak Senawi sehingga menimbulkan kacau ganggu bau kepada penduduk kampung. Untuk makluman pada asalnya pelan susun atur telah diluluskan di dalam kelulusan asal pelan ini pada tahun 2007. Disebabkan loji rawatan belum dibiaki sepenuhnya berlaku keadaan yang menyebabkan pencemaran sisa kumbahan. Dan sekiranya loji rawatan kumbahan siap dibaik pulih. Perkara ini boleh diatasi sepenuhnya dan masalah pencemaran bau boleh diatasi. Selain daripada itu, dalam masa kerja-kerja pembaikan dibuat pihak pemaju telah melantik kontraktor untuk melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan kumbahan secara berkala bagi mengelakkan pencemaran.

Yang Berhormat Datuk Speaker, mengenai masalah banjir kilat di Kampung Melayu Lima Kedai sebagaimana yang dibangkitkan oleh ADUN Nusajaya. Untuk makluman terdapat aduan daripada penduduk Kampung Melayu Lima Kedai berhubung dengan masalah perbezaan aras *platform* yang sangat ketara antara aras jalan di Kampung Melayu dengan aras *platform* yang sedang dilaksanakan oleh Pembangunan Taman Mutiara Rini yang bersebelahan dengan kampung tersebut yang menjadikan kekhuatiran penduduk dan punca berlakunya banjir. Untuk makluman pihak Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS) dan pemaju sedang mengkaji langkah-langkah terbaik untuk mengatasi perkara ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, projek pembangunan Desa Larkin yang dibangkitkan oleh ADUN Tanjung Puteri. Asalnya merupakan tanah Kerajaan yang telah dikurniakan kepada Kumpulan Prasarana Rakyat Johor (KPRJ) melibatkan kawasan pembangunan seluas 61.8 ekar. Kawasan asal telah diberi pada 23 Februari 2001 ini melibatkan penggunaan Rumah Kos Rendah sebanyak 1,430 unit di samping pembangunan lain seperti pangsapuri 2,152 unit dan kedai ataupun kompleks membeli-belah 177 unit. Walau bagaimanapun, pada tahun 2005, pihak pemaju telah menumpukan pelan pindaan di mana bilangan unit Rumah Kos Rendah ini telah berkurangan kepada 496 unit. Pengurangan unit Rumah Kos Rendah ini adalah disebabkan oleh pengurangan unit Rumah Kos Sederhana daripada 2,152 unit kepada 740 unit. Walaupun bilangan unit Rumah Kos Rendah berkurangan namun peratusannya masih mematuhi 40% sebagaimana ketetapan Kerajaan Negeri. Pindaan kepada Pangsapuri Prima telah diluluskan oleh Majlis pada 15 Ogos 2013 dengan komponen pemajuan sebagaimana berikut. Rumah Teres atau *town house* 225 unit, pangsapuri 352 unit, pangsapuri PRIMA 1,167 unit, Rumah Pangsa Kos Rendah atau Sederhana Rendah 352 unit, Kedai Pejabat, Lot Perdagangan, Pam Minyak serta kemudahan awam infrastruktur 12 unit.

Semasa mempertimbangkan kemajuan pangsapuri PRIMA ini, walaupun jabatan teknikal telah dirujuk untuk ulasan jabatan-jabatan berkaitan. Dan didapati pemindahan ini mematuhi Dasar Perumahan Rakyat Johor di mana syarat penyediaan Rumah Kos Rendah disediakan sekurang-kurangnya 15% telah dipatuhi. Baki unit boleh dipinda bagi pembinaan Rumah Mampu Milik Johor. Bagi makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, jumlah Rumah Kos Rendah yang disediakan bagi keseluruhan permohonan Desa Larkin ini adalah sebanyak 16.8%. Rumah Kos Rendah yang disediakan ini telah mengambil kira penduduk setinggan di kawasan terbabit yang terlibat dengan penempatan semula di Skim Pemajuan ini. Seterusnya bagi merealisasikan Program Setinggan Sifar di kawasan Bandar raya Johor khususnya di kawasan Larkin. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri akan mengadakan rundingan dengan pihak PRIMA bagi melihat kesesuaian harga dan spesifikasi rumah kediaman yang ditawarkan di kawasan ini bagi memastikan ianya tidak membebankan rakyat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, cadangan meminta penghapusan dan pembubaran OSC di Majlis Bandar raya Johor Bahru adalah melibatkan perkara dasar iaitu penambahbaikkan sistem penyampaian prosedur dan proses cadangan pemajuan serta pelaksanaan pusat setempat yang telah diputuskan oleh Kerajaan Persekutuan pada 21 Mac 2007 dalam Mesyuarat Jemaah Menteri dan seterusnya perasmian pelaksanaannya ialah pada 13 April 2007 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bagi seluruh Negeri Johor di Semenanjung Malaysia. Namun sekiranya terdapat cadangan-cadangan penambahbaikkan terhadap sistem penyampaian prosedur dan proses cadangan Kerajaan serta pelaksanaan pusat setempat bagi menggantikan ketetapan sedia ada yang bercanggah dengan ketetapan Kerajaan Persekutuan adalah disyorkan perkara ini dirujuk kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor (SUKJ) Bahagian Kerajaan Tempatan untuk memberikan ulasan lanjut secara menyeluruh bagi keseluruhan PBT di Negeri Johor.

Mengenai kenaikan tafsiran cukai, berapa Adun yang, beberapa aduan yang tidak selesai bagi menjawab isu ini Yang Berhormat Datuk Speaker. Mengenai nilai cukai harta baru, untuk maklumat cukai harta merupakan hasil utama iaitu 75% daripada hasil keseluruhan bagi Pihak Berkuasa Tempatan seperti Majlis Bandaraya Johor Bahru

cukai harta ini amat penting bagi MBJB untuk digunakan bagi tujuan pembangunan di dalam kawasan MBJB untuk mencapai kesejahteraan dan keselesaan warga Bandaraya. Justeru antara peranan lain MBJB adalah memastikan kedudukan kewangan terus kukuh untuk memastikan kawasan pentadbiran ditadbirkan dengan sempurna. Berdasarkan pada seksyen 137/3 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) Senarai Nilaian Baru perlu disediakan oleh PBT setiap 5 tahun sekali. Namun begitu MBJB telah menggunakan senarai nilaian kadar lama menggunakan aras nilaian sejak 1995 sejak 16 tahun yang lalu. Pelaksanaan dasar, pelaksanaan senarai nilaian dan kadar baru yang berkuasa 1 Januari 2014. Ini merupakan satu usaha untuk Kerajaan mengimbangi kos pengurusan dan pembangunan yang kian meningkat dari tahun ke tahun, berdasarkan pada seksyen 130 3A Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Kadar yang boleh dikenakan adalah tidak melebihi 50% adalah nilai tambah yang ditetapkan oleh pihak PBT. Namun begitu, kadar yang digunakan oleh MBJB tidak pernah mencapai 1% peratus daripada nilai tambah.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sebagai tanda keprihatinan Kerajaan Negeri di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, buat pertama kalinya pada tahun 2013 ini kadar rumah kos rendah telah diwujudkan di MBJB bagi membantu meringankan beban golongan yang berpendapatan rendah. Selain itu, sebagai tanda keprihatinan Kerajaan Negeri Johor juga kadar cukai harta juga untuk MBJB telah diturunkan daripada kadar sedia ada mengikut kategori jenis pegangan. Sebagai contoh, perumahan dan lain-lain daripada yang lama 0.13 kepada kadar baru 0.2 yang mana penurunannya sebanyak 0.01%. Selain daripada itu, bagi pemilik yang tidak berpuas hati dengan nilaian yang dibuat oleh MBJB boleh membuat bantahan secara bertulis sebelum 2 Disember 2013 ini. Setiap bantahan yang dibuat akan dipanggil di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Bantahan Cukai Harta yang akan mendengar dan seterusnya membuat keputusan terhadap bantahan yang akan dikemukakan oleh pemilik harta selaras dengan seksyen 142 Akta Kerajaan Tempatan 1976 Akta 171.

Yang Berhormat Datuk Speaker, MBJB memberi perhatian serius terhadap tunggakan cukai harta. Ianya telah dimasukkan dalam pelan strategik MBJB 2011 hingga 2015 MBJB iaitu di bawah fokus memperkukuhkan kedudukan kewangan bagi mengurangkan tunggakan cukai harta ini. MBJB telah mengambil tindakan penguatkuasaan kepada pemilik-pemilik harta yang gagal menjelaskan cukai harta seperti mana berikut:-

1. Mengeluarkan surat peringatan sehingga September 2013. MBJB telah mengeluarkan sebanyak 14,924 notis peringatan kepada pemilik yang tidak menjelaskan tunggakan cukai harta.

2. Menggredkan tanah sehingga September 2013 sebanyak 104 lot tanah yang telah di kaveat MBJB dalam usaha menambah lagi jumlah kaveat kepada tanah-tanah yang mempunyai tunggakan.

3. Membuat tindakan sitaan. MBJB telah mengambil tindakan sitaan bagi harta tanah jenis perniagaan dan perindustrian melalui tindakan sitaan. Sebanyak 35 barang telah disita sebanyak 26 barang telah dituntut semula. Oleh pemilik harta setelah menjelaskan cukai harta yang tertunggak serta kos sitaan yang terlibat.

Operasi ini akan di terus untuk jenis harta perumahan pada masa yang akan datang.

4. MBJB juga melantik panel, 5 panel peguam untuk membawa kes-kes lelongan harta di dalam kawasan harta MBJB sebagai keprihatinan MBJB sebagai warga Bandaraya. Bayaran ansuran bagi harta yang terlibat tunggakan cukai harta telah diperkenalkan dan kaedah ini bagi membatu pemilik-pemilik cukai harta yang menghadapi masalah kewangan.

Selain itu, MBJB juga julung kalinya telah mengadakan cabutan bertuah cukai harta 2013 bagi menggalakkan bagi pemilik-pemilik harta untuk menjelaskan cukai harta. Di mana pada 11 November 2011 yang lalu majlis cabutan bertuah telah dijalankan sebanyak 44 hadiah telah ditawarkan termasuk sebuah kereta proton FLX sebagai hadiah utama. Kadar ini dapat melonjakkan kutipan hasil cukai harta tahun 2013 sumbangan pemilik-pemilik harta melalui cukai harta adalah tonggak kepada pencapaian visi MBJB untuk menjadikan Bandaraya Johor Bahru, Bandaraya Antarabangsa tahun 2020.

Yang Berhormat Datuk Speaker, terdapat 2 rizab kawasan lapang di Jalan Tombak dan Jalan Tombak 1 di mana kawasan lapang ini berfungsi sebagai *green lung* bagi memastikan penambahan kawasan hijau seiring dengan pembangunan sedia ada. Kawasan lapang di Jalan Tombak dibersihkan secara berkala oleh pihak Majlis Bandaraya Johor Bahru manakala Jalan Tombak 1, kerja-kerja pembersihan telah dijalankan oleh pihak *task force* pada 6 Ogos 2013. Untuk makluman rizab kawasan lapang tersebut telah sedang dalam peringkat penyediaan reka bentuk untuk di naik taraf sebagai taman permainan kanak-kanak dilengkapi dengan peralatan permainan, alatan senaman luar, refleksologi agar kawasan itu boleh di manfaatkan oleh masyarakat setempat. Ia dijangka siap pada 2014. Harapan pihak Majlis dengan menaik taraf pentakrifan ini dapat meningkatkan imej kawasan sekali gus menghindari aktiviti negatif di kawasan itu tersebut.

Isu kutu rayau yang mencurigakan atau membimbangkan masyarakat setempat menjadi perhatian pihak Majlis Bandaraya Johor Bahru. Jabatan penguatkuasaan MBJB bersama dengan JKM dan Polis telah membuat operasi kutu rayau atau gelandangan di sekitar kawasan bandar termasuk di Jalan Tombak dan di Jalan Maju. Pihak MBJB akan memperhebatkan operasi di bawah kawasan. Kutu-kutu rayau dan gelandangan yang dapat ditangkap akan diserahkan kepada JKM dan pihak Polis untuk tindakan di bawah undang-undang jabatan berkaitan.

Bagi kerja-kerja menaik taraf longkang di Jalan Susur Sri Pelangi, Taman Pelangi, Yang Berhormat Datuk Speaker, ada selebar 4 meter yang terlibat dengan kerja-kerja menaik taraf longkang dengan kos RM350,000 sepanjang 200 meter menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan. Kerja-kerja yang dilaksanakan tidak melibatkan kerja-kerja menaik taraf atau melebarkan jalan, hanya melibatkan kerja-kerja menaik taraf longkang sedia ada serta kerja-kerja penambakan bahu jalan di kanan dan kiri longkang yang telah dibina bagi memastikan kenderaan yang diletakkan di bahu jalan berada dalam keadaan selamat. Di samping memastikan aliran air mengalir dengan lancar, bahu jalan yang ditambak dengan tanah dan rumput tidak sesuai dijadikan tempat meletak kenderaan. Walau bagaimanapun, keperluan meletak kenderaan diperlukan di sepanjang deretan kedai ini.

Pihak MBJB akan melaksanakan penambahbaikan dengan menurap keseluruhan bahu jalan selebar 1 meter sehingga ke tembok parit yang dibina sepanjang 200 meter dengan menggunakan peruntukkan pembangunan MBJB bagi mengatasi masalah peletakan kenderaan di atas bahu jalan yang berturap. Kos pembaikan RM50,000.00 dan dijangka dilaksanakan pada awal tahun 2014. Yang keduanya, pembaikan sementara dengan menghampar batu kerikil dengan kos RM10,000.00.

Isu lubang besar di Jalan Biru 3 disebabkan kerosakan rangkaian paip betung yang pecah di bawah permukaan jalan sedalam 1.5 meter. Paip betung sedia ada dari jenis *AC pipe*, merupakan paip lama yang telah uzur yang berusia lebih 30 tahun. Paip tersebut berfungsi mengalirkan kumbahan dari rumah pam ke loj rawatan kumbahan di taman tersebut.

Paip sedia ada telah pecah disebabkan usia dan tekanan air yang tinggi dari rumah pam ke loj kumbahan. Kerosakan paip menyebabkan struktur tanah menjadi lembut dan membentuk mendapan pada asas jalan dan seterusnya menyebabkan jalan berlubang. Pembaikan sementara telah dilaksanakan dengan penambakan batu kerikil dan penampalan semula jalan.

Pembaikan kekal dibuat selepas keseluruhan paip yang rosak diganti dengan paip yang baru dari jenis *ductile iron*, dengan izin, untuk memastikan tiada kerosakan berulang di masa hadapan. Pihak Majlis akan memantau kerosakan ini dari semasa ke semasa sehinggalah pembaikan sepenuhnya dibuat.

Penyediaan dokumen sebut harga dan reka bentuk sedang disediakan oleh pihak perunding dilantik dan dijangka dilaksanakan pada awal tahun 2014.

Yang Berhormat Datuk Speaker, mengenai permohonan lampu isyarat di Jalan Khalidi dan Jalan Joned oleh ADUN Maharani, adalah dimaklumkan, pihak Majlis Perbandaran Muar (MPM) telah pun merancang untuk memasang lampu isyarat di kawasan tersebut yang dijangka akan dilaksanakan pada tahun 2014 dengan anggaran kos sebanyak RM100,000.00.

Walau bagaimanapun, sementara menunggu lampu isyarat tersebut dilaksanakan, pihak MPM telah pun mengambil langkah awal dengan memasang perabot-perabot jalan seperti garisan kuning dan papan-papan tanda yang bersesuaian dan sempurna bagi mengurangkan risiko kemalangan jalan raya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, mengenai saranan ADUN Puteri Wangsa supaya pihak MPJBT menebang pokok besar di hujung Jalan Banang 3, Banang 4 dan Banang 5 di Taman Bukit Tiram dan sekitar Jalan Parit 42 dan Jalan Lading 22, Taman Puteri Wangsa demi keselamatan penduduk.

Untuk makluman, pihak MPJBT telah pun membuat siasatan pada 1/11/2013 dan mendapati terdapat beberapa batang pokok akasia yang berada di kawasan hujung jalan dan tebing bukit di Jalan Banang 3, 4 dan 5, Taman Bukit Tiram perlu ditebang. Kerja-kerja menebang pokok tersebut akan dilaksanakan oleh pihak kontraktor pada atau sebelum 20/11/2013. Manakala di sekitar Jalan Badik 42 dan Jalan Lading 22,

tindakan pemangkasan pokok akan dibuat di sepanjang jalan tersebut oleh pihak kontraktor juga pada atau sebelum 20/11/2013.

Manakala berhubung masalah kawasan kedai 3 tingkat di kawasan Ledang 25, Taman Bukit Tiram dan juga di Jalan Lading tiada tempat pembuangan sampah khas pula, hasil daripada pemeriksaan mendapati kawasan kedai 3 tingkat di kawasan Ledang 25 ini telah pun dibekalkan dengan tong sampah beroda bersaiz 240 liter di setiap kedai.

Bagi mengatasi masalah sampah longgok di Jalan Lading, pihak PPSPPA dan SWM sentiasa menjalankan kerja-kerja pembersihan sampah longgok secara berkala di lokasi tersebut.

Mengenai satu lukisan yang menarik perhatian...

Y.B. Encik Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) : Datuk Speaker, Datuk Speaker, maaf. Maaf EXCO. Datuk Speaker, ada Ahli Dewan yang menggunakan telefon bimbit. Saya harap dia kasilah sikit penghormatan kepada EXCO ni, Datuk Speaker.

Y.B. Datuk Speaker : Ambil perhatian. Sila teruskan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Mengenai isu ADUN Johor Jaya, iaitu lukisan dinding, pihak MBJB telah mengambil tindakan memadam gambar-gambar lukisan dinding di Taman Molek kerana ia telah mencerminkan satu imej yang tidak baik kepada Bandaraya Johor Bahru.

Majlis Bandaraya Johor Bahru turut mengambil serius isu berkaitan iklan pinjaman haram atau Ah Long dan tindakan menurunkan iklan tersebut dilaksanakan setiap hari. Setiap bulan sebanyak 3000 hingga 4000 iklan Ah Long telah diturunkan dan maklumat ini dibentangkan setiap bulan dalam Mesyuarat Bandar Selamat. Terdapat beberapa kejadian di mana Pegawai Penguatkuasa terjumpa individu sedang memasang iklan Ah Long, makan, individu tersebut telah ditahan dan diserahkan kepada pihak Polis.

Yang Berhormat Datuk Speaker, bagi pemasangan CCTV di kawasan hotspot, pada tahun 2005 hingga 2007, pihak Majlis telah memperuntukkan sebanyak RM1,986,703.69 untuk pemasangan sebanyak 18 unit CCTV di kawasan panas dan kritikal. Seterusnya, pihak Majlis juga mendapat peruntukan dari KPKT sebanyak RM3,892,658.06 untuk pemasangan 32 unit lagi CCTV di kawasan terpilih.

Di samping itu juga, bagi usaha...

Y.B. Datuk Speaker : Yang Berhormat, sila duduk. Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Persidangan ini sehingga pukul 12 tengah hari ini.

Persidangan ditangguhkan pada jam 11.30 pagi.

Persidangan disambung semula pada jam 12.00 tengah hari.

Y.B. Datuk Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan disambung semula. Saya persilakan Yang Berhormat menyambung semula perbahasan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Di samping itu juga, bagi membanteras jenayah secara holistik semenjak tahun 2010 sehingga 2013, pihak KPKT telah memperuntukkan bajet lebih kurang RM10 juta bagi pemasangan komponen bandar selamat di kawasan MBJB seperti pemasangan lampu pencahayaan, pemasangan *railing* untuk pengasingan laluan pejalan kaki dan kenderaan bermotor, pemasangan tempat letak motosikal berkunci, pemasangan papan tanda keselamatan, pemasangan cermin keselamatan, bonggol jalan.

Untuk program pencegahan jenayah tahun 2014, pihak Majlis telah meluluskan bajet bagi menaik taraf 18 unit CCTV. Selain itu, pihak Majlis juga akan memohon bajet dari KPKT untuk pemasangan CCTV di kawasan-kawasan kritikal. Pihak Iskandar Malaysia juga telah bersetuju mengeluarkan bajet bagi pemasangan CCTV di kawasan yang telah dikenal pasti termasuk di kawasan Johor Jaya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, izinkan saya menjelaskan kepada Dewan yang mulia ini tentang kajian persempadanan semula Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor sebagaimana yang dibangkitkan oleh ADUN Johor Jaya.

Untuk makluman, Kerajaan telah pun menjalankan kajian persempadanan semula bagi keseluruhan daerah di Negeri Johor yang mana melibatkan 16 Pihak Berkuasa Tempatan. Sehingga kini, persempadanan semula bagi 8 daerah yang merangkumi 12 PBT telah pun diselesaikan dan sedang proses pewartaan kecuali di daerah Johor Bahru dan daerah Kulaijaya. Ini disebabkan kedua-dua daerah ini memerlukan perincian yang lebih lanjut dan sedang dimuktamadkan terutamanya dari segi penentuan sempadan fizikal, perihal urusan pentadbiran tanah dan penyelarasan kesan daripada tekanan pembangunan yang pesat. Di samping itu, faktor jarak juga turut diambil perhatian yang serius oleh pihak Kerajaan bagi mempastikan keberkesanan dalam memberi perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat sebagaimana yang ditekankan oleh Kerajaan iaitu Rakyat Didahulukan.

Insya-Allah, persempadanan semula 4 Pihak Berkuasa Tempatan bagi kedua-dua daerah yang mana DUN Johor Jaya terletak di dalam daerah Johor Bahru ini akan dapat dimuktamadkan dalam masa yang terdekat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, menyentuh berkenaan masalah sampah sarap dan sampah longgok di kawasan Taman Tan Sri Yacob, Taman Selesa Jaya, Taman Nusa Bestari, pihak MBJB ada menjalankan operasi bersepadu bersama pihak Jabatan Alam Sekitar, Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam dan Southern Waste Management bagi mengatasi masalah ini. Pihak Majlis juga ada melantik kontraktor pihak ketiga bagi menjalankan kerja-kerja pembersihan di kawasan ini di mana kos pembersihan tambahan ditanggung sepenuhnya oleh pihak Majlis. Tindakan pemantauan ini akan dilaksanakan secara berkala dan tindakan penguatkuasaan juga dijalankan secara berterusan.

Berhubung masalah banjir kilat di kawasan Kolam Air, Majlis Bandaraya Johor Bahru bekerjasama dengan Kerajaan Negeri dalam merancang, mengurus dan melaksanakan penambahbaikan sistem perparitan yang berasaskan kepada Garis Panduan Pengurusan Pelan Induk Saliran Bandaraya Negeri Johor Darul Takzim yang

disediakan oleh pihak JPS pada tahun 2001 serta Garis Panduan Induk Saliran untuk kawasan Iskandar Malaysia yang telah disiapkan pada tahun 2011.

Walau bagaimanapun, dalam meluluskan sesuatu pembangunan pihak Majlis Bandaraya Johor Bahru amat menitik berat hal-hal berkaitan dengan sistem perparitan, di mana pihak pemaju dikehendaki memastikan sistem perparitan yang dilaksanakan di tapak pembangunan mengambil kira reka bentuknya, mematuhi Garis Panduan Manual Mesra Alam. Pelaksanaan tersebut telah diaplikasikan sepenuhnya sejak tahun 2001 bagi mempastikan sistem saliran yang mampan. Kawasan tadahan Lembangan Sungai Chat merangkumi kawasan Taman Nong Chik, Taman Kolam Air, Taman Nong Chik Height di mana air larian permukaannya mengalir ke Sungai Segget merentasi saluran di bawah Jalan Kolam Air. Pihak Majlis Bandaraya Johor Bahru juga sentiasa mempastikan sistem saliran bandar di selenggara dengan peruntukan sejumlah RM272,296.00 bagi kerja-kerja penyelenggaraan berkala Sungai Chat secara tahunan. Tempoh penyelenggaraan bermula pada 15.2.2013 dan akan tamat pada 14.12.2015.

Selain daripada itu, pihak Majlis sedang dalam menjalankan kerja menaik taraf sistem perparitan di Jalan Kemuncak bertujuan untuk mengatasi masalah banjir di Kolam Air dengan peruntukan sebanyak sejumlah RM2 juta. Kemudian kerja fizikal di tapak adalah sebanyak 86%. Sebagai syarat kepada pemaju perumahan dalam meluluskan Kebenaran Merancang, pihak Majlis telah mensyaratkan kepada pemaju Tetuan Mudra Tropika iaitu Taman Nong Chik Height untuk menyediakan sistem pengurusan air larian permukaan bagi kawasan pembangunan dengan kaedah kolam tadahan atau OST sebagaimana kehendak Garis Panduan Manual Mesra Alam (MSMA).

Justeru itu, pihak Majlis telah menyiapkan 2 unit OSD dengan ukuran 2.4 lebar, 1.5 dalam, 166 panjang dan 9.6 lebar x 2.4 meter dalam x 40 meter panjang. Kolam takungan yang disediakan seluas 0.78 ekar dalam peringkat pembinaan.

Manakala Kerajaan Negeri dan pihak IRDA juga telah membelanjakan sejumlah RM1.5 juta bagi menyiapkan projek tebatan banjir di Jalan Kolam Air, Lembangan Sungai Chat Johor Bahru pada Mei 2014. Komponen projek terdiri daripada 4 unit pam lengkap berserta kerja-kerja elektrik dan mekanikal, pembinaan *tidel flex* serta pembesaran sistem perparitan dengan ukuran 1.2 meter dalam, 3.0 lebar, sepanjang 170 meter.

Dengan melaksanakan penyelenggaraan berkala projek tebatan banjir serta menaik taraf sistem perparitan, ia dapat mengatasi maslah banjir di Jalan Kolam Air. Manakala di Jalan Silat Cekak, Taman Selesa Jaya pula pihak MPJBT sedang menjalankan kerja-kerja menaik taraf perparitan dan pembetungan di Jalan Silat Cekak 1, Bandar Selesa Jaya di mana kerja-kerja bermula pada 25. 2013. Diharapkan dengan kerja menaik taraf ini masalah banjir kilat di kawasan ini dapat di atasi.

Yang Berhormat Datuk Speaker, untuk makluman ADUN Senai kesemua 42 kes aduan jalan berlubang yang dibangkitkan adalah dalam perhatian dan tindakan pihak MPKu dan 80% aduan tersebut telah pun dilaksanakan melalui program Penyelenggaraan Kontraktor tanpa lubang dan MARRIS.

Tentang ADUN Senggarang, Minyak Beku dan Perigi Batu Pahat telah dikenal pasti sebagai pusat pelancongan bagi daerah Batu Pahat. Majlis Perbandaran Batu Pahat telah memberi komitmen membangunkan kawasan tersebut secara berperingkat-peringkat berdasarkan peruntukan yang ada dan ia akan dipastikan dibangunkan berterusan mengikut inspirasi masyarakat setempat dan disesuaikan dengan aset semula jadi yang ada. Namun, penglibatan dan komitmen pelbagai agensi diperlukan untuk sama-sama membantu merealisasikannya.

ADUN Penggaram juga membangkitkan masalah banjir yang berlaku di taman-taman perumahan disebabkan sistem perparitan yang tidak sempurna. Untuk makluman, antara taman perumahan yang dimaksudkan ialah Taman Hajat yang merupakan taman perumahan lama yang telah berusia lebih 20 tahun. Keadaan banjir ini di taman tersebut terutamanya di kawasan rumah murah disebabkan longkang-longkang sedia ada telah ditutup oleh pemilik rumah dengan membuat sambungan sehingga ke atas longkang yang menyukarkan kerja-kerja pembersihan dan penyelenggaraan. Walau bagaimanapun, kerja-kerja pembersihan longkang akan digiatkan untuk mengelakkan banjir kilat berlaku.

Taman Kemunting juga adalah merupakan taman perumahan yang lama. Pihak MPBP telah menyediakan anggaran kos untuk menaik taraf longkang dan mengatasi masalah *outlook* di taman tersebut. Projek akan dilaksanakan setelah peruntukan daripada KPKT diterima.

Untuk makluman ADUN Penggaram, Taman Bukit Perdana merupakan kawasan berbukit dan banyak longkang yang telah uzur dan perlu dinaik taraf. Pihak MPBP akan membaik pulih dan menggantikan longkang-longkang mengikut keperluan semasa. Bagi mengelakkan kejadian tanah runtuh berlaku, MPBP akan pastikan pihak pemaju mematuhi segala peraturan sepanjang pembinaan dilaksanakan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, mengenai isu projek perumahan terbengkalai Putra Indah, untuk makluman, pemaju adalah Jasa Vista Sdn. Bhd. bukan Jaya Usaha Sendiri Sdn. Bhd. Syarikat ini sudah digulung dan projek telah diambil oleh pemaju penyelamat yang dilantik oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Pada masa ini rumah-rumah murah yang terbengkalai telah dibaik pulih oleh pemaju penyelamat tersebut kecuali bagi rumah-rumah murah yang belum dibina di mana tapak kosong akan dikembalikan wang deposit mereka.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Majlis Perbandaran Muar sentiasa memberi perhatian terhadap kerja penyelenggaraan fasiliti di bandar Muar. Tindakan pembaikan dibuat berdasarkan kepada kemampuan Majlis. Pada masa ini, kerja-kerja menaik taraf fasiliti di Muar tidak dibuat memandangkan terdapat fasiliti yang memerlukan penempatan kawasan baru. Sebagai contohnya perhentian bas Bentayan. Kawasan yang sedia ada tidak sesuai dibangunkan memandangkan kawasan yang terhad dan menyumbang kepada kesesakan lalu lintas. Tapak cadangan bagi perhentian bas Bentayan adalah di pinggir Muar, di by pass berhampiran persimpangan Jalan Dato' Haji Kasai sebagaimana diwartakan dalam Rancangan Tempatan Daerah Majlis Perbandaran Muar (Pengubahan). Masalah yang dihadapi ialah untuk mencari *stakeholders* dengan izin, atau *master builder* yang sanggup membuat pelaburan dan memikul tanggungjawab bersama memajukan perancangan ini menjadi realiti kerana melibatkan tanah-tanah bermilik.

Langkah yang diambil oleh MPM terhadap hutang lapuk, peruntukan hutang ragu disediakan adalah selaras dengan kehendak pihak Jabatan Audit Negara. Bagi mematuhi piawaian perakuan yang diguna pakai dalam penyediaan Penyata Kewangan merujuk kepada Malaysian Accounting Stamford yang menggambarkan kedudukan sebenar yang mengambil kira hasil yang berkemungkinan tidak dapat dikutip. Hutang lapuk dikenal pasti setelah melalui beberapa proses antaranya penghantaran notis tidak terjawab, waran tahanan yang tidak dapat diserahkan dan penghutang telah dipastikan tidak berupaya untuk bayar balik. Contohnya adalah kes-kes melibatkan muflis dan tanah kosong. Secara dasarnya, pentadbiran Majlis tidak mengisytiharkan hutang lapuk kerana ianya hanya istilah dalam perakaunan dan tidak secara pentadbiran dan tiada langkah-langkah khusus yang dibuat bagi mengatasi masalah ini kerana ini adalah terma-terma dalam perakaunan sahaja.

Yang Berhormat Datuk Speaker, konteks definisi Bandar Muar. Sempadan bandar Muar itu hendaklah didefinisikan sewajarnya supaya jawapan yang digunakan adalah dalam konteks Bandar Maharani Bandar DiRaja. Ia meliputi semua kawasan di dalam lingkungan 3 kilometer dari Istana Tanjung.

Garis Panduan Rancangan Tempatan Daerah Muar dalam mempertimbangkan permohonan pemajuan Majlis merujuk kepada Rancangan Tempatan Daerah Muar 2002 hingga 2005 (Pengubahan) yang telah diwartakan pada 16 Ogos 2012 yang menggariskan bahawa bagi kawasan pusat bandar bilangan tingkat yang dibenarkan adalah tidak melebihi 4 tingkat bagi pembangunan jenis teres dan 20 tingkat bagi pembangunan bagi sesebuah *free standing* atau *stand alone*. Tertakluk kepada kelulusan tanah minimum 1 ekar bagi tujuan komersial. Contohnya servis apartment dan *parking*. Dan, 2 ekar lagi tujuan kediaman. Contohnya, kondominium berbilang tingkat dengan kemudahan awam tertakluk kepada zoning guna tanah dan kepadatan yang dibenarkan.

Pertimbangan juga diberikan kepada kesesuaian tapak dan pembangunan sekitar. Walau bagaimanapun, dengan perkembangan terkini, status bandar Maharani sebagai Bandar DiRaja pembangunan yang boleh disyor lulus oleh Majlis adalah tidak melebihi 3 tingkat saja. Mana-mana permohonan pemajuan ataupun pembangunan yang melebih 3 tingkat hendaklah dirujuk kepada pejabat Istana Johor untuk mendapat perkenan daripada Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor. Ini bukan bermaksud permohonan tidak dibenarkan tetapi lebih kepada penyelarasan dengan status Bandar DiRaja yang sedang dalam cadangan penjenamaan ataupun dengan izin, *rebranding*.

Walaupun Subseksyen 18/1 Akta Perancang Bandar dan Desa, mensyaratkan supaya semua pembangunan hendaklah mematuhi kehendak Rancangan Tempatan. Majlis Perbandaran Muar selaku pihak berkuasa perancang tempatan bagi kawasan Bandar Maharani, Bandar Diraja ini boleh membuat keputusan sama, boleh membuat keputusan sama ada membenar atau sebaliknya satu cadangan pemajuan di atas tapak yang dipohon dengan merujuk kepada perenggan 22/8 yang menyebut bahawa "dalam menguruskan sesuatu permohonan untuk kebenaran merancang, pihak berkuasa perancang tempatan hendaklah memberi pertimbangan apa-apa perkara yang pada pendapatnya adalah sesuai, manfaat atau perlu untuk merancang dengan wajar dan khususnya".

Peruntukan yang ada fikirannya mungkin akan dibuat dalam mana-mana rancangan pemajuan yang sedang disediakan atau yang hendak disediakan atau cadangan yang berhubung dengan peruntukan itu. Rancangan pemajuan yang sedang disediakan itu adalah Rancangan Kawasan Khas Bandar Maharani Bandar DiRaja yang sedang dalam proses penyediaan pelan konsep dengan kerjasama Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Johor dan Tetuan RJ Planning.

Hanya satu cadangan sahaja yang ditangguhkan disebabkan oleh proses *rebranding* dan penyelarasan dengan Kajian Rancangan Kawasan Khas Bandar Maharani Bandar DiRaja ini. Manakala cadangan pembangunan lain ditolak kerana tidak mematuhi piawaian perancangan serta syarat-syarat teknikal yang lain-lain.

Yang Berhormat Datuk Speaker, untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerja-kerja di kawasan Majlis Daerah Yong Peng dilaksanakan mengikut kaedah sebut harga bagi kerja bernilai RM500,000.00 ke bawah sementara kerja-kerja tender dilaksanakan bagi kerja-kerja bernilai RM500,000.00 ke atas. Manakala kerja-kerja RM500,000.00 ke bawah ianya dilantik oleh Jawatankuasa Sebut harga Majlis Daerah Yong Peng sementara kerja-kerja RM500,000.00 ke atas ianya dilantik oleh Jawatankuasa Tender oleh pihak SDO atau Jabatan Perbendaharaan Negeri di mana setiap jawatankuasa terdapat panel daripada Jabatan Teknikal iaitu pihak JKR dan JPS. Panel lain sebut harga dibuat adalah berdasarkan daripada harga yang ditawarkan, pengalaman kerja dan latar belakang penender ataupun pemborong.

Yang Berhormat Datuk Speaker, MDYP juga ingin menjelaskan bahawa tuntutan pampasan RM135,500.00 yang dimasukkan adalah dibayar kepada Azman Ahmad kerana tuntutan pampasan ganti rugi permohonan pengambilan tanah untuk tujuan tapak rumah VVIP Majlis Daerah Yong Peng. Kemudahan infrastruktur kawasan perindustrian Mengkibol, di kawasan perindustrian Mengkibol di Kluang yang dibangkitkan oleh ADUN Mengkibol. Di Kluang terdapat sejumlah 1,101 lot atau unit dengan keluasan 438.30 hektar. Untuk kawasan industri, jumlah yang diisi adalah 482 lot, 44%, sejumlah RM3,709,982.00 telah diperuntukkan untuk menaikkan taraf jalan, saliran, perparitan dan lampu awam dalam kawasan industri sejak tahun 2007 hingga 2013. Untuk kawasan industri Mengkibol, keluasannya adalah 72 hektar dengan jumlah plot unit adalah 71. Jumlah plot unit yang diisi adalah 62 unit atau 87%. Rujukan untuk kawasan industri Mengkibol adalah berjumlah RM660,441.90 adalah untuk jalan, saliran, perparitan, lampu awam dari tahun 2007 hingga 2011. Bagi tahun 2013 pula, kawasan industri Mengkibol telah diperuntukkan sebanyak RM171,890.00 untuk naik taraf saliran telah siap dilaksanakan manakala sejumlah RM600,000.00 diperuntukkan untuk menaik taraf jalan dalam proses tender dan dijangka siap kerja pada bulan Disember pada tahun 2013. Ingin dimaklumkan di sini, kos menaik taraf bagi kawasan industri adalah tinggi kerana bebanan kenderaan yang keluar masuk kawasan perindustrian.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Amat Berhormat Menteri Besar ada mencadangkan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor agar dapat mengenal pasti lokasi yang sesuai untuk dibangunkan pusat perniagaan bagi peniaga-peniaga kecil untuk menjalankan perniagaan mereka. Inisiatif ini boleh dilaksanakan dengan kerjasama agensi lain seperti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia. Dan akhirnya, saya memohon maaf sekiranya ada isu-isu yang tidak dapat saya jawab dalam Persidangan Dewan ini yang akan dijawab dalam jawapan bertulis. Natijahnya,

teguran dan pandangan yang membina bagi penambahbaikan perkhidmatan awam demi untuk kesejahteraan rakyat Negeri Johor khasnya diucapkan jutaan terima kasih. Sekian, wabilahitaufik walhidayah, wasalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Saya memohon menyokong pembentangan bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor.

Y.B. Datuk Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor. Seterusnya, saya persilakan Ahli Yang Berhormat Pengerusi yang lain.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Bismillahirrahmannirrahim. Assalamualaikum dan salam 1Malaysia, salam muafakat Johor. (Bacaan Doa).

Yang Berhormat Datuk Speaker, bagi memberkati hari yang mulia pada pagi ini, saya memulakan Ucapan Penggulungan Bajet 2014 dengan menjunjung tinggi kalimah suci, ayat-ayat suci Al-Quran Al-Karim yang dipetik di dalam Surah Al-Ahzab, ayat 70-71. (Bacaan ayat Al-Quran). Yang bermaksud, "Wahai orang-orang yang beriman, bertaqwalah kamu kepada Allah dan katakanlah perkataan yang benar. Nescaya Allah akan memperbaiki bagimu, amalan-amalanmu dan mengampunkan bagimu dosa-dosamu. Dan barang siapa yang mentaati Allah dan Rasulnya, maka sesungguhnya mereka itu telah mencapai kejayaan yang paling besar".

Pertamanya, saya memanjatkan syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnianya saya dapat memberi ucapan penggulungan pada Persidangan kali ini. Jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Speaker kerana memberi ruang masa untuk saya membuat Ucapan Penggulungan. Dan dengan rendah hati saya akan memberikan maklum balas bagi perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat yang menyentuh berkaitan dengan Portfolio Agama bagi sesi Dewan kali ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga ingin mengambil kesempatan merakamkan ucapan tahniah dan syabas pada Yang Amat Berhormat Datuk Seri Menteri Besar di atas pembentangan Bajet 2014 yang bertemakan "Muafakat Pembangunan Dan Pengagihan". Saya kira ianya akan dapat memenuhi segala keperluan seluruh masyarakat masa kini khususnya di Negeri Johor. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan, cadangan, idea dan juga pertanyaan yang berkaitan dengan Portfolio Jawatankuasa Agama, sepanjang sesi soal jawab dan perbahasan pada kali ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pertamanya juga saya ingin menyentuh isu yang berkaitan dengan bahagian pendidikan sepertimana yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Maharani mengenai cadangannya agar skim pinjaman buku teks, SPBT di sekolah agama supaya diperluaskan kepada buku teks di Sekolah Agama Rakyat. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, buku teks sekolah menengah ataupun sekolah kebangsaan, sebagaimana dasar Kementerian Pendidikan Malaysia di bawah kelolaan bahagian buku teks telah menetapkan bahawa Sekolah-Sekolah Agama Rakyat yang tidak berdaftar dengan Kementerian Pendidikan Malaysia atau Kerajaan Negeri atau Jabatan Agama Negeri atau Majlis Agama Islam Negeri tidak akan menerima bantuan pinjaman buku teks. Pihak sekolah berkenaan bolehlah mendapatkan bekalan tersebut secara belian di pasaran terbuka. Pelajar-pelajar

bukan warganegara juga tidak dibenarkan untuk mendapat pinjaman buku teks sebagaimana dasar yang telah ditetapkan oleh bahagian buku teks Kementerian Pendidikan Malaysia. Oleh sebab itu, kitab pembelajaran agama di Sekolah Agama Rakyat yang sedia ada di Negeri Johor juga tidak menggunakan kurikulum Sekolah Agama Kerajaan Johor maka kemudahan pinjaman untuk sekolah ini tiada keperluan untuk dibekalkan. Namun yang demikian, saya juga menyarankan kepada Sekolah-Sekolah Agama Rakyat yang belum lagi mendaftarkan sekolah ini kepada Bahagian Pendidikan Jabatan Agama Islam Johor atau Majlis Agama Islam Johor untuk mendaftarkan sekolah mereka bagi mendapatkan bantuan-bantuan yang lain.

Yang kedua, soalan berbangkit seterusnya, saya juga yang datangnya daripada Yang Berhormat Maharani, mengenai cadangannya yang mahu Kerajaan Negeri mewujudkan Sekolah Sains Tahfiz. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri ada mempunyai rancangan untuk menubuhkan sebuah Kompleks Institut Tahfiz milik penuh Kerajaan Negeri pada masa akan datang. Ianya dicadangkan melibatkan pengajian peringkat rendah, menengah dan diploma yang turut menggabungkan pendidikan aliran agama dan kebangsaan yang membolehkan mereka akan menjadi Hafiz Al-Quran dan profesional sama ada dalam bidang kedoktoran, kejuruteraan, sosial dan sebagainya. Selain itu, ia turut menawarkan pelbagai bentuk kemahiran lain dalam bidang kokurikulum, ilmiah mahupun sukan. Kompleks Institut Tahfiz Negeri Johor yang dicadangkan ini akan menggabungkan tiga bentuk program pengajian tahfiz di atas dengan penyesuaian dan penambahbaikkan. Namun demikian cadangan ini masih di peringkat awal dan memerlukan kajian terperinci yang dijalankan sendiri oleh Jabatan Agama Johor. Walau bagaimanapun, pada masa ini Kerajaan Negeri melalui Jabatan Agama Johor telah pun melaksanakan tiga bentuk program pengajian tahfiz iaitu yang pertama Pengajian Tahfiz As-syafie yang beroperasi di Maahad Johor sejak tahun 2008, di mana tempoh pengajian selama 3 tahun, bermula dari Tingkatan 1 hingga 3, di mana pelajar-pelajar disasarkan untuk menghafaz sebanyak 30 juzuk, di mana setahun 10 juzuk. Pengambilan pelajar adalah terhad kepada 16 orang setahun, yakni hanya pelajar lelaki sahaja. Pelajar turut didedahkan dengan kurikulum baru Sekolah Menengah KBSM, Kementerian Pelajaran Malaysia dan kurikulum baru Sekolah Menengah Agama KBSMA Negeri Johor yang disesuaikan kurikulum Maahad Bu'uth Al-Azhar, Mesir.

Yang kedua Program Tahfiz Ibnu Sinar, beroperasi di Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor Kluang, sejak 2008 di mana tempoh pengajian selama 5 tahun, bermula dari Tingkatan 1 hinggalah ke Tingkatan 5. Di mana kita mensasarkan penghafazan sebanyak 15 juzuk sahaja, setahun 3 juzuk. Pengambilan terhad hanya kepada 30 orang setahun, yakni lelaki sahaja. Pelajar turut mengambil peperiksaan awam Kementerian Pendidikan Malaysia KPM seperti PMR dan SPM. Selain itu, mereka juga turut mengambil peperiksaan mengikut silibus kurikulum baru, Sekolah Menengah Agama, KBSMA Negeri Johor yang disesuaikan dengan kurikulum Maahad Bu'uth Al-Azhar, Mesir iaitu Sijil Intensif Bahasa Arab SIB, Sijil Menengah Rendah Agama, SMRA dan Sijil Menengah Agama, SMA.

Program tahfiz yang ketiga, iaitu Program Tahfiz Peringkat Diploma Al-Quran dijalankan oleh pihak Kolej Pengajian Tinggi Islam Johor ataupun ringkasnya MARSAH, Markas Madrasah Al-Islamiyah, di mana pelajar-pelajarnya adalah diambil daripada lepasan SPM dan dijalankan dengan secara kerjasama dengan Darul Quran JAKIM, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia di mana pengajian melibatkan siswa lelaki dan perempuan.

Dan yang terakhir, yang terkini ingin saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Program Tahfiz Medik di Kluang telah pun dilaksanakan. Dan program ini di bawah Bahagian Pendidikan dengan kerjasama Wakaf Saham Pendidikan di mana kosnya akan melibatkan RM6 juta.

Yang Berhormat Datuk Speaker, menyentuh perihal yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puteri Wangsa, yang mencadangkan agar sukatan pelajaran di Sekolah Agama Kerajaan Johor, khususnya di peringkat Darjah Khas supaya dikaji semula agar sijil tersebut berkualiti dan boleh diterima masuk ke peringkat universiti. Untuk maklumat Yang Berhormat, hasil daripada Mesyuarat Agung Tahunan Kesatuan Guru-Guru Agama Malaysia Barat Cawangan Johor pada 11 Ogos 2010, sebulat suara telah bersetuju supaya satu transformasi pendidikan agama dibentuk dengan mencadangkan Darjah Khas daripada satu tahun ditambah kepada dua tahun bagi memantapkan pendidikan sedia ada dan telah disuarakan melalui memorandum kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor pada tahun 2010 dan ucapan wakil Kesatuan di Majlis Hari Guru Agama Johor Peringkat Negeri pada tahun 2011, manakala Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor telah bersetuju dan mengharapkan Jabatan Agama Johor menyediakan satu kertas kerja yang lengkap untuk diajukan. Oleh itu, Bahagian Pendidikan Jabatan Agama Johor telah menyediakan satu Kertas Cadangan Pelaksanaan Darjah Khas Sekolah Agama Kerajaan Johor dari satu tahun kepada dua tahun sebagaimana Kertas Cadangan bertarikh 7 Mei 2012 telah dimajukan kepada Majlis Agama Islam Negeri Johor untuk kelulusan.

Hala tuju sijil lulusan Darjah Khas Agama dua tahun ini adalah setaraf dengan Sekolah Menengah Rendah Agama setelah menambah beberapa mata pelajaran Bahasa Arab berpandukan kurikulum Al-Azhari dan layak untuk mengikuti pengajian Sekolah Menengah Agama SMA melalui program kelas intensif yang disediakan di beberapa sekolah terpilih di bawah kelolaan Bahagian Pendidikan Jabatan Agama Johor, BPJAJ atau mana-mana Sekolah Menengah Agama Rakyat di Negeri Johor. Manakala lepasan Sekolah Menengah Agama, SMA ini layak menduduki Sijil Tinggi Agama Malaysia, STAM dan seterusnya boleh melanjutkan ke IPT dalam dan di luar negara.

Seterusnya juga, menyentuh perihal Sekolah Agama Tanjung Surat yang terbengkalai sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tanjung Surat. Untuk makluman Yang Berhormat, Sekolah Agama Tanjung Semadi, Tanjung Surat, adalah di bawah projek penswastaan 96 Sekolah Agama yang dimasukkan dalam Program Pembinaan Fasa ke-2. Peringkat pembinaan setakat ini telah mencapai peratusan 18.22%. Pihak MYSIS akan meneruskan pembinaan projek ini sehingga siap sepenuhnya dan akan diserahkan kepada Bahagian Pendidikan Jabatan Agama Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, merujuk pula kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pasir Raja, berkenaan dengan pengilang yang melakukan aktiviti kitar semula minyak masak yang telah digunakan dan dikhuatiri minyak tersebut telah digunakan untuk memasak makanan yang haram seperti khinzir. Untuk makluman Yang Berhormat, pihak Jabatan Agama Johor telah mengaturkan pemeriksaan bersama Bahagian Kualiti, Bahagian Kawalan Kualiti Makanan Jabatan Kesihatan Negeri Johor pada November dan Disember 2013. Mengikut penerangan awal dari pihak Jabatan Kesihatan Negeri Johor, adalah agak sukar untuk mereka mengenal pasti lemak babi di dalam minyak kitar semula kerana ianya telah bercampur dengan

minyak baru. Namun begitu, pemantauan berterusan akan terus dibuat bersama agensi yang mempunyai bidang kuasa seperti Jabatan Kesihatan Negeri Johor dan juga Pihak Berkuasa Tempatan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, berikutan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kukup. Setakat ini pihak Jabatan Agama Islam Johor telah membuat operasi bersepadu terhadap pusat sembelihan sebanyak 4 kali sejak 2012 hingga 2013. Operasi bersepadu dilakukan bersama agensi-agensi pusat Kerajaan seperti Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Pemakanan Veterinar Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan, Jabatan Kesihatan dan Jabatan Alam Sekitar. Berdasarkan pemantauan yang telah dilaksanakan, kebanyakan premis ataupun rumah sembelihan adalah dimiliki oleh orang bukan Islam. Yang mana di luar bidang kuasa pihak Jabatan Agama Johor untuk mengambil tindakan ke atas mereka. Kebanyakan premis mereka mempunyai menggunakan tauliah sembelih yang telah tamat tempoh dan penyalahgunaan tauliah sembelih milik orang lain. Terdapat juga kes penyembelih terdiri daripada warga asing, tindakan pihak Jabatan Agama Islam Johor bagi kesalahan di atas adalah dengan merampas kesemua tauliah-tauliah tersebut. Namun begitu, pihak Jabatan Agama Islam Johor tiada bidang kuasa untuk menyita premis dan mengambil, mendenda pusat sembelihan tersebut. Setakat ini rumah sembelih yang mempunyai Sijil Halal oleh Jabatan Agama Islam Johor adalah sebanyak 16 buah. 2 buah premis pernah dikenakan tindakan penarikan sijil dan pengharaman penggunaan logo halal bagi produk mereka.

Merujuk kepada cadangan mewujudkan Pegawai Jabatan Agama Islam Johor atau Majlis Agama Islam Johor yang berkhidmat sepenuh masa di pusat sembelihan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Parit Yaani. Untuk makluman, kesemua pemilik premis adalah dimiliki oleh pihak swasta dan lantikan pekerja di buat oleh pihak syarikat sendiri. Pihak JAJ hanya mengawal tauliah sembelihan pekerja di premis sembelihan tersebut melalui pemantauan yang berterusan dan kursus-kursus yang sering dianjurkan dalam proses pensijilan halal dan syarikat yang telah dipersijilkan Halal Malaysia hendaklah melantik seorang Eksekutif halal di Bahagian Pengurusan dan seorang Penyelia Halal di Bahagian Pemprosesan serta beberapa orang Pemeriksa Halal mengikut kaedah sembelihan. Mereka yang dilantik oleh pihak syarikat hendaklah menghadiri kursus wajib oleh pihak Jabatan Agama Johor berterusan. Namun begitu usaha untuk meletakkan Pegawai Jabatan Agama Johor di pusat sembelihan akan dibincangkan dengan pihak swasta dan juga Kerajaan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, merujuk pula kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pasir Raja, yang mencadangkan supaya Majlis Agama Islam Negeri Johor berbincang dengan pihak FELDA berkaitan status tanah dan bangunan Sekolah Agama di 73 buah FELDA. Pihak Majlis Agama Islam Johor akan mengadakan pertemuan bersama-sama FELDA dan Bahagian Pendidikan Agama, Jabatan Agama Johor bagi membincangkan perkara tersebut dan keputusannya akan dimaklumkan kelak.

Seterusnya juga perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Maharani, yang mencadangkan supaya kriteria Bantuan Kecemasan dikaji semula. Untuk makluman Yang Berhormat, Majlis Agama Islam menyediakan Skim Bantuan Segera atau Bantuan Kecemasan bagi kes-kes bantuan yang memerlukan keperluan kewangan segera di bawah kuasa Amil Baitulmal Daerah sebagaimana kadar berikut. Bantuan Kesusahan RM300.00, Bantuan Bencana Alam RM2,000.00. Bantuan Perubatan RM1,000.00.

Bantuan Musafir RM200.00. Syarat atau kelayakan bagi bantuan bencana alam seperti kebakaran atau ribut antaranya adalah yang melibatkan kerosakan ataupun kemusnahan tempat tinggal. Bantuan ini diberikan segera bagi membantu meringankan kesusahan yang dialami pada ketika itu. Sekiranya ia melibatkan premis perniagaan yang tidak bercampur dengan tempat tinggal, maka bantuan segera ini tidak diberikan. Namun begitu, mereka yang terlibat boleh memohon bantuan membaik pulih premis atau modal menghidupkan semula perniagaannya sekiranya memerlukan di bawah bantuan berdikari.

Yang Berhormat Datuk Speaker, mengenai kadar Bantuan Sara Hidup seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Permai. Bantuan Sara Hidup bulanan merupakan Skim Bantuan Zakat bagi membantu golongan asnaf fakir dan miskin melalui penyaluran bantuan kewangan secara bulanan. Sehingga Oktober 2012, seramai 10,000 orang menerima bantuan ini di seluruh Negeri Johor dengan melibatkan perbelanjaan sebanyak RM23 juta setahun. Kadar bantuan yang diberi diterima adalah di antara RM200.00 hingga ke RM300.00 melalui kajian semula had kifayah yakni had kadar kecukupan hak asasi individu yang dilaksanakan baru-baru ini, Majlis Agama Islam dalam tindakan mendapatkan kelulusan Fatwa untuk mengguna pakai hasil kajian semula had kifayah yang mengambil kira faktor kenaikan barang, harga minyak, sewa rumah, pengangkutan, pendidikan, perubatan dan keperluan semasa dan sekiranya diluluskan, kadar bantuan sara hidup akan dinaikkan sehingga RM750.00 bagi setiap keluarga berdasarkan keperluan keluarga tersebut.

Yang Berhormat Datuk Speaker, memberi maklum balas yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Naning, Berkenaan dengan pembinaan Masjid Kampung Parit Tengah yang terbengkalai. Untuk makluman Yang Berhormat peruntukan yang diterima untuk membina Masjid Parit Tengah C, Batu Pahat, Ayer Hitam, Muar berjumlah RM1.8 juta daripada Pejabat Pembangunan Negeri Johor dan peruntukan tambahan daripada Majlis Agama Islam Johor sebanyak RM100,000.00 menjadikan kos kontrak pembinaan masjid ini sebanyak RM1.9 juta. Kerja-kerja pembinaan masjid ini dilaksanakan pada 16 November 2011 dan dijangka siap pada 21 Ogos 2012, namun begitu disebabkan masalah kelewatan yang berpunca daripada pihak kontraktor, pihak JKR telah menamatkan kerja-kerja kontraktor tersebut pada 17 September 2013 dan atas kelewatan pembinaan masjid ini, kos pembinaan masjid ini juga telah meningkat sehingga memerlukan peruntukan tambahan sebanyak RM206,650.54 bagi meneruskan kerja-kerja pembinaan sehingga ke hari ini. Bahagian Pembangunan Jabatan Agama Johor telah membawa perkara tersebut kepada pihak yang berkaitan bagi permohonan kelulusan peruntukan tambahan sepertimana yang telah dinyatakan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, merujuk kepada soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senggarang berkenaan dengan Sekolah Agama Kores yang mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan Sijil Darjah Khas Agama supaya diberikan imbuhan ataupun peruntukan atas kejayaan sekolah yang cemerlang. Untuk makluman Yang Berhormat pada tahun 2012, sebanyak 11 buah sekolah yang telah berjaya mendapat kelulusan 100% dalam peperiksaan Sijil Darjah Khas Agama. Anugerah Kecemerlangan Pelajar telah diadakan pada setiap tahun untuk memberikan penghargaan dan galakan insentif atas kecemerlangan pelajar. Sekolah Agama Cemerlang diberikan Sijil Penghargaan dan imbuhan tertentu berdasarkan GPS Sekolah Terbaik, Anugerah Cemerlang telah diberikan kepada calon-calon yang

terbaik dalam kategori masing-masing. Peruntukan setiap tahun bagi Anugerah Cemerlang diperolehi daripada Majlis Agama Islam Negeri Johor bagi tahun 2012 sebanyak RM80.00 berbanding pada tahun 2011 sebanyak RM60.00. Tahun 2013 telah pun dipohonkan sebanyak RM100.00 bagi tujuan yang sama. Bahagian Pendidikan juga akan mengkaji semula cadangan Yang Berhormat Senggarang bagi memberi sejumlah peruntukan imbuhan pada mana-mana Sekolah Agama yang cemerlang dalam Peperiksaan SDKA dan lain-lain kategori peperiksaan di mana akan datang sebagai perangsang dan galakan supaya terus berusaha dan berjaya. Usaha sama daripada Yang Berhormat di kawasan masing-masing juga diharapkan untuk dapat memberikan imbuhan kepada Sekolah-Sekolah Agama yang berjaya.

Yang terakhir sekali, berikutan soalan berbangkit yang diajukan oleh Yang Berhormat Jementah, jika Kerajaan Negeri Johor bercadang hendak mengubah cuti umum mingguan Negeri Johor pada hari Jumaat dan Sabtu. Bahagian Pendidikan, Jabatan Agama Johor berpendapat dari aspek pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam adalah seperti berikut:

1. Penjaga akan dapat mengawasi dan menerapkan rasa tanggungjawab terhadap anak-anak orang Islam untuk menunaikan solat Fardu Jumaat.

2. Sebagai umat yang beragama Islam, wajar meraikan hari Jumaat sebagai cuti kerana disebut dalam hadis Nabi bahawa Hari Jumaat itu adalah Sayyidul Ayyam, iaini Penghulu Segala Hari. Kerana ianya penghulu bagi segala hari dan banyak keberkatan yang akan dapat diperolehi dengan beribadah wajib dan sunat pada hari-hari yang tersebut.

Yang Berhormat Datuk Speaker, ada satu perkara lagi yang hendak saya bawa dalam Dewan yang mulai ini. Berdasarkan senario semasa yang berlaku dewasa ini, Pegawai Penguatkuasa Agama bukan lagi subjek yang boleh dikategorikan sebagai pihak yang terhindar dari ancaman. Peristiwa pembunuhan kejam Ketua Penguatkuasa Negeri Pahang pada 17 Oktober 2013, meninggalkan kesan yang besar kepada Pengurusan Hal Ehwal Agama Negeri-Negeri terutamanya di Bahagian Penguatkuasaan. Selain daripada itu, beberapa ancaman juga sering berlaku kepada pegawai-pegawai Penguatkuasa Agama yang menjalankan tugas. Peristiwa serangan di rumah Pegawai Penguatkuasa Agama bukanlah perkara terpencil. Bagaimanapun bila ia melibatkan ancaman nyawa, tindakan penambahbaikan perlu dilakukan. Cadangan ini juga perlu diambil perhatian memandangkan ancaman tersebut akan menyebabkan berlakunya penurunan semangat kerja dan motivasi kerja di kalangan Pegawai Penguatkuasa Agama. Di antara cadangan-cadangan yang dibawakan pada hari ini, iaitu meningkatkan Gred Ketua Penguatkuasa Agama (KPPA) daripada Gred 48 kepada gred 54. Yang kedua, penyusunan dan penambahbaikan jawatan di mana pengisian waran yang sedia ada hari ini perlu dipenuhi. Penyusunan Gred Jawatan di peringkat negeri dan daerah, penambahan jawatan baru bagi menjadikan nisbah Pegawai Penguatkuasa Agama dan penduduk Islam yang mana nisbahnya hari ini seorang penguatkuasa 25,000 orang Islam, kepada 1 penguatkuasa kepada 1,000 orang umat Islam. Kemudian mewujudkan juga sekurang-kurangnya 20 orang Penguatkuasa Agama di setiap daerah bagi melaksanakan kerja 3 syif sehari, 7 hari seminggu. Begitu juga saya ingin menyebutkan supaya diberikan elaun khas kepada Pegawai Penguatkuasa Agama selain daripada perlindungan insurans. Begitu juga, saya juga menyarankan supaya Pegawai Penguatkuasa Agama ini dibekalkan dan

juga penggunaan senjata api semasa mereka bertugas. Ini untuk menambahkan lagi semangat dan motivasi kepada Pegawai Penguatkuasa Agama untuk menjalankan tugas demi syiar Islam dan menegakkan amar makruf nahi mungkar.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya telah cuba untuk memberikan jawapan terbaik berdasarkan soalan yang dibangkitkan dan jika ada perkara yang terlepas pandang, akan saya mengambil perhatian dan mengambil tindakan susulan. Saya menyeru kepada semua Yang Berhormat khususnya yang beragama Islam untuk bersama-sama memperkasa dan memperjuangkan syiar Islam di dalam Negeri Johor untuk generasi akan datang supaya barisan kepimpinan yang ada pada hari ini tidak akan dipersoalkan di hadapan Allah S.W.T di akhirat kelak. Akhirnya, terimalah serangkap pantun dari saya. Melati kuntum tumbuh melata, Sayang merbah dipohon cemara; Selesai sudah giliran saya, Ayuh bangunkan Johor tercinta.

Jutaan ampun dan maaf. Wabillahitaufik walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Saya mohon untuk menyokong.

Y.B. Datuk Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Pengerusi yang lain.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia : Salam sejahtera, salam perpaduan dan salam muafakat Johor, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam sesi Penggulungan Perbahasan Sesi Belanjawan Negeri Johor 2014 di Mesyuarat Ke-3 Bagi Penggal Persidangan Pertama Dewan Negeri Johor Yang ke-13. Pertamanya saya ingin merakamkan jutaan terima kasih, tahniah dan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor yang telah berjaya membentangkan satu Bajet yang begitu hebat, bertemakan "Muafakat Pembangunan Dan Pengagihan", berlandaskan keadilan dan kesaksamaan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Datuk Speaker kerana dapat menyampaikan Ucapan Penggulungan ini, bagi menjawab serta menjelaskan perkara-perkara yang disentuh oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam sesi perbahasan, serta yang telah mengemukakan idea, pandangan dan teguran berhubung kait dengan jabatan-jabatan di bawah Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia Negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menjawab soalan-soalan, yang telah pun dikemukakan di bawah Portfolio Sumber Manusia.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Ahli Yang Berhormat daripada kawasan Paloh telah membangkitkan isu mengenai anak muda yang ramai keluar, daripada IPTA dan IPTS yang masih tercari-cari bidang pekerjaan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sejajar dengan hasrat Kerajaan bagi memastikan, warganegara ini mendapat pekerjaan yang sesuai dengan kelayakan, kemahiran, pengalaman dan minat mereka, Jabatan Tenaga Kerja bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan yang setanding dengan negara maju. Konsep 1 Malaysia,

I Gerbang Kerja adalah usaha Kerajaan, untuk mewujudkan satu portal yang menyeluruh, meliputi peluang pekerjaan di sektor Awam dan Swasta. Matlamat utama konsep ini adalah untuk menjamin peluang pekerjaan kepada warganegara dan aktiviti ini dijayakan melalui aktiviti penempatan, melalui portal *Jobs Malaysia*. Program penempatan pekerjaan, temu duga terbuka dan penempatan oleh agensi pekerjaan swasta. Bagi siswazah yang keluar dari IPTA dan IPTS, yang memiliki Diploma dan atau ijazah, mereka boleh mendaftar dengan *Jobs Malaysia* sebagai pencari kerja. Menurut perangkaan dari *Labour Market Database*, Kementerian Sumber Manusia, bagi tempoh Januari hingga Oktober 2013, terdapat seramai 13,752 lepasan IPT di Negeri Johor yang telah berdaftar dengan *Jobs Malaysia*. Jawatan yang ditawarkan secara jawatan yang ditawarkan adalah secara percuma kepada pencari kerja, ini meliputi semua sektor dan pelbagai kategori pekerjaan, termasuk pengurusan, profesional dan juga kejuruteraan. Jumlah jawatan yang telah ditawarkan bagi tempoh Januari hingga Oktober 2013, bagi siswazah di Negeri Johor ialah sebanyak 14,897 pekerjaan. Bagi tempoh tersebut, seramai 1,168 orang pencari kerja siswazah telah pun mendapat pekerjaan menerusi *Jobs Malaysia*. Para siswazah lazimnya akan mencari pekerjaan dalam bidang pengkhususan mereka, semasa pengajian di IPTA dan IPTS. Walau bagaimanapun, mereka juga boleh bekerja, di dalam bidang lain atau membina, menimba pengalaman di peringkat di jawatan yang agak rendah, sebelum mendapat pekerjaan yang dipohon mengikut kelulusan mereka.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Ahli Yang Berhormat daripada Skudai telah pun membangkitkan isu berkenaan dengan kaedah mempertingkatkan gaji pekerja melalui kaedah memberi latihan kemahiran dalam sektor perkhidmatan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sektor yang semakin *signifikan* pentingnya kepada Negeri Johor ialah sektor perkhidmatan yang meliputi aktiviti pengangkutan, perhubungan, perdagangan, borong, runcit, hotel, dan restoran, kewangan, insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan. Peluang pekerjaan dalam bidang ini juga luas. Walau bagaimanapun, didapati majikan di dalam sektor ini masih menghadapi kekurangan pekerja khususnya bagi majikan di dalam Wilayah Pembangunan Wilayah Iskandar Malaysia. Hasil penelitian, didapati majikan dalam sektor ini menawarkan kadar gaji yang tinggi iaitu melebihi daripada gaji minimum yang ditetapkan oleh Kerajaan. Namun, pekerja yang ingin bekerja dalam sektor perkhidmatan ini, harus mempunyai kemahiran yang tertentu. Antara kemahiran yang diperlukan ialah kemahiran berbahasa Inggeris terutamanya di dalam subsektor pelancongan. Menyedari kepentingan kemahiran dalam sektor pelancongan, antara usaha yang telah diambil oleh Kerajaan ialah melalui institusi-institusi kemahiran kolej komuniti dan penyedia latihan yang diberi akreditasi oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran. Dengan adanya kemahiran, yang dimiliki oleh pekerja, khususnya dalam sektor-sektor perkhidmatan, kadar gaji mereka juga akan meningkat dan juga di samping menikmati faedah-faedah sampingan yang menarik. Hal ini akan mewujudkan pekerja yang berkemahiran dan juga yang berpendapatan tinggi.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Ahli Yang Berhormat daripada Jementah, telah pun membangkitkan mengenai isu bahawa peningkatan kadar gaji tidak selaras dengan peningkatan kadar produktiviti.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pelaksanaan gaji minimum yang merujuk kepada gaji pokok, oleh Kerajaan adalah bertujuan untuk memastikan keperluan asas gaji pekerja

dan keluarga, dapat dipenuhi, selain dari untuk membenarkan, selain dari untuk memberikan perlindungan sosial yang mencukupi kepada pekerja-pekerja. Sebelum pelaksanaan Perintah Gaji Minimum 2012, kadar gaji atau upah ditentukan oleh budi bicara majikan itu sendiri dan sendiri juga ditentukan oleh kuasa pasaran. Kajian yang dibuat oleh Bank Dunia, menunjukkan bahawa, dalam tempoh 10 tahun, peningkatan kadar gaji ialah, hanya pada kadar 2.6% setahun, berbanding dengan peningkatan produktiviti sebanyak 6.7% bagi tempoh yang sama. Perintah gaji minimum 2012 ini mewajibkan majikan yang menggaji 6 orang pekerja dan ke atas, membayar gaji minimum kepada pekerja masing-masing, pada kadar sebanyak RM900.00 sebulan, di Semenanjung Malaysia. Manakala bagi majikan yang menggaji 5 orang pekerja dan kurang, perlaksanaannya ialah pada 1 Julai 2013. Walau bagaimanapun, majikan dibolehkan untuk memohon penundaan pelaksanaan gaji minimum atas alasan-alasan yang kukuh.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dengan perlaksanaan gaji minimum bagi pekerjaan asas, majikan diharap akan menimbangkan kadar kenaikan gaji yang wajar dan munasabah, *a cross the board*, dengan izin, bagi lain-lain pekerjanya, bagi mengekalkan motivasi pekerja selain dari suasana kerja yang harmoni. Dengan langkah ini, para pekerja akan menikmati kadar gaji yang kompetitif, bagi keselesaan hidup mereka. Majikan juga di saran untuk memberi peluang latihan dan kemahiran kepada pekerja secara berterusan bagi menjamin tahap kemahiran yang tinggi.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Ahli Yang Berhormat daripada kawasan Bukit Batu, telah membangkitkan dalam ucapan beliau berkenaan dengan peluang pekerjaan di kawasan Pembangunan Iskandar Malaysia (IRDA) di mana ianya harus merangkumi pekerjaan dalam kategori pengurusan dan bukan hanya pekerja manual.

Yang Berhormat Datuk Speaker, berdasarkan Rancangan Pembangunan Komprehensif Iskandar Malaysia yang dijangka banyak peluang pekerjaan baru akan diwujudkan, berdasarkan kepada pembangunan ekonomi. Adalah kira-kira pada tahun, mengikut statistik pada tahun 2025, sebanyak 800,000 peluang pekerjaan akan diwujudkan di Kawasan Wilayah Pembangunan Iskandar. Angka ini berdasarkan kepada pertubuhan drastik untuk sektor-sektor pembuatan dan perkhidmatan di kawasan Iskandar Malaysia. IRDA, juga telah menjalankan kajian bagi meramalkan permintaan untuk tenaga kerja dalam tempoh 5 tahun yang akan datang.

Yang Berhormat Datuk Speaker, peluang pekerjaan di Iskandar Malaysia terbahagi kepada 2 iaitu pengurusan dan teknikal. Jumlah pekerjaan yang diwujudkan di Iskandar Malaysia dalam tempoh 5 tahun iaitu dari tahun 2007 hingga 2012 adalah sebanyak 554,796 pekerjaan. Di mana 15% adalah untuk kerja-kerja pengurusan iaitu bagi mereka yang mempunyai Ijazah dan setaraf. 16% adalah pengurusan separuh mahir iaitu bagi mereka yang mempunyai Diploma dan yang setaraf dan 68% adalah pekerja pekerjaan teknikal termasuk tidak mahir bagi mereka yang mempunyai SPM dan ke bawah.

Yang Berhormat Datuk Speaker, seterusnya saya ingin membawa isu-isu yang berkaitan dengan Portfolio Perpaduan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, ADUN kawasan Pasir Raja ada membangkitkan tentang elemen perpaduan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. Di

mana di Negeri Johor merupakan sebuah Negeri yang mempunyai sekolah-sekolah kebangsaan, sekolah menengah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil dan dengan menerapkan elemen perpaduan kepada seluruh murid, bukan sesuatu di peringkat, sesebuah sekolah sahaja, malah seluruh sekolah di Negeri Johor ia harus diterapkan, agar anak-anak kita tidak lupa jati diri dan cintakan negara.

Yang Berhormat Datuk Speaker, berdasarkan kepada pembentangan Bajet Negeri Johor 2014, yang telah pun disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, dalam Ucapan Bajetnya disebut berkenaan dengan strategi melahirkan Modal Insan yang berketerampilan. Iaitu memberi fokus kepada mengukuh perpaduan kaum dan muafakat iaitu, asas kekuatan sebenar negara kita Malaysia yang pada amnya bersifat *multicultural*, dengan izin.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kepelbagaian kaum dan agama nilai rakyat Malaysia dan keupayaan Kerajaan menguruskannya dengan baik, dengan jayanya adalah sesuatu sebenarnya luar biasa. Bukan mudah untuk menguruskan sebuah Kerajaan di mana kita mempunyai kepelbagaian dari segi agama, budaya dan sebagainya. Jadi formula kejayaan ini ialah semangat bermuafakat yang jitu di antara semua kaum. Namun, sejak kebelakangan ini, ada petanda yang menunjukkan polarisasi kaum di Malaysia sudah mula terlihat dan wujud dan ia semakin hari semakin melebar. Ini harus ditangani segera kerana jika tidak ia akan mengancam kerukunan Malaysia yang damai.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dengan usaha itu, usaha untuk mengukuhkan perpaduan kaum, adalah agenda besar Kerajaan Negeri Johor. Walau bagaimanapun, suntikan elemen ini perlulah dimulakan di peringkat umur bawahan lagi, seperti pepatah, "kalau mahu melentur buluh biarlah dari rebungnya".

Yang Berhormat Datuk Speaker, Kerajaan telah melancarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013/2025 dalam aspek kepelbagaian. Pilihan persekolahan mewujudkan persekitaran etnik yang homogen. Kewujudan pelbagai jenis sekolah kebangsaan dan swasta di peringkat rendah dan menengah dalam sistem pendidikan, menyediakan peluang kepada ibu bapa untuk memilih jenis sekolah bagi anak-anak mereka. Walau bagaimanapun, kewujudan persekitaran etnik yang homogen di sekolah menimbulkan kebimbangan tentang kurangnya peluang untuk berinteraksi dalam di kalangan murid. Demi pengukuhan identiti dan perpaduan nasional, interaksi dalam kalangan murid perlu dipertingkatkan bagi membolehkan mereka berkongsi pengalaman dan aspirasi masa depan Malaysia, maka kerana pada hari ini kita dapat lihat dari segi pemerhatian, terdapat murid yang masih terbatas dan tidak terdedah kepada kepelbagaian. Dalam usaha mencapai perpaduan, penting bagi setiap murid berinteraksi dan belajar bersama-sama rakan sebaya dan guru daripada pelbagai etnik, agama, budaya dan latar belakang sosio ekonomi. Kementerian telah menyediakan Program Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) menerusi aktiviti kokurikulum bagi mengukuhkan interaksi dalam kalangan murid di pelbagai jenis sekolah...

Y.B. Datuk Speaker : Yang Berhormat panjang lagi.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia : Saya lebih kurang 10 minit Yang Berhormat Datuk Speaker.

Y.B. Datuk Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat Persidangan ini saya tangguhkan hingga jam 2:30 petang.

Persidangan ditangguhkan pada jam 1:00 tengah hari.

Persidangan di sambung semula pada jam 2:30 petang.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan disambung semula. Jemput. Yang Berhormat.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin menyambung semula mengenai soalan yang dibangkitkan oleh ADUN Yang Berhormat Pasir Raja berkenaan dengan penerapan elemen perpaduan di peringkat persekolahan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam menyedari pentingnya peranan sistem pendidikan dalam menyediakan persekitaran untuk sebilangan besar golongan muda negara ini. Maka sebenarnya pada tahun 1986, Kementerian Pelajaran telah menggerakkan pelaksanaan Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) di mana pada awalnya diadakan di peringkat sekolah rendah dan pada tahun 2004, ia telah pun dilaksanakan dan diteruskan ke peringkat pelajar sekolah menengah. Dan, Yang Berhormat Dato' Speaker, pada tahun 2009, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional telah menjadi antara agensi yang bersama-sama menjayakan Program RIMUP ini selain daripada Jabatan Kebudayaan dan Kesenian dan juga Jabatan Penerangan. Dan, di peringkat Negeri Johor antara program-program yang berlandaskan perpaduan iaitu yang telah pun dilaksanakan daripada pelajar sekolah ialah seperti Perhimpunan Perpaduan dan Integrasi Pemimpin Murid di peringkat negeri, Simposium Rancangan Muda dan juga untuk Pemimpin Murid Untuk Perpaduan peringkat negeri, Karnival Integrasi Untuk Perpaduan untuk pelajar-pelajar sekolah, Kem Integrasi dan juga pelbagai lagi jenis-jenis program yang telah pun dianjurkan untuk pelajar-pelajar sekolah supaya penerapan nilai-nilai perpaduan dapat diserapkan ke dalam diri mereka.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di samping program Integrasi Murid ini, Jabatan Perpaduan juga telah memperkenalkan Institusi Pendidikan Pra Sekolah iaitu Tabika Perpaduan yang telah pun diwujudkan sejak tahun 1976. Pembelajaran dan pengajaran Tabika Perpaduan ini mengguna pakai Kokurikulum *Standard* Pra Sekolah Kebangsaan, Kementerian Pelajaran Malaysia dan dilaksanakan bagi kanak-kanak berumur 4 hingga 6 tahun dengan memberi fokus kepada kanak-kanak pelbagai kaum agar dapat menerapkan nilai-nilai perpaduan, hidup bermasyarakat serta sebagai persediaan ke alam persekolahan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, selain dari itu juga, di bawah program Jabatan Perpaduan yang apabila berhubung kait dengan pelajar sekolah, kita juga telah menganjurkan program di mana menggalakkan pihak sekolah untuk penubuhan Kelab Rukun Negara di peringkat sekolah-sekolah sama ada sekolah rendah, sekolah

jenis kebangsaan Cina, sekolah jenis kebangsaan Tamil dan juga sekolah-sekolah menengah termasuk penubuhan Sekretariat Rukun Negara di Institut Pengajian Tinggi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau kita lihat, untuk makluman Yang Berhormat Dato' Speaker dan Ahli Dewan yang dimuliakan, kita telah pun menubuhkan 485 Kelab Rukun Negara di sekolah-sekolah rendah termasuk jenis kebangsaan Cina dan juga jenis kebangsaan Tamil di Negeri Johor. Manakala, yang itu di peringkat sekolah rendah, manakala di peringkat sekolah menengah sebanyak 262 Kelab Rukun Negara telah pun ditubuhkan dan yang unik ialah sekolah-sekolah yang menubuhkan Kelab Rukun Negara ini akan diberi RM1000.00 setiap sekolah sebagai geran pelancaran. Dan, bagi institut pengajian tinggi pula RM3000.00 akan diberikan sebagai geran pelancaran penubuhan Sekretariat Rukun Negara di institusi masing-masing.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebagai isu terakhir yang berkaitan dengan perpaduan, saya juga ingin menyentuh isu yang dibawa oleh ADUN Jementah berkaitan, dengan penubuhan Majlis Perpaduan Permuafakatan Negeri Johor. Yang Berhormat Dato' Speaker, selaras dengan wawasan negara untuk mencapai taraf sebuah negara maju pada tahun 2020, pelbagai inisiatif telah dan sedang dilaksanakan di semua peringkat. Di sinilah muncul satu cetusan pemikiran berhubung dengan konsep Muafakat Johor yang diutarakan sebagai strategi baru bagi menangani fenomena pasca PRU 13 yang mempengaruhi pemikiran serta tindakan sebahagian anggota masyarakat khususnya di Negeri Johor.

Di peringkat arus perdana pula, konsep *national reconciliation*, dengan izin, penyatuan nasional telah pun diutarakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkaitan dengan kesan daripada apa yang dipanggil sebagai Tsunami Bangsa dalam PRU ke 13 yang menuntut satu transformasi dalam pendekatan serta strategi bagi menangani fenomena ini. Maka bagi merealisasikan konsep penyatuan nasional menjadi salah satu agenda penting dalam transformasi negara. Maka satu cadangan untuk menubuhkan satu badan yang dikenali sebagai Majlis Perpaduan Negara sedang dilaksanakan oleh agensi pusat iaitu Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional dengan kerjasama Jabatan Perdana Menteri. Majlis Perpaduan ini akan dipengerusikan sendiri di peringkat Pusat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pepatah mengatakan bahawa, "bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat". Betullah pada maksud pengertian pepatah ini maka konsep muafakat Johor akan memberikan penekanan peri pentingnya aspek kehidupan dalam masyarakat sama ada di dalam kaum mahu pun di antara kaum yang harmoni, sepakat, bersefahaman, bertolak ansur, bekerjasama serta paling penting sekali mempunyai jati diri sebagai anak Negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi meningkat dan mengukuhkan lagi perpaduan dan kerjasama di antara kaum dan di dalam kaum, Majlis Permuafakatan Perpaduan ini yang bakal ditubuhkan akan dijadikan sebagai satu asas, dengan izin, *platform* dalam apa jua bentuk program dan tindakan yang akan dilaksanakan selepas ini oleh setiap agensi di peringkat Negeri dan Persekutuan, di peringkat Negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dengan mengambil kira cabaran *national reconciliation*, dengan izin, penyatuan nasional itu yang memberi penekanan kepada

dimensi semangat nasionalisme yang tinggi di kalangan masyarakat pelbagai kaum di negara ini, amnya dan khususnya semangat kenegerian atau jati diri yang tinggi khususnya bagi masyarakat di Negeri Johor. Pengukuhan semangat dan jati diri sebagai anak Johor boleh dicapai melalui penghayatan dan pengamalan dalam kehidupan bermasyarakat berlandaskan kepada prinsip-prinsip yang terkandung di dalam Rukun Negara serta Sejarah Kesultanan Kerajaan Negeri Johor Darul Takzim. Kerajaan sedar akan percambahan buah fikiran yang baik bagi memastikan muafakat di Johor dapat dicapai, ianya tidak boleh tercakup pada *medium* yang kecil. Malah, penglibatan pelbagai pihak seharusnya di pertengahkan dalam Majlis Permuafakatan Perpaduan Johor ini, Kerajaan akan melantik Ahli-Ahli Jawatankuasanya yang terdiri dari pelbagai agensi-agensi Kerajaan sebagai pelaksana:

1. Badan-badan bukan Kerajaan yang mewakili setiap kaum yang ada.
2. Persatuan-persatuan belia yang mewakili setiap kaum yang ada.
3. Turut dianggotai badan-badan profesional
4. Penyelidik universiti tempatan yang khususnya mempunyai kepakaran dalam bidang perhubungan etnik.

Yang Berhormat Dato' Speaker, oleh yang demikian perkongsian yang mantap melalui pelbagai pihak ini akan menguatkan lagi cara gerak kerja yang lebih baik dan seterusnya boleh merangka program-program yang boleh memberi keuntungan kepada semua pihak termasuk apa yang telah pun disyorkan oleh ADUN Jementah untuk mengadakan forum secara terbuka dengan penglibatan pelbagai lapisan masyarakat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya percaya isu perpaduan ialah isu yang cukup penting dan kita sebagai Wakil-Wakil Rakyat dan juga pemimpin-pemimpin di peringkat negeri kitalah sepatutnya orang yang pertama memberi penekanan kepada isu yang berhubung kait dengan perpaduan. Jadi, sebagai pemimpin saya rasa kita mestilah lebih bertanggungjawab supaya kita janganlah membuat sesuatu yang tindakan yang boleh mengelirukan rakyat atau pun meracuni pemikiran rakyat sehingga perpaduan yang kita nak capai akhirnya tidak berjaya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, akhir sekali, pendekatan yang kita usahakan inilah yang menjadi hasrat Kerajaan agar elemen perpaduan dan semangat cintakan negara dapat diterapkan kepada akal anak-anak kita agar jati diri dalam diri mereka sebagai rakyat Malaysia amnya dan khususnya anak Negeri Johor dapat dikekalkan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, "bunga dedap di atas para, anak dusun pasang pelita, kalau tersilap tutur bicara, jemari disusun maaf dipinta". Yang Berhormat Dato' Speaker, akhir sekali saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh perkara-perkara yang berkaitan di bawah portfolio saya. Saya telah cuba untuk memberikan jawapan kepada isu-isu yang dibangkitkan dengan sebaik mungkin. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat perkara-perkara yang terlepas pandang, maaf dipinta dan saya percaya tindakan susulan boleh diambil kerana kita sebagai Ahli-Ahli Dewan Negeri ini mempunyai semangat permuafakatan yang tinggi. Jadi dengan kata-kata itu Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mengundurkan diri dengan ucapan salam sejahtera, salam perpaduan dan salam muafakat Johor. Sekian, terima kasih. (Dewan bertepuk).

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Terima kasih Pengerusi Perpaduan dan Sumber Manusia. Insya-Allah, hajat Yang Berhormat nanti dimakbulkan oleh Allah S.W.T. Sila Pengerusi yang berikutnya.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Terlebih dahulu saya ucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker di atas peluang yang diberikan kepada saya dalam perbahasan di Mesyuarat Ketiga pada Persidangan pada hari ini. Saya turut mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan perkara-perkara yang berhubung kait dengan Jawatankuasa Kerja Raya, kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Negeri Johor.

Pertama, berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat kawasan Skudai mengenai penyelesaian hutang awam Kerajaan Negeri dengan menjual aset Syarikat Air Johor Holding memerlukan pemahaman yang jelas. Ini adalah kali kedua saya membuat penjelasan. Kerajaan tidak menjual aset Syarikat Air Johor Holding. Ia adalah program migrasi aset-aset air kepada PAAB, Perbadanan Aset Air Berhad. Sebenarnya program migrasi aset-aset air ini ialah satu proses pengstrukturan semula hutang pinjaman projek air dan bukannya seperti penjualan pelaburan sebagaimana yang dinyatakan. Industri perkhidmatan air di Negeri Johor telah pun berpindah dari rejim konsesi kepada rejim pelesenan di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air Negara 2006 berkuatkuasa mulai 1 September 2009. Salah satu mekanisme kewangan utama di bawah rejim pelesenan ialah kesemua aset infrastruktur bekalan air dan baki hutang yang berkaitan dengannya yang telah diperolehi oleh Kerajaan Negeri dan Syarikat Air Johor Holding sebelum 1 September 2009 telah diambil alih oleh PAAB dan aset-aset yang berkenaan dipajakkan semula kepada dan Syarikat Air Johor Holding. Sayugia dimaklumkan bahawa pengambilan alih jumlah pinjaman yang besar oleh PAAB telah menyebabkan SAJ terpaksa membayar sewa pajakan yang tinggi berbanding dengan negeri-negeri lain yang turut berhijrah ke rejim pelesenan seperti Pulau Pinang, Melaka dan Negeri Sembilan. Keadaan ini berlaku kerana sejak pengkorporatan Jabatan Bekalan Air Johor melalui penubuhan Syarikat Air Johor Holding Sdn. Bhd. pada tahun 1994 hingga sekarang, Negeri Johor tidak menerima sebarang bantuan kewangan dari Kerajaan Persekutuan bagi membiayai keperluan belanja modal untuk membangunkan infrastruktur bekalan airnya yang senantiasa meningkat dari tahun ke tahun.

Yang Berhormat Dato' Speaker, perkara yang dibangkitkan oleh ADUN Machap dan ADUN Bukit Batu berhubung dengan masalah bekalan air dan tarif air, pencemaran oleh bahan ammonia yang tinggi di Sungai Benut yang berlaku terutama musim hujan lebat menyebabkan beberapa kawasan di sekitar Simpang Renggam mengalami gangguan bekalan air. Apabila Loji Simpang Renggam tidak dapat merawat air pada tahap kebiasaan, pencemaran terjadi apabila berpunca daripada sampah sarap yang mengalir ke dalam sungai tersebut. Pihak SAJ dengan kerjasama pihak JPS dan pihak BAKAJ sentiasa mengambil pendekatan untuk melepaskan air di Empangan Machap secara berkala ke Sungai Benut bagi mengatasi masalah tersebut untuk jangka masa pendek sehingga Pihak Berkuasa Tempatan mendapat kelulusan bagi permohonan projek menaik taraf sistem perparitan Pusat Bandar Simpang Renggam. Saya juga ingin menambah Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, ADUN Mengkibol ada mempersoalkan bahawa Menteri Besar tidak memberi maklumat yang

jelas atas beberapa isu penting yang bersabit dengan soal Empangan Kahang. Kerana pembangunan Empangan Kahang ini akan dapat menyelesaikan masalah bekalan air di Machap, di Simpang Renggam dan juga di Batu Pahat.

Beberapa perkara yang dibangkitkan termasuklah pandangan ADUN Mengkibol seolah-olah Kerajaan membelakangkan EIA. *Environmental Impact Assessment* terperinci. Juru perunding bagi membuat kajian alam sekitar telah dilantik pada 14 November 2012. Bermula dari tarikh tersebut Juru Perunding telah menjalankan aktiviti yang berkaitan dengan keperluan yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar seperti Laporan Penilaian Tapak, penyediaan dan pembentangan bidang rujukan (TOR) bagi EIA terperinci dan lain-lain.

Bidang rujukan bagi EIA terperinci telah dibentangkan kepada Jabatan Alam Sekitar pada 27 Mac 2013. Dan kelulusan mengenainya telah pun diperolehi. Selain daripada aktiviti soal selidik yang dilaksanakan oleh Juru Perunding, dialog umum juga telah diadakan pada 16 Mei 2013 bertempat di Dewan Orang Ramai FELDA Kahang Timur di Kluang. Pada 5, 12 dan 19 September 2012 sekali lagi pada tahun 2013, iklan mengenai Laporan Awal Kajian EIA terperinci telah dimaklumkan melalui akhbar dan laporan tersebut telah dipamerkan di pejabat atau lokasi yang tertentu bagi mendapat pandangan dan komen daripada agensi, NGO dan orang ramai dan semua pihak yang berkepentingan. Pada 8 Oktober 2013, Laporan Akhir EIA terperinci telah siap dan dibentangkan kepada Jabatan Alam Sekitar. Walau bagaimanapun dengan mengambil kira segala pandangan dan komen daripada agensi berkaitan seperti Jabatan Hutan, Jabatan PERHILITAN, Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Hidupan Liar, Syarikat Air Johor, NGO dan orang ramai, Laporan Akhir EIA terperinci dikemukakan semula kepada Jabatan Alam Sekitar Putrajaya pada 1 November 2013 dan dijangka Laporan Akhir dimuktamadkan pada akhir November 2013.

Jadi kalau ada pandangan bahawa kita membelakangkan EIA terperinci ni tidaklah begitu tepat. Untuk makluman Dato' Timbalan Speaker, salah satu perkara yang menarik dalam Laporan EIA Terperinci ialah kalau terdapat gajah di kawasan tersebut, nak mengeluarkan gajah, nak memindahkan gajah daripada kawasan tertentu Jabatan Alam Sekitar atau Jabatan PERHILITAN boleh membayar RM70,000 seekor. Kalau Yang Berhormat nak pertimbangkanlah. Sementara itu proses perolehan kontraktor bagi pembinaan projek ini turut berjalan seiring di mana Surat Pelawaan Tender telah dikeluarkan pada bulan Ogos 2013 dan tarikh tutup tender pada 21 Oktober 2013. Surat Pelawaan Tender telah dikeluarkan pada Perunding Perancang Bandar pada 10 Oktober 2013 untuk menguruskan permohonan bagi mendapatkan Kebenaran Merancang. Daripada Jabatan Perancang Bandar dan Desa Johor. Kelulusan Kebenaran Merancang ini adalah tertakluk di bawah Peruntukan Seksyen 20A, Akta Perancang Bandar dan Desa manakala Surat Setuju Terima dijangka dikeluarkan pada kontraktor yang berjaya pada bulan Januari 2014.

Oleh yang demikian, setelah mematuhi semua ketetapan atau prosedur, proses perolehan dan peraturan kewangan yang berkuatkuasa bagi pembinaan projek Empangan Kahang hanya akan bermula pada akhir bulan Januari 2014 yang dijangkakan menelan belanja sebanyak RM105 juta. Yang Berhormat Mengkibol juga berpendapat mungkin agaknya terdapat tanah-tanah yang akan diambil bagi pembinaan Empangan Kahang. Saya ingin menegaskan di sini bahawa tiada sebarang tanah yang akan diambil untuk kegunaan pembinaan Empangan Kahang.

Selepas paksi empangan asal berubah, kepada paksi empangan alternatif, pembinaan Empangan Kahang tidak melibatkan sebarang pengambilan balik tanah. Bagi tujuan pembinaan jalan masuk ke lokasi. Empangan tersebut, tanah yang terlibat adalah pemilikan di bawah Kerajaan Negeri. Manakala kawasan rizab hutan yang terlibat difenggelami oleh air apabila empangan siap dibina kelak telah pun digazetkan, malah *double* gazet Yang Berhormat, sebagai kawasan hutan simpan dan kawasan tadahan air.

Yang Berhormat daripada Mengkibol ada bertanya sama ada empangan juga dapat menyelesaikan masalah banjir di bandar Kluang. Apabila pembinaan empangan siap kelak, empangan tersebut berfungsi untuk mengatasi masalah bekalan air mentah pada musim kemarau di daerah Kluang, dan sebagai kawalan tadahan air. Di samping itu, pembinaan empangan tersebut dapat mengurangkan kesan banjir di sepanjang jajaran sebelum pertembungan di antara Sungai Kahang dan Sungai Madek. Oleh yang demikian, pembinaan empangan tersebut dapat mengawal tadahan air dan aliran air yang berlebihan disalurkan Sungai Endau serta jajaran sungai tersebut tidak melalui bandar Kluang. Ini bererti fungsi Empangan Kahang juga berperanan untuk mengatasi masalah banjir di Kluang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, berkaitan sama ada tarif air akan dinaikkan pada tahun depan atau sebaliknya, langkah sewajarnya perlulah diambil terlebih dahulu. Keputusan bagi cadangan kenaikan tarif air adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Pusat melalui pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara. Dalam proses penentuan tarif air, Kerajaan Negeri telah meminta agar beberapa elemen dalam struktur tarif tersebut dikaji semula supaya tidak membebankan orang ramai serta memastikan industri bekalan air di negara ini membangun secara mampan.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, pendekatan kita harus memastikan generasi akan datang juga tidak dibebani masalah bekalan air kerana air adalah perkara yang paling asas. Tarif semasa juga tidak mengabaikan kemampuan golongan miskin dan miskin tegar di mana sebanyak 791 golongan tersebut telah menerima rebat air sebanyak 10 meter padu dan juga 20 meter padu sebagai memenuhi usaha membantu golongan miskin dan miskin tegar ini. Cadangan memperluaskan pemberian rebat air akan dilaksanakan pada tahun hadapan dengan mensasarkan golongan miskin dan miskin tegar sedia ada berdaftar dengan e-Kasih serta diperluaskan kepada golongan lain yang disenaraikan di Jabatan Kebajikan Masyarakat, Majlis Agama Islam Johor dan juga Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. Pada masa ini sebanyak RM120,000.00 setahun diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri bagi pemberian rebat air. Namun jumlah ini akan dipertingkatkan pada kira-kira 5,000 orang golongan sasar yang layak menerima rebat air 35 meter padu dengan peruntukan sebanyak RM2.4 juta setahun. Ini bermakna pemberian rebat air di negeri ini lebih fokus kepada yang memerlukan daripada memberi rebat yang membabitkan semua orang yang akhirnya boleh menggalakkan pembaziran.

Yang Berhormat Dato' Speaker, isu jalan mendap, kerosakan jalan serta penurapan jalan baru telah dibangkitkan oleh ADUN Maharani, ADUN Tanjung Surat, ADUN Sedili, ADUN Semerah, ADUN Bukit Naning, ADUN Rengit, ADUN Parit Ya'ani dan juga ADUN Yong Peng. Berhubung dengan isu berkaitan jalan mendap di Parit Sakai Laut, Parit Amar Tengah dan Laut, Muar, ianya telah dibangkitkan dalam Mesyuarat Tindakan Daerah pada bulan Ogos yang lepas. Yang mana pihak JPS telah memaklumkan

bahawa kos untuk pengukuhan dan pembaikan jalan tersebut adalah tinggi, kerana ia melibatkan kawasan tanah lembut dan berisiko seperti berlaku tebing runtuh terutamanya yang berhampiran dengan jalan. Oleh yang demikian, cadangan yang diberikan ialah dengan membuat jajaran semula jalan tersebut dan mengekalkan rizab parit selebar 5 meter bagi mengatasi masalah yang sama daripada berulang. Manakala Jalan Parit Haji Ali, kerja-kerja penyelenggaraan berkala, penyelenggaraan berkala telah dilaksanakan pada bulan Mei 2013. Sepanjang 680 meter penyelenggaraan dah pun dijalankan. Berdasarkan laporan rondaan oleh pihak IDJ pada 11 Oktober 2013, kerosakan keutamaan adalah rendah dan tidak memerlukan penyelenggaraan secara berkala.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kelewatan memperbaiki kerosakan di Jalan-Jalan Persekutuan seperti yang dibangkitkan oleh ADUN Tanjung Surat, dan ADUN Sedili, pihak JKR telah memberi amaran kepada pihak konsesi. Sekiranya gagal memperbaiki kerosakan jalan dalam tempoh yang ditetapkan iaitu 24 jam setelah dikesan, maka pihak JKR, Daerah akan melantik pihak ketiga dan pemotongan bayaran akan dibuat kepada pihak Selia Selenggara. Berhubung dengan kerosakan jalan dari Kg. Mawai Baru ke Sungai Mas, FT99, pihak JKR telah menerima peruntukan sebanyak RM3 juta, ini berbanding dengan jumlah yang dipohon sebanyak RM13 juta. Kerja-kerja pemulihan dijangka dapat disiapkan sebelum akhir tahun.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, berhubung kerosakan Jalan Persekutuan, Batu Pahat-Muar, Batu Pahat-Pontian dan Yong Peng-Muar akan diambil perhatian yang lebih, di mana permohonan peruntukan penyelenggaraan bagi tahun 2014 telah dibuat dan kerja-kerja pembaikan akan dilaksanakan dengan segera apabila permohonan diluluskan dan bagi menjamin keselamatan pengguna jalan raya. Mengenai kerosakan bahu jalan dan pelebaran di Parit Haji Ali, Parit Sidek dan Parit Iman, laporan rondaan oleh pihak IDJ pada bulan Oktober memaklumkan kerosakan bahu jalan adalah berpunca daripada pembinaan longkang oleh agensi lain. Menyebabkan bahu jalan berlekok manakala berkaitan dengan pelebaran jalan pula keutamaannya adalah rendah dan tidak termasuk di dalam senarai keutamaan. Sementara pelebaran jalan Parit Beleman, Parit Kassim dan Kg. Baru Mukim 7, hanya Kg. Baru Mukim 7 yang sedang dilaksanakan pelebarannya. Manakala jalan Parit Kassim belum ada dalam perancangan dan juga Parit Beleman termasuk dalam program penyelenggaraan berkala. Mengenai jalan Kg. Sungai Berlian, dimaklumkan perancangan terdekat hanya melibatkan menurap semula Kg. Haji Badar Batu 9, yang mana ianya termasuk di dalam kawasan Kg. Sungai Berlian. Kajian menurap semula Jalan Manong ke Empangan Manong telah dilaksanakan sepanjang 500 meter manakala baki jalan yang belum berturap ke empangan tersebut adalah di bawah seliaan TNB dan akan diambil tindakan yang sewajarnya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, perkara berkaitan projek menaik taraf jalan juga telah dibangkitkan oleh ADUN Tenang, ADUN Buloh Kasap, ADUN Senai, ADUN Johor Jaya dan ADUN Skudai. Mengenai projek Jalan FELDA Redong-Selancar, pihak JKR telah menamatkan kontraktor asal pada 1 Oktober 2012 dan telah membuat tawaran semula pada 23 Mei 2013 dan tender telah ditutup pada 24 Jun 2013. Walau bagaimanapun, kos keseluruhan projek ini telah melebihi siling peruntukan sedia ada. Oleh yang demikian JKR Negeri Johor telah memohon kelulusan tambahan siling peruntukan pada 13 September baru-baru ini. Dan seterusnya sedang menunggu kelulusan bagi kenaikan siling peruntukan daripada EPU bagi melantik kontraktor baru.

Surat Tawaran atau *Letter of Acceptance* akan dikeluarkan oleh JKR Negeri Johor setelah mendapat kelulusan tambahan siling dari EPU. JKR akan sentiasa memantau prestasi kontraktor mengikut program kerja yang diluluskan dan memastikan projek mengikut syarat kontrak supaya kerja dapat disiapkan mengikut masa yang telah ditetapkan. Salah satu contoh, ibu pejabat JKR telah mengadakan *problem solving governance* untuk membincangkan dan menyelesaikan masalah projek lewat. Projek naik taraf Jalan Muar-Tangkak, ianya melibatkan 2 fasa yang sedang berjalan. Fasa 1 daripada Kg. Gemereh hingga ke Simpang UiTM yang telah mencapai 29.9% siap berbanding jadual asal 60.4%, iaitu kelewatan selama 167 hari.

Punca-punca kelewatan adalah disebabkan kelewatan pengambilan balik tanah dan kelewatan pengalihan setinggan dan pengalihan kubur di sepanjang laluan. Begitu juga dengan kelewatan pengalihan saluran utiliti paip air dan TNB. Kos projek adalah berjumlah RM150 juta dan tarikh mula adalah pada 1 November 2011 dan tarikh siap semasa adalah pada 3 April 2014.

Untuk fasa kedua dari Simpang UiTM hingga Pekan Jementah peratus kemajuan kerja di tapak ialah 13.7 berbanding jadual 22.6 iaitu kelewatan selama 46 hari. Punca utama kelewatan adalah sama seperti di fasa pertama. Kos projek adalah berjumlah RM119 juta dan tarikh mula ialah pada 14 Mac 2012 manakala tarikh siap semasa ialah pada 25 November 2014.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, permohonan menaik taraf Jalan dari Pekan Senai ke Kulai untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas sebenarnya telah dipohon di bawah *rolling plan* keempat dalam Rancangan Malaysia Ke-10, tapi masih belum diluluskan. Menaik taraf Jalan Pasir Gudang daripada 4 lorong kepada 6 lorong ianya mengalami kelewatan 45 hari berbanding jadual setelah lanjutan masa diberikan. Punca kelewatan adalah disebabkan kerja-kerja pengalihan saluran utiliti, kelewatan kerja-kerja meroboh setinggan. Tarikh milik tapak ialah pada 16 Julai 2012, manakala tarikh siap semasa ialah pada 30 September 2015.

Berkaitan projek Jambatan Pandan, kelewatan adalah disebabkan kontraktor bercadang mengubah reka bentuk untuk mengelak saluran gas yang menelan belanja sebanyak RM2 juta bagi tujuan pengalihan atau mengelak saluran gas tersebut.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, permohonan jalan baru juga dibangkitkan oleh ADUN Machap, Bekok, Tangkak dan Puteri Wangsa. Bagi perkara yang dibangkitkan ADUN Machap, berhubung dengan permohonan membina jalan dari Keramoyang ke MPOB Rengam sepanjang 10.5 kilometer dan cadangan pembinaan jalan dari Bekok ke Paloh sepanjang 15 kilometer seperti yang dibangkitkan oleh ADUN Bekok dan membina jalan baru ke kawasan pertanian Kampung Solok seperti yang dibangkitkan oleh ADUN Tangkak, perkara ini akan dibuat penelitian lanjut untuk mengenal pasti jajaran yang paling sesuai sebelum permohonan dimajukan kepada pihak Kementerian.

Berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh ADUN Puteri Wangsa berkaitan kerja-kerja menurap jalan di Batu 40 Jalan Johor – Simpang Renggam berhampiran Sekolah Menengah Agama Al-Masariah pihak JKR akan memohon peruntukan

daripada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah di bawah Program Jalan Penghubung Desa pada tahun hadapan.

Perkara yang dibangkitkan oleh ADUN Yong Peng dan ADUN Tenggaroh mengenai isu ketiadaan lampu jalan dan bekalan elektrik yang sentiasa terputus. TNB tiada halangan untuk membuat pemasangan lampu jalan sekiranya diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan, Walau bagaimanapun setakat ini TNB belum menerima sebarang permohonan lampu jalan berkaitan dari mana-mana pihak. Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, pihak TNB kesal dengan kesulitan yang di timbul akibat dari bekalan elektrik yang sering terputus di Kawasan Tenggaroh.

Untuk makluman TNB telah mengenal pasti beberapa tempat yang menjadi punca utama gangguan bekalan elektrik tersebut dan sedang menaik taraf sistem bekalan elektrik voltan tinggi di kawasan tersebut, kawasan terlibat. Untuk tempoh 1 September 2013 hingga 31 Ogos 2014, iaitu tahun kewangan 2013, 2014 ini TNB akan menjalankan 4 projek utama iaitu menaik taraf Pencawang Elektrik Felda Tenggaroh 1 ke Pencawang Elektrik Felda Tenggaroh 5. Menaik taraf sistem suis Felda Tenggaroh 3 ke Pencawang Elektrik Felda Tenggaroh Timur. Merombak sistem voltan tinggi Daiumac ke Institut Latihan Perindustrian dan daripada Institut Latihan Perindustrian ke Pejabat Perhutanan serta menaik taraf Pencawang Masuk Utama Mersing ke Pencawang Elektrik Loji Air Kampung Wak Salam, Mersing dengan jumlah kos keseluruhan sebanyak RM4.5 juta. Pihak TNB yakin dengan projek menaik taraf sistem bekalan elektrik di kawasan ini akan dapat mengatasi masalah-masalah yang berbangkit.

Berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh ADUN Tenang dan Bekok mengenai penguatkuasaan undang-undang berkaitan multimedia dan komunikasi serta meletakkan aset jalur lebar di Pusat Komuniti, pihak SKMM sedang mempertingkatkan usaha penguatkuasaan terhadap kesalahan di bawah Akta Komunikasi dan Mutlimedia 1998. Namun begitu selain daripada SKMM, agensi lain juga seperti Polis, Kementerian Dalam Negeri (KPDNKK), atau JAKIM mempunyai kuasa untuk mengambil terhadap kesalahan-kesalahan yang berlaku di atas talian mengikut perundangan dan bidang kuasa agensi tersebut, seperti mana kenyataan Timbalan Menteri, Kementerian Komunikasi dan Multimedia pada 10 November 2013.

Mengikut rekod kami belum terdapat sebarang Pusat Internet 1Malaysia, SKMM di dalam kawasan DUN Bekok. Namun pihak SKMM telah pun menyediakan internet kampung tanpa wayar dengan kelajuan 4 mgb sesaat, di lokasi-lokasi berikut di dalam DUN Bekok dari sejak tahun 2011.

1. Kampung Melayu Baru Chaah
2. Kampung Jawa, Chaah
3. Kampung Kangkar, Chaah
4. Kampung Sungai Sabar dan juga
5. Taman Permata

Pihak SKMM belum mempunyai sebarang perancangan khusus untuk penyediaan Pusat Internet 1 Malaysia di kawasan DUN Bekok, namun, akan mengambil kira kawasan ini untuk perancangan akan datang.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, perkara yang dibangkitkan oleh Pasir Raja adalah mengenai Sekolah Agama Rakyat di Rancangan-Rancangan FELDA Wilayah Johor Bahru. Bangunan Sekolah Agama Rakyat tersebut didirikan oleh pengurusan FELDA, manakala urusan pentadbirannya seperti pengambilan dan pembayaran elaun guru, silibus serta alat bantu mengajar diuruskan oleh Jabatan Agama Islam. FELDA tiada halangan sekiranya Jabatan Agama Johor ingin mendapatkan hak milik dan menjadikan Sekolah Agama Rakyat ini diserap menjadi Sekolah Agama Johor. Namun, segala kos yang berkaitan hak milik seperti kos ukur tanah serta urusan permohonan bolehlah diurus oleh Jabatan Agama Islam Johor.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, begitulah ulasan yang dapat saya berikan terhadap perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini. Mana-mana jawapan yang kurang jelas, jawapan secara bertulis atas permintaan untuk huraian lanjut akan diambil tindakan. Sementara perkara-perkara yang berbangkit sekiranya masih dalam perbincangan di peringkat Jabatan maka penjelasan akan dimaklumkan dari masa ke semasa. Sekian, terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Terima kasih Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Kita teruskan perbahasan, sila.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, Selamat sejahtera, salam 1 Malaysia, salam muafakat Johor. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kerana sudi memberi peluang kepada saya untuk turut serta mengambil bahagian dalam penggulungan perbahasan bagi sesi Belanjawan Negeri Johor bagi tahun 2014.

Saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, kerana berjaya membentangkan Bajet 2014 yang bertemakan Muafakat Pembangunan dan Pengagihan dalam Dewan yang mulia ini.

Seterusnya saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat kerana banyak perkara yang telah ditimbulkan semasa perbahasan tersebut dan saya akan memberi perhatian sepenuhnya terhadap semua teguran serta berusaha melaksanakan saranan dan cadangan yang sesuai yang telah dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, Yang Berhormat Paloh menyoalkan sama ada Kerajaan Negeri bercadang untuk mewujudkan Kedai Rakyat 1 Malaysia di kawasan Paloh untuk mengurangkan beban rakyat Kawasan Paloh. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian sememangnya merancang untuk membuka sebuah Kedai Rakyat 1 Malaysia di kawasan Parlimen Sembrong pada tahun ini, sama ada di kawasan Paloh atau Kahang. Sehingga kini Kementerian sedang mencari lokasi yang bersesuaian bagi pembukaan Kedai Rakyat 1 Malaysia di kawasan tersebut. Sekiranya Yang Berhormat mempunyai lokasi cadangan bolehlah dikemukakan kepada pihak Kementerian.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, Yang Berhormat Paloh juga menyatakan bahawa Negeri Johor kaya dengan anugerah alam yang jika diterokai, di eksploitasi dan disusun menjadi pakej pelancongan serta dipromosikan di seluruh dunia.

khususnya melalui laman sesawang *website* dengan izin, akan menjadikan Johor sebagai destinasi pelancongan utama.

Sememangnya produk pelancongan berasaskan alam semula jadi atau eko-pelancongan adalah merupakan salah satu daya tarikan pelancongan domestik dan pelancong luar negara ke Negeri Johor. Untuk terus memastikan produk pelancongan berasaskan alam semula jadi ini menjadi daya tarikan pelancong, Kerajaan Negeri dari masa ke semasa sentiasa berusaha memperbanyakkan dan mempertingkatkan pakej pelancongan Negeri Johor berasaskan segmen pasaran semasa seperti pakej eko-pelancongan, agro-pelancongan, sukan, pendidikan dan sebagainya.

Justeru itu, pada setiap tahun Kerajaan Negeri Johor melalui Jabatan Pelancongan Negeri Johor akan menyertai program-program pameran pelancongan dalam dan luar Negara sama ada di bawah *pavilion* dengan izin, *Tourism Malaysia* atau secara persendirian seperti MATTA International Travel Fair di seluruh Malaysia, NATAS International Travel Fair di SIngapura, ITB (International Tourisms Borse) di Berlin, Shanghai International Expo di Shanghai, China, World Travel Mart (WTM), London dan sebagainya.

Selain itu, program lawatan pengenalan atau *famtrip* dengan izin, kepada agensi pelancongan, media dan *travel writer* dengan izin, dari dalam serta luar Negara di mana para peserta program ini akan dibawa melawat produk-produk pelancongan yang terdapat di seluruh Negeri Johor. Untuk makluman pada tahun ini Kerajaan Negeri telah mengadakan sebanyak 16 program *famtrip* yang melibatkan 10 buah Negara seperti Indonesia termasuk Jakarta, Bandung, Pekan Baru, Batam, China termasuk Hong Kong, Shanghai, Beijing, Guangzhou, Cengdu, Taiwan, India, Australia, Korea, Singapura, Brunei dan Thailand.

Kerajaan Negeri turut memperhebatkan kempen promosi dan tidak dinafikan bahawa program promosi secara *online* merupakan medium informasi utama para pelancong masa kini. Justeru itu, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pelancongan Negeri Johor sedang berusaha untuk menaik taraf laman Web Pelancongan Negeri Johor dan membangunkan aplikasi *mobile application*, dengan izin, pada tahun 2014.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, Yang Berhormat Pasir Raja juga menyatakan untuk menjadikan Johor sebagai hab membeli belah utama dunia kerana faktor pertukaran mata wang asing, adanya JPO, Pekan Seramik Air Hitam dan dicadangkan juga diwujudkan *Johor Factory Outlet*, dengan izin Kerajaan Negeri menyambut baik pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Pasir Raja. Dan, untuk menjadikan Johor sebagai hab membeli belah utama dunia atau cadangan mewujudkan *Johor Factory Outlet*, walau bagaimanapun cadangan ini memerlukan kajian dan perancangan yang rapi. Sungguh pun demikian, usaha untuk mempromosikan pusat membeli belah yang terdapat di Negeri Johor termasuk yang dinyatakan oleh Yang Berhormat, iaitu JPO dan Pekan Seramik Air Hitam sebagai produk pelancongan sememangnya dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri secara berterusan.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, Yang Berhormat Tenang dan Yang Berhormat Serom ada mencadangkan beberapa kampung di kawasan Ahli Yang Berhormat dibangunkan sebagai kawasan pelancongan, kerana terdapat daya tarikan. Bagi memastikan faedah pembangunan industri pelancongan ini dapat dinikmati oleh masyarakat luar bandar, Program Pelancongan Inap Desa atau *homestay* telah diperkenalkan. Program ini bukan sahaja membuka ruang kepada masyarakat desa untuk menambahkan pendapatan mereka, malahan program ini juga adalah salah satu program yang memberikan pendedahan kepada masyarakat luar bandar mengenai perkembangan industri pelancongan Negara.

Dengan sokongan kekayaan sumber alam semula jadi yang terdapat di Negeri Johor ini juga seperti Hutan Lipur, Air Terjun, Kolam Air Panas dan sebagainya, saya percaya program *homestay* ini akan terus menjadi tumpuan terutamanya bagi golongan yang mencintai alam semula jadi seperti Jepun, Taiwan, Australia, Rusia dan sebagainya. Justeru itu, saya akan memberikan perhatian terhadap cadangan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Tenang dan Yang Berhormat Serom untuk memajukan perkampungan di kawasan Ahli Yang Berhormat, sebagi salah satu produk pelancongan atau *homestay* di Negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, Yang Berhormat Bukit Batu menyatakan bahawa hanya 18% daripada jumlah 22.2 juta pelawat yang singgah dan berbelanja di Negeri Johor. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebagaimana yang kita sedia maklum, bahawa Negeri Johor merupakan pintu masuk utama pelawat asing ke Malaysia. Terdapat 14 buah pintu masuk di Negeri Johor di mana pada tahun 2012 seramai 22.2 juta pelawat telah memasuki Negeri Johor. Berdasarkan data yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri, terdapat tiga kategori pelawat yang memasuki Negeri Johor iaitu:-

1. Pelawat yang masuk dengan tujuan membeli belah, makan, berhibur, kemudian pulang ke Negara asal terutamanya bagi Negara jiran Singapura, sama ada warganegara Singapura ataupun warganegara asing yang menginap di Singapura.

2. Pelawat yang masuk ke Negeri Johor dan kemudian meneruskan perjalanan ke lain-lain Negeri di Malaysia.

3. Pelawat yang bermalam dan pelawat ini diklasifikasikan sebagai pelancong, di mana pada tahun 2012 seramai 3.9 juta pelancong telah bermalam di Negeri Johor.

Secara keseluruhannya, pelawat yang masuk ke Malaysia, melalui pintu-pintu masuk di Negeri akan singgah dan berbelanja di Negeri Johor.

Yang Berhormat Bukit Batu juga ada menyarankan agar Lapangan Terbang Senai di naik taraf untuk menarik lebih ramai pelancong asing dan menerima pesawat komersil bersaiz besar ke Negeri Johor. Sejak penswastaan pengurusan dan operasi Lapangan Terbang Senai kepada Senai Airport Terminal Services Sdn. Bhd. daripada Malaysia Airport Holding Berhad berkuat kuasa pada 1 November 2003, pelbagai pembangunan menambah baik dan menaik taraf infrastruktur serta kemudahan asas telah dilaksanakan di Lapangan Terbang Senai.

Lapangan Terbang Senai pada masa ini mempunyai kapasiti *runway* 3,800 meter yang mampu menerima pelbagai jenis pesawat komersil bersaiz besar seperti jenis *Boeing* B747 dan *Airbus* A380. Saya juga difahamkan pada tahun ini, Lapangan Terbang Senai sedang giat menjalankan pembinaan terminal, khusus bagi mengendalikan pesawat peribadi yang dijangkakan akan siap pada bulan Disember 2013 dan dibina lengkap dengan kemudahan Kastam, Imigresen, Kuarantin atau CIQ dengan izin, bagi *VVIP* atau *VIP* atau pelabur-pelabur antarabangsa ke Wilayah Iskandar Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, Yang Berhormat Sungai Balang telah mengemukakan cadangan untuk membina satu dewan dengan kemudahan teknologi telekomunikasi yang lengkap bagi memudahkan maklumat mengenai keunikan produk ekopelancongan di Sungai Balang, Muar, seperti burung migrasi, khususnya spesies burung botak dapat disalurkan kepada para pelajar dan pelancong dari dalam dan luar Negara.

Produk ekopelancongan yang terdapat di Parit Jawa, Muar adalah salah satu produk ekopelancongan yang unik, yang melibatkan atau berdasarkan burung-burung migrasi di dunia terutamanya burung botak. Burung-burung migrasi ini mula singgah di Pantai Leka, Parit Jawa, Muar bermula pada bulan Mac hingga Mei pada setiap tahun. Justeru itu, bagi memastikan produk ekopelancongan ini terus menjadi tumpuan dan daya tarikan, Kerajaan Negeri telah memberikan perhatian dalam mempertingkatkan kemudahan infrastruktur di Parit Jawa, Muar melalui Pakej Rangsangan Ekonomi dengan jumlah peruntukan sebanyak RM310,000.00 yang melibatkan pembinaan komponen Menara Tinjau dan laluan pejalan kaki.

Sehingga kini, Parit Jawa, Muar terus menjadi tumpuan bukan sahaja disebabkan produk ekopelancongannya, malahan produk makanannya iaitu Asam Pedas, Parit Jawa yang mula terkenal di kalangan para pelancong tempatan. Walau bagaimanapun, cadangan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Sungai Balang, untuk membina satu dewan dengan kemudahan teknologi telekomunikasi yang lengkap, akan dipertimbangkan untuk dimajukan kepada pihak Kementerian Pelancongan.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, semasa pembentangan Bajet 2014 oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor adalah menyatakan bahawa bagi merancakkan lagi industri pelancongan Negeri Johor, Kerajaan Negeri telah

menyiapkan Pelan Induk Pelancongan Negeri Johor 2014 – 2023. Pelan Induk ini akan digunakan sebagai garis panduan untuk merangka hala tuju pembangunan pelancongan Negeri Johor ke arah pelancongan bernilai tinggi menjelang tahun 2020.

Justeru itu, saya berharap semua pihak termasuk Ahli-Ahli Yang Berhormat dapat memberikan pandangan dan cadangan, khususnya di dalam usaha membangunkan industri pelancongan di daerah-daerah melalui Jawatankuasa Pelancongan Daerah, yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah dan menjadikan Pelan Induk Pelancongan Negeri Johor sebagai panduan untuk merancang dan membangunkan industri pelancongan di setiap daerah.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, Industri Pelancongan merupakan antara aset terpenting bagi mana-mana Negeri di Malaysia. Ia akan menjadi antara sumber hasil utama setiap negeri sekiranya negeri tersebut mempunyai pelbagai produk pelancongan. Johor adalah antara negeri yang bertuah kerana mempunyai pelbagai produk pelancongan yang boleh dipasarkan kepada dunia.

Namun begitu, kejayaan industri pelancongan hanya boleh dicapai sekiranya semua *industri player*, dengan izin, pemain dalam industri pelancongan ini berganding bahu bersama-sama mempromosikan produk pelancongan dalam cara yang positif. Kejayaan industri pelancongan ini bukan terletak di bahu agensi Kerajaan semata-mata. Semua orang di Negeri Johor perlulah memainkan peranan. Kerajaan akan bekerjasama dengan pihak swasta, orang perseorangan dan yang utamanya seluruh rakyat Johor tanpa mengira latar belakang politik. Sebagai contoh, Ahli-Ahli Yang Berhormat pihak pembangkang yang mempunyai produk pelancongan di kawasan boleh turut serta mempromosikan produk dan bukan sebaliknya, dengan hanya memperlekehkan usaha Kerajaan.

Maka itu, adalah wajib untuk mempromosikan Negeri sebagai produk pelancongan, menjelang Tahun Melawat Malaysia 2014 atau *Visit Malaysia Year 2014*. Kita seharusnya bersiap sedia untuk menyambut dengan layanan mesra, senyuman manis dan memberikan perkhidmatan berkualiti kepada para pelancong, khususnya bagi mereka yang julung-julung kalinya melawat ke Malaysia atau Negeri kita. Ini adalah usaha penting untuk memastikan Johor dijadikan sebagai destinasi percutian tetap mereka dan bukannya sebagai tempat kunjungan atau lawatan semata-mata.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, itulah beberapa perkara yang dapat saya jelaskan dan saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih, kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan dan cadangan mengenai Industri Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan dalam perbahasan mereka di dalam Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Pelancongan, Perdagangan serta Kepenggunaan. Kita teruskan Perbahasan, jemput Yang Berhormat.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker. Bismillahirrahmannirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera dan Salam Muafakat Johor.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, terlebih dahulu di atas peluang yang telah diberikan kepada saya untuk turut serta dalam penggulungan Perbahasan Atas Rundingan Bacaan Kali Yang Kedua Bagi Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan 2014 Tahun 2013. Di kesempatan ini saya mengucapkan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan cadangan serta pandangan dan juga teguran tentang perkara-perkara yang berhubung kait dengan jabatan-jabatan di bawah portfolio Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri Johor.

Berenang-renang si ikan keli, dipancing orang di atas jeti, cadangan di bentang jelas sekali, jawapan diberi harap diteliti.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, Yang Berhormat ADUN Rengit telah membangkitkan mengenai dengan penempatan dan tambahan unit kedai Orang Asli di Perkampungan Orang Asli Bumiputera Dalam. Kampung Orang Asli Bumiputera Dalam yang berada di Dewan Undangan Negeri Rengit dan Kawasan Parlimen Batu Pahat merupakan masyarakat Orang Asli daripada keturunan Etnik Orang Kuala. Dan, bilangan mereka adalah seramai 409 orang dengan bilangan Ketua Isi Rumah seramai 140 orang. Terima kasih kepada Yang Berhormat Rengit kerana memberi perhatian kepada masyarakat Orang Asli yang tinggal di penempatan ini.

Untuk makluman dari tahun 2000 sehingga kini, Kerajaan telah membina rumah kediaman untuk masyarakat Orang Asli di Kampung Bumiputera Dalam, Rengit sebanyak 128 unit melalui Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat. Berkaitan dengan rumah yang telah uzur, Kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Orang Asli ataupun JKOA telah merancang untuk membaik pulih 10 unit rumah pada tahun 2014. Berhubung dengan perparitan dan longkang yang terdapat di kampung ini untuk tindakan jangka pendek pada tahun ini, kerja-kerja baik pulih akan dilaksanakan sebelum akhir tahun melibatkan kos sebanyak RM50,000.00. Manakala untuk tindakan jangka panjang, Unit Perancang Ekonomi telah meluluskan peruntukan sebanyak RM200,000.00 bagi membaik pulih sistem perparitan dan longkang di penempatan ini dan projek insya-Allah akan dilaksanakan pada tahun hadapan.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri telah merancang dan meluluskan bagi melaksanakan beberapa projek di

perkampungan tersebut antaranya menaik taraf balai raya, menaik taraf jeti nelayan, membina tandas awam dan pembinaan jambatan konkrit serta pembinaan tambahan kedai untuk ruang perniagaan barang terpakai yang melibatkan anggaran kos keseluruhan sebanyak RM4.3 juta. Dengan penambahan ruang niaga ini maka akan lebih ramai lagi masyarakat Orang Asli di kampung tersebut yang akan diberikan peluang berniaga bagi menambahkan pendapatan mereka.

Yang Berhormat ADUN Bukit Permai membangkitkan berhubung pemberian bantuan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat kepada keluarga miskin tegar dan juga miskin. Untuk makluman Yang Berhormat, kadar bantuan kewangan yang disalurkan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat telah beberapa kali dinaikkan dan ada juga di antaranya yang baru diperkenalkan supaya dapat membantu kumpulan sasar keluar dari belenggu kemiskinan. Kadar kenaikan bantuan dan skim-skim baru yang diperkenalkan dari tahun 2007 hingga 2012 adalah seperti berikut; Bagi kadar kenaikan bantuan untuk Bantuan Orang Tua, kadar asalnya hanyalah RM200.00 tetapi bagi kadar baru adalah sebanyak RM300. Dan bagi elaun pekerja cacat ataupun EPC, kadar asalnya adalah RM 200 dan dinaikkan kepada RM300.00 yang telah dimulakan pada tahun 2007. Bagi Bantuan Am Negeri, kadar bantuan pada asalnya hanyalah RM115.00 tetapi telah dinaikkan pada tahun 2012 sebanyak RM150.00 dan bagi skim bantuan baru pula, Bantuan Penjagaan OKU Terlantar dan juga Pesakit Kronik Terlantar ataupun BPT itu merupakan bantuan baru yang mana kadarnya adalah RM300.00 dan bagi bantuan Orang Kurang Upaya Tidak Berupaya Bekerja ataupun BTB adalah sebanyak RM150.00 itu pun merupakan kadar baru. Dan selain daripada bantuan kewangan, Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga Dan Masyarakat telah melaksanakan Program 1 Azam di bawah Program Tranformasi Kerajaan NKRALIH. Bidang Keberhasilan Utama Negara mempertingkatkan Taraf Hidup Isi Rumah Berpendapatan Rendah ataupun *Low Income Households*. Program 1Azam merangkumi bidang pertanian, pekerjaan, perniagaan dan juga perkhidmatan. Dan program ini turut melibatkan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan dikenali sebagai *productive welfare* dan mensasarkan peningkatan pendapatan penerima bantuan kewangan yang produktif dalam usaha untuk membangunkan ke arah berdikari dan program ini dikendalikan sepenuhnya oleh pihak Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga Dan Masyarakat. Dan sebanyak 20 pakej ditawarkan di bawah program 1Azam bagi yang berminat untuk memohonnya di bawah klien Jabatan Kebajikan Masyarakat. Jabatan Kebajikan Masyarakat juga menyediakan skim Bantuan Geran Pelancaran ataupun BGP bantuan berbentuk *one off* ini berjumlah maksimum adalah RM2700.00. Ianya merupakan modal bantuan perniagaan bagi klien-klien Jabatan yang ingin memulakan perniagaan mereka.

Yang Berhormat ADUN Pekan Nenas memohon pengaksesan maklumat penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, maklumat penerima bantuan Jabatan Kebajikan adalah berstatus sulit dan Jabatan bertanggungjawab untuk menyimpan dan menyelenggara segala maklumat mereka, segala maklumat hanya boleh diberikan atau diserahkan kepada pihak-pihak tertentu hanya bagi tujuan untuk membantu klien dalam mempertingkatkan ekonomi mereka khasnya. Walau bagaimanapun, Ahli-ahli Yang Berhormat boleh mendapatkan maklumat asas penerima bantuan melalui Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah berhampiran untuk tujuan sama-sama membantu klien dalam meningkatkan ekonomi mereka. Pelbagai program Jabatan juga telah kita laksanakan yang melibatkan Wakil-Wakil Rakyat di peringkat akar umbi dan membabitkan perjumpaan bersama

penerima-penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Dengan cara ini Wakil Rakyat dapat mengenali penerima-penerima bantuan yang juga merupakan penduduk-penduduk di kawasan Dewan Undangan Negeri Yang Berhormat sekalian. Dan sehingga September 2013, Jabatan merekodkan sebanyak 57 program di peringkat akar umbi yang melibatkan Wakil Rakyat di Negeri Johor secara langsung.

Yang Berhormat ADUN Maharani membangkitkan isu berhubung bantuan kepada kes kebakaran di kawasan Ahli Yang Berhormat. Takrifan bencana merupakan satu kejadian yang berlaku secara mengejut, bersifat kompleks dan mengakibatkan kehilangan nyawa, kemusnahan kepada harta benda, atau alam sekitar serta menjejaskan aktiviti masyarakat setempat. Kejadian ini memerlukan pengendalian yang melibatkan sumber, peralatan, kekerapan, dan tenaga manusia yang *extensive* daripada banyak agensi serta penyelarasan yang berkesan dalam mana kemungkinan memerlukan tindakan yang kompleks dan jangka masa yang panjang. Selepas berlaku bencana, siasatan dan penilaian kerugian dan kemusnahan harta benda rumah dan sebagainya akan dilakukan oleh Pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Antara bantuan pemulihan skim bantuan bencana alam ataupun malapetaka Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah seperti berikut yang pernah juga saya bangkitkan ataupun saya terangkan di dalam Dewan ini tapi saya ulang sekali lagi bahawa bantuan jangka pendek merupakan bantuan segera bagi bantuan keluarga adalah nilainya RM40.00, seorang bagi bantuan untuk tikar dan selimut dibekalkan serta merta di pusat-pusat pemindahan bagi bantuan peralatan sekolah RM50.00 bagi seorang, dan bantuan pakaian sekolah RM70.00 untuk seorang, dan bantuan pengebumian kematian akibat bencana yang akan dibayar kepada waris terdekat adalah berjumlah sebanyak RM300.00 seorang, dan bantuan makan secara masak berkawah bagi mangsa-mangsa yang tinggal di pusat pemindahan adalah sebanyak RM10.00 seorang, bagi sehari dan bantuan jangka panjang adalah merupakan untuk bantuan biasa RM70.00 seorang alat keperluan dapur RM100.00 sekeluarga dan bagi membaiki dan membina rumah maksimumnya adalah RM2,500.00 dan bagi memulihkan perniagaan kecil yang mana perniagaan kecil ini adalah bermodalkan RM5,000.00 ke bawah, maksimumnya adalah RM3,000.00. Dan kadar maksimum bagi bantuan jangka pendek dan jangka panjang bagi satu-satu keluarga maksimumnya adalah sebanyak RM5,000.00 tidak termasuk kepada Dana Khas Bencana. Mengikut bantuan bencana alam ataupun malapetaka JKSJ ada bantuan dana khas bencana sebanyak RM1,000.00 yang diberikan sekali gus kepada mangsa bencana bagi rumah ataupun kedai sama ada mereka tinggal di situ atau sebagai tempat perniagaan dan musnah sama sekali harta benda dan binaan sedia ada akibat bencana seperti kebakaran ribut, tanah runtuh, atau banjir. Namun bagi rumah pusaka yang tidak didiami dan dijadikan tempat perniagaan adalah bukan rumah kediaman bagi kes tersebut. Manakala bagi bantuan pemulihan perniagaan, telah saya nyatakan tadi sebanyak RM3,000.00 itu adalah maksimumnya untuk perniagaan yang bermodalkan RM5,000.00 ke bawah dan tempat perniagaan tersebut merupakan tempat kediaman ataupun rumah sendiri dan bukannya milik orang lain ataupun agensi lain.

Yang Berhormat ADUN Buloh Kasip maaf saya, Buloh Kasap membangkitkan mengenai dengan isu penyelia PDK yang kurang dihargai. Program Pemulihan Dalam Komuniti ataupun PDK merupakan satu program *alternative* kepada OKU yang tidak dapat

mengikuti pelajaran formal di pendidikan arus perdana. PDK ini menyediakan platform di mana OKU dapat menjalani rehabilitasi sebagai usaha untuk mereka dapat mengurus diri dan seterusnya dapat menyertai dan menglibatkan diri mereka dengan berkesan di dalam masyarakat. Konsep PDK menekankan komuniti itu sendiri yang menggerakkan dan mengadakan program-program berbentuk rehabilitasi dan pengintegrasian OKU di dalam masyarakat dan lanya disokong oleh perkhidmatan kesihatan, pendidikan, vokasional dan sosial serta menggunakan sumber tempatan. Jabatan Kebajikan Masyarakat memberikan sagu hati sebanyak RM800.00 kepada seorang petugas PDK dan membuat caruman KWSP sebanyak RM104.00 sebulan sebagai insentif kepada mereka yang bertugas sebagai petugas di PDK begitu juga bagi penyelia di PDK Jabatan Kebajikan Masyarakat membayar sebanyak RM1,200.00 sebulah serta caruman KWSP sebanyak RM156.00 sebulan sebagai insentif kepada mereka.

Untuk tahun 2013 sahaja sebanyak RM4,176,480.00 telah dikeluarkan untuk pembayaran insentif kepada 66 orang penyelia dan 286 orang petugas di 66 buah PDK di seluruh Negeri Johor. Petugas dan penyelia PDK adalah pekerja sukarela yang dilantik oleh Jawatankuasa PDK dan waktu operasi di PDK adalah selama 4 jam, manakala petugas PDK adalah selama 6 jam sehari dan mereka iaitu petugas PDK juga petugas bukan berstatus pekerja kontrak seperti guru-guru Kemas Wala bagaimanapun, Ahli Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, sebagai menghargai dan mengiktirat sumbangan perkhidmatan petugas-petugas PDK ini, Kerajaan Negeri Johor pada setiap tahun akan meraikan mereka dengan mengadakan majlis penganugerahan iaitu anugerah kepada petugas-petugas PDK cemerlang, selain daripada anugerah PDK cemerlang, anugerah pelatih PDK cemerlang, anugerah keluarga PDK cemerlang dan anugerah ini telah pun bermula semenjak tahun 1999.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker saya akhiri penggulungan saya dengan sekali lagi merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pandangan pendapat dan persoalan yang menyentuh perkara-perkara di bawah bidang dan tanggungjawab saya. Saya juga mengharapkan agar Ahli-Ahli Yang Berhormat akan terus memberikan sokongan, pandangan dan teguran yang membina terhadap perjalanan jabatan-jabatan di bawah Portfolio dan tanggungjawab saya demi kemajuan pembangunan kemajuan Negeri Johor Darul Takzim ini. Sekian wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum, warahmatullahi wabarakatuh. (Dewan Bertepuk).

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Terima kasih Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita Keluarga Wanita Dan Masyarakat. Pendek sahaja? Di jemput YB yang berikutnya.

Y.B Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam Muafakat Johor. Yang Berhormat Dato' Speaker terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih di atas peluang mengambil bahagian dalam penggulungan bagi pihak Kerajaan dalam Mesyuarat Ke tiga Bajet 2014 Bagi Penggal Persidangan Pertama Dewan Negeri Johor. Saya juga ingin merakam ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam

perbahasan serta menyentuh dan memberi pandangan berhubung kait dengan soal pendidikan dan juga pembangunan usahawan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Bajet 2014 Negeri Johor merupakan bajet sulung yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah dirangka dan dibina berteraskan konsep keadilan dan kesaksamaan bukan sahaja diakui oleh rakyat malah diiktiraf oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di barisan pembangkang sana. Kita juga seharusnya bersyukur kerana kepimpinan negara masih mampu untuk memandu ekonomi negara meski pun dunia dikejutkan seketika dengan insiden *Governments Shutdown* dengan izin di Amerika Syarikat pada Oktober yang lalu. Saya ingin mengambil kesempatan dalam sidang Dewan yang mulia ini, untuk mengucapkan banyak terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, yang telah memperuntukkan beberapa peruntukan yang diberikan dalam Bajet 2014 bagi memperkasakan sektor keusahawanan dan pendidikan anak-anak watan Negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, hari ini kita sedang mendepani arus masa hadapan yang misteri dan tidak terduga. Justeru itu, kita perlulah mempunyai senjata dan kunci yang akan menjamin kemaslahatan kita pada masa akan datang. Aspek pendidikan seharusnya tidak dapat dinafikan menjadi sektor pelaburan yang terpenting dalam memberikan pendidikan yang terbaik dan berkualiti untuk anak-anak Johor. Kerap juga kedengaran adanya Ahli-Ahli Yang Berhormat menyebutkan tentang modal insane, bakat-bakat muda serta kebimbangan mereka dalam memupuk perpaduan malah peluang-peluang kerjaya untuk anak-anak Johor yang sebenarnya berpaksikan pada aspek pendidikan.

Pendidikan menjadi penawar ke atas segala macam jenis kemiskinan. Atas kesedaran ini, Kerajaan Negeri telah menjadikan sektor pendidikan sebagai salah satu daripada 3 sektor utama yang akan diberikan keutamaan oleh Kerajaan Negeri sebagaimana yang telah dibentangkan dalam bajet Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Kita pada hari ini bukan sahaja mahu melahirkan modal insan yang berpendidikan cemerlang dari aspek *intelectual quality* dengan izin, *emotionality quality* bahkan *spiritual quality* malah turut mempunyai kebolehpasaran yang tinggi dan mampu memenuhi permintaan dalam pelbagai sektor. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri akan terus komited dalam menjayakan aspirasi pendidikan negara seiring dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Negara 2013 - 2025 yang sentiasa menjadi sektor terbesar pelaburan negara.

Yang Berhormat Dato' Speaker, izinkan saya untuk menjawab beberapa soalan dan juga pandangan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat sepanjang perbahasan berlangsung.

Keprihatinan Yang Berhormat Pasir Raja berhubung aspirasi pendidikan menerusi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025 adalah sangat dihargai. Negara kita pada hari ini, sedang melalui fasa transformasi terhadap keseluruhan sistem pendidikan negara untuk melonjakkan pencapaian bagi memenuhi aspirasi yang tinggi dalam persekitaran global yang semakin kompetitif. Pada masa ini, kita telah, kita sedang melalui peringkat permulaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025, iaitu fasa pertama daripada 3 fasa yang telah dirangka bagi tempoh 13 tahun ini. Sesungguhnya terbukti bahawa Kerajaan Barisan Nasional sangat prihatin akan aspek

pendidikan kerana kerajaan Pusat telah memperuntukkan sejumlah RM54.6 bilion bersamaan dengan 21% daripada Bajet 2014 khusus untuk mempertingkatkan kecemerlangan sektor pendidikan yang turut menjadikan sektor terbesar menerima peruntukan.

Bagi pentafsiran berasaskan sekolah, sebagaimana yang dibangkitkan. Pada masa ini, pelaksanaan PBS ini telah melibatkan pentafsiran sekolah bagi tahun 1 hingga tahun 3 di Sekolah Rendah dan Tingkatan 1 dan Tingkatan 2 di Sekolah Menengah. Dalam PBS ini, ia melibatkan 2 komponen utama iaitu komponen akademik, yakni pentafsiran sekolah dan pentafsiran pusat dan komponen ke-2 adalah komponen bukan akademik iaitu pentafsiran aktiviti jasmani, sukan dan kokurikulum, dan pentafsiran Psikometri.

Dalam usaha menyahut dan menyokong usaha melaksanakan transformasi pendidikan untuk mengubah penilaian murid-murid, Jabatan Pendidikan Negeri telah mengadakan kursus Penyebaran Pembangunan Profesionalisme berterusan yakni CPD kepada guru-guru yang melaksanakan pentafsiran berasas sekolah di Sekolah Rendah dan Menengah. Pelaksanaan PBS ini melibatkan semua sekolah iaitu Sekolah Harian, Sekolah Asrama Penuh, Sekolah Agama Rakyat, Sekolah Agama Bantuan Kerajaan, Sekolah Pendidikan Khas, Sekolah Dalam Hospital dan Sekolah Swasta. Khusus ini dilaksanakan mengikut 2 kaedah.

1. *On site* dengan izin, setiap guru bagi setiap mata pelajaran di setiap sekolah akan diberi penataran oleh jurulatih utama yang telah mendapat pendaftaran di peringkat kebangsaan bagaimana untuk melaksanakan PBS di sekolah yang melibatkan penggunaan dokumen kokurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR), Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) dan Dokumen Standard Prestasi (DSP).

2. *School base* dengan izin, guru-guru yang telah mendapat taklimat di peringkat daerah, diminta pulang untuk melaksanakan kursus pentafsiran yang sama pada guru-guru di peringkat sekolah masing-masing.

Bagi membantu dan memudahkan guru-guru memasukkan data-data yang berkaitan dengan PBS, guru-guru akan memasukkan prestasi penguasaan murid dalam sistem pengurusan pentafsiran berasaskan sekolah yakni SPBBS, setelah murid melaksanakan pentafsiran yang berasaskan daripada ujian, kuiz dan lain-lain. Sistem SPPBS ini dibangunkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan guru-guru boleh memasukkan prestasi pelajar masing-masing sepanjang masa termasuklah di luar waktu persekolahan. Bagi membolehkan pengaksesan terhadap SPPBS ini, 2 keperluan utama diperlukan iaitu pelayan web yang boleh menggunakan pelbagai *browser* dengan izin, seperti *Internet Explorer, Safari, Google Crome serta Morzilla Foxs dan Adobe Acrobat Reader* ataupun PDF. Dalam hal ini, guru-guru boleh menggunakan kemudahan komputer yang terdapat di sekolah, komputer persendirian di rumah ataupun melalui gadget yang boleh mengakses pada sistem tersebut.

Sektor penilaian dan peperiksaan melalui Lembaga Peperiksaan menyediakan data dan maklumat serta memberi cadangan dalam penambahbaikan kemasukan prestasi murid dalam sistem pengurusan, Sistem SPPBS berdasarkan kepada permasalahan yang timbul daripada penggunaan sistem ini, dan maklumat daripada Lembaga

Peperiksaan bermula tahun 2014, SPPBS akan disepadukan dengan sistem pengurusan sekolah bagi menambahkan keberkesanan kemasukan laporan prestasi murid.

Bagi menangani isu kesukaran mengakses sistem pengurusan pentafsiran berasas sekolah SPPBS ini, pihak Jabatan Pendidikan telah mengadakan langkah dengan mengadakan sesi perbincangan yang berkaitan akses, semua aplikasi Kementerian Pendidikan Malaysia dalam persekitaran *1Bestarinet* dengan izin pada 3 April 2013 yang lalu dan memutuskan semua aplikasi Kementerian Pendidikan Malaysia hendaklah diuji dalam *1Bestarinet*. Pengujian ini telah dilakukan di Negeri Pahang, Sabah dan Perak dan mendapati SPPBS ini boleh diakses di semua lokasi. Bagi meningkatkan prestasi capaian SPPBS pihak Kementerian Pendidikan telah mengambil langkah-langkah antaranya telah menaik taraf infrastruktur *hosting* dengan spesifikasi terkini, menambah baik aplikasi mengoptimumkan prestasi dan juga mendapatkan khidmat kepakaran perunding luar bagi memberikan nasihat bagi menaikkan prestasi aplikasi ini.

Seterusnya Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Pasir Raja juga turut membangkitkan elemen perpaduan atau *unity* yang menjadi salah satu fokus keutamaan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025. Kementerian Pendidikan Malaysia sememangnya menyediakan peruntukan kepada Jabatan Pendidikan Negeri untuk melaksanakan pemantapan pengajaran dan pembelajaran guru-guru yang meliputi semua subjek. Bagi mempereratkan perpaduan memperkukuhkan ukhuwah di kalangan pelajar yang berbilang bangsa, pada tahun 2013, Jabatan Pendidikan Negeri Johor telah mengadakan sebanyak 44 aktiviti di bawah Program Rancangan Integrasi Murid untuk perpaduan ataupun RIMUP yang melibatkan aktiviti-aktiviti daripada pelbagai kaum dengan penyertaan sekurang-kurangnya 3 jenis sekolah yang berbeza iaitu Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan juga Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Pasir Raja mencadangkan agar pencapaian anak-anak Johor dipertingkatkan kualitinya, khususnya menerusi mata pelajaran Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu, Matematik dan Sejarah. Sebenarnya pencapaian anak-anak Johor menerusi subjek-subjek ini telah meningkat sejak tahun 2009 hinggalah tahun 2013. Sebagai contoh, bagi mata pelajaran Bahasa Melayu telah mencatatkan peningkatan sebanyak 0.22 gred mata. Mata pelajaran Bahasa Inggeris pula meningkat sebanyak 0.1 gred mata. Prestasi keseluruhan Peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) juga telah menunjukkan prestasi yang ketara bagi tempoh 5 tahun 2009 hingga 2013. Pencapaian Gred Purata Negeri (GPN) UPSR bagi tahun 2009 ialah 2.22, tahun 2010, 2.21, tahun 2011, 2.18, tahun 2012, 2.19 dan pada tahun 2013, 2.14. Berdasarkan data-data ini, dapatlah dirumuskan bahawa prestasi anak-anak Johor semakin meningkat dalam pelajaran mereka. Bersempena dengan keputusan Ujian Penilaian Sekolah Rendah yang diumumkan pada hari ini, saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, bahawa prestasi UPSR Negeri Johor, pada tahun ini merupakan yang terbaik pernah dicapai di mana Negeri Johor menduduki kelompok 5 tertinggi dari seluruh negara iaitu *top 5*. Saya percaya peningkatan pencapaian ini merupakan terjemahan terhadap usaha-usaha yang dilaksanakan oleh Jabatan Pendidikan Negeri Johor, Yayasan Pelajaran Johor di samping komitmen daripada guru-guru dan sokongan daripada ibu bapa.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Bentayan ada membangkitkan soal perpindahan murid-murid Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Tai Sin ke Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Yok Pun pada tahun hadapan. Saya ingin memaklumkan bahawa pihak Unit Perancangan Ekonomi Negeri Johor (UPEN) telah mengeluarkan arahan agar Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Tai Sin, Sungai Kapal dikosongkan sebelum 2 Januari 2014. Sekolah ini akan beroperasi secara menumpang di Sekolah Jenis Kebangsaan Yok Pun, Sungai Rengit sehinggalah bangunan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Tai Sin siap sepenuhnya. Tapak baru sekolah tersebut adalah di Plot A, bersebelahan dengan tapak Sekolah Kebangsaan Sungai Kapal dan Sekolah Menengah Kebangsaan Pengerang Utama. Tarikh milik tapak bagi projek baru tersebut adalah pada 8 Januari 2014 dan pembinaan sekolah ini dijangka akan mengambil masa selama 18 bulan. Di sepanjang tempoh tersebut, pihak Petronas akan menyediakan pengangkutan bagi pelajar-pelajar untuk berulang alik ke sekolah menumpang dari kediaman mereka. Perpindahan penduduk ini dijangka akan selesai selewat-lewatnya pada April ataupun Mei 2014.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Tenggaroh ada membangkitkan permasalahan kekurangan kerusi dan meja di sekolah-sekolah di dalam daerah Mersing. Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Speaker, masalah kekurangan kerusi dan meja di Sekolah Kebangsaan Tenggaroh 7, sedang diatasi dengan mengagihkan kerusi dan meja berjumlah 40 unit dari Sekolah Kebangsaan Tenggaroh 5. Bagi Sekolah Menengah, tiada sebarang maklumat tentang kekurangan kerusi dan meja ini. Walau bagaimanapun pihak Pejabat Pendidikan Daerah Mersing akan mengenal pasti lebih *detail* sekolah-sekolah yang kekurangan kerusi dan meja ini dan memastikan sebarang kekurangan ini akan dapat diatasi sebelum sesi persekolahan 2014 bermula.

Yang Berhormat Paloh dan Yang Berhormat Parit Raja ada membangkitkan permohonan untuk pembinaan astaka, pagar serta pembesaran dewan sekolah. Untuk makluman Yang Berhormat, walaupun perkara ini dibangkitkan di dalam Dewan ini dan sudah pastinya akan diambil perhatian oleh Jabatan Pendidikan, namun untuk dokumentasi, pihak sekolah juga perlulah membuat permohonan kepada pihak Pejabat Pendidikan Daerah dan seterusnya akan diajukan kepada pihak Jabatan Pendidikan Negeri dan seterusnya dibawa kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Machap dan Yong Peng ada membangkitkan berhubung dengan pembinaan kolej atau institusi pengajian tinggi dalam kawasan masing-masing. Cadangan dengan niat murni ini bukan sahaja bagi menjamin masa depan anak-anak yang baru tamat persekolahan menengah bagi melanjutkan pengajian mereka di peringkat lebih tinggi malah membuka limpahan ekonomi kepada penduduk setempat. Namun demikian, penubuhan bagi sesebuah institusi pengajian tinggi awam, politeknik atau kolej komuniti mengambil kira pelbagai aspek seperti keperluan guna tenaga negara, keperluan strategik pembangunan negara dan keupayaan pembiayaan Kerajaan.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, telah terdapat 12 buah kolej komuniti iaitu dua di Segamat, satu di Ledang, Bandar Penawar, Pasir Gudang, Kluang, Batu Pahat, Muar, Bandar Tenggara, Tanjung Piai, Pagoh dan Kota Tinggi. Justeru itu, Kementerian Pendidikan Malaysia berpandangan kolej komuniti sedia ada yang berhampiran seperti Kolej Komuniti Segamat 1 dan 2 dalam Parlimen Sekijang

berhampiran kedudukannya dengan Dewan Undangan Negeri Tenang. Dan, Kolej Komuniti Kluang dalam Parlimen Kluang berhampiran Machap Yong Peng masih mampu menampung permintaan daripada lepasan sekolah menengah di Parlimen Labis, Parlimen Simpang Renggam, Parlimen Ayer Hitam dan persekitarannya. Kementerian Pendidikan akan terus berusaha memperluaskan akses pendidikan dan latihan bagi menyumbang kepada kemajuan sosio-ekonomi dan pemikiran masyarakat. Namun begitu, Kementerian mengambil maklum dan memberi perhatian terhadap cadangan-cadangan Ahli-Ahli Yang Berhormat serta akan berusaha untuk melihat keperluan berkenaan dari masa ke semasa.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Pekan Nenas ada mencadangkan bantuan berbentuk Skim Bantuan Pendaftaran ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT) menerusi Yayasan Pelajaran Johor diluaskan skopnya kepada anak Johor yang ingin melanjutkan pengajian ke peringkat sarjana atau doktor falsafah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak YPJ hanya memberikan Skim Bantuan Pendaftaran kepada pelajar-pelajar di peringkat sijil, diploma dan ijazah sarjana muda sahaja. Pendekatan ini diambil kerana golongan pelajar ini merupakan mereka yang baru sahaja hendak masuki ke Institut Pengajian Tinggi, masih tidak bekerja dan tidak mempunyai sumber pendapatan malah masih di bawah tanggungan keluarga mereka. Bagi mereka yang ingin melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi pula, kebiasaannya mereka telah pun mempunyai kerjaya serta mempunyai sumber kewangan sendiri. Jadi, setakat ini, YPJ belum ada cadangan untuk membuka dan meluaskan lagi skop skim bantuan ini kepada pelajar sarjana dan juga doktor falsafah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, mengikut definisi yang diberikan oleh *Federation of New Zealand* dengan izin, perpustakaan permainan adalah perpustakaan yang mengalu-alukan kanak-kanak, keluarga dan penjaga untuk datang dan meminjam permainan dan peralatan yang direka khas untuk mereka yang disediakan pada kos yang minimum. Yang Berhormat Sungai Balang ada mencadangkan supaya Kerajaan membuka perpustakaan permainan ataupun *toy library dengan izin*, sebagaimana yang dilaksanakan di negara-negara barat untuk diimplementasikan di negara kita. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Perbadanan Perpustakaan Awam Johor telah mempunyai cadangan menubuhkan perpustakaan permainan ini di negeri Johor. Namun begitu, penubuhan perpustakaan ini masih dalam penelitian dari segi pengisian dan pendekatan kerana konsep perpustakaan ini memerlukan peruntukan khusus, kepakaran dalam pemilihan bahan-bahan yang praktikal untuk pembelajaran serta memerlukan kakitangan yang mahir mengendalikan bahan-bahan berkenaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker,Memetik Sabda Rasulullah SAW di dalam Hadis Riwayat Tirmizi, yang maksudnya "Sembilan daripada sepuluh rezeki itu adalah datang daripada perniagaan". Rakyat seharusnya bersyukur khususnya golongan usahawan, baik yang baru hendak memulakan perniagaan hinggalah yang hendak mengembangkan serta memantapkan perniagaan mereka, perlulah merebut peluang-peluang yang diberikan oleh Kerajaan dengan sebaik-baiknya. Agenda Kerajaan Negeri untuk memperkasakan keusahawanan sebagaimana yang diumumkan menerusi Bajet 2014 adalah seiring dengan hala tuju yang dirangka oleh Kerajaan Pusat. Natijahnya, usaha Kerajaan Negeri dalam memperkasakan keusahawanan akan dapat merancakkan lagi perkembangan ekonomi Negeri Johor, di samping memberikan limpahan ekonomi dan pembangunan untuk anak-anak Johor.

Yang Berhormat Buloh Kasap ada membangkitkan berhubung dengan Program Perintis Muda Johor. Kerajaan Negeri komited bagi memperkasakan gerakan keusahawanan dalam kalangan belia. Golongan belia turut diberi perhatian supaya mereka mendapat peluang di dalam kepesatan pembangunan ekonomi di Negeri Johor ini. Program Perintis Muda Johor sebagaimana yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam pembentangan bajet yang lalu akan dilaksanakan dengan kerjasama Johor Corporation, agensi dan GLC yang lain. Para peserta akan melalui proses saringan iaitu temu duga sebelum layak mengikuti program ini. Pemilihan tersebut berasaskan kepada potensi, bakat, kecenderungan, minat, tahap pendidikan dan sebagainya untuk melahirkan usahawan yang berdaya saing pada masa akan datang.
Antara syarat-syaratnya :

- Berumur di antara 20 hingga 40 tahun dan sihat tubuh badan ;
- Mempunyai bakat, potensi diri dan minat yang mendalam dalam bidang keusahawanan ;
- Mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya di peringkat diploma ;
- Mempunyai pengalaman dalam bidang keusahawanan yang diberikan keutamaan;

Bagi peringkat permulaan, program ini akan memilih seramai 50 usahawan. Yang mana usahawan-usahawan ini diwajibkan untuk mengikuti program-program, Program Asas Keusahawanan selama 5 hari yang meliputi modul yang akan diperkenalkan termasuklah memperkasakan jati diri, kekuatan fizikal dan mental, pengurusan, pemasaran, kewangan, dan sebagainya selepas itu mereka akan lalui program *Attachment Programme* di sektor korporat selama 3 bulan supaya pembangunan perniagaan yang dijalankan mengikut struktur perniagaan berskala besar dan tersusun dari segi pengurusan, pentadbiran, kewangan dan sebagainya. Para peserta yang telah berjaya akan diberi bantuan secara *'fast track'* termasuklah kemudahan premis dan modal melalui agensi-agensi MARA, TEKUN dan juga agensi Kerajaan yang lain. Jumlah peruntukan yang diperuntukkan bagi menjayakan program ini adalah sebanyak RM500,000.00.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Rengit ada membangkitkan kebimbangan mengenai salah satu program Kerajaan iaitu Program Satu Daerah Satu Industri yang mana program ini takut-takut semasa pelancarannya nampak hebat namun ketika pelaksanaannya ia tidak bermaya dan ditambah lagi dengan kelemahan dalam pemantauan dan sebagainya. Program Satu Daerah Satu Industri SDSI dirangka dengan konsep untuk pembangunan satu atau lebih produk atau perkhidmatan beridentitikan daerah yang berorientasikan model perniagaan yang lebih berdaya saing dan berdaya maju. Secara amnya, SDSI merupakan penghasilan satu produk atau perkhidmatan yang melahirkan rantaian nilai yang seterusnya memberi kesan terhadap ekonomi setempat.

Program SDSI Negeri Johor ini akan diberi nafas baru dan akan diperkasakan lagi. Di peringkat daerah, Pegawai Daerah akan mempengerusikan sebuah jawatankuasa yang dilantik bagi mengenal pasti produk-produk yang hendak dibangunkan dan perkembangan program ini akan dipantau oleh Wakil Rakyat di kawasan masing-masing. Pada awal tahun 2014, Kerajaan Negeri melalui Unit Perancangan Ekonomi

Negeri Johor akan mengadakan lawatan ke luar negara, ke negara-negara yang telah berjaya membangunkan Program SDSI untuk dipelajari sistem mereka dan diimplikasikan di Negeri Johor. Jika dilihat pembangunan SDSI di Malaysia ini, pembangunan usahawan biasa dan SDSI seolah-olah sama sedangkan terdapat perbezaan antara keduanya kerana pembangunan SDSI ini lebih fokus kepada pembangunan produk setempat di daerah tersebut.

Justeru itu, bagi memperkasakan program ini, Kerajaan Negeri Johor telah memperuntukkan sebanyak RM2.5 juta bagi menjalankan program dan aktiviti untuk permohonan SDSI ini. Antara langkah yang akan diambil ialah membangunkan semula *'supply chain' dengan izin,* kerana konsep SDSI itu sendiri telah menekankan pembangunan bahan mentah di dalam daerah-daerah selain melibatkan masyarakat setempat. Penambahbaikan bekalan bahan mentah ini perlu diberi keutamaan memandangkan sesetengah-setengah usahawan telah mendapatkan bahan mentah di luar Negeri Johor ini. Jika bekalan bahan mentah dapat diperoleh dengan mencukupi daripada dalam daerah mereka, ia sepastinya dapat mengoptimumkan lagi keuntungan atas faktor kos bahan mentah yang lebih murah, mudah didapati, segar dan berkualiti. Rantaian nilai yang wujud dalam mekanisme pelaksanaan SDSI ini juga akan membuka ruang untuk mengembangkan lagi perniagaan-perniagaan hiliran seperti pekebun kecil, industri pemprosesan dan pengangkutan, seterusnya membuka peluang-peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat yang turut menyumbang kepada pembangunan sosio-ekonomi di daerah tersebut. Bagi menjayakan hasrat ini, bakat dan pengetahuan para usahawan akan dimantapkan lagi dengan aspek keterampilan produk dan perkhidmatan, menggalakkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan, promosi dan pemasaran, serta khidmat nasihat dan sokongan kepakaran supaya mereka lebih berdaya saing.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Tenggaroh dan Yang Berhormat Gambir ada membangkitkan kebimbangan mengenai pembangunan usahawan oleh kaum India. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kaum India sebenarnya sama sekali tidak dipinggirkan oleh Kerajaan dalam agenda memperkasakan keusahawanan. Sebaliknya, kaum India turut diberikan ruang dan peruntukkan bagi meningkatkan sosio-ekonomi mereka. Menerusi Bajet 2014, Kerajaan Pusat, telah menyediakan peruntukan sebanyak RM50 juta bagi usahawan kaum India menerusi Skim Pembiayaan Usahawan Muda India yang diuruskan oleh Tekun Nasional. Usahawan India juga turut boleh memohon pinjaman daripada Amanah Ikhtiar Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam sidang dewan yang mulia ini, mengenai penubuhan Entrepreneur Development Centre dengan izin, yang akan berfungsi sebagai Pusat Sehenti Usahawan Negeri Johor yang akan mula beroperasi pada awal tahun 2014 di Uda Business Park, berhampiran dengan Plaza Angsana, Johor Bahru yang juga telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar menerusi bajet yang lalu. Entrepreneur Development Centre ini atau pun EDC akan menjadi *'One Stop Centre'* dengan izin, yang akan menempatkan semua jabatan dan agensi keusahawanan di peringkat Kerajaan Persekutuan dan Negeri Johor yang akan menjadi sumber rujukan utama kepada perusahawanan.

Antara objektif penubuhan EDC ini ialah :

1. Menjadi Pusat Sehenti Usahawan yang menempatkan berbagai agensi keusahawanan peringkat Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

2. Memupuk dan mempergiat lagi budaya keusahawanan di kalangan masyarakat Bumiputera di semua peringkat termasuk pelajar, siswazah, belia dan wanita.

3. Menyediakan persekitaran yang membantu pewujudan usahawan tulen yang berkualiti, berdaya maju dan berdaya saing dalam semua sektor.

4. Meningkatkan keupayaan PKS khususnya Bumiputera Johor untuk bersaing dan berdaya tahan di peringkat global.

5. Menyelaras dan memantau program-program pembangunan usahawan dalam usaha mencapai lonjakan berganda dalam transformasi pertumbuhan PKS Negeri Johor.

Selain itu juga, terdapat beberapa kemudahan yang akan dibangunkan di EDC ini seperti:

1. Portal maya di mana usahawan dapat mengakses segala bentuk kursus, latihan, bantuan-bantuan yang disediakan oleh semua jabatan dan agensi yang berkaitan usahawan.

2. Ruang khidmat nasihat di mana usahawan boleh mendapatkan khidmat nasihat secara terus dengan pegawai-pegawai yang bertugas di EDC tersebut.

3. Bilik seminar dan latihan bagi mengadakan seminar berkaitan keusahawanan termasuklah peluang-peluang, strategi, motivasi dan sebagainya.

4. Ruang pameran, promosi dan jualan produk-produk usahawan yang berkualiti akan dipamerkan dan dijual dan akan dijadikan sebagai rujukan kepada usahawan yang lain.

5. Kaunter aduan usahawan di mana usahawan yang menghadapi masalah kritikal dalam perniagaan seperti infrastruktur, pembiayaan dan sebagainya , akan dikenal pasti dan diberi perhatian sepenuhnya.

Penubuhan EDC ini akan dapat menyelaraskan semua program-program pembangunan keusahawanan di Negeri Johor di samping dapat memupuk dan mempergiatkan lagi budaya keusahawanan khususnya di kalangan bumiputera di semua peringkat termasuk pelajar, siswazah, belia dan wanita. Dengan penubuhan EDC ini diharapkan akan melahirkan lebih ramai usahawan tulen berkualiti, berdaya maju dan berdaya saing.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Perusahaan Kecil dan Sederhana PKS di Malaysia dikategorikan kepada 3 kategori utama iaitu mikro, kecil dan sederhana. Kerajaan Negeri sedar dan prihatin di Negeri Johor ini terdapat sebanyak 56,471 syarikat *enterprise* di mana syarikat bersaiz mikro ialah sebanyak 80.8% iaitu 45,630, syarikat bersaiz kecil sebanyak 16.8% iaitu 900,485 dan sebanyak 2.4% iaitu 1,356 adalah syarikat

bersaiz sederhana. Daripada statistik terkumpul ini jelas menunjukkan bahawa usahawan di peringkat mikro ini perlu dibimbing supaya lebih menjurus kepada aktiviti perniagaan yang lebih strategik dan berinsentif pengetahuan dengan nilai tambah yang lebih tinggi. Pertumbuhan ini juga perlu dipergiatkan dengan membantu usahawan memantapkan lagi perniagaan, menangani masalah, menerapkan inovasi dan teknologi akses kepada pembiayaan, pembangunan modal insan, akses kepada pasaran dan infrastruktur perniagaan.

Sehubungan dengan itu, dalam mempergiatkan peranan PKS EDC akan memainkan peranan bagi melaksanakan pelbagai program dengan peruntukan sebanyak 1.5 juta. Program-program membudayakan, pembangunan usahawan yang diharapkan dapat memberikan momentum bagi memperkasakan peranan PKS seiring dengan usaha-usaha yang dilaksanakan oleh Kerajaan Pusat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, akhirnya saya ingin mengajak Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian untuk sama-sama kita merasai denyut nadi suara hati rakyat dan bersama-sama menggembleng tenaga berkhidmat untuk rakyat. Kita yang telah dipilih pada hari ini bukan saja menggalas amanah, malah perlulah menonjolkan qudwah kepimpinan yang terbaik untuk rakyat.

Akhir kalam, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih pada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini yang telah mengutarakan pandangan dan nasihat khususnya yang berkaitan dengan pembangunan pendidikan dan usahawan di Negeri Johor ini. Saya mohon maaf jika terdapat beberapa perkara yang mungkin terlepas pandang. Walau bagaimana pun Ahli Yang Berhormat boleh terus membuat susulan kepada jabatan-jabatan yang berkenaan. Selesai sudah sesi perbahasan, EXCO menggulung ikut giliran, aspirasi rakyat sentiasa didahulukan, muafakat Johor teras perpaduan. Sekian, Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Terima kasih (Dewan bertepuk).

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri. Ahli-Ahli Yang Berhormat, selesailah sudah jawapan diberikan oleh Pengerusi-Pengerusi Jawatankuasa bagi pihak Kerajaan dan besok Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor akan menjawab soalan-soalan. Selesai sudah jawapan daripada Pengerusi-Pengerusi Jawatankuasa dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor akan menjawab soalan-soalan dan menggulung perbahasan pada hari Isnin, 18 November 2013. Dengan sebab itu saya tangguhkan Dewan ini ke hari Isnin, jam 9:30 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 4:30 petang.

HARI KEENAM
ISNIN, 18 NOVEMBER 2013

MESYUARAT KETIGA (BAJET 2014)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-13

HARI KEENAM	ISNIN, 18 NOVEMBER 2013	BIL. 3 TAHUN 13

HADIR

Y.B. Speaker,
Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN., PPN.

Y.A.B. Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan Perancangan Negeri, Johor.
Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, SPMJ., DSPN., SMJ., PIS.
(Permas)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri, Johor.
Puan Hajah Asiah binti Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan Negeri, Johor.
Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Negeri, Johor.
Datuk Ir. Haji Hasni bin Haji Mohamad, PGDK., KMN., PIS., AMN.
(Benut)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia Negeri, Johor.
Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN.
(Kahang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Tuan Haji Abd. Mutalip bin Abd. Rahim
(Layang-Layang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri, Johor.
Datuk Abd. Latif bin Bandi, DPSM, PSM.
(Endau)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Tuan Haji Ismail bin Mohamed
(Bukit Serampang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan
dan Warisan Negeri, Johor.
Datuk Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK.
(Sri Medan)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri, Johor.
Datuk Haji Ayub bin Rahmat, DPSM., PPN.
(Kemelah)

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

Y.B. Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

Y.B. Encik M. Asojan a/l Muniyandy, AMN.
(Gambir)

Y.B. Encik Lau Chin Hoon
(Pemanis)

Y.B. Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba, DMSM.
(Pasir Raja)

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor.
(Penawar)

Y.B. Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh, PJN.
(Jorak)

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain
(Sedili)

Y.B. Datuk Haji Adam bin Sumiru, DPSM., KMN., AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

Y.B. Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim
(Tenang)

Y.B. Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar, PIS.
(Machap)

Y.B. Encik Mohd. Ismail bin Roslan, PPN.
(Semerah)

Y.B. Encik Teoh Yap Kun
(Paloh)

Y.B. Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman, DSNS.
(Tanjung Surat)

Y.B. Puan Zaiton binti Ismail, PIS., PPN.
(Sungai Balang)

Y.B. Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy
(Tenggaroh)

Y.B. Tuan Haji A. Aziz bin Ismail, PIS.
(Senggarang)

Y.B. Dr. Zaini bin Abu Bakar
(Nusajaya)

Y.B. Puan Norshida binti Ibrahim
(Buloh Kasap)

Y.B. Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat
(Serom)

Y.B. Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Sulb, DIMP., AMN., KMN., JMN.
(Bukit Naning)

Y.B. Tuan Haji Suhaimi bin Salleh
(Kukup)

Y.B. Encik Ali Mazat bin Salleh
(Bukit Permai)

Y.B. Datin Azizah binti Zakaria, PIS., PPN., AMN., KMN.
(Parit Raja)

Y.B. Datuk Tengku Putera Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat
(Kempas)

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau
(Skudai)

Y.B. Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan
(Parit Yaani)

Y.B. Encik Tan Chen Choon
(Jementah)

Y.B. Encik Abdullah bin Husin
(Puteri Wangsa)

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh
(Sungai Abong)

Y.B. Dr. Haji Mohamad bin Taslim
(Maharani)

Y.B. Encik Jimmy Puah Wee Tse
(Bukit Batu)

Y.B. Puan Gan Peck Cheng
(Penggaram)

Y.B. Encik Tan Hong Pin
(Mengkibol)

Y.B. Puan Chew Peck Choo
(Yong Peng)

Y.B. Encik Chen Kah Eng
(Stulang)

Y.B. Encik Lim Eng Guan
(Bekok)

Y.B. Encik Ee Chin Li
(Tangkak)

Y.B. Encik Chua Wee Beng
(Bentayan)

Y.B. Encik Yeo Tung Siong
(Pekan Nenas)

Y.B. Cik Liow Cai Tung
(Johor Jaya)

Y.B. Cik Wong Shu Qi
(Senai)

Y.B. Encik Cheo Yee How
(Pengkalan Rinting)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

Y.B. Setiausaha Kerajaan Johor.
Dato' Haji Obet bin Tawil, DPMJ., PLP., PIS.

Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.
Datuk Abdul Rahman Putra bin Dato' Haji Taha, DMSM., DSM.

Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Johor.
Tuan Haji Marsan bin Kassim, SMJ., PIS.

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.

Y.B. Datuk Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Penolong Jurutulis membaca doa).

Y.B. Datuk Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahirrahmannirrahim. (Bacaan selawat). Salam sejahtera dan selamat pagi. Ahli-Ahli Yang Berhormat, pada pagi ini Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar kita akan menggulung perbahasan dan juga akan membentangkan beberapa Rang Undang-Undang untuk kita luluskan di Dewan mesyuarat pada kali ini. Jurutulis.

Jurutulis : SOALAN-SOALAN BERTULIS.

Jawapan kepada soalan-soalan bertulis oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat ada dibentangkan di atas meja Mesyuarat.

Jurutulis : SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2014) TAHUN 2013.

Y.B. Datuk Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Perbahasan disambung sekarang. Yang Amat Berhormat Dato' Seri jemput.

Y.A.B. Menteri Besar : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera dan Salam Muafakat Johor. Yang Berhormat Datuk Speaker, seafdalnya saya mendahului sesi penggulungan Dewan pada pagi ini dengan kalimah suci, Bismillahirrahmannirrahim. Saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah turut serta mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Bajet Negeri 2014 khususnya yang menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab saya. Sememangnya banyak perkara yang telah dikemukakan semasa sesi perbahasan ini, sama ada yang berbentuk soalan-soalan, cadangan, sokongan malah tidak kurang juga ada respons yang berbentuk teguran. Walau apa pun rupa dan ragam perbahasan, Kerajaan Negeri sentiasa berlapang dada menilai setiap ucapan dan memberi perhatian akan segala cadangan yang sesuai demi memastikan pembangunan dan pengagihan ekonomi yang saksama lagi berimbang, mencapai matlamatnya serta boleh dimaterialisasikan.

Sebagaimana yang telah saya sebutkan semasa membentang Bajet Negeri, buat pertama kalinya nilai pelaburan Johor sehingga Ogos 2013, mencatatkan penerimaan pelaburan industri tertinggi Negara iaitu RM8.8 bilion. (Dewan bertepuk). Jumlah ini sebenarnya jauh meninggalkan jumlah pelaburan negeri seperti Sarawak, Selangor dan Pulau Pinang, yang masing-masing mencatatkan sejumlah RM5.6 bilion, RM3.49 bilion dan RM1 bilion. Penunjuk ekonomi yang telah dikeluarkan oleh MIDA ini jelas memaparkan bahawa pelaburan, pelabur domestik dan luar mempunyai keyakinan tinggi terhadap keutuhan ekonomi negeri. Malah mereka menaruh harapan yang besar untuk melihat penjanaan kekuatan ekonomi yang berterusan dan dipertingkatkan lagi.

Maka atas sebab itulah, dengan adanya 4 strategi Muafakat Pembangunan dan Pengagihan dalam Bajet Negeri iaitu Mencorak Ekonomi Mampan, Meningkatkan Kesejahteraan Rakyat, Memperkasa dan Merakyatkan Kerajaan dan Melahirkan Modal Insan Berketerampilan. Kita berharap dapat meneruskan rekod kecemerlangan dan memacu ekonomi negeri ke satu tahap yang lebih tinggi bagi mengharungi cabaran dan ketidaktentuan ekonomi global pada masa kini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat Skudai ada membangkitkan persoalan kadar pertumbuhan ekonomi negeri untuk unjuran tahun 2014. Dengan nada yang agak skeptis, beliau mempersoalkan keyakinan Kerajaan terhadap pertumbuhan ekonomi negeri.

Ketahuilah, sesungguhnya Kerajaan Negeri tidak sesekali meragui kepada pertumbuhan ekonomi negeri. Bahkan sepertimana lazimnya, ekonomi negeri akan berkembang lebih tinggi berbanding kadar nasional apabila kadar KDNK nasional diunjurkan positif. Untuk pengetahuan semua, Jabatan Perangkaan Malaysia baru saja mengemaskinikan kadar-kadar KDNK bagi negeri menggunakan tahun asas 2005 berbanding tahun asas 2000 sebelum ini. Oleh yang demikian, unjuran yang dibentangkan baru-baru ini dengan menggunakan metodologi perkiraan tertentu hanya mampu diunjurkan bagi satu tahun ke hadapan iaitu 6.1% bagi tahun 2013. Walau bagaimanapun, bagi tahun 2014, Kerajaan Negeri membuat anggaran awal secara kasar, Johor mampu mencapai pertumbuhan di antara 5.5% hingga 6.1% bagi tahun 2014. (Dewan bertepuk). Berdasarkan senario pelaburan yang telah dicapai pada tahun 2013 serta mengambil kira unjuran di peringkat nasional.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya kira ramai di kalangan Ahli Dewan yang memberi perhatian terhadap hasil dan prestasi kewangan negeri sebagaimana yang telah disentuh oleh Yang Berhormat Rengit. Sukacita saya maklumkan di sini bahawa kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Johor terus menunjukkan prestasi yang baik dengan tumpuan kepada pengukuhan kewangan untuk menjamin kemampanan perkhidmatan dan pembangunan yang dapat diberikan kepada rakyat. Kedudukan, kekukuhan kedudukan kewangan ini didorong oleh peningkatan usaha untuk meningkatkan hasil dan kawalan perbelanjaan secara berhemah tanpa menjejaskan mutu perkhidmatan dan pembangunan. Hasil yang melebihi RM1 bilion telah mula dicatat pada tahun 2010 dan bermula pada tahun tersebut, akaun hasil disatukan telah menunjukkan lebihan atau *surplus* dan tren ini dijangka akan diulangi sekali lagi pada tahun ini dan tahun hadapan. Peningkatan ketara adalah hasil daripada punca hasil bukan cukai yang menunjukkan peningkatan yang amat memberangsangkan. Ini bermakna peningkatan hasil dijana adalah tanpa meningkatkan kadar cukai tetapi lebih kepada peningkatan transaksi perkhidmatan Kerajaan yang didorong oleh kerancakan ekonomi Negeri Johor di samping usaha gigih semua pihak untuk meningkatkan prestasi kutipan.

Pada hari pembentangan Bajet Negeri Johor 2014 pada 7 November 2013 yang lepas, saya telah mengumumkan jangkaan kutipan hasil negeri pada tahun ini ialah RM1.12 bilion. Maka pada hari ini saya amat gembira memaklumkan bahawa matlamat ini telah pun dapat dicapai minggu lalu iaitu lebih awal daripada jangkaan. (Dewan bertepuk). Dengan prestasi kutipan hasil yang memberangsangkan, maka baki defisit terkumpul dalam akaun hasil yang disatukan sejak tahun 2000, sejak tahun 2000 dijangka akan dapat dihapuskan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pada 31 Disember 2012, aset negeri ini telah meningkat kepada RM1.45 bilion berbanding RM450.50 juta dalam tahun 2011. Persoalan yang sering ditimbulkan oleh pihak-pihak tertentu adalah tentang jumlah hutang Kerajaan Negeri. Ingin saya sebutkan bahawa tanggungan Kerajaan Negeri yang terdiri daripada hutang kepada Kerajaan Persekutuan hanya melibatkan projek pembangunan untuk kesejahteraan dan kemakmuran Negeri Johor. Dan, tidak melibatkan sebarang pinjaman untuk menampung perbelanjaan mengurus. Pinjaman-pinjaman ini juga melibatkan pembayaran berjadual dan tidak memerlukan penyelesaian serta-merta.

Justeru, fokus patut lebih diberi kepada keupayaan Kerajaan Negeri untuk membayar pinjaman ini mengikut tempoh. Hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan pada penghujung tahun 2012 adalah RM469.07 juta. Jumlah yang, hutang yang tidak perlu penyelesaian serta-merta ini juga hanya 32.37% daripada jumlah aset Kerajaan Negeri. Malah jumlah hutang ini juga dijangka akan menurun dengan signifikan selepas keseluruhan proses pengambilalihan baki hutang projek bekalan air diselesaikan dalam masa terdekat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, menyebut tentang dasar penswastaan seperti yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Rengit. Kerajaan Negeri melalui Unit Perancang Ekonomi sedang mengkaji semua, sedang mengkaji semula dasar penswastaan ini dengan membuat beberapa kes perbandingan pembangunan tanah dan dasar-dasar pembangunan yang dijalankan di negeri-negeri lain dan syarikat-syarikat yang berkaitan. Antara penambahbaikan yang akan dilakukan ialah dengan melakukan pembangunan tanah secara tender bagi tanah-tanah yang telah dikenal pasti oleh Kerajaan untuk dibangunkan. Kaedah ini dipilih bagi memastikan pemilihan pemaju yang lebih telus, memberi peluang kepada lebih banyak syarikat untuk turut serta dan memastikan pulangan yang maksima diterima oleh Kerajaan. Lebih dari itu, bagi memastikan kaedah tender ini dapat dilakukan secara efisien, kepakaran-kepakaran daripada luar ataupun *out sourcing* diperlukan bagi membantu proses penyediaan dokumen tender yang lebih baik. Melalui pendekatan baru penswastaan ini juga, pertambahan kakitangan bakal diperlukan terutama di dalam bidang teknikal sama ada melalui *secondment* dengan izin atau lantikan baru bagi menghadapi bebanan tugas yang semakin bertambah.

Manakala dalam usaha meningkatkan keberkesanan sistem pemantauan penswastaan, satu sistem sedang dibangunkan dengan kerjasama Unit ICT khusus bagi mengenal pasti projek-projek yang lewat dari jadual pulangan tertunggak kepada Kerajaan dan langkah segera yang patut diambil oleh Unit, oleh pihak UPEN. Pembangunan sistem ini akan melihatkan kesinambungan proses kerja di antara UPEN, SSI, Pejabat SUK Bahagian Perumahan serta Pejabat Perbendaharaan Negeri Johor. Sistem ini dijangka akan mula digunakan pada suku tahun ketiga tahun 2014.

Yang Berhormat Datuk Speaker, cakap soal kualiti sama ada dalam bentuk pelaburan, pertumbuhan dan kutipan hasil sememangnya menjadi keutamaan Kerajaan Negeri pada hari ini. Sebagaimana yang telah dibangkitkan oleh yang Berhormat Rengit dan lain-lain Ahli-Ahli Yang Berhormat akan hal kualiti ini, Kerajaan Negeri akan lebih selektif di dalam pemilihan pelaburan di Negeri Johor, demi memastikan ianya bukan sahaja

dapat menjamin malah turut meningkatkan kualiti peluang pekerjaan dan tahap pendapatan yang lebih baik kepada rakyat Negeri Johor.

Justeru 4 perkara yang menjadi kriteria Kerajaan Negeri di dalam pemilihan aspek pelaburan adalah sebagaimana berikut:-

1. Pelaburan tersebut harus berupaya memberikan nilai tambah terhadap kepelbagaian ekonomi Johor. Kepelbagaian sumber ekonomi Johor adalah perlu bagi mengelakkan kebergantungan terhadap bidang tertentu seperti pembuatan dan hartanah. Ini bagi memastikan ekonomi Negeri berdaya tahan apabila dilanda krisis di dalam sesuatu sektor.

2. Ia mesti menyumbang kepada peningkatan peluang pekerjaan yang bermutu dan dapat mempertingkatkan kemahiran pekerja tempatan.

3. Ia haruslah mesra alam sekitar dan mendukung Konsep Pembangunan Lestari.

4. Penekanan akan diberikan kepada pelaburan berteraskan teknologi terkini, yang akhirnya diharap akan membantu syarikat-syarikat tempatan mendapat manfaat melalui pemindahan teknologi. Pelaburan-pelaburan tersebut mestilah mampu mempertingkat amalan terbaik dalam pasaran buruh seperti kadar upah dan hak pekerja yang sesuai dengan piawaian antarabangsa.

Yang Berhormat Datuk Speaker, adalah tidak tepat kenyataan Yang Berhormat Skudai bahawa sektor perkhidmatan hanya menyumbang 12.3% kepada ekonomi Negeri Johor, sedangkan mengikut data terkini yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan, 49.1% telah disumbangkan oleh sektor perkhidmatan kepada ekonomi Johor. (Dewan bertepuk). Suka saya perbetulkan di sini bahawa 49.1% merujuk kepada sektor perkhidmatan dan bukannya sektor pertanian. Kerajaan telah lama sedar pentingnya sektor perkhidmatan dalam menyokong kerancakan aktiviti ekonomi. Malah, Kerajaan Negeri akan terus meligatkan usaha dalam meningkatkan peranan sektor perkhidmatan melalui pelbagai inisiatif seperti yang dilakukan di Iskandar Malaysia. Ini jelas tergambar dengan kehadiran taman-taman tema terkemuka seperti Legoland, Hello Kitty dan pada tahun hadapan Taman Tema Angry Bird pula yang bakal menanti pengunjung.

Manakala bagi sektor kesihatan, kita mempunyai beberapa hospital yang menawarkan perkhidmatan kesihatan bertaraf antarabangsa di negeri kita ini. Terlebih dari itu, Negeri Johor juga bakal memiliki sebuah *Pinewood Studio* yang sudah pastinya menarik minat pengarah-pengarah ternama dunia dan tempatan untuk mengadakan sesi penggambaran bagi menghasilkan karya perfileman yang lebih berkualiti dan berteknologi tinggi. Tidak jauh di luar Kota Iskandar ini pun, kita juga mempunyai institusi-institusi pendidikan dan pengajian tinggi bertaraf dunia, yang semuanya bakal mengundang para pelajar dari dalam mahu pun luar negara untuk mendapatkan pendidikan berkualiti antarabangsa dengan kos yang lebih rendah berbanding universiti luar negara.

Berkenaan sektor pembinaan pula, Kerajaan Negeri menyedari peranan sektor ini dalam menyediakan prasarana serta infrastruktur bagi membantu keaktifan ekonomi negeri dan nasional. Dakwaan Ahli-Ahli Yang Berhormat daripada pembangkang yang

menyatakan Kerajaan Negeri tidak menumpukan perhatian kepada sektor pembinaan negeri adalah tidak berasas sama sekali. Peratusan sumbangan yang kecil iaitu 3.5% oleh sektor pembinaan adalah disebabkan definisi sektor pembinaan itu sendiri yang bersifat sementara.

Sebagai contoh, semasa proses pembinaan Taman Tema Legoland ianya akan dikira dari sudut sektor pembinaan, tetapi apabila siap aktiviti ekonomi di sana ini tidak akan lagi dikira sebagai sektor pembinaan sebaliknya akan dikategorikan sebagai sektor perkhidmatan. Jika hendak diukur peratusan sumbangan bagi sektor pembinaan negeri-negeri lain kepada pencapaian ekonomi Negeri masing-masing adalah hanya pada sekitar 1.1% hingga 5%. Dalam lingkungan peratusan itu, Johor merupakan negeri keempat tertinggi dari segi peratusan penyumbang kepada jumlah KDNK bagi sektor pembinaan negara selaras dengan kerancakan aktiviti pembinaan di Iskandar Malaysia dan Pengerang.

Yang Berhormat Datuk Speaker, cadangan Pusat Perabot Antarabangsa di Daerah Ledang, sebagaimana yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Gambir merupakan satu cadangan Kerajaan Negeri untuk mengadakan usaha sama dengan Kerajaan Persekutuan yang mana cadangan ini masih belum dipersetujui oleh Kerajaan Persekutuan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat Bukit Batu berucap seolah-olah tidak memahami apakah itu IRDA dan peranannya. IRDA sebenarnya merupakan sebuah Pihak Berkuasa di bawah Jabatan Perdana Menteri yang berperanan penting dalam menetapkan dasar, hala tuju dan strategi bagi pembangunan Koridor Iskandar Malaysia. Justeru, IRDA tidak mempunyai CSR atau tanggungjawab sosial sebagaimana yang diguna pakai untuk syarikat-syarikat swasta.

Apa yang dilakukan oleh pihak IRDA dalam bidang sosial adalah melebihi CSR, kerana ia merangkumi secara meluas dalam semua bidang sosial, termasuk mencari dan mengenal pasti peluang-peluang pekerjaan dan perniagaan selain pembangunan infrastruktur di dalam kawasan Iskandar Malaysia. Sejak beroperasi pada 2006 sehingga hari ini, beberapa inisiatif pembangunan sosial telah dilaksanakan bagi mewujudkan hasil-hasil yang diinginkan termasuk Mobiliti Sosio-Ekonomi, agihan kemewahan saksama, komuniti penyayang, keharmonian bangsa dan kualiti kehidupan untuk semua penduduk dalam kawasan Iskandar Malaysia.

Antara usaha tersebut adalah seperti melaksanakan kerjasama dengan pihak Kerajaan Negeri menerusi Program Karnival Kerjaya, Perniagaan dan Kemahiran atau pun KEPAK, bertujuan membantu meningkatkan pendapatan rakyat dan mengeluarkan mereka daripada garis kemiskinan, melaksanakan projek-projek pembangunan infrastruktur termasuk Lebuh raya Pesisir Pantai dan kerja-kerja menaik taraf jalan di dalam kawasan Iskandar Malaysia, menyediakan rumah Iskandar Malaysia atau lebih dikenali sebagai PRISMA bagi golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Menyediakan perkhidmatan bas Iskandar Malaysia, Program Latihan Teras Graduan Muda, Program Belia Tempatan Mahir dan berbagai lagi.

Dan yang terbaru oleh IRDA, ialah Program Rendah Karbon di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melancarkan satu *Blueprint* atau Buku Pelaksanaan Masyarakat Rendah Karbon Iskandar Malaysia pada 6 November yang lalu. Dengan

adanya Program Rendah Karbon ini, penduduk Iskandar Malaysia bakal menikmati kualiti hidup yang lebih baik dan gaya hidup sihat, mempunyai lebih banyak kawasan lapang dan hijau untuk beriadah dan aktiviti luar, sungai yang bersih serta bangunan dengan penggunaan tenaga yang lebih efisien pada tahun 2015. Kita seharusnya berbangga tatkala dunia berhadapan dengan ancaman alam sekitar dek kerana pencemaran karbon, kita di Iskandar Malaysia telah menyediakan mekanisme untuk menyokong pelaksanaan agenda rendah karbon.

Yang Berhormat Datuk Speaker, menyentuh soal kumpulan wang projek sosial yang turut dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Batu. Wang di dalam Kumpulan Wang tersebut merupakan wang yang disumbangkan atau didermakan dari semasa ke semasa oleh mana-mana individu, Perbadanan atau entiti lain. Dalam erti kata lain Kumpulan Wang ini bukanlah merupakan satu pungutan, cukai, yuran, levi atau sebarang bayaran wajib yang dikenakan kepada semua pelabur di dalam kawasan Iskandar Malaysia, tetapi lebih berbentuk sumbangan dalam jumlah yang dirundingkan berasaskan insentif yang diterima oleh pelabur.

Memang benar, sehingga kini Kumpulan Wang Projek Sosial telah menerima sumbangan sejumlah RM50 juta daripada Iskandar Investment Bhd atau pun IIB selaku *Master Developer* untuk pembangunan kawasan Medini sebagai sumbangan secara *One Off*. IIB juga telah memberi komitmen untuk menyumbang kira-kira sejumlah RM25 juta lagi. Sumbangan ini diberikan oleh kerana Medini adalah merupakan Nod yang diluluskan atau satu kawasan yang ditetapkan untuk menerima pakej insentif dan sokongan khas Iskandar Malaysia. Sekiranya terdapat Nod-Nod seumpama Medini yang mendapat insentif khas di masa akan datang, mereka turut akan menyumbang kepada Kumpulan Wang Projek Sosial ini berdasarkan jumlah yang berpatutan dan dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

Suka juga saya menambah di sini bahawa walau pun tidak semua pelabur menyumbang secara terus kepada Kumpulan Wang Projek Sosial Iskandar Malaysia, kebanyakan daripada mereka telah banyak menjalankan program *Corporate Social Responsibilities* secara kerjasama dengan pihak IRDA dan Kerajaan Negeri. Contohnya oleh UEM, oleh UM Land dengan menaja program *Iskandar Learning Festival* dan juga Program PiNTAR dan projek AMAL di Perkampungan Orang Asli yang dianjurkan oleh Syarikat Holcim (M) Sdn. Bhd.

Yang Berhormat Datuk Speaker, bagi menjawab soalan Yang Berhormat Parit Yaani berkenaan pendapatan Kerajaan Negeri tidak meningkat walaupun pelaburan rancak di Iskandar Malaysia, kita perlu memahami dan menyedari hakikat bahawa kemasukan pelaburan yang besar di Negeri Johor, bukan bermakna ianya akan memberi impak dari segi kewangan semata-mata, kerana sebahagian daripada hasil tersebut akan dikutip oleh Kerajaan Persekutuan yang akhirnya akan digunakan untuk menampung peruntukan pembangunan di Negeri Johor.

Sekiranya Yang Berhormat Parit Yaani memerhati dengan ikhlas dan teliti, Negeri Johor antara beberapa negeri yang mendapat antara peruntukan dan perhatian yang tinggi daripada Kerajaan Persekutuan melalui bajet-bajet yang dibentangkan sebelum ini.(Dewan bertepuk). Contohnya melalui pembentangan Bajet Kerajaan Persekutuan 2013, Negeri Johor telah menerima peruntukan pembinaan projek perumahan rakyat yang kedua tertinggi dengan jumlah sebanyak RM880 juta

memperuntukkan anggaran 5,500 rumah kos rendah. Begitu juga keadaannya jika kita bercakap soal pelaburan IRDA.

Untuk makluman semua sidang Dewan, bagi jumlah pelaburan kumulatif yang dijejaki oleh pihak IRDA adalah sebenarnya merupakan satu komitmen pelabur untuk melabur di Iskandar Malaysia dan menjana ekonomi setempat. Jika terdapat sebarang pembayaran levi cukai atau permit berkaitan, ianya merupakan hasil untuk Kerajaan Persekutuan. Bagi cukai harta pula ianya dikutip dan diurus oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Hanya bayaran premium tanah yang merupakan bayaran sekali atau pun *One Off Payment* dan juga perbezaan kategori cukai tanah yang sedikit memberi kenaikan terhadap pendapatan negeri. Manakala kesan tidak langsung yang dinikmati oleh rakyat antaranya peluang pekerjaan, perniagaan dan peningkatan nilai hartanah.

Sejak tahun 2007 sehingga akhir tahun 2012, pelaburan di Wilayah Iskandar ini telah mewujudkan sejumlah 554,796 peluang pekerjaan. Dengan 15% daripada jenis pekerjaan melibatkan tenaga kerja mahir dan profesional dan 16% pula tenaga kerja separa mahir. Dari segi, berdasarkan pengumpulan maklum balas daripada para pelabur sedia ada di kawasan Iskandar Malaysia, mereka menganjurkan sebanyak 56,000 lagi peluang pekerjaan akan diwujudkan sehingga tahun 2015.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat Rengit ada mengutarakan tentang peranan yang sepatutnya dimainkan oleh *Johor Corporation*. Adalah merupakan suatu persepsi yang salah untuk mengatakan bahawa sumbangan *Johor Corporation* hanya memberi manfaat kepada golongan tertentu sahaja atau menyatakan bahawa Kerajaan Negeri sering memayungi organisasi ini juga adalah merupakan satu kesilapan. Sebaliknya, *Johor Corporation* perlu dilihat sebagai satu organisasi yang berdikari sendiri dan banyak membawa perubahan kepada tanggung jawab sosial mahupun meningkatkan sosio-ekonomi masyarakat. Izinkan saya sebutkan beberapa peranan penting *Johor Corporation* secara teliti agar tiada lagi tanggapan yang serong terhadap organisasi ini.

Pertama, Mewujudkan Peluang Pekerjaan dan Menjadi Pemangkin Kepada Pembangunan Perindustrian di Negeri Johor. Kejayaan dan kewujudan *JCorp* dan Kumpulannya telah memungkinkan organisasi ini menyediakan peluang pekerjaan kepada lebih 70,000 orang di mana seramai lebih kurang 10,000 orang bekerja di Johor. Melalui aktiviti pembangunan kawasan perindustrian, yang diterajui sejak 1972, *JCorp* telah membuka lebih dari 30 buah kawasan perindustrian yang sehingga kini telah mewujudkan lebih 150,000 peluang pekerjaan sambil menjana lebih, RM60 bilion jumlah pelaburan. Pembangunan tanah industri ini bakal menjanjikan tambahan sekitar 3,750 peluang pekerjaan pada tahun 2014 serta lebih RM20 bilion jumlah pelaburan ke Negeri Johor.

Kedua, Menyediakan Kemudahan Perumahan Kos Rendah dan Mampu Milik serta Projek Komersial. Dari segi perumahan, sehingga kini *JCorp* telah membina lebih dari 26,000 unit rumah kediaman untuk rakyat Johor, di mana lebih 40% ataupun 11,000 adalah merupakan rumah kos rendah dan sederhana. Penyediaan rumah mampu milik terutamanya di kawasan Bandaraya Johor Bahru adalah satu usaha yang amat dinantikan terutamanya bagi golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Ianya bakal meningkatkan peluang dan akses kepada golongan tersebut untuk

memiliki rumah di Bandaraya. Untuk itu, *JCorp* bercadang untuk melancarkan sejumlah 2,552 unit rumah di tahun 2014. Bilangan ini termasuk 560 unit rumah kos murah dan 400 unit Rumah Mampu Milik Johor. Kos tanggungan keseluruhan yang *JCorp* akan tanggung apabila melaksanakan Projek Rumah Mampu Milik adalah sekitar RM1.07 bilion. Sebanyak 3,600 unit Rumah Mampu Milik Johor akan dibina sebelum 2017 dan 8,000 unit sebelum tahun 2020. Antara kerugian yang terpaksa ditanggung oleh *JCorp* untuk keseluruhan pembinaan projek rumah mampu milik ini sehingga 2020 adalah berjumlah RM200 juta. Manakala dari aspek komersial, *JCorp* kini terlibat di dalam projek pembangunan semula Bandaraya Johor Bahru. Dua premis komersial milik *JCorp* sedang melalui proses naik taraf iaitu Galleria@Kota Raya dan KOMTAR JBCC. Apabila projek ini siap sepenuhnya, dijangka sejumlah 4,600 peluang pekerjaan bakal diwujudkan pada tahun 2014. Selain daripada pembangunan tanah industri, secara tidak langsung ribuan lagi pekerjaan dan usahawan akan terus diwujudkan melalui rantaian nilai hasil dari aktiviti bisnes yang dijalankan oleh *JCorp*.

Ketiga, Membantu Membangunkan Usahawan. *JCorp* telah mula membangunkan usahawan semenjak tahun 1999 lagi. Di dalam melaksanakan aktiviti ini *JCorp* memberi tumpuan kepada 2 aspek pembangunan iaitu:-

1. Pembangunan individu sebagai usahawan.

2. Pembangunan infrastruktur ataupun alat, *tools* untuk usahawan, untuk usahawan.

Pembangunan individu dilaksanakan melalui pelbagai program keusahawanan yang dianjurkan oleh *JCorp* seperti Didik Bestari, Siswa Bestari, Skim *Intrapreneur JCorp* dan *Venture*. Sementara itu, *JCorp* turut menyediakan infrastruktur untuk usahawan antaranya ialah lebih dari 2.7 juta kaki persegi ruang perniagaan di bangunan-bangunan komersial milik *JCorp*. *JCorp* bercadang meneruskan aktiviti pembangunan usahawan dengan turut membangunkan usahawan-usahawan luar dari Kumpulan *JCorp* yang terhasil dari rantaian nilai aktiviti bisnes JCorp yang berpotensi untuk dibantu. Usahasama dengan pelbagai agensi seperti Teraju, PUNB dan *SME Corp* akan dipertingkatkan di samping lebih banyak usahawan dalaman kumpulan yang akan di '*graduate*'kan.

Keempat, Meningkatkan Dasar Makanan Negara. Melalui kerjasama yang dijalinkan dengan Jabatan Veterinar Malaysia, *JCorp* telah dilantik sebagai *integrator* bagi 10 buah ladang satelit di Negeri Johor sebagai permulaan. Penglibatan *JCorp* akan mengaktifkan lagi ladang-ladang satelit di negeri ini dengan jaminan bekalan lembu fidlot serta khidmat nasihat pakar yang berterusan. *JCorp* pada masa ini mempunyai sekitar 6,000 ekor lembu yang akan dibiakkan, sementara 355 ekor dari kumpulan ini telah mula dihantar ke ladang-ladang satelit bagi tujuan penggemukan. Aktiviti ini dijangka dapat membantu sasaran kerajaan untuk meningkatkan *self sufficiency* dengan izin, dari 29% ke 31%. Ini juga bakal meningkatkan bekalan daging lembu yang dijamin halal dan segar di samping harga yang terkawal demi memelihara kebajikan rakyat. Pada tahun 2014, *JCorp* bercadang menambah bilangan lembu fidlot sebanyak 6,000 ekor lagi. Melaksanakan pembiakan melalui kaedah *artificial insemination*, mewujudkan *steer park* di samping meningkatkan jualan lembu hidup dan penggemukkan secara fidlot.

Kelima, Melaksanakan Tanggung Jawab Korporat. Tanggung jawab korporat *JCorp* dilaksanakan menerusi inisiatif-inisiatif yang selaras dengan prinsip syariah Islam serta nilai-nilai sejagat. Di antara inisiatif *JCorp* ialah dengan mewujudkan *Waqaf Annur Corporation*. Melalui inisiatif *Waqaf Annur Corporation*, manfaat dari saham wakafnya telah dapat disalurkan kepada aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dan kebajikan umum. Sehingga kini, *JCorp* terlibat dalam menubuhkan 26 persatuan dan pertubuhan NGO yang dikenali sebagai Organisasi Bisnes Amal (OBA). OBA berperanan sebagai satu saluran untuk *JCorp* menyumbang ke arah pembangunan ummah dari berbagai aspek sama ada kebajikan, kesihatan, riadah serta keusahawanan. Bagi tahun 2014, Kumpulan *JCorp* memperuntukkan RM20 juta aktiviti CSR dan bisnes amal bagi pembangunan sosial, kebajikan awam, sukan dan rekreasi.

Yang Berhormat Datuk Speaker, tidak syak lagi selain dari sumbangan berbentuk aktiviti pembangunan sosio ekonomi, *JCorp* turut menyalurkan sumbangan tunai secara terus kepada Kerajaan Negeri Johor. Sumbangan tunai ini disalurkan kepada Kerajaan Negeri berdasarkan nilai 10% dari terimaan dividen oleh *JCorp* dari syarikat-syarikat tersenarai di dalam Kumpulannya. Sumbangan yang telah disalurkan terus kepada Kerajaan Negeri bagi tempoh 3 tahun, 2011 sehingga 2013, adalah lebih kurang RM19 juta. Maka saya, difahamkan bahawa bagi tahun 2014, *JCorp* akan meneruskan sumbangan kepada Kerajaan Negeri Johor dengan memperuntukkan sejumlah RM9 juta bagi tahun 2014.

Yang Berhormat Datuk Speaker, tidak dinafikan bahawa projek di Pengerang merupakan satu projek yang sering mendapat liputan, tidak kiralah sama ada yang berbentuk positif mahupun negatif. Di mana yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat Rengit, Tanjung Surat, Mengkibol dan seterusnya. Projek *RAPID* oleh Petronas dan *PIDPT* atau *Pengerang Independent Deepwater Petroleum Terminal* oleh *Dialog Group* adalah dua projek tunjang yang sedang dibangunkan di kawasan pembangunan Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang. Secara dasarnya, *JPDC* akan memastikan projek Pengerang yang mempunyai impak besar dan berkepentingan nasional ini berjalan dengan lancar agar rakyat Negeri Johor mendapat manfaat yang sejajar dengan pembangunan mega ini. Apabila projek ini memasuki fasa yang seterusnya, terdapat berbagai peluang pekerjaan yang boleh diisi berdasarkan kelulusan dan kelayakan yang bersesuaian. Sebagai contoh, untuk fasa pembinaan projek, keperluan tenaga kerja diperlukan di dalam bidang profesional seperti jurutera, pegawai perancang, pengurusan projek serta pentadbiran dan pengurusan. Dalam bidang kemahiran pula, tenaga kerja yang berkelayakan berpeluang mengisi kekosongan seperti penyelia tapak, juruteknik, pegawai kesihatan, keselamatan dan persekitaran, juru kimpal dan pengendali jentera berat. Kesemua peluang pekerjaan ini tidak akan dihadkan kepada penduduk Pengerang sahaja tetapi ianya juga merupakan peluang yang akan ditawarkan kepada seluruh warga Negeri Johor berdasarkan kepada kelayakan dan kemahiran yang diperlukan dalam setiap pekerjaan ini.

Selain daripada itu, terdapat juga peluang-peluang perniagaan dan keusahawanan. Ini dapat dilihat daripada 2 aspek iaitu dari segi jangka pendek dan juga jangka masa panjang. Bagi jangka masa pendek, akan berlaku pertambahan permintaan terhadap barangan keperluan harian seperti barangan basah, kering dan lain-lain keperluan harian. Ini berlaku disebabkan wujudnya pertambahan dan kemasukan tenaga kerja daripada luar. Ekoran daripada itu, masyarakat setempat di Pengerang perlu bersedia

mengambil peluang dengan membuka dan membesarkan perniagaan-perniagaan mereka dan sebagainya.

Manakala bagi jangka masa panjang pula, pihak *Johor Petroleum Development Corporation* dengan kerjasama UPEN Johor telah menghasilkan satu rangka kerja untuk memastikan syarikat-syarikat tempatan termasuk masyarakat Pengerang dapat mengambil bahagian di dalam projek ini. Malah organisasi multinasional seperti Petronas telah pun bersetuju untuk mempelawa pembida tempatan yang mempunyai pengalaman dan mempunyai sumber yang relevan untuk membida Projek Pengendalian Pepejal dan Penggudangan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, berkenaan dengan Rumah Mampu Milik di Pengerang, untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri telah meminta semua Pegawai Daerah dan Wakil-Wakil Rakyat untuk mengenal pasti tapak-tapak yang sesuai di kawasan dan daerah masing-masing untuk di cadang pembangunan projek-projek perumahan mampu milik termasuklah di kawasan Pengerang. Tapak yang dikena pasti ini, jika diterima akan dibangunkan sama ada melalui projek perumahan rakyat oleh Jabatan Perumahan Negara, Perumahan Rakyat Satu Malaysia (PRIMA) atau oleh skim-skim perumahan yang bersesuaian, yang akan dibangunkan oleh SPNB, GLC atau pemaju-pemaju swasta. Dalam pada itu juga, pembinaan semula Sekolah Agama di Plot A adalah untuk menggantikan Sekolah Agama Sungai Kapal yang terlibat di dalam pengambilan balik tanah Projek Petronas (RAPID). Sekolah Agama ini dibina bagi membolehkan anak-anak penduduk yang berpindah ke Plot A mendapat pendidikan agama yang berterusan. Oleh itu Sekolah Agama yang dibina perlulah disiapkan sebelum sesi persekolahan pada tahun hadapan bermula pada awal Januari 2014. Kerajaan Negeri melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor akan sentiasa memantau perkembangan pembangunan Sekolah Agama ini bagi memastikan sekolah tersebut dapat disiapkan di dalam masa yang ditetapkan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, berhubung insiden tumpahan minyak yang berlaku di kawasan Pengerang, adalah menjadi tanggungjawab pemilik atau mana-mana pihak yang mengendalikan apa-apa kemudahan luar pantai atau kapal termasuklah apa-apa jenis vesel atau punca daratan yang menyebabkan minyak tumpah ke dalam perairan Pengerang menanggung apa-apa kos pembersihan dan bayaran pampasan kepada pihak-pihak yang terjejas. Seksyen 47 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 membenarkan Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling untuk menuntut kos tersebut. Seksyen 27 Akta tersebut memperuntukkan bahawa tiada seseorang pun boleh melainkan jika ia telah diberi lesen melepaskan atau menumpahkan apa-apa minyak atau campuran yang mengandungi minyak ke dalam perairan Malaysia dengan melanggar syarat-syarat yang boleh diterima yang ditentukan di bawah Seksyen 21. Seseorang yang melanggar seksyen tersebut adalah melakukan satu kesalahan dan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada RM500,000.00 atau penjara tidak lebih daripada 5 tahun atau kedua-duanya. Pertanggungan oleh pihak yang terlibat dalam apa-apa insiden tumpahan minyak seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 27 tersebut adalah terpakai di semua kawasan dalam mana-mana perairan Malaysia. Sekiranya tumpahan minyak berlaku di perairan antarabangsa, Jabatan Alam Sekitar boleh menuntut kos pembersihan daripada kapal tersebut. Walau bagaimanapun, tuntutan denda atau penjara bagi pelanggaran Seksyen 21 hanya boleh ditentukan oleh pihak

mahkamah. Tindakan di bawah Seksyen 27 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 sukar diambil sekiranya tumpahan minyak yang berlaku tidak dapat dikenal pasti puncanya.

Kita sedar ratusan kapal-kapal yang melalui perairan antarabangsa berdekatan dengan Pengerang memerlukan kawalan dan koordinasi yang menyeluruh untuk mengelakkan insiden-insiden yang boleh mengakibatkan berlakunya tumpahan minyak. Dengan pembangunan Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang, maka pergerakan kapal-kapal di persekitarannya akan dapat dikawal dan dikoordinasikan dengan lebih baik lagi.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Kerajaan Negeri memandang serius keresahan Ahli-Ahli Yang Berhormat berkaitan hal pengangkutan awam di Negeri Johor. Malah Kerajaan Negeri berkongsi rasa segala kepayahan dan kejerihan rakyat dalam soal dengan izin, *mobility*. Dengan itu Kerajaan pada hari ini akan turut memberi perhatian untuk menangani masalah pengangkutan di Negeri Johor yang dilihat masih lagi belum berada pada tahap yang memuaskan. Sebagaimana yang pernah saya sebutkan sebelum ini, sistem pengangkutan bas BRT atau pun dengan izin, *Bus Rapid Transit* akan diguna pakai meliputi seluruh Wilayah Iskandar. Sistem pengangkutan BRT ini dipilih sebagai medium pengangkutan utama berdasarkan beberapa sebab utama antaranya :

1. Demografi penduduk Iskandar Malaysia yang masih rendah iaitu 1.6 juta sekarang dan diunjurkan seramai 3 juta hanya menjelang tahun 2025. Sasaran penggunaan *mod* pengangkutan awam berbanding kenderaan persendirian adalah 50:50. Berdasarkan kepada pengiraan jumlah penduduk dan pekerjaan, anggaran penumpang sehala bagi setiap jam adalah di antara 10,000 hingga 20,000 orang sahaja bagi semua koridor pengangkutan utama di Iskandar Malaysia. Jadi, atas sebab itulah dengan jumlah penduduk yang sedikit kita memilih BRT di kawasan Iskandar Malaysia.

2. BRT dipilih kerana ia sangat fleksibel dari pelbagai aspek terutamanya dalam mencapai liputan yang lebih besar. Menghubungi kawasan yang lebih luas sehingga mencapai 90% dari kawasan tepu bina dan pembangunan. Dalam pada itu juga kaedah operasi mengikut keperluan dan permintaan sama ada di masa puncak mahu pun bukan puncak dengan jumlah bas yang boleh dikawal.

3. Kos pembangunan infrastruktur yang jauh lebih murah berbanding pembinaan LRT atau MRT dengan kapasiti yang agak setara di mana kosnya adalah RM20 juta dibahagi setiap kilometer yang meliputi sejauh 320 kilometer.

4. Sistem yang sangat mudah untuk dilaksanakan di koridor pengangkutan awam utama dengan masa pembinaan yang sangat pendek. Dan, ianya akan menggalakkan pembangunan yang kompak dan berdensiti tinggi sepanjang koridor terutamanya di stesen-stesen dan terminal pengangkutan awam.

Untuk seluruh Negeri Johor bagi jangka masa terdekat ini, rasionalisasi laluan bas henti-henti setiap daerah akan dilaksanakan. Ini akan dilakukan dengan mengambilkira beberapa langkah penting seperti :

1. Pengenalpastian semakan laluan sedia ada dan permintaan terhadap pengangkutan awam.

2. Perancangan dan agihan semula laluan berdasarkan permintaan dan keupayaan syarikat pengusaha.

3. Pengenalan kepada piawai perkhidmatan yang lebih mesra pengguna dan selaras di setiap daerah.

4. Penyebaran maklumat, laluan dan pengenalan kepada satu sistem maklumat laluan di laman web Pihak Berkuasa Tempatan.

5. Pengenalan kepada Skim Insentif kepada syarikat pengusaha berdasarkan kepada prestasi perkhidmatan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, beberapa Ahli-Ahli Yang Berhormat telah menyentuh mengenai kos sara hidup dalam perbahasan mereka. Kerajaan Negeri sememangnya memberi perhatian yang berat terhadap soal kos sara hidup ini iaitu bagaimana mengurangkan bebanan kos hidup yang tinggi yang berlaku khususnya di daerah Johor Bahru. Sebagaimana kita semua sedia maklum antara komponen perbelanjaan bagi sesebuah keluarga ialah perumahan, pengangkutan dan perbelanjaan harian makanan. Atas sebab itulah Kerajaan memberi fokus kepada komponen-komponen ini sebagaimana yang telah saya sebutkan tadi mengenai pengangkutan awam. Dalam soal perumahan misalnya, selain menentukan terbinanya sekurang-kurangnya 28,000 unit rumah-rumah kos rendah dan mampu milik, Kerajaan akan juga membina sejumlah 5,474 unit rumah disewa Projek Perumahan Rakyat pada tahun 2014 dengan kos sebanyak RM875 juta. Dalam soal perbelanjaan harian rakyat, FAMA akan menambah 6 buah lagi pasar tani pada tahun 2014 menjadikannya 61 buah pasar tani. Dengan kehadiran pasar-pasar tani ini diharapkan rakyat bijak membuat pilihan untuk mendapat keperluan barangan harian pada harga yang lebih rendah. Dalam pada itu juga, Kerajaan Negeri juga berharap lebih banyak lagi Kedai Rakyat 1Malaysia dibuka di Negeri Johor. Kita juga mengalu-alukan pertambahan 4 buah lagi Klinik 1Malaysia dari jumlah sekarang sebanyak 23 buah sebagai satu lagi kemudahan untuk rakyat mendapatkan rawatan dengan kadar RM1.00 sahaja.

Yang Berhormat Datuk Speaker, soal GST yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Skudai dan beberapa Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain menunjukkan bahawa matlamat membangkitkannya lebih kepada soal ingin mempolitikkan perkara ini. (Dewan bertepuk). Telah diperjelaskan oleh pelbagai pihak di pelbagai forum termasuk dalam Dewan ini oleh Ahli Yang Berhormat Semarang :

1. Golongan berpendapatan rendah tidak akan terjejas dengan GST kerana bekalan asas seperti produk berunsurkan padi dan sayur-sayuran serta makanan asas seperti gula, tepung, minyak masak, ikan, daging dan ayam tidak dikenakan sebarang cukai malah masih lagi dikategorikan sebagai barang-barang keperluan terkawal.

2. GST bukanlah cukai tambahan tetapi di cadang untuk menggantikan cukai penggunaan semasa iaitu cukai jualan dan cukai perkhidmatan atau pun *sales and service tax*, dengan izin. Pengenalan GST adalah sebahagian daripada

pembaharuan cukai kerajaan untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem percukaian sedia ada. GST telah dibuktikan satu sistem cukai yang lebih baik kerana ia lebih berkesan, cekap, telus dan mesra perniagaan dan boleh merangsang pertumbuhan ekonomi serta meningkatkan daya saing dalam pasaran global.

3. GST berkebolehan menjana sumber hasil yang lebih stabil kepada negara kerana ia kurang dipengaruhi oleh turun naik ekonomi. Adalah penting untuk menggantikan SST sedia ada dalam usaha untuk mengatasi kelemahan yang wujud seperti cukai berperingkat, bertindih, pemindahan harga dan nilai pindah, tiada pelepasan lengkap barang dieksport, menggalakkan integrasi menegak, mengatasi kerenah birokrasi pentadbiran, isu-isu klasifikasi dan lain-lain lagi.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat Rengit, Tangkak, Parit Yaani, Serom, Penawar dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain telah turut membangkitkan soal keselamatan dan menyatakan kebimbangan mereka semasa sesi perbahasan yang lalu. Perlu saya nyatakan bahawa sememangnya dunia tidak pernah mengenal hari atau waktu yang bebas dari sebarang jenayah. Mana-mana kenyataan yang cuba mengatakan bahawa kita perlu wujud negeri atau negara yang bebas jenayah merupakan hanya satu harapan dan satu idealisme. Apa yang boleh kita lakukan adalah mengawal dan mengecilkan angka jenayah agar ianya tidak menular. Ini ditambah parah apabila ada sesetengah pihak yang memberi persepsi yang salah kepada anggota keselamatan walhal dalam soal menjaga keselamatan ia adalah tanggungjawab bersama dan tidak hanya perlu diletak pada bahu anggota keselamatan semata-mata. Walau apa pun keadaannya, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Pasukan Keselamatan Negeri Johor terutamanya pihak Polis kerana telah berjaya mengurangkan kadar jenayah di Negeri ini. (Dewan bertepuk). Mengikut *ranking* kadar keselamatan seluruh negara, Negeri Johor menduduki tangga keenam dengan penurunan kadar jenayah 1,261 kes iaitu dalam lingkungan 8% berbanding Selangor dan Kuala Lumpur dengan masing-masing mengalami penurunan 6.8% dan 4.8%.

Untuk makluman sidang Dewan, Polis Diraja Malaysia sedang menambah bilangan bangunan dan balai Polis di Negeri Johor. Antara projek awal yang telah siap dibina ialah Ibu Pejabat Polis Daerah Johor Bahru Utara, di mana projek ini telah menelan belanja sebanyak RM46.9 juta dan telah diserahkan sepenuhnya kepada Polis DiRaja Malaysia pada bulan Jun yang lalu. Manakala projek yang masih dalam pembinaan ialah bangunan tambahan Ibu Pejabat Kontinjen Johor di mana projek ini sedang dalam kerja-kerja pembinaan. Secara keseluruhan, projek ini menelan belanja sebanyak RM103.5 juta. Selain itu, projek-projek pembinaan yang akan bermula tahun depan ialah IPD Nusajaya dan juga Balai Polis Pengerang.

Yang Berhormat Datuk Speaker, di samping projek pembinaan balai, IPD dan juga IPK, Komuniti Polis Pos di Iskandar Malaysia sedang rancak diwujudkan. Menerusi bajet dari Kerajaan Persekutuan, status terkini Komuniti Polis Pos ataupun CPP berada dalam fasa kedua di mana kerja-kerja pembinaan mengambil masa selama 4 tahun bermula pada tahun 2013 sehingga 2017. Dalam pada itu juga, Program *Safe Camp* CCTV di bawah inisiatif Bandar Selamat Iskandar Malaysia sedang giat dipasang mengikut fasa-fasa yang telah ditetapkan. Status terkini sehingga 13 September 2013, sebanyak

19,336 CCTV milik agensi kerajaan dan swasta di Iskandar Malaysia telah didaftarkan dalam Program *Safe Camp* di 625 premis. Manakala bagi CCTV inisiatif Bandar Selamat yang dipasang oleh PBT dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi fasa 1, 88 unit CCTV telah siap dipasang.

Yang Berhormat Datuk Speaker, setakat itulah penggulungan saya ke atas Perbahasan Bajet 2014. Saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam Perbahasan ini. Saya memohon maaf atas sebarang kesilapan dan mana-mana soalan mahupun cadangan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak sempat saya sebut ataupun jawab. Apa pun, mana yang baik akan tetap diambil untuk dijadikan sebagai panduan oleh Kerajaan Negeri. Sekian, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. (Dewan bertepuk).

Y. B. Datuk Speaker : Terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Seri. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2014) Tahun 2013 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Rang Undang-Undang dibaca kali yang kedua.

Jurutulis : Suatu Enakmen Bagi Menggunakan Sejumlah Wang Daripada Kumpulan Wang Disatukan Untuk Perkhidmatan Tahun 2014 Dan Bagi Memperuntukkan Wang Itu Untuk Perkhidmatan Bagi Tahun Itu.

Y. B. Datuk Speaker : Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Jurutulis : JADUAL.

Y. B. Datuk Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM792,000.00 bagi Maksud B.01, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan RM165,820.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Y.A.B. Menteri Besar : Yang Berhormat Datuk Speaker, bagi Maksud Bekalan B.01 peruntukan sebanyak RM792,000.00 adalah diperlukan untuk pengurusan Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM553,000.00 diperlukan untuk pembayaran emolumen serta elaun-elaun kepada anggota-anggota jabatan dan bakinya sebanyak RM239,000.000 ialah untuk perbelanjaan-perbelanjaan pengurusan yang lain.

Bagi Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan, peruntukan adalah sebanyak RM165,820,000.00 diperlukan bagi perbelanjaan pengurusan dan pentadbiran pejabat-pejabat di bawah kawalan Pejabat Setiausaha Kerajaan dalam melaksanakan program-program dan aktiviti-aktiviti Kerajaan bagi memaju dan meningkatkan taraf hidup rakyat Negeri Johor. Peruntukan yang diperlukan bagi tiap-tiap aktiviti adalah seperti berikut: Bahagian Pengurusan, RM23,657,000.00; Pelbagai Perkhidmatan, RM67,225,000.00; Menteri Besar Johor, RM13,884,000.00; Unit Perancang Ekonomi Johor, RM24,637,000.00; Pentadbiran Dewan Negeri, RM13,728,000.00; Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, RM6,365,000.00; Unit Sains Teknologi dan ICT

Negeri Johor, RM14,644,000.00; Audit Dalam, RM163,000.00; Pusat Pelaburan Negeri Johor, JSIC RM1,487,000.00.

Y. B. Datuk Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM18,979,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor; jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Datuk Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor; sejumlah RM18,979,000.00 disediakan bagi pelaksanaan aktiviti-aktiviti seperti berikut: Kerajaan Tempatan, RM8,648,000.00; Perumahan, RM8,978,000.00; Landskap, RM1,353,000.00.

Y. B. Datuk Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM6,000,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor; jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Yang Berhormat Datuk Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B.03 Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, sejumlah RM6,000,000.00 disediakan bagi pelaksanaan aktiviti hal ehwal wanita dan keluarga.

Y. B. Datuk Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM31,555,000.00, bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Kebudayaan dan Warisan : Yang Berhormat Datuk Pengerusi, peruntukan berjumlah RM18,555,000.00 disediakan di bawah Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, bagi Program Rakan Muda dan Kegiatan-kegiatan Sukan Negeri. Di bawah Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, peruntukan sebanyak RM12,700,000.00 disediakan untuk pelaksanaan kegiatan-kegiatan Kebudayaan, Seni dan Warisan Negeri Johor.

Y. B. Datuk Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM1,868,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor; jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Yang Berhormat Datuk Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, sejumlah RM1,868,000.00 disediakan untuk perbelanjaan pengurusan dan pentadbiran bagi Jabatan Pelancongan.

Y. B. Datuk Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM13,432,000.00 bagi Maksud B.04, Perbendaharaan Negeri; jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.A.B. Menteri Besar : Yang Berhormat Datuk Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B.04, peruntukan sebanyak RM13,432,000.00 diperlukan bagi Pengurusan Pentadbiran dan Kewangan Perbendaharaan Negeri. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM5,204,000.00 adalah untuk perbelanjaan emolumen, RM1,714,000.00 untuk perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan, RM401,000.00 untuk pemilikan aset, RM1,113,000.00 untuk perbelanjaan Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap dan baki RM5,000,000.00 untuk perbelanjaan Pulangbalik Hasil dan Hapuskira.

Y. B. Datuk Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM19,139,000.00 bagi Maksud B.07, Jabatan Pertanian; jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Datuk Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.07, Jabatan Pertanian, peruntukan yang disediakan ialah berjumlah RM19,139,000.00. Ianya adalah bagi menampung segala perbelanjaan pentadbiran pengurusan pejabat-pejabat Pertanian di seluruh Negeri, merangkumi perbelanjaan-perbelanjaan lain termasuk untuk melaksanakan tugas-tugas membimbing serta melatih petani-petani dan perbelanjaan emolumen anggota jabatan di bawah aktiviti Pentadbiran Awam.

Y. B. Datuk Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM77,704,000.00 bagi Maksud B.08, Jabatan Pengairan dan Saliran; jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Datuk Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.08, Jabatan Pengairan dan Saliran peruntukan yang diperlukan adalah berjumlah RM77,704,000.00. Sejumlah RM30,169,000.00 disediakan untuk perbelanjaan emolumen, RM46,492,000.00 diperlukan untuk perkhidmatan dan bekalan termasuk pengendalian dan penyelenggaraan sungai-sungai, RM505,000.00 disediakan untuk pemilikan aset jabatan dan RM538,000.00 pula disediakan untuk Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap termasuk bayaran gantian cuti rehat kepada anggota-anggota jabatan yang bersara.

Y. B. Datuk Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, Ahli-Ahli yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM9,252,000.00 bagi Maksud B.10, Jabatan Perkhidmatan Veterinar; menjadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Di bawah Maksud Bekalan B.10, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, peruntukan sebanyak RM9,252,000.00 diperlukan untuk perbelanjaan pentadbiran dan pengurusan Jabatan Perkhidmatan Veterinar termasuk emolumen kakitangan dan bagi melaksanakan tugas tugas membantu dan melatih penternak-penternak serta menjaga kesihatan ternakan-ternakan di seluruh negeri.

Y.B. Datuk Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju dijemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM6,895,000.00 bagi Maksud B.12, Kebun Bunga Kerajaan dan RM4,040,000.00 bagi Maksud B.13, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Datuk Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B.12, peruntukan berjumlah RM6,895,000.00 diperlukan untuk perbelanjaan pengurusan Kebun Bunga Kerajaan. Peruntukan sebanyak RM4,040,000.00 di bawah Maksud Bekalan, B.13 adalah untuk Jabatan Perancangan Bandar dan Desa bagi melaksanakan tugas-tugas pengawalan pembangunan fizikal, penyelarasan perancangan fizikal, serta penyediaan rancangan-rancangan tempatan.

Y.B. Datuk Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju dijemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM14,547,000.00 bagi Maksud B.19, Jabatan Perhutanan jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.A.B. Menteri Besar : Yang Berhormat Datuk Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.19, peruntukan sebanyak RM14,547,000.00 diperlukan untuk perbelanjaan Pengurusan dan Pentadbiran Jabatan Perhutanan. Dari jumlah tersebut, sebanyak RM12,969,000.00 adalah perbelanjaan emolumen, manakala baki sebanyak RM1,578,000.00 adalah untuk lain-lain perbelanjaan termasuk perkhidmatan dan bekalan jabatan, aset dan kenaan bayaran tetap.

Y.B. Datuk Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju dijemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM157,481,000.00 bagi Maksud B.21, Jabatan Agama dan RM29,879,000.00 bagi Maksud B.22, Pendidikan Agama Islam jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Datuk Pengerusi, bagi Maksud B.21, Jabatan Agama, peruntukan sebanyak RM157,481,000.00 diperlukan untuk melaksanakan kegiatan-kegiatan agama di dalam usaha-usaha meninggikan syiar Islam. Peruntukan yang diperlukan bagi tiap-tiap aktiviti-aktiviti ialah sebagaimana berikut: Emolumen, RM144,499,000.00; Perkhidmatan dan Bekalan, RM12,576,000.00; Pemilikan Aset RM200,000.00; Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap RM206,000.00.

Bagi Maksud Bekalan B.22, Pendidikan Agama Islam, peruntukan yang diperlukan ialah berjumlah RM29,879,000.00. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM18,333,000.00 untuk perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan dan RM361,000.00 untuk pembelian alat kelengkapan Sekolah-sekolah Agama dan sebanyak RM11,185,000.00 untuk bantuan kepada Sekolah-Sekolah Arab, Sekolah Rakyat/KAFA dan juga ganjaran kepada guru-guru kontrak.

Y.B. Datuk Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju dijemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM20,319,000.00 bagi Maksud B.23, Kebajikan Masyarakat jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Yang Berhormat Datuk Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B.23, Kebajikan Masyarakat, peruntukan yang diperlukan bagi tahun 2014 ialah berjumlah RM20,319,000.00. Dari jumlah tersebut, sebanyak RM4,085,000.00 diperlukan untuk pembayaran emolumen kepada anggota-anggota Jabatan, RM1,813,000.00 untuk perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan, RM751,000.00 untuk pemilikan aset dan baki sebanyak RM13,670,000.00 untuk perbelanjaan Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap yang merupakan bantuan-bantuan dan sumbangan kebajikan kepada individu dan juga masyarakat. Ini termasuklah bantuan kepada penduduk-penduduk miskin, bantuan kepada Pertubuhan-Pertubuhan Kebajikan dan bantuan malapetaka seperti banjir dan bantuan air di musim kemarau. Ianya juga melibatkan perbelanjaan bagi pengurusan

Pusat Perlindungan Kanak-Kanak yang diwujudkan sebagai tempat penempatan sementara kanak-kanak mangsa penderaan.

Y.B. Datuk Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju dijemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM79,476,000.00 bagi Maksud B.24, Jabatan Kerja Raya, jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Yang Berhormat Datuk Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B.24, Jabatan Kerja Raya, peruntukan yang diperlukan bagi tahun 2014 ialah berjumlah RM79,476,000.00. Dari jumlah tersebut sebanyak RM50,968,000.00 diperlukan untuk pembayaran emolumen kepada anggota-anggota jabatan. RM26,891,000.00 untuk perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan, RM1,150,000.00 untuk pemilikan aset, RM456,000.00 untuk perbelanjaan Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap. Manakala baki sebanyak RM11,000.00 diperlukan bagi menampung perbelanjaan-perbelanjaan lain Jabatan.

Y.B. Datuk Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju dijemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM3,063,000.00 bagi Maksud B.26, Muzium DiRaja Abu Bakar Istana Besar Johor dan RM248,000,000.00 bagi Maksud B.28, Peruntukan Kepada Kumpulan Wang Terkanun jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.A.B. Menteri Besar : Yang Berhormat Datuk Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.26, Muzium DiRaja Abu Bakar Istana Besar Johor, peruntukan yang diperlukan ialah berjumlah RM3,063,000.00. Dari jumlah tersebut sebanyak RM1,104,000.00 adalah untuk perbelanjaan Pentadbiran Am dan bakinya sebanyak RM1,959,000.00 adalah untuk pembayaran emolumen kepada Kakitangan Muzium.

Peruntukan yang diperlukan di bawah Maksud Bekalan B.28 pula, peruntukan sebanyak RM248,000,000.00 diperlukan untuk peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun. Jumlah tersebut diperlukan sebagai caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan.

Y.B. Datuk Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju dijemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM8,454,000.00 bagi Maksud B.29, Mahkamah Syariah dan RM2,106,000.00 bagi Maksud B.32, Jabatan Mufti, jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Datuk Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.29, peruntukan sebanyak RM8,454,000.00 disediakan untuk perbelanjaan pengurusan dan pentadbiran Mahkamah Syariah bagi tahun 2014. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM4,728,000.00 disediakan untuk perbelanjaan emolumen, sebanyak RM3,551,000.00 untuk perbelanjaan Perkhidmatan dan Bekalan, sebanyak RM59,000.00 untuk perbelanjaan pemilikan aset dan sebanyak RM116,000.00 sebagai ganjaran kepada anggota-anggota kontrak.

Di bawah Maksud Bekalan B.32, peruntukan sebanyak RM2,106,000 disediakan untuk perbelanjaan pengurusan dan pentadbiran bagi Jabatan Mufti.

Y.B. Datuk Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju dijemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM5,884,000.00 bagi Maksud B.41, Pejabat Daerah Johor Bahru; RM6,224,000.00 bagi Maksud B.42, Pejabat Daerah Muar; RM5,417,000.00 bagi Maksud B.43, Pejabat Daerah Batu Pahat; RM4,299,000.00 bagi Maksud B.44, Pejabat Daerah Pontian; RM5,126,000.00 bagi Maksud B.45, Pejabat Daerah Segamat; RM4,228,000.00 bagi Maksud B.46, Pejabat Daerah Kluang; RM5,497,000.00 bagi Maksud B.47, Pejabat Daerah Kota Tinggi; RM3,943,000.00 bagi Maksud B.48, Pejabat Daerah Mersing; RM3,852,000.00 bagi Maksud B.49, Pejabat Daerah Kulaijaya; dan RM3,358,000.00 bagi Maksud B.50, Pejabat Daerah Ledang; jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.A.B. Menteri Besar : Yang Berhormat Datuk Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.41, Pejabat Daerah Johor Bahru diperuntukan sebanyak RM5,884,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.42, Pejabat Daerah Muar diperuntukkan sebanyak RM6,224,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.43, Pejabat Daerah Batu Pahat diperuntukkan sebanyak RM5,417,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.44, Pejabat Daerah Pontian diperuntukkan sebanyak RM4,299,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.45, Pejabat Daerah Segamat diperuntukkan sebanyak RM5,126,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.46, Pejabat Daerah Kluang diperuntukkan sebanyak RM4,228,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.47, Pejabat Daerah Kota Tinggi diperuntukkan sebanyak RM5,497,000.00 dan di bawah Maksud Bekalan B.48, Pejabat Daerah Mersing diperuntukkan sebanyak RM3,943,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.49, Pejabat Daerah Kulaijaya diperuntukkan sebanyak RM3,852,000.00 dan di bawah Maksud Bekalan B.50, Pejabat Daerah Ledang diperuntukkan sebanyak RM3,358,000.00. Kesemua peruntukan tersebut disediakan bagi perbelanjaan perigurusan dan pentadbiran Pejabat-Pejabat Daerah di seluruh Negeri Johor.

Y.B. Datuk Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju dijemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM19,102,000.00 bagi Maksud B.51, Pejabat Tanah dan Galian Negeri Johor; RM5,049,000.00 bagi Maksud B.52, Pejabat Tanah Johor Bahru; RM4,467,000.00 bagi Maksud B.53, Pejabat Tanah Muar; RM5,387,000.00 bagi Maksud B.54, Pejabat Tanah Batu Pahat; RM2,718,000.00 bagi Maksud B.55, Pejabat Tanah Pontian; RM3,856,000.00

bagi Maksud B.56, Pejabat Tanah Segamat; RM3,658,000.00 bagi Maksud ... Tanah Kluang, RM3,803,000.00 bagi Maksud B.58, Pejabat Tanah Kota Tinggi RM2,414,000.00 bagi Maksud B.59, Pejabat Tanah Mersing; RM2,517,000.00 bagi Maksud B.60, Pejabat Tanah Kulaijaya; dan RM2,789,000.00 bagi Maksud B.61, Pejabat Tanah Ledang jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.A.B Menteri Besar : Yang Berhormat Datuk Pengerusi, di bawah maksud Bekalan B.51, Pejabat Tanah dan Galian Negeri Johor, diperuntukkan sebanyak RM19,102,000.00. Di bawah maksud Bekalan B.52, Pejabat Tanah Johor Bahru, diperuntukkan sebanyak RM5,049,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.53 Pejabat Tanah Muar diperuntukkan sebanyak RM4,467,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.54, Pejabat Tanah Batu Pahat diperuntukkan sebanyak RM5,387,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.55, Pejabat Tanah Pontian diperuntukkan sebanyak RM2,718,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.56, Pejabat Tanah Segamat diperuntukkan sebanyak RM3,856,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.57, Pejabat Tanah Kluang, diperuntukkan sebanyak RM3,658,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.58 Pejabat Tanah Kota Tinggi di peruntukkan sebanyak RM3,803,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.59, Pejabat Tanah Mersing diperuntukkan sebanyak RM2,414,000.00 Di bawah Maksud Bekalan B.60, Pejabat Tanah Kulaijaya diperuntukkan sebanyak RM2,517,000.00 dan di bawah Maksud Bekalan B.61, Pejabat Tanah Ledang diperuntukkan sebanyak RM2,789,000.00. Kesemua peruntukkan tersebut disediakan bagi perbelanjaan pengurusan dan pentadbiran Pejabat-Pejabat Tanah di seluruh Negeri Johor.

Y.B. Datuk Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan. Jadual jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : FASAL 2.

Y.B. Datuk Pengerusi : Perkara dihadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal 2 jadi sebahagaian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Jurutulis : FASAL YANG PERTAMA.

Y.B. Datuk Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal yang pertama jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara Fasal Yang Pertama jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Dewan Negeri Bersidang Semula.

Y.A.B. Menteri Besar : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-Undang ini telah pun ditimbangkan dalam Jawatankuasa satu per satunya dan diperselujukan tanpa pindaan. Dari itu saya membawa Rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong Rundingan itu.

Y.B. Datuk Pengerusi : Rundingan daripada Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Perbekalan (2014) Tahun 2013 di bacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang. Rundingan itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang ketiga dan diluluskan.

Jurutulis : Bahawa dengan ini adalah diperbuat Undang-Undang oleh Dewan Negeri Johor seperti berikut: Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan (2014) Tahun 2013 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 1 Januari 2014.

ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN NEGERI JOHOR TAHUN 2014.

Y.A.B. Menteri Besar : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membawa Rundingan supaya Dewan ini berpindah menjadi Jawatankuasa bagi keseluruh Dewan Negeri untuk menimbangkan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Negeri Johor Tahun 2014 yang telah dibentangkan sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 11 Tahun 2013 dan memperakukan sama ada peranggaran itu patut diluluskan oleh Dewan ini dengan dipinda atau tidak dipinda. Peruntukkan yang diperlukan untuk peranggaran pembangunan tahun 2014 adalah berjumlah RM296,806,000.00 di bawah tujuh Jawatankuasa seperti berikut:

1. Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan, Perancangan dan Pembangunan Ekonomi Negeri Johor - RM126,400,000.00.
2. Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor - RM13,990,000.00.
3. Jawatankuasa Agama Negeri Johor - RM28,002,000.00.
4. Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri Johor - RM17,860,000.00.
5. Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan Negeri Johor - RM4,500,000.00.
6. Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri Johor - RM24,550,000.00.
7. Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Negeri Johor - RM81,504,000.00

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kertas Mesyuarat Bilangan 11 Tahun 2013 adalah dipinda di bawah Peraturan Tetap Bilangan 39 dalam Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap bagi Dewan Negeri Johor. Pindaan tersebut adalah pada ringkasan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2014, di bawah peruntukkan Pembangunan P.58 Pejabat Agama di ruangan anggaran 2014 Negeri (6) iaitu daripada RM28,022,000.00 kepada RM28,002,000.00. Pindaan ini adalah disebabkan kesilapan menaip atau pun dengan izin, *typing error* di ruangan tersebut sahaja dan ia tidak mengubah jumlah penganggaran Pembangunan di ruangan Anggaran 2014 Negeri (6). Penjelasan lanjut bagi peruntukkan tersebut akan diberi di peringkat Jawatankuasa berkenaan.

Y.B Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong Rundingan itu.

Y.B. Datuk Speaker: Rundingan itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Rundingan itu dipersetujukan. Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Y.B. Datuk Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukkan wang berjumlah RM460,000.00 bagi maksud P.49, Jabatan Perikanan; RM7,300,000.00 bagi Maksud P.50, Jabatan Pertanian; RM10,100,000.00 bagi Maksud P.52, Jabatan Perkhidmatan Veterinar di persetujukan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Datuk Pengerusi, di bawah Maksud Pembangunan P.49, Jabatan Perikanan peruntukkan sebanyak RM460,000.00 disediakan bagi Tahun 2014, daripada jumlah tersebut sebanyak RM60,000.00 untuk Latihan Perikanan dan Projek Pemuliharaan Penyu. RM300,000.00 disediakan untuk pelaksanaan projek pementasan, Pemesatan Pembangunan Akuakultur manakala selebihnya sebanyak RM100,000.00 diperlukan khusus untuk pembinaan jeti. Di bawah maksud Pembangunan P.50, Jabatan Pertanian; peruntukkan sebanyak RM7,300,000.00 disediakan untuk tahun 2014 bagi Program-Program Latihan Pertanian serta Bantuan Perkhidmatan Pengembangan dan Perundingan Pertanian dan juga rancangan-rancangan lain yang bertujuan meningkatkan daya pengeluaran sektor pekebun kecil di luar bandar.

Akhir sekali di bawah Maksud Pembangunan P.52, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, peruntukkan sebanyak RM10,100,000.00 disediakan untuk pelaksanaan projek-projek pembangunan Jabatan Perkhidmatan Veterinar termasuk Pembangunan Industri Ternakan Lembu, Kerbau, Kambing, Bebiri, Khidmat Kesihatan Veterinar dan Kawalan Pencemaran Industri Ternakan. Di samping itu, peruntukkan juga disediakan bagi Pembangunan Keusahawanan Industri Ternakan yang bertujuan memberi bimbingan kepada usahawan kecil supaya mereka mempunyai daya saing sekali gus berjaya dalam industri ternakan.

Y.B. Datuk Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukkan wang berjumlah RM24,550,000.00 untuk maksud P.51 Jabatan Pengairan dan Saliran di persetujukan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekiar : Yang Berhormat Datuk Pengerusi, bagi maksud Pembangunan P.51, Jabatan Pengairan dan Saliran amaun sebanyak RM24,550,000.00 diperuntukkan untuk pelaksanaan projek-projek saliran bagi tahun 2014. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM800,000.00 adalah bagi pembelian aset serta kerja-kerja menaik taraf kemudahan asas Jabatan dan sebanyak RM8,000,000.00 disediakan untuk projek-projek saliran bandar bagi mengatasi banjir di kawasan bandar. Dan selebihnya sebanyak RM15,750,000.00 disediakan bagi pelaksanaan projek-projek saliran dan pengairan yang lain di seluruh Negeri Johor.

Y.B. Datuk Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukkan wang berjumlah RM10,900,000.00 bagi Maksud P.53, Kerajaan Tempatan dan RM1,660,000.00 bagi maksud P.54, Perumahan dipersetujukan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Datuk Pengerusi, bagi maksud Pembangunan P.53, Kerajaan Tempatan, peruntukkan berjumlah RM10,900,000.00 disediakan bagi Tahun 2014. Sebahagian besar daripada jumlah tersebut, iaitu sebanyak RM6,000,000.00 disediakan sebagai Geran Keseimbangan Kerajaan Negeri kepada Pihak Berkuasa Tempatan. Geran ini berfungsi untuk pelaksanaan projek-projek pembangunan kemudahan-kemudahan asas dan perkhidmatan kepada masyarakat seperti kerja-kerja pembersihan kawasan, pengangkutan sampah, pembiayaan bil-bil lampu jalan dan lampu isyarat serta lain-lain lagi. Peruntukkan juga disediakan sebanyak RM1,000,000.00 sebagai sumbangan kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk program-program pengindahan kawasan. Di samping itu, peruntukkan sebanyak RM200,000.00 disediakan untuk kerja-kerja tambahan di Zoo Negeri dan sebanyak RM200,000.00 untuk kerja-kerja membaiki kemudahan-kemudahan awam di kawasan Air Panas, Gersik. Peruntukkan sebanyak RM3,500,000.00 juga disediakan sebagai bantuan Kerajaan Negeri untuk projek-projek pembangunan di kawasan Penguasa-Penguasa Tempatan.

Bagi Maksud Pembangunan P.54, Perumahan, peruntukkan sejumlah RM1,660,000.00 disediakan pada Tahun 2014. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM310,000.00 disediakan untuk kerja-kerja penyediaan tapak bagi projek-projek Rumah Awam Kos Rendah di samping subsidi ke atas faedah di bawah Skim Jualan Terus. Peruntukkan juga disediakan sebanyak RM400,000.00 untuk penggantian tangki-tangki air di rumah-rumah pangsa awam, dan sebanyak RM350,000.00 disediakan untuk mengganti lif rumah-rumah pangsa. Sebanyak RM600,000.00 pula disediakan untuk mengecat rumah-rumah pangsa Kerajaan.

Y.B. Datuk Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukkan wang berjumlah RM52,500,000.00 bagi Maksud P.55, Pejabat Daerah dan Tanah, RM68,000,000.00 bagi Maksud P.56, Pejabat Menteri Besar dan RM5,400,000.00 bagi Maksud P.57, Jabatan Perhutanan dipersetujukan.

Y.A.B. Menteri Besar : Yang Berhormat Datuk Pengerusi, bagi Maksud Pembangunan P.55, Pejabat Daerah dan Tanah sebanyak RM51,000,000.00 disediakan untuk melaksanakan projek-projek jalan dan jambatan kampung. Manakala sebanyak RM1,500,000.00 pula diperuntukkan untuk projek-projek kecil tali air di kawasan-kawasan kampung.

Bagi Maksud Pembangunan P.56, Pejabat Menteri Besar, peruntukan bagi melaksanakan projek-projek kecil pembangunan di seluruh Negeri disediakan

sebanyak RM47,000,000.00; sejumlah RM1,000,000.00 disediakan untuk rancangan penggalakan industri kampung dan sebanyak RM1,000,000.00 juga disediakan bagi rancangan meningkatkan penggunaan tanah terbiar. Manakala RM3,500,000.00 pula disediakan untuk perbelanjaan pengambilan balik tanah bagi tujuan projek-projek pembangunan. Sementara RM500,000.00 ialah untuk pembaikan serta pengubahsuaian kompleks-kompleks penghulu. Sebanyak RM5,000,000.00 juga telah dicadangkan sebagai geran pelancaran untuk Rancangan Membasmi Kemiskinan. Peruntukan sebanyak RM1,500,000.00 disediakan untuk Tabung Pembangunan Keusahawanan, RM1,000,000.00 untuk melaksanakan Program-program Industri Kecil dan Sederhana, RM5,000,000.00 disediakan bagi pembinaan Dewan Orang Ramai dan Dewan Serbaguna, sementara sebanyak RM1,000,000.00 lagi diperuntukkan untuk pembinaan padang permainan di setiap mukim di seluruh Negeri Johor. Baki sebanyak RM1,500,000.00 juta lagi, disediakan untuk membiayai pelaksanaan infrastruktur pengangkutan Awam Negeri Johor.

Bagi Maksud Pembangunan P.57, Jabatan Perhutanan, peruntukan sebanyak RM2,000,000.00 disediakan untuk pengurusan dan pembangunan sumber hutan, sebanyak RM1,000,000.00 disediakan untuk infrastruktur dan utiliti dan sebanyak RM900,000.00 diperuntukkan untuk pembangunan Hutan Lipur dan Eco Pelancangan. Di samping itu juga, sebanyak RM250,000.00 bagi penjagaan kualiti bijih benih dan bahan-bahan tanaman. Sebanyak RM150,000.00 untuk operasi dan penguatkuasaan, sebanyak RM900,000.00 untuk pemeliharaan sumber serta pusat kecemerlangan hutan dan sebanyak RM200,000.00 pula lagi diperuntukkan untuk ICT, Publisiti dan pengembangan perhutanan Negeri Johor.

Y.B. Datuk Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM28,002,000.00 bagi Maksud P.58, Pejabat Agama dipersetujukan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Datuk Pengerusi, di bawah Maksud Pembangunan P.58, Pejabat Agama, peruntukkan sebanyak RM1,000,000.00 disediakan untuk penyelenggaraan kemudahan-kemudahan di Pusat Islam Iskandar Johor. Dan, RM17,600,000.00 untuk pembinaan sekolah-sekolah agama di seluruh Negeri Johor dan sebanyak RM2,500,000.00 pula diperuntukkan untuk pembinaan dan pembaikan Pejabat Agama di daerah-daerah di seluruh Negeri Johor dan sebanyak RM1,600,000.00 lagi adalah untuk pelaksanaan kerja-kerja yang dirancangkan mengikut peringkat-peringkat bagi membina rumah pegawai dan kakitangan masjid Kerajaan Negeri Johor, membina rumah-rumah guru Agama di kawasan FELDA serta pembelian kenderaan dan hamparan bagi Masjid-Masjid Kerajaan, peruntukan sejumlah RM1,300,000.00 lagi adalah bagi kelengkapan dan kemudahan di tanah-tanah perkuburan dan baki peruntukan sebanyak RM4,000,000.00 lagi adalah untuk membina dan memperelok Masjid-Masjid Jamek, Masjid-Masjid Kerajaan serta bangunan-bangunan Mahkamah Syariah Negeri Johor.

Y.B. Datuk Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM1,430,000.00 bagi Maksud P.59, Jabatan Landskap dipersetujukan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Datuk Pengerusi, bagi Maksud Pembangunan P.59, Jabatan Landskap, peruntukan sebanyak RM1,430,000.00 disediakan pada tahun 2014, bagi pelaksanaan projek-projek pembangunan di bawah Jabatan Landskap. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM140,000.00 disediakan untuk pembangunan Taman Awam sementara RM590,000.00 disediakan untuk kerja-kerja pembangunan landskap, baki sebanyak RM700,000.00 disediakan untuk program-program pengindahan.

Y.B. Datuk Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM81,504,000.00 bagi Maksud P.60, Kerja Raya dipersetujukan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Yang Berhormat Datuk Pengerusi, di bawah Maksud Pembangunan P.60, peruntukan sebanyak RM40,000,000.00 diperlukan untuk kerja-kerja pembinaan, Menaikkan taraf serta memperelokkan jalan dan jambatan Negeri. Sebanyak RM500,000.00 untuk membina tembok tepi sungai dan pantai dan RM500,000.00 bagi rancangan mengelakkan banjir. Peruntukan juga disediakan sebanyak RM50,000.00 untuk kemudahan dan keselamatan Bangunan Sultan Ibrahim dan sekitarnya. Sebanyak RM3,000,000.00 untuk kerja-kerja menambah dan memperelokkan bangunan-bangunan Negeri dan RM1,000,000.00 lagi disediakan untuk kerja-kerja pembinaan dan ubahsuai bangunan Pejabat Kerajaan di daerah-daerah Negeri Johor. Sebanyak RM1,000,000.00 diperuntukkan untuk melebarkan jalan-jalan Negeri di dalam kawasan Majlis Daerah, RM4,000,000.00 bagi melakukan kerja-kerja kecil dan RM27,000,000.00 diperuntukkan untuk memperelok dan memperbaiki Bangunan-Bangunan Istana Negeri Johor. Akhir sekali, sebanyak RM700,000.00 diperuntukkan untuk penyelenggaraan bangunan dan keperluan *workshop* serta RM1,000,000.00 untuk stor-stor JKR dan alat penyaman udara serta RM752,000.00; diperuntukkan untuk rumah-rumah buruh, alatan rumah Kerajaan dan juga alat-alat ukur dan makmal; dan RM1,000,000.00 untuk pembelian kenderaan-kenderaan jabatan, selebihnya iaitu berjumlah RM1,000,000.00 disediakan untuk Kerja-kerja Kecil elektrik.

Y.B. Datuk Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM4,500,000.00 bagi Maksud P.61 Pelancongan dipersetujukan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Yang Berhormat Datuk Pengerusi, bagi Maksud Pembangunan, P.61 Pelancongan, peruntukan sebanyak RM4,500,000.00 disediakan pada tahun 2014 untuk melaksanakan program-program dan juga aktiviti-aktiviti yang ditetapkan bagi menggalakkan aktiviti pelancongan di Negeri Johor.

Y.B. Datuk Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan ... yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu diperselujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM500,000.00 bagi Maksud P.62, Wang Cadangan Belanja Mengejut diperselujukan.

Y.A.B. Menteri Besar : Yang Berhormat Datuk Pengerusi, Wang Cadangan Belanja Mengejut Pembangunan Negeri berjumlah RM500,000.00 diadakan untuk membolehkan perbelanjaan dibuat ke atas keperluan-keperluan yang mendesak di mana tiada peruntukan-peruntukan baginya di dalam Belanjawan Negeri. Di atas kuasa Yang Amat Berhormat Menteri Besar, perbelanjaan akan dilakukan sementara mendapatkan kelulusan daripada Dewan Negeri. Pendahuluan yang dikeluarkan atas perbelanjaan-perbelanjaan begini akan di pelaraskan kepada peruntukan yang berkenaan, apabila peruntukan tersebut telah diluluskan oleh Dewan Negeri.

Y.B. Datuk Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu diperselujukan.

Y.A.B. Menteri Besar : Yang Berhormat Datuk Pengerusi, oleh sebab Maksud-Maksud peranggaran yang dimaksudkan, dalam Kertas Mesyuarat Bilangan 11 Tahun 2013 telah pun selesai ditimbangkan, maka saya membawa rundingan supaya ketetapan-ketetapan Jawatankuasa itu dimaklumkan serta-merta kepada Dewan Negeri.

Y.B. Datuk Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu ...

Dewan Negeri Bersidang Semula.

Y.A.B. Menteri Besar : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon ... bahawa Jawatankuasa Dewan ini telah pun menimbang dan meluluskan ... pindaan Maksud-Maksud Peranggaran yang dinyatakan dalam Kertas ... Bilangan 11 Tahun 2013. Dari itu, saya membawa rundingan supaya ... bersetuju dengan ketetapan-ketetapan Jawatankuasa itu, iaitu per... berjumlah RM296,806,000.00 yang dicadangkan bagi anggaran perbelanjaan pembangunan Negeri Johor Tahun 2014 itu diluluskan oleh Dewan Ne..., dengan ini mengambil ketetapan bahawa satu jumlah wang, yang ..., RM296,806,000.00 hendaklah dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan dalam Tahun Kewangan 2014 bagi Maksud yang dinyatakan dalam Kertas Mesyuarat yang tersebut.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Pembangunan Koperasi : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyo... itu.

Y.B. Datuk Speaker : Rundingan itu dikemuka untuk mendapatkan k... Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuj... itu dipersetujukan.

Jurutulis : **RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN TAMBA... (NO.2) TAHUN 2013.**

Y.B. Datuk Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM500,000.00 bagi Maksud P.62, Wang Cadangan Belanja Mengejut dipersetujukan.

Y.A.B. Menteri Besar : Yang Berhormat Datuk Pengerusi, Wang Cadangan Belanja Mengejut Pembangunan Negeri berjumlah RM500,000.00 diadakan untuk membolehkan perbelanjaan dibuat ke atas keperluan-keperluan yang mendesak di mana tiada peruntukan-peruntukan baginya di dalam Belanjawan Negeri. Di atas kuasa Yang Amat Berhormat Menteri Besar, perbelanjaan akan dilakukan sementara mendapatkan kelulusan daripada Dewan Negeri. Pendahuluan yang dikeluarkan di atas perbelanjaan-perbelanjaan begini akan di pelaraskan kepada peruntukan yang berkenaan, apabila peruntukan tersebut telah diluluskan oleh Dewan Negeri.

Y.B. Datuk Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Y.A.B. Menteri Besar : Yang Berhormat Datuk Pengerusi, oleh sebab Maksud-Maksud peranggaran yang dimaksudkan, dalam Kertas Mesyuarat Bilangan 11 Tahun 2013 itu telah pun selesai ditimbangkan, maka saya membawa rundingan supaya ketetapan-ketetapan Jawatankuasa itu dimaklumkan serta-merta kepada Dewan Negeri.

Y.B. Datuk Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Dewan Negeri Bersidang Semula.

Y.A.B. Menteri Besar : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa Jawatankuasa Dewan ini telah pun menimbang dan meluluskan tanpa pindaan Maksud-Maksud Peranggaran yang dinyatakan dalam Kertas Mesyuarat Bilangan 11 Tahun 2013. Dari itu, saya membawa rundingan supaya Dewan ini bersetuju dengan ketetapan-ketetapan Jawatankuasa itu, iaitu peruntukan wang berjumlah RM296,806,000.00 yang dicadangkan bagi anggaran perbelanjaan pembangunan Negeri Johor Tahun 2014 itu diluluskan oleh Dewan Negeri ini. Dan, dengan ini mengambil ketetapan bahawa satu jumlah wang, yang tidak melebihi RM296,806,000.00 hendaklah dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan dalam Tahun Kewangan 2014 bagi Maksud yang dinyatakan dalam Kertas Mesyuarat yang tersebut.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Pembangunan Koperasi : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Datuk Speaker : Rundingan itu dikemuka untuk mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, rundingan itu dipersetujukan.

Jurutulis : RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN (2013) (NO.2) TAHUN 2013.

Y.A.B. Menteri Besar : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (2013) (No.2) Tahun 2013 dibacakan kali yang pertama.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Pembangunan Koperasi : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Datuk Speaker : Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang pertama.

Jurutulis : Satu Enakmen Bagi Mengenakan Sejumlah Wang Daripada Kumpulan Wang Disatukan Untuk Perbelanjaan Tambahan Bagi Perkhidmatan Tahun 2013 Dan Bagi Memperuntukkan Wang Itu, Untuk Maksud-Maksud Yang Tertentu.

Y.A.B. Menteri Besar : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa saya akan membawa rundingan untuk bacaan kali yang kedua bagi Rang Undang-Undang ini pada hari ini juga. Dan saya membawa rundingan supaya Peraturan Tetap 112 (2) ditangguhkan sementara agar pertimbangan Rang Undang-Undang ini pada peringkat-peringkat yang lain dapat diselesaikan pada hari ini juga.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Pembangunan Koperasi : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Datuk Speaker : Rundingan itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu, Peraturan Tetap 112(2) ditangguhkan sementara.

Y.A.B. Menteri Besar : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tambahan peruntukan ini merupakan tambahan yang kedua bagi perbelanjaan bekalan Tahun 2013. Tambahan peruntukan yang diperlukan adalah sebanyak RM54,803,000.00 sebagaimana yang dimaksudkan di dalam Enakmen Perbekalan Tambahan di bawah 8 Jawatankuasa seperti berikut:-

1. Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan Perancangan Negeri Johor, RM30,324,000.00.

2. Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri Johor, RM1,000,000.00.

3. Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan Negeri Johor, RM70,000.00.

4. Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor, RM1,582,000.00.

5. Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri Johor, RM857,000.00.

6. Jawatankuasa Agama Negeri Johor RM11,435,000.00

7. Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Negeri Johor RM6,370,000.00.

8. Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri Johor RM3,165,000.00

Perjelasan lanjut bagi tambahan-tambahan tersebut akan diberi di peringkat Jawatankuasa berkenaan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Datuk Speaker : Rundingan di depan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua sekarang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua.

Jurutulis : Suatu Enakmen Bagi Menggunakan Sejumlah Wang Daripada Kumpulan Wang Disatukan Untuk Perbelanjaan Tambahan Bagi Perkhidmatan Tahun 2013 Dan Bagi Memperuntukkan Wang Itu Untuk Maksud-Maksud Yang Tertentu.

Dewan Bersidang Sebagai Jawatankuasa.

Jurutulis : JADUAL.

Y.B. Datuk Speaker : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM35,000.00 bagi Maksud B.01, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam; RM3,682,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor Bahagian Pengurusan; RM20,425,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor Pelbagai Perkhidmatan; RM173,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Pejabat Menteri Besar Johor; RM629,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor Pentadbiran Dewan Negeri; RM129,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor Unit Sains Teknologi dan ICT Negeri Johor; jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.A.B. Menteri Besar : Yang Berhormat Datuk Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.01, Suruhanjaya Awam Perkhidmatan Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM35,000.00. Sebanyak RM5,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2013. Manakala selebihnya sebanyak RM30,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran perkhidmatan dan bekalan jabatan. Di bawah Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor Bahagian Pengurusan diperuntukkan sebanyak RM3,682,000.00. Sebanyak RM182,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2013. Manakala selebihnya sebanyak RM3,500,000.00 juta diperlukan bagi menampung bayaran perkhidmatan dan bekalan jabatan. Di bawah Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor Pelbagai Perkhidmatan diperuntukkan sebanyak RM20,425,000.00. Sebanyak RM20,000,000 diperlukan bagi menampung perkhidmatan dan bekalan jabatan. Sebanyak RM362,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran ganjaran kepada anggota-

anggota jabatan yang kontrak, manakala selebihnya sebanyak RM63,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran Gantian Cuti Rehat kepada anggota-anggota jabatan yang bersara pada tahun 2013.

Di bawah Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor Menteri Besar Johor, peruntukan sebanyak RM173,000.00 bagi menampung bayaran emolumen jabatan tahun 2013. Di bawah Maksud Bekalan B.03 Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor Pentadbiran Dewan Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM629,000.00. Di mana sebanyak RM279,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran emolumen jabatan tahun 2013. Manakala selebihnya sebanyak RM350,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran perkhidmatan dan bekalan jabatan.

Di bawah Maksud Bekalan B.03 Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor Unit Sains Teknologi dan ICT Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM129,000.00 bagi menampung bayaran emolumen jabatan tahun 2013.

Y.B. Datuk Speaker : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju perkara itu dipersetujukan. Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM70,000.00 bagi Maksud B.03 Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Jabatan Pelancongan jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdangangan dan Kepenggunaan : Yang Berhormat Datuk Pengerusi di bawah Maksud Bekalan B.03 Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Jabatan Pelancongan diperuntukkan sebanyak RM70,000.00 bagi menampung bayaran emolumen jabatan tahun 2013.

Y.B. Datuk Speaker : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju perkara itu dipersetujukan. Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM123,000.00 bagi Maksud B.03 Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Bahagian Kerajaan Tempatan dan RM481,000.00 bagi Maksud B.03 Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Bahagian Perumahan, RM162,000.00 Maksud B.03 Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Jabatan Landskap jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Datuk Pengerusi di bawah Maksud Bekalan B.03 Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Bahagian Kerajaan Tempatan diperuntukkan sebanyak RM123,000.00. Sebanyak RM116,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran emolumen jabatan tahun 2013. Manakala selebihnya sebanyak RM7,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran ganjaran dan Gantian Cuti Rehat anggota-anggota jabatan tahun 2013. Di bawah Maksud Bekalan B.03 Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Bahagian Perumahan diperuntukkan sebanyak RM481,000.00, sebanyak RM355,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran emolumen jabatan tahun 2013. Manakala baki sebanyak RM126,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran perkhidmatan dan bekalan jabatan.

Di bawah Maksud Bekalan B.03 Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Jabatan Landskap peruntukan sebanyak RM162,000.00. Sebanyak RM22,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran emolumen jabatan tahun 2013. Manakala baki sebanyak

RM140,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran perkhidmatan dan bekalan jabatan.

Y.B. Datuk Speaker : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju perkara itu dipersetujukan. Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM522,000.00 bagi Maksud B.07, Jabatan Pertanian Negeri Johor jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Datuk Pengerusi di bawah Maksud Bekalan B.07, Jabatan Pertanian Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM522,000.00 bagi menampung bayaran emolumen bagi tahun 2013.

Y.B. Datuk Speaker : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju perkara itu dipersetujukan. Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM3,165,000.00 bagi Maksud B.08, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Johor jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Datuk Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.08, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM3,165,000.00. Sebanyak RM3,045,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran emolumen jabatan tahun 2013. Manakala selebihnya sebanyak RM120,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran Gantian Cuti Rehat kepada anggota-anggota jabatan yang bersara pada tahun 2013.

Y.B. Datuk Speaker : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju perkara itu dipersetujukan. Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM335,000.00 bagi Maksud B.10 Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Datuk Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.10 Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM335,000.00 iaitu sebanyak RM142,000.00 diperlukan, bagi menampung bayaran emolumen jabatan tahun 2013. Sebanyak RM150,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran perkhidmatan dan bekalan jabatan. Manakala sebanyak RM43,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran Gantian Cuti Rehat bagi anggota-anggota jabatan yang bersara pada tahun 2013.

Y.B. Datuk Speaker : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju perkara itu dipersetujukan. Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM762,000.00 bagi Maksud B.12, Pejabat Kebun Bunga Kerajaan Negeri Johor dan RM54,000.00 bagi Maksud B.13, Pejabat Perancang Bandar dan Desa Negeri Johor jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Datuk Pengerusi di bawah Maksud Bekalan B.12 Pejabat Kebun Bunga Kerajaan Negeri

Johor diperuntukkan sebanyak RM762,000.00, sebanyak RM679,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran emolumen bagi tahun 2013. Sebanyak RM13,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran perkhidmatan dan bekalan jabatan, sebanyak RM60,000.00 diperlukan bagi menampung perbelanjaan di bawah kegunaan aset jabatan manakala selebihnya sebanyak RM10,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran Gantian Cuti Rehat kepada anggota-anggota jabatan yang bersara pada tahun 2013.

Di bawah Maksud Bekalan B.13, Pejabat Perancang Bandar dan Desa Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM54,000.00, sebanyak RM30,000.00 bagi menampung Bayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2013 manakala selebihnya sebanyak RM24,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran Gantian Cuti Rehat kepada anggota-anggota jabatan yang bersara pada tahun 2013.

Y.B. Datuk Speaker : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju perkara itu dipersetujukan. Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM407,000.00 bagi Maksud B.19 Jabatan Perhutanan Negeri Johor jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.A.B. Menteri Besar : Yang Berhormat Datuk Pengerusi di bawah Maksud Bekalan B.19 Jabatan Perhutanan Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM407,000.00 bagi menampung bayaran emolumen jabatan tahun 2013.

Y.B. Datuk Speaker : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju perkara itu dipersetujukan. Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM11,214,000.00 bagi Maksud B.21 Jabatan Agama Negeri Johor jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Datuk Pengerusi di bawah Maksud Bekalan B.21 Jabatan Agama Johor diperuntukkan sebanyak RM11,214,000.00 sebanyak RM10,297,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran emolumen jabatan bagi tahun 2013 sebanyak RM845,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran perkhidmatan dan bekalan jabatan dan selebihnya sebanyak RM72,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran Gantian Cuti Rehat kepada anggota-anggota jabatan yang akan bersara bagi tahun 2013.

Y.B. Datuk Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan, Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan. Perkara di hadapan jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM1 1,000,000.00 bagi Maksud B.32, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri, Johor jadi sebahagian daripada jadual rang undang-undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Yang Berhormat Datuk Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.23, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri, Johor diperuntukkan sebanyak RM1,000,000.00 bagi menampung pemberian dalam negeri bagi tahun 2013.

Y.B. Datuk Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan, Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan. Perkara di hadapan jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM6,370,000.00 bagi Maksud B.24, Jabatan Kerja Raya Negeri, Johor jadi sebahagian daripada jadual rang undang-undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Yang Berhormat Datuk Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.24, Jabatan Kerja Raya Negeri, Johor diperuntukkan sebanyak RM6,370,000.00. Sebanyak RM2,970,000.00 diperlukan bagi menampung pembayaran emolumen bagi tahun 2013, manakala selebihnya sebanyak RM3,400,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran perkhidmatan dan bekalan jabatan.

Y.B. Datuk Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan, Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan. Perkara di hadapan jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM447,000.00 bagi Maksud B.26, Muzium Diraja Abu Bakar Istana Besar Johor jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Y.A.B. Menteri Besar : Yang Berhormat Datuk Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.26, Muzium Diraja Abu Bakar Istana Besar Johor diperuntukkan sebanyak RM447,000.00. Sebanyak RM259,000.00 diperlukan bagi menampung pembayaran emolumen bagi tahun 2013, manakala selebihnya sebanyak RM188,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran perkhidmatan dan bekalan jabatan.

Y.B. Datuk Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan, Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ditangguhkan sementara hingga jam 12:00 tengah hari.

Persidangan ditangguhkan pada jam 11:45 pagi.

Persidangan disambung semula pada jam 12:00 tengah hari.

Y.B. Datuk Pengerusi : Persidangan disambung semula. Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM168,000.00 bagi Maksud B.29, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri, Johor dan RM53,000.00 bagi Maksud B.32, Jabatan Mufti Negeri, Johor jadi sebahagian daripada jadual rang undang-undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Datuk Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.29, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri, Johor, peruntukkan sebanyak RM168,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran emolumen jabatan bagi tahun 2013. Di bawah Maksud Bekalan B.32, Jabatan Mufti Negeri, Johor diperuntukkan sebanyak RM53,000.00 bagi menampung bayaran emolumen jabatan bagi tahun 2013.

Y.B. Datuk Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan, Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM85,000.00 bagi Maksud B.41, Pejabat Daerah Johor Bahru; RM146,000.00 bagi Maksud B.43, Pejabat Daerah Batu Pahat; RM136,000.00 bagi Maksud B.44, Pejabat Daerah Pontian; RM30,000.00 bagi Maksud B.45, Pejabat Daerah Segamat; RM257,000.00 bagi Maksud B.46, Pejabat Daerah Kluang; RM137,000.00 bagi Maksud B.47, Pejabat Daerah Kota Tinggi; RM401,000.00 bagi Maksud B.48, Pejabat Daerah Mersing; RM109,000.00 bagi Maksud B.49, Pejabat Daerah Kulaijaya dan RM165,000.00 bagi Maksud B.50, Pejabat Daerah Ledang jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.A.B. Menteri Besar : Yang Berhormat Datuk Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.41, Pejabat Daerah Johor Bahru, diperuntukkan sebanyak RM85,000.00 bagi menampung bayaran emolumen jabatan tahun 2013.

Di bawah Maksud Bekalan B.43, Pejabat Daerah Batu Pahat diperuntukkan sebanyak RM146,000.00 bagi menampung emolumen jabatan bagi tahun 2013.

Di bawah Maksud Bekalan B.44, Pejabat Daerah Pontian diperuntukkan sebanyak RM136,000.00. Sebanyak RM51,000.00 diperlukan bagi menampung pembayaran emolumen tahun 2013. Manakala RM85,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran perkhidmatan dan bekalan jabatan.

Di bawah Maksud Bekalan B.45, Pejabat Daerah Segamat diperuntukkan sebanyak RM30,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran bantuan khas kewangan tahun 2013.

Di bawah Maksud Bekalan B.46, Pejabat Daerah Kluang diperuntukkan sebanyak RM257,000.00. Sebanyak RM161,000.00 diperlukan bagi menampung pembayaran emolumen bagi tahun 2013. Manakala selebihnya sebanyak RM96,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran perkhidmatan dan bekalan jabatan.

Di bawah Maksud Bekalan B.47, Pejabat Daerah Kota Tinggi, diperuntukkan sebanyak RM137,000.00. Sebanyak RM132,000.00 diperlukan bagi menampung pembayaran emolumen bagi tahun 2013. Manakala selebihnya sebanyak RM5,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran di bawah pembiayaan dan kenaan bayaran tetap jabatan bagi tahun 2013.

Di bawah Maksud Bekalan B.48, Pejabat Daerah Mersing, diperuntukkan sebanyak RM401,000.00. Sebanyak RM37,000.00 diperlukan bagi menampung pembayaran emolumen tahun 2013. Manakala selebihnya sebanyak RM364,000.00 diperlukan untuk menampung bayaran perkhidmatan dan bekalan jabatan.

Di bawah Maksud Bekalan B.49, Pejabat Daerah Kulaijaya diperuntukkan sebanyak RM109,000.00 bagi menampung pembayaran emolumen jabatan bagi tahun 2013 dan di bawah Maksud Bekalan B.50, Pejabat Daerah Ledang diperuntukkan sebanyak RM165,000.00 bagi menampung pembayaran emolumen jabatan bagi tahun 2013.

Y.B. Datuk Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM1,015,000.00 bagi Maksud B.51, Pejabat Tanah dan Galian, Johor; RM119,000.00 bagi Maksud B.52, Pejabat Tanah Johor Bahru; RM22,000.00 bagi Maksud B.55, Pejabat Tanah Pontian; RM409,000.00 bagi Maksud B.56, Pejabat Tanah Segamat; RM225,000.00 bagi Maksud B.57, Pejabat Tanah Kluang; RM394,000.00 bagi Maksud B.58, Pejabat Tanah Kota Tinggi; RM163,000.00 bagi Maksud B.59, Pejabat Tanah Mersing; RM55,000.00 bagi Maksud B.60, Pejabat Tanah Kulaijaya dan RM529,000.00 bagi Maksud B.61, Pejabat Tanah Ledang jadi sebahagian daripada jadual rang undang-undang ini.

Y.A.B. Menteri Besar : Yang Berhormat Datuk Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.51, Pejabat Tanah dan Galian Negeri, Johor diperuntukkan sebanyak RM1,015,000.00. Sebanyak RM977,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran emolumen jabatan bagi tahun 2013. Manakala selebihnya sebanyak RM38,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran gantian cuti rehat kepada anggota-anggota jabatan yang akan bersara pada tahun 2013.

Di bawah Maksud Bekalan B.52, Pejabat Tanah Johor Bahru, diperuntukkan sebanyak RM119,000.00. Sebanyak RM99,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran emolumen jabatan bagi tahun 2013. Manakala RM20,000.00 lagi diperlukan bagi menampung bayaran penyelenggaran dan pembaikan yang dibeli oleh jabatan.

Di bawah Maksud Bekalan B.55, Pejabat Tanah Pontian diperuntukkan sebanyak RM22,000.00 bagi menampung pembayaran emolumen bagi tahun 2013. Di bawah Maksud Bekalan B.56, Pejabat Tanah Segamat diperuntukkan sebanyak RM409,000.00. Sebanyak RM296,000.00 diperlukan bagi menampung pembayaran emolumen bagi tahun 2013. Sebanyak RM102,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran di bawah perkhidmatan dan bekalan. Manakala selebihnya sebanyak RM11,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran di bawah pembiayaan dan kenaan bayaran tetap jabatan.

Di bawah Maksud Bekalan B.57, Pejabat Tanah Kluang diperuntukkan sebanyak RM225,000.00. Sebanyak RM127,000.00 diperlukan bagi menampung pembayaran emolumen bagi tahun 2013 dan RM98,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran di bawah perkhidmatan dan bekalan jabatan.

Di bawah Maksud Bekalan B.58, Pejabat Tanah Kota Tinggi diperuntukkan sebanyak RM394,000.00. Sebanyak RM106,000.00 diperlukan bagi menampung pembayaran emolumen bagi tahun 2013 dan RM288,000.00 lagi diperlukan bagi menampung bayaran di bawah perkhidmatan dan bekalan jabatan.

Di bawah Maksud Bekalan B.59, Pejabat Tanah Mersing diperuntukkan sebanyak RM163,000.00. Sebanyak RM135,000.00 diperlukan bagi menampung pembayaran emolumen bagi tahun 2013 dan RM28,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran di bawah perkhidmatan dan bekalan jabatan.

Di bawah Maksud Bekalan B.60, Pejabat Tanah Kulaijaya, Johor diperuntukkan sebanyak RM55,000.00, sebanyak RM30,000.00 diperlukan bagi menampung pembayaran emolumen bagi tahun 2013 dan RM25,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran di bawah perkhidmatan dan bekalan jabatan.

Di bawah maksud Bekalan B.61, Pejabat Tanah Ledang diperuntukkan sebanyak RM529,000.00, sebanyak RM275,000.00 diperlukan bagi menampung pembayaran emolumen bagi tahun 2013 dan RM254,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran di bawah perkhidmatan dan bekalan jabatan.

Y.B. Datuk Speaker : Perkara itu dikemukan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan. Jadual jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

FASAL 2.

Y.B. Datuk Speaker : Perkara daripada jawatankuasa ni ialah supaya Fasal 2 jadi sebahagian daripda rang undang-undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju dijemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal 2 ini jadi sebahagian daripada rang undang2 ini.

FASAL YANG PERTAMA.

Y.B. Datuk Speaker : Perkara daripada jawatankuasa ini ialah supaya Fasal Yang Pertama menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju dijemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal Yang Pertama jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Dewan Negeri Bersidang Semula.

Y.A.B. Menteri Besar : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-Undang ini telah pun ditimbangkan dalam Jawatankuasa satu persatunya dan dipersetujukan tanpa pindaan, maka saya membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Datuk Speaker : Rundingan daripada Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (2013) (No. 2) Tahun 2013 dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rang Undang-Undang ini dibaca kali ketiga dan diluluskan.

Jurutulis : Bahawa dengan ini, adalah diperbuat undang-undang oleh Dewan Negeri Johor seperti berikut :-

Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (2013) (No.2) Tahun 2013.

PERANGGARAN TAMBAHAN PEMBANGUNAN KEDUA TAHUN 2013.

Y.A.B. Menteri Besar : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Dewan ini serta merta berpindah menjadi Jawatankuasa bagi keseluruh Dewan Negeri untuk menimbangkan Peranggaran Tambahan Pembangunan Kedua Tahun 2013 yang telah dibentangkan sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 9 Tahun 2013 dan memperakukan sama ada peranggaran itu patut diluluskan oleh Dewan ini dengan dipinda atau tidak dipinda.

Yang Berhormat Datuk Speaker, tambahan peruntukan pembangunan ini merupakan tambahan yang kedua bagi tahun 2013. Tambahan peruntukan pembangunan yang diperlukan adalah sebanyak RM28, 090,000.00 di bawah dua Jawatankuasa seperti berikut: Pertama, Jawatankuasa Agama Negeri Johor sebanyak RM 5,078,000.00. Kedua, Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah Negeri Johor sebanyak RM23,012,000.00. Penjelasan lanjut bagi tambahan-tambahan tersebut akan diberi di peringkat Jawatankuasa berkenaan.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kertas Mesyuarat Bilangan 9 Tahun 2013, adalah dipinda di bawah Peraturan Tetap Bilangan 39, dalam Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap bagi Dewan Negeri Johor pada tambahan peruntukan pertama tahun 2013, iaitu dari RM5,230,000.00 kepada RM18,230,000.00. Peruntukan ini sebenarnya telah pun dibentangkan dan diluluskan di Dewan Persidangan Negeri pada 15 Ogos 2013.

Dengan demikian, jumlah keseluruhan bagi peruntukan pembangunan tahun 2013 adalah sebanyak RM343,635,130.00. Jumlah ini merangkumi tambahan peruntukan pertama. Pembangunan pertama berjumlah RM18,230,000.00. Tambahan peruntukan pembangunan kedua, berjumlah RM28,090,000.00 dan Peranggaran Pembangunan Tahun 2013 yang telah dibentangkan di Persidangan Dewan Negeri pada 7 Disember 2012 berjumlah RM297,315,130.00.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi :Yang berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Datuk Speaker : Rundingan itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan yang tidak bersetuju, rundingan itu dipersetujukan.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM5,078,000.00 bagi Maksud P.58 Jabatan Agama Negeri Johor dipersetujukan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Bagi Maksud Pembangunan P.58, Jabatan Agama Negeri Johor memerlukan peruntukan tambahan sebanyak RM5,078,000.00 bagi menampung pembayaran berjadual sehingga 31 Disember 2013 bagi menyiapkan 121 unit bangunan sekolah agama di seluruh Negeri Johor.

Y.B. Datuk Speaker : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju dijemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan. Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang

berjumlah RM23,012,000.00 bagi Maksud P.60, Jabatan Kerja Raya Negeri Johor dipersetujukan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Yang Berhormat Datuk Pengerusi, bagi Maksud Pembangunan P.60, Jabatan Kerja Raya Negeri Johor memerlukan peruntukan tambahan sebanyak RM23,012,000.00 di mana sebanyak RM7,000,000.00 diperlukan bagi menampung membaik pulih kuarters-kuarters Kerajaan, menaik taraf Stadium Tan Sri Dato' Hj Hasan Yunus, Larkin, menaik taraf pejabat-pejabat Kerajaan dan melaksanakan kerja-kerja kecil yang lain. Sebanyak RM1,012,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran kerja-kerja di Istana Besar Johor manakala selebihnya sebanyak RM15,000,000.00 diperlukan bagi menampung pembayaran unjuran projek pembinaan dan menaik taraf istana-istana di seluruh Negeri Johor.

Y.B. Datuk Speaker : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju dijemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Y.A.B. Menteri Besar : Yang Berhormat Datuk Pengerusi, oleh sebab maksud-maksud peranggaran yang dinyatakan dalam Kertas Mesyuarat Bilangan 9 Tahun 2013 itu telah pun selesai ditimbangkan maka saya membawa rundingan supaya ketetapan-ketetapan Jawatankuasa itu dimaklumkan serta-merta kepada Dewan Negeri.

Y.B. Datuk Speaker : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Dewan Negeri bersidang semula.

Y.A.B. Menteri Besar : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa Jawatankuasa Dewan ini telah pun menimbal dan meluluskan tanpa pindaan maksud-maksud peranggaran yang dinyatakan dalam Kertas Mesyuarat Bilangan 9 Tahun 2013. Dari itu saya membawa rundingan supaya Dewan ini bersetuju dengan ketetapan-ketetapan Jawatankuasa itu iaitu peruntukan wang berjumlah RM28,090,000.00 yang dicadangkan bagi Peranggaran Tambahan Pembangunan Kedua tahun 2013 itu diluluskan oleh Dewan Negeri ini. Dan dengan ini mengambil ketetapan bahawa satu jumlah wang yang tidak melebihi RM28,090,000.00 hendaklah dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan Dalam Tahun Kewangan 2013 bagi menyempurnakan maksud yang dikatakan dalam Kertas Mesyuarat yang tersebut.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Datuk Speaker : Rundingan itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, rundingan itu dipersetujukan.

RANG UNDANG-UNDANG PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI JOHOR) 2003.

Y.A.B. Menteri Besar : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003 yang telah dimasukkan dalam susunan perkara mesyuarat ditarik balik.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Datuk Speaker : Rundingan itu dikemukakan sekarang. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, rundingan itu dipersetujukan.

RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBADANAN ISLAM JOHOR (PINDAAN) 2013.

Y.A.B. Menteri Besar : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang Enakmen Perbadanan Islam Johor (Pindaan) 2013 dibaca kali yang pertama.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Datuk Speaker : Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang pertama.

Jurutulis : Suatu Enakmen Untuk Meminda Enakmen Perbadanan Islam Johor 1976.

Y.A.B. Menteri Besar : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya memohon membawa rundingan supaya Peraturan Tetap 58 ditangguhkan sementara agar rundingan untuk bacaan kali kedua bagi Rang Undang-Undang ini pada peringkat-peringkat yang lain dapat diselesaikan pada hari ini juga.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Datuk Speaker : Rundingan itu dikemukakan bagi mendapat keputusan, Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Peraturan Tetap 58 ditangguhkan sementara.

Y.A.B. Menteri Besar : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang. Enakmen Perbadanan Islam Johor 1976 lepas ini dirujuk sebagai "Enakmen Ibu", sebelum tahun 2004 adalah disebut sebagai Enakmen Perbadanan Kemajuan Ekonomi Islam Negeri Johor 1976. Enakmen tersebut telah digubal selaras dengan penubuhan perbadanan pada ketika itu yang berfungsi bagi memaju, menggalak, memudah dan menyelenggarakan kemajuan tanah di dalam Negeri Johor.

Walau bagaimanapun, melalui Enakmen Bilangan 3 Tahun 2004, Enakmen Perbadanan Kemajuan Ekonomi Islam Negeri Johor 1976, telah dipinda kepada Enakmen Perbadanan Islam Johor 1976. Ini adalah selaras dengan perubahan nama perbadanan iaitu daripada Perbadanan Kemajuan Ekonomi Islam Johor kepada Perbadanan Islam Johor yang tertumpu kepada aktiviti sosio-ekonomi, pengkorporatan dan aktiviti komersil. Peruntukan-peruntukan dalam Enakmen ini adalah merupakan

panduan asas dalam pengurusan pentadbiran bagi Perbadanan Islam Johor. Justeru itu, undang-undang yang diperuntukan dalam Enakmen perlu sejajar dengan keperluan semasa perbadanan supaya perjalanan pentadbiran, Perbadanan Islam Johor dapat berjalan dengan lancar.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Enakmen Perbadanan Islam Johor 1976 telah pun melalui beberapa siri pindaan daripada Enakmen Bilangan 1 Tahun 1990, Enakmen Bilangan 11 Tahun 1993, Enakmen Bilangan 1 Tahun 1997, dan Enakmen Bilangan 3 Tahun 2004 yang telah meminda peruntukan-peruntukan antaranya berkenaan keanggotaan perbadanan, penubuhan kumpulan wang, kuasa bagi meminjam tafsiran-tafsiran mesyuarat perbadanan dan lain-lain. Walau bagaimanapun setelah semakan dan penelitian dibuat, didapati terdapat beberapa peruntukan Enakmen Perbadanan Islam Johor 1976 yang perlu dipinda.

Dengan ini dibentangkan Rang Undang-Undang, Enakmen Perbadanan Islam Johor Pindaan 2013. Pada dasarnya, Rang Undang-Undang ini mengandungi 19 Fasal yang meminda 30 Peruntukan dalam Enakmen Perbadanan Islam Johor 1976. Fasal 1, Rang Undang-Undang mengandungi tajuk ringkas dan permulaan kuatkuasa Enakmen. Fasal 2, 5, 9 dan 10 rang undang-Undang bertujuan untuk meminda Seksyen 2 nota baru, Seksyen 13, Subsekyen 13(1) dan Seksyen 16 dalam konteks tafsiran dan penggunaan perkataan 'pegawai kerja' dengan menggantikannya kepada perkataan 'pegawai' dan 'perkhidmat perbadanan'. Perkataan ini adalah selaras penggunaanya dalam Enakmen Perbadanan Johor. Enakmen Yayasan Pelajaran Johor dan Enakmen Bioteknologi Dan Biodiversiti Negeri Johor.

Fasal 4 Rang Undang-Undang bertujuan untuk meminda Subsekyen 6(1) dan 6(2) bagi menetapkan mesyuarat hendaklah diadakan sekurang-kurangnya dua kali setahun. Pindaan ini juga menetapkan sekiranya Pengerusi tidak hadir maka Timbalan Pengerusi atau mana-mana anggota yang dipilih oleh anggota yang hadir hendaklah mempengerusikan mesyuarat. Pindaan ini adalah wajar bagi melancarkan perjalanan mesyuarat bagi mendapatkan keputusan-keputusan yang penting.

Fasal 12 Rang Undang-Undang adalah bertujuan untuk meminda Subseksyen 28(2) bagi memasukkan kandungan Kumpulan Wang Perbadanan yang baru di perenggan (j) dalam Rang Undang-Undang. Pindaan ini menjadikan kumpulan wang bagi Perbadanan juga adalah termasuk semua derma dan sumbangan yang diterima dari luar Malaysia.

Fasal 13 Rang Undang-Undang bertujuan untuk meminda seksyen 30 untuk menggantikan perkataan "bunga wang" dalam perenggan (d dengan perkataan "caj perkhidmatan" selaras dengan konsep Islam. Pindaan lain dalam peruntukan ini adalah dengan memasukkan perenggan baru (j) yang menetapkan Kumpulan Wang Perbadanan hendaklah juga dibelanjakan bagi maksud pemberian pinjaman kepada pegawai dan perkhidmat Perbadanan bagi memelihara kebajikan mereka. Ini adalah selaras dengan keistimewaan-keistimewaan yang diberi kepada penjawat-penjawat awam.

Fasal 16 Rang Undang-Undang bertujuan untuk meminda Subseksyen 34(3) bagi memperuntukkan sekiranya Perbadanan digulung dan digubalkan maka hak dan keistimewaan pegawai dan perkhidmat Perbadanan adalah disifatkan ditamatkan

dengan sah. Yang Berhormat Datuk Speaker, cadangan pindaan kepada Enakmen Perbadanan Islam Johor 1976 ini akan memantapkan perjalanan pentadbiran Perbadanan Islam Negeri Johor disamping dapat mengukuhkan enakmen ini sejajar dengan keperluan semasa dan membolehkan Perbadanan berfungsi dengan kemas, teratur dan selaras dengan penambahbaikkan yang telah dibuat serta selaras dengan peruntukan undang-Undang dalam Enakmen. Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon mencadangkan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Datuk Speaker : Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Rang undang-undang dibaca kali yang kedua.

Jurutulis : RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBADANAN ISLAM JOHOR (PINDAAN) 2013.

Dewan Bersidang Sebagai Jawatankuasa.

Jurutulis : FASAL 1.

Y.B. Datuk Speaker : Perkara di hadapan jawatankuasa ialah supaya Fasal 1 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal 1 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : FASAL 2.

Y.B. Datuk Speaker : Perkara di hadapan jawatankuasa ini supaya Fasal 2 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : FASAL 3.

Y.B. Datuk Speaker : Perkara di hadapan jawatankuasa ialah supaya Fasal 3 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Fasal 3 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : FASAL 4.

Y.B. Datuk Speaker : Perkara di hadapan jawatankuasa ialah supaya Fasal 4 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Fasal 4 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : FASAL 5.

Y.B. Datuk Speaker : Perkara di hadapan jawatankuasa ialah supaya Fasal 5 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal 5 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : FASAL 6.

Y.B. Datuk Speaker : Perkara di hadapan jawatankuasa ialah supaya Fasal 6 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal 6 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : FASAL 7.

Y.B. Datuk Speaker : Perkara di hadapan jawatankuasa ialah supaya Fasal 7 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal 7 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : FASAL 8.

Y.B. Datuk Speaker : Perkara di hadapan jawatankuasa ialah supaya Fasal 8 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal 8 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : FASAL 9.

Y.B. Datuk Speaker : Perkara di hadapan jawatankuasa ialah supaya Fasal 9 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal 9 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : FASAL 10.

Y.B. Datuk Speaker : Perkara di hadapan jawatankuasa ialah supaya Fasal 10 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal 10 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : FASAL 11.

Y.B. Datuk Speaker : Perkara di hadapan jawatankuasa ialah supaya Fasal 11 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal 11 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : FASAL 12.

Y.B. Datuk Speaker : Perkara di hadapan jawatankuasa ialah supaya Fasal 12 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal 12 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : FASAL 13.

Y.B. Datuk Speaker : Perkara di hadapan jawatankuasa ialah supaya Fasal 13 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal 13 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : FASAL 14.

Y.B. Datuk Speaker : Perkara di hadapan jawatankuasa ialah supaya Fasal 14 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal 14 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : FASAL 15.

Y.B. Datuk Speaker : Perkara di hadapan jawatankuasa ialah supaya Fasal 15 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal 15 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : FASAL 16.

Y.B. Datuk Speaker : Perkara di hadapan jawatankuasa ialah supaya Fasal 16 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal 16 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : FASAL 17.

Y.B. Datuk Speaker : Perkara di hadapan jawatankuasa ialah supaya Fasal 17 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal 17 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : FASAL 18.

Y.B. Datuk Speaker : Perkara di hadapan jawatankuasa ialah supaya Fasal 18 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal 18 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : FASAL 19.

Y.B. Datuk Speaker : Perkara di hadapan Jawatankuasa ialah supaya Fasal 19 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal 19 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Dewan Negeri bersidang semula.

Y.A.B. Menteri Besar : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya memohon memaklumkan bahawa Rang Undang-Undang ini telah pun ditimbangkan dalam jawatankuasa satu-persatunya dan dipersetujukan tanpa pindaan. Dari itu saya membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Datuk Speaker : Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang Enakmen Perbadanan Islam Johor (Pindaan) 2013 dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, Ahli-Ahli yang tidak bersetuju, Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Jurutulis : Bahawa dengan ini, adalah diperbuat Undang-Undang oleh Dewan Negeri Johor adalah seperti berikut :

Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbadanan Islam Johor (Pindaan) 2013 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri melalui pemberitahuan dalam Warta.

RUNDINGAN JAWATANKUASA HAK DAN KEBEBASAN.

Y.B. Datuk Haji Maulizan bin Bujang (Tiram) : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya kertas Mesyuarat Bil. 25 Tahun 2013 yang dikemukakan di atas meja mesyuarat hendaklah diterima dan dipersetujukan sekarang.

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor (Penawar) : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Datuk Haji Maulizan bin Bujang (Tiram) :Yang Berhormat Datuk Speaker, rundingan ini adalah lanjutan daripada rundingan yang dibawa oleh Yang Berhormat Pasir Raja pada 22 Ogos 2013. Yang merujuk Yang Berhormat Mengkibol pada Jawatankuasa Hak Dan Kebebasan atas sebab beliau membawa orang luar ke dalam Dewan Negeri tanpa kebenaran di bawah Peraturan Tetap Bilangan 11 Dan 12 dan orang luar tersebut didapati melakukan urusan yang mencurigakan di tempat duduk Ahli yang berkenaan. Penyata yang dibentangkan oleh Jawatankuasa Hak Dan Kebebasan dengan sendirinya memperjelaskan asas-asas pertimbangan serta syor Jawatankuasa yang dikemukakan untuk diterima oleh Dewan Negeri.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Jawatankuasa secara majoriti kecuali Yang Berhormat Bukit Batu bersetuju bahawa aduan yang dibuat melalui rundingan dibawah Peraturan Tetap Bilangan 32(viii) Yang Berhormat Pasir Raja mempunyai asas berlakunya pelanggaran Peraturan Tetap Bilangan 11 Dan 12 Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Yang Berhormat Mengkibol seperti berikut:

Pertama, adanya keterangan bahawa Yang Berhormat Mengkibol masuk bersama orang luar, keduanya adanya keterangan bahawa Yang Berhormat Mengkibol membenarkan orang luar ataupun *stanger* dengan izin duduk ditempat duduknya. Ketiga, Yang Berhormat Mengkibol menyedari adanya Peraturan Tetap Bilangan 11 Dan 12 mengenai orang luar.

Jawatankuasa melihat secara keseluruhannya keterangan Yang Berhormat Mengkibol adalah jelas memahami Peruntukan Peraturan Tetap bilangan 11 dan Peraturan-Peratuan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri Johor yang menyatakan bahawa Jurutulis Dewan Negeri dibenarkan mengeluarkan kebenaran masuk kepada sebarang orang yang telah diakukan oleh sebarang Ahli Dewan Negeri. Jawatankuasa juga secara majoriti kecuali Yang Berhormat Bukit Batu bersetuju bahawa kelakuan Yang Berhormat Mengkibol merupakan pelanggaran pertama yang dilakukan oleh beliau terhadap Peraturan-Peratuan Dewan di samping maklum bahawa beliau merupakan Ahli Dewan Negeri yang baru berkhidmat bagi penggal yang pertama.

Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa mengesyorkan supaya Yang Berhormat Mengkibol dikenakan tindakan amaran yang keras supaya perkara ini tidak berulang dan tidak dilakukan oleh Ahli-Ahli Dewan yang lain (Dewan bertepuk). Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon mencadangkan.

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor (Penawar) : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Datuk Speaker : Rundingan itu dikemukakan sekarang. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, rundingan dipersetujukan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya memohon membawa rundingan supaya Dewan ini ditangguhkan.

Y.B. Pengerusi pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Datuk Speaker : Ahli-Ahli Yang berhormat, di akhir Persidangan kita untuk penggal ini saya ucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat kerana dapat memberikan kerjasama yang erat kepada saya sehingga membolehkan Persidangan kita berjalan dengan lancar dan baik. Terima kasih sebanyak-banyaknya terutama kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar di atas kepimpinan beliau Dewan Negeri ini dapat kita jalankan dengan sempurna.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ini saya tangguhkan sehingga ke satu tarikh yang akan ditetapkan kemudian. Sebelum bersurai, saya jemput semua hadirin menikmati jamuan makan tengah hari di Dewan Jamuan. Persidangan ditangguhkan.

Persidangan ditangguhkan pada jam 12:45 tengah hari.

PEGAWAI-PEGAWAI BERTUGAS:

Jurutulis
Cik Shubanah binti Yusuf

Penolong Jurutulis
Encik Abdul Azim bin Shamsuddin

Koordinator
Puan Asiah binti Moklis

Setiausaha Pejabat
Puan Norliza binti Md. Aris

Pembantu Penerbitan
Puan Malina binti Mohd. Nasir
Puan Noraisah binti Mohd. Yusof
Encik Ariff bin Abu Bakar

Pembantu Am Pejabat
Encik Razine bin Sulaiman
Encik Hamdan bin Markom
Encik Mohd. Hassan bin Jamian
Encik Norhayadi bin Hussien
Encik Muhamad Khirunizam bin Pahmi
Encik Mohd. Norazri bin Kasim
Encik Mohd. Sapri bin Manan

Setiausaha Pejabat

Puan Insan binti Abdul Wahab
Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor
(Bahagian Pengurusan)

Puan Saniah Kassim
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Johor

Puan Azlin binti Bahrin
Pejabat Pengarah Kerja Raya Negeri Johor

Puan Junaidah binti Paing
Pejabat Pengarah Perancang Bandar dan
Desa Negeri Johor

Puan Rumiah binti Semirono
Pejabat Perbendaharaan Negeri Johor

Puan Zahiti binti Muhamad Hamdi
Pejabat Ketua Penolong Setiausaha

SUK (Bahagian Kerajaan Tempatan)

Puan Siti Rojimah binti Abd. Razak
Pejabat Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran

Puan Zalinah binti Ali
Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor

Suriati binti Abdul Hajar
Pejabat Ketua Penolong Setiausaha
Pejabat SUK (Bahagian Perumahan)

Puan Zakiah binti Abd. Wahab
Pejabat Pengarah Majlis Sukan Negeri Johor

Puan Nur Adeliah binti Abidi
Pejabat Pengarah BAKAJ Negeri Johor

Cik Norhafizah binti Osman
Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Johor

Puan Nuraini binti Mohd. Alip
Pejabat Pengarah Taman Negara Negeri Johor

Cik Syarifah Nur Asyikin bin Syed Omar
Pejabat Pengarah ICT Negeri Johor

Puan Sarimah binti Said
Pejabat Tanah dan Galian Negeri Johor

Puan Aida binti Idris
Pejabat Jabatan Agama Johor
(Timbalan Pengarah Operasi)

Puan Fareza binti Musa
Pejabat Tanah dan Galian Negeri Johor

Puan Hajah Rahimah binti Akbar
Pejabat Speaker Dewan Negeri Johor

Puan Fakhrinnazia binti Fuad
Pejabat Jurutulis Dewan Negeri Johor

Puan Raihanah binti Ismail
Pejabat Setiausaha Kepada Jawatankuasa-Jawatankuasa

Puan Suzana binti Abd. Wahab
Pejabat Setiausaha Kepada Jawatankuasa-Jawatankuasa

Puan Wahidah bin Elias
Pejabat Setiausaha Kepada Jawatankuasa-Jawatankuasa

Rakaman

Encik Nor Risam bin Esa
Jabatan Penerangan Negeri Johor

Mohd. Suhazli bin Mohd. Nordin
Jabatan Penerangan Negeri Johor

UNIT DEWAN
PEJABAT JURUTULIS
DEWAN NEGERI JOHOR

18 DISEMBER 2013